PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
18, 21, 22, 23 DAN 24 APRIL 2025



UNIT DEWAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI PERTAMA
18 APRIL 2025 (JUMAAT)

KANDUNGAN

HARI PERTAMA: 18 APRIL 2025 (JUMAAT)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-3 DEWAN NEGERI PAHANG KE-15	1
4	TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG	3 - 12

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 18 APRIL 2025 (JUMAAT)

MASA : 9.30 PAGI

HADIR:

YB Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP. **Speaker Dewan Negeri Pahang.**		
YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP. **1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan** **2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang**	-	Jelai
YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang**	-	Benta
YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang**	-	Kerdau
YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang**	-	Bebar
YB Dato' Ir. Razali bin Kassim, DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang**	-	Muadzam Shah
YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. **Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang**	-	Peramu Jaya
YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang**	-	Guai

YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang**	-	Dong
YB Tuan Sim Chon Siang **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang**	-	Teruntum
YB Puan Leong Yu Man **Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang**	-	Triang
YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang**	-	Pelangai
YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	Tioman
YB Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	Padang Tengku
YB Tuan Mohd Sharim bin Haji Md Zain	-	Chini
YB Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu

YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato' Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato' Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato' Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Haji Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan
YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan
YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar, SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.
Tuan Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, ACM.

YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang
Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh, DSAP., DIMP., SMP., AAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Yahaya - Panching

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Pahang.

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Jumaat, 18 April 2025
bersamaan 27 Syawal 1446 Hijrah

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Marilah kita sama-sama membaca ummul kitab bagi memulakan mesyuarat Dewan kita, Al-Fatihah.

Bismillahirrahmanirrahim [bacaan dalam Bahasa Arab] Segala puji bagi Allah. Dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah Yang Maha Mengasihi, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian, Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa aman damai, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyat sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun, dipohon anugerahkan taufik-Mu, dipohonkan menyuluh, memandukan ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah. Dipohon doa kami diperkenan, Amin Ya Rabbal A'lamin.

MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Mengesahkan Peringatan Mesyuarat.

Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 29 November, 02, 03, 04, 05 dan 06 Disember 2024 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,
Saya mohon izin membawa cadangan bahawa Peringatan Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 29 November, 02, 03, 04, 05 dan 06 Disember 2024 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan disahkan.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. Yang Hormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon izin untuk menyokong cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Soalannya ialah, "Satu cadangan bagi mengesahkan Peringatan Mesyuarat kali Ke-3 Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 29 November, 02, 03, 04, 05 dan 06 Disember 2024 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan", telah pun mendapat sokongan. Sekiranya tiada apa-apa pindaan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila nyatakan "ya".

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Peringatan mesyuarat tersebut disahkan dengan tiada pindaan.

SETIAUSAHA DEWAN

Peringatan mesyuarat disahkan dengan tiada pindaan dan dibawa untuk pengesahan Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian menurut Perkara 29 Bab IV… Bab 10 bahagian... Bahagian Kedua Undang-undang Tubuh Negeri Pahang di bawah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang telah berkenan berangkat bagi menyempurnakan Titah Diraja. Oleh yang demikian, saya mohon izin untuk mengadap merafak sembah mempersilakan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang bagi berangkat masuk bersemayam di Dewan ini. Dengan ini, saya menangguhkan Dewan ini sebentar.

SETIAUSAHA DEWAN

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun. Patik mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat.

Perkara ketiga: Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

TITAH DIRAJA
KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG

Bismillahirrahmannirahim. Alhamdulillah [Bacaan ayat dalam Bahasa Arab]

KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG

[Ayat Al-Quran] Assalamualaikum WBT. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Haji Wan Ismail, Menteri Besar Pahang, Yang Amat Mulia Kerabat-kerabat Bergelar, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin, Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, Yang Hormat Dato' Sri-Dato' Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan yang Beta hormati sekalian.

Segala pujian ke hadrat Allah SWT yang memelihara dan mentadbir semesta alam. Beta bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan inayahnya dapat Beta berkesempatan melafazkan titah diraja bersempena Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang kali ke-15 pada pagi yang penuh keberkatan ini. Dikesempatan ini Beta menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada orang tua Beta Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta seluruh jentera kerajaan yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah dan dedikasi sehingga berjaya membawa negeri Beta ke tahap yang cemerlang dan berdaya saing.

Di sini Beta ingin juga menzahirkan ucapan tahniah kepada Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar yang telah dilantik sebagai Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang. Juga tahniah diucapkan kepada Tuan Mohd Saifuddin bin Hashim Musaimi dan Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh yang telah dilantik selaku Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri Pahang dan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang yang baru. Beta berharap kesemuanya dapat melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab bagi memastikan negeri Beta ini dapat diurus dengan sebaiknya.

Beta juga menzahirkan ucapan terima kasih kepada Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob, mantan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang dan Dato' Sri Saiful Edris bin Zainuddin, mantan Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Pahang yang telah banyak menyumbangkan jasa dan bakti untuk pembangunan negeri Beta.

Hadirin sekalian dengan penuh rasa hiba dan dukacita beta menzahirkan ucapan takziah atas pemergian seorang negarawan ulung dan juga bapa pembangunan modal insan iaitu, Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri. Seorang tokoh yang dikenang bukan hanya kerana jasanya kepada negara tetapi juga kerana kelembutan budi dan ketinggian pekertinya. Di bawah kepimpinan beliau juga lahirlah gagasan besar yang mencerminkan roh Islam dan nilai sejati iaitu Islam Hadhari.

Allahyarham juga dikenang atas jasa memacu pembangunan wilayah menerusi pelancaran Koridor Ekonomi Wilayah seperti ECER, NCER, SCORE dan Iskandar Malaysia yang membuka lembaran baru dalam pemerkasaan ekonomi luar bandar dan merapatkan jurang pembangunan antara negeri-negeri. Sesungguhnya pemergian Allahyarham adalah kehilangan besar buat negara. Namun, legasi beliau tetap hidup terpahat dalam sejarah, tersemat dalam sanubari rakyat dan terus menjadi obor kepada perjuangan membina Malaysia yang lebih inklusif, progresif dan

berteraskan nilai. Semoga roh Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi ditempatkan dalam kalangan para solihin dan dirahmati Allah SWT, Al-Fatihah.

Beta akan mula ucapan Beta dengan beberapa tajuk sepanjang ucapan ini. Pertama ialah berkaitan dengan prestasi ekonomi negeri. Ahli dewan yang bersidang, Alhamdulillah Negeri Pahang Darul Makmur terus melangkah gagah di pentas pembangunan, memperlihatkan prestasi ekonomi yang stabil dan meyakinkan. Beta bersyukur kerana bumi bertuah ini kekal berada di landasan yang kukuh menuju kemakmuran dan kesejahteraan rakyatnya. Dalam menunaikan amanah pemerintahan, beta amat berbesar hati memaklumkan bahawa hasil kutipan negeri bagi tahun yang lalu telah mencatatkan jumlah RM1.22 billion.

Pencapaian ini bukan sekadar angka, tetapi lambang kepada kegigihan, integriti dan keberkesanan tadbir urus kerajaan beta dalam mengurus khazanah negeri. Lebih membanggakan ini merupakan tahun ketiga berturut-turut sejak lagi tahun 2022 negeri Pahang mencatat kutipan melebihi RM1 bilion. Suatu satu pencapaian hatrik yang jarang-jarang berlaku dalam sejarah pentadbiran kewangan negeri. Ini adalah usaha… hasil usaha gigih seluruh jentera kerajaan yang sentiasa menjunjung amanah dengan penuh bertanggungjawab.

Beta percaya peningkatan hasil negeri ini tidak datang dengan mudah. Ia menuntut pengorbanan perancangan rapi serta kerjasama padu daripada semua pihak. Dan beta menyeru agar kejayaan ini menjadi pendorong untuk menggandakan lagi usaha bagi tahun 2025. Produktiviti mesti diperkasa. Daya saing perlu dipertingkat dan budaya kerja cemerlang hendaklah sentiasa menjadi amalan kita.

Di samping itu, beta ingin menzahirkan rasa sukacita terhadap pencapaian yang memberangsangkan dalam melaksanakan projek pembangunan Rolling… Rolling Plan Kelima di bawah RMK… RMK ke-12. Sebanyak 9… sebanyak 591 projek pembangunan telah dilaksanakan dengan pembangunan mencecah RM381 juta iaitu 11.19% ataupun peratus daripada peruntukan tahun semasa mengatasi purata nasional sebanyak 9.47%. Prestasi ini mencerminkan kecekapan perancangan dan komitmen semua jabatan serta agensi pelaksana dalam menjayakan agenda pembangunan negeri.

Beta menzahirkan penghargaan atas kesungguhan mereka yang bekerja siang dan malam demi memastikan kemakmuran negeri tercinta ini. Tambahan pula, setakat 5 Mac 2025, kerajaan beta telah menerima sejumlah RM31.65 juta melalui pelbagai saluran peruntukan persekutuan bagi menyokong pembangunan infrastruktur serta penyelenggaraan kemudahan awam. Dana ini amat penting untuk memastikan pembangunan negeri terus lestari dan manfaat dirasai seluruh lapisan masyarakat. Beta turut melihat bahawa daya tarikan pelaburan negeri semakin meningkat hasil daripada pendekatan yang mesra pelabur dan berpandangan jauh dan sepanjang tahun lalu negeri ini berjaya memuktamadkan pelaburan komited sebanyak RM7.54 bilion melalui perjanjian-perjanjian strategik yang telah dimeterai.

Impak dari pelaburan ini amat besar bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tetapi juga membuka peluang pekerjaan, memperkasa produktiviti dan merangsang mobiliti sosial rakyat negeri ini. Malah beta percaya dengan kedudukan geografi negeri yang strategik dilengkapi pula dengan kemudahan Pelabuhan Kuantan dan jaringan laluan Rel Pantai Timur ataupun ECRL yang bakal beroperasi pada awal tahun 2027, negeri Pahang akan terus muncul sebagai antara destinasi pelaburan paling dinamik di rantau ini insya-Allah. [Ahli Dewan menepuk meja]

Maka Beta menyeru agar segala Dasar Pembangunan Negeri terus digerakkan dengan iltizam dan keikhlasan. Jangan sekali-kali leka dalam kejayaan kerana cabaran masa depan menuntut kita semua bersedia lebih awal dan bergerak lebih pantas.

Perkara kedua Menoktahkan Kemiskinan Tegar.

Ahli-ahli Dewan yang dikasihi sekalian,
Dalam masa yang sama, Beta menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa sukacita apabila kerajaan Beta berjaya melakar detik bersejarah dengan menoktahkan kemiskinan tegar di negeri ini pada 29 Mei 2024 [Ahli Dewan menepuk meja] yang telah membawa sinar baharu kepada 1,946 Ketua Isi Rumah (KIR) yang sebelum ini bergelut dalam kehidupan serba kekurangan. Usaha ini bukan sekadar menghulur bantuan sementara yang bersifat mengubati simptom tetapi merupakan ikhtiar menyeluruh untuk membangunkan potensi diri rakyat. Menawarkan peluang pekerjaan yang lebih baik dan merintis jalan menuju taraf hidup yang lebih berjaya. Sesungguhnya menoktahkan kemiskinan tegar bukanlah penghujung, tetapi permulaan kepada satu era baru yang mengangkat keadilan sosial dan kemakmuran bersama.

Justeru itu, Beta berharap agar usaha kerajaan tidak terhenti di sini teruskanlah langkah-langkah proaktif merintis inisiatif yang inovatif dan memastikan tiada seorang pun rakyat negeri Pahang yang tertinggal daripada arus pembangunan dan kesejahteraan. Negeri yang makmur, rakyat yang sejahtera. Itulah iltizam Beta dan itulah janji yang wajib kita semua tunaikan.

Speaker Dewan Negeri dan semua Ahli Dewan yang mulia.

Perkara ketiga iaitu Tanah Rizab Melayu.

Beta juga melahirkan rasa bangga dan syukur yang tidak terhingga apabila Tanah Rizab Melayu di negeri Beta telah menunjuk peningkatan yang membanggakan. [Ahli Dewan menepuk meja]

Daripada 2018, 326 hektar pada tahun 1955, err... ulang daripada tahun 1955 hanya ada 218,326 hektar sekarang mempunyai 444 dan 74 hektar pada masa kini [Ahli Dewan menepuk meja]. Jumlah ini merangkumi 12.34% daripada keseluruhan keluasan negeri Beta yang berukuran 5… berukuran 3.597 juta hektar. Berharap kita tambahkan lagi masa-masa akan datang [Ahli Dewan menepuk meja]. Pencapaian ini merupakan bukti nyata komitmen dan iltizam kerajaan Beta dalam memelihara warisan milik bangsa, satu pegangan yang bukan sahaja bernilai ekonomi tetapi juga mempunyai erti yang mendalam dari sudut jati diri dan maruah orang Melayu.

Sehubungan dengan itu, Beta tegas mengingatkan janganlah ada mana-mana pihak yang cuba mengeruhkan suasana atau menyemai fitnah dengan melontarkan dakwaan kononnya Tanah Rizab Melayu di negeri Beta semakin terhakis, semakin tergadai dan atau terlepas kepada tangan orang luar. Fakta dan data telah jelas menafikan tohmahan sedemikian. (Ahli Dewan menepuk meja). Malah, Beta berharap agar kerajaan Beta terus memperkukuhkan lagi kedudukan tanah, kedudukan tanah Rizab Melayu melalui penguatkuasaan undang-undang yang tegas, berprinsip dan berani dalam membenteras pencerobohan baik diatas tanah rizab mahupun tanah milik kerajaan Beta. [Ahli Dewan menepuk meja]. Ini adalah tanggungjawab yang tidak boleh dikompromikan.

Perkara keempat. Infrastruktur Jalan Raya.

Dalam masa yang sama, Beta juga ingin menyentuh perkara yang tidak kurang pentingnya iaitu infrastruktur jalan raya yang menjadi tunjang perhubungan dan urat nadi pertumbuhan ekonomi negeri. Beta mengharapkan agar kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Kerja Raya dapat memberi pertimbangan serius untuk menyiapkan segera Projek Naik Taraf Laluan FT012 Jalan Kuantan ke Segamat. Jalan ini bukan sekadar saluran perhubungan tetapi satu laluan nyawa yang digunakan oleh rakyat seharian. Penambahbaikan ini bukan hanya meningkatkan keselesaan malah meminimumkan risiko kemalangan yang meragut nyawa. Selain itu, Beta melahirkan kebimbangan apabila tiada kemudahan rehat dan rawat (RNR) yang mencukupi di laluan utama negeri Beta. Situasi ini telah mengundang keadaan yang tidak menyenangkan lebih-lebih lagi ketika musim perayaan di mana ada segelintir pengguna yang tanpa rasa tanggungjawab membuang sampah merata-rata lalu menggelapkan wajah negeri kita yang indah ini. Justeru, Beta menyeru agar kerajaan Persekutuan dapat menyediakan peruntukan yang sewajarnya untuk membina RNR di laluan-laluan strategik negeri Beta. (Ahli Dewan menepuk meja). Ini adalah untuk keselesaan pengguna dan imej negeri yang perlu kita pertahankan. Negeri yang maju memerlukan jalan yang terbina kukuh, sistem yang teratur dan fasiliti yang berpihak kepada rakyat dan itulah aspirasi Beta untuk negeri Pahang.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian. Perkara Kelima ialah Alam Sekitar.

Beta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas keprihatinan dan penyaluran peruntukan Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation iaitu EFT kepada negeri Beta melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Ini merupakan langkah bijaksana dalam menghargai nilai alam yang tidak ternilai. Satu anugerah Ilahi yang menjadi sumber kehidupan dan kesejahteraan generasi masa kini dan masa akan datang. Beta berharap agak... agar setiap sen peruntukkan ini dapat diagihkan secara cekap dan telus kepada jabatan dan agensi berkaitan bagi melaksanakan program pengurusan ekologi yang menyeluruh, melindungi, memulihara dan mewartakan kawasan-kawasan strategik yang menyumbang kepada perkhidmatan ekosistem termasuklah kawasan daratan, air tawar, pesisir pantai dan perairan marin.

Demi menjaga keselamatan rakyat Beta terutamanya di musim tengkujuh, Beta memohon agar Orang Tua Beta Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dapat memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek tebatan banjir yang telah diluluskan. Terdapat 15 projek berimpak tinggi dalam Rangka Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) dan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di seluruh negeri Beta. Antaranya di Sungai Kenau, Pekan… Pekan Sungai Lembing, Sungai Dong Raub dan Sungai Jelai Fasa 1 di daerah Lipis.

Beta menaruh harapan yang tinggi agar semua projek ini dilaksanakan dengan segera, berkualiti dan mengikut jadual yang ditetapkan. Janganlah kita terlambat bertindak hanya setelah musibah menimpa. Cegah sebelum parah. Itulah tanda kerajaan yang bijak dan berjiwa rakyat.

Ahli Yang Berhormat Sekalian, perkara 6 ialah Dakwah Islamiah.

Dalam era kemodenan yang pantas ini, Beta turut melahirkan kebimbangan terhadap penularan fahaman sesat, ajaran menyimpangi dan tafsiran agama yang keliru yang menular tanpa sempadan khususnya di media digital.

Sehubungan itu, Beta harap agar pihak pentadbiran kerajaan Beta mengambil langkah proaktif yang… mengambil langkah yang lebih proaktif dan berani dalam memberikan pendedahan dan kefahaman yang tepat kepada masyarakat tentang ancaman ini. Jangan sampai akidah ummah dipermainkan dan kesucian Islam dinodai oleh tangan yang tidak bertanggungjawab. Beta mengingatkan dalam menuntut ilmu agama, semak dan tapislah sumbernya.

Usah dibiarkan laman sosial menjadi medan tauliah sedangkan yang berkata-kata belum tentu seorang ahli ilmu dan Beta berharap pihak bertanggungjawab merangka program dakwah yang komprehensif dan inklusif melibatkan semua lapisan masyarakat daripada bandar ke pedalaman termasuk komuniti Orang Asli.

Dakwah yang berkesan adalah dakwah yang hidup, yang menyentuh hati dan yang relevan dengan keperluan semasa. Islam itu rahmat bagi sekalian alam. Maka janganlah rahmat itu ditutupi oleh kabus, penyelewengan dan fitnah.

Ketujuh Pengukuhan Sistem Syariah Islam. Beta beriltizam untuk melihat sistem perundangan syariah di negeri Beta terus diperkasa dengan melangkah seiring arus kemajuan teknologi. Maka Beta beranggapan sudah tiba masanya Mahkamah Syariah Pahang diperlengkapkan dengan kecanggihan sistem Artificial Intelligence (AI) seperti Court Recording Transcription (CRT) sepertimana yang telah dilaksanakan di mahkamah sivil dan Mahkamah Syariah di wilayah Sarawak.

Sistem ini membolehkan setiap ucapan dan visual didalam prosiding direkod dan ditranskrip secara elektronik sekaligus memberi lebih ruang kepada para hakim untuk menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap isi kandungan perbicaraan tanpa perlu terikat dengan catatan manual yang membebankan. Beta menyeru agar kerajaan beta menyediakan peruntukan yang sewajarnya bagi merealisasikan penggunaan sistem ini di negeri Beta agar Mahkamah Syariah. Kita bukan sahaja cekap dan berkualiti tetapi juga menggambarkan Islam sebagai agama yang progresif dan berdaya saing dalam usaha memperkasa prasarana Mahkamah Syariah, kerajaan Beta telah meluluskan peruntukan sebanyak RM20 juta dalam rangka Rancangan Malaysia Ke 12 bagi pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah di Temerloh yang meliputi Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah Syariah. Pembinaannya dijangka dimulakan pada Mei 2025 dan dijangka siap dalam tempoh dua tahun. Manakala bagi Mahkamah Syariah Bentong, Beta menaruh harapan agar pembinaannya dapat dimasukkan dalam peruntukan Rancangan Malaysia Ke-13 dan disegerakan pelaksanaannya. Mahkamah yang berwibawa dan berprasarana moden adalah lambang keadilan yang teguh dan Islam yang gemilang.

Yang Dipertua Speaker Dewan Negeri dan ahli Ahli Yang Berhormat Sekalian.

Perkara kelapan ialah Inisiatif Rakyat dan Negeri Yang Prihatin Berkenaan Kebajikan Rakyat Jelata.

Beta ingin merakamkan penghargaan kepada kerajaan Beta yang terus menjunjung aspirasi untuk menjaga kebajikan rakyat dengan menampilkan pendekatan yang berimpak tinggi dan holistik.

Seperti mana tahun tahun sebelum ini, Program Bantuan Prihatin Pahang telah dijenamakan semula sebagai Inisiatif Makmur Pahang (I.M Pahang). Suatu payung kebersamaan yang memayungi segala lapisan masyarakat daripada bayi yang baru melihat dunia hinggalah warga emas yang meniti usia senja. Sejumlah RM50.54 juta telah diperuntukkan pada tahun ini untuk menggerakkan agenda inisiatif ini. Inilah

watak kerajaan yang mendengar degup nafas rakyatnya dan bertindak dengan kasih sayang dan tanggungjawab.

Dalam hal perumahan, Beta berbangga dengan komitmen kerajaan Beta untuk terus menyediakan rumah mampu milik melalui pelbagai program seperti Rumah Rakyat Pahang, PR1MA Pahang, Rumah Makmur, Rumah Mesra Pahang (RMP), Pangsapuri Pahangku dan Projek Ru'Rasa. Program usaha sama. Satu program usaha sama dengan Raja UAE. Sama ada diberikan secara percuma atau dijual dengan harga yang sangat berpatutan. Ianya menunjukkan bahawa rakyat Beta tidak diabaikan dalam soal keselesaan dan keselamatan tempat tinggal.

Perkara kesembilan Keselamatan Negeri… Keselamatan Negeri Tanggungjawab Bersama.

Beta turut memandang serius akan tanggungjawab untuk memelihara keselamatan dan ketenteraman negeri. Inilah tunjang kepada kesejahteraan rakyat dan teras kepada kemakmuran yang kita dukung. Maka seiring dengan iltizam Beta dan kerajaan untuk memperkasakan strategi membanteras jenayah. Beta menyeru agar Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Pahang terus merangka langkah yang strategik dan berkesan bagi menangani gejala yang kian meruncing. Beta dimaklumkan kes jenayah indeks di negeri Beta telah meningkat sebanyak 149 kes iaitu daripada 1,876 kes pada tahun 2023 kepada 2,025 kes pada tahun 2024. Ini adalah sesuatu yang membimbangkan dan perlu ditangani dengan segera. Namun harus diingat, memelihara keselamatan bukanlah tanggungjawab pihak berkuasa semata-mata. Ia adalah amanah bersama.

Rakyat beta perlu menjadi barisan pertama dalam membantu pihak berkuasa dengan menyalurkan maklumat, memupuk kesedaran dan membina komuniti yang tidak *tolerant* kepada terhadap jenayah. Dalam hal ini, Beta turut melahirkan kebimbangan terhadap penularan penagihan dan pengedaran dadah yang masih berakar kuat di negeri ini, pada tahun 2024 lebih 13,800 tangkapan berkaitan dadah telah direkodkan meningkat lebih 8% berbanding tahun sebelumnya. Nilai rampasan dadah pula melonjak lima kali ganda melebihi RM12 juta.

Suatu petanda bahawa ancaman ini semakin canggih dan terancang, namun penguatkuasaan sahaja tidak mencukupi. Beta menegaskan bahawa pembanterasan… pembanterasan dadah harus dilakukan melalui pendekatan yang holistik. Mencegah, merawat dan menyedarkan. Setiap institusi, sekolah, masjid, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan keluarga harus bangkit menggalas peranan.

Kita mesti berdiri bersama sebagai benteng terakhir menentang gejala-gejala yang mengancam maruah dan masa hadapan anak negeri kita. Beta tidak mahu negeri ini terus dibelenggu bayang-bayang kegelapan. Tahun 2025 harus menjadi detik kebangkitan gerakan menyeluruh yang bukan sahaja membanteras tetapi mendidik dan memulih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ada dua lagi tajuk yang beta akan baca yang cukup dekat di hati dan agak merunsingkan jika semua ini tidak diambil berat oleh pihak Kerajaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sila dengar baik-baik. Perkara ini ialah berkaitan dengan pencerobohan tanah haram. Musuh kita bukan sekadar dadah dan penjenayah, tetapi apa yang lebih tragis dan menyakitkan sebanyak 14,494 dan 908 hektar tanah kerajaan telah dicerobohi dan diusahakan secara haram dengan tanaman sawit, getah, durian dan pelbagai hasil

bumi. Lebih malang lagi lebih kurang 6000 hektar Hutan Simpanan Kekal (HSK) juga telah diceroboh kononnya atas nama pertanian. Tetapi hakikatnya ia adalah satu perompakan terbuka terhadap harta negeri, khazanah negeri. Masalah…masalah ini bukan baru bermula semalam. Ia telah berakar sejak lebih empat dekad yang lalu. Ianya berlaku tanpa pengetahuan… pengetahuan Beta. Ketika itu saya masih lagi, Tengku Mahkota Pahang yang tidak mempunyai kuasa dan peranan. Tetapi sekarang saya sudah pun menjadi Sultan. [Ahli Dewan menepuk meja]

Dah sampai masanya… sudah sampai masanya kita semua celik mata. Sedarlah, perkara ini adalah satu perkara yang cukup merunsingkan dan merugikan kerajaan dan rakyat yang saya sama-sama sayangi. Bukan niat Beta untuk mengungkit kisah lama atau menambahkan kekusutan. Beta tidak mahu terus dibelenggu oleh bayang-bayang masa silam, sebaliknya Beta berhasrat untuk menoktahkan kemelut pencerobohan tanah secara haram ini. [Ahli Dewan menepuk meja]

Biarlah kisah lalu itu menjadi pengajaran. Jika betul, jika benar adanya unsur rasuah, salahguna kuasa atau pengkhianatan terhadap amanah. Biarlah Allah SWT Yang Maha Adil menentukan dan menjatuhkan hukumannya. Walau bagaimanapun, adalah menjadi hasrat dan pendirian Beta bersama kerajaan Beta untuk membuka lembaran baru dengan pendekatan yang lebih mampan, lebih adil dan menyeluruh. Pendekatan yang tidak sekadar menghukum tetapi juga membina yang tidak hanya menamatkan pencerobohan tetapi memulihkan semula maruah undang-undang serta menjana hasil kepada tanah negeri kita.

Beta amat berbangga dan menzahirkan penghargaan atas usaha Kerajaan Negeri bersama Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) yang telah mula mengambil tindakan tegas di lapangan termasuk membuat tangkapan. Memotong pokok-pokok yang ditanam secara haram dan juga menutup lombong-lombong yang dibuka tanpa rasa malu dan takut. Seiring dengan keputusan Kerajaan Negeri juga, Beta ingin menegaskan bahawa tidak akan ada sebarang kelulusan baru oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi mana-mana permohonan tanah yang telah diceroboh secara haram.

Ini adalah prinsip yang tidak boleh dikompromi demi menjunjung kedaulatan undang-undang serta menjaga amanah pada negeri dan rakyat. [Ahli Dewan menepuk meja] Tambahan pula, keadaan hari ini sangat membimbangkan apabila ada mereka yang sengaja meniupkan api sentimen demi meraih simpati seolah-olah pencerobohan ini satu bentuk perjuangan. Beta ingin mengingatkan, perjuangan yang… perjuangan yang bersandarkan kezaliman terhadap tanah hak milik negeri tidak akan pernah sesekali mendapat restu Beta, [Ahli Dewan menepuk meja] dan apa yang lebih mendukacitakan, terdapat segelintir pihak termasuk individu-individu yang seharusnya menjadi contoh dan pembela kepada undang undang. Sebaliknya pula memilih untuk menyokong perbuatan yang bertamadun ini. Cukup memalukan.

Tindakan sedemikian bukan sahaja mencemarkan imej institusi bahkan boleh menjejaskan kedaulatan pentadbiran negeri. Janganlah kerana kepentingan politik sempit, hukum diketepikan dan perbuatan yang salah dimuliakan. [Ahli Dewan menepuk meja]

Di sini ada pentadbir-pentadbirkan? Sila bangun sikit nak tengok kat mana duduknya.

Pentadbir daerah, sebab ucapan saya ni nak tuju khas kepada pentadbir-pentadbir. Dengan baik-baik. Beta ingin menegaskan pentadbir tanah di semua peringkat wajib menjadi benteng hadapan, bukan boneka yang diperalatkan. Jangan sekali-kali

berkompromi dalam dalam hal yang melibatkan kedaulatan undang-undang negeri. Jangan terpedaya dengan naratif kononnya pencerobohan itu atas nama kebajikan atau perjuangan rakyat. Undang-undang tidak boleh dipilih-pilih untuk dikecualikan mengikut siapa yang bercakap paling lantang atau siapa yang berani menekan atau yang paling banyak menghulur. Pentadbir Tanah sepatutnya sepatutnya menjadi perisai negeri daripada sebarang pencerobohan dan salah laku. Bukan menjadi pelindung kepada perbuatan terlarang yang dihalalkan dengan alasan retorik. Beta tidak akan sesekali berkompromi jika ada yang mengkhianati amanah dengan menjadi agen pencerobohan yang terang-terangan mencabar keluhuran undang-undang negeri ini. Amanah diberi dan jangan sekali kali dicemari dengan pengkhianatan… pengkhianatan… pengkhianatan... pengkhianatan.

Mulai saat ini negeri ini, bawah naungan saya… Beta sebagai Raja akan sentiasa terbuka dan memberi laluan sepenuhnya kepada badan penguatkuasaan seperti SPRM, PDRM, UPNP untuk bertindak tegas tanpa pilih kasih. Tiada sesiapa yang kebal daripada undang-undang di negeri Pahang. Sesiapa sahaja yang didapati menyalahgunakan kuasa, bersekongkol dalam urusan yang menyalahi undang-undang khususnya melibat pencerobohan tanah wajib dibawa ke muka pengadilan. Malah, beta tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana individu yang cuba mengganggu, menghalang atau mencabar kuasa penguatkuasaan dan penjawat awam ketika menjalankan tugas. Undang undang tidak boleh dipijak sesuka hati dan kedaulatan negeri ini tidak boleh dipersendakan.

Beta sentiasa bersama kalian yang berjuang. Berjuang mempertahankan tanah air ini daripada dijajah, diperkosa dan dinodai tanpa rasa berdosa. Janganlah pentadbiran kerajaan Beta bersikap lesu dan longlai. Jadilah mata dan telinga Beta bukan mulut yang hanya tahu menyedapkan telinga Beta.

Jadikan episod hitam ini sebagai satu pengajaran dan ingatan untuk semua yang berkuasa [Ahli Dewan menepuk].

Yang seterusnya ialah perkara berkaitan Ketirisan Hasil Negeri.

Negeri ini bukan sahaja berdepan dengan kerakusan terhadap bumi hijau, malah turut bergelut dengan ketirisan hasil yang berlaku dalam pelbagai bentuk lain. Dari air yang mengalir tanpa hasil, hingga ke perut bumi yang dikeruk secara haram tanpa silu. Malah, perkara *Non Revenue Water* (NRW) ataupun kehilangan air tidak berhasil di Pahang telah mencapai kadar yang amat membimbangkan. Ketika air disimpan di empangan, sebahagiannya tidak pernah sampai ke rumah rakyat.

Negeri ini juga terus kehilangan jutaan ringgit apabila hasil batuan, pasir, bijih, emas, bauksit dan nadir bumi ataupun REE dikeluarkan secara tidak sah. Ada yang dilakukan secara terang-terangan dan ada yang bersembunyi di sebalik lesen yang disalahgunakan. [Ahli Dewan menepuk meja]

Ke mana perginya hasil negeri jka tidak kerana kebocoran demi kebocoran ini bukannya sedikit tetapi saban tahun yang sepatutnya masuk ke Tabung Pembangunan Rakyat hanya tumpah begitu sahaja ke tangan yang tidak diamanah. Justeru, Beta mahu pentadbiran negeri hari ini terus berusaha membasmi segala ketirisan hasil bumi. Harta negeri ini adalah amanah dan sesiapa yang mengkhianatinya akan menerima balasannya. Jikapun tidak di mahkamah, maka di hadapan Tuhan Yang Maha Mengetahui.

Di sini, Beta ingin mengungkap titah nasihat almarhumah bonda Beta kepada Beta sebelum nafas terakhir iaitu tiga perkara. Iaitu jagalah ayahanda, jagalah negeri Pahang dan jagalah rakyat Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja].

Bonda saya tak sebut jaga wakil rakyat, hanya rakyat saja. Tapi saya akan jaga juga wakil rakyat. [Ahli Dewan menepuk meja]

Itu satu ungkapan yang sentiasa berada di dalam sanubari saya sehinggalah akhir hayat saya. Sekarang hanya dua perkara iaitu negeri Pahang dan rakyat negeri Pahang. Ayahanda saya pun sudah selamat dimakam… makamkan.

Kesempatan di sini, Beta ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang serta barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan di atas sikap keterbukaan dan memahami segala atas segala titah teguran beta tentang perkara-perkara yang agak sensitif telah pun diterima dengan baiknya. [Ahli Dewan menepuk meja]

Anggaplah teguran Beta ini adalah satu teguran ikhlas dan membina. Di atas keprihatinan Beta selaku raja pemerintah di bumi Pahang ini. Jiwa dan raga Beta adalah semata-mata untuk rakyat beta. [Ahli Dewan menepuk meja]

Segala teguran Beta adalah untuk kepentingan rakyat Beta. Buat akhir kata bagi penutup pada pagi yang penuh barakah ini, Beta menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat atas komitmen dan dedikasi yang tidak pernah surut dalam usaha memakmurkan negeri Pahang Darul Makmur.

Beta menyeru agar setiap Ahli Dewan terus menjunjung titah, menjunjung tinggi semangat Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang. Menghayati, melindungi, memelihara dan mempertahankan demi kedaulatan… kedaulatan undang-undang dan keutuhan tatakelola pemerintahan.

Akhir kalam, Beta dan Tengku Ampuan sentiasa mendoakan agar Allah SWT terus mencurahkan petunjuk Taufik dan hidayah-Nya ke atas segala langkah dan keputusan yang kita ambil dalam memimpin dan membangunkan negeri yang Beta kasihi ini.

Diharapkan juga ini adalah, saya difahamkan ini mungkin akan menjadi sidang terakhir di dalam Dewan ini. Sudah tentu bagi saya yang telah memegang jawatan selaku Tengku Mahkota dari awal tahun 70an telah pun berada dalam Dewan ini semenjak lagi tahun 76 lebih 50… 60 tahun agaknya. Sudah tentu akan berasa sedih kerana kita akan berpindah kepada satu lagi Dewan yang lebih besar dan lebih cantik. Mudah-mudahan itu akan menjadi satu lambang transformasi kepada negeri Pahang ini dan menjadi satu negeri yang boleh kita sama-sama berbangga dari segi kemajuan. InsyaAllah. [Ahli Dewan menepuk meja]

Mengambil berkat bulan Syawal yang mulia, Beta ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh Ahli Dewan Rakyat Beta yang dicintai. Semoga dengan semangat Aidilfitri, kita terus memupuk suasana yang harmoni, menyemai semangat persaudaraan, mengekalkan perpaduan dan memperkukuhkan semangat kebersamaan yang telah kita bina sejak sekian lama.

Saya akan mengakhiri dengan tiga rangkap pantun buat pedoman.

Durian bukan sebarang durian,
Raja buah digemari ramai,
Jangan hanya kerana kalian,
Raja disinggah negeri tergadai.
[Ahli Dewan menepuk meja]

Dari Raub ke Bandar DiRaja,
Mengusung kati membawa suasa,
Kalau bukan kerana Raja,
Tergadai sudah warisan bangsa.
[Ahli Dewan menepuk meja]

Jadi pemimpin bersamalah hati,
Turun kepadang menjiwai diri,
Harapan rakyat jangan dikhianati,
Merana rakyat merangkaklah mencari.
[Ahli Dewan menepuk meja]

Sekian. Wabillahi taufiq Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
[Ahli Dewan menepuk]

AHLI DEWAN NEGERI

Daulat Tuanku. Daulat Tuanku. Daulat Tuanku.

KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG

Terima kasih. Amin, aamiin, aamin.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Dengan sempurnanya Titah DiRaja Ke Bawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang sebentar tadi, maka sukacita saya menempohkan mesyuarat Dewan ini pada hari Isnin, 21 April 2025 bersamaan 22 Syawal 1446 Hijrah mulai jam 9.30 pagi. Terima kasih.

SETIAUSAHA DEWAN

Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang berangkat meninggalkan Majlis.

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI KEDUA
21 APRIL 2025 (ISNIN)

KANDUNGAN

HARI KEDUA: 21 APRIL 2025 (ISNIN)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1 - 35
4	USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG	34
5	PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG - SESI PAGI	35 - 64
6	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG - SESI PETANG	65 - 110

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 21 APRIL 2025 (ISNIN)

MASA : 9.30 PAGI

HADIR:

YB Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP. **Speaker Dewan Negeri Pahang.**		
YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP. **1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan** **2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang**	-	Jelai
YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang**	-	Benta
YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang**	-	Kerdau
YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang**	-	Bebar
YB Dato' Ir. Razali bin Kassim, DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang**	-	Muadzam Shah
YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. **Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang**	-	Peramu Jaya
YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang**	-	Guai

YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang**	-	Dong
YB Tuan Sim Chon Siang **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang**	-	Teruntum
YB Puan Leong Yu Man **Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang**	-	Triang
YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang**	-	Pelangai
YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	Tioman
YB Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	Padang Tengku
YB Tuan Mohd Sharim bin Haji Md Zain	-	Chini
YB Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu

YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato' Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato' Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan
YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar, SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.
Tuan Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, ACM.

YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang
Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh, DSAP., DIMP., SMP., AAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Dato’ Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari	:	Isnin, 21 April 2025 bersamaan 22 Syawal 1446H
Masa	:	9.30 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Marilah kita sama-sama memulakan persidangan kita dengan membaca Ummul kitab, Al-Fatihah [Ayat al-Quran]. Segala pujian bagi Allah, dibuka Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani kepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, melimpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah berkat-Mu ke atas kami berhimpun, dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh, memandukan ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri serta penduduk- penduduknya sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenankan. Amin Ya Rabbal Alamin.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan Salam *Pahang 1st*. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama bersyukur pada Allah SWT kerana dapat meneruskan persidangan kita pada pagi ini. Saya lihat hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat kelihatan ceria, bergembira, mungkin pada hari minggu ni, pada hari Sabtu dan Ahad ni banyak rumah-rumah terbuka, jadi makan lebih sikit agaknya lah.

Di kesempatan ini, marilah kita sama-sama merakamkan rasa menjunjung kasih ke atas limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang berangkat menyempurnakan Perasmian Istiadat Pembukaan Dewan Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada hari Jumaat yang lalu, iaitu 18 April 2025 dan seterusnya menyempurnakan Titah Diraja. Patik serta sekalian pacal menjunjung segala Titah nasihat Kebawah Duli Paduka Tuanku yang jelas dan tegas semasa istiadat pembukaan tersebut, Titah nasihat Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku akan

dihayati, diteliti dan dibahaskan dengan penuh tanggungjawab oleh Ahli-ahli Dewan Negeri.

Hari ini kita bersidang dengan semangat baru. Saya perhatikan bahawa semua er… Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang saya nyatakan tadi, penuh semangat ke dalam Dewan Yang Mulia ini menandakan kesiapsiagaan kita untuk menjalankan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan dalam mesyuarat kali ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat hari raya, maaf zahir dan batin kete… kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Sekali lagi, dalam kesempatan ini dalam Dewan Yang Mulia ini menzahirkan ucapan takziah kepada seluruh keluarga Perdana Menteri yang kelima, Tun... Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi yang telah kembali ke rahmatullah pada Isnin lalu di Institut Jantung Negara. Allahyarham mengemudi perubahan kepada Malaysia, menyaksi peralihan pucuk kepimpinan setelah sekian lama. Pentadbiran yang diterajui oleh Tun Abdullah menyaksikan pelaksanaan pelbagai inisiatif penting termasuklah konsep Islam Hadhari dan penu…penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan lain-lain lagi. Jasa dan bakti Allahyarham Tun akan sentiasa dikenang oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang mahupun fahaman politik.

Seterusnya, Dewan Yang Mulia ini juga ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang yang baru, Dato' Indera Nazri Abu Bakar, [Ahli Dewan menepuk meja] menggantikan Dato' Sri Haji Zulkifli bin Yaacob yang telah bersara wajib selepas 36 tahun berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Dato' Sri Haji Zulkifli atas segala jasa dan sumbangan beliau.

Ucapan tun... tahniah juga dirakamkan kepada Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri yang baru, Tuan Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi menggantikan Dato' Sri Saifuddin Edris bin Zainuddin... Dato'... Dato' Mohd Saifuddin bin Haji... Hashim Musaimi ya? Menggantikan Dato' Saiful. Maknanya kalau nak jadi LA ni kena ada Saiful depan. Turut dirakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri yang baru iaitu Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh. Boleh bangun ketiga-tiga ni, orang nak kenal. Boleh, boleh, boleh bangun, sila bangun. [Ahli Dewan menepuk meja] Sebab Ahli-ahli Yang Berhormat er… apa nama *ex-officio* dia jarang bangun, hari ni kita bagi dia *chance* bangun.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas kejayaan meningkatkan hasil negeri secara signifikan [Ahli Dewan menepuk meja] berdasarkan unjuran prestasi hasil negeri bagi tempoh 2018 hingga 2025, Pahang mencatatkan Peningkatan sebanyak 174.9% iaitu dari RM443.3 juta kepada… pada tahun 2018 kepada sasaran RM1.194 bilion pada tahun 2025. Tahniah kita ucapkan. Peningkatan ini adalah bukti bahawa strategi yang dilaksanakan termasuk dalam sektor ekonomi, pengurusan sumber dan pembangunan berteraskan kemampanan memberikan hasil yang signifikan.

Ia juga mencerminkan komitmen semua pihak daripada kepimpinan negeri, penjawat awam, sektor swasta hingga rakyat Pahang dalam mempastikan negeri ini terus berkembang maju dan sejahtera. Diharap usaha ini dapat diteruskan dengan penuh iltizam agar Pahang akan terus menjadi negeri yang makmur, stabil dan berdaya saing selaras dengan cogan kata Pahang Makmur dan *Pahang 1st.*

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Dewan Yang Mulia ini juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar di atas pelantikan beliau sebagai Penasihat Khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang bertanggungjawab kepada Majlis Pembangunan Usahawan dan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) Kebangsaan. Pelantikan ini bertujuan untuk membantu memperkasakan usahawan bumiputera di seluruh negara. Kita yakin dan percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar mampu menggalas amanah ini dengan penuh tanggungjawab bagi menyantuni serta memartabatkan usahawan bumiputera di seluruh tanah air.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Sejak akhir-akhir ini selepas kemenangan Presiden baru Amerika, dunia berada dalam keadaan tidak menentu. Landskap ekonomi dunia berubah begitu drastik. Dasar-dasar baru yang dilaksanakan oleh pentadbiran baru Amerika, dipercayai akan memberikan kesan kepada penduduk dunia. Bagi menghadapi cabaran baru ini, yang sedang melanda kita berharap dan percaya bahawa kerajaan akan terus merangka dan melaksanakan langkah-langkah strategik bagi mempastikan kepentingan nasional serta serantau sentiasa terpelihara. Sebagai rakyat yang cintakan tanah air menjadi tanggungjawab kita… semua tanpa mengira kaum, agama dan kefaham kefahaman politik untuk bersatu padu dan bekerjasama dalam usaha memperkukuhkan ekonomi negara dan kestabilan politik.

Dalam situasi perubahan, landskap politik dan ekonomi global yang tidak stabil ini, tumpuan negara seharusnya ke arah berus… usaha. Terarah kepada usaha memulihkan ekonomi, bukannya untuk kita terus bertelagah di dalam perbalahan politik yang tidak berkesudahan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, akhirnya bagi menghormati dan meraikan semangat demokrasi yang kita amalkan, saya ingin memaklumkan bahawa Dewan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 akan ditamatkan lebih awal iaitu pada hari Khamis, 24 April 2025. Keputusan ini diambil kira bagi memberi ruang kepada semua parti-parti politik untuk menjalankan kempen terakhir sempena Pilihan Raya Kecil Ayer Kuning yang akan mengundi dan akan berlangsung pada hari Sabtu, 26 April 2025.

Saya berharap agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat manfaatkan masa yang berada… yang ada ini untuk menyelesaikan urusan Dewan dengan sebaiknya sebelum tamat tarikh tersebut. Terdapat er... kerusi-kerusi kosong er... di dalam er... Dewan ini, er... ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang ini hadir ke daerah masing-masing bagi meraikan Keberangkatan Ke Bawah Duli Tuanku di dalam Lawatan er... ke daerah masing-masing dan insya-Allah akan kembali pada petang Ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,
Sebelum saya meneruskan kepada sesi pertanyaan. Saya ingin memaklumkan bahawa, saya akan menghadkan pertanyaan lisan kepada beberapa soalan sahaja. Pertanyaan sahaja. Pertanyaan tersebut mestilah ringkas dan padat supaya kita dapat bersidang dalam masa yang ditetapkan. Baiklah, sekarang saya ingin menjemput Ahli Yang Berhormat dari kawasan Ketari untuk soalan nombor 1 dan mengemukakan pertanyaanya.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya nombor 1.

[Berapakah bilangan dan peratusan warga Pahang yang miskin dan miskin tegar mengikut pecahan DUN dan bangsa. Apakah perancangan kerajaan negeri untuk menoktahkan bilangan kemiskinan tegar di Negeri Pahang?]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Alhamdulillah, Speaker pun nampak ceria pada pagi ini. Terima kasih kepada ADUN kawasan Ketari yang bertanyakan soalan, berapakah bilangan peratusan warga Pahang yang miskin dan miskin tegar, mengikut pecahan Dewan Undangan Negeri dan bangsa. Yang ke-2, Apakah perancangan kerajaan negeri, untuk menoktahkan bilangan kemiskinan tegar di Negeri Pahang.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Ketari, sehingga 18 April 2025, di Negeri Pahang terdapat 13,483 Ketua Isi Rumah yang dikategorikan sebagai miskin dan 40 Ketua Isi Rumah yang dikategorikan sebagai Miskin Tegar. Statistik ataupun angka menunjukkan bahawa Ketua Isi Rumah dalam kategori miskin mengikut pecahan bangsa adalah seperti berikut. Melayu 11,906 Ketua Isi Rumah. Cina 590, India 914 lain-lain 73. Bagi Miskin Tegar pula, statistik Ketua Isi Rumah mengikut pecahan bangsa iaitu Melayu 36, Cina 1, India 3 lain-lain tak ada. Manakala mengikut Dewan Undangan Negeri, terdapat 20 yang Dewan Undangan Negeri yang dikategorikan sebagai Miskin Tegar. Antaranya saya sebut yang tinggi je lah ye, antaranya Tanjung Lumpur, Beserah, Padang Tengku, ada 4 masing-masing ada 4, manakala Benta, Kuala Semantan 3,3 Triang 2 Inderapura 2, Cheka 2, Tahan 2, Pulau Manis 2, Muadzam Shah 2, Batu Talam 2, yang lain-lain 1, iaitu Guai, Teruntum, Lepar, Panching, Bebar, Bukit Ibam, Tioman dan Mentakab.

Untuk makluman Yang Berhormat juga dalam usaha kita menoktahkan miskin tegar pemantauan dan penyaluran bantuan dilaksanakan melalui platform Mesyuarat Jawatankuasa *Focus Group* Kesejahteraan Rakyat di peringkat negeri dan daerah. Jawatankuasa *Focus Group* ini akan mengenal pasti dan mengesahkan Ketua Isi Rumah yang tergolong dalam kategori miskin tegar, jawatankuasa *Focus Group* ini akan memastikan tiada pertindihan penyaluran bantuan berlaku dan seterusnya memastikan setiap Ketua Isi Rumah dalam kategori miskin tegar menerima bantuan yang bersesuaian bagi membolehkan mereka dikeluarkan dari kategori miskin tegar ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Kerajaan Negeri Pahang dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Wilayah dan Desa juga menjalankan Program Perumahan Rakyat Sejahtera yang menyediakan bantuan bina baru dan ataupun pembaikan rumah kepada golongan miskin dan miskin tegar untuk memiliki kediaman yang selamat dan selesa. Selain daripada itu juga, kerajaan negeri turut membantu mereka yang berada dalam kategori miskin tegar seumpamanya seperti pembinaan Rumah Rakyat Pahang yang diberikan secara percuma kepada mereka yang benar-benar memerlukan rumah dan banyak lagi bantuan-bantuan lain iaitu seperti er... anak-anak yang memasuki persekolahan darjah 1 dan juga yang darjah 2 dalam kategori B40, di mana Kerajaan negeri memperuntukkan RM50.54 juta untuk membantu rakyat di negeri Pahang. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan tambahan sila.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas usaha yang telah dijalankan untuk memastikan er... warga negeri Pahang er... terkeluar daripada golongan terutamanya miskin tegar ni. Jadi er... soalan tambahan saya adalah

> [Apakah perancangan untuk memastikan er... kita menoktahkan semuanya. Saya faham tadi Jawatankuasa *Focus Group* memang memainkan peranan, tapi memandangkan sepertimana yang mengatakan, keadaan ekonomi yang tidak tertentu sekarang, ia akan memberatkan lagi tanggungjawab ini. Jadi apakah perancangan untuk memastikan kita akan menoktahkan semua miskin tegar?]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Ketari. Usaha kerajaan negeri terutamanya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, tidak henti-henti untuk menoktahkan kemiskinan tegar ni. Tetapi miskin, miskin tegar ni Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, ianya adalah sesuatu yg subjektif. Jadi apa yang harus kita buat. Ialah kita meminta er... jabatan, terutamanya jabatan daripada Pembangunan Negeri, BPEN, Pejabat SS, Kewangan dan sebagainya. Kita kenal pasti, pada tahun ini berapa orang ada miskin tegar? Contohnya, katalah pada tahun 2025 sehingga hari ni ada berapa orang miskin tegar ye. Contoh contohnya, sehingga 13 haribulan 3 ada 646 orang miskin tegar. Kita kenal pasti yang 646 orang ni dulu dan kita bantu 646 orang ni dan kita noktahkan, kita selesaikan masalah 646 orang ni dan selepas pada itu dia akan ada lagi, sebab miskin ni dia satu benda yg tidak akan selesai di mana-mana negara pun, negeri pun tetap ada orang miskin. Tapi kita *go* dengan izin Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, kita *go case by case* ye 646 kita bagi tumpuan, kita pergi tengok, kita daftarkan mereka dalam e-Kasih kemudian kita bagi bantuan pada mereka. Kiranya dalam 646 orang tu ada yang memerlukan rumah contohnya, yang benar-benar memerlukan rumah kita akan bagi keutamaan kepada mereka melalui Rumah Rakyat Pahang dan sebagainya. Itu cara kita menoktahkan, tetapi untuk menoktahkan secara… secara tetap tidak mungkin berlaku sebab ia akan sentiasa ada orang miskin dan akan ada, dah selesai yang ini akan ada yang baru pulak. Contoh dia, tapi kerajaan negeri Alhamdulillah, setakat hari ni kita berjaya. Contohnya, kalau yang saya katakan tadi sehingga 13hb 5 ada 646 orang. Kita akan fokus, kita akan noktahkan mereka. Kita berjaya menyelesaikan itu daripada dulu. Sebab itu lah berapa kali dah kita berjaya menoktahkan miskin tegar di negeri kita ini. Terima kasih Dato' Sri Yang diPertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila. kita bagi. Sila-sila wakil daripada Beserah.

(ADUN BERSERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih. Dato' Sri Speaker. Er... saya ucap tahniahlah kepada Kerajaan negeri di atas iltizam yang tinggi untuk membantu rakyat yang miskin tegar. Cuma saya ingin bertanya sedikit soalan. Er... data yang dikemukakan oleh YAB sebentar tadi, sebut

Beserah antara yang tertinggi er... 4 orang 4 orang. Saya nak tanya data daripada mana yang digunakan yang menunjukkan ianya hanya 4 ketua isi rumah yang berada dalam kategori miskin tegar ini. Adakah daripada data DOSM atau e-Kasih atau mana-mana data yang diambil kerana realitinya kita lihat suasana yang ada. Ianya tidak menunjukkan angka yang sebenar er... miskin tegar ini. Di kawasan saya terutama sekali er... kerana sentiasa orang kata apa banyak aduan kita terima. Miskin tegar ini paras garis kemiskinan Pahang RM1,200.00 lebih kurang pendapatan perkapita RM1,900.00… RM1,100.00 lebih. Jadi bagaimana kaedah dia, kita gunakan data yang kita dapat itu dapat mewakili realiti sebenar. Sebab kita, kita faham ianya sentiasa berubah subjektif tapi bagaimana kita mendapatkan data itu supaya dia refleks realiti di tempat dia itu. terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih YAB Dato' Sri Speaker, kita terdapat 3 jabatan yang memastikan untuk memantau dan memastikan adanya miskin tegar di kawasan Dewan Undangan Negeri. Sumber yang pertama ialah Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pahang. Sumber yang kedua adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang dan sumber yang ketiga adalah Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Pahang. Ini 3 sumber yang kita dapat yang dikemukakan kepada kita dan miskin ni Yang Berhormat daripada Beserah, dia adalah seperti mana yang saya katakan tadi ia sangat subjektif. Kadang-kadang yang pendapatannya RM2,500.00, contohnya kalau yang anak seorang tak ada masalah. Tapi kalau anak sampai 10 orang, dia jadi miskinlah pulak. Contohnyalah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu belum isteri lagi la.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Itu la, tapi kalau dia pandai cari isteri yang yang berkerja ataupun pendapatan tinggi yang meniaga dia akan terkeluar daripada miskin tegar. YB Dato’ Sri Speaker boleh seru Ahli-ahli Dewan sekiranya berani la.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kurang keberanian.

(**ADUN JELAI - N.02)**
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi dia sangat relatif yang miskin ini dia takkan… kita tidak akan dapat noktahkan. *So* cara yang terbaik di Pahang ini ialah kita kenal pasti dulu sehingga 13 haribulan 5 ini kita ada 646 orang miskin tegar. Ada lagi selepas 13 haribulan 5 ini ada, tetapi keutamaan kita untuk selesaikan yang 646 orang ni, kita keluarkan mereka dulu. Kalau dah ada angka lain, kita kenal pasti kita noktahkan pulak dan setakat hari ini apa yang telah kita rancang, apa yang kita buat telah berjaya dan kita ucapkan syabas dan tahniah kepada agensi kerajaan yang berkaitan [Ahli Dewan menepuk meja] kerana berjaya menoktahkan miskin tegar yang telah kita kenal pasti. Untuk makluman YB daripada Beserah juga, pendapatan yang kita kategorikan sebagai miskin tegar ialah RM1,250.00 kalau tak silap saya. Saya nak *confirm*kan. Ya, dia terbahagi kepada dua.

Di bandar RM1,250.00 di luar bandar RM1,145.00. Ini yang dikategorikan sebagai miskin tegar. Terima kasih Dato' Sri Yang Dipertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ye, Yang Amat Berhormat. Kadang-kadang ada dia orang ni dipanggil miskin migrasi, dia daripada negeri lain, dia datang ke tempat kita. Dia memang miskin, tetapi mereka belum lagi termasuk di dalam senarai ataupun didaftarkan. Jadi ini memang realiti. Sila soalan terakhir.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

YB Dato' Sri Speaker, saya mohon YAB Menteri Besar menjelaskan berkaitan dengan Program Sentuhan Rakyat Makmur. Kalau dilihat Program Sentuhan Rakyat Makmur ini banyak menyentuh ataupun, golongan-golongan miskin tegar dan juga miskin, boleh jelaskan dari segi impak dan juga mekanisme yang digunakan untuk program tersebut.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

YB Dato' Sri Speaker, terima kasih kepada ADUN Kemayan. Bukan sahaja Program Sentuhan Makmur, kita buat Jualan Makmur pun kita buat, Baucar Makmur. Yang terkini ialah Baucar Makmur yang kita bagi kepada rakyat yang memerlukan. Dan sentuhan ini Sentuhan Rakyat Makmur ini adalah bertujuan untuk mendekatkan penjawat awam terutamanya daripada Setiausaha Kerajaan negeri bersama dengan rakyat. Setakat hari ini, kita dah buat dua tempat iaitu di dalam Parlimen Cameron Highlands dan juga di dalam Parlimen Rompin di mana dalam program ini semua penjawat awam, ketua-ketua jabatan yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan negeri akan pergi ke kawasan yang telah dikenalpasti dan berjumpa dengan masyarakat. Di situ ada sesi *townhall* di mana boleh ada *two way communication* dengan izin dan dalam masa yang sama saya dapat maklum balas ada masa dan ketikanya masalah-masalah di kawasan tersebut dapat diselesaikan pada ketika itu juga. Oleh sebab SS akan bawa rombongan dia dan ketika itu ada penduduk yang mengemukakan permasalahan mereka, longkang, parit dan sebagainya. Ada yang dapat diselesaikan dan ada juga yang dibawa ke pengetahuan kerajaan negeri. Ini adalah salah satu daripada usaha kerajaan negeri untuk mendekatkan diri selain daripada kita sebagai Wakil Rakyat untuk berdampingan dengan rakyat, bermakna mereka ada saluran lain. Mana semua pihak dan wakil rakyat ketika itu tidak dijemput. Yang ini memang kita terus libat supaya rakyat boleh tanya dia tak ada segan silu nak tanya apa-apa pun. Ataupun untuk mengemukakan cadangan dan sebagainya. Dan orang ramai dijemput Ahli-ahli Majlis dijemput dan selepas tu kita akan dapat tahu laporan apakah permasalahan dia dan kita cuba selesaikan di mana yg perlu. Jadi dengan kata lain, ringkasnya adalah inisiatif kerajaan yang membolehkan penjawat-penjawat awam bersemuka dengan rakyat dan ada *two way communication*. Dan dalam masa yang sama ada *townhall* dan boleh menyelesaikan masalah yang difikirkan boleh selesai ketika itu dengan arahan Setiausaha Kerajaan negeri melaporkan kepada kerajaan. Dan ini sangat berkesan dan Insya-Allah kita akan pergi, bukan kita lah. Maknanya Kerajaan negeri mengarahkan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan akan pergi ke semua kawasan Parlimen untuk berjumpa dengan rakyat. Terima kasih YB daripada Kemayan, terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya soalan No. 2

(ADUN KUALA SEMANTAN - N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Yang Berhormat Speaker, soalan Nombor 2.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI Ir. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT, YB Dato' Sri Speaker soalan nombor 2 ini soalan daripada ADUN kawasan Kuala Semantan ya. Dibaca oleh ADUN Ibam bagi pihak, ia berkaitan dengan projek ataupun berkaitan dengan isu yang berkaitan dengan penternak ikan sangkar di Sungai Pahang dan Sungai Semantan iaitu berkaitan dengan apakah inisiatif langkah-langkah kerajaan untuk membantu penternak khususnya yang terlibat dengan aktiviti penternakan ini apabila harga makanan ikan ini meningkat dan keduanya, langkah yang diambil untuk menangani ekosistem iaitu kualiti Sungai Pahang itu sendiri. Jadi YB Dato' Sri Speaker, kerajaan negeri menyedari kepentingan keterjaminan makanan bagi rakyat Negeri Pahang. Jaminan makanan maksudnya ialah ketersediaan mampu dimiliki, berkhasiat dan selamat serta stabil bekalan. Bagi Negeri Pahang, kecukupan bekalan sumber ikan diperolehi… diperolehi daripada dua sumber iaitu ikan laut marin yang didaratkan di Jeti Kompleks LKIM Kuantan, Pekan dan Rompin manakala bagi ikan air tawar, pengeluaran terutamanya melalui ternakan ikan sangkar di daerah-daerah Temerloh, Maran, Lipis, Jerantut, Bera dan Bentong. Di samping sumber ikan asli daripada sungai-sungai yang sedia di negeri Pahang Darul Makmur ini. Pengeluaran ikan air tawar telah membuka peluang perniagaan seperti gerai-gerai jualan ikan, kedai makan atau restoran yang menjadi tempat tumpuan kehadiran kumpulan-kumpulan pelancong baik daripada dalam negeri Pahang mahupun di luar negeri Pahang. Ia menyumbang kepada penjanaan ekonomi negeri Pahang dan kita tahu bahawasanya err...aktiviti penternakan ikan ini dia akhir sekali dalam setiap projek yang dilaksanakan, dia akan melibatkan kos operasi. Saya nak maklumkan bahawasanya kos operasi ini bukan semata-mata bergantung kepada ini makanan ikan. Ianya juga melibatkan peralatan melibatkan benih dan lain-lain. Jadi dalam konteks seumpama ini seperti mana yang kita sedia maklum, makanan ikan ini komponen dia sebahagian besarnya bahan mentah terdiri daripada kandungan jagung. Dan jagung ini terpaksa diimport daripada luar negara.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini bagi makan anak ikanlah.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI Ir. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ini makanan ikan, makanan. Jadi sebab tu komponen dia jagung, tepung, bijiran yang lain. Dan apabila bahan-bahan mentah ini terpaksa diimport daripada luar, kita tidak dapat kawal harga ini kecuali kita mengeluarkan bahan-bahan mentah ini. Usaha telah dibuat oleh pihak kerajaan ke arah perkara tersebut. Oleh kerana kita tidak ada misal contohnya kawalan terhadap harga bahan-bahan mentah ini. Maka kerajaan memberi insentif yang lain. Apakah insentif dia ini yang saya nak maklumkan, kerajaan memberi insentif galakan kepada pengusaha penerokaan ikan sangkar di Sungai Pahang termasuklah juga Sungai Semantan ini melalui langkah-langkah yang dilaksana pada

setiap tahun iaitu dan tahun 2024 contohnya, inisiatif kerajaan telah disalurkan kepada penternak *aquaculture* negeri Pahang seperti berikut. Pertama sekali dipanggil Bantuan Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan Akuakultur ataupun SPEKS, SPEKS. Berjumlah RM489,700.00 telah dibelanjakan kepada 35 orang penternak dan SPEKS ini dia akan melibatkan bantuan dalam bentuk makanan, benih dan peralatan.

Yang keduanya bantuan projek Pembangunan Integrasi Akuakultur (PPIA) dinamakan sejumlah RM6.893 juta telah diberikan kepada 48 orang penternak melalui klas...11 kluster yang ini seluruh negeri Pahang. Dan ia melibatkan maknanya sangkar, rumah operasi atas rakit itu, misal contohnya ada rakit-rakit itu dia ada sangkar, dia ada rumah operasi dan juga lain-lain. Dia integrasi termasuklah benih dan err...makanan. Yang ketiganya Bantuan Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agro....Agromakanan (PPSPA) kepada 67 orang pengusaha akuakultur yang terjejas banjir dan kemarau. Kalau banjir itu La Nina, kalau kemarau itu El Nino negeri Pahang.

Sejumlah RM589,010.00 yang diberikan dalam tahun 2024 ini yang terlibat dengan banjirlah manakala dalam tahun 2025 kerajaan meneruskan bantuan kepada penternak *agriculture* yang melibatkan implikasi kewangan keseluruhannya sebanyak RM5.601 juta di bawah program-program yang dinamakan sepertimana yang saya sebutkan tadilah dibawah Program SPEKS PPIA dan juga bantuan di bawah Tabung Bencana Pertanian kepada 45 orang penternak yang terjejas banjir sepanjang November tahun 2024 hingga Januari tahun 2025 dengan jumlah bantuan sebanyak RM540,000 dan usaha ini akan diteruskan dari semasa ke semasa. Tapi untuk makluman antara err... selain daripada apa yang dizahirkan, ADUN Semantan ada bangkitkan apakah langkah-langkah yang kita ambil untuk err...menangani pencemaran sungai-sungai Pahang?

Misal contohnya dalam ekosistem ini, aktiviti penternakan ikan. Saya nak maklumkan bahawasanya setiap satu keadaan itu dia ada dia punya piawai atau *standard* dengan izin kita nampak air keruh misal contohnya, pada pandangan mata kita nampak keruh tetapi sebenarnya kekeruhan itu juga sebenarnya dalam ling... ruang lingkup atau *standard* yang dibenarkan. Tak mungkin kita ada sungai. Misal contohnya, mungkin kita *ideally,* maknanya secara idealnya kita nak kalau boleh itu sungai Pahang itu jernih tengok dia nampak dah ke...ke dasar. Dalam keadaan situasi yang realitinya tidak mungkin nampak daripada mata kaca, kaca mata kita nampak keruh seolah-olah ia akan mengganggu keadaan err... termasuk aktiviti penternakan ikan, tetapi sebenarnya err. Pihak ini…pihak ini Jabatan Alam Sekitar membuat pemantauan kepada kualiti air sungai. Begitu juga Jabatan Perikanan dia buat pemantauan dia ambil apa nama ini err... ujian dan kiranya ujian itu dibuat sedemikian rupa mengikut *standard* yang dibenarkan. Tetapi yang paling utama sekali ialah sekiranya kekeruhan itu melebihi daripada apa yang dibenarkan. Ikan tu akan mati, insang-insang dia itu… dia apa nama… yang ini apa nama… akan dia tersekat lebih *block* dengan izin. Jadi akhirnya ikan mati itu yang sebenarnya waima apa sekali kaedah yang kita buat paling mudahnya, indi...indikator atau petunjuk yang menunjukkan kualiti air itu tercemar dari segi kekeruhan adalah apabila ikan itu banyak yang mati.

Tapi setakat yang dimaklumkan oleh Jabatan Perikanan, kejadian yang mungkin berlaku ini ialah apabila ada banjir tahun-tahun 2022 masa itu banjir besar. Jadi air keruh dari masa ke semasa kekeruhan itu ada juga gangguan sedikit sebanyak kepada penternakan ikan err... sangkar khususnya tetapi selepas itu bila kita tidak ada lagi banjir itu air itu sedikit demi sedikit air sungai itu bertambah baik kualitinya dan setakat ini, Alhamdulillah aktiviti penternakan ikan dalam sangkar ni diteruskan dengan mampan. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya ada satu soalan yang err... agak spesifik iaitu berhubung baru-baru ni ada satu kejadian kira-kira pada bulan 4 tahun ini dimana berpuluh-puluh sangkar telah dihanyutkan oleh… akibat daripada dilanggar oleh satu kayu...kayu hanyut dan melanggar err... sangkar -sangkar penduduk di ataupun penternak ikan di Sungai Pahang, khususnya di kawasan Sungai Semantan di daerah Temerloh ini. Jadi saya nak…nak tahu adakah kerajaan negeri ada menyediakan sebarang bantuan ataupun inisiatiflah terhadap hampir 7 pengusaha yang terlibat dalam kejadian tersebut? Itu sahaja.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI Ir. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua, lazimnya err... penternak-penternak ikan sangkar ini sentiasa diberikan perhatian oleh pihak kerajaan khususnya Jabatan Perikanan dan bantuan dalam bentuk pelbagai sebenarnya disalurkan. Mana yang saya telah sebutkan tadi angka-angka bantuan yang telah diberikan. Jadi dalam kes yang seumpama ini err... ianya luar biasa sikit iaitu macam *boyalah,* tak macam mana lah*, pungkolah,* kata saya selalu sahabat saya daripada err... Kerdau. Menyebut pasal *pungko lah,* tak, *pungko*. Maknanya kayu yang… yang hanyut di dalam sungai itu dia menyebabkan banyak kerosakan dan perkara ini berlaku dalam bulan 4 baru ini. Jadi saya… saya mohon izin yang Yang Berhormat Dato' Sri Speaker untuk ini apa nama membuat rujukan kepada… kepada jabatan yang berkaitan. Terima kasih kepada ini ADUN lantikan daripada err... Rompin yang bangkitkan perkara ini dan insya-Allah. Saya rasa saya tak nak memberikan jawapan tanpa mendapat input khusus ya. Tapi terima kasih kerana membangkit perkara seumpama ini dan insya-Allah. Maknanya saya yakin err...kerajaan termasuk kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sentiasa mendendangkan ataupun memberi pengiktirafan kepada pejuang-pejuang barisan hadapan yang tidak didendangkan. *The unsung heroes.* Antara *the unsung heroes* dengan izin ya. Wira- wira yang tidak didendang kan ialah mereka yang mengusahakan termasuk penternak, nelayan, petani dan sebagainya yang menyumbang kepada agenda keterjaminan makanan dan mereka juga adalah penyumbang utama yang menyebabkan ramai pelancong daripada luar kalau kita pergi ke macam missal contohnya ke Temerloh, ke Kampung Bangau… Bangau Tanjung dan sebagainya kita lihat penuh kereta dan kita dapat menyediakan satu hidangan yang hebat, makanan Pahang berasaskan ikan patin tempoyak yang cukup enak dan mereka ni apabila ditimpa musibah insya-Allah kita akan bagi bantuan. Insya-Allah yg perkara tu saya akan maklumkan semula dalam Dewan Yang Mulia ni bila saya dapatkan maklumat. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Soalan Nombor 3. Wakil daripada Semambu.

(ADUN SEMAMBU - N.13)
YB. TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima Kasih Dato' Speaker. Soalan saya soalan 3.

Kenyataan media daripada Persatuan-persatuan dan jaringan Orang Asli yang membantah tentang tindakan Syarikat ORACO di Pahang.

a) Apakah penjelasan kerajaan negeri berkenaan dengan tuduhan persatuan tersebut tentang pengambilan tanah-tanah yang diusaha atau digunakan oleh Orang Asli?
b) Bagaimana ORACO menjaga hak, kepentingan dan kebajikan Orang Asli di Pahang?

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya mengucapkan terima kasih kepada rakan daripada Semambu yang mengemukakan soalan tentang kenyataan media daripada persatuan-persatuan dan jaringan masyarakat Orang Asli yang membantah tentang tindakan syarikat ORACO di Pahang. Jadi persoalannya, "Apakah penjelasan kerajaan negeri berkenaan dengan tuduhan persatuan tersebut tentang pengambilan tanah-tanah yang diusaha atau digunakan oleh Orang Asli dan juga bagaimanakah ORACO menjaga hak kepentingan dan kebajikan masyarakat Orang Asli?

Yang Berhormat Dato Seri Yang di-Pertua,
Yang pertama mengenai ORACO. ORACO ini adalah salah satu agensi yang hasil daripada cetusan idea Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail, selaku Menteri Besar Pahang. Sebab apa beliau telah mencetuskan idea ini sebelum beliau menjadi Menteri Besar, dahulunya beliau pernah duduk sebagai EXCO yang menjaga kepentingan hal ehwal Orang Asli. Banyak perkara dia tengok tentang Orang Asli ini perlu dibantu secara lebih agresif dan berkesan kerana apa Masyarakat Orang Asli terlalu tertinggal jika dibandingkan dengan masyarakat-masyarakat orang lain. Kita ada JAKOA, Jabatan Kebajikan Hal Ehwal Orang Asli yang bertanggungjawab sepenuhnya tetapi JAKOA ini mempunyai kepentingan yang terlalu banyak melibatkan serata negeri di negara kita Malaysia.

Jadi ditambahkan pula Orang Asli di negeri Pahang ini kampung sahaja ada 263 buah kampung yang melibatkan lebih 90 ribu orang individu Orang Asli yang perlu kita bantu. Jadi dahulunya Orang Asli ni nak dibantukan ekonominya. Kerajaan negeri minta jasa baik JAKOA, minta tolong daripada RISDA kita tunjuk itu tanah, tolong majukan tanah. RISDA pun bersetuju sekian lama RISDA telah berusaha dengan gigih membantu masyarakat Orang Asli. Maka pada tahun 2024, awal 2024, pihak RISDA menarik diri untuk membantu membangunkan tanah-tanah masyarakat Orang Asli untuk membangkitkan dan membangunkan ekonomi Orang Asli.

Kebetulan bila dia tarik diri, maka terbiarlah tanah tu tadi, tak ada sapa nak menjaga sebab tanah yang dibangunkan kalau setelah dibangunkan, ada pokok sawit ke ada pokok getah ke senang, bila nak berlaku tanam semula, bila nak berlaku penjualan perlu kepada kelulusan, perlu kepada pengurusan. Maka hal ini kita nampak masyarakat Orang Asli terpaksa dibantu. RISDA dah *surrender* maka kita minta jasa baik ORACO, Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri telah meneliti di dalam mesyuaratnya membuat keputusan secara bersama supaya kita minta ORACO bantu JAKOA supaya masyarakat Orang Asli ni tanah- tanah dia tak terbiar begitu sahaja.

Maka hasil daripada itu, ORACO terpaksalah mengambil tanggungjawab. ORACO ni asalnya Yang Amat Berhormat nak suruh bantu kalau ada rumah bocor tolong baiki, kalau ada yang nak sekolah, tak ada baju sekolah tolong belikan baju sekolah, Kalau

anak- anak nak masuk universiti susah sangat Orang Asli tu tolong dia masuk universiti tetapi akhirnya hasil daripada…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lebih, lebih fokuslah.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Lebih fokus. Kita minta dia bertanggungjawab kepada masyarakat Orang Asli ni tolong dia orang supaya bangunkan tanah-tanah. Alhamdulillah, hasil daripada idea yang begitu cerna daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dengan persetujuan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, ORACO telah berupaya untuk membantu satu demi satu. Contohnya, di Kampung Paya Sendayan dan Gapoi. Sendayan di Temerloh, Gapoi di Bentong, kita berjaya menyelesaikan 606 orang untuk memiliki tanah dan geran pun telah diberi. Kerjasama di antara ORACO dengan pihak JAKOA. Begitu juga di Kampung Terisu, Terisu ni dekat Cameron Highlands. Seramai 323 orang masyarakat Orang Asli yang melibatkan empat buah kampong. Tanah mereka ini telah diuruskan oleh pihak ORACO dan mereka mendapat pendapatan bulanan yang agak selesa, tidak kurang daripada RM800.00 sebulan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Begitu juga kalau kita pergi kepada kampung- kampung yang lain sebab lokasi yang kita nak kenal pasti lebih daripada 70 buah ladang, bukan kecil tapi kerajaan negeri berikan peluang kepada ORACO selama dua tahun untuk memastikan dia orang boleh buat dan dia orang boleh berbakti kepada masyarakat Orang Asli.

Mengenai soal kebajikan saya dah sebut di awal tadi. Sekarang ini hampir 300 buah rumah telah dibina oleh ORACO, rumah secara percuma. Ada rumah yang dah nak runtuh, rumah yang dah rebeh, rumah yang tak sesuai, bahaya duduk. Bina baru secara percuma oleh ORACO. Anak-anak yang nak masuk universiti susah tak ada *laptop*, lebih 100 orang mahasiswa-mahasiswi Orang Asli yang masuk universiti telah diberikan komputer secara percuma untuk membantu mereka belajar. Banyak lagilah…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, ramai orang tak tahu perkara ni sebenarnya. Kena bagitahu Yang Berhormat. Saya pun ini baru tahu.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ini bagitahu ni.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ha bagus.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ini bagitahu dan orang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tahniahlah Yang Berhormat.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Banyak. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar bercakap merata dah benda ini dan saya pun bercakap rata dah tapi yang ini orang tak nak *court.* Yang… Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberikan kenyataan yang agak memenangkan dia ramai orang ambik *court* supaya digemparkan kononnya yang Menteri Besar ni tak senonohlah, begitulah, beginilah. Ini masalah *manu bin sia*. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih banyak.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada soalan tambahan?

(ADUN JELAI - N.02)
YB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Minta izin mencelah lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya nak bagitahu semenjak pengambilan alih kebun-kebun daripada RISDA ni, dulu pekebun-pekebun ni dapat RM33.00 je sebulan. Mesyuarat terkini RM33.00 je sebulan. Pekebun-pekebun masyarakat Orang Asli ni tapi bila ORACO ambil alih. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-ahli Dewan telah mencecah RM800.00 lebih sebulan. [Ahli Dewan menepuk meja] dan ini menunjukkan bahawa tindakan kita itu betul walaupun di sebalik tuduhan, tohmahan dan sebagainya tetapi tujuan kita, niat kita, niat Kerajaan negeri tidak lain dan tidak lain tidak bukan ialah untuk memastikan peningkatan pendapatan masyarakat Orang Asli di negeri Pahang. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita, kita bagi ni wakil daripada Cheka, kesian daripada tadi…

(ADUN CHEKA – N-04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih, daripada tadi… Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Minta maaf Yang Berhormat.

(ADUN CHEKA – N-04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih pada penjelasan yang telah diberi. Saya ingin dapat penjelasan sebab timbul polemik sikit ORACO ni di kalangan jaringan Orang Asli. Mereka buat bantahan, demonstrasi dan tak setuju. Antara isu dibangkitkan ialah isu mereka tidak dirundingkan terlebih dahulu Persatuan Penduduk Orang Asli ni waktu penubuhan ORACO.

Yang keduanya, saya dapat penjelasan beberapa Orang Asli dalam lembaga pengarah ORACO ni? Berapa ramai Orang Asli yang dimasukkan? Saya difahamkan Pengarah JAKOA pun letak jawatan kerana isu ini dan saya difahamkan mereka bantah kerana jumlah pengambilan pembayaran dibuat 20% saja pada Orang Asli 70% pada ORACO dan saya juga dapat pesan hingga setakat hari ni berapa banyak keluasan tanah yang telah diambil oleh ORACO dan perancangan. Berapa banyak lagi akan diambil alih. Terima kasih.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kepada Cheka yang membuat soalan tambahan bagi memberi ruang lagi kepada saya menjelaskan apa sebenarnya. Contohnya, persoalan mengenai er… Pengarah tu letak jawatan, dia pun bukan letak jawatan, dia dah pindah dah ke Kuala Lumpur. Entah jadi pegawai menda pun kita pun dah tak tahu. Tak ada Orang Asli, ketua pengarah apa namanya? JAKOA tu sendiri Orang Asli dan dia adalah Ahli Lembaga ORACO tu sendiri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

ORACO pun pengarah dia Orang Asli.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Pengarah dia Orang Asli. Kemudian itu sebenarnya tidak penting apa namanya Orang Asli tak Orang Asli jadi ahli lembaga pengarah, yang pentingnya Orang Asli tu dijaga tak kebajikannya. [Ahli Dewan menepuk meja]

Kalau pun Orang Asli yang menjadi ahli lembaga tu tak jaga, budak nak sekolah tak dibantu, nak ke universiti tidak dibantu, rumah *rebeh* tidak diganti, bocor tidak dibaiki. Ini ratusan rumah dah kita bina ni untuk Orang Asli di negeri Pahang. Ha, itu contoh. Kemudian tentang tanah ORACO tak ambil alih.

Untuk makluman Dato' Sri Speaker, ORACO membantu sebagaimana RISDA kelmarin bantu. Dia dah *surrender.* Jadi, kerajaan negeri arah awak buat kerja RISDA tu sebagaimana dia bantu dulu. Alhamdulillah, bukan saja dia buat, dia telah berjaya. Kita dengar tadi ini ada kenyataan, angka tu ada, kelmarin dia dapat hanya puluhan ringgit, ratusan ringgit. Sekarang dia dah dapat RM800.00 ke RM1,000.00 sebulan. [Ahli Dewan menepuk meja]

Kemudian itu ada lebihan pendapatan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang suruh masukkan dalam tabung bantu Orang Asli, tu tadi boleh buat rumah tu. Itu tadi kita boleh belikan baju sekolah Orang Asli tu. Itu tadi kita boleh bela baiki rumah Orang

Asli tu tadi daripada pengurusan ORACO tu sendiri dan CEO ORACO tu sendiri Dato' Olian namanya hamba Allah tu Orang Asli, Dato' Sri Speaker. Terima kasih banyak.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya dapat penjelasan tadi soalan yang belum dijawab hingga setakat ini, berapakah keluasan berapa ekar yang telah diambil… diambil dan berapa lagi akan diambil.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya dah *kabor* tak ambil alih. Angka, angka tu ada banyak keluasan tu... Sekejap, saya dah tulis dah…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia tolong urus jelah.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kita tolong urus. Jadi, walaupun 10 ekar kalau kita tolong urus, bukan ambil alih. Jadi, tanah tu ada 74 ladang seluas 10,759.89 hektar, Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih banyak.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, okay terakhir.

(ADUN SEMAMBU – N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker atas usaha kerajaan negeri untuk membantu warga-warga Orang Asli melalui ORACO. Cuma pertanyaan saya ada beberapa. Pertama ialah saya ingin tahu, ingin jawapan dari kerajaan negeri, berapakah bilangan isi keluarga untuk golongan Orang Asli yang terima amaun sebanyak RM800.00 setiap bulan? Dan kedua tadi pihak wakil kerajaan negeri menjelaskan bahawa Orang Asli telah diberikan geran tanah untuk membantu merekalah. Cuma berapa bilangan yang terima geran tanah ini daripada 9,000 Orang Asli seluruh Pahang? Terima kasih Dato' Sri Speaker.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ya, kita akan memberi geran tanah ini yang pertama geran tanah, yang kedua tadi soal yang mendapat hasil dividen. Yang geran tanah kita akan beri mengikut jumlah pemohon. Kalau pemohon tu 10 orang, kita akan proses yang 10 orang tu dan kita akan beri kelulusan. Jadi, yang saya sebut tadi yang telah mendapat geran tanah tadi seramai er… seramai 158 orang di Sendayan, 37 orang di Gapoi kerana mereka ini telah memohon. Ada lagi permohonan-permohonan yang lain masih di dalam proses di pangkat… di peringkat PTD dan juga PTG.

Insya-Allah benda ni kita akan buat secara proaktif dan kita akan usahakan dapat diselesaikan. Adapun jumlah dividen kalau di Kampung Terisu, seramai 323 individu. Kalau di kampung apa namanya Arong dan juga Kampung Terisu… Kampung Terisu seramai sebanyak empat, empat buah kampung yang menerimanya. Allah… bila angka ni ya… yang menerimanya lebih 300… 300 keluarga. Begitu juga di Kampung Arong, Kampung Arong ini di Pekan. Insya-Allah kita akan beri angka secara bertulis dan lebih tepat lagi kepada Ahli Dewan untuk menatapinya supaya kita tahu siapa-siapa yang telah mendapat dan bagaimana kita usahakan bantuan kepada mereka dan benda ini akan dilakukan dan dilaksanakan secara berterusan serta telus, insya-Allah Dato' Sri Speaker. Terima kasih banyak.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seterusnya soalan, seterusnya soalan nombor 4, Wakil daripada Mentakab.

(ADUN MENTAKAB – N.30)
YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

> [Apakah langkah yang akan diambil oleh Pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk menyelesaikan *Kiosk* Penjaja yang begitu banyak tidak disewa dan terbiar di kawasan lapang?]

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan, ADUN Kawasan Mentakab kerana telah mengemukakan soalan apakah langkah yang diambil oleh Pihak berkuasa tempatan untuk menyelesaikan *kiosk* penjaja yang begitu banyak tidak disewa dan terbiar di kawasan lapang?

Jadi, Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, soalan ni bukanlah yang tak berapa tepat ya. Kadang-kadang mungkin mengelirukan Dewan dan mengelirukan rakyat. Bukan tidak disewa dan kerajaan negeri bersama KPKT dan Bahagian Kerajaan Tempatan. Kita telah meminta setiap PBT-PBT untuk menghantar permohonan ya. Saya ingin menjelaskanlah ye kepada Dewan menghantar permohonan-pemohonan di setiap PBT-PBT tentang keperluan jumlah *kiosk* yang diperlukan di setiap PBT-PBT untuk diberikan kepada penyewa-penyewa ataupun yang diperlukan oleh setiap kawasan-kawasan di setiap daerah ni melalui PBT-PBT. Sebab tu berbeza-beza di Temerloh sahaja, permohonan yang telah dimohon oleh pihak PBT ialah sebanyak 113 *kiosk* dimohon di mana daripada 113 ini, 93 telah pun diserahkan kepada penyewa-penyewa ataupun peserta-peserta di mana 20 lagi, kita akan muktamadkan dan akhirnya keseluruhan yang perlu dimuktamadkan dalam negeri Pahang ini adalah berjumlah 276. 20nya di Temerloh, 276 ini akan dimuktamadkan pada bulan Mei 2025 tahun ini, insya-Allah, Terima kasih Yang Berhormat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Berhormat, Wakil daripada Tanjung Lumpur.

(ADUN TANJUNG LUMPUR – N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Terima kasih Yang di-Pertua, jadi, saya nak bertanya sikit berapakah kadar sewa *kiosk* tersebut?

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih, soalan daripada Tanjung Lumpur. Antara tujuan utama kita mewujudkan *kiosk* ini adalah untuk memberikan, menggantikan *kiosk-kiosk* contohnya kadang-kadang *kiosk-kiosk* yang lama-lama, *kiosk* kayu yang dibina menggunakan atap yang tak tentu dindingnya. Jadi, dengan mewujudkan *kiosk-kiosk* yang baru ni lebih memberikan satu nafas baru dan satu keindahan kepada setiap PBT-PBT dengan adanya *kiosk* yang lebih tahan lama dan juga *kiosk* yang cantik untuk dipandang dan dari segi sewa tu, kita menggantikan *kiosk* yang ada contohnya tempat sewa tu lama tu RM200.00 contohnya. Bila kita berikan *kiosk* yang baru tu kita tak ada peningkatan dari segi sewa dan bergantung kepada PBT, mana untuk merendahkan atau tapi tidak lebih daripada apa yang sedia ada dan sewa ini yang telah kita tetapkan di seluruh negeri Pahang, maksimum setiap *kiosk* ni ada RM300.00 maksimum tak lebih daripada RM300.00.

Terima kasih soalan daripada Tanjung Lumpur dan saya juga nak, tadi, Dato' Sri Yang di-Pertua, saya nak berterima kasih juga kepada rakan saya daripada EXCO Kerajaan bahagian luar bandar ni kerana dalam di kawasan saya dah di Arong tu dah kawasan Arong tadi daripada RM300.00 sampai RM1,000.00 dah sebulan. Jadi, dia orang sangat berterima kasihlah kepada kerajaan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Besar kita. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya ialah, sila Wakil daripada Tioman.

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sihat ya Wakil Tioman?

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Alhamdulillah sihat. Syukur alhamdulillah.

Yang Berhormat Speaker, Saya nak tanya kepada pihak kerajaan, adakah tempoh-tempoh tertentu diberikan kepada penyewa-penyewa ini untuk melunaskan bayaran sewa ataupun dibuat pengambilan balik ataupun diberi peluang kepada mereka yang baru untuk meniaga. Satu, yang kedua adakah pihak kerajaan atau PBT ini melihat, membuat kajian tentang kadar sewa ini dalam beberapa tahun tertentu ataupun dari semasa ke semasa kerana ada luahan dan aduan daripada peniaga-peniaga ini kadangkala sewaan terlalu tinggi. Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasihlah kepada sahabat saya daripada Rompin tadi. Berkenaan soalan tadi, mana... banyak ke soalan?

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Speaker, saya ulang balik soalan saya. Pertama, satu je. Sewaan *kiosk-kiosk* ini ada tempoh tertentu tak? Apabila kosong ataupun terbiar diambil balik atau diberi kepada penyewa baru. Yang keduanya, kita menerima aduan banyak gerai-gerai oleh kerana mungkin gerai baru, sewaan terlalu tinggi sedangkan kita nak beri peluang para penyewa ini untuk meniaga. Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Untuk makluman Sidang Dewan, terima kasih kepada rakan saya daripada Rompin, daripada Tioman. *Kiosk* yang kita tawarkan ini, contohnya bila kita beri untuk yang baru kita beri secara percuma selama enam bulan. Tak perlu bayar sewa selama enam bulan dan sekiranya ada didapati yang tidak digunakan dengan baik ataupun tidak berniaga contohnya dan selalunya pihak PBT akan memberikan notislah ya. Kita kerajaan negeri tidaklah dengan sewenang-wenangnya menamatkan terus sekiranya tak meniaga tu terus kita tarik balik, bukan. Kita memberi, kita mencari sebab dan menuntut tunjuk sebablah kenapa peniaga-peniaga ini tidak dapat berniaga dan mengambil tindakan-tindakan yang tertentu yang mengikut aturan-aturannya supaya tindakan yang sesuai dapat diambil kepada peniaga-peniaga yang tidak menjalankan perniagaan apabila telah ditawarkan dengan *kiosk* yang terbabit ini.

Jadi menjawab soalan yang kedua berkenaan sewa ini, pihak Yang Berhormat bolehlah mengadakan apa ini, merujukkan tentang bantahan ini ataupun aduan ini kepada pihak Kerajaan Tempatan supaya diambil tindakan yang sempurna dan sebelum ini pun kita tidak menerima sebarang aduan mengenai kadar sewa ini dan kita tertakluk kepada bidang kuasa di pihak PBT yang sentiasa menjalankan kajian dan juga maklum balas daripada peniaga-peniaga di setiap kawasan-kawasan PBT masing-masing. Dan walau bagaimanapun, Yang Berhormat daripada Tioman bolehlah membincangkan perkara ini di pihak PBT dan di pihak PBT juga kita ada Ahli-ahli Majlis yang telah kita lantik supaya dapat meneliti dan menilai setiap keperluan ataupun masalah-masalah dengan Kerajaan Tempatan di kawasan masing-masing dan akan dibawa dalam mesyuarat penuh PBT yang akan diadakan setiap bulan dan tindakan sesuai bolehlah diambil mengikut kesesuaian. Terima kasih Yang Berhormat.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan. Boleh Yang Berhormat Speaker?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila-sila, terakhir.

(**ADUN BESERAH - N.12)**
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Okay, terima kasih pihak kerajaan. Saya cuma nak menyentuh sedikit tentang *kiosk* ini. Ada tak kajian dibuat tentang kesesuaian *design* atau reka bentuk *kiosk* itu dengan jenis perniagaan sebab *kiosk* yang direka ataupun yang diberikan ini... dibekalkan ini memang sesuai untuk perniagaan yang berbentuk *take away* inilah, *burger* dan sebagainya. Tapi bagaimana dengan mereka yang berniaga perlu masak? Bekalan air tak ada, elektrik tak ada. Dia perlu masak macam Beserah ada mi calong nak buat, *kiosk* itu tidak sesuai untuk perniagaan jenis itu. Jadi, hasrat PBT untuk nak mengindahkan atau mencantikkan suasana itu, dia jadi terbantut kerana peniaga-peniaga yang sepatutnya berniaga tidak dapat berniaga kerana tidak sesuai. Reka bentuk *kiosk* itu dengan jenis perniagaan mereka. Ada tak kajian dibuat untuk reka bentuk *kiosk* yang lebih sesuai untuk perniagaan ini, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, itu sebab dia panggil *kiosk*. Kalau panggil untuk mi calong, dia panggil gerai.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat, sebab semua peniaga lain tu tak boleh meniaga dah lepas ni sebab bila ada *kiosk* ini, semua kena pergi *kiosk*. Hah, itu yang isu dia.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua tolong menjawab untuk sayalah. Tepatlah jawapan tu. Maknanya kalau kita ni sebuah restoran untuk masak semua ni, semua restoran tetapi kumpulan *kiosk* ni adalah untuk peniaga-peniaga yang pertengahan itu, yang berniaga contoh macam goreng pisang... contohnya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Souvenir.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Kuih-kuih muih, *souvenir* dan berbagai-bagai lagilah. Tapi kalau nak besarkan lagi kenalah ambil restoran. Nak masak *proper*, nak masak yang lebih sempurna, menyediakan makanan yang lebih banyak, kena ada restoran. Dan kita memberi peluang ini, setakat ini tak ada lagi kita mendengar aduan-aduan berkaitan dengan tempat yang contohnya yang mempunyai masalahlah. Dan setakat ini kita pihak Kerajaan Tempatan akan sentiasa memantau. Sebab tu daripada tadi kita beritahu, daripada 740 tu sampai sekarang, 270 tu akan dimuktamadkan dan adanya *grace period* ataupun tempoh enam bulan itu diberikan secara percuma dan dalam tempoh enam bulan tu ada pulak peniaga-peniaga kita, dia tak berniaga kerana mungkin dia merasa enam bulan itu dia banyak duit. Bila dah duit nak habis esok baru dia meniaga. Bila masuk waktu percuma ini dia tak nak meniaga. Ah! itu pelik orang kita ini. Rakyat Malaysia ini dia lain sikit kerana tempoh percuma dia tak menjalankan perniagaan.

Tapi bila dah nak habis besok baru dia akan mulakan perniagaan. Mungkin tempoh untuk dia orang ini apa... merancanglah perniagaan masing-masing. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya wakil ADUN Dilantik.

(AHLI DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 5.

> Apakah jumlah kemalangan dan angka kematian yang telah direkodkan sejak pembukaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) sepanjang laluan dalam negeri Pahang? Di manakah lokasi-lokasi atau *hotspot* yang paling kerap berlaku kemalangan?

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Ahli Yang Dilantik. Soalan yang dikemukakan kepada er... soalan yang dikemukakan adalah perkataan dengan jumlah kemalangan dan angka kematian yang telah rekodkan semenjak pembukaan LPT sepanjang laluan di dalam negeri Pahang dan di manakah lokaliti *hotspot* yang kerap berlaku kemalangan?

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebuh raya bertol di bawah seliaan Lembaga Lebuhraya Malaysia ataupun ringkasnya LLM di dalam negeri Pahang bermula dari sempadan negeri Selangor dan Pahang iaitu di KM 37.5 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak iaitu di Terowong Genting Sempah sehingga ke KM 247.2 Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 iaitu sepanjang 209.7 kilometer. Pengoperasian dan penyelenggaraan lebuh raya ini adalah di bawah tanggungjawab syarikat konsesi AFA Prime Berhad dahulunya dikenali sebagai ANIH Berhad. Aspek keselamatan adalah merupakan perkara yang diberikan keutamaan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia dan syarikat konsesi dalam pelaksanaan operasi lebuh raya bagi memastikan pengguna lebuh raya selamat dan selesa apabila menggunakan lebuh raya tersebut. Pihak LLM menerusi sistem aplikasi Malaysia, Highway Road, Accident Analysis and Database System atau nama ringkasnya (MHROADS) yang dibangunkan pada tahun 2016 telah merekodkan data-data kemalangan di sepanjang jajaran lebuh raya.

Analisa kemalangan akan dilaksanakan setiap tahun bagi memastikan sekiranya terdapat lokasi-lokasi yang kerap berlaku kemalangan ataupun dengan istilahnya *blackspot* supaya tindakan mitigasi sewajarnya dapat diambil bagi mengurangkan risiko kemalangan di lokasi berkenaan pada tahun-tahun berikutnya. Keberkesanan tindakan mitigasi yang dilaksanakan akan dipantau untuk memastikan kadar kemalangan dapat dikurangkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya LPT1 telah mula beroperasi pada tahun lepas dan berdasarkan daripada, berdasarkan data yang diperolehi daripada pihak PDRM, jumlah kemalangan direkodkan sehingga Disember 2024 adalah sebanyak 35,551 kes dan jumlah kematian sebanyak 730. Tiada lokasi dikatakan sebagai *blackspot* di Lebuhraya LPT1 tetapi lebih kepada lokasi yang sering berlaku kemalangan. Tindakan pembaikan telah diambil untuk mengurangkan risiko kemalangan dan lokasi berkenaan adalah lokasi KM 238.7 arah

Barat & KM 87 arah Barat. Jadi, antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak AFA Prime Berhad bagi tujuan meningkatkan aspek keselamatan di Lebuhraya LPT1 adalah seperti berikut. Pertamanya, Audit Keselamatan Jalan Raya peringkat 5 itu… jalan er… jalan yang telah beroperasi telah dilaksanakan di Lebuhraya LPT1 dan LLM telah mengarahkan pihak AFA Prime Berhad untuk mengambil tindakan pembaikan berdasarkan penemuan audit bagi mengurangkan risiko kemalangan di Lebuhraya LPT1. Selain daripada itu, kerjasama daripada pihak penguatkuasaan seperti PDRM dan JPJ bagi memastikan kenderaan berat yang menggunakan lebuh raya mematuhi undang-undang yang ditetapkan terutamanya kesalahan lebihan muatan. Selain daripada itu, memastikan info dan hebahan awam dibuat dengan cepat dan jelas kepada pengguna berkenaan sebarang kejadian luar hal… hal luar jangka yang berlaku bagi memudahkan pengguna lebuh raya memanjangkan perjalanan dan melakukan kempen keselamatan dan sesi advokasi bersama pengguna jalan raya bagi meningkatkan kesedaran berkenaan aspek keselamatan dan kepentingan mematuhi peraturan lalu lintas. Sekian, terima kasih.

(AHLI DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(AHLI DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Bolehkah kerajaan negeri mencadang kepada pihak Lembaga Lebuhraya supaya membina *divider* yang lebih tinggi atau kukuh untuk mengurangkan kemalangan. Sebagai contohnya, yang baru-baru ini, mengikut er… video *social media*, terdapat satu kemalangan yang berlaku di kawasan Lipur Lentang menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri di mana ada satu kenderaan telah *cross over* dan menyebabkan kemalangan mengakibatkan tiga kematian. Saya cadangkan kerajaan negeri boleh cadang kepada pihak LLM membina *divider* yang lebih tinggi, yang lebih kukuh untuk keselamatan di sebelah hala. Terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

Kalau kita lihat sekarang ini pun, sudah ada kawasan-kawasan tertentu yang di mana *divider*nya telah dibina dengan lebih tinggi dan perkara ini akan diambil perhatian dan akan… kita akan minta pihak LLM untuk mengkaji tempat-tempat yang dimaksudkan itu dan sekiranya perlu kita akan minta pihak LLM untuk… ataupun pihak konsesi untuk membina *divider* yang lebih tinggi. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, Wakil daripada Batu Talam.

(ADUN BATU TALAM – N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan Salam Pahang 1st. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, pertanyaan saya nombor 6.

[Inisiatif Subsidi Pembedahan Katarak Mata mula dilaksanakan pada tahun 2024 dan diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2025.

a. Berapakah bilangan rakyat yang mendapat manfaat daripada program ini pada tahun 2024?

b. Apakah perancangan bagi pelaksanaan program ini pada tahun 2025?]

(ADUN GUAI – N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga sahabat yang bertanya er… mengenai soalan katarak mata ya dan dua soalan yang telah dikemukakan oleh sahabat daripada kawasan Batu Talam yang pertamanya adalah berapakah bilangan rakyat yang mendapat manfaat daripada program ini pada tahun 2024 dan apakah perancangan bagi pelaksanaan program ini pada tahun 2025.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Pelaksanaan Inisiatif Bantuan Pembedahan Katarak Mata Rakyat Pahang Darul Makmur adalah sebahagian agenda kebajikan rakyat Pahang yang bermula pada tahun 2024 menerusi Bantuan Prihatin Pahang yang diumumkan dalam Belanjawan Tahun 2024. Sasaran awal Bantuan Subsidi Pembedahan Katarak Mata ini adalah diperuntukkan kepada warga emas dengan nilai RM3,000.00 kepada er… RM3,000.00 kepada 500 orang penerima dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.5 juta yang merangkumi segenap lapisan masyarakat di negeri Pahang tanpa mengambil kira kaum, agama dan fahaman politik yang memohon daripada Jabatan Kebajikan er… Jabatan Kesihatan Negeri.

Inisiatif ini bertujuan untuk memberi peluang kepada warga emas yang menghadapi masalah penglihatan akibat katarak mata dan tidak berkemampuan untuk mendapat rawatan melalui pembedahan mata. Melalui pembedahan mata ini, warga emas dapat meningkatkan keupayaan mereka untuk hidup berdikari dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Inisiatif ini telah dipertanggungjawabkan ke bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri sebagai agensi pelaksana. Bagi merealisasikan inisiatif ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah bekerjasama dengan Bahagian Oftalmologi, Jabatan Kesihatan Negeri yang mempunyai kepakaran berkaitan pembedahan mata ini. Program bantuan pembedahan katarak mata ini dilaksanakan secara harian dan secara karnival di negeri er… di Hospital Rompin, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Hospital Lipis dan juga Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh.

Melalui subsidi pembedahan katarak mata yang telah dilaksanakan pada tahun 2024 dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta ini telah berjaya memberi manfaat kepada 854 penerima di kalangan warga emas yang memenuhi kriteria berbanding sasaran awal er… sasaran asal yang ditetapkan iaitu 500 orang sahaja dan untuk jawapan bagi soalan yang kedua adalah pada tahun 2025, inisiatif ini diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM1 juta seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri

Besar Pahang dalam Belanjawan tahun 2025 melalui Inisiatif Pahang… Inisiatif Makmur Pahang dengan peruntukan sebanyak RM1 juta ini diunjurkan seramai 665 orang penerima di kalangan warga emas yang er… yang memenuhi kriteria dan *outcome* yang disasarkan dengan pelaksanaan program ini adalah peningkatan bilangan warga emas di negeri Pahang yang lebih sihat dari aspek penglihatan dan kesejahteraan dalam hidup.

Berdasarkan perancangan, terdapat cadangan dari pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pahang untuk memohon kuota sebanyak 10% dari jumlah penerima setiap tahun diberi kepada er… untuk diberikan kepada kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU) dan penerima subsidi bagi kali pertama. Berdasarkan data pada tahun 2024, didapati tiga golongan ini yang meliputi 10% dari jumlah penerima atau kes terpencil ini tidak berkemampuan untuk mendapat rawatan kerana subsidi yang diberikan hanya kepada warga emas sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, wakil Ahli Yang Dilantik.

(AHLI DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 7.

> [Apakah langkah-langkah yang diambil dan insentif-insentif yang diberikan oleh kerajaan negeri bagi menjaga kebajikan atlet-atlet dan bekas-bekas atlet Pahang?]

(ADUN DONG – N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Assalamualaikum WBT dan selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan terima kasih juga Yang Berhormat Tuan Fadzli er… Mohd Fadzli Mohd Ramly, Ahli Yang Dilantik bertanya soalan mengenai inisiatif serta insentif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pahang bagi menjaga kebajikan atlet-atlet dan juga bekas atlet negeri Pahang.

Dato' Sri Yang di-Pertua er… Dato' Sri Speaker,

Sesungguhnya Kerajaan Negeri Pahang cukup mengambil berat soal kebajikan atlet dan juga bekas atlet di negeri ini kerana sesungguhnya mereka telah berjuang habis-habisan, berkorban jiwa dan raga, berusaha gigih bukan sahaja memastikan nama Pahang diangkat dan dimartabat di persada dunia tetapi juga memastikan pembangunan dan kemajuan sukan di negeri Pahang ini berada pada tahap yang terbaik. Pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk atlet-atlet ini antara inisiatifnya ialah Atlet Makmur. Inisiatif ini dimulakan pada tahun 2022 sebagai usaha sama antara Kerajaan Negeri Pahang dan juga Majlis Sukan Pahang dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00 untuk 1,000 atlet dan pada tahun 2023 er… peruntukan ini terus disalurkan dengan jumlah yang sama iaitu RM300,000.00 untuk 1,000 atlet di mana melalui inisiatif ini, atlet-atlet di Pahang termasuk juga atlet-atlet di kalangan Orang Kurang Upaya menerima bantuan *one-off* berjumlah RM300.00 setiap seorang dan inisiatif ini diteruskan pada tahun 2024 dan ketika itulah ditukar namanya kepada Inisiatif Atlet Makmur dengan penambahan pemberian

kepada atlet Pahang yang turut memenangi pingat di peringkat Majlis Sukan… Majlis Sukan Sekolah Malaysia atau MSSM.

Dan kedua adalah insentif kepada atlet cemerlang dalam pelajaran. Di mana melalui inisiatif ini, Kerajaan Negeri Pahang memberi ganjaran kepada atlet-atlet Pahang yang mencapai keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dan melalui inisiatif ini, pelajar-pelajar yang memperolehi Gred A ini memperolehi sekurang-kurangnya RM200.00 dan setiap tambahan A atau gred A ni ada tambahan RM100.00 setiap penambahan.

Dan inisiatif ini telah dimulakan pada tahun 2023. Tahun lalu, kita teruskan dan insya-Allah, pada tahun ini juga, kerajaan negeri akan teruskan pemberian insentif ini. Dan inisiatif ini dilihat sangat berkesan di mana makin ramai atlet-atlet Pahang yang mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM ini.

Yang ke-3 Dato' Sri Speaker adalah Elaun Khas Latihan Atlet. Di mana bermula pada tahun lalu, iaitu tahun 2024, *allowance* atlet ini telah dinaikkan. Kadar sebelumnya adalah, tahun-tahun sebelumnya adalah RM100.00 sebulan yang ini ikut pakej-pakej dia. Yang ada menang pingat di SUKMA, pakej dia lain, tapi secara atlet-atlet baru yang mewakili Pahang di SUKMA sebelum ini, *allowance* latihannya adalah RM100.00 sebulan tapi bermula pada tahun 2024 iaitu Januari telah dinaikkan kepada sekurang-kurangnya RM250.00 sebulan iaitu satu peningkatan yang cukup besar bagi memastikan kebajikan atlet ini terus terpelihara.

Dan selain daripada bantuan tunai ini, banyak lagi bantuan makanan tambahan misalnya, peralatan yang terus diberi kepada atlet.

Keempat adalah peralatan dan perkakasan sukan. Ini juga termasuk kepada atlet-atlet Pahang yang berlatih di Majlis Sukan Negara untuk mewakili Malaysia dan untuk SUKMA Sarawak pada tahun lalu, perbelanjaan untuk persiapan peralatan atlet ini adalah berjumlah hampir RM3 juta.

Dan selain daripada insentif atau inisiatif kebajikan untuk atlet-atlet ini, kita juga melaksanakan pelbagai bantuan dan sokongan kepada bekas-bekas atlet Pahang itu sendiri.

Pertamanya adalah penawaran sebagai jurulatih di Majlis Sukan Pahang dan data terkini menunjukkan seramai 23 orang daripada 33 orang atau bersamaan 70% kakitangan di Majlis Sukan Pahang adalah dari kalangan bekas-bekas atlet yang kini menyumbang tenaga sebagai jurulatih sepenuh masa di Majlis Sukan Pahang.

Manakala 18 orang daripada 48 orang jurulatih sambilan atau bersamaan 37% merupakan bekas atlet-atlet muda yang kini dilantik sebagai jurulatih sambilan di Majlis Sukan Pahang. Dan yang menariknya adalah gaji minimum jurulatih sukan sepenuh masa di Majlis Sukan Pahang ini telah dinaikkan kepada sekurang-kurangnya RM2,000.00 bermula pada Mac tahun 2023.

Jadi, kita nampak di sini bahawa kebajikan bekas-bekas atlet yang kemudiannya menjadi jurulatih sepenuh masa di Majlis Sukan Pahang ini menerima gaji minimum sekurang-kurangnya RM2,000.00 dan kita kalau kita bandingkan dengan Majlis Sukan Negara, kadar gaji minimum jurulatih di Majlis Sukan Negara RM2,100.00 kita kurang sedikit je.

Kadar ini juga antara Pahang dan negeri-negeri lain, antara yang tertinggi. Jadi, saya ucap syabas dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja, Menteri Besar Pahang kerana sudi meluluskan peruntukan ini sekali gus meletakkan kedudukan martabat jurulatih sepenuh masa di Majlis Sukan Pahang ini berada lebih baik berbanding dengan negeri-negeri lain.

Keduanya adalah penubuhan Tabung Sukan Pahang. Di mana antara tujuan penubuhannya adalah bagi melaksanakan program-program pembangunan sukan berprestasi tinggi dan melalui tabung ini, penyumbang mendapat pelepasan cukai selain boleh terlibat untuk pelaksanaan program-program Pembangunan Sukan Berprestasi Tinggi ini. Ini juga langkah ke hadapan kerajaan negeri untuk membela kebajikan atlet.

Dan selain daripada usaha-usaha ini, banyak lagi insentif dan sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pahang melalui Majlis Sukan Pahang kepada atlet dan juga bekas atlet termasuklah sumbangan ketika mereka ditimpa musibah atau ada di kalangan atlet yang kemalangan sehingga meninggal dunia. Banyak pakej-pakej dan sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Dan selanjutnya adalah peluang melanjutkan pengajian atau pendidikan. Majlis Sukan Pahang di bawah inisiatif ini telah menandatangani… menandatangani beberapa perjanjian pemuafakatan bagi jalinan kerjasama penyediaan latihan kemahiran dan pendidikan kepada bekas atlet untuk membantu mereka beralih ke bidang pekerjaan lain selepas bersara dari dunia sukan.

Sektor yang boleh diterokai termasuklah kejurulatihan, keusahawanan dan pengurusan sukan. Saya ucapkan terima kasih bagi pihak Kerajaan Negeri Pahang kepada agensi yang telah memberikan sokongan dan kerjasama termasuklah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, UiTM Cawangan Jengka dan juga Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) atas usaha dan kerjasama bagi membela nasib para atlet atau bekas atlet melalui pelanjutan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

Dan inisiatif seterusnya adalah peluang kerjaya di sektor awam dan juga swasta. Majlis Sukan Pahang telah mengadakan perbincangan bersama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Pahang atau SPA bagi menyokong bekas atlet mendapatkan pekerjaan dalam sektor awam dan syarikat berkaitan kerajaan di negeri ini.

Syarikat swasta juga digalakkan untuk mengambil bekas atlet bekerja sebagai penghargaan terhadap segala jasa, pengorbanan serta sumbangan yang telah dicurahkan oleh para atlet ini.

Dan suka saya berkongsi sedikit data bahawa seramai 44% kakitangan Majlis Sukan Pahang adalah terdiri daripada 18 orang bekas-bekas atlet negeri Pahang sama ada yang telah bertanding di peringkat Sukan Malaysia, di peringkat kebangsaan, kebangsaan mahupun antarabangsa.

Dan saya nak mengambil kesempatan ini untuk ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada agensi yang telah menawarkan peluang pekerjaan kepada para atlet Pahang khususnya ialah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. 20 orang atlet atau bekas atlet telah bekerja, diambil bekerja di sini. Majlis Bandaraya Kuantan 27 orang bekas atlet, Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang atau PKPP 4 orang atlet. Jadi, Kerajaan Negeri Pahang amat mengalu-alukan sokongan daripada semua pihak sama ada agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan mahupun pihak swasta untuk sama-sama memberikan sokongan kepada bekas atlet ini. Dan kita lihat bila mana ada

sokongan sebegini, lebih menarik penyertaan anak muda dan belia untuk menjadi atlet di negeri Pahang. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

(AHLI DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Satu soalan tambahan.

(AHLI DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Terima kasih er... Yang Berhormat EXCO dan saya begitu berbangga dan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat EXCO dan kerajaan negeri atas inisiatif yang telah dilakukan yang saya percaya banyak memberikan faedah kepada atlet-atlet negeri Pahang.

Yang kedua juga saya nak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat EXCO kerana insya-Allah pada 26 April ini, Pahang telah melangkah ke final Piala Malaysia dan saya jangka Pahang akan menang 2 - 0 insya-Allah. [Ahli Dewan menepuk meja]

Er... Soalan tambahan saya. Jadi kalau disebutkan tadi, insya-Allah. Er... jumlah tadi diberikan satu angka bahawa terdapat agensi kerajaan dan juga yang berkaitan dengan kerajaan yang telah menyerap masuk atlet-atlet negeri Pahang. Cuma jumlah yang saya dapat lihat tadi agak masih kecil kerana kalau kita dapat lihat di luar sana baru-baru ni kita tengok ada bekas pemain Pahang Gopinathan tu dia jual air balang je. Jadi, begitu juga saya dapat maklum bahawa terdapat juga atlet-atlet Pahang ni, bekas pemain-pemain bola sepak yang terpaksa bersaing dengan pemohon-pemohon untuk masuk *interview* untuk menyertai majlis-majlis daerah di kawasan-kawasan mereka.

Jadi saya nak... nak... nak mintak pandangan ataupun apa nama ni adakah kerajaan negeri akan memberikan keutamaan kepada atlet-atlet Pahang ini tak kira apa bidang, apa sukan sekalipun untuk kita serap masuk mereka ni kerana saya percaya kalau kita berjaya serap masuk mereka ni sudah tentu karier mereka akan berpanjangan dan yang kedua kita dapat membantu kelangsungan hidup mereka. Itu sahaja Dato' Sri Speaker. Terima Kasih.

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Dato' Sri Speaker. Saya sangat-sangat setuju dengan saranan dan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dan sebetulnya usaha telah digerakkan. Misalnya tadi daripada angka yang saya sebut SUK dah ambil 30 orang bekas atlet, Majlis Bandaraya Kuantan 25 orang bekas atlet dan usaha tegar… sedang digerakkan dengan kerjasama *State GLC* yang lain dan saya sangat-sangat mengalu-alukan daripada Pihak berkuasa tempatan, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah di seluruh negeri Pahang ini untuk bagi keutamaan kepada bekas-bekas atlet ini yang kebanyakannya memang ada disiplin dan semangat berpasukan yang cukup baik dan saya percaya daripada rekod yang ditunjukkan misalnya di Majlis Sukan Pahang sendiri, bekas-bekas atlet ini memang telah terlatih dan layak untuk

memegang jawatan-jawatan penting dalam kerajaan, dalam PBT mahupun Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Jadi, saya harap sangat para pentadbir pun ada di sini untuk bagi sokongan kepada bekas-bekas atlet ini. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan tambahan satu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Baik Wakil Cheka.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya ingin bangkitkan isu stadium yang terbiar khususnya Stadium Jengka. Stadium Jengka ni tak banyak *game* yang diadakan dan sangat kurang. Saya mohon supaya satu mekanisme dapat dibuat supaya stadium-stadium yang telah kita bina dengan bilion ringgit yang dapat kita manfaatkan terutama bila FELDA, pasukan FELDA dah tidak masuk liga dan akhirnya kita tengok dia sangat terbiar. Apa perancangan kerajaan untuk memaparkan stadium-stadium. Terima kasih.

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat Cheka. Untuk makluman Yang Berhormat kalau sebut pasal stadium ini di bawah kawal selia kerajaan negeri hanya satu iaitu Stadium Darul Makmur. Dan Stadium Darul Makmur kalau kita tengok sekarang sedang melalui transformasi yang cukup baik. Kalau saya boleh kongsikan, kalau dulu pendapatan Stadium Darul Makmur ini sekitar RM1 juta setahun, tapi sekarang sudah melebihi RM2 juta setahun dan transformasi ni kalau kita tengok siapnya padang… padang kita nanti akan lebih bernilai tinggi. Cuma untuk stadium di Jengka ni bukan di bawah kawal selia dan tanggungjawab Kerajaan Negeri Pahang. Namun, saya sentiasa berhubung dengan Yang Berhormat dari Pelangai yang bertanggungjawab untuk juga atas portfolio FELDA ini melihat kerangka-kerangka dari segi program dan sebagainya untuk stadium di Jengka ni dan mungkin FELDA ada punya perancangan. Saya mungkin boleh mintak nanti Yang Berhormat untuk kongsikan dalam Dewan Yang Mulia ni. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya kita jemput Wakil daripada Beserah.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Speaker, saya kemukakan soalan 8.

[Isu bekalan beras tempatan;

a) Berapakah jumlah agihan yang diterima oleh Pahang untuk bekalan beras tempatan pada tahun 2024?

b) Bagaimanakah agihan beras tempatan tersebut dibuat di negeri Pahang?

c) Apakah langkah kerajaan untuk memulihkan semula bekalan beras tempatan di pasaran?]

(ADUN TERUNTUM - N14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih. Salam sejahtera, Selamat Hari Raya semua. Untuk menjawab soalan dari Beserah bermula untuk soalan A ya. Bermula September 2023 sehingga kini, pihak FAMA telah melaksanakan Pelan Intervensi BPT atau Beras Putih Tempatan di seluruh negara. Sehingga kini sebanyak 248,841 kampit beras telah diedarkan oleh FAMA Negeri Pahang. Daripada jumlah itu, 89,192 kampit telah diedarkan pada tahun 2023, manakala 145,649 kampit pada tahun 2024 dan 14,000 kampit pada tahun 2025 sehingga 10 April 2025.

Untuk menjawab soalan B. Pengagihan beras oleh FAMA Negeri Pahang adalah melalui empat buah Pusat Operasi iaitu di Jerantut, Lanchang, Kuantan dan Cameron Highlands serta diedarkan melalui 46 buah Kedai Agrobazaar FAMA di seluruh negeri-negeri serta melalui program-program anjuran FAMA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah agihan yang diterima oleh negeri Pahang untuk bekalan Beras Putih Tempatan (BPT) pada tahun 2024 adalah sebanyak 206,388 kampit 10 kg di seluruh negeri Pahang.

Beras Putih Tempatan diagihkan di *outlet* pemasaran FAMA dan LPP seperti Agrobazaar, pasar tani kekal dan pasar tani. Selain agihan ke *outle*t pemasaran, FAMA dan LPP turut mengadakan jualan terus kepada pengguna melalui jualan Agro Madani yang dianjur di lokasi terpilih seluruh negeri Pahang. Selain FAMA dan LPP syarikat pemborong beras yang besar di negeri Pahang seperti Jasmine, OEL dan Serba Wangi PH turut mengagihkan BPT ke pasar raya yang terpilih di negeri Pahang. Tetapi agihan ini mengikut stok bekalan BPT yang terhad dan tidak dapat memenuhi permintaan pengguna.

Untuk menjawab soalan C. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengenai pengumuman Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Dewan Rakyat pada 13 Februari 2025. Harga Beras Putih Tempatan dikekalkan pada RM2.60 per kilo melalui penyerapan sebahagian kos pengeluaran oleh kerajaan sebanyak RM150 juta bagi mengeluarkan kira-kira 24 juta kampit BPT untuk tempoh enam bulan secara berperingkat di pasaran. KPKM juga sedang dalam peringkat akhir untuk melaksanakan sistem *trust and tracking* semua kampit BPT di pasaran. Keluasan penanaman padi di negeri Pahang adalah sebanyak 13,356 hektar dan jumlah pengeluaran padi sebanyak 40,443 metrik tan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 33,211 metrik tan beras dihasilkan. Hasil pemeriksaan padi kepada beras kebiasaannya mencapai kadar antara 55 hingga 65% bergantung kepada teknologi pemprosesan yang digunakan. Bagi meningkatkan pengeluaran beras tempatan, kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi moden dan amalan pertanian pintar seperti penggunaan *drone* untuk pembajaan. Kerajaan juga menyediakan program latihan dan pemindahan teknologi kepada petani yang mengenai teknikal penanaman, pengurusan tanaman serta penggunaan racun perosak dan baja yang selamat dan berkesan.

Selain itu, kerajaan negeri turut memperkukuhkan dana bagi membangunkan kawasan paya yang terbiar sebagai salah satu langkah untuk menambah keluasan dan meningkatkan produktiviti tanaman padi di negeri Pahang. Usaha ini diharap dapat

memastikan bekalan beras tempatan yang berkualiti, selamat dan mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat. Untuk juga maklumat semua, tender untuk semua sekolah, tentera, hospital, penjara juga tidak membenarkan pengguna beras tempatan mulai hujung tahun 2023. Sekian terima kasih.

(ADUN BESERAH - N12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, wakil daripada...

(ADUN BESERAH - N12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih wakil kerajaan di atas jawapan yang diberikan. Saya buat sedikit perkiraan kasar bila disebutkan angka-angka tadi. Jumlah agihan beras tempatan negeri Pahang untuk tahun 2023-2024 lebih kurang 200,000 kampit lebih kurang 2,000 metrik tan sedangkan mengikut anggaran BERNAS, keperluan negeri Pahang ini kita ada 1.7 juta rakyat anggaran. Satu orang perlu 80 kilo setahun. Maknanya negeri Pahang perlu 136,000 metrik tan setahun dan kita dapat hanya 2,000 tan je. Makna kita kurang 130,000 tan. Sebab itu kita berdepan dengan masalah ini setahun. Jadi, saya rasa apa yang perlu kita buat adalah bagaimana kita nak merangka satu, supaya besar ni... kita perlu 130,000 dapat 2,000 tan je. 130,000 dapat 2,000.

Maknanya satu angka yang besar kalau kita tak ambil langkah yang betul, yang tepat, kita akan berdepan dengan masalah ini lebih panjang. Jadi bagaimana kerajaan dengan belanjawan yang dibentangkan baru ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri mengurangkan bajet pertanian daripada RM58 juta pada tahun 2024 kepada RM36 juta pada tahun 2025 nak mengatasi langkah ini. Jadi ini langkah yang saya lihat perlu dinilai semula.

Pihak-pihak kerajaan boleh nilai semula untuk kita bangun sebagai sara diri beras ni kita, sebab banyak ni kita sekarang ni *production* Pahang hanya 11,000 tan setahun. Kita keluarkan, kita perlu 136,000 tan setahun. Jadi, langkah yang perlu lebih... lebih holistik lebih tersusun perlu kita ambil untuk selesai atau atasi masalah ini lebih banyak. Terima kasih.

(ADUN TERUNTUM - N14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih soalan tambahan dari Beserah. Terima kasih sebab jumlah penduduk di Pahang ni 1.6 juta. Tapi bukan semua orang guna beras tempatan. Yang guna beras tempatan ini orang...

(ADUN BESERAH - N12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sekejap... Kalau kita ambil 60% sahaja yang guna beras tempatan, kita perlu lebih kurang 81,000 tan, juga jauh…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak apa Yang Berhormat ... Bagi kerajaan jawab dulu.

(ADUN BESERAH - N12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya nak… nak… nak betul.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ha .. tak apa...

(ADUN TERUNTUM - N14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Yang guna beras tempatan ini biasa orang restoran okey dan juga orang yang miskin tegar. Orang kaya-kaya ni tak makan beras tempatan untuk Ahli Yang Berhormat. Saya ingat Ahli Yang Berhormat tidak makan beras tempatan, betul tak. *So* apa yang kita dapat, kita dari pusat. Apa yang... kita bagi kita cuba agihkan. Bukan semua orang nak makan beras tempatan. Kalau nak ikut kebetulan, memang tak cukup. Semua nak untung besar, restoran. Itu sebab kita kawal. Bila dia pergi beli tu, kita bagi satu kampit atau dua kampit. Itu paling maksimum. Katakan kita hantar ke pasar raya 200 kampit tak sampai satu jam habis. Kalau kita bagi 2,000 kalau tak silap sayalah satu hari pun habis dan mereka simpan, bukan makan, simpan untuk berniaga. Keluar masuk, keluar masuk, beli.

Itu sebab kita kena kawal untuk Ahli Yang Berhormat. Okey saya ingatlah kalau kita nak puaskan semua keperluan pada rakyat kemungkinan tidak terjadilah. Itu sebab kita tadi yang saya bangkitkan, memang kita apa tu sekejap ye. Yang tadi saya cakaplah. Memang kita tidak dapat memenuhi permintaan pengguna. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Amat Berhormat nak tambah sikit.

(ADUN JELAI - N02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, angka yang diberi oleh ADUN Beserah tadi masih boleh dipertikaikan. Kurang tepat tapi hampir tepatlah. Cuma saya nak bagitahu di Dewan Yang Mulia ni, Yang Berhormat Dato' Speaker. Apa yang kerajaan negeri kita buat memang tidak mencukupi. Kita tidak nafikan tetapi setakat hari ni saya nak bagitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua, apakah yang Kerajaan Negeri Pahang telah buat. Yang pertama sekali kita cuba melibatkan *state* GLC dan sekarang ni tiga *state* GLC yang telah pun melibatkan diri dalam penanaman padi. Kalau tak silap saya iaitu PSK di Merchong, 1,300 ekar, PKPP di Rompin sebanyak 3,000 ekar. Ini yang dah, dah dibuat ni bukan baru nak buat bukan. Bukan makna YB cakap baru kerajaan negeri nak buat. Tidak, yang telah pun dibuat. Makna kalau boleh YB keluar, kalau buat kenyataan... *statement*, kata saya bercakap supaya penambahan beras tempatan di negeri Pahang ini dipertingkatkan.

Tetapi sebenarnya kerajaan negeri dah buat dah melalui *state* GLC iaitu di… di PKPP Rompin 3,000 ekar. Manakala di yang terkini ialah di Yayasan Pahang di Ganchong, sebanyak 500 ekar. Ini sedikit sebanyak akan menambah bekalan beras tempatan di negeri kita. Dan saya juga ingin nyatakan di sini bahawa di seluruh negara keluaran beras tempatan ialah sebanyak 60%. Daripada dulu lagi, sebab tu kita perlu import. Memang kita tak cukup. Yang menyebabkan ketidakcukupan ni antara negeri yang paling banyak kawasan sawah padi yang mengecut di sini ialah di negeri Kedah sebab dia buat projek perumahan.

Jadi, kawasan tanaman padi semakin berkurang dan kita terpaksa import lebih banyak. Itu sajalah maklumat tambahan Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Itu sebabnya kenapa saya nak tambah sikit Yang Amat Berhormat kita terlalu cepat memodenisasi ataupun memindah daripada pertanian kepada teknologi kepada negeri industri satu ketika dululah pada Perdana Menteri keempat. Kalau kita modenisasikan…modenisasikan *agriculture* ataupun pertanian, mungkin kita tak jadi seperti apa kita hadapi sekarang ni. Soalan seterusnya soalan nombor sembilan. Wakil daripada Tanah Rata.

(ADUN TANAH RATA – N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato’ Sri Speaker, soalan saya nombor 9.

[Sektor Ekopelancongan di Cameron Highlands]

a) Apakah langkah atau inisiatif kerajaan untuk mempertingkatkan sektor ekopelancongan di Cameron Highlands?

b) Bagaimanakah kerajaan menjalin kerjasama dengan pemain industri, serta apakah bantuan atau insentif yang disalurkan bagi merancakkan sektor ekopelancongan di Cameron Highlands?

c) Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membuka permohonan malim gunung bagi memperkasa aktiviti mendaki gunung?]

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Dato’ Sri Speaker dan Yang Berhormat Tanah Rata. Untuk soalan (a), Langkah kerajaan untuk mementingkan mempertingkatkan sektor ekopelancongan di Cameron Highlands.

Jawapan ini boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, kategori infrastruktur pelancongan dan kategori promosi. Di bawah kategori infra, kerajaan negeri pada tahun 2024 telah meluluskan sejumlah RM650,000.00 untuk pelbagai projek yang merangkumi pencahayaan dan juga menaik taraf mercu tanda di Cameron Highlands. Dua, Kementerian Pelancongan Kesenian dan Budaya juga telah meluluskan RM865,000.00 untuk projek menaik taraf. Sebagai contoh, menaik taraf kemudahan pelancongan di Taman Agroteknologi MARDI, menaik taraf laluan *trail* dan penunjuk arah di hutan simpan untuk tujuan keselamatan pelancong. Ketiga, Majlis Daerah Cameron Highlands juga telah memperkenalkan Kebenaran Merancang Tempoh

Terhad (KMTT) bagi tapak aktiviti sementara sebagai contoh chalet, perkhemahan glamping, campervan dan motorhome untuk menyokong sektor pelancongan. Empat, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands PKCH telah juga mempunyai perancangan untuk membina satu unit Tourism… *tourist information center* di Tanah Rata sebagai pusat rujukan kepada pelancong untuk produk dan pakej pelancongan di Cameron Highlands. Untuk kategori promosi, seperti biasa kerajaan negeri telah banyak menjalankan promosi sebagai contoh *fam trip* eksposisi pelancongan, B2B acara pelancongan. Tambahan untuk tahun ini, PKCH juga akan bekerjasama dengan Tourism Pahang untuk menyusun semula dan menyelaraskan semula bahan promosi dan juga tahun ini juga akan ada penganjuran acara sebagai contoh *hiking day* dan Pesta Bunga.

Bagi Tourism Malaysia, penganjuran Program Glamping Hopping telah dianjurkan untuk mempromosikan aktiviti *glamping* di Cameron Highlands dan juga menggalakkan penganjuran sukan pelancongan dan pada tahun lepas kelulusan untuk GSSP - Geran Sokongan Sektor Pelancongan juga telah diluluskan untuk penganjuran program pelancongan di Cameron Highlands.

Soalan B: Bagaimanakah kerajaan menjalin kerjasama dengan pemain industri dan apakah bantuan yang telah disalurkan? Untuk soalan B, kerajaan negeri telah menyediakan insurans kelompok kepada pengusaha pelancongan di seluruh negeri Pahang yang merangkumi pemandu pelancongan, pemandu bot pelancongan, Malim Gunung Pahang dan pengusaha *homestay*. Jabatan Perhutanan Negeri melalui Pejabat Hutan Daerah Cameron Highlands juga telah melaksanakan sesi libat urus bersama pemandu pelancong dan malim gunung untuk membincangkan isu semasa aktiviti ekopelancongan dalam Hutan Simpan Kekal Daerah Cameron Highlands. PKCH juga akan mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri bagi penyediaan Tahun Melawat Malaysia 2026 dan pihak MOTAC juga telah mengadakan kursus dan latihan. Sebagai contoh, kursus bagi pengusaha *homestay* dan Kursus Mesra Malaysia di kalangan staf-staf hotel di Cameron Highlands dan kursus CTRE untuk pemandu pelancong.

Untuk soalan C: Apa adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membuka permohonan malim gunung bagi memperkasa aktiviti mendaki gunung. Jawapannya ya? Untuk maklumat Yang Berhormat Tanah Rata jumlah malim gunung perhutanan yang berdaftar di negeri Pahang adalah seramai 227 orang. Tetapi pada tahun lepas setelah tapisan dibuat, yang aktif menjalankan tugas di lapangan adalah 64 orang. Jadi dengan itu, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada tahun ini telah membuka permohonan untuk pencalonan peserta dan kursus telah dijalankan, telah selesai seramai 20 orang peserta telah melepasi kursus dan seterusnya akan menjalani kursus lanjutan dan penilaian prestasi. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan terakhir untuk sesi soal jawab pada pagi ini, Wakil daripada Kemayan.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 10.

> [Kerajaan telah mengumumkan pembinaan pusat dialisis di setiap Wilayah FELDA. Apakah status projek pembinaan pusat dialisis tersebut?]

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima Kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat ADUN Kawasan Kemayan di atas persoalan yang dikemukakan dan iaitu mempersoalkan mengenai pembinaan pusat dialisis di setiap luar FELDA dan juga apakah status projek pembinaan pusat dialisis tersebut.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat.
Terlebih dahulu saya ingin merakamkan di atas persoalan yang telah diutamakan pada hari ini untuk menyentuh soal kesejahteraan dan juga akses kesihatan kepada warga peneroka FELDA khususnya yang menghidap penyakit buah pinggang yang kronik. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun menerima 12 permohonan pusat hemodialisis daripada FELDA sepanjang tahun 2023 yang lalu untuk seluruh Malaysia. Sehubungan itu, pihak FELDA dengan kerjasama Yayasan FELDA kini dalam usaha membangunkan tiga buah pusat rawatan hemodialisis di negeri Pahang. Ketiga-tiga pusat ini melibatkan tiga wilayah iaitu Pusat Hemodialisis FELDA Tapak Hostel, Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak, PPPTR Jerantut, Wilayah Jengka dengan kapasiti enam kerusi dialisis dan *hepatitis* dengan izin.

Yang keduanya Pusat hemodialisis FELDA Keratong 4, Bandar Tun Razak iaitu Wilayah Kuantan dengan kapasiti enam kerusi juga yang telah pun dibuat dan juga yang ketiganya adalah Pusat Hemodialisis FELDA Kolej Yayasan FELDA, FELDA Jaya Timur Mempaga iaitu Wilayah Mempaga dengan kapisiti enam kerusi untuk diutamakan.

Untuk makluman, ketiga-tiga pusat ini dibangunkan di bangunan sedia ada dan juga dalam proses menaik taraf yang akan dijadualkan siap pada Julai tahun ini. Peralatan dan mesin dialisis telah pun tersedia dan pusat ini akan boleh operasi sebaik sahaja menerima daripada keputusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga ada beberapa tambahan-tambahan yang dipohon juga oleh pihak swasta untuk bersama dalam program-program dalam hemodialisis untuk FELDA ini. Di antaranya telah diutarakan kepada Pusat Latihan Chini juga tambahan daripada pihak ini dengan kerjasama FELCRA dikendalikan oleh Foresight Dialisis Sdn. Bhd. untuk pihak swasta untuk bersama dengan FELDA untuk memberikan bantuan-bantuan kesihatan yang kita dapat lihat FELDA ini adalah kawasan yang dia ke dalam sedikit daripada kawasan-kawasan pembangunan yang pesat di negeri Pahang ini. Namun, apabila menyediakan pusat-pusat dialisis ini, dapatlah membantu meringankan sekurang-kurangnya warga-warga peneroka. Warga-warga FELDA termasuk mungkin yang baru mengidap penyakit ini dapat diadaptasikan dapat dipulihkan dan dapat diberikan bantuan kesihatan dengan baik.

Untuk maklumat Yang Berhormat Speaker Kerajaan Negeri Pahang juga menyambut baik usaha FELDA ini dan juga usaha daripada kerajaan pusat ini dan juga kerajaan negeri berikan sokongan serta kerjasama dengan agensi untuk memastikan pusat pusat ini dapat beroperasi secepat yang mungkin demi kesejahteraan peneroka yang memerlukan rawatan dialisis yang telah sekian lama telah kita usahakan. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Soalan tambahan. Adakah terdapat insentif daripada pihak FELDA kepada warga atau peneroka FELDA yang menjalani sedang menjalani rawatan dialisis. Kalau kita lihat hari ini, ramai warga FELDA yang mengalami masalah buah pinggang yang kronik. Terima kasih.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak sahabat saya dan ADUN kawasan Kemayan, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker DUN dan FELDA… FELDA. Pihak FELDA telah pun menyediakan beberapa pakej-pakej untuk bantuan kesihatan yang telah diutarakan sebelum ini dan pihak-pihak yang melibatkan diri di dalam masalah-masalah kronik termasuklah antaranya berlaku kematian, berlakunya penyakit kronik seperti penyakit buah pinggang, jantung dan sebagai ini adalah ada beberapa bantuan-bantuan yang khusus diberikan telah diutarakan oleh pihak FELDA khusus kepada penerima-penerima terutama sekali KIR iaitu ketua isi peneroka tersebut. Sebagai contoh, kita boleh ambil sebagai kematian insurans telah diberikan kepada peneroka dan mungkin perkara ini boleh dilibatkan mengikut pendaftaran-pendaftaran di setiap rancangan masing masing. Dan kini pihak FELDA telah menyediakan beberapa fasiliti untuk bantuan kepada penyakit atau pesakit-pesakit kronik untuk dibantu oleh pihak FELDA. Sekian Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita selesai membincangkan 10 pertanyaan dan jawapan yang mengambil masa dua jam. Saya tidak bercadang untuk menempuhkan persidangan ini. Walau bagaimanapun, pihak Dewan Negeri ada menyediakan jamuan pagi di bilik rehat ADUN dan bagi ahli-ahli Dewan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri dan itu untuk bagi ahli ahli dewan negeri dan kanopi bagi ketua ketua jabatan, minta maaf. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dijemput untuk menikmati jamuan secara bergilir-gilir dan kembali semula ke dewan ini. Ini kerana persidangan Dewan Negeri diadakan secara langsung dan disiarkan melalui media sosial Facebook Dewan Negeri Pahang. Jadi kita tak mahu ada terlalu banyak kerusi-kerusi kosong kerana sekarang kita sedang diperhatikan oleh pengundi-pengundi kita. Baiklah, kita akan meneruskan dengan aturan mesyuarat seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Saya berharap usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang mulia ini...

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Saya mohon menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan Majlis ialah satu Usul yang berbunyi bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini, bersetuju Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang."

Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan telah pun mendapat sokongan. Sekarang, kita meneruskan dengan Aturan selanjutnya.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat, Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan Majlis ialah satu Usul yang berbunyi bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju Menjunjung Kasih atas Titah Diraja ke bawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi dan telah pun mendapat sokongan. Usul ini akan dibuka untuk dibahas.

Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa ruang perbahasan yang diberikan perlulah menggunakan… digunakan dengan baik. Ahli-ahli Yang Berhormat yang perlukan… perlulah berbahas dengan hemah menyampaikan hujah dengan bernas dan tidak terlalu panjang. Setiap Ahli Yang Berhormat diberi masa 15 minit sahaja untuk perbahasan. Untuk makluman, saya telah mengatur jadual susunan perbahasan pada 21, 22 dan 23 April 2025 seperti mana jadual yang diedarkan sebelum ini. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat mematuhi jadual dan masa yang ditetapkan. Sekarang saya mengemukakan semula Usul tersebut kepada perbahasan. Dengan ini, saya menjemput Ahli dari Kawasan Padang Tengku untuk membahaskan Usul, silakan.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Bismillahirrahmanirrahim. [Ayat al-Quran]. Terima kasih Dato' Sri Speaker kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan menjunjung kasih ke atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang yang telah dilafazkan pada 18 April yang lalu dan er... saya nak mulakan dengan pantun:

Bunga melur, bunga kemboja,
Buat hiasan sanggul sang puteri,
Mari kita hadamkan Titah Diraja,
Buat pedoman memerintah negeri.

Titah Diraja mengandungi 43 halaman muka surat yang meliputi sebelas tajuk iaitu prestasi ekonomi negeri, menoktahkan kemiskinan tegar, Tanah Rizab Melayu, infrastruktur, jalan raya, alam sekitar, dakwah Islamiah, pengukuhan Sistem Syariah Islam, inisiatif Rakyat Negeri yang prihatin, keselamatan negeri tanggungjawab bersama, pencerobohan tanah haram dan ketirisan hasil negeri.

Titah ini merupakan satu dokumen yang cukup syarat dan lengkap bukan sekadar sebagai satu pengiktirafan kepada kejayaan negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar kita tetapi ia merupakan satu garis panduan kepada seluruh kita dan juga jentera kerajaan bagi melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah dan dedikasi dan menentukan negeri Pahang akan terus berjaya dan terus maju sebagaimana yang telah kita hasratkan bersama. Titah Diraja mengandungi... turut mengandungi cadangan, teguran, amaran dan juga harapan yang dikemukakan oleh Tuanku Sultan bagi kita melaksanakan tanggungjawab dengan amanah dengan menjunjung tinggi semangat Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri yang menghayati, melindungi, memelihara dan mempertahankan demi kedaulatan undang-undang dan keutuhan tatakelola pemerintahan.

Dato' Sri Speaker,
Saya mendapati ada beberapa isu yang saya ingin sama-sama bahaskan. Pertama ialah pengiktirafan atau penghargaan yang dikemukakan oleh Titah Diraja mengenai prestasi ekonomi kerajaan negeri yang baik dan memberangsangkan. Pencapaian negeri ini memang kita tidak boleh sangkalkan lagi malah kejayaan kita jauh meninggalkan negeri-negeri jiran kita di pantai timur ini. Sebagai contohnya daripada data yang telah dikemukakan, dilaporkan oleh MIDA umpamanya pelaburan swasta yang diluluskan pada tahun 2024 menunjukkan bahawa negeri Pahang telah mencatatkan angka sebanyak RM3.9 bilion meninggalkan negeri Kelantan sebanyak RM2.1 bilion dan jauh negeri Terengganu iaitu hanya sekadar RM0.17 bilion.

Dan yang terbaru baru-baru ini Kementerian Persekutuan dan Kerajaan Tempatan telah mengumumkan daripada 20 bandar yang paling bahagia di Malaysia daripada ratusan bandar-bandar yang ada 4 daripadanya Dato' Sri Yang di-Pertua berada di negeri Pahang [Ahli Dewan mengetuk meja]… Pertama Bandar Lipis, bandar saya, kampung saya. Kemudian bandar Cameron Highlands yang menduduki tempat yang ke-2, tempat yang ke-6 bandar Jerantut, tempat yang ke-10 bandar Temerloh...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ha... itu, itu bandar saya.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Ha... jadi kitalah. Jadi kita tuan-tuan, Dato' Sri Speaker telah menunjukkan bahawa prestasi yang cukup baik. Kita berjaya mewujudkan sebuah negeri sebuah penempatan yang memberikan kebahagiaan. Sebab daripada indikator-indikator yang ditunjuk... ditunjukkan bahawa untuk mencapai tahap itu dia ada beberapa ciri umpamanya tahap keselamatan, pengangkutan, penginapan, kemudahan ini diambil kira dan ini merupakan satu kejayaan yang saya kira amat besar dan saya nak ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga kepada DO Lipis selaku Yang Dipertua Majlis Daerah Lipis yang meletakkan Lipis nombor satu. Ini bukan satu usaha atau pun calang-calang kepada kita.

Dato' Sri Speaker,
Dalam Titah Diraja Tuanku ada menyinggung berkenaan dengan infrastruktur jalan raya khususnya mengenai kawasan Rehat dan Rawat (R&R) di sepanjang Lingkaran Tengah Utama (LTU) yang menjalar di kawasan Pahang Barat khususnya iaitu meliputi daerah Bentong, Raub dan Lipis. Saya nak ucapkan terima kasih bagi pihak rakyat jelata di kawasan saya khususnya atas tindakan proaktif Kerajaan Negeri Pahang khususnya Yang Berhormat Menteri Besar kita yang telah membina empat kawasan rehat dan rawat secara sementara di lingkaran yang saya sebutkan tadi ni apa ni... LTU termasuk R&R di kawasan saya iaitu di Kechau Tui. Namun begitu, kita dapati aktiviti-aktiviti pembuangan sampah di sepanjang lebuh raya khususnya di kawasan saya itu bermula daripada Kechau Tui sampailah ke sempadan Kelantan itu masih lagi berterusan. Pantun untuk ini.

Perantau pulang berhari raya
Sampah dibuang merata-rata,
Memang dema tak reti Bahasa,
Kampung kita jadi tong sampah mereka.

Persoalannya, apakah lagi tindakan yang perlu kita lakukan bagi memastikan pengguna-pengguna lebuh raya ini mempunyai disiplin yang baik dan memberhentikan tabiat buruk yang diistilahkan oleh Baginda Tuanku sebagai menggelapkan wajah negeri kita yang indah ini.

Saya nak ucapkan terima kasih kepada *team-team* yang ada di Lipis khususnya *team* Alam Flora, Majlis Daerah Lipis, JKR Lipis, NGO-NGO yang sebenarnya telah letih saban tahun membersihkan sisa-sisa buangan sampah, malah najis-najis akibat daripada sifat pengotor yang dilakukan oleh pengguna-pengguna jalan tersebut. Malah, saya dan isteri pun pernah bersama-sama menyertai kumpulan-kumpulan ini melakukan kerja-kerja mengutip-ngutip sampah semata-mata nak lihat kampung kita, daerah kita ni bersih dan cantik.

Dato' Sri Speaker,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Diorang balik ke mana tu?

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Ya?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Diorang Balik ke mana tu? Diorang balik.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Negeri jiran. Haa, saya ada sebutkan tadi kan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Negeri jiran.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Sempadan... Sempadan Gua Musang. Cuba tengok lah di mana. Tafsirkan sendiri. Selain daripada Titah yang dilafazkan oleh Tuanku di Dewan Yang Mulia ini, Ke Bawah Duli Paduka Tuanku juga dan termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah membangkitkan juga supaya Kerajaan persekutuan meneruskan cadangan membina RNR yang secara kekal termasuklah dicadangannya di kawasan berhampiran dengan Gua… Gua Bama di… di Relong.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Ahmad Maslan juga telah membayangkan keputusan Kerajaan persekutuan untuk meneruskan pembinaan RNR di Kampung Relong itu tetapi sehingga hari ini semacam tidak ada satu ketentuan yang muktamad.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Patut Yang Berhormat apa namanya… berpantun banyak pasal berkawan dengan Dato' Ahmad Maslan ya.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Ya… ya tu kawan saya dulu tu sama-sama kerja satu pejabat. Jadi warga Padang Tengku ni Dato' Sri dia tertanya-tanyalah apa statusnya kedudukan keadaan ini? Main *dingdong dingdong dingdong* dan saya percaya perkara ini kalau dia masih… masih lambatlah dapat dilaksanakan kerana kalau kita ikut pakej sebab dia perlu berdasar kepada pakej siap tak siap.

Kalau pakej Ladang Selborne ke Relong daripada… ke Relong tu dijangka lambat siap lah sebab ini projek… projek sakit. Jadi, saya fikir bahawa isu pembuangan sampah ni tak dapat dimuktamadkan atau diselesaikan dalam tempoh tiga atau empat tahun lagi. Maka saya sebenarnya menyokong penuh saranan,

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Minta laluan sikit.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Saya tengok ada… saya setuju. Sepatutnya pelan asas lebuh raya ni mesti ada RNR, macam mana pelan asas tu daripada mula tiba-tiba tidak ada perancangan untuk bina RNR. Pengguna terpaksa tak ada tempat rehat dalam keadaan *jammed* yang teruk dan saya akui bahawa kawasan ini perlu disegerakan.

Saya sokong cadangan supaya projek RNR ini dapat disegerakan selain daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyediakan sementara tapi sangat tak logik satu lebuh raya tak ada RNR.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Dato' Sri, logik tak logik kita kena atasi perkara ini. Sebab itulah kita amat menyokong bahawa saranan Tuanku supaya kerajaan persekutuan menyediakan peruntukan yang mencukupi dan untuk itu saya nak sarankan dan saya nak cadangkan supaya Kerajaan persekutuan menyediakan peruntukan tu dan bagi kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan sebab ini ternyata bahawa dengan usaha kita membina RNR sementara ini telah memberikan impak yang cukup baik.

Walaupun dia usaha ataupun perkara pembuangan sampah tu masih berterusan tetapi dia sekurang-kurangnya ada meredakan sedikit keadaanlah. Jadi justeru itu saya nak mencadang supaya RNR sementara yang ada ni jadikan kekal terutama di Kechau Tui tu yang dicadangan di Gua Bama tu saya ingat dah tak tahu ketentuan, duit tu kita bangunkan sebagai bangunkan RNR sementara ni kekal bagi pada Majlis Daerah Lipis untuk laksanakan dan kawasan di Gua Bama tu kita tukar ataupun kita jadikan sebagai penempatan umpamanya untuk kita bina kompleks… dipersiapkan kompleks pengurusan bagi geotapak… geotapak ni… geotapak bagi Geopark… Lipis Geopark yang ke arah usaha untuk er... dipersiapkan ke arah Geopark UNESCO. Di samping itu, saya juga nak… nak… nak ambil kesempatan ni nak tanya apakah status cadangan pembinaan RNR Kampung Kubang Rusa yang saya difahamkan akan diusahakan oleh pihak swasta dan juga sejauh mana pembinaan RNR swasta ini akan memberikan manfaat kepada peniaga-peniaga kecil tempatan khususnya daripada kampung-kampung berdekatan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,
saya ingat di antara isu lain yang dibangkitkan oleh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya. Selalunya lebuh raya ni dia pakai konsesi, dia ada pendapatan. Cuma lebuh raya yang ini dia tidak ada tol. Jadi tidak ada penempatan. Jadi mungkin tu antara sebab kenapa tak dibina RNR kerana ia akan menambahkan lagi harga lebuh raya tersebutlah sebab kalau konsesi, pihak konsesi akan membinanya. Itu saja. Terima kasih. Saya bukan nak jawab, cuma saya nak berkongsi.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya nak mengalihkan perbahasan saya kepada penekanan Titah Diraja iaitu berkenaan dengan berkaitan dengan keperluan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan penginapan ataupun perumahan yang disebut oleh Titah Diraja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Baik Yang Berhormat, ada lima minit lagi.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Ya. Takpelah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tujuh minitlah saya bagi.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Saya nak… nak… nak sebut ni berkaitan dengan isu Skim Tanah Rakyat yang sedang dirancangkan oleh pihak… pihak kerajaan. Ini merupakan satu usaha yang baik, tapi kita di Padang Tengku ni kita ada dua FELDA. Saya dapat aduan daripada penduduk di situ iaitu kita nak mintak tambahlah kita mintak tambah. Sekarang ni di FELDA Chegar Perah tu dia hanya lulus 52 unit. Saya ingat bilangan ni terlalu… terlalu kecil. Dan kita nak mintak tambah sekurangnya cukup dengan bilangan keluarga peneroka yang ada situ, 124. Jadi kita nak tambah 72 unit je lagi.

Begitu juga dengan STR di Kechau 1 ni. Diluluskan 102 unit. Kita nak tambah supaya menjadi 126 unit. Tambah 24 unit je lagi. Sebab hari ni timbul satu isu di sana. Borang pun tak diedarkan umpama di Kechau… Kechau 1 tak diedarkan. Dia takut. Sebab kalau diedarkan dia akan jadi isu lain. Jadi kita nak mintak kerajaan mungkin adalah cadangan supaya nak dibuat cara tambahan dan apa nama… berfasa dan sebagainya. Tapi saya ingat tak payahlah, kita buat sekali, sebab tak banyak. Bukan banyak pun. Kawasan masih ada.

Jadi saya dimaklum oleh pihak pengurusan bahawa kita ada kawasan, jadi mintak sangat kerajaan negeri supaya mempertimbangkan ini permintaan khusus daripada DUN Padang Tengku. Begitu juga satu lagi isu yang berkaitan dengan kes ladang yang berpaya. Saya ingat isu ni dalam pengetahuan EXCO FELDA. Dah tiga EXCO dah yang… yang… yang melibatkan diri dalam usaha ini, tetapi sampai sekarang tidak ada penyelesaian. Jadi saya nak minta supaya isu ladang FELDA di er… Chegar Perah yang tidak mendatangkan hasil ini dimuktamadkan.

Mungkin dan saya difahamkan pihak FELDA dah ada… dah ada… dah ada formula, tapi formula itu tak dilaksanakan sampai sekarang. Laksanakan jelah. Kalau tidak dia akan *dingdong dingdong dingdong* dan akan terus menjadi isu. Muktamadkan supaya ianya dapat menjadikan sesuatu yang tidak akan dijadikan isu lagi. Dato' Sri Speaker, saya juga nak menyentuh tentang isu pencerobohan tanah haram dan ketirisan hasil kerajaan. Pantun,

Titah Tuanku jelas dan mudah,
Semua faham semuanya mengerti,
Pencerobohan harta negeri amaran dinoktah,
Tiada maaf tiada kompromi.

Sebagai rakyat yang cintakan negeri ini. Saya menyokong penuh dan kuat hasrat kerajaan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku bagi menoktahkan dan memberhentikan segala kegiatan pencerobohan dan rompakan harta kerajaan negeri yang disifatkan sebagai musuh nombor satu kerajaan negeri kita sekarang ini. Bukan setakat kebanggaan yang dilafazkan oleh Tuanku, kita juga sebagai rakyat jelata amat bangga dan menyanjung tinggi keberanian luar biasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kita, Dato' Sri Wan yang telah bertindak tegas dan meluaskan usaha-usaha untuk mengatasi masalah ini. Bukan sekadar apa yang berlaku di Raub itu tetapi juga hampir ke seluruh negeri usaha-usaha ini sedang dilakukan. Ini merupakan satu tindakan yang cukup baik dan merupakan satu keutamaan kepada Dato' Sri. Kalau kita tengok Dato' Sri MB kita, dia jadi Menteri Besar pada bulan Mei 2017.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

18.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

2018, 2000...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Jadi… jadi Menteri Besar 2018.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Ha... 2018. 15 Mei 2018, jadi Menteri Besar. Pada 15 Oktober 2019 ditubuhkan Unit Penguatkuasa Kerajaan Negeri Pahang. Maknanya ini merupakan satu usaha yang menjadi keutamaan sejak Menteri Besar jadi MB, jadi Menteri Besar. Sejak Jelai jadi Menteri Besar. Jadi kita memang menyanjungi usaha ini dan kita nampak usaha-usaha ini menyamai ataupun menyambut Titah Perintah Tuanku.

Jadi saya percaya selepas ini, kita tidak akan ke belakang lagi. Kita tidak akan memandang ke belakang lagi untuk tindakan pengurusan seperti ini diteruskan secara konsisten dengan pendekatan-pendekatan yang telus berlandaskan undang-undang dan kita tak kira siapa sahaja yang melakukan. Besar, kecil, kaya, miskin. Tindakan ini mesti dinoktahkan. Jadi dalam konteks ini...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh... Boleh gulung Yang Berhormat.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Saya nak gulung dah ni, memang pun. Sebagai Ahli Dewan, menjadi tanggungjawab kita sebagai pengamal undang-undang, Wakil Rakyat dan setiap Ahli Dewan harus memikul amanah besar ini mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Negara. Bukan sekadar tanggungjawab moral, malah merupakan tunjang kepada kestabilan negara. Sebagai kesimpulannya, marilah kita bersatu hati mempertahankan kedaulatan negeri. Berikan kefahaman yang jelas akan tindakan ini. Jangan jadikan isu bahawa tindakan-tindakan ini satu kezaliman dan sebagainya. Kita dukung usaha Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan negeri bagi menjayakan pembangunan yang telah diusahakan. Pemulihan hasil negeri dan sebagainya demi untuk memastikan kerajaan kita kukuh. Kita bukan sekadar pemimpin tetapi juga penjaga kepada amanah rakyat dan kedaulatan negeri. Saya tutup ucapan saya dengan pantun.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Empat kali dah Yang Berhormat.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Insya-Allah. Ulam… ulam pegaga dicicah peda, Dato' Sri tahu peda apa?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tahu... Budu.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Budu ya.

Ulam pegaga dicicah peda,
Rebung dimasak ikan tenggiri,
Hentikan sengketa sesama kita,
Junjung titah makmur negeri

Padang Tengku di hujung negeri,
Di Sungai Jelai menangkap patin,
Selamat Hari Raya Aidilfitri,
Ampun maaf zahir dan batin

Saya mohon menyokong. (Ahli Dewan menepuk meja).

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Padang Tengku. Sebelum saya meneruskan wakil daripada Cheka, saya nak maklumkan bahawa Peraturan Mesyuarat, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat iaitu Perkara 36(2) ya tidak boleh disebut apa-apa perkara yang sedang dalam pertimbangan mahkamah. Sekiranya pada pertimbangan pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara. Yang Amat Berhormat sekalian… Yang Berhormat sekalian boleh bahaskan soal penerokaan haram. Cuma kita tak tidak spesifikkan kes yang sedang dibawa di mahkamah iaitu sekarang ini iaitu kes Musang King kerana dia masih di peringkat Mahkamah Rayuan dan tarikh perbicaraan pada Januari 2026. Saya jemput wakil daripada Cheka.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

[Ayat al-Quran]. Firman Allah Ta'ala [Ayat al-Quran]. Maksudnya, sesungguhnya kami letakkan amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang. Lalu semuanya tidak mampu memikulnya dan tidak mampu untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Lalu manusia menerima amanah tersebut. Kerana sesungguhnya manusia ini suka melakukan kezaliman dan dalam keadaan dia jahil tidak mengetahui [Ayat al-Quran].

Pertama saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker yang beri ruang kepada saya untuk membahas Usul Titah Diraja sempena pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang. Kesempatan ini juga saya ingin rakamkan ucapan takziah kepada keluarga Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Yang Kelima dan kita doakan mudah-mudahan Allah Ta'ala cucuri rahmat ke atas roh almarhum.

Tuan Speaker,
Daripada Titah Ucapan Tuanku, Baginda melahirkan kalau kita perhati ada tiga suasana. Suasana pertama, Baginda menyatakan kegembiraan terhadap prestasi pencapaian kerajaan negeri. Saya ucap tahniah terhadap pencapaian yang telah dibuat. Yang kedua, Baginda juga melahirkan kebimbangan terhadap beberapa perkara yang menjadi kebimbangan Baginda terutama ketirisan hasil negeri, kelewatan projek-projek tebatan banjir dan sebagainya yang juga perlu diberi perhatian. Dan yang akhir, Baginda meluahkan kekecewaan khususnya terhadap pencerobohan Hutan Simpan Kekal dan tanah kerajaan skala besar yang berlaku di negeri Pahang dan beberapa pengarahan yang telah dibuat oleh Baginda.

Baginda jelas melahirkan rasa kebimbangan dan menyerahkan mandat kepada pihak berkuasa seperti SPRM, PDRM dan Unit Penguatkuasa Negeri Pahang bertindak dengan serta-merta dan amaran Baginda supaya tidak berkompromi dengan sebarang bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Saya melihat ada keperluan untuk kerajaan negeri menambahkan kemudahan kepada anggota penguatkuasaan kita sama ada teknologi moden, *drone* dan sebagainya bagi memantau pencerobohan ini. Tanpa peralatan dan sokongan teknologi yang lebih canggih, agak sukar bagi pihak penguat kuasa untuk bertindak. Saya juga menyokong penuh Titah Tuanku dan tindakan yang telah diambil.

Kita harus memandang serius terhadap perkara ini demi memajukan negeri Pahang dan saya ingin menyatakan rasa dukacita dan terkilan kerana dalam kes ini ada pihak-pihak yang membela mereka yang melanggar undang-undang dan peraturan. Sepatutnya kita sebagai Ahli Dewan Negeri atau Ahli Parlimen merupakan penggubal undang-undang. Kita bertanggungjawab mempertahankan undang-undang. Bukan menyokong mereka yang langgar undang-undang. Lebih malang lagi, kalau sekiranya kita libatkan di atas nama konon membela mereka yang langgar peraturan dan ini tak sepatutnya berlaku dan saya harapkan semua anggota-anggota khususnya Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri daripada DAP khususnya untuk menyatakan sikap sama ada menyokong mereka yang langgar undang-undang atau menyokong Titah Tuanku Sultan. Dalam kes ini, kita sepatutnya tidak kompromi membela mereka yang langgar peraturan dan undang-undang dan rakyat masih menanti apakah tindakan yang perlu diambil oleh pihak kerajaan kepada mereka yang melanggar undang-undang dan mereka membela kumpulan yang langgar undang-undang ini.

Tuan Speaker,
Saya lihat pencerobohan ini tidak hanya berlaku di daerah Raub, mungkin seluruh negeri Pahang. Untuk itu, saya melihat perlunya ada suatu audit forensik terhadap kesemua keseluruhan negeri, Hutan-hutan Simpan Kekal Kerajaan negeri di seluruh negeri Pahang dapat dilakukan. Kerajaan perlu menyatakan sebenarnya berapa keluasan tanah Hutan Simpan Kekal yang telah diceroboh dan kalau boleh dapat *detail* dalam Sidang Dewan kali ini tentang jumlah kawasan dan daerah-daerah yang telah dikenal pasti dapat diceroboh. Untuk itu, jalan ke arah lebih baik. Saya mencadangkan suatu Suruhanjaya Diraja atau IRCI...RCI ni dapat ditubuhkan oleh pihak kerajaan bagi memastikan supaya semua penyiasatan dapat dibuat secara menyeluruh. Ya sebagaimana Tuanku, kita bukan nak tengok ke belakang tapi nak tengok ke depan kita. Bagaimana dapat kita selamatkan seluruh hutan simpan kekal kita dapat dijaga dan hasil negeri tidak tidak berlaku ketirisan dan kebocoran.

Yang di-Pertua,
apa yang penting setelah tindakan kerajaan dibuat, tanah-tanahnya telah pun dirampas walaupun sebahagian masih ada di peringkat mahkamah. Penebangan telah pun dibuat. Isunya ialah apa hala tuju tanah tersebut. Kalau sekiranya kita pergi

tebang, kemudian kita tinggal, saya yakin tanah ini akan diteroka semula, akan ditanam semula. Kerajaan mesti ada *plan* perancangan bagaimana untuk membangunkan tanah yang telah dirampas, diambil balik ini. Saya mencadangkan sebab Pahang ni kita ada projek yang pernah kita buat dulu RTP, Rancangan Tanah Pemuda di beberapa daerah yang kita buat projek ni sangat baik dilakukan kerajaan terdahulu tapi dia satu tindakan yang sangat baik di mana kita memberikan kawasan-kawasan yang kita ambil ini yang telah diteroka secara haram ni.

Kerajaan dah tebang tanah tu dah dah diambil balik. Tapi kalau dibiar, dia akan ulang balik perkara tersebut. Saya mencadangkan Rancangan Tanah Pemuda dapat dibangunkan di kawasan tersebut atau kita laksanakan program memberikan tanah-tanah ini kepada pihak pengurusan FELDA yang diberi kepada anggota bekas-bekas anggota tentera sebagaimana yang kita buat di Koyan satu masa dahulu. Ini antara mekanisme dan saya fikir kita di Pahang ini kita pernah lakukan benda yang sama. Di daerah Triang satu masa dahulu di mana kita bangunkan kawasan tu dengan FELDA-FELDA dan ini di antara mekanisme yang baik kalau untuk pencerobohan pada masa hadapan. Yang di-Pertua selain daripada itu, saya juga melihat tentang isu yang dibangkitkan oleh Tuanku tentang Tanah Rizab Melayu. Tuanku mengucap tahniah kepada kerajaan negeri kerana berjaya menambahkan bilangan Tanah Rizab Melayu. Cuma apa yang penting ialah kita juga perlu meneliti ada kes-kes yang bersifat ali baba di mana orang Melayu sanggup guna nama dia tapi pengusaha, pemilik sebenarnya bukan dia dan ini berlaku sama ada kalangan ada individu tertentu atau mungkin ada kumpulan yang mengahwini anak-anak Orang Asli untuk semata-mata mendapatkan tanah tersebut sedangkan kebajikan masyarakat Orang Asli tidak dipelihara pun dan ini perlu dikaji teliti berapa sebenarnya Tanah Rizab Melayu.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang di-Pertua, bukan tak dipelihara pun. Pelihara… kita pelihara Orang Asli.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya…

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Boleh, boleh Yang Berhormat boleh teruskan kita dengar tapi tak dipelihara pun masyarakat Orang Asli tu tak betul la. Kita dah jelas tadi. Nanti orang di luar sana ingat kita tak buat apa-apa masyarakat Asli. Dato' Sri Speaker tegur lagi saya karang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya betul. Gunakan perkataan yang sesuai.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya bukan maksud kerajaan negeri tak jaga. Penama tersebut. Penama itu mereka kahwin dengan anak Orang Asli dan mereka dapat tanah. Sepatutnya dia dapat kemudahan dia membantu masyarakat Orang Asli bukan kerajaan negeri tak… tak

jaga Orang Asli. Saya sebut dalam kes ini, kes ada berlaku perkahwinan tetapi mengambil kesempatan untuk memiliki tanah. Tapi dia yg kaya-raya ni dia.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat boleh bagitau tak. Di mana tu?

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Ya saya tahu, sebab tu saya kata kerajaan perlu melakukan pelbagai kajian daripada kawasan-kawasan tersebut supaya ia tidak berlaku. Kita tak nak data yang ada. Tanah Rizab Melayu nampak banyak tapi sebenar siapa yang usahakan belakang tu? Itu saya mintak supaya perkara ini diteliti dan dibuat kajian oleh pihak kerajaan. Tuan Speaker, saya menyentuh soal isu alam sekitar yang juga dibangkitkan oleh Tuanku. Pada pertengahan tahun 2023, Pemangku Raja Pahang pada waktu itu telah pun mengumumkan Pelan Hala Tuju Pahang, Greening Education Partnership bagi tahun 2023 hingga tahun 2030 yang mensasarkan empat agenda antaranya mencapai sekurang-kurangnya 50% institusi pendidikan di Pahang diberi pengiktirafan sebagai sekolah atau institusi hijau setelah menamatkan program Eco Schools dan Eco Campus. Saya yakin program ni sangat baik bagi pemantauan yang lebih telus dan mendidik masyarakat kita supaya lebih prihatin terhadap isu alam sekitar. Saya ingin bertanya apakah pencapaian sasaran dan impaknya terhadap kesedaran alam sekitar dalam kalangan pelajar selepas ianya dilancarkan. Sehingga kini, berapakah sekolah yang telah terlibat dalam projek program ini kerana pada waktu dilancarkan, kerajaan meletakkan 100 buah sekolah yang terpilih sebagai perintis kepada program ini dan saya yakin program ini merupakan salah satu program yang impaknya sangat besar.

Sekurang kurangnya Pahang menjadi negeri yang pertama dapat mencapai *net zero emission*, pelepasan karbon sifar. Tuan Speaker, saya juga ingin bangkitkan tentang isu ketirisan yang juga dibangkit oleh Tuanku Sultan. Di antara isu besar ketirisan dibangkitkan ialah isu NRW. Ya Kadar Non-Revenue Water di mana Pahang ni kalau kita tengok data pada tahun 2023 kita di antara negeri yang agak tinggi. Dan saya juga telah pun melihat perkara ini secara lebih detail sebanyak 47.7% dan kerugian dianggarkan antara RM200 ke RM300 juta dan kerajaan persekutuan telahpun meluluskan satu peruntukan yang sangat besar sebanyak RM2.525 bilion bagi mengatasi NRW Nasional. Saya harapkan insya-Allah. Semoga Pahang juga mendapat limpahan daripada peruntukan besar ini untuk kita mengurangi NRW negeri yang agak tinggi. Sebab isu kita paip-paip lama ni perlu ditukar dan kosnya sangat besar. Ya, tanpa bantuan persekutuan tidak mungkin negeri dapat dapat membantu menyelesaikan isu NRW. Jadi oleh kerana itu daripada RM2.525 billion, peruntukan yang diuruskan oleh kerajaan persekutuan. Saya harapkan bawa Pahang juga dapat sejumlah daripada dana tersebut dan sehingga dapat penjelasan berapakah peruntukan yang diperoleh kerajaan negeri bagi mengurangkan kadar NRW kebangsaan yang telah diusulkan oleh kerajaan persekutuan tersebut.

Selain pada itu, isu ketirisan juga berlaku dalam beberapa sumber hasil bumi. Saya ingin dapat penjelasan daripada kerajaan negeri. Apakah mekanisme kawalan sumber hasil negeri? Contoh lombong emas bijih besi bijih timah, bijih timah takde, bijih besi dan termasuk bauksit. Dan terbaru REE. Apakah mekanisme kerajaan negeri bagi memastikan pelaporan yang dibuat kepada kerajaan itu tepat dan betul. Katakanlah emas dilapor pada kita 10 kilo apa mekanisme kita nak pastikan betul tak 10 kilo. Sebab bayangkan kalau dua, tiga kilo sahaja mereka kelong mereka tak… laporan tak betul kerajaan negeri kurang hasil. Dan saya ingin dapat penjelasan mekanisme

tersebut supaya ketirisan dapat kita bendung di peringkat awal. Saya pernah cadangkan Dewan Negeri Yang Mulia ini. PBT mendapat hasil daripada cukai dan setengah setengah PBT hasil pendapatan sangat-sangat rendah, kita… saya teliti laporan daripada audit terhadap pendapatan PBT-PBT. Saya pernah mencadangkan ada PBT yang penduduknya ramai, bandarnya besar dan hasilnya banyak. Tapi ada PBT-PBT yang kawasannya luas tapi penduduknya tidak ramai, namun hasil kawasan di daerah dia sangat besar. Tapi sayang daerah tak dapat manfaat daripada hasil tersebut. Sebagai contoh kawasan pembalakan daerah Jerantut, Lipis dan sebagainya. Hasil banyak, tapi hasil itu tidak dapat manfaat kepada daerah.

Saya mencadangkan supaya satu mekanisme dapat diwujudkan supaya pemantauan daerah di beri kuasa kepada PBT, pihak berkuasa tempatan di daerah untuk memantau semua hasil hasil dikeluarkan daerah dia dan sekurang kurangnya 10% hasil daerah dia di beri kepada PBT tempatan. Dengan ini dia boleh membangunkan kawasan tersebut. Boleh macam *plan* perancangan pembangunan dapat dibuat tapi kalau tanpa hasil bergantung pada cukai sahaja, saya pikir banyak PBT yang tidak punya kemampuan kewangan terpaksa bergantung pada sumber kerajaan negeri. Bayangkan lombong-lombong yang ada di Lipis. Kalau 10% hasil masuk PBT di Lipis, Bayangkan hasil-hasil pembalakan di Jerantut. Kalau sekiranya 10% hasil pembalakan itu disalurkan pada PBT daerah Jerantut. Kaedah ini akan boleh melaksanakan pelan pembangunan yang lebih tersusun dan lebih memajukan kawasan-kawasan khusus di kawasan Pahang Barat. Berhubung dengan isu REE, saya ingin dapat penjelasan apakah perancangan kerajaan. Kita Pahang ni ada rizab REE lebih kurang 1.4 juta metrik tan ataupun dalam pasaran lebih kurang 80 bilion rizab kita di Pahang dan kebetulan pula Pahang ni kita ada Lynas, satu kilang yang telah pun proseskan REE daripada Australia dan Lynas sekarang telah membangunkan pelan kedua khusus untuk memproses REE daripada Malaysia yg tidak ada radioaktif.

Kita menyambut baik hasrat Lynas. Apa yg penting ialah hala tuju pembangunan REE di peringkat negeri Pahang. Kelewatan kita membangunkan sumber ini, kita bimbang akan berlaku perlombongan haram dan sebagainyalah. Dan ini juga dibangkit oleh Tuanku supaya ketirisan ataupun sumber hasil negeri dapat kita…kita lihat secara lebih menyeluruh ya.

Dato' Sri Speaker,
Di samping itu, saya juga ingin…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh…boleh gulung, ada dua minit lagi.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dua minit lagi. Ada dua isu. Satu lagi, satu isu tentang apa dibangkit oleh Kebawah Duli Tuanku. Saya ucap terima kasih tentang… Kita ada dua projek besar, Pahang. Satu ECRL dan satu lagi Lingkaran Tengah…Lingkaran Tengah Utama. Saya bimbang tentang lebuh raya ini sejauh mana daerah kita dapat manfaat. Kadang-kadang kalau tidak dirancang betul akan jadi macam LPT. Bila siap saja LPT, beberapa bandar akan lebih malap. Gerai-gerai terpaksa ditutup. Kedai-kedai sepanjang jalan ditutup. Bererti kita hanya beri laluan orang ramai lalu tapi daerah tidak manfaat. Satu pelan pembangunan perlu dibuat…dibuat supaya kita dapat manfaat daripada lebuh raya tersebut. Dan akhir sekali tentang Lipis. Saya nak

bangkitkan. Berhubung dengan…Lipis ni bandar bersejarah, ibu negeri pertama di Pahang.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, err… beri laluan. Saya tadi sebab bila Dato' Sri Speaker kata ada ruang bagi sedikit kepada Cheka dan err… saya sebenarnya nak mencelah tapi saya biarkan Cheka tadi bercakap, tapi oleh kerana masa yang diperuntukkan dah agak singkat, saya nak tanya Cheka. Cheka ada bangkitkan sebagai perkongsianlah, perkongsian sesama kita. Kita, Lipis ni ya ni kebetulan ADUN Cheka merupakan mantan Menteri NRE hari tu, pada tahun 2001 sampai 2022. Tadi dalam awal ucapan ada Cheka bangkitkan tentang pencerobohan hutan yang ada di negeri Pahang termasuk hutan ini… Hutan Simpan Kekal (HSK).

Saya difahamkan kalau ikut dari segi hutan. Kita ada Akta, Akta Perhutanan. Akta Perhutanan adalah satu akta yang digubal di peringkat Kerajaan Pusat di bawah bidang kuasa kementerian dan tak silap saya pada ketika itu Jabatan Perhutanan adalah di bawah NRE ni bawah ni…ni dan juga merupakan Ahli Kabinetlah sebagai ni apa nama Ahli Kabinet yang bertanggungjawab kepada mendukung akta yang digubal di Parlimen untuk dijadikan sebagai undang-undang. Saya rasa seharusnya Kerajaan Pusat juga memainkan peranan. Semasa Yang Berhormat selaku Ahli Kabinet di peringkat pusat tu. Saya nak…nak tahu ya semasa itu apakah langkah-langkah yang dibuat kerana apa pencerobohan ini mungkin ada berlaku pada ketika tahun-tahun yang berikut termasuk masa tahun Yang Berhormat menjadi Ahli Kabinet Kerajaan Pusat.

Jadi apakah di antara sumbangan yang diberikan dalam mengekang berlakunya penularan dan tidak semata-mata atas batu jemala kerajaan negeri semata-mata untuk mengekang penularan atau pun pencerobohan hutan yang haram ni.

(**ADUN CHEKA - N.04)**
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Pertama saya nak betulkan fakta skit. Dia, saya dulu Menteri KASA. Kementerian Alam Sekitar dan Air. Err… tanah ni bawah Kementerian Sumber Asli.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat. KASA ni cakap Melayu, tu cakap omputih.

(**ADUN CHEKA - N.04)**
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

No, no err… Sumber Asli, Hutan Sumber Asli bawah kementerian lain. Kementerian Sumber Asli bukan bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air. Itu saya nak betulkan sikit je.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI RAZAK

Dato' Sri, Dato' Sri Speaker sekejap. Dato' Sri Speaker, bukankah kalau soal air di antara sumber atau pun punca untuk menjadikan sumber air ini mampan ialah hutan. *Catchment area* maknanya kawasan dengan izin, kawasan tadahan. Kalau kira

kawasan tadahan ni kalau kita tebang, ia akan menyebabkan satu ancaman kepada sumber air. Jadi di bawah kementerian Yang Berhormat pada ketika itu. Bukan begitu?

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sumber air bawah kerajaan negeri, tanah bawah kerajaan negeri. Akta Kerajaan Persekutuan tidak melibatkan soal pengurusan tanah tu bawah kerajaan negeri. Kita semua tahu tanah, air ni bawah kerajaan negeri. Sumber air bawah kerajaan negeri tetapi bila masuk kepada sistem pembentungan itu bawah kerajaan persekutuan err... bawah dia ada beberapa perkara. Sumber, sebab tu sumber ni geran persekutuan kepada kerajaan negeri. Contohnya saya…saya tak pelah. Saya...saya ingat kita tidak perlu panjangkan isu tersebut supaya saya nak jawab…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI RAZAK

Yang Berhormat, maksud saya tu begini sebab bekalan air. Maknanya bila sebut perkhidmatan air misal contoh Perkhidmatan Air Negara. Kita ada SPAN, kita ada ni apa nama operator bekalan air di peringkat negeri tetapi bekalan air di peringkat negeri ini ada berkait dengan sumber. Saya yakin Yang Berhormat sebagai Ahli Kabinet. Takkanlah kita sebagai Ahli Kabinet kita hanya menyentuh tentang wujudnya satu kerangka pemikiran secara *dichotomy*, maknanya dengan izin ya. Maknanya kita hanya bertindak sebagai pemikiran secara silo [kurang pasti] tidak begitu. Tetapi bila kita sebagai kaitan antara sumber dengan bekalan air, perkhidmatan air, bagaimana kita nak menyelesaikan tentulah ia memerlukan satu ini…ni… kedudukan, status di mana sumber air itu mampan. *So* maksud saya di sini, tidak ke ada Yang Berhormat membangkitkan tentang soal pencerobohan hutan yang boleh menyebabkan kekangan dan juga ancaman kepada sistem bekalan air di negara...

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Err…Dato' Speaker, saya tidak cadang untuk panjangkan isu ini sebab supaya kalau kita lihat secara detail pengagihan bidang kuasa ya, sumber bawah kerajaan negeri, masuk sistem bekalan bawah kerajaan persekutuan sampai pembetungan. Lepas pembetungan bawah IWK dia masuk bawah kerajaan negeri semula. Jadi kita, sumber memang bawah kerajaan negeri ya sebab tu kerajaan persekutuan… kerajaan negeri boleh mohon peruntukan sumber, geran persekutuan. Geran persekutuan contohnya *dam.* Empangan tu bawah kerajaan persekutuan, tetapi bila masuk sistem pengagihan bawah loji sebagainya, itu dia kalau negeri yang buat melakukan mitigasi dengan kerajaan persekutuan. Kerajaan persekutuan akan…akan manfaatkan.

Saya fikir tu tak perlu panjanglah. Isu kita ialah isu saya nak… *last* sekali isu tentang bandar Lipis tadi. Bandar Lipis ni bandar yang bersejarah, ibu negeri pertama dan banyak benda-benda bersejarah. Saya fikir perlu satu mekanisme dapat kita wujudkan untuk kita bangunkan sejarah yang sangat berharga ni yang ada di Bandar Lipis. Saya fikir ADUN Padang Tengku, ADUN Benta kita sama-sama sebab satu daerah dan Lipis ini perlu kita jaga sumber-sumber, hasil-hasil yang sangat lalu, sebagai hasil yang bersejarah.

(ADUN PADANG TENGKU - N. 03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Celah, celah sikit.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

…berteraskan warisan err… termasuk juga laluan-laluan warisan ini dapat kita bangunkan lebih baiklah. Terima kasih.

(**ADUN PADANG TENGKU - N. 03)**
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Celah-celah sikit. Saya nak…nak dapat kepastianlah. Tadi Cheka sebut Lipis ibu negeri yang pertama, tapi dari segi fakta sejarahnya, saya nak sebutkan bahawa ibu negeri Pahang yang pertama ialah Pura, Pekan. Tapi kalau kita pandang dari sejarah penjajah, memanglah Lipis ibu negeri yang pertama. Jadi maknanya cuba kita betulkan fakta sejarah. Lipis adalah ibu negeri yang kedua selepas Pekan. Kalau tidak, kita akan membawa cerita dan mendendangkan sejarah yang ditulis oleh pihak penjajah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Takpe, takpe. Itu kita semua baca buku sejarah masing-masing. [Ketawa] Sila gulung.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri…

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya fikir apa yang penting ialah saya nak sebut *point* saya ialah banyak kesan sejarah yang ada di bandar Lipis dan kalau kita tidak usahakan sesuatu ya, mungkin peninggalan sejarah ini akan hilang dan terus satu pelan pembangunan

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI RAZAK

Dato' Sri Speaker….

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Untuk kita membangunkan harapan sejarah yang dapat kita wujudkan bagi manfaatkan kawasan bandar Lipis khususnya sebagai satu tarikan pelancong untuk turun selain pada geopark yang sedia ada di kawasan Lipis.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI RAZAK

Dato' Sri Speaker, rakan saya daripada Cheka.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini ada…adalah perbahasan Lipis. [Ketawa]

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI RAZAK

Saya nak betulkan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Padang Tengku Lipis, Benta Lipis dan Cheka pun Lipis.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI RAZAK

Pertama sekali, sebenarnya apabila kerajaan mewujudkan ECERDC maknanya di bawah sepertimana yang dizahirkan oleh Dato' Sri Speaker, iaitu Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi. Pak Lah mewujudkan, ini apa nama agensi ataupun termasuk ECERDC yang merangkumi kawasan di Pahang.

Yang keduanya Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja sendiri, inisiatif mewujudkan Pahang Barat Plus di antara lainnya adalah memberi tumpuan kepada daerah-daerah di Pahang Barat termasuk di Lipis. Jadi di situ kita wujudkan pelbagai. Antara inisiatif yang dirujuk ialah termasuk tadi tempat-tempat yang bersejarah. Malahan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sendiri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar mewujudkan mencadangkan dan mewujudkan Akademi Mineral Pahang yang berpusat di Lipis. Saya ingat mungkin rakan saya daripada Cheka. Saya nak beritahu mungkin kita kena duduk, kita akan perjelaskan inisiatif yang diambil… kita nak wujudkan… kita nak wujudkan hub benih dicadangkan di Lipis. Malahan ada usaha yang telah dicadangkan untuk memperkasakan lagi spesies ikan asli termasuk Jelawat yang dicadangkan di kawasan Yang Berhormat Dato' Sri sendiri di Cheka, di Putu… Kampung Putu dan kita mengambil pendekatan, malahan beberapa kawasan telah dikenal pasti di bawah inisiatif ECERDC khususnya berkaitan dengan projek-projek pertanian dan tidak kecuali maknanya apa nama tempat-tempat bersejarah. Jadi sebenarnya apa yang dicadangkan oleh atau yang disentuh oleh Yang Berhormat ADUN Cheka ni sebenarnya telahpun dirangka dan insya-Allah akan dilaksana. Ada setengah dilaksanakan di Kampung Budu misalnya kita wujudkan Galeri Tok Gajah. Mungkin kalau boleh singgah sekali, dah siap dah dan kita lengkapkan daripada peringkat apa nama fakta sejarah dan sebagainya.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Okay. Terima kasih. Terima kasih banyak. Saya menyokong penuh. Bahkan kalau semua pembangunan di Pahang ni dibuat di Lipis pun lagi bagus, ya. Kita bukan tak menyokong. Saya isu ialah saya mintak supaya …

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Lipis ini…

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

… bahan-bahan bersejarah tu…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lipis Yang Berhormat… Yang Amat Berhormat Lipis juga. Insya-Allah.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Mintak laluan Yang Berhormat. Insya-Allah pakat-pakat sokong…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Memang eloklah menyokong.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

… memang pakat-pakat sokong, tapi tak menyebut. Sebutlah Akademi Mineral Pahang, Geopark, apa ni Pahang Barat Plus, berlambak dah yang kita buat, tapi tak menyebut.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Ya, terima kasih.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang… yang di cakap dalam Dewan Yang Mulia seolah tak buat benda-benda di Lipis ni. Tapi itu yang… yang… Dato' Sri Soffi ADUN Benta tadi… macam naik sikitlah… naik minyak sikitlah. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya sebenarnya Yang Berhormat, saya dah sebut peringkat awal tadi waktu Yang Berhormat tak ada dalam Dewan, saya dah puji tindakan tindakan-tindakan yang dibuat sebenarnya. Cuma saya nak sebut *last* sekali ialah isu bukan nak konflik. Isunya ialah si… bahan-bahan sejarah ini yang ada di Lipis tu perlu dibangun sebagai eko

pelancongan. Saya fikir semua orang sepatut setuju, ya. Tak peliklah kalau ada yang tak setuju ya, sebab kita bukan untuk melupuskan, kita untuk memelihara termasuk benda-benda sejarah ini. Dan dibuat dengan… dengan berbagai projek tu saya ucap tahniah, terima kasih banyak-banyak di atas membangunkan Lipis sebagai salah satu pelan tentang pembangunan besar di Pahang Barat. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar…

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Minta laluan.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Cuma saya bila antara puji ni, kata Saidina Ali bin Abi Talib. Aku bimbang orang terlalu memuji ku, takut aku timbul riak. Sebab tu saya tak banyak sangat puji. Cuma saya… saya tahulah Yang Amat Berhormat Menteri Besar dah banyak buat projek, terima kasih banyak. Ada lagi…

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Cheka. Dato' Sri Speaker, walaupun saya tidak berasal dari Lipis, tapi saya rasa isu ini telah berkali-kali dibangkitkan Yang Berhormat Cheka dan kita telah buat pernyataan dalam sesi penggulungan untuk Sidang Dewan yang lepas, di mana kita semua dimaklum bahawa selepas pengiktirafan Lipis Geopark, kerajaan negeri sedang dalam usaha untuk mengangkat Lipis Geopark ke peringkat UNESCO dan ini telah berkali-kali dinyatakan di secara terbuka ataupun di Sidang Dewan dan juga er… untuk Sidang Dewan lepas kita sudah berkali-kali menjawab soalan ini, saya rasa tiada isu di mana kerajaan negeri tidak membuat… tak buat *something* terhadap Lipis dan untuk perwartaan tapak-tapak bersejarah di Lipis telah dilaksanakan dan proses ini masih diteruskan. Saya berharap Yang Berhormat boleh… Cheka boleh er… ingat atau faham fakta-fakta ini. Sebab saya… saya pun terus rasa kerajaan tidak buat sesuatu terhadap Lipis, ini adalah satu tuduhan yang tidak berasas. Terima kasih.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Okay, terima kasih banyak. Er… Boleh saya tahu berapa peruntukan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan bagi memelihara bangunan-bangunan bersejarah di Lipis ini?

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Untuk maklumat Yang Berhormat Cheka, angka ini saya tiada dalam tangan, tapi saya boleh bagi jawapan secara lisan ataupun bertulis. Tapi untuk maklumat Yang Berhormat Cheka, bukan sahaja Kerajaan Negeri Pahang, MOTAC juga telus telah memberikan peruntukan sebagai contoh untuk tahun ini bawah RMK, salah satu projek untuk Pahang adalah RM1.2 juta untuk Gua Bama di Lipis Geopark dan banyak lagi kerajaan negeri, Fi Lestari, MOTAC dan EFT. Banyak peruntukan yang kita telah dapat

daripada pelbagai sumber untuk membantu ekopelancongan di Lipis juga. Terima kasih.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Okay, terima kasih er… Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya fikir saya ucap terima kasih banyak kepada pelan pembangunan. Cuma kita bukan nak bantah ya, Geopark satu bahagian, yang saya bangkit ni bangunan bersejarah yang ada tu bukan Geopark, Geoparklah. Takpelah, dah… dah ada pelan pembangunan…

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Geopark termasuk tapak warisan.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Dato' Sri Yang di-Pertua, saya fikir itu ulasan saya dan saya menyokong penuh Titah Tuanku, terima kasih. Assalamualaikum WBT dan selamat pagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dijemput wakil daripada Tras.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera, Salam Kerajaan Perpaduan, Salam Malaysia Madani, Salam Pahang 1st kepada semua ahli mesyuarat dan para hadiran sekian. Terima kasih Dato' Sri Tuan Speaker kerana memberi laluan saya pada tengah hari ini untuk saya bersama-sama membahaskan ucapan Titah Diraja Ke Bawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

Sebelum itu, saya ingin merafak sembah serta menjunjung kasih ke atas Duli Paduka Baginda Sultan Pahang di atas perkenan baginda Tuanku merasmikan Istiadat Pembukaan Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang ke-15. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar Pahang di atas lantikan sebagai Penasihat kepada Perdana Menteri Malaysia untuk Majlis Pembangunan Usahawan dan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana. [Ahli Dewan menepuk] Tahniah juga kepada tiga pelantikan baru peringkat tertinggi negeri, Setiausaha Kerajaan Pahang, Penasihat Undang-undang Negeri, Pegawai Kerajaan negeri dan tidak terlewat saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua. [Ahli Dewan menepuk]

Dato' Sri Speaker,
saya tak akan menyentuh berkenaan dengan kes mahkamah. Saya akan terus kepada tanah haram. Insya-Allah, saya akan bagi pandangan yang baik ya, yang konstruktif untuk dinilai bersama-sama. Tidak boleh dinafikan Musang King adalah merupakan produk sektor agrotourism yang mana produk hilirannya seperti biskut durian, kuih durian, lempuk, aiskrim durian, coklat durian, serta juga kuih bulan, sekarang dah ada

kuih bulan musang king adalah satu produk tarikan agrotourism. Ia adalah sebagai pemangkin utama kepada hub sektor agrotourism. Dari segi alam sekitar pula, ia dapat mengekalkan suasana kehijauan dan dapat menjaga ekosistem alam sekeliling.

Dato' Sri Tuan Speaker, pencerobohan tanah haram perlu pengkajian mendalam. Bagi mengatasi dan mencegah daripada berlaku, dicadangkan satu *committee* atau jawatankuasa khas dibentuk bagi meneliti masalah ini. Komuniti ini akan mencadangkan kaedah penyelarasan yang adil menang-menang. Bagi kes pencerobohan yang telah berlaku terlalu lama yang mengakibatkan rakyat tempatan ataupun luar Pahang, *committee* ini boleh dilantik daripada bekas-bekas pegawai PTG, pakar-pakar tanah di IPT atau Institut Tanah Negara, Ulama, PDRM, Peguam Negara dan sebagainya.

Committee diberi tiga bulan untuk mengemukakan cadangan pelan tindakan kepada kerajaan negeri untuk dilaksanakan. Pencerobohan perlu dinoktahkan dan tanah-tanah yang diceroboh tidak boleh terlalu lama dibiarkan. Ia berlaku kecurian terhadap tanaman yang boleh dikutip dan untuk dijual. Adalah mustahil untuk memusnahkan semua tanaman ini. Lebih baik dimanfaatkan. Jadi, tindakan awal yang boleh dilaksanakan, cadangan saya adalah melalui *tapping right*. Dengan rasa rendah hati dan penuh tanggungjawab sebagai wakil rakyat DUN Tras dan sebahagian daripada ADUN Kerajaan ingin berkongsi pandangan serta pendapat berkenaan kesan alam sekitar dan ekosistem.

Sekiranya pihak kerajaan secara drastik dan konsisten ingin memotong atau menebang pokok-pokok durian yang telah matang ini. Apa-apa cadangan ini, jika tidak dipersetujui atau tidak disukai itu tidak semestinya tidak baik dan yang dipersetujui atau disukai itu tidak semestinya baik, sebagaimana pendapat orang-orang bijak pandai. Mungkin pihak kerajaan boleh memikirkan cara lain atau pendekatan lain bagi mengatasi masalah ini. Mengapa saya kata begitu? Pokok Durian merupakan salah satu daripada 33 spesies pokok hutan yang boleh hidup beratus tahun. Boleh ya... Tuan... Dato' Sri Tuan Speaker boleh rujuk dekat FRIM punya *flyer* ya, ataupun makalah.

Nama saintifiknya ialah Durio sp. Jika dibandingkan dengan pokok kelapa sawit, pokok durian ini boleh mencegah hakisan tanah daripada berlaku. Dari segi kajian ilmiah, saintifik biologinya pula, satu pokok durian yang matang yang mempunyai ukur lilit diameter ya, serat... er… 30 inci ini dapat menyimpan air sebanyak 100 hingga 150 liter sehari sekiranya hujan turun di luar jangkaan berlaku, dan air ini pula dilepaskan kembali ke udara semasa proses fotosintesis berlaku. Penguapan ini berlaku melalui daunnya. Di dalam erti kata lain, ianya dapat berfungsi sebagai agen pemampan terjadinya risiko banjir, banjir kilat, kepala air yang boleh berlaku di kawasan tersebut khasnya di kawasan tadahan air.

Di dalam konteks biologi ini, baya... bayangkanlah Ahli Mesyuarat yang dikasihi sekalian, sekiranya pokok-pokok yang matang ini ditebang seluas 200 ekar, 500 ekar ataupun 1,000 ekar atau sebagainya, ia juga secara langsung akan mengganggu rangkaian ekosistem biodiversiti flora dan fauna itu sendiri. Sedikit sebanyak ianya akan mengganggu perubahan alam sekitar. Mengikut kajian meteorologi, dalam kitaran cuaca biasa, cuaca panas menghasilkan lembapan dan wap air di udara yang akan bertukar menjadi titisan air untuk menghasilkan hujan.

Apabila hujan menjadi semakin panas... apabila cuaca menjadi semakin panas, lebih banyak wap yang akan terhasil di er... atmosfera. Akibatnya, lebih banyak titisan air terbentuk dan hujan yang lebat akan berlaku. Apabila hujan ini berlaku di dalam

kawasan yang lebih kecil dan dalam masa yang singkat, banjir akan berlaku. Mengikut formula kajian meteorologi, perubahan kenaikan suhu sebanyak 1 darjah celcius. Ia akan mempengaruhi tujuh bahagian kelembapan di udara. Sebagai contoh, jika kenaikan suhu…

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mohon mencelah sikit boleh tak Tras? Yang Berhormat Tras.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya rasa tak perlulah. Saya ni, saya... saya nanti...

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sekejap je, sekejap je.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya... saya nanti... Boleh tambah masa?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, sila.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Seminit je. Daripada apa er... saya meneliti sedikit ucapan daripada Tras tadi. Ada... cuma saya nak tanya, adakah Tras menyatakan bahawa tindakan kerajaan tak betul? Atau tak bersetuju dengan tindakan kerajaan yang dibuat pada hari ini atas alasan alam sekitar, ekonomi dan sebagainya? Adakah Tras tidak bersetuju dengan tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan pada hari ini atau Tras bersetuju dengan tindakan kerajaan ambil hari ni? Terima kasih.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya harap boleh dengar ucapan saya sampai habis. Saya sambung semula ya Dato' Sri. Saya pun tak ingat kat mana saya berhenti tadi. Sebab kalau gangguan ni...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tras macam bagi kuliah.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Okay, saya... saya ulang semula ya yang berkenaan dengan ini... ini mungkin ilmu boleh kongsi bersama-sama. Saya pun nak mendapatkan bukan senang. Mengikut

formula kajian meteorologi, perubahan kenaikan suhu sebanyak 1 darjah celcius, ianya akan mempengaruhi tujuh bahagian kelembapan. Kalau meningkat lagi, contohnya 1.5 darjah celcius, maka ia akan mempengaruhi 10 bahagian kelembapan udara. Mungkin itu jugalah semenjak kebelakangan ini, kongsi bersama ya, taburan hujan di kawasan Parlimen Raub melebihi 100mm dan banjir kilat kerap berlaku. Mungkin itu satu kebetulan.

Ada masa lagi. Er... saya pergi kepada… kesempatan ini juga saya menyentuh berkenaan dengan kebajikan rakyat berkenaan perumahan terbengkalai. RUU Pembaharuan Semula Bandar (URA) telah diluluskan. Diharap pihak kerajaan negeri mahupun pusat supaya dapat menyelesaikan perumahan...

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya, saya minta laluan sikit.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Perumahan terbengkalai ini yang terdapat di negeri Pahang.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Pembetulan, pembetulan. Tras minta pembetulan ya is… RUU URA ini belum dibawa ke Parlimen, belum lulus lagi ya, ditangguhkan.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Tak apa saya tarik balik yang tu. Saya masuk berkenaan dengan ketirisan kerugian NRW.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebab dia jadi menteri sekerat je [ketawa] dia tak sampai abis. Jadi dia tak tahu... dia tak faham, dia tak sedar.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang ini baru ni dia ada masuk mungkin tidak dibincangkan. Saya rasa macam tulah. Saya pun mengikuti perkembangan tapi akhir tu mungkin tak, tak lihat agaknya. Berkenaan ketirisan dan kerugian NRW ini, saya cadangkan kerajaan ataupun PAIP memberi ganjaran setimpal kepada mereka yg buat aduan segera terhadap kebocoran paip ini. Ada inisiatif la. Kalau tak ada inisiatif *so* dia orang buat tak tahu ya, dan juga kerajaan perlu... ini, ini adalah aduan rakyat, jadi saya masukkan sini juga. Kerajaan perlu juga mengambil kira kerugian rakyat jika sesuatu permohonan seperti permohonan pemilikan tanah mengambil masa terlalu lama untuk diluluskan. Semasa diluluskan akan mengambil kira situasi ekonomi semasa dan melibatkan kenaikan harga semasa, kaitan nilai premium dan sebagainya.

Saya pergi kepada infrus... infrastruktur jalan raya ya. Diharap pihak kerajaan dapat menilai balik jalan *Spine Road* dari bulatan Mempaga ke UiTM dan sebagainya. Mencadangkan kepada pihak pengurusan Lebuh Raya *Spine Road*, satu papan tanda Raub Bandar Pelancongan daripada 1km simpang masuk melalui UiTM dan simpang Batu Tiga masuk ke bandar Raub. Dan juga ada aduan daripada rak… daripada rakyat baru ini, ada beberapa motosikal *rim* dia bengkok ya, mungkin jalan tak berapa bagus jadi harap ambil perhatian. Dan di sini saya juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Pahang kerana menyediakan er... RR... R&R sementara dari bulatan Mempaga ke Simpang Batu Tiga, Raub.

Dan akhirnya sedikit ya, banyak gangguan tadi, masalah setempat. Di kesempatan ini juga saya ingin mengambil kesempatan mencadangkan, ini baik ini sebenarnya, terima kasih kepada Menteri Besar ya, itu... pemegang kad kesihatan. Maknanya mereka belanja RM500.00 sebulan. Saya cadangkan supaya ditambahkan nilai RM10.00 insurans kad Agro Bank. Mungkin ini boleh dibincangkan dengan bank er... supaya... supaya pemegang kad sama ada berlaku kematian atau kemalangan, boleh... boleh *claim* antara RM5,000.00 hingga RM10,000.00 bergantung kepada polisi bank. Seterusnya bagi kampung Orang Asli pula...

(ADUN GUAI – N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Speaker, mohon mencelah sikit. kad kesihatan tu bukan RM500.00 sebulan, RM500.00 setahun.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Maaf, minta maaf. Banyak sangat gangguan, dia tak berapa ingat. Bagi kampung Orang Asli pula perlu di... dicantikkan dan ditanam dengan pokok-pokok yang boleh mendatangkan hasil pendapatan yang baik. Contohnya seperti pokok buah-buahan, koko, kopi dan di samping tanaman sayur-sayuran kaedah fertigasi dengan kerja... kerjasama ORACO, Jabatan Pertanian dan juga JAKOA.

Dan ini ada persoalan ingin saya bawa daripada penduduk masyarakat Orang Asli di penempatan baru Sungai Sempalit. Mereka bertanyakan berkenaan geran ladang dusun yang sudah dua tahun masih menunggu er... kelulusan daripada kerajaan. Er... dan juga mencadangkan kepada kerajaan supaya ada satu inisiatif untuk kawasan taman yang besar ya sebab kerajaan negeri, saya... saya yakin pendapatan akan bertambah. Mana kawasan taman yang besar yang melebihi 2,000 penduduk, jawatankuasa penduduk eloklah dibagi... beri elaun tambahan. Seterusnyanya kepada Pejabat Agama Negeri. Semua urusan surau-surau yang berdaftar dan kawasan tanah perkuburan hendaklah dipagar bagi mengelakkan pencerobohan berlaku dan akhirnya sekali, ini permintaan jugak daripada JPKK, JPKKB kalau boleh kerajaan negeri dengan sumbangan yang ada mungkin boleh naikkan juga elaun mereka dan juga mungkin boleh dipertimbangkan untuk er... KRT elaun ehsan juga mungkin boleh diberi. Saya rasa itu sahaja daripada saya. Dengan ini saya menyokong Titah Diraja. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Silakan wakil daripada Lepar.

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Terima kasih er... Dato' Yang Berhormat Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. [Bacaan dalam Bahasa Arab] Assalamualaikum WBT. Pada kali ini, saya memulakan ucapan saya dengan sat… sebuah mutiara kata dari Nelson Mandela. Saya selalu memikirkan dua perkara di fikiran saya, iaitu diam dan senyum. Senyuman adalah untuk menyelesaikan masalah dan berdiam diri untuk mengelakkan masalah. Setiap orang yang berjaya mempunyai pengalaman yang memeritkan. Pengalaman yang memeritkan akan berakhir dengan suasana yang indah. Dengan kita menerima keperitan, ianya akan berakhir dengan kejayaan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, *tie* tu keluar.

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Oh terkeluar. [ketawa] Pemain hoki jarang pakai *tie*.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pasal kita *live* ni, biar nampak segak sikit.

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Allright. Terima kasih. [ketawa].

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Kawasan DUN Lepar adalah kawasan pinggir bandar, namun agak sibuk jugak dengan lalu lintas yang amat panjang yang berpunca dari *Trafffic Light* Jaya Gading. *Traffic jammed* tersebut sering berlaku pada setiap hari pada waktu pagi dan petang serta semasa waktu hujung minggu dan pada musim perayaan atau cuti sekolah. Masalah *traffic jammed* berlaku lebih serius dan tak kira masa. Keluhan ini sering dilontarkan kepada saya oleh penduduk di sekitar Lepar termasuk pelancong-pelancong yang berkenderaan dari luar daerah Kuantan untuk ke arah bandar Kuantan. Masalah ini perlu diambil lebih serius kerana kesesakan lalu lintas ini telah berlaku sekian lama. Ia boleh menyebabkan pelancong-pelancong dari luar daerah mungkin akan hilang minat untuk bersantai hujung minggu daerah Kuantan pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Pelancong-pelancong yang suka bercuti di hujung minggu sama ada dari dalam negara atau luar negara, sebenarnya makin kurang berminat bercuti ke Pulau Pinang, Melaka, Johor ataupun Lembah Klang. Oleh kerana faktor kesesakan lalu lintas di sana, namun mereka tiada pilihan, tiada destinasi alternatif lain yang mencipta syurga percutian dan tempat rehat yang tenang dan dengan lalu lintas yang lancar.

Bandar Kuantan seharusnya mengambil kesempatan kepada peluang ini. Jadikan Kuantan syurga makanan kepada pelancong. Syurga musim buah-buahan dan penginapan murah, menarik dan nyaman. Laksa Penang ada di Kuantan. Nak makan Nasi Kerabu, Nasi Kerabu Kemira sedap. Keropok Lekor tak perlu pergi ke Losong, ada makna di apa… di Mokna Tanjung Lumpur. Orang Mokna ye betul… ye. Er...

orang kata Ikan Bakar di Kedah sedap, tapi restoran Ikan Bakar di Tanjung Lumpur penuh dengan pengunjung pada hujung minggu. Nak makan Nasi Dagang ada di jalan Anak Air, nak makan Mi Kari tak perlu ke Ipoh, Mi kari Teluk Cempedak sedap dihirup. Ingat Dato' Sri pernah makan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mi...mi…Mi Kari Planet satu lagi.

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

O... planet masih ada lagi ya. Kubang Buaya masih ada lagi, yang tu pun sedap. Asam Pedas pun ada di Kuantan. Bagi… bagi saya sedap lagi Sate Zul dari Sate Kajang. Ni promosi la ni kot. Nasi Lemak Simple, Nasi lemak Zaman, Restoran Zaman, kalau nak pergi makan beratur-ratur dan Nasi Padang Tanamo di Gambang, tu jangan lupa tu Nasi Padang sedap tu kalau biasa pergi ke Gambang. Kita juga ada masakan istimewa iaitu masakan ikan sungai kitalah. Ikan patin dan ikan-ikan lain. Di Kuantan kita tak heran dengan, dengan apa ni Durian Musang King kerana kita ada Durian Kunyit di Gambang. Kalau Dato' Sri pernah pergilah makan ada satu nyonya selalu jual dengan motor kat tepi stesen bas dekat Gambang tu. Lepas tu, kita ada Durian Hijau tak tau ada orang biasa ke tak biasa di Beserah. Orang Beserah tahulah Durian Hijau tu. Memang sedaplah rasa, rasa apa ni rasa sesedaplah Musang King tu. Memang air terjun kita tak berapa nak memukau kemudahannya, tapi kita ada kemudahan pantai dengan air yang jernih seperti di Teluk Cempedak.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.
Bak kata orang Lepar, Kuantan is *truly* Malaysia. Sepatutnyalah. Sebenarnya apa sahaja di dalam Malaysia ni ada di Kuantan. Terpulanglah kepada kita bagaimana nak jadikan daerah Kuantan sebagai pilihan utama pelancong. Ia sekarang ramai, memang ramai macam ramai pelancong hadir di hujung minggu, nambung… namun, Gambang Waterpark makin lesu, Kuantan Prade lesu, Kompleks Teruntum pun lesu, Megamall terpaksa buat *Wedding Hall*, Kuantan Plaza tinggal kenangan, dan banyak yang dah lenyap, yang boleh bertahan mereka masih bertahan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Kemajuan sukan seharusnya adalah seiring dengan pendidikan. Namun, ramai ibu bapa lebih mementingkan pendidikan daripada membiarkan anak-anak mereka mencebur diri dalam bidang sukan. Pada masa ini ada universiti-universiti yang menyediakan kemudahan sukan yang terbaik dengan tidak menapat… menepikan pendidikan akademik. Kita memiliki banyak sekolah-sekolah sukan negeri termasuk di negeri Pahang seperti Sekolah Sukan Seberang Temerloh. Tetapi, Sekolah Sukan Seberang Temerloh tidak mencapai tahap yang diinginkan oleh ibu bapa. Keadaan asrama, bilik air dan makanan yang tidak bersesuaian dengan kedudukan seorang atlet bertaraf negeri atau kebangsaan. Saya alami sendiri dan saya pernah lihat sendiri keadaan ini semasa saya pernah menjadi jurulatih hoki dulu.

Kejayaan akademik juga tidak membanggakan kerana itulah ibu bapa dari bangsa-bangsa lain selain daripada bangsa Melayu, tidak mahu menghantar anak-anak belajar di Sekolah Seberang Temerloh. Tidak seperti di Sekolah Sukan Gambang, Malaysia Gambang. Ianya lebih berkualiti dan memiliki tahap kemudahan berstatus tinggi. Sekolah Sukan Malaysia Gambang patut dicontohi dan ramai ibu bapa yang berlumba-lumba untuk menghantar anak mereka ke sekolah ini, ada juga yang pakai kabel untuk nak masuk, Sekolah Sukan Gambang juga, meng… mengutamakan

akademik dengan menerapkan nilai-nilai murni serta ramai juga pelajar berbilang bangsa yang belajar di sekolah ini. Namun, di Sekolah Sukan Gambang tidak dimonopoli oleh anak Pahang. Walhal di Sekolah Sukan Malaysia Johor, Sekolah Sukan Malaysia Bukit Jalil, mereka mengutamakan anak-anak Johor dan orang-orang Lembah Klang. Kadang-kadang kita juga perlu mementingkan diri sendiri dalam aspek ini kerana ramai atlet-atlet Pahang yang berkebolehan dan layak memasuki sekolah tersebut. Namun terdapat kerumitan yang tidak diketahui dalam sistem pemilihan kemasukan atlet di sekolah tersebut. Sekolah Sukan Malaysia Gambang juga menyediakan kemudahan menyambung pelajaran ke Pra Diploma yang dikenali sebagai Pra-U. Selepas Pra-U pelajar-pelajar tersebut akan menyambung pelajaran di universiti-universiti tempatan termasuk universiti yang tidak mempunyai kemudahan sukan yang bersesuaian dengan atlet tersebut.

Apabila mereka berada di universiti yang tidak sesuai dalam bidang sukan mereka, bakat-bakat mereka akan hilang, tenggelam dan akhirnya merugikan masa atlet dan duit kerajaan semasa mereka berada di sekolah sukan dahulu. Hanya terdapat beberapa universiti yang memberi kemudahan sukan yang terbaik seperti Universiti Putra Malaysia, UPSI, Universiti Malaya dan segelintir universiti lagi. Berhampiran Sekolah Sukan Gambang, terdapat Universiti Malaysia Pahang. Namun UMP tidak menyediakan kursus-kursus yang berkaitan dalam bidang sukan. Oleh kerana itu, kita tidak dapat mengumpul atlet-atlet berbakat di negeri Pahang untuk meneruskan pelajaran beliau di UMP. Walhal, UMP boleh menumpang kemudahan sedia ada dan jurulatih yang berada dalam Sukan Gambang kerana perkara ini telah berlaku apabila Universiti (UIA) di Kuantan mengguna kemudahan jurulatih di Sekolah Sukan Gambang. UMP hanya perlu menyediakan kursus dalam bidang sukan-sukan contohnya seperti yang ditawarkan oleh Universiti Putra Malaysia. Universiti Putra Malaysia menghimpunkan kebanyakkan atlet kebangsaan di universiti tersebut dengan memberi insentif-insentif tambahan seperti kemudahan gelanggang sukan bertaraf antarabangsa, jurulatih berkelayakan tinggi dan yang paling utama adalah mereka menawarkan biasiswa sukan secara percuma… percuma maksudnya datang situ tak perlu pinjam PTPTN tak perlu pinjam, serta peralatan dan pakaian sukan juga secara percuma. Insentif-insentif ini menyebabkan ramai atlet-atlet berbakat belajar di Universiti Putra Malaysia, namun tidak ramai atlet-atlet dari Negeri Pahang yang belajar, ada tapi tak ramai kerana sistem pengambilan pelajar yang ketat dan terperinci. Sudah masanya Universiti Malaysia Pahang mengambil peluang yang sama dengan menumpukan atlet-atlet berbakat dari Negeri Pahang. Hari ini pendek sikit er… Dato' Sri Speaker sebab tak berapa sihat. *So*, saya nak akhiri, saya ingin akhiri ucapan saya dengan membaca satu teks yang saya lihat yang saya lihat di *posting* media massa. *Posting* tersebut berkata seperti berikut. "*Amaran Tanah ini milik penceroboh. Pemilik asal perlu bayar pampasan jika mahu kami keluar".* Itu saya tengoklah *posting* tu. Inilah dia masalahnya bila kita terlampau memberi muka kepada penceroboh yang tidak ada budi pekerti dan tidak ada rasa bersalah kepada tuan tanah.

Dengan ini, saya menyokong dan menjunjung kasih.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang Di-petua, saya sokong apa yang Dato' Sri Yang di-Pertua cadangkan tadi. Benda-benda ni kita tak payah bangkit sebab benda ini dalam urusan mahkamah, kemudian itu belum dihukum lagi. Jadi itu, media ini kalau kita ambil semua orang ni cakap kita ambil jadikan hujah orang itu bercakap jadikan hujah. Akhirnya mana nabi kita yang sebenar, mana pegangan kita yang sebenarnya. Mana tempat yang kita nak

benteras. Jadi kita Ahli Dewan, kita Ahli Dewan kita bukan caca merba. Jadi, saya terima kasih juga atas pandangan-pandangan yang baik, yang positif. Tapi kalau kita pergi ambil kutip merata celah tong sampah kita kutip bawa dalam Dewan. Atas dahan pokok kita kutip bawa dalam Dewan. Akhirnya kita tak *syok* bersidang. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Dato' Sri Speaker. Nasib baik.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh gulung.

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Nasib baik yang terakhir tu kan, bukan kutip-kutip memang benda ini betul kot. Dengan ini, saya menyokong dan menjunjung kasih.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tak… tak. Kita sekarang ini benda ini tengah dibicarakan dan YAB Menteri Besar telah ambil tindakan kepada, telah minta pihak berwajib mengambil tindakan sesuai dengan keupayaan dan bidang kuasa yang ada. Tuanku pun dah bertitah, kerajaan pun dah. YAB Menteri Besar dah berikan cadangan tadi menyokong Titah Tuanku. Jadi itu, kita punya, kita punya pendirian istiqamah kita *foundation* kita. YAB Menteri Besar dah kemukakan tadi. Hak orang lain itu (Bacaan dalam Bahasa Arab) nabi dah pesan yang kita tinggal. Kalau begini, kalau begitu tak sudah kita.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Okay nak gulunglah ni. Tapi kita dekat sini memang berbahas dengan Dato' Sri Speaker. Jadi saya bahaskan apa yang benar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh. Boleh teruskan.

(ADUN LEPAR - N.18)
YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Dengan ini saya menyokong dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya bagi satu je lagi. Wakil daripada Semambu, sila.

(ADUN SEMAMBU - N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang pada kali ini. Izinkan saya terlebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Dato' Indera Nazri, Tuan Mohd Saifuddin dan Dato' Haji Fadzilla atas pelantikan masing-masing sebagai Setiausaha Kerajaan negeri, Penasihat Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri yang baharu. Kami semua menaruh harapan tinggi agar pentadbiran negeri akan terus diperkasa, lebih cekap dan berdaya saing melalui usaha serta idea-idea baharu yang bakal dilaksanakan.

Dato' Sri Speaker,
saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini, dalam isu ekonomi yang turut disentuh dalam Titah Diraja pada Jumaat lepas. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan Kerajaan Negeri Pahang yang telah mencatat hasil sebanyak RM1.22 bilion serta memperolehi komitmen pelaburan berjumlah RM7.4 bilion pada tahun lepas. Ini adalah bukti bahawa Pahang terus menjadi destinasi pelaburan utama di Pantai Timur. Dengan kemajuan projek mega seperti ECRL, East Coast Rail Link, Pelabuhan Kuantan yang mempunyai fasiliti lengkap serta pembangunan taman-taman industri di sekitarnya. Kita bakal menyaksikan lonjakan transformasi ekonomi negeri. Namun begitu, terdapat satu aspek yang perlu diberi perhatian segera iaitu kekerapan penerbangan ke Kuantan yang masih sangat terhad.

Oleh itu, saya mencadangkan. Pertama meningkatkan kekerapan penerbangan Kuantan-Kuala Lumpur dan juga Kuantan-Singapura. Kedua, saya juga ingin mencadangkan untuk mewujudkan penerbangan terus dari negara-negara pelabur utama seperti China. Bayangkan jika pelabur boleh sampai terus ke Kuantan tanpa transit. Ini akan mempercepatkan urusan pelaburan, membina kepercayaan dan seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi negeri kita.

Dato' Sri Speaker,
saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan negeri memperkenalkan satu dasar menarik pelaburan yang melibatkan penyertaan sumber individu dan organisasi yang berminat atau dalam Bahasa Cina dengan izin dikenali sebagai [Bacaan dalam Bahasa Cina]. Terdapat beberapa negara yang telah melaksanakan dasar seumpama ini di mana individu atau organisasi yang berjaya menarik pelaburan ke negara mereka diberikan insentif seperti ganjaran wang tunai, pemotongan cukai pendapatan atau pemberian anugerah penghormatan. Sebagai contoh, saya mengambil contoh di China. Berapa wilayah menawarkan ganjaran wang tunai antara 0.5% hingga 2% daripada jumlah pelaburan kepada individu atau organisasi yang berjaya membawa pelaburan masuk. Malah, Kerajaan Wilayah seperti Sichuan Province menawarkan ganjaran lebih tinggi iaitu antara 1% hingga 3% daripada jumlah nilai pelaburan. Dasar yang sama turut diamalkan di Vietnam, di mana individu yang berjaya menarik pelaburan akan menerima ganjaran antara 0.1% hingga 0.5% daripada jumlah nilai pelaburan yang dibawa masuk.

Dengan ketegangan perang dagangan yang semakin memuncak di peringkat global, saya percaya ini adalah peluang yang sangat baik. Peluang emas untuk negeri Pahang melibatkan individu dan organisasi yang mempunyai rangkaian perhubungan yang luas bagi menarik lebih ramai pelabur asing mahupun domestik terutamanya ke kawasan-kawasan perindustrian seperti MCKIP, MCKIOP, Gambang Halal Park dan lain-lain.

Dato' Sri Speaker,
saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini terhadap isu penipuan atas talian yang semakin membimbangkan. Menurut kenyataan PDRM Pahang bertarikh 19 April, seorang pensyarah dan seorang pesara telah mengalami kerugian berjumlah RM551,000.00… RM551,000.00 akibat terpedaya dengan pelaburan tidak wujud. Selain itu, laporan Malay News pada 6 April 2025 turut mendedahkan bahawa seorang pengurus syarikat kehilangan RM700,000.00 selepas diperdaya dengan pelaburan tidak wujud atas talian. Malah dalam kenyataan kenyataan Ketua Polis Pahang pada November 2024 dinyatakan bahawa jumlah kerugian akibat jenayah komersial termasuk penipuan atas talian telah meningkat kepada RM81 juta bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Oktober 2004 berbanding dengan RM53 juta bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

Sebagai pembuat dasar di peringkat negeri, saya mencadangkan kerajaan negeri mempertimbangkan penggubalan satu enakmen khusus bagi melindungi rakyat Pahang daripada jenayah penipuan atas talian. Sebagai rujukan, United Kingdom, England dengan izin Contingen Reimbursement Module (CRM Code) telah diperkenalkan bagi melindungi pengguna daripada menjadi mangsa penipuan atas talian. Dibawah CRM Code ini institusi kewangan dan bank wajib untuk memberikan ganti rugi penuh kepada pengguna sekiranya mereka menjadi mangsa penipuan yang berlaku dengan syarat tiada kecuaian daripada pihak pengguna. Negeri Pahang harus tampil ke hadapan dalam melindungi rakyat Pahang daripada ancaman digital ini. Isu ketiga yang saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini adalah berkenaan dengan pembayaran tanpa tunai atau dengan izin *cashless payment* yang berlaku di kaunter melibatkan perkhidmatan awam.

Dato’ Sri Speaker,
mengikut kajian yang dijalankan oleh IPSOS Malaysia, lebih daripada separuh rakyat Malaysia kini menggunakan kae…kaedah pembayaran tanpa tunai. Tidak dapat dinafikan pembayaran tanpa tunai telah memudahkan urusan harian dan membawa banyak manfaat kepada pengguna. Namun begitu, menurut anggaran industri, kira-kira 15% daripada 23 juta orang dewasa di Malaysia tidak mempunyai akaun bank. Manakala 40% lagi dianggap kurang mendapat perkhidmatan bank. Baru-baru ini pusat khidmat saya telah menjalankan tinjauan ke UTC Pahang yang melibatkan beberapa agensi seperti Klinik Kesihatan UTC Kuantan, Jabatan Pendaftaran Negara, Pengurusan Air Pahang Berhad, Majlis Bandaraya Kuantan dan Pusat Kutip... Kutipan Zakat Pahang.

Hasil tinjauan mendapati bahawa daripada lima agensi tersebut, tiga agensi iaitu PAIP, MBK dan Pusat Kutipan Zakat Pahang masih menerima pembayaran tunai manakala dua agensi Klinik Kesihatan UTC dan Jabatan Pendaftaran Negara tidak lagi menerima bayaran tunai. Akibatnya, pelanggan yang punyai... mempunyai tunai hanya mempunyai tunai terpaksa mendapatkan bantuan daripada waris atau orang awam lain untuk menyelesaikan pembayaran. Malah, ada yang terpaksa menangguhkan urusan mereka. Adakah ini adil untuk mereka? Saya menyeru agar semua kaunter perkhidmatan awam di Pahang terus mengekalkan pilihan pembayaran tunai. Kita

perlu pastikan tiada rakyat terutama yang kurang berke... berkemampuan terpinggir daripada akses perkhidmatan kerajaan.

Dato' Sri Speaker,
izinkan saya membawa beberapa isu setem... setempat. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Sri Diraja Wan Rosdy dan juga agensi terbabit kerana meletakkan keutamaan untuk menaik taraf Jalan Sungai Lembing dari simpang... dari simpang lampu trafik yang berdekatan dengan Kampung Paya Pinang sehingga ke simpang lampu trafik Tol Kuantan. Penduduk-penduduk Kampung Padang, Taman Impianku dan kawasan- kawasan yang sekitar telah lama mengharapkan laluan tersebut dapat dinaik taraf bagi mengatasi masalah isu keselamatan dan kesesakan pada waktu puncak. Saya amat berharap projek tersebut dapat bermula secepat mungkin untuk kesejahteraan penduduk setempat dan pengguna-pengguna jalan raya.

Kedua saya juga ingin menarik perhatian Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang, Majlis Bandaraya Kuantan dan agensi yang terbabit untuk melihat keadaan jalan di kawasan perindustrian terutamanya di Jalan Industri Semambu, Jalan Industri Semambu 5 dan Jalan Perindustrian Semambu 11. Keadaan jalan yang teruk perlu dinaik taraf dengan segera untuk pengguna-pengguna jalan raya dan saya pohon ia dapat disegerakan. Ketiga saya ingin menarik Dewan Yang Mulia ini berkenaan dengan isu tekanan air yang dihadapi oleh penduduk di Taman Fairmount khususnya di Lorong Bukit Setongkol Baru 1 sehingga ke 7. Perjumpaan berapa kali telah diadakan dengan pihak PAIP Daerah Kuantan berkenaan dengan isu tekanan air yang dihadapi oleh penduduk kawasan tersebut sejak 1, 2 tahun ini. Saya memohon pihak PAIP untuk segera penaiktarafan paip air demi keselesaan rakyat.

Keempat saya melihat masalah yang sering berlaku di kawasan seki…sekitar Kuantan adalah berkenaan dengan penurapan jalan selepas pembaikan paip yang mengambil masa terlalu lama. Isu tersebut berulang terutamanya melibatkan paip bocor di jalan utama dan jalan di taman perumahan. Saya tidak faham kenapa isu penurapan jalan selepas pembaikan paip sering berlaku dan mengambil masa yang sangat lama. Adakah ia masalah kontraktor ataupun isu birokrasi yang menyebabkan kelewatan tersebut? Saya memohon Pengurusan PAIP untuk mengatasi isu ini agar keselamatan pengguna-pengguna jalan raya dapat dijamin.

Dato' Sri Speaker,
sebagai penutup saya ingin menegaskan bahawa pembangunan negeri bukan sahaja soal projek besar dan angka pelaburan, ia juga soal memastikan tiada rakyat tercicir, tiada rakyat yang menjadi mangsa dan semua rakyat negeri Pahang dapat merasai keadilan serta kemajuan. Dengan itu, saya mengakhiri perbahasan saya dengan menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil dari Semambu, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan di sebelah pagi ini dan kita akan menyambung semula persidangan pada pukul 2.30 petang.

[Persidangan Ditempohkan]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keempat. Sambungan perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah DiRaja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Selamat Sejahtera dan Salam Petang, persidangan kita disambung semula. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, rakan-rakan yang Ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi di atas usul yang berbunyi “Bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju Menjunjung Kasih atas Titah DiRaja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

Pada petang ini, kita menyambung semula perbahasan atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan saya akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini dan saya ingin memberi peringatan kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa masa yang diperuntuk untuk setiap Ahli Dewan adalah 15 minit sahaja. Jadi, saya jemput Ahli Yang Berhormat dari kawasan Pulau Tawar. Sila Yang Berhormat.

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan selamat petang. Yang Dihormati Yang Berhormat Speaker dan terima kasih di atas ruang yang diberikan kepada saya untuk membahas Menjunjung Kasih Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

Yang Berhormat Speaker,
saya ingin menyentuh berkaitan Titah Diraja pada muka surat 41 iaitu setiap Ahli Dewan terus menjunjung tinggi semangat Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan negeri. Menghayati, melindungi dan memelihara dan mempertahankannya demi kedaulatan undang undang dan keutuhan tatakelola pemerintahan.

Yang Berhormat Speaker,
Keluhuran Perlembagaan adalah prinsip ke-3 dalam Rukun Negara. Keluhuran didefinasikan sebagai keagungan, kemuliaan manakala perlembagaan pula merujuk kepada undang-undang atau peraturan negeri, dasar pemerintahan negeri. Antara perkara yang digariskan dalam perlembagaan adalah berkaitan tatacara pembentukan kerajaan persekutuan dan bidang kuasa di peringkat negeri-negeri. Kedudukan Raja-raja Melayu, kedudukan, keistimewaan orang-orang Melayu dan anak negeri Sabah, Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan dan agama-agama lain bebas diamalkan dengan aman dan damai. Justeru, prinsip keluhuran Perlembagaan bukan sekadar… bukan sahaja sekadar ungkapan di bibir, tapi sepatutnya difahami dan dihormati supaya keharmonian dan kestabilan negeri dan negara ini terus tercapai.

Tuan Yang di-Pertua,
natijahnya, semangat cintakan negara penting dalam memastikan kedaulatan negeri dan negara terus dipupuk, disemai dan dipertahankan. Merujuk kepada dokumen Dasar Keselamatan Negara 2021, 2025 telah menggariskan 9 teras keselamatan

negara. Pada teras ke-3, disebut tentang Kesepaduan Nasional iaitu menyentuh tentang kesatuan rakyat pelbagai kaum dan etnik untuk hidup saling faham-memahami, terima kepelbagaian dan memahami kontrak sosial yang menjadi tunjang kesepaduan rakyat Malaysia. Sebagai rakyat yang cintakan negeri dan negara ini, saya melahirkan rasa kecewa yang mendalam terhadap sebarang insiden yang cuba merosakkan imej tanah air kita ini. Contohnya, paparan pada sebuah akhbar tempatan iaitu imej Jalur Gemilang tanpa simbol bulan sabit. Perbuatan menyiarkan Jalur Gemilang tanpa bulan sabit adalah satu perlanggaran serius kepada Akta 414, Akta Lambang Dan Nama Mencegah Penggunaan Tidak Wajar 1963.

Menyebut tentang bendera ini dalam Islam sendiri, terdapat peristiwa yang direkodkan menunjukkan tentang kepentingan bendera dalam perjuangan. Mereka yang memegang bendera adalah kalangan yang bukan calang-calang orangnya. Bendera Islam ketika Badar dipegang oleh Mus'ab bin Umair sehinggalah beliau syahid dalam peperangan. Begitu juga dalam peristiwa Fathul Mekah, apabila Nabi… Baginda Nabi SAW berjaya pulang balik ke Kota Mekah dalam peristiwa Fathul Mekah, baginda turut mengibarkan bendera putih ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua,
bukan sekadar bendera negara yang kita sayangi, negara kita juga ada Akta 808 iaitu Akta Lagu Kebangsaan 1968 yang terpakai seluruh Malaysia. Seksyen 838(3), tanda hormat menyebut. Mana-mana orang yang dengan disedarinya menunjukkan sikap tidak hormat terhadap lagu kebangsaan di mana-mana tempat awam boleh apabila disabitkan didenda tidak lebih RM100.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan dan Akta ini mengatur tentang Lagu Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua,
ini adalah satu contoh bagaimana kita tertakluk kepada akta-akta ini walaupun mungkin tidak ada lagi mereka didakwa di bawah akta ini. Akta Lagu Kebangsaan dan sebagainya tetapi ini menunjukkan bahawasanya undang-undang tersebut ada. Maka sewajarnya setiap warganegara Malaysia sangat menghargai, menyayangi, menghormati bendera negara kita termasuk lagu kebangsaan. Maka bila sebut warganegara mereka yang duduk di dalam Malaysia, lahir di Malaysia ataupun bersekolah rendah di Malaysia, sekolah menengah dalam negara kita tidak timbul lagi soalan mereka tak faham tentang apa yang disebut dalam bendera. Ada bulan sabit, ada bintang, ada berapa belas jalur dan sebagainya.

Maka ini perkara yang perlu kita ambil ambil serius tentang bagaimana kesilapan… disebut kesilapan ini supaya tidak berulang di masa yang akan datang. Baik, antara cara kita memupuk semangat cintakan negara dan negeri Pahang ini tuan-tuan. Salah satu perkara yang telah dirangka oleh pimpinan kita masa dahulu, Almarhum Tun Abdul Razak selepas daripada Peristiwa 13 Mei. Maka pada tahun… pada 31 Ogos 1970. Pada Hari Kemerdekaan yang ke-13. Yang di-Pertuan Agong ketika itu telah mengisytiharkan Rukun Negara. Rukun Negara ini adalah tujuannya untuk membentuk masyarakat yang harmoni. Maka prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara jelas merupakan kunci kepada keharmonian kaum demi kestabilan Malaysia dan Rukun Negara ini mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati secara adil dan saksama.

Maka itu adalah salah satu contoh bagaimana bijaknya pimpinan waktu itu. Mereka nampak bagaimana kesemua kaum dalam Malaysia ini perlu hidup secara harmoni. Maka mereka memperkenalkan prinsip Rukun Negara yang sama-sama kita sanjungi pada hari ini. Baik, antara cara lagi untuk memupuk semangat cintakan negara adalah kita perlu mempelajari sejarah negara kita. Sejarah negara kita ini menyebut tentang

nama-nama tokoh sama ada bekas Perdana Menteri, bekas para pejuang termasuk Sabah, Sarawak dan juga menyebut nama-nama mereka yang orang biasa tapi memperjuangkan kemerdekaan. Itu yang kita belajar dalam sejarah tanah air kita.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Yang Berhormat, mencelah sikit boleh?

(ADUN PULAU TAWAR - N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Sikit… sikit boleh.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih YB Speaker. Saya tertarik tadi dengan hujah daripada rakan saya daripada Pulau Tawar ini mengatakan bahawa mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan ataupun kesilapan bendera tadi perlu didakwa ataupun sekurang-kurangnya dihukum mengikut akta dan juga undang-undang telah dinyatakan. Sedarkah Yang Berhormat bahawa Ketua Editor dan Pereka Grafik Sin Chew Daily telah ditahan untuk siasatan empat hari yang lalu. Terima kasih.

(ADUN PULAU TAWAR – N.11)
YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat, itu salah satu contoh ketegasan daripada pihak berkuasa untuk memastikan supaya ia tidak berulang pada masa mendatang. Kita tak sebut tentang Akta Hasutan. Saya tak nak sebut tentang Akta Hasutan, cukup sekadar akta yang saya sebutkan tadi. Maka ketegasan ini kita perlukan. Di masa mendatang, ketegasan inilah yang kita perlukan kepada siapa sahaja yang cuba mengubah perkara ini.

Baik, jadi Tuan Yang di-Pertua,
saya menyebut kembali kepada semangat cintakan negara ini. Antara perkara yang kita pupuk kepada warganegara kita adalah mendidik generasi muda sejak kecil daripada peringkat sekolah pra, masuk sekolah rendah, pergi sekolah menengah. Mereka ini kita pupuk supaya mereka menjadi orang yang berkualiti, warganegara yang berkualiti dengan imannya, dengan adabnya, dengan akhlaknya dan jati diri. Jati diri mereka cintakan tanah air, sebut cinta tanah air ini Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke luar negara, kita pergi ke luar negara, kita belajar ke luar negara… lama tak balik, tiba-tiba kita terpandang di pasar raya, buah rambutan je dia tulis daripada Malaysia, kita terus teringat negara kita. Padahal negara lain pun ada juga buah rambutan… kan. Jadi, itu tanda kita rindu pada tanah air kita. Maka jati diri ini kita perlu tanamkan kepada setiap warganegara daripada peringkat kanak-kanak lagi sampailah kepada dewasa.

Tuan Yang di-Pertua,
antara cara untuk memupuk semangat cintakan negara ini adalah menghargai jasa pahlawan dan anggota keselamatan yang telah berkorban nyawa, harta benda dan sebagainya. Memastikan negara kita ini bebas daripada penjajah waktu dulu dan juga antara cara kita memupuk semangat cintakan negara ini adalah kita sentiasa berdoa untuk kesejahteraan negeri dan negara.

Awal kita mesyuarat pagi tadi, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker telah berdoa untuk kemakmuran negeri Pahang. Itu adalah salah satu contoh kita sentiasa berdoa, bukan sekadar untuk diri kita, malah kita berdoa juga untuk supaya negeri yang kita sayangi ini terus makmur dengan izin Allah insya-Allah.

Yang di-Pertua,
antara cara lagi untuk kita memupuk semangat cintakan negara ini adalah kita mengamalkan seni budaya. Setiap kaum ada budaya dia dan kita meraikan semua budaya. Bagi orang Melayu, dia ada seni budayanya. Dia ada kompang dan saya nak sebut di sini. Salah satu contoh seni budaya Melayu yang ada dalam kalangan orang Melayu adalah permainan gasing pangkah tradisional. Dulu kalau kita sebut gasing ini permainan orang kampung tapi saya nak sebut hari ni di salah satu FELDA dalam DUN yang saya wakili iaitu FELDA Kota Gelanggi 1. Ada anak muda lebih kurang dalam 50 orang muda belia. Mereka menubuhkan Persatuan Gasing Pangkah Tradisi yang mana mereka bermain gasing ini lepas Isyak… dia sembahyang Maghrib dulu, lepas tu sembahyang Isyak, baru main gasing di padang permainan dan padang yang disediakan tiap-tiap malam… masuk TikTok lagi.

Dia gasing pangkah dan yang menariknya mereka ini dijemput juga pergi ke pertandingan yang di dalam Pahang dan di luar Pahang. Bulan 6 nanti ada satu pertandingan peringkat negeri Pahang di situ. Kesemua penyertaan ini orang muda yang diketuai oleh saudara Amir Khalid bin Ahmad. Mereka ini berusaha untuk menaikkan balik seni budaya yang telah diwarisi daripada orang-orang tua kita yang lama. Ini contoh, maknanya kalau belia, anak belia muda kita sayangkan negara ini termasuk seni budaya yang kita perlu wariskan kepada generasi akan datang. Ini adalah salah satu contoh seni budaya yang berjaya diwarisi kepada anak muda dan telah dianggotai oleh ramai anak muda dan berjaya dan mereka menyertai banyak pertandingan selepas pada itu. Ini contoh yang saya bawa pada mesyuarat pada hari ini untuk melihat kepada bahawasanya seni budaya ini adalah salah satu contoh boleh kita terapkan untuk rasa cintakan kepada negeri dan negara ini.

Yang di-Pertua,
dengan ini saya menyokong. Saya, dengan ini saya menyokong Titah Diraja yang telah disampaikan. Sekian, assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Tawar. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Dilantik kedua untuk mengambil bahagian, sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Salam sejahtera dan selamat petang kepada semua yang hadir dalam Dewan Yang Mulia ini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama menyertai Perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Baginda… Baginda Tuanku Sultan Pahang. Dalam Titah Ucapan Baginda, rakyat boleh memperlihatkan isi dan misi seorang raja berjiwa rakyat, sentiasa berikhtiar mengangkat martabat negeri Pahang dengan fokus khusus kepada kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Pahang terus maju dan kemajuan disokong oleh dasar pemerintahan yang boleh melonjak prestasi ekonomi, disokong oleh tindak-tanduk pentadbiran yang kompeten dan berintegriti, sentiasa dibantu oleh penguatkuasaan undang-undang yang tegas dan berdaulat.

Yang Berhormat Tuan Speaker,
daripada pengalaman saya berniaga dan melancong di negeri China, boleh dikatakan semua pakej promosi pelancongan mereka menuju ke Semenanjung Malaysia tidak boleh melupakan jenama Genting Highlands. Soalnya, apakah titik pendaratan yang mereka pilih? Buat masa ini, mereka berebut-rebut mendarat di Lapangan Terbang Changi, Singapura atau KLIA.

Oleh yang demikian, saya percaya dengan adanya sokongan perkhidmatan ECRL, pelancong-pelancong negara China mungkin tertarik dengan laluan alternatif iaitu penerbangan daripada Bandaraya Nanning ke Kuantan untuk sampai ke Genting Highlands, satu-satu destinasi yang sangat-sangat diminati oleh mereka.

Untuk mendapat maklumat lebih lanjut dan membiasakan diri dengan aplikasi AI, saya telah mengemukakan pertanyaan kepada ChatGPT dan DeepSeek. Kedua-dua AI *assistant* dengan izin, menjawab laluan ini boleh diterokai dan mempunyai potensi komersial yang baik dengan syarikat dengan syarat mendapat sokongan dasar dari Kerajaan Malaysia dan Kerajaan China. AI *assistant* juga menambah untuk menguji sambutan pasaran syarikat penerbangan boleh memulakan inisiatif penerbangan sewa khas atau *chartered flight,* dengan izin.

Oleh yang demikian dan seiring dengan Tahun Melawat Malaysia 2026, saya ingin mencadangkan Kerajaan negeri memulakan inisiatif membuka laluan penerbangan Kuantan-Nanning dalam masa terdekat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Rel Kereta Api Pantai Timur atau ECRL akan beroperasi menjelang tahun depan atau awal tahun 2027. Semua rakyat Pantai Timur menanti-nanti titik bersejarah ini. Walau bagaimanapun, tanda soal mengenai struktur harga tiket penumpang masih tidak dijelaskan. Saya melihat kesemua video-video *online* yang mempromosikan ECRL memfokuskan kepada kecantikan kabin dan keselesaan perjalanan tetapi tidak menyentuh harga tiket penumpang.

Untuk mendekati isu ini, saya sekali lagi memohon ChatGPT membuat simulasi struktur harga tiket penumpang berdasarkan pada sosial ekonomi dan pendapatan rakyat Pantai Timur. ChatGPT mencadangkan perjalanan Kelas Ekonomi satu hala dari Kuantan ke Kuala Lumpur sebanyak RM35.00. Kota Bharu ke Kuala Lumpur sebanyak RM60.00. Kuantan ke Kota Bharu sebanyak RM45.00. Dengan kata lain, simulasi AI telah menetapkan harga tiket per kilometer lebih kurang RM0.10 sen sahaja. Di samping itu, ChatGPT juga mencadangkan pakej tawaran potongan harga kepada warga emas, orang kurang upaya, pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi serta pemegang pas bulanan. Saya amat tertarik dan menyokong simulasi AI serta berharap kerajaan negeri boleh mengangkat cadangan ini kepada Kementerian Pengangkutan dan syarikat konsesi secepat mungkin.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Negeri Pahang terkenal dengan kawasan geografi yang cukup luas tetapi rangkaian jalan raya yang masih belum dimajukan sepenuhnya. Saya telah berjumpa dan berinteraksi dengan para pemimpin pertubuhan yang daftar dalam sesi sembang santai dengan mereka. Mereka kerap kali mengadu kenapa pejabat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan atau ROS hanya dibuka di ibu kota Kuantan sahaja. Semua urusan kaunter dan bersemuka hendaklah diselesaikan di Kuantan. Untuk faedah para pemimpin dan pentadbir pertubuhan dari daerah Raub, Lipis, Jerantut dan seumpamanya, saya ingin mencadangkan pejabat ROS membuka cawangan tambahan di Temerloh.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Saya mendapat aduan daripada para pesakit di sekitar daerah Temerloh mengenai kekurangan katil rawatan di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh. Pesakit-pesakit *emergency* terpaksa menunggu giliran masuk wad kadangkala sehingga melebihi 12 jam. Saya juga mendapat tahu hospital ini hanya mempunyai enam unit rawatan ICU sahaja, tidak cukup untuk menampung keperluan semasa. Di samping itu, pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan *ventilator* kerap kali diminta menunggu agak lama. Saya berpendapat isu-isu ini perlu mendapat perhatian EXCO Kesihatan untuk dipanjangkan kepada Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Penipuan atas talian atau *online scamming,* dengan izin, semakin menular dan mengancam komunikasi utama, semua mengancam er... semua pengguna telefon pintar. Telefon pintar adalah alat komunikasi utama dalam hidup manusia moden, tetapi ia boleh mendedahkan para pengguna kepada 1,001 jenis penipuan atas talian. Pada masa yang sama, saya melihat setiap hari pihak polis mendedahkan selok belok kes kepada pengetahuan umum dengan harapan ianya tidak berulang kembali. Yang menjadi persoalan kenapa pihak Bank Negara atau Suruhanjaya Multimedia tidak bertindak awal menurunkan atau menanggalkan iklan-iklan pelaburan palsu dan tipu sebelum berlaku apa-apa insiden buruk.

Saya berpendapat pihak Bank Negara atau MCMC perlu memantau rapi dan bertindak secara preventif sebelum para pengguna terdedah dan termakan perangkap sindiket penipu *online*. Saya rasa cukup sedih melihat satu demi satu mangsa ditipu berpuluh ribu atau beratus ribu. Kebanyakan tidak mendapat apa-apa pembelaan semata-mata kerana iklan-iklan *scamming* ini dibiarkan berleluasa dalam dunia maya ini. Tidak berfaedah kita menumpukan perhatian kepada isu siasatan atau menghebatkan selok-belok kes selepas berlaku *scamming*. Apa yang penting ialah pencegahan dan tindakan *preventive*, dengan izin, menyekat pergerakkan *scamming*.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Baru-baru ini saya terbaca laporan akhbar tempatan memetik sumber dari Pejabat Pelancongan Negeri. Apa yang menarik perhatian ialah negeri Pahang telah merekodkan kadar penginapan hotel yang paling tinggi berbanding seluruh negara. Pahang juga dikatakan berjaya menarik pendapatan berjumlah RM12.3 bilion dari sektor pelancongan. Saya ingin mendapat penjelasan dalam Dewan ini. Apakah peranan dan sumbangan Genting Highlands dalam pakej statistik ini? Mengikut laporan tahunan Genting Highlands, kenapa tidak boleh er... mengikut er... fahaman saya sebahagian besar statistik ini memang terdapat dalam Laporan Tahunan Genting Highlands. Mengapa, kenapa tidak boleh berterus-terang diumumkan kepada orang ramai?

Saya juga mendapat er... saya juga ingin mendapat penjelasan apakah jumlah hasil kutipan cukai pintu, cukai hiburan, cukai tanah, bayaran pengiklanan dan fi-fi yang lain dari Genting Highlands? Apakah peratusan hasil pelancongan dari daerah-daerah lain dalam negeri Pahang berbanding dengan hasil yang diperolehi daripada Genting Highlands.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Dalam hubungan ini, saya sekali lagi ingin mengulangi cadangan saya pada Sidang Dewan yang lepas iaitu mencadangkan kerajaan negeri supaya menarik pelaburan asing untuk menubuhkan satu *safari park* yang terbesar di Asia Tenggara diletakkan di daerah Temerloh bagi menarik pelancong asing dari Genting Highlands untuk memajukan ekonomi di sebelah Pahang Tengah. Untuk maklumat, Yang Hormat Dato'

Pegawai Daerah Temerloh telah mengadakan satu sesi perbincangan bagi cadangan mewujudkan Safari Park di kawasan berhampiran-berhampiran Hutan Simpan Kemasul pada awal tahun ini. Hampir semua pendapat dan cadangan memihak kepada konsep perhilitan binatang berbentuk di Afrika atau *South America*. Malah konsep *safari park* yang saya cadangkan itu berbentuk *safari park* di Pattaya, Thailand atau *safari park* di Guangzhou, negara China. Untuk menaik taraf dan mengangkat sektor pelancongan, saya berpendapat kami perlu menyediakan pakej *tourism* yang pelbagai dan menarik.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Dengan kata-kata di atas...

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Minta mencelah sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dato... Yang Berhormat, minta mencelah sikit.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Saya menjunjung kasih dan menyokong Titah Ucapan Diraja...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat...

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Sudah mahu siap. Disempurnakan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Sekian, terima kasih. Silakan.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih ADUN Lantikan. Yang tadi dia bangkit *safari park* yang besar. Saya nak tahu dalam besar itu, berapa besar? Seluas berapa? Boleh bagitahu tak? Terima kasih.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Yang Berhormat EXCO Kerajaan. Luas kawasan itu tidak kurang daripada 1,000 ekar. Pelaburan itu di antara RM1 billion dengan RM2 billion. Saiz itu kena cukup besar, saiz dalam *safari park* itu dipenuhi dengan berbagai persembahan. Misalnya, London Circus, pawagam James Bond, pawagam kebudayaan di mana pelancong asing ini memasuki lawatan cukup untuk satu hari baru mereka nak bermalam di Temerloh. Barulah hotel-hotel empat bintang, lima bintang boleh didirikan. Barulah ekonomi Pahang Tengah boleh dimajukan, saya yang maksud pelancong-pelancong yang datang dari luar negeri yang melawati Genting Highlands satu malam atau dua malam

selepas itu, mereka pergi mana…. pulang ke Kuala Lumpur, mengapa kami negeri Pahang tidak boleh menarik semua pelancong asing yang Genting Highlands itu datang ke Temerloh duduk satu malam. Itulah sedikit sebanyak cadangan saya. Silakan.

(ADUN KETARI – N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

ADUN Yang Dilantik, boleh saya meminta penjelasan? Apa yang er… YB mengatakan nampaknya bukan *safari park*, adakah maksud taman tema sebab kalau *safari park* kita *expect* untuk tengok haiwan-haiwan yang berkeliaran *in the wild*. *So*, macam mana kita boleh ada *safari park when we don't have a natural habitat for it*. Adakah maksud anda itu taman tema seperti Genting. Kalau itu boleh, itu tak ada masalah tetapi untuk *safari park*, memang kita nak pergi tengok haiwan bukan untuk apa-apa *ride* er… apa-apa maksud anda.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Terima kasih Yang Berhormat Ketari. Nama itu *safari park* ke, Zoo Negara ke atau macam-macam punya nama seolah-olah yang sama, yang penting ialah penarikan. Adakah Zoo Negara Malaysia yang letak di Kuala Lumpur itu dapat menarik pelancong asing yang ramai. Itulah sebab saya konsep itu mesti untuk… sesuai untuk pelancong asing yang akan datang ke kawasan Pahang Tengah. Misalannya er… misalannya yang saya kata Pusat Gajah Kuala Gandah atau akan datang atau pusat harimau ke bermacam-macam, adakah ini berjaya menarik pelancong asing. Itulah apa cadangan-cadangan saya. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih ADUN Yang Dilantik. Seterusnya, saya menjemput wakil dari Jengka. Sila.

(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

[Ayat al-Quran] Assalammualaikum WBT dan… dan Selamat petang. Alhamdulillah [Ayat al-Quran]. Terima kasih kepada YB Speaker kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut sama membahaskan Titah Diraja Jumaat yang lalu. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri serta seluruh jentera kerajaan yang telah berjaya mencapai kutipan hasil tahun 2024 sebanyak RM1.22 bilion [Ahli Dewan menepuk meja] Banyak itu, RM1.22 bilion jadi saya haraplah, ini harapan sahaja, kalau dapat Alhamdulillah kalau tak dapat terus berkhidmat, insya-Allah. Jadi saya harap dapatlah peruntukan kebajikan dinaikkan daripada RM5,000.00 setahun kepada RM5,000.00 sebulan sebagaimana kerajaan Perak mula-mula dia bagi RM7,000.00 sebulan… setiap bulan kepada YB-YB pembangkang dan bila…

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD.SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Yang Berhormat er… Tuan Speaker, saya nak tanya ini, saya ingat ini kali ke berapa dah saya dengar ini… Kerajaan Perak, Kerajaan Perak. Saya nak tanya ini, ADUN

Jengka ini asal daripada mana? Boleh jawab tak? Boleh jawab er… asal mana? Keluarga ke… apa ke…

(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Baik, lahir Perak.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD.SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Saya ingat er… Yang Berhormat Tuan Speaker saya cadangkan YB Jengka ini bertanding di Perak. [Ahli Dewan ketawa] Dia anak Perak kan…. saya cadang begitu.

(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Baik, lahir Perak tahun 72 duduk Jengka 3 sebagai anak penerokalah. Baik er… saya sebut tadi saya mengharapkan sahaja. Kalau dapat Alhamdulillah, kalau tak dapat tak apalah iaitu daripada RM5,000.00 setahun kami dapat kepada RM5,000.00 sebulan. Perak bagi sekarang er… Perak bagi RM10,000.00 setiap bulan untuk…

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Tuan er… betul…

(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya ingat saya tak bagi la, saya nak perhabis la.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Tuan Speaker er…. Yang Berhormat Speaker,
Cuma saya rasa kena betulkan adakah RM5,000.00 setahun atau ada lagi peruntukan lain yang diberikan kepada ADUN pembangkang.

(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya sebut bantuan kebajikan bukan Projek PLB eh… Bantuan Kebajikan Khas RM5,000.00 setahun er…

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Sebab itu saya tanya ada lagi tak peruntukan lain, saya taklah fokus kepada bantuan kebajikan itu, adakah… ada tak peruntukan lain yang diberikan kepada Ahli Dewan pembangkang.

(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Baik, saya cakap bantuan kebajikan kena dengar itu ya. Jadi er… Kedah bagi RM50,000.00…

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Tak jawab itu tadi. Saya minta jawab sahaja er… jawab ada tak ada?

(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ada er…

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Ada sebutkan. Kalau RM30,000.00, RM30,000.00 untuk projek dan sebagainya. Biar jelas, jangan cerita kita separuh-separuh.

(ADUN JENGKA – N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya bukan er… saya bukan nak bercakap tentang bantuan PLB ini, bantuan projek saya nak bercakap tentang bantuan kebajikan. Fokus yang itu ya. Baik, Kedah memberi RM50,000.00 setahun kepada ADUN pembangkang masuk ke akaun Pusat Khidmat dan RM2,000.00 setiap bulan. Ini dipanggil bantuan kebajikan bukan projek. Jadi walaupun Kedah mendapat kutipan hasil RM700 juta… ini harapan sahaja.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar, Tuan Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi dan Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh yang telah dilantik ke jawatan yang sangat penting dalam kerajaan negeri. Saya doakan semoga dapat melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah, cekap dan cemerlang. Titah Kebawah Duli Tuanku kali ini penuh dengan fakta dan data serta nasihat dan arahan-arahan penting bagi menuju ke arah transformasi negeri yang lebih baik dan mampan termasuk nasihat dan arahan kepada Pegawai-pegawai Daerah. Perbahasan saya kali ini akan menyentuh beberapa perkara penting yang telah disebut oleh Kebawah Duli Tuanku di dalam Titahnya dan beberapa isu di kawasan saya. Ada tiga ya, er… tak banyak tapi panjang sikitlah ya.

Pertama, *point* yang ke-10 yang disentuh oleh Kebawah Duli Tuanku iaitu pencerobohan tanah haram. Pahang bumi bertuah, Pahang kaya dengan sumber alam yang tidak ternilai seperti bijih besi, timah, bauksit, emas, balak, nadir bumi, air sungai yang banyak dan lain-lain lagi. Kedudukannya yang strategik di Pantai Timur Semenanjung Malaysia menjadikan negeri ini antara yang terkaya dari segi hasil bumi

dan kepelbagaian sumber asli. Namun di sebalik kekayaan ini, kita bertanggungjawab memastikan hasil bumi ini diuruskan dengan baik dan bijaksana supaya dinikmati bukan hanya oleh generasi sekarang tetapi juga anak cucu kita kelak. Itulah tanggungjawab sebuah kerajaan yang adil dan berjiwa rakyat. Jika tidak diurus dengan baik dan penguatkuasaan yang longgar akan mengakibatkan berlakunya ketirisan dan penyelewengan. Ketirisan hasil negeri banyak berlaku pada sumber alam, antaranya kecurian hasil bumi dan pencerobohan tanah kerajaan secara besar-besaran sehingga ribuan hektar sebagaimana yang disebut oleh Kebawah Duli Tuanku di dalam Titahnya saya baca, yang lebih tragis, menyakitkan sebanyak 14,000 hektar lebih tanah kerajaan telah diceroboh dan diusahakan secara haram dengan tanaman sawit, getah, durian dan pelbagai hasil bumi. Lebih malang lagi, hampir 6,000 hektar Hutan Simpan Kekal juga telah diceroboh kononnya atas nama pertanian, tetapi hakikatnya perompakan terbuka terhadap harta negeri.

Masalah ini bukan bermula semalam, ia telah berakar sejak lebih 4 dekad yang lalu, yakni 40 tahun lebih. Ianya berlaku tanpa pengetahuan Beta, itu Titah Kebawah Duli Tuanku. Saya dengar satu klip video Kebawah Duli Tuanku sebut dalam satu majlis, saya pun naik darah juga, banyak orang ceroboh tanah di Pahang ini. Ini Kebawah Duli Tuanku sebut ya. Jadi, pencerobohan ini dibiarkan begitu lama, tanpa sebarang tindakan. Apabila dibiarkan lama maka ia menjadi masalah yang sangat *complicated,* sukar untuk diselesaikan. Kenapa ia menjadi rumit?

Saya melihat, apa yang berlaku ini mencerminkan ketegangan antara keperluan untuk menegakkan undang-undang dan keprihatinan terhadap nasib pekebun yang telah lama mengusahakan tanah tersebut yang bergantung hidup dengan hasil durian. Pencerobohan yang berlaku berlarutan selama 40 tahun tanpa tindakan tegas, maka isu ini tidak boleh dilihat secara hitam putih ke atas pekebun haram sahaja. Terdapat kecuaian kelemahan, bersikap biar dulu, dan tiada penguatkuasaan tegas dari awal oleh kerajaan negeri...

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang Dipertua,

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

PBT,

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Jengka, Jengka

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Pejabat Tanah

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Sekejap

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

dan Jabatan Perhutanan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tuanku dah Bertitah, kerajaan negeri dah ambil tindakan. Contoh di Jerantut kita ada ambil tindakan. Mungkin Jengka pun tak tahu, di Raub berapa kali kita ambil tindakan. Dan juga ada beberapa tempat yang lain. Kita buat benda ini dengan cara yang terurus.

Almarhum Tun Abdul Razak sendiri telah mengambil beberapa inisiatif bagaimana nak menyelesaikan perkara-perkara ini khususnya di negeri Pahang. Sebab itu kita buat FELDA. Cheka pun dah sebut tadi. Sebab itu kita buat RISDA. Sebab itu kita buat FELCRA untuk mengekang supaya benda ini jangan lebih berlarutan.

Benda ini berlaku, kesan daripada apa sebab? Kerana kita dulu dijajah. Apa sebab orang itu datang menjajah kita? Kerana dia nak ambil segala kekayaan daripada tanah dan harta-harta pada kita. Selepas berlaku penjajahan benda ini berlarutan. Bukan kita dapat selesaikan dengan [Ayat al-Quran]. Perlu kepada usaha-usaha yang berterusan, konsisten, sebagaimana yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

Kita bersyukur apabila Tuanku telah Bertitah di atas singgahsana kepada kerajaan negeri sebagai tanda, sebagai tanda apa? Sokongan Kebawah Duli Tuanku usaha-usaha yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang bersama barisan EXCO dan juga penguat kuasa-penguat kuasa sehingga ditubuhkan satu kumpulan elit untuk bertindak, kat… kepada perkara-perkara ini.

Tetapi dalam waktu yang sama YB Jengka manusia, ADUN Tras manusia, ADUN daripada Mentakab manusia, kemanusiaan kita kena jaga juga. Benda ini semua juga akan ditanya oleh Allah SWT bukan sekadar pencerobohan haram. Cara kita bertindak juga akan ditanya oleh Allah SWT. [Ayat al-Quran]. Semua benda ini akan ditanya. Bukan dilepas begitu saja. Kita tidak… tidak diberi mengkhianati juga. Kena buat benda dengan cara teratur, dengan cara yang rapi dan berterusan. Bukan kita *palau* aje benda ini. Kita tak *palau*. Tidak.

Ini sebenarnya sebab kami orang Pahang… kami orang Pahang ni tak ada… tak… tak… tak bohonglah. Pantun kata,

Air Pahang… Air Pahang sungainya… airnya… Sungai Pahang airnya deras,
Sudahlah deras berliku-liku,
Orang Pahang memanglah baik,
Sudahlah baik kena tipu.

Orang datang daripada luar ini kerja nipu orang Pahang ni. Inilah masalahnya kita kena macam ni. Kalau tidak kita tak jadi begini. Kita sedang usahakan. Bukan orang Melayu je, bukan orang Cina je, bukan Orang Asli je, bukan orang India je. Siapa juga

yang buka tanah haram dalam, kita di dalam MMK akan suruh kuat kuasa, cari sampai ke mana kampung sekali pun.

Insya-Allah. Tapi sesuai [Ayat al-Quran] Allah SWT tidak membebankan sesuai dengan keupayaan kita. Kita akan buat. Kita akan gerakkan jentera kita. Siapa juga duduk di depan kepala kita? Kita syukur Kebawah Duli Tuanku dah ada. Jadi Jengka, pindahlah tajuk lain. Tuanku dah bertitah, MB dah sokong, amenda lagi, nak *JJ* [kurang jelas] nya?

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri, Yang Berhormat Speaker sekejap. Sikit je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ambil, ambil

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Maklum,

(ADUN JENGKA - N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Masa saya ni.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tuanku Bertitah, kita kena kekang penularan pencerobohan haram ini. Pencerobohan haram ini sebenarnya antara lainnya ialah ekoran daripada dasar yang berlaku di tempat lain. Setengah negeri dia tak bagi tanah kepada rakyat jelata dia.

Sebab tu kita tengok, terima kasih saya tanya tadi ADUN Jengka asal mana? Lahir di Perak. Kemudian saya tak tanya, Jengka sendiri mengumumkan, ayah jadi peneroka. Ayah dah tentu bukan orang Pahang. Dah tentu orang Perak. Kita terima orang Perak, terima orang Perak, orang Selangor, orang Kelantan, orang Terengganu, orang Johor, duduk merata tempat. Kalau Pahang ini tak ada semangat macam itu, agaknya tak mungkin ADUN Jengka dia boleh jadi ataupun ADUN Jengka jadi wakil rakyat 2 penggal dah di Jengka. Tuanku Titah, kita buat penalaran [kurang jelas]. Saya mohon sahabat-sahabat lain termasuklah ADUN Cheka. ADUN Cheka nak bangun tadi.

Nasihatkan saudara-saudara tak payahlah berhijrah ke Pahang ini, pening kepala kita. Bila berhijrah, maknanya buka tanah, itu haram. Kalau kita nak buat kuat kuasa, hari ini saya mintak kerajaan, Cheka beritahu sekarang ini, maknanya adakah wakil pembangkang termasuk Cheka, Jengka dan sebagainya minta kerajaan kuat kuasakan serta merta tak kira, siapa yang menceroboh. Waima yang datang daripada negara, negeri-negeri luar.

Yang ini saya nak kata, dan juga dari segi ketirisan nak bagitahu. Yang Amat Berhormat Dato' Sri pertama sekali nak menunjukkan komitmen, menubuhkan unit tadi, Unit Penguatkuasaan Kerajaan Negeri yang terdiri daripada golongan mereka yang elit. Maknanya dilengkapi kerana kita tahu dah, nak menentang ni bukan satu kerja yang mudah. Kena ada komitmen, perancangan dan kita perbaiki dari semasa ke semasa. Kita buat, tetapi kalau sekiranya pihak-pihak ini bawa ke mahkamah, kita kena *respect* ini kena, kena hormat kedaulatan undang-undang, sebab itu tindakan diambil. Misal contoh tahun 2020, tahun 2025 masih kita menunggu keputusan yang akan diputuskan oleh pihak mahkamah. Itu satu.

Keduanya dari segi ketirisan. PMC, Pahang Mining Corporation. Dia buat bahasa Inggeris tapi urusan dia, segala aktiviti perlombongan mestilah melalui daripada agensi sehenti ini dan agensi ini, anak syarikat kerajaan negeri telah berjaya untuk meningkatkan hasil dan menyumbang kepada hasil negeri.

Kita buat, bukan kita tak buat. Kita buat Akademi Mineral Pahang berpusat di Lipis, macam tadi yang ini ADUN Cheka sebutkan. Agaknya mungkin kita nak cari salah sangat, asyik kepala cari salah. Tak nampak yang baik di depan mata kita. Jalan kita nak pertingkat, susah sebab apa ADUN Cheka dia terpaksa pergi ke Ketereh, ulang-alik, ulang-alik, ulang-alik. Jadi jalan kita baiki supaya mudah dia pergi sekejap… sekejap di Cheka sekejap lagi di Kelantan sekejap lagi misal contoh. Dak maksudnya kita teruskan berjuang, jalan mesti baik, ekonomi mesti dijaga. Kemiskinan hampir kepada kekufuran, tetapi janganlah asyik lutu kita, lepas tu bersandarkan kepada, betul, Titah Kebawah Duli Tuanku, Titah Tuanku supaya kita melaksanakan cara berhemah, kita buat ini. Tunggulah, maknanya insya-Allah.

Tapi nasihatkan juga pada rakan-rakan daripada Perak, jangan… jangan berhijrah ke Pahang dah. Daripada Kelantan, jangan, daripada Terengganu, daripada Selangor, beritahu, duduk di negeri masing-masing. Biar selesaikan, kerajaan negeri selesaikan. Kalau tidak dia jadi masalah kita. Di Koyan, di Jengka, Jengka patutnya Jengka ini Wakil Kerajaan, sebab dia datang tahun 72 kan? Lahir tahun 72? Duduk di sana. Makna kita bela… ternak dia betul. Tapi maklum sajalah

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Er...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Berhormat

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Tuan Speaker, kita sedang Membahas Titah Diraja. Terpulang pada ADUNlah nak bahas apa. Kenapa kita sekat yang dibahas? Soal kerajaan, kerajaan ada peluang untuk jawab, jawab kemudianlah. Isu yang dibahas oleh ADUN Cheka, ADUN Jengka ini

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Minta maaf

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

ialah isu, tak, saya tak bagi laluan.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

sebab itulah peraturan

(**ADUN CHEKA - N.04)**
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Speaker, saya… saya mintak laluan saya. Nanti jawab kemudian…

ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

...ini atas Speaker selalu buat... buat... buat rolling. Dah tak perlu lagi bangun tunggu sekejap. Maksud saya, saya bukan maksud saya tidak hilang hormat kepada mantan menteri tapi duduk dalam Parlimen dan masih lagi duduk dalam Parlimen. Kita tahu, kita boleh mencelah atas kebenaran Speaker, Speaker yang benarkan. Sejak bila nak jadi Speaker pulak ni.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Laluan ini laluan Jengka bukan saya. Speaker bagi laluan pada saya. Saya tak? Laluan sekarang laluan saya. Jadi kalau saya tak benar tak boleh peraturan. Walau pun nak mencelah, mencelah pada Jengka, boleh. Tapi pada saya tak boleh sebab saya pun dah dapat pencelahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat.

ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang...yang ni tak payahlah. Ini...ini.

(ADUN JENGKA – N29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ini... *this is my floor*.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat... Yang Berhormat

ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ye.

(ADUN JENGKA – N29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Dengan izin sebut macam tu, dengan izin. Okay masuk dalam ucapan saya. Jadi saya punya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila sila.

(ADUN JENGKA – N29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Kita boleh belajar dengan apa yang berlaku di Thailand. Mahkamah Agung Thailand pada tahun 2022 telah memutuskan bahawa Ahli Parlimennya, Pareena Kraikupt telah melakukan salah laku serius. Kesalahannya ialah menceroboh tanah milik kerajaan yang telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal untuk projek penternakan ayam. Beliau dilarang bergiat dalam politik seumur hidup, tidak boleh dilantik ke jawatan kerajaan dan dilarang mengundi selama 10 tahun. Ini ketegasan Mahkamah Agung di Thailand. Sebagai rakyat, kita mesti patuh kepada Titah Kebawah Duli Tuanku yang mengatakan saya petik lagi. Beta ingin...

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Minta maaf Yang Berhormat Speaker.

(ADUN JENGKA – N29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya tak bagi.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sikit.

(ADUN JENGKA – N29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Tapi saya tak bagi. Dah banyak kali.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, Yang Berhormat saya mintak penjelasan tu.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sikit je.

(ADUN JENGKA – N29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya tak bagi. Saya nak baca ni.

ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak, masalah yang dok sebut Siam ni kita ni Yang Berhormat. Yang saya nak bagitahu kita ni ada 3 ini... ini apa nama cabang kerajaan. Kita ada apa nama... apa tu... *legislation*... *legislator*. Maknanya penggubal undang-undang. Kemudian kita ada eksekutif dan kita ada ciri-ciri kehakiman. Kalau dah hakim memutuskan hamba Allah ni tidak boleh kita ada misal contoh kalau dikenakan denda lebih pada RM2,000.00. Misal contoh, kita ada perundangan tu. Jadi selagi mahkamah tidak memutuskan jangan pandai-pandai kita nak buat keputusan sendiri. Lagi pun ini bagi rujuk ke Siam. YB kerap ke Siam ke pulak ni.

(ADUN JENGKA – N29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Okay. Saya teruskan ya, Titah Baginda Beta ingin menegaskan pentadbir tanah di semua peringkat wajib menjadi benteng hadapan bukan, boneka yang diperalatkan. Jangan sekali-kali berkompromi dalam hal yang melibatkan kedaulatan undang-undang negeri. Jangan terpedaya dengan naratif kononnya pencerobohan itu atas nama kebajikan atau perjuangan rakyat. Justeru, ha ini sampai dia punya penutup ni. Tapi dia orang bangun awal sangat. Justeru, saya menyokong tindakan tegas kerajaan negeri.

Sokong, bukan tak sokong [Ahli Dewan menepuk meja]. Dalam menangani pencerobohan tanah di Raub atau di mana sahaja dalam negeri Pahang dengan menguatkuasakan undang-undang mengheret penceroboh ke mahkamah dan tidak lagi mengenakan kompaun sejak 2019. Tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi tak sampai situ dia dah bangun. Saya... Saya juga menyakini bahawa amat sukar operasi pencerobohan haram Hutan Simpan Kekal secara besar-besaran dan berlarutan selama puluhan tahun tanpa ada orang dalam termasuk dalam agensi penguatkuasaan dan jabatan berkaitan. Justeru, saya cadangkan tiga kaedah siasatan.

Tadi dah sebut oleh ketua pembangkang. Pertama di peringkat negeri. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Undangan Negeri. Dengan izin *Special Select*

Committee terdiri daripada wakil semua parti bagi memanggil pihak berkaitan untuk mendapatkan maklumat dan seterusnya menyiasat kelemahan dasar, pelaksanaan dan penguatkuasaan jika ada.

Kedua penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja, RCI yang lebih besar bidang kuasanya dan laporan suruhanjaya tersebut dibentang kepada Dewan Negeri dan boleh dibahaskan di Dewan Negeri.

Ketiga, Audit Forensik, Audit Forensik Tanah oleh SPRM atau Jabatan Audit Negara bagi menilai semula pemberian lesen pajakan, penyalahgunaan tanah dan aliran hasil negeri tanpa kata laluan.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat minta laluan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Speaker,
terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat daripada Jengka. Cadangan daripada Jengka tu baik tetapi sebenarnya. Untuk makluman, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan negeri buat lebih daripada itu dah. Yang terkini tak sampai dua bulan saya sendiri pergi *round* Pahang ni. Pergi *round* dan saya tengok di Bentong, di kawasan Bentong. Di tengah-tengah hutan tu saya tak berapa kenal pokok durian dan pokok hutan kayu balak semua ni. Tetapi bila saya dapati daun di satu kawasan tu sangat luas, daun dia lain dari daun lain. Saya mintak kapten helikopter tu turun. Maknanya daripada ketiga-tiga tadi tu saya nak cerita ni saya pergi sendiri. Yang pergi saya, SS, PTG, Pengarah Hutan. Kami pergi empat orang. Masa terbang tu bila saya minta kapten turunkan helikopter, saya tanya Kapten Meor yang bawak tu. Dia kata Dato', ini daun benda ni. Dia kata daun durian. Atas kapal terbang tu juga saya bagi arahan supaya kuat kuasakan di Hutan Simpan Perdah, Perdah [kurang pasti]. Kuat kuasakan serta merta. Tak ada RCI, tiada suruhanjaya, tak ada benda. Dan sekarang ni saya akan mengambil ketetapan sebulan sekali atau dua kali saya akan pergi tengok.

Jadi, maknanya ketiga-tiga cadangan tadi tu bagus tetapi kerajaan negeri telah mengambil tindakan yang lebih lagi daripada itu. Itu yang saya nak bagitau dalam Dewan Yang Mulia ini. Terima kasih. Akhirnya 1,000... 1,000 ekar telah pun dikuatkuasakan. Kita ambil balik tanah tersebut dan saya tak tengok siapa di belakang dia. Walaupun selepas... semasa penerbangan tu, baharu saya tahu siapa di belakang dia. Saya tak payah cerita Dewan ni. Saya kata *go head,* yang... yang penting dia telah melakukan kerja yang tidak sihat di tanah, di bumi negeri Pahang. Terima kasih Dato' Sri Yang diPertua.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Minta laluan, Jengka.Sikit je.

(ADUN JENGKA – N29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya yang tak bagi laluan dah. Tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat. Saya doa semoga panjang umur dan sihat *sokmo*. Isu yg kedua isu FELDA. EXCO FELDA ye. Peneroka dan anak FELDA telah sekian lama menyumbang peluh dan keringat demi menjayakan dasar pembangunan tanah negara khususnya negeri Pahang yang menjadi nadi kekuatan FELDA iaitu institusi terbesar di dunia dalam pembukaan tanah dan penempatan rakyat secara sistematik. Ada beberapa isu yang saya nak sebut berkaitan FELDA.

Yang pertama isu geran hak milik. Setakat maklumat yang saya terima, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar ada menyatakan bahawa 96% daripada 43,126 peneroka FELDA di Pahang telah mendapat geran tanah. Bakinya 4% yakni 1,840 masih belum menerimanya. Jadi, saya mohon kerajaan negeri menyatakan secara telus. Apakah halangan sebenar dan bilakah mereka akan mendapat hak itu. Saya ingat Dato' Sri boleh... Dato' Sri Diraja boleh sebut dalam penggulungan.

Yang kedua isu KPF Malaysia Berhad. Saya juga ingin membangkitkan satu isu kelewatan bayaran penebusan saham oleh Koperasi Permodalan FELDA, KPF yang telah memberi kesan kepada ribuan ahli termasuk daripada Pahang. Ramai ahli KPF yang telah memohon menjual atau tebus saham mereka sejak awal 2023. Malah, ada dari tahun-tahun sebelumnya masih belum menerima bayaran sehingga ke hari ini. Saya difahamkan bahawa ada ahli yang menunggu lebih 12 bulan, 18 bulan sepatut 6 bulan sahaja tanpa bayaran. Ada yang terpaksa meminjam wang untuk keperluan harian.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan. Pertama apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negeri dalam membantu pencarum KPF di Pahang yang terkesan dengan kelewatan bayaran ini.

Kedua adakah kerajaan negeri memantau secara langsung status permohonan yang tertunggak di peringkat negeri. Ketiga apakah bentuk sokongan sama ada moral pentadbiran atau kewangan sementara yang boleh disalurkan kepada peneroka yang sakit warga emas atau yang terdesak. Kerajaan Negeri Pahang tidak boleh memandang ringan isu ini. Kita adalah negeri FELDA, negeri peneroka. Kita perlu bersuara untuk membela nasib mereka. Saya mencadangkan agar jawatankuasa khas jika belum ada. Jawatankuasa Khas Negeri Pahang ditubuhkan untuk memantau dan menyokong ahli KPF yang sedang menunggu bayaran. EXCO FELDA negeri menjadi penghubung langsung kepada KPF Pusat dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Satu taklimat khas KPF kepada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang diadakan agar semua wakil rakyat... agar semua wakil rakyat tahu status sebenar. Isu ini bukan sekadar teknikal atau pentadbiran. Ini isu kepercayaan, keadilan dan tanggungjawab terhadap rakyat. Kita perlu bantu, bukan sekadar janji.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat minta gulung ya… Yang Berhormat...

(ADUN JENGKA N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Tadi masa saya kena ambik banyak tadi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sekarang dah 28 minit dah 15 minit lebih… lebih pun.

(ADUN JENGKA N.29)
YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ada lima *point* lagi ni. Isu pelupusan hutang peneroka. Isu tempatan saya pergi ke isu tempatanlah terus. Isu tempatan. Saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini terhadap keperluan mendesak untuk menaik taraf dan membesarkan jalan dari Bandar Pusat Jengka ke Jengka 13 terus ke Rumpun Makmur. Laluan ini bukan sekadar perhubungan biasa. Ia adalah… ia adalah nadi perhubungan utama bagi ribuan penduduk FELDA dan kawasan sekitarnya. Namun begitu, jalan ini sempit dan tidak mampu menampung aliran trafik yang semakin meningkat telah menimbulkan risiko keselamatan. Saya dimaklumkan Ahli Parlimen Kuala Krau, Ustaz Kamal Ashaari telah membangkitkan isu ini beberapa kali dalam Dewan Rakyat. Jadi, saya harap kerajaan negeri jika belum dimasukkan.

Saya harap Kerajaan Negeri Pahang mengambil langkah proaktif untuk memastikan isu ini dijadikan agenda utama dalam Rancangan Malaysia Ke-13 yang akan bermula tahun 2026. Yang akhir saya ingin menarik perhatian Dewan sekali lagi kepada Projek Perumahan Generasi Kedua FELDA di Jengka 11 yang pada asalnya dimulakan pada tahun 2013, sudah masuk ke tahun tahun ke 12 masih belum dapat diduduki. Ini adalah satu tempoh yang sangat lama.

Projek ini telah disambung semula dan dijangka siap pada hujung 2025, tahun ini. Justeru, saya ingin menegaskan di sini rakyat telah cukup lama menunggu. Jangan kali ini berlaku sebarang kelewatan atau kegagalan. Akhirnya saya menyokong Titah Kebawah Duli Tuanku. Sekian wassalam.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Jengka. Seterusnya, saya menjemput Ahli Batu Talam Sila.

(ADUN BATU TALAM - N.06)
YB DATO' ABD AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam *Pahang 1st*. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker yang turut sama memberi laluan kepada saya untuk membahaskan Titah Diraja pada petang ini. Saya memulakan ucapan ini dengan Menjunjung Kasih atas Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sempena perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Ke-15. Sebanyak lebih kurang 11 perkara yang telah Dititahkan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku dan kesimpulannya mengingatkan kepada Sidang Dewan dapat kita bersama berpegang kepada nilai kejujuran, amanah, saling menghormati dan bersikap terbuka dalam menyelesaikan sebarang isu selaras dengan semangat perpaduan dan keharmonian. Jadi sehubungan itu, saya tak payahlah lepas sampai ke Siam tu mengambil apa cerita tu. Jadi kita sesama kita pakat dapat memberikan kefahaman yang betul dan jelas pada rakyat jelata tadi. Jadi mari kita bersama-samalah bersatu hati mempertahankan kedaulatan negeri kita. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah pada pihak kerajaan di atas kejayaan meningkatkan keluasan Tanah Rizab Melayu di negeri ini

kepada 444 hektar bersamaan dengan 12% yang mana ia merupakan peningkatan sekali ganda.

Pada tahun 1955, kita hanya ada 218,000 hektar iaitu 6%. Sekarang ni kita dah ada 12% lebih. Jadi usaha ini menunjukkan komitmen kerajaan negeri dalam memelihara hak dan kepentingan masyarakat Melayu. Saya nak memetik usaha kerajaan yang kedua iaitu merancang mewujudkan kemudahan rumah kepada rakyat negeri Pahang... pelbagai jenis sehingga pun kita nak mengingat pun payah. Dengan RRPnya, PR1MA Pahang, Rumah Makmur, Rumah Mesra Pahang, Pangsapuri, Ru' RASA, hadiah daripada Tuanku dan juga Kerajaan Arab Saudi. Dan ini sedikit sebanyak bagi kawasan saya dapat mensifarkan sebahagian daripada rumah-rumah yang terlibat dengan banjir.

Ada dua tiga kampung yang telah pun selesai kita sifarkan rumah mereka tidak berada di dalam kawasan banjir. Insya-Allah kita akan cuba mensifarkan pulak rumah-rumah yang perlu, permintaan daripada rakyat di kampung ni juga. Cuma saya juga mendapat pandangan daripada generasi kedua supaya rumah pada kumpulan generasi kedua ni dapat disegerakanlah. Tumpuan kita kepada rumah ni banyak kepada kumpulan-kumpulan yang memerlukan. Nak kata miskin tu kita guna ayat yang memerlukan, tetapi ramai daripada generasi kedua ni yang meminta supaya mereka ini dapat diberi perhatian dan dapat disegerakan.

Ini dua perkara yang saya nampak yang perlu saya beri pandangan. Dan seterusnya, saya juga ingin membawa pandangan daripada Raub yang mencadangkan supaya menubuhkan Pusat Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional iaitu TVET yang berasaskan kepada pertanian dan ternakan di daerah Raub. Ini sebagai satu langkah strategik untuk memajukan sektor pertanian di Pahang Barat. Jadi kita nampak pihak kerajaan negeri sebenarnya banyak dah sekolah-sekolah ini. Institusi... akademi. Baru-baru ni sebelum pada itu telah pergi ke negara Arab, Mesir, Jordan, Arab Saudi untuk kerjasama dari segi bidang agama. Selepas tu pergi ke negeri China pulak buat keretapi, sekolah keretapi. Sekolah ECRL, saya di kampung saya panggil Sekolah keretapi je mudah... ECRL. Dan dengan adanya penubuhan ini sedikit sebanyak ia menggambarkan Pahang ni sebagai sebagai pusat pendidikan. Jadi kita nampak negeri-negeri lain. Dia tidak menumpukan, jadi kita mencadangkan supaya mewujudkan lagi TVET ni yang berasaskan pertanian dan ternakan. Jadi, sebab itulah Raub mencadangkan kerana Raub memiliki tanah pertanian yang subur dan sesuai untuk dimajukan dalam sektor pertanian bagi pelbagai jenis.

Selain itu, industri ternakan dan tenusu juga telah berkembang di daerah ini. Ini menunjukkan potensi besar Raub sebagai hub ternakan yang boleh dimanfaat sepenuhnya melalui penubuhan Pusat TVET yang berasaskan ternakan. Penubuhan Pusat TVET pertanian di Raub akan menyediakan latihan kemahiran. Cadangan kita kepada golongan belia dalam bidang pertanian moden. Ia termasuklah penggunaan teknologi seperti AI, IOT, *drone* ataupun sistem pertanian pintar dan teknik pertanian lestari dan selaras dengan usaha kerajaan untuk mentransformasikan sektor pertanian ke arah yang lebih moden, dinamik dan kompetitif. Saya hendak memberi contoh lain dengan adanya pusat TVET ni, Pertanian Raub juga akan menyokong projek-projek sedia ada seperti projek prospek di bawah KPLB yang memfokuskan kepada aktiviti pertanian Durian Klon Musang King. Jadi ini juga akan membuka kepada produk-produk hiliran Musang King dan juga akan dapat mengumpulkan aktiviti-aktiviti durian bagi meningkatkan pendapatan dan mewujudkan ini… peluang-peluang pekerjaan. Jadi, sebab itulah saya fokus kepada TVET ni berasaskan pada daerah berkenaan. Saya nak bagi contoh ketiga seperti ini ternakan, saya pun berkesempatan dengan EXCO Pertanian ke *europe* di Norway dan Jerman. Mencari benih wagyu ni benih ke…

daging wagyu ni lembu wagyu. Seminggu 10 hari kita ada di Eropah. Tapi akhirnya kita terpaksa ambil benih dia Australia. *"Bengkak tempat lain, menanah tempat lain"*. Lebih kurang begitulah. Jadi inilah dengan adanya teknologi-teknologi ni, jadi kita dapat meningkatkan lagi usaha-usaha kita… apa bagi bidang pertanian, jadi sebab itulah saya mengharapkan mana fokus bagi mewujudkan TVET ni di daerah lain.

Yang akhirnya ialah meminta supaya kerajaan mengkaji mengenai teknologi moden mengenai meteorologi cuaca. Sebab sekarang ni kita tengok pada petani-petani kejap hujan kejap panas. Jadi mereka tidak dapat menyusun jadual pertanian mereka dengan apa… sebaik mungkin. Jadi, dengan adanya teknologi, kita perkasakan dari segi meteorologi, kita tahu bila cuaca-cuaca nak banjir atau bila cuaca ni nak… nak… nak kemarau. Jadi orang kampong ni tanam begitu je. Sampai saya tengok yang menanam jagung tu kali ni sampai kali ketiga dah, tiga kali tanam tiga kali disapu banjir. Jadi kita tak tahu bila banjir bila hujan bila panas. Jadi ini pun penting kepada pihak kerajaan untuk mengkaji meteorologi ni. Bagi kita bersama-sama dengan petani dapat kita menjadualkan kerja-kerja petani ni dengan sebaik mungkin. Jadi dengan adanya pusat TVET pertanian khususnya kawasan Pahang Baratlah kita ataupun Raub kita dapat melahirkan generasi petani moden yang berkemahiran tinggi seterusnya dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan industri pertanian dan ternakan di Pahang. Ini juga akan menyumbang kepada keterjaminan agromakanan negara secara keseluruhan.

Akhirnya saya nak menambah apa… satu cadangan lagi iaitu mewujudkan Pusat Convention & Exhibition Center. Tak kiralah untuk pertanian ataupun yang lain kerana Raub ini cukup strategik. Kita berpengalaman pergi ke luar negara. Banyak Convention dan Exhibition Center ni dalam dalam dua jam. Jauh daripada ibu negara ataupun Kuala Lumpur. Jadi di Raub ni hanya satu jam setengah dari Raub ke Kuala Lumpur. Kalau rakan saya ni dari Tioman, dia bawa kereta laju sikit mungkin sejam je dah sampai ke Kuala Lumpur ni. Jadi dengan kemudahan yang strategik tadi, jadi kita dapat bersama mengadakan aktiviti-aktiviti khususnyalah bagi produk-produk pertanian dan juga lain-lain.

Saya nak maklumkan juga bahawa kita… kita di Raub pun ada hubungan dengan beberapa negara dengan persatuan-persatuan yang ada. Contohnya, di Fraser Hill kita ada 15 negara yang bergabung dalam persatuan burung di dunia ni. Jadi, kadang-kadang 15 negara pun bila datang pun tak pula… tak boleh buat apa kerana kita tidak dapat menyediakan kemudahan-kemudahan. Begitu juga kita ada satu pusat pemulihan ungka yang dipanggil *rehab*, Rehab Gibbon ni pemulihan ke. Kita ada 50 negara dalam dunia ni. Baru baru ni ada 30 negara yang datang ke Fraser Hill kan… jadi cukup kecik ruang lingkup kita nak menjalankan aktiviti-aktiviti. Jadi sebab itulah saya mencadangkan satu pusat perhimpunan dipanggil konvensyen lepas konvensyen tu *exhibition*. Kadang-kadang ada nak dipamerkan produk-produk pertanian tu pun boleh kerana kita ni dekat dengan ibu kota tadi. Jadi inilah dia antara menambah baik usaha-usaha kerajaan tadi yang memperkemaskan lagi, dah banyak benda yang kita dengar daripada kerajaan untuk menjayakan bagi memajukan dan Kebawah Duli Tuanku pun gembira dengan pencapaian dan prestasi. Dan saya nak… sebagai yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar tu *look forward*, kita taknak dah ceritakan hal durian ni dah. Raub ingin memandang ke hadapan supaya banyak lagi produk-produk ataupun aktiviti-aktiviti yang kita nak buat untuk membangun atau memajukan di daerah itu.

Jadi saya berharaplah cadangan ini mendapat pertimbangan serius daripada pihak kerajaan negeri dan semua pihak berkepentingan. Marilah kita bersama merealisasikan hasrat ini demi kemajuan sektor pertanian dan kesejahteraan rakyat.

Dengan ini, saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekian terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Batu Talam. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tahan untuk mengambil bahagian, sila.

(ADUN TAHAN N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Alhamdulillahi [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Terima kasih Yang Berhormat Speaker di atas ruang yang diberikan kepada saya pada petang ini untuk sama-sama membahaskan Titah Diraja Sempena Pembukaan Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15. Yang saya hormati, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, barisan EXCO, rakan-rakan Ahli Dewan Negeri yang dipilih dan dilantik, Ketua-ketua Jabatan seterusnya sidang pemerhati yang saya muliakan.

Terlebih dahulu saya ingin Menjunjung Kasih Ke Sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj bersama ke Bawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang telah berangkat bercemar duli… bercemar duli ke Kampung Bantal Ulu Tembeling pada 13, 14 dan 15 April baru-baru ini bagi menyantuni, beramah mesra serta meninjau keperluan bagi penduduk di Mukim Ulu Tembeling.

Sesungguhnya patik serta pacal-pacal rakyat di dalam DUN Tahan khususnya di Mukim Hulu Tembeling sangat teruja dengan kecaknaan dan sikap mesra Tuanku dalam melayani rakyat Tuanku. Patik mendoakan agar pemerintahan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Daulat Tuanku.

Yang Behormat Speaker,
Titah Diraja yang telah dilafazkan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku penuh dengan semangat kenegaraan, keprihatinan terhadap nasib rakyat dan ketegasan dalam soal kedaulatan undang-undang. Titah ini bukan hanya sekadar menjadi rutin tahunan, tetapi yang lebih penting ialah isinya mestilah dijadikan pedoman dalam menggubal dasar dan menyemak hala tuju pentadbiran negeri agar selari dengan aspirasi Tuanku serta keperluan sebenar rakyat jelata. Izinkan saya memulakan perbahasan saya pada petang ini dengan sepotong ayat al-Quran dari Surah al-Nisa ayat 59 [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Yang bermaksud, wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri, orang-orang yang berkuasa dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah iaitu al-Quran dan Sunnah RasulNya. Jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok pula kesudahannya. Dalam konteks Sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan, Ulil Amri yang disebutkan di dalam ayat ini adalah merujuk kepada pemimpin yang berkuasa seperti Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan kerajaan yang memerintah. Namun ketaatan kepada Ulil Amri ini tidaklah bersifat mutlak tetapi ianya harus selari dengan prinsip Islam dan keadilannya

sebagaimana yang digagaskan oleh al-Quran. Maka situasinya apa sahaja Titah Diraja itu mestilah dituruti sama ada yang dilafazkan di luar Dewan apatah lagi yang dilafazkan di dalam Dewan Yang Mulia ini. Dalam kesempatan ini ada lapan perkara yang ingin saya ketengahkan, semoga ianya mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak kerajaan. Yang pertama,

Gunung Tahan teguh berdiri,
Hutan menghijau sejuk di mata,
Titah Tuanku kami junjungi,
Tanda setia rakyat jelata.

Rakan-rakan saya banyak telah menyentuh berkenaan dengan isu pencerobohan tanah secara tidak sah. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan negeri di atas tindakan proaktif dan tegas bagi… bagi menoktahkan masalah ini daripada terus berlaku dan tindakan dan juga usaha ini seharusnya didukung oleh semua pihak tanpa sebarang keraguan.

Yang kedua saya turut menyambut baik Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku bahawa kemiskinan tegar telah berjaya ditamatkan pada pada 29 Mei 2024 melibatkan 1,946 ketua isi rumah. Ini satu pencapaian yang besar. Namun demikian, saya ingin bertanya kepada kerajaan. Yang pertama apakah pemantauan telah dilakukan bagi memastikan mereka benar-benar kekal bebas dari kemiskinan? Yang kedua apakah wujudnya mekanisme pemantauan jangka panjang atau sekadar pendekatan sekali beri kemudiannya ditinggalkan.

Program Inisiatif Makmur Pahang telah diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM50.54 juta. Maka saya ingin bertanya berapa peratuskah daripada jumlah ini sampai ke kawasan luar bandar seperti lima kampung di pedalaman Ulu Tembeling termasuk Kampung Pasir Durian, Kampung Pasir Sia, Kampung Kuala Retang, Kampung Ulu Retang, Kampung Air Hitam dan sebagainya iaitu kawasan yang masih bergelut dengan infrastruktur asas terutamanya liputan telekomunikasi.

Jadi saya mengharapkan perhatian daripada pihak kerajaan berkenan… berkenaan liputan telekomunikasi dan internet antaranya di Kampung Jerantut Feri dan Kampung… Kampung Air Hitam yang tidak memuaskan pada ketika ini mesti segera dipertingkatkan khidmat dan liputannya. Dalam keadaan negara kita berlumba-lumba ke arah liputan 5G dan dalam keadaan negara kita menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2025. Di kampung yang saya sebutkan tadi, nak buka gambar atau dokumen yang dihantar melalui WhatsApp dan lainnya punyalah sukar. Sudah terlalu lama ianya berlarutan khususnya di Kampung Air Hitam. Mohon sangat adanya intervensi dari pihak kepada pihak kerajaan terhadap perkara ini termasuklah menyelesaikan masalah *line* telefon yang sering terputus di Mukim Ulu Tembeling terutamanya di Kampung Gusai yang sehinggakan 3,4 kali setiap bulan akan menghadapi masalah ini.

Yang ketiga, Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku turut menyentuh berkaitan projek naik taraf Jalan FT 012 Kuantan-Segamat. Namun, saya sekali lagi ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini dengan... kepada keadaan jalan yang menjadi laluan utama ke Taman Negara Kuala Tahan yang digunakan oleh penduduk tempatan dan pelancong antarabangsa yang tidak sekata, beralun dan mendap di sesetengah tempat. Saya juga ingin mendapatkan maklum balas daripada pihak kerajaan berkaitan perkembangan projek jalan yang menghubungkan kampung-kampung di Mukim Hulu Tembeling. Pembinaan jalan bagi jajaran 2A, jajaran 2B, jajaran 2C dan jajaran 2D yang sepatutnya siap pada tahun 2024 tidak berjalan sebagaimana yang

sepatutnya bahkan kini ianya telah dilanjutkan tempoh penyiapannya sehingga tahun 2027. Soalnya, apakah punca utama kepada kelewatan ini? Dan kenapakah sehingga kini isu pampasan kepada pemilik tanah masih belum diselesaikan. Mohon agar tindakan segera daripada pihak kerajaan dapat diusahakan bagi menjamin keselesaan penduduk di Mukim Ulu Tembeling.

Yang keempat Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang juga telah Menitahkan agar negeri Pahang menumpukan kepada pemeliharaan khazanah alam sebagai Wakil Rakyat kepada kawasan yang menjadi antara benteng terakhir Hutan Simpan Kekal di negeri ini. Saya ingin mengambil peluang untuk mencadangkan selari dengan hasrat Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku tetapi juga mampu memberikan pulangan ekonomi kepada negeri iaitu penjualan *carbon credit* melalui pasaran karbon sukarela ataupun BCM. Pahang memiliki lebih 1.5 juta hektar Hutan Simpan Kekal menjadikannya antara negeri terkaya dalam dengan sumber hutan di Malaysia. Dalam suasana dunia kini yang memberi nilai tinggi kepada pengurangan pelepasan karbon, potensi negeri Pahang untuk menjana hasil melalui *carbon credit* amat besar. Negara jiran seperti Indonesia telah berjaya meraih jutaan dolar melalui perdagangan karbon tanpa perlu menebang walau sebatang pokok. Lebih penting lagi, langkah ini menyokong Titah Tuanku yang telah tidak memperkenankan sambungan kontrak-kontrak pembalakan yang baru. Maka menjadi tanggungjawab kita untuk mencari alternatif yang beretika, mampan dan menjana hasil berterusan dan *carbon credit* adalah peluang tersebut.

Saya difahamkan bahawa kerajaan negeri telah memeterai MoU dengan beberapa pihak untuk meneroka potensi pasaran karbon. Namun sehingga kini masih tiada pengumuman mengenai pelaksanaan rasmi di lapangan. Maka saya ingin mencadangkan, yang pertama Kerajaan negeri mesti menyegerakan pelaksanaan Projek Perintis *Carbon Credit* di kawasan Hutan Simpan Kekal terpilih dengan keutamaan kepada kawasan yang telah dikenal pasti berpotensi tinggi dari aspek penyerapan karbon. Yang kedua satu dasar negeri yang jelas dan telus berkaitan pasaran karbon dibangunkan termasuk garis panduan untuk penyertaan komuniti Orang Asli dan pemilik Tanah Rizab Melayu agar mereka tidak terpinggir dan boleh terus menikmati manfaat ekonomi hijau ini. Yang ketiga hasil dari *carbon credit* dimasuk ke dalam dana pemuliharaan alam semula jadi negeri supaya ia digunakan kembali untuk pengurusan hutan, pelancongan eko dan pendidikan alam sekitar bukan sekadar sebagai pendapatan am kerajaan semata-mata. Kita tidak boleh terus bergantung kepada hasil hutan melalui pembalakan, dunia telah berubah. Alam bukan lagi dilihat sebagai sumber untuk dieksploitasi tetapi sebagai aset yang boleh menghasilkan pendapatan jika dipelihara. Dan kita semua sedia maklum berkenaan sudah ada 300,000 tan *carbon credit* melalui loji janakuasa biogas 5.5 megawatt di Kilang Sawit FELCRA Jayaputra, Jerantut.

Ini adalah berita yang sangat baik tetapi bertambah lagi sekiranya hutan... Hutan Simpan kekal kita dimanfaatkan juga untuk *carbon credit*. Saya yakin dengan visi Tuanku dan komitmen Kerajaan Negeri Pahang boleh menjadi negeri terawal di Semenanjung yang bukan sahaja menghentikan pembalakan tetapi menjana hasil lebih tinggi melalui *carbon credit* sambil mengekalkan kelestarian alam untuk generasi yang akan datang. Yang kelima sebagai Wakil Rakyat yang menjadi pintu masuk ke salah satu khazanah semula jadi negara. Taman Negara Kuala Tahan, izinkan saya membawa suara rakyat khususnya pengusaha pelancongan, pemandu bot, penjaja kecil dan komuniti Orang Asli yang sangat bergantung kepada industri pelancongan ekologi. Dalam jawapan bertulis yang diberikan oleh pihak Menteri Pelancongan kepada Ahli Parlimen Jerantut di Dewan Rakyat baru-baru ini, telah dimaklumkan bahawa Projek Pembangunan Semula Canopy Walkway Taman Negara telah siap

sepenuhnya pada 24 Jun 2024 dan telah diserahkan secara rasmi kepada Perhilitan Negeri Pahang pada 15 Julai 2024. Kos keseluruhan projek ini mencecah RM4.438 juta, satu pelaburan yang signifikan atas nama pemulihan pelancongan pasca pandemik. Namun, persoalan yang masih belum dijawab secara tuntas. Yang pertama, mengapa *canopy walkway* ini masih belum dibuka kepada umum? Yang kedua, adakah sistem penyelenggaraannya sudah lengkap? Yang ketiga, bagaimana agensi pemilik seperti PERHILITAN menyusun pelan operasi dan keselamatan? Dan yang keempat, yang paling penting bilakah rakyat setempat akan kembali menikmati limpahan ekonomi hasil kemasukan pelancong.

Kita tidak mahu melihat satu lagi projek siap di atas kertas, namun kosong di lapangan. Dalam konteks pembangunan luar bandar, Taman Negara adalah nadi ekonomi bagi penduduk Kuala Tahan dan sekitarnya. Bila pelancong tidak datang, perahu tidak berisi, *homestay* tidak didiami dan dapur rakyat kecil pasti tidak berasap. Maka saya menggesa agar kerajaan negeri dan pihak PERHILITAN menetapkan tarikh pembukaan *canopy walkway* selewat-lewatnya pertengahan 2025 selaras dengan kesiapan infrastrukturnya.

Saya juga ingin mencadangkan, yang pertama, penubuhan Unit Penyelaras Pelancongan Taman Negara Pahang melibatkan kerjasama antara PERHILITAN, MOTAC, Majlis Daerah Jerantut dan komuniti setempat. Yang kedua, pelaksanaan pelan promosi pelancongan berskala besar sempena pembukaan semula *canopy walkway* termasuk penglibatan sekolah, universiti dan operator pelancongan antarabangsa. Yang ketiga, penilaian berskala… penilaian berkala ke aras… ke atas struktur dan keselamatan *canopy walkway* secara telus dan berkala bagi mengelakkan tragedi.

Dan yang keempat memberikan peluang kepada pengusaha setempat yang berkemampuan untuk mengendalikan penyelenggaraan kepada komponen-komponen di dalam Taman Negara agar ianya memupuk rasa *sense of belonging* dengan izin kepada taman ikonik negara ini. Saya percaya hasrat Kebawah Duli Tuanku untuk... Saya percaya hasrat Kebawah Duli… Ke Bawah Duli Tuanku untuk melihat negeri ini maju dengan acuan sendiri akan tercapai apabila kita memberikan perhatian kepada pembangunan yang menyentuh rakyat marhaen bukan sekadar projek mega di bandar besar. Yang keenam bagi mempergiatkan usaha dakwah...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, gulung... Okay.

(ADUN TAHAN – N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Sikit lagi. Bagi mempergiatkan usaha dakwah memperkukuhkan institusi islam serta menyekat er... penularan ajaran sesat, kekeliruan akidah dan kecelaruan sumber dan rujukan. Maka saya mencadangkan agar Kerajaan negeri melalui JAIP, MUIP dan agensi berkaitan agar dapat memperhebatkan lagi program dakwah berasaskan komuniti menyantuni masyarakat luar bandar dan kawasan pedalaman termasuk komuniti Orang Asli. Kerjasama pintar juga boleh dilakukan bersama pengelola madrasah yang ada bagi menyusun strategi dalam menyampaikan dakwah kepada komuniti di pedalaman seperti Ulu Tembeling dan lainnya. Ia mesti, ianya mesti disusun atur dengan rapi dan teliti agar ianya... agar ianya menjadi program berkala bukannya program sekali-sekala.

Er... YB Speaker,
di dalam DUN Tahan, terdapat sekurang-kurangnya 15 pangkalan hadapan yang dikhususkan sebagai tempat penghantaran dan pengumpulan barangan keperluan seperti makanan dan lainnya sebagai persediaan menghadapi bencana banjir.

Namun, adakah kita tidak sedar bahawa perkara berbangkit yang tidak berkesudahan sehingga kini iaitu isu kerosakan pada beras… kepada beras sebelum ianya diagihkan. Sebagaimana yang kita maklumi, barangan di pangkalan hadapan ini jika tidak berlaku banjir, ia tidak boleh diagihkan kecuali setelah mendapat kelulusan negeri ataupun fasa Monsun Timur Laut (MTL) telah berakhir. Justeru, bagi mengelakkan perkara ini daripada terus berulang setiap tahun dan membawa kepada pembaziran wang rakyat, saya ingin mengemukakan dua cadangan.

Yang pertama, beras yang hendak dihantar ke pangkalan hadapan ini dibungkus dengan kaedah *vacuum packaging*. Melalui pembacaan saya, kaedah pembungkusan secara *vacuum* ini dapat memanjangkan jangka hayat beras melebihi melebihi lima tahun dan ke atas, di samping bergantung kepada suhu dan lokasi penyimpanannya. Dan yang kedua, Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah diberikan kuasa untuk membuat penilaian segera tanpa perlu menunggu kelulusan negeri bagi membuat agihan ataupun pelupusan kepada barangan cepat rosak seperti beras.

Untuk akhirnya langkah kerajaan negeri bagi memastikan rakyat negeri ini mempunyai tanah sendiri untuk tujuan pembinaan tempat tinggal atau pembangunan ekonomi keluarga melalui agihan Skim Tanah Rakyat (STR) amatlah dialu-alukan. Namun, saya ingin bertanya setakat ini berapakah keluasan STR yang telah diagihkan di dalam DUN Tahan dan berapa orang yang telah menerima manfaatnya.

Saya juga inginkan kepastian berkenaan dengan STR Ladang Tembeling Jaya 2 yang telah dilancarkan oleh… yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 2 November 2021 dan juga STR Kampung Pasir Sia. Bilakah ianya akan diagihkan kepada penerima yang layak. Untuk akhirnya, marilah kita sama-sama memastikan negeri kita ini tidak lagi dibelenggu oleh bayang-bayang silam, oleh kerakusan dan juga ketirisan. Kita mesti bangkit dengan penuh integriti dan keberanian. Marilah kita bersama-sama merasai sendiri denyut nadi rakyat. Sebagai ADUN yang diberikan mandat oleh rakyat. Saya berdiri di sini. Saya berdiri di sini dan juga berdiri di sisi rakyat bukan untuk populariti, tetapi untuk keadilan dan juga amanah. Negeri ini bukan milik mana-mana parti tetapi milik rakyat yang meletakkan kita di sini. Marilah kita Menjunjung Titah Tuanku dengan tindakan bukan sekadar ucapan. Jangan khianati harapan rakyat yang saban hari menanti perubahan.

Bunga dedap di atas para,
Anak dusun pasang Pelita,
Kalau tersilap tutur bicara,
Jemari disusun maaf dipinta.

Dengan ini, saya menyokong penuh Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja. Sekian, Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil Tahan. Seterusnya saya menjemput wakil dari Mentakab.

(ADUN MENTAKAB – N.30)
YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Speaker,
dengan izin saya memulakan ucapan saya dengan Merafak Sembah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah di atas titah yang penuh hikmat lagi bijaksana tatkala di atas titah… tatkala Perasmian Sidang DUN untuk kali ini. Saya menyeru kepada semua rakan-rakan ADUN untuk mengambil teladan dan akur kepada titah nasihat yang penuh hikmah daripada Ke Bawah Duli Tuanku demi kemajuan negeri Pahang yang tercinta ini. Sesungguhnya, Tuankulah adalah payung kepada negeri Pahang Darul Makmur yang tercinta, di mana Tuankulah menjadi tempat rakyat bergantung.

Yang Berhormat Speaker,
Kitalah… kita telah menikmati kemerdekaan hampir 68 tahun dan sepanjang kemerdekaan ini pengisian bagi menjaga kepentingan rakyat dan kemakmuran negeri Pahang tentulah tidak pernah diabaikan. Ini termasuklah kepada golongan peniaga-peniaga kecil. Mengikut data DOSM pada tahun 2020, terdapat lebih daripada 15,200 peniaga kecil di negeri Pahang ini. Dan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana keprihatinan membantu peniaga-peniaga kecil termasuk penjaja harian dengan Bantuan Prihatin Pahang (BPP) selain Geran iTEKAD. Ini membuktikan semua lapisan masyarakat termasuk peniaga dan penjaja kecil tidak pernah diabaikan oleh Kerajaan Perpaduan Negeri Pahang.

Saya ingin menarik perhatian dewan kepada *kiosk* penjaja oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang terdapat di seluruh negeri Pahang. Tidak ada siapa yang boleh menafikan penyediaan… penyediaan gerai-gerai yang cantik dan teratur ini sangat memberikan manfaat kepada penjaja-penjaja. Namun begitu, saya melihat bahawa *kiosk-kiosk* penjaja ini yang diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan tidak digunakan sepenuhnya dengan izin *not fully utilize*. Masih banyak terdapat *kiosk-kiosk* yang kosong dan tidak disewakan kepada penjaja yang saya bimbang jika tidak ditangani dengan baik dan sistematik, *kiosk-kiosk* ini akan rosak akibat cuaca.

Yang Berhormat Speaker,
Suatu formula dan pendekatan perlu dilakukan segera oleh pihak berkuasa tempatan bagi *kiosk-kiosk* ini dimanfaatkan oleh penjaja-penjaja kecil. Saya mencadangkan supaya syarat-syarat dikaji semula agar memudahkan penjaja-penjaja di samping faktor yang paling penting juga adalah lokasi yang bersesuaian khususnya di tempat ramai orang. Re-lokasi ini sangat penting bagi memudahkan pelanggan datang di samping tempat yang mempunyai parkir kereta yang mudah. Sekiranya lokasi *kiosk-kiosk* di tempat yang tidak strategik inilah yang menjadi penyebab utama penjaja-penjaja kecil tidak berminat. Pada masa yang sama, keutamaan harus diberikan kepada belia atau orang muda yang ingin belajar berniaga. Saya percaya dengan inisiatif sedia ada yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Pahang dan penyediaan *kiosk* ini, kita akan mampu membantu penjaja-penjaja kecil dan sekaligus akan menyemarakkan ekonomi negeri Pahang serta membantu mengurangkan pengangguran.

Yang Berhormat Speaker,
Hal ingin saya bangkitkan ini walaupun lebih berkaitan dengan Agensi Persekutuan iaitu TNB. Tetapi saya percaya ianya penting untuk dibangkitkan juga di dalam Dewan Yang Mulia ini. Saya percaya semua rakan-rakan Yang Berhormat di dalam Dewan

Yang Mulia ini pernah menghadapi pengalaman yang sama iaitu seiring... sering menerima permintaan dan juga rungutan daripada rakyat tentang bil elektrik mereka yang tinggi dan bekalan elektrik mereka sama ada telah dipotong atau hendak dipotong. Sementara kita sedaya upaya bersedia membantu meringankan beban rakyat dengan sedaya upaya, saya juga meminta TNB dan juga PAIP misalnya untuk proaktif di dalam hal ini. Saya tidak meminta TNB jangan menguatkuasakan peraturan sedia ada mereka, akan tetapi saya menggesa TNB selain menggunakan budi bicara mereka untuk tidak terlalu agresif memotong bekalan elektrik dan berbincang untuk memberi peluang kepada pengguna. Adalah lebih baik untuk TNB dapat mengesan awal mereka yang tidak membawa... membayar bil atau bil elektrik mereka yang melonjak lebih daripada deposit. Ertinya, TNB boleh memberi peringatan awal secara sistematik dan apabila tidak dihiraukan, barulah tindakan pemotongan misalnya dilakukan. Apa yang berlaku pada hari ini apabila bil sudah tunggak dengan banyak yang pada kebiasaannya melampau, barulah TNB mengambil tindakan yang saya sarankan ialah dengan izin *trouble shoot* dari awal, berdasarkan *trend* penggunaan elektrik perlu dibuat dan tidak setelah bil menjadi puluhan ribu, malah ada yang mencecah ratusan ribu.

Yang Berhormat Speaker,
Saya bersyukur kerana sejak lahir saya duduk dan tinggal di daerah Temerloh yang indah dan makmur. Temerloh sangat terkenal di seluruh dunia sebagai Bandar Ikan Patin dan ini menyumbang kepada pendapatan dan ekonomi Temerloh khususnya dan Pahang amnya.

Bagi menampung permintaan terhadap Ikan Patin, memang banyak sangkar-sangkar ternakan Ikan Patin yang wujud di sepanjang Sungai Pahang dan juga Sungai Semantan. Marilah kita bersyukur di atas anugerah tuhan ini. Baru-baru ini peruntukan sejumlah RM1 juta sepertimana diputuskan di dalam Bajet 2024 telah diberikan untuk kerja-kerja pembersihan Sungai Chengal di Temerloh sebagai usaha mitigasi banjir. Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan kerajaan negeri. Akan tetapi saya juga memohon pertimbangan Dewan Yang Mulia ini untuk kerja-kerja mitigasi banjir juga dibuat di Sungai Semantan.

Dalam pemerhatian saya serta rungutan daripada pengundi-pengundi adalah dianggarkan terdapat kira-kira 50 buah sangkar Ikan Patin yang tidak digunakan, terbiar, usang dan buruk. Jumlah ini adalah jajaran daripada Kampung Raja Songsang hingga ke Kampung Chengal. Rungutan daripada pengundi-pengundi Kampung Paya Kecil ialah risiko yang dihadapi oleh penternak-penternak Ikan Patin sangkar yang masih aktif di mana sangkar-sangkar yang rosak dan usang akan berkemungkinan besar terputus dan kemudian akan hanyut khususnya pada musim tengkujuh yang akan boleh menyebabkan sangkar-sangkar yang masih aktif akan rosak dan tentunya menyebabkan kerugian yang besar kepada penternak. Di samping itu juga, sangkar-sangkar yang usang dan tidak lagi digunakan itu mencacatkan pemandangan dan menjadi sebahagian daripada... daripada faktor air senak iaitu aliran air tersekat dan menyebabkan banjir.

Saya memohon pertimbangan Dewan Yang Mulia ini demi kemaslahatan penternak-penternak Ikan Patin sangkar yang masih aktif dan sebagai mitigasi banjir. Peruntukan khas diberikan bagi membersihkan Sungai Semantan daripada sangkar-sangkar tidak digunakan ini yang berjumlah 50 buah. Saya meyakini akan dapat membantu penternak-penternak aktif dan dapat mengurangkan fenomena air senak yang menyebabkan banjir.

Yang Behormat Speaker,

26 haribulan April ini iaitu hari Sabtu para wira negeri Pahang akan berentap di *final* Piala Malaysia melawan pasukan JDT atau Harimau Selatan dengan slogan "*Amuk Tok Gajah"* dan "*Hogoh Pahang Hogoh"*. Marilah kita menyokong pasukan negeri kita ini agar dapat menjulang piala kebanggaan bola sepak negara. Pahang mempunyai sejarah gemilang di dalam sukan bola sepak di mana dalam tahun 80an dan 90an yg menjadi pasukan yang sangat digeruni oleh lawan.

Di atas semangat ini dan bagi kemudahan anak-anak muda, saya mohon... memohon kepada Dewan Yang Mulia khususnya kepada pihak berkenaan untuk mengadakan satu pelan pembangunan bola sepak yang unggul bagi negeri Pahang dan memperbanyakkan padang-padang bola awam dan infrastruktur yang terkini di kampung-kampung dan taman perumahan. Di atas semangat "*Hogoh Pahang Hogoh"*, mari kita bersatu hati menyokong dan mendoakan kemenangan pasukan bola bola sepak kita. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima Kasih Wakil Mentakab. Seterusnya, saya menjemput wakil dari Kemayan.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT, selamat petang. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Pegawai-pegawai Kerajaan seterusnya pemerhati yang saya kasihi sekalian. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaNya dapat diberikan peluang untuk membahaskan Titah Diraja oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang pada sesi perasmian Jumaat yang lepas. Banyak perkara yg telah Tuanku sentuh dalam Titah Diraja tersebut berkaitan lebih kurang 11 perkara yang menjadi panduan kepada kita semua pada hari ini.

Banyak perkara yang telah disentuh. Ada juga yang sahabat-sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat telah sentuh, telah bahaskan pada hari ini dan ada yang saya lihat ada yang ambil separuh dan ada yang tak nampak apa usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Apa yang berlaku dan juga apa yang telah Dititahkan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang adalah apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri pada hari ini. Kalau kita lihat dari segi prestasi ekonomi, ini tidak boleh dinafikan dan diakui oleh semua Ahli dalam Dewan yang kerajaan negeri pada hari ini telah berjaya mengekalkan pendapatan melebihi RM1 bilion dan mungkin pada tahun-tahun mendatang mungkin lebih daripada RM1.2 bilion boleh mencapai sehingga RM2 bilion. Inilah hasrat kerajaan yang ada pada hari ini dan saya cukup yakin dengan kepimpinan yang ada pada hari ini boleh mencapai *target-target* yang telah… telah… yang yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri kita. Kita tengok lihat setiap tahun pelbagai program ataupun agenda yang dilaksanakan adalah untuk meningkatkan prestasi pendapatan kerajaan negeri tanpa membebankan rakyat. Kalau kita tengok hasil kerajaan negeri ini adalah kebanyakkannya daripada hasil cukai. Dan biasanya hasil cukai ini meningkat akan membebankan rakyat. Tapi ada unit yang di negeri Pahang ini, hasil meningkat tapi tidak membebankan rakyat golongan bawahan iaitu hasil cukai tanah dan sebagainya tu tidak meningkat melainkan kepada peniaga ataupun golongan usahawan yang besar, ini hebatnya Kerajaan Negeri Pahang pada hari ini dan ini perlu kita akui dan saya tengok setiap kali Ahli Dewan berucap akan cakap tahniah pada yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya mengekalkan pendapatan melebihi RM1

bilion selama tiga tahun berturut-turut. Ini perlu kita bagitahu dan bila hasil meningkat, banyak inisiatif-inisiatif yang telah diberikan oleh kerajaan negeri kepada rakyat negeri Pahang demi kemakmuran rakyat negeri Pahang. Itu pun kita tidak boleh nafikan, banyak perkara. Kalau kita nak sentuh di sini, mungkin tak cukup 15 minit yang diperuntukkan kepada saya. Tapi itulah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri pada hari ini sehingga boleh menoktahkan kemiskinan tegar. Bukannya senang untuk kita menoktahkan kemiskinan tegar ni sebab kemiskinan ni seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebutkan tadi adalah subjektif. Mungkin hari ni kita selesaikan 2,000 orang, esok akan bertambah lagi dan bertambah kita selesai, bertambah kita selesai.

Tapi atas program-program yang telah dilaksanakan atas inisiatif yang telah diberikan, rakyat yang dalam golongan miskin tegar dapat keluar daripada kemiskinan tegar tersebut. Kalau kita lihat pada tahun 2024, hampir 3,000 miskin tegar dapat dikeluarkan. Ini satu kejayaan yang cukup baik dan apa inisiatif yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Pahang hari ni menunjukkan keberkesanan tersebut dan kita yakin dengan peruntukan yang lebih dan mungkin program-program lain yang boleh memastikan kemiskinan tegar ini sentiasa dapat dikeluarkan. Cuma pada pandangan saya, mungkin pengiraan kemiskinan tegar itu perlu dilihat. Kalau dulu kita tengok mungkin dalam satu rumah ada dua KIR, Ketua Isi Rumah dikira pendapatan satu rumah. Dia tak kira pendapatan Ketua Isi Rumah.

Kalau kita nak isi eKasih dan sebagainya, pihak ICU datang untuk buat menilai dan sebagainya. Kita tengok dia melihat kalau ada dua keluarga dalam satu rumah, dia kira sekali pendapatan tersebut. Jadi saya rasa mungkin kalau belum dikeluarkan, patut dikeluarkan makna mengikut Ketua Isi Rumah, bukan ikut rumah tersebut sebab mereka tidak berkemampuanlah yang duduk menumpang dengan mak ayah dan sebagainya. Dan inilah kita boleh perbaiki dari semasa ke semasa supaya golongan miskin tegar ni akan sentiasa menjadi perhatian kepada pihak kerajaan bagi pihak kita semua sebagai Wakil-wakil Rakyat. Jika ada pengadu yang mengatakan saya miskin dan sebagainya. Kita dorong mereka untuk daftar dengan eKasih dan sebagainya supaya pihak bertanggungjawab ini boleh menilai adakah benar dia miskin. Adakah… adakah anda miskin? Adakah dia miskin tegar dan sebagainya. Kadang-kadang kita cakap, ohh saya miskin ramai datang jumpa saya sebab saya miskin dan sebagainya. Sebab orang saya miskin dan sebagainya. Tapi kita tak tahu sebenar berapa dia dapat, dia ada kereta tak ada kereta. Kalau miskin, ada kereta Toyota Vios dan sebagainya. Takkan miskin rumah pun *aircond* sampai dua tiga biji, takkan miskin. Contoh, mungkin indikator yang ditetapkan oleh kerajaan adalah ditentukan. Jadi kita patut bersama-sama untuk pastikan yang mereka belum daftar, daftarkanlah. Pergilah kepada agensi-agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat mungkin di bawah ICU, eKasih dan sebagainya untuk memastikan mereka ini tersenarai dalam golongan yang perlu kita bantu.

Dari segi syiar Islam di negeri Pahang ini. Kalau kita tengok kerajaan negeri pada 2025 memperuntukkan hampir RM200 juta untuk syiar Islam di negeri Pahang ini. Jadi tak ada isulah yg kata kita ni sekular dan sebagainya. Hanya mereka yang memimpin hanya boleh menjadikan negeri Pahang ni adalah sebuah negeri Islam dan sebagainya. Sebab saya dulu ingat kalau penggal lepas pemerintahan kerajaan persekutuan. Menteri Agama dan Timbalan Menteri Agama ni daripada parti sebelah. Tapi kita pun tak tahu apa yang mereka buat untuk menyebarkan syiar Islam sebab Perdana Menteri masa itu terpaksa melantik penasihat agama kepada Perdana Menteri sebab saya berada dalam kerajaan pada hari tu. Jadi nak kata mereka ni kalau mereka memerintah, mereka boleh menunjukkan lebih Islam dan sebagainya. Saya tak yakin sebab saya berada semasa mereka menjadi Menteri Agama. RUU 355 pun

tak bawak, nak tutup Kasino Genting pun tak bawak dalam kabinet dan sebagainya. *So*, janganlah sekarang ni bila dah tak jadi nak uar-uarkan macam-macam yang dia boleh buat, dia boleh buat dan dia boleh buat.

Yang seterusnya berkaitan dengan pencerobohan tanah kerajaan dan juga hutan simpan. Kita menjunjung Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku dan apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan hari ni bukannya hari ini sahaja. Kalau kita tengok balik rentetan daripada 2018 sehingga hari ni hampir setiap tahun ada isu pemusnahan kebun-kebun ataupun tanah-tanah yang telah diceroboh. Kalau tengok 2019 di Cameron, 2020 ada di Raub dan sebagainya. Saya rasa dalam tempoh ini mungkin lebih dari 20 operasi membenteras apa… pencerobohan haram ni bukannya hari ni saja. Tak adillah ada setengah yang cakap konon macam Kerajaan Negeri Pahang hari ni baru ni nak buat. Dia lupa ke. Dia tak tengok ke siapa yang menubuhkan Unit Penguatkuasaan, siapa yang melaksanakan tinjauan dan sebagainya. Jadi kita berlaku adil kepada semua pihak. Jangan nak menjadikan ini modal politik, laba politik kepada mereka. Mereka kata yg kerajaan hari ni baru hari ni nak buat, tak betul. Sebab daripada mula Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjadi Menteri Besar pada 2018 agenda untuk memastikan tanah-tanah yg diceroboh ini dapat diambil tindakan telah dilaksanakan seawal 2019 dan masa tu yang duduk sebelah sana itupun menyokong kerajaan pada hari tu. Jadi kena berlaku adil. Jangan disebabkan apa yang penguatkuasaan oleh kerajaan buat hari ni kononnya kerajaan hari ni je buat. Bukan, kena bagitahu rakyat secara terus. Yang penguatkuasaan ini Yang Berhormat Menteri Besar dah buat daripada mula dia jadi Menteri Besar. Penubuhan Unit Penguatkuasaan ini daripada mula Yang Amat Berhormat jadi Menteri Besar, kena jelaskan. Oh ini dalam Dewan cakap, oh *follow*lah saya punya FB tengok macam mana. Bila sampai sekarang ni *follow* daripada lepas saya follow tak ada satu pun ucap terima kasih pada apa usaha yang telah kerajaan buat. Dalam Dewan dia punya sembang tu macam dia jelah yang betul. Tapi hari ni yang kalau kita tengok.

(AHLI DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

mencelah boleh sikit, boleh.

(ADUN KEMAYAN-N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Haa Silakan.

(AHLI DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Terima kasih Yang Berhormat dan Terima kasih Tuan Speaker. Baik Yang Berhormat saya nak bawak beberapa fakta ni yang diputuskan di mahkamah pada 9.8.2023, seorang lelaki dijatuhi hukuman denda RM200,000.00 oleh Mahkamah Sesyen Raub atas tuduhan atas tuduhan menceroboh tanah milik kerajaan negeri. 22.2.2024 pengarah syarikat, Chong Chin Chong didakwa ceroboh tanah kerajaan negeri, 4.2.2025 Mahkamah Sesyen Kuantan jatuh hukuman denda RM200,000.00 terhadap seorang penyelia syarikat perlombongan haram tanah kerajaan. 16.4.2025 Mahkamah Sesyen Raub jatuh hukuman RM200,000.00 kepada dua orang lelaki Cina yang hanya bersih tanah belum tanam lagi. 28.2025 Pertubuhan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang didakwa di Mahkamah Sesyen atas tuduhan menduduki tanah kerajaan tanpa kebenaran yang sah. Yang Berhormat setuju tak dengan saya bahawa ini antara

tindakan-tindakan yang dijatuhi hukuman di mahkamah di Pahang kerana kesalahan menceroboh tanah menunjukkan bahawa penguatkuasaan di negeri Pahang ini sangat serius memandang terhadap penceroboh tanah di Pahang.

(ADUN KEMAYAN-N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih YB, saya cukup bersetuju sebab dah terbukti banyak kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dah banyak kali tegaskan bukan takat kompaun. Hari ini terus dakwa ke mahkamah dan menunjukkan begitu serius kerajaan hari ini untuk mengatasi isu ini. Jadi, saya rasa kita tak perlu nak panjangkan perkara ni. Siapa sahaja perlu mematuhi undang-undang dan juga mengikut Perlembagaan Negara dan juga Undang Tubuh Negeri Pahang. Tak kiralah dia Ahli Dewan ke ahli err… ahli politik ke, NGO ke dan sebagainya, perlu akur dan ikut peraturan-peraturan seperti yang telah digariskan dan kita perlu bersama-sama mempertahankan kedaulatan tanah kita pada hari ini.

So insya-Allah saya yakin semua hari ni bercakap kita setuju dengan kerajaan. Tindakan kerajaan hari ini, setuju dengan kerajaan ni. *So* bagitahu yang kerajaan hari ni telah buat. Bukannya baru nak buat, telah buat. Jadi err… saya pun tak nak sentuh sangat perkara tersebut dan bagi yang err… cuba untuk mengambil laba daripada isu ni saya rasa cukuplah. Yang penting Kita Junjung Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan untuk kita pastikan yang amanah yang diberikan ini dan kita sama-sama pelihara kedaulatan negeri Pahang ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan dengan pembangunan Warga FELDA. Kalau kita tengok, kalau dulu Sekolah Agama Rakyat di FELDA ni ditubuhkan oleh FELDA. Sekarang ni dah di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan FELDA dah tak tengok dah peruntukan dan sebagainya. Bagaimana kemudahan dan sebagainya? Saya cadangkan supaya EXCO FELDA boleh bawa isu ini kepada pihak pengurusan FELDA supaya memberi perhatian kepada Sekolah Agama Rakyat di FELDA-FELDA. Kalau kita tengok hari ni kita terpaksa dan juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana selalu bantu untuk keselesaan anak-anak yang belajar di Sekolah Agama Rakyat di FELDA-FELDA ni. Jadi perkara ni bagi saya serius sebab dulu boleh, kenapa hari ni kita tengok FELDA dah meninggalkan peranan Sekolah Agama Rakyat dia… di dalam FELDA ini. Walaupun JAKIM telah melaksanakan banyak perkara juga tapi sebagai anak kepada FELDA daripada awalnya perlulah kita… FELDA melihat peranan untuk membantu Sekolah-sekolah Agama Rakyat di dalam FELDA.

Selain itu, saya mohon supaya pihak FELDA… FELDA… Warga FELDA ni mudah je. Sekarang ni harga sawit tinggi. Alhamdulillah, dengan usaha yang dibuat oleh kerajaan dan sebagainya, harga sawit stabil dan tinggi. Jadi yang menjadi isu ni adalah pengeluaran hasil tersebut. Bagaimana kita nak meyakinkan peneroka yang FPM, FELDA Plantation Management dengan izin, berjaya menguruskan ladang-ladang peneroka ni dan mengeluarkan hasil yang baik. Kita takkan nak bagi alasan setiap tahun sampai dua tiga kali musim melawas. Jadi, saya mohon supaya pihak FELDA, yang lepas pun saya sentuh perkara ni, tapi kali ini saya sentuh lagi sekali. Takkanlah sampai bulan 7 baru satu pusingan nak membaja. Memanglah melawas. Jadi isu baja, isu menuai, isu pengeluaran hasil, kos hasil yang rendah err… perlu pihak FELDA lihat semula.

Selain itu, isu antara isu pendidikan adalah penguasaan bahasa Melayu di kalangan bukan pelajar Melayu. Kalau kita lihat, banyak penguasaan daripada terutama

daripada kaum Cina dan India terhadap bahasa Melayu agak kurang menyebabkan kalau di tempat saya tu kelas peralihan terpaksa diwujudkan lagi untuk memastikan yang pelajar daripada sekolah SJKC atau SJKT terpaksa masuk kelas peralihan di tingkatan satu untuk meneruskan pengajian dan ini menjadi isu. Apabila tingkatan lima masih tidak boleh menguasai Bahasa Melayu dengan baik menyebabkan SPM mereka akan gagal dan prestasi sekolah, prestasi daerah akan jadi masalah. Jadi, saya rasa pihak kerajaan melalui Jabatan Pendidikan Negeri perlu melihat bagaimana cara supaya kita memastikan yang anak-anak boleh menguasai bahasa Melayu dengan… dengan baik.

Seterusnya, hari ini banyak orang menyentuh pasal *kiosk* daripada KPKT ni. *So* saya pagi tadi ingat nak tanya soalan tambahan. Tapi disebabkan ramai yang bertanya soalan tambahan terpaksa saya sentuh disinilah. *Kiosk* ini diberikan oleh KPKT untuk merancakkan ekonomi, menjadikan tempat itu lebih cantik dan sebagainya. Saya kata cukup baikkan, *kiosk* tu pun cantik. Tapi apabila dilaksanakan kita tengok banyak yg tidak dibuka. Satu, kadar sewa. Sewa kedai saya ambik contoh kawasan saya sajalah. Satu kedai disewa dengan harga RM200.00. Kedai majlis disewa dengan harga RM250.00. *Kiosk* disewa dengan harga RM250.00 juga. Sama. *Kiosk* tu besar tak sampai 10X10 pun. RM250.00 kedai. Satu kedai ada tandas apa semua RM250.00.

Saya tak tahu macam mana kaedah pengiraan penetapan sewa. Orang meniaga goreng pisang, dulu dia cuma bayar permit penjaja je. Bagi khemah. Saya kata tak apa, lepas ni kalau tak meniaga dekat *kiosk* tu saya bagi khemah *free* lepas ni. Jangan risau saya bagi khemah *free*, meniaga situ tak payah bayar RM250.00. Kita kena faham wujudnya *kiosk* tu untuk bantu usahawan-usahawan kecil ni. Peniaga berniaga untuk menambah pendapatan. Saya mohon kepada pihak Majlis-majlis Daerah ni, jangan jadikan itu adalah *income* utama kepada Majlis-majlis Daerah. Kita kena ada agenda.

Saya tengok kerajaan negeri, dia meningkatkan pendapatan tapi tanpa menyusahkan rakyat. Sepatutnya kita kena ikut cara Yang…Yang Amat Berhormat Menteri Besar laksanakan. Tambah pendapatan tapi tidak membebankan rakyat. Terus terang, yang menjadi masalah adalah kerana sewa yang mahal. Satu, yang kedua nak masuk bayar deposit RM1,200.00. *At least* tiga bulan deposit, bayar air, bayar api, bayar ini, bayar permit ni, RM1,200.00. Orang meniaga goreng pisang ni, nak dapat RM1,200.00 tu berapa kali nak meniaga tu? *So* kena… saya rasa kita kena tengok baliklah kan. Sebelum ni saya cuma dah berbincang, dah hantar surat banyak kali. Jadi, saya rasa agak mengecewakan.

Jadi hari ni bila rakan-rakan Ahli-ahli Dewan pun banyak menyentuh berkaitan dengan *kiosk* ni. Yang penting kita bagi ruang kepada rakyat kita untuk meniaga. Dia ambik lesen, dia ambik permit dan sebagainya. Berapa banyak yang nak disewa tu tengoklah kesesuaian. Kalau saya di Bandar 32 Bera tu nak dapatkan RM200.00 punya *sale* tu bukannya senang. Jadi saya minta tolong kepada pihak kerajaan untuk menilai balik semua Majlis-majlis Daerah ni bukan hanya di Bera lah walau saya hanya fokus di Bera kan. Menilai balik kesesuaian kadar sewa tersebut tanpa membebankan rakyat.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat err…Yang Berhormat.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Hah, sikit lagi. Yang seterusnya adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar terutamanya di Kampung Orang Asli Lubuk Tambangan yang telah diluluskan tetapi masih belum dilaksanakan. Saya mohon perkara ini dapat dilaksanakan dengan segera dan juga satu lagilah. Setiap tahun saya akan… setiap kali persidangan saya akan cakap perkara ni sebab ini kampung saya dan melibatkan lebih kurang 3,000 akaun yang penukaran paip yang masih belum dilakukan. Yang apabila pecah paip tu melibatkan hampir 3,000 akaun terganggu.

Jadi saya rasa perkara ni perlu mendapat perhatian daripada kerajaan negeri di bawah PAIP supaya penukaran paip di FELDA Tementi ni dapat laksanakan dengan segera supaya memberi keselesaan kepada pengguna. Seterusnya, yang terakhirlah berkaitan dengan Skim Tanah Rakyat yang berada dalam DUN saya. Saya mohon supaya perkara ini menjadi… disegerakan terutama STR Bandar 35, STR Tebing Tinggi, STRF Tembangau dan juga STRF Tembangau 1. Saya harap perkara ini dapat diselesaikan, disusun dengan baik supaya pelaksanaan STR-STR ini memberi err… berguna kepada masyarakat. Insya-Allah, saya rasa perkara ini berjalan, cuma diharapkan perjalanan ini dapat mengikut jadual yang telah dibincangkan supaya perkara ini kita tak jadi lambat dan manusia ni kadang-kadang bila terlambat, dia akan kata kita macam-macam kan.

Jadi, saya mintak perkara ni menjadi penekanan sebab inilah, hanya di Pahang nilah yang bagi STR-STR ni kepada rakyat dan STR ni ditukar kepada Rizab Melayu dan sebagainya. Satu perkara yg cukup baik yang perlu diteruskan dan perlu diperluaskan dan saya amat menyokong program STR ni. Oleh itu, saya mohon pada semua, berpolitiklah secara matang. Bagi saya senang je. Benda yang baik kerajaan hari ni buat kita kata baik, benda tak betul kita boleh tegur. Jangan kita kata terima kasih, lepas tu kita kata orang tu tak buat. Tak boleh macam tu. Benda yg baik kita kata baik, benda tak betul kita tak betul. Kalau langgar peraturan kita kata langgar peraturan. Jangan untuk politik diri sendiri, oh ini tak betul. Tak boleh. Sebab kerajaan hari ni saya tengok berusaha sehabis baik dan banyak inisiatif-inisiatif yang bagus telah dilaksanakan.

Jadi benda yang bagus tu kita terima kasihlah kepada kerajaan, bukannya hanya memuji ni jadi masalah, tak menjadi masalah untuk memuji ni. Kita berterima kasih, saya berterima kasih bila jalan-jalan di kawasan saya dapat diperbaiki. Setiap tahun ada saja, mungkin tak semua tapi ada untuk diperbaiki dan sebagainya. Kita terima kasih sebab kita faham hidup kita ni kita tak ada sumber yang *unlimited,* sumber kita ini terhad. Mungkin hari ini kita ada RM100… kita ada RM100. Kerajaan terpaksa belanja RM100.00. Mungkin hari ni kita tak dapat, tapi mungkin tahun depan, kita dapat. *So*, jadi kita kena bersama-samalah.

Janganlah kerana politik kepartian kita ni kita menidakkan apa yang baik yang telah dibuatkan oleh kerajaan. Esok, kita tak tahu ni politik ni cukup dinamik. Hari tu kata kita macam-macam, lepas tu kita dia kata nak… nak mewujudkan perpaduan ummah dan sebagainya. Tak payah cerita la penyatuan ummah-penyatuan ummah ni. Dulu kan, malas nak cerita la kan. Yang kata nak penyatuan ummah-penyatuan ummah sangat ni tak payah ceritalah. Tak apalah sebab saya dah *sign* OSA masa itu. Tak boleh cerita la eh. *So*, jangan jadi kan. *So,* jangan kelentonglah cerita dia. Jangan nak kelentonglah untuk laba politik masing-masing. Masing-masing ada kita punya agenda. Orang kita Barisan Nasional UMNO, tetap kita dengar dengan agenda kita.

Kita tengok hari ni Yang Amat Berhormat Menteri Besar tak ada telunjuk dengan siapa-siapa. *So* lepas ni… lepas ni jangan nak kata UMNO ni ikut telunjuk siapa-siapa. Faham tak? UMNO hari ni tak ikut telunjuk siapa-siapa. Siapa-siapa saja langgar peraturan kita amik tindakan. Esok kalau kita jumpa YB-YB yang ceroboh tanah pun kita ambik tindakan. Jangan risau. Jadi jangan kata kita ni telunjuk mana-mana pihak. Kena faham benda itu. Kita bukan telunjuk mana-mana pihak. Yang Amat Berhormat Menteri Besar daripada awal konsisten perkara ini. Perkara ni diambil dengan tegas. Semua perkara saya tengok, jangan kata kita jurucakap mana-mana pihak. Tak betul. Kalau itulah daripada awal hingga akhirnya politik pihak sebelah sana, teruskan. Rakyat boleh menilai, adakah kita bertopengkan agama tapi kita menyebar fitnah dan juga propaganda. Teruskan, tak ada masalah. Kalau itu rasanya baik untuk ahli-ahli, teruskan. Tapi kita mengharapkan yang ada setengah yang bagi teguran dan sebagainya saya rasa cukup baik. Tak ada isu pun, tapi janganlah cerita separuh kata orang ni tak buat ni, ini baru nak buat dan sebagainya. Cukup, kita amalkan politik matang.

Sebab saya ni baru lagi berpolitik. Ramai lagi kawan-kawan saya di belah sana pun baru lagi berpolitik. Kita nak keharmonian dalam politik ni. Orang zaman sekarang ni bukan cerita macam orang zaman dulu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat. Dah. Masa dah sampai.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Saya rasa nak sekejap je tapi geram pulak hari ni. *So* er… apa yang kita harapkan adalah untuk memastikan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat negeri Pahang. Dengan itu, Kemayan menyokong Usul Titah Diraja. Sekian. Assalamualaikum WBT dan terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih kasih wakil Kemayan. Seterusnya saya menjemput wakil dari Pulau Manis. Sila.

(ADUN PULAU MANIS – N.20)
YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

[Bacaan doa]. Assalamualaikum WBT. YB Speaker, bersyukur kita kepada Allah SWT kerana limpah dan kurniaNya, kita semua dapat lagi bersama-sama dalam Dewan Yang Mulia ini. Tidak lain dan tidak bukan bagi menjalankan tanggungjawab kita sebagai wakil yang dipilih oleh rakyat di kawasan kita untuk membawa suara-suara sekalian rakyat yang kita kasihi. Tidak lupa juga memanjatkan syukur dan selawat pada junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana di atas usaha dan kesungguhan baginda serta sahabat-sahabat dalam memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah SWT bagi menyampaikan dakwah sehingga ke hari ini, kita dapat mengecapi nikmat iman Islam.

Pulau Manis Menjunjung Titah Ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah, sempena Istiadat Pembukaan Dewan… Pembukaan Dewan Penggal

Yang Ke-4 pada hari Jumaat yang lalu. Segala Titah Tuanku sedia patik junjungi dengan penuh rasa tanggungjawab sebagai seorang wakil dari rakyat Tuanku. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker dan semua Ahli Yang Berhormat kerana memberi ruang kepada Pulau Manis pada petang ini untuk membahas ucapan Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar yang telah dilantik sebagai Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, juga kepada Tuan Mohd Saifuddin bin Hashim sebagai Yang Berhormat Penasihat Undang-undang dan Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh selaku Yang Berhormat Pegawai… Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri Pahang yang baharu. Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih saya mewakili seluruh rakyat Pulau Manis kepada semua dan seluruh kakitangan kerajaan dan agensi-agensi di bawah kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan seluruh kawasan di dalam DUN Pulau Manis ini terbela kebajikannya.

YB Speaker, dalam Titah Tuanku, Baginda ada menyebut beberapa perkara berkenaan agama Islam iaitu pertama Dakwah Islamiah dan Pengukuhan Sistem Syariat Islam. Kita semua sebagai rakyat Tuanku yang beragama Islam seharusnya berbangga kerana mempunyai ketua agama yang sangat cakna perihal Islam. Suka saya berkongsi dengan Sidang Dewan sekalian berkaitan sebuah hadis mafhumnya, tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah pada hari yang tiada naungan selain naunganNya ialah antaranya lelaki yang hatinya sentiasa terikat dengan masjid. Zaman Rasulllah SAW, masjid ini bukan setakat dijadikan sebagai tempat solat berjemaah, malah tempat bermusyawarah, pusat pendidikan dan ilmu, tempat pengurusan zakat, kebajikan dan sebagainya.

Ini menunjukkan bahawa masjid atau surau ini adalah tempat yang sangat penting dan wajib didirikan di sebuah komuniti. Firman Allah di dalam al-Quran berbunyi [Bacaan doa] hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat. Apa yang cuba saya sampaikan ini ialah berkenaan proses permohonan kebenaran pembinaan surau di dalam taman-taman perumahan. Apa yang berlaku sekarang, proses pembinaan surau ini agak rumit. Banyak terjadi di dalam kawasan saya, tapak untuk didirikan surau itu ada disediakan. Akan tetapi proses permohonan kebenaran membina ini sangat-sangat rumit melibatkan pelbagai institusi dan jabatan sehinggakan usaha sesebuah jawatankuasa setempat berputus asa dalam usaha mendirikan surau.

Sehubungan dengan itu, saya sangat berharap kerajaan negeri dapat membuat satu *Standard Operating Procedure* (SOP) dengan izin, yang mudah bagi memudahkan urusan permohonan pembinaan ini diluluskan. Kita faham sekiranya permohonan ini bersifat individu, akan tetapi seperti yang saya maklumkan, kita ingin membina surau, tempat orang Muslim beribadat secara berjemaah dan dimiliki orang ramai. Ianya patut dipermudahkan dan tanpa melalui proses yang rumit. Saya rasa bukan saya sahaja yang berpendapat… berpendapat begini, malah semua di antara kita yang beragama Islam yang ada di dalam dewan ini bersama-sama saya dalam hal ini.

YB Speaker,
sedikit berita kesihatan yang dialami oleh legenda bolasepak Pahang, Encik Azizul Kamaluddin telah membuka mata saya bersama-sama sahabat terhadap keperluan sistem sokongan yang lebih mantap bagi atlet dan bekas atlet negeri. Atlet merupakan seorang wira yang telah mengharumkan nama Pahang di peringkat nasional dan

antarabangsa, namun ramai antara mereka menghadapi cabaran selepas bersara terutama dari segi kesihatan dan kewangan.

Kita juga telah dimaklumkan oleh Wakil Kerajaan, Alhamdulillah pelbagai inisiatif yang telah ditawarkan dan telah disediakan oleh kerajaan akan tetapi beberapa orang kemungkinan tercicir antaranya individu yang saya sebutkan tadi, Azizul Kamaluddin. Dia meng... diserang sakit jantung baru-baru ini dan kami tanya ada apa-apa inisiatif yang diterima er… atas khidmat yang telah diberikan? Dia maklumkan dia tidak terima apa-apa. Mungkin terlepas pandang, saya tidak pasti, mungkin wakil kerajaan boleh *follow up* dengan er... *legend* bola sepak Pahang itu.

Di sini ada juga beberapa objektif dan juga cadangan yang dapat dikongsikan. Antara cadangan jangka masa pendek adalah dana kecemasan atlet dan penubuhan dana khas di bawah kelolaan kerajaan negeri atau Majlis Sukan Pahang untuk bantuan kesihatan kecemasan. Usaha ini boleh menjalinkan kerjasama dengan hospital kerajaan atau klinik swasta untuk memberi rawatan atau pemeriksaan kesihatan berkala secara percuma atau bersubsidi. Dana boleh didapati melalui kempen kutipan awam, CSR korporat di mana mewujudkan inisiatif bersama syarikat-syarikat di Pahang untuk membantu melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat.

Cadangan slot jangka… jangka panjang pula dengan penubuhan Yayasan Atlet Pahang iaitu sebuah entiti yang menguruskan dana kebajikan pembangunan kerjaya selepas bersara serta pengiktirafan atlet. Melalui Yayasan ini juga, Skim Perlindungan Insurans atau Takaful menyeluruh serta sumbangan pencen dapat diberikan kepada atlet yang telah berkhidmat mewakili negeri dalam tempoh tertentu. Dengan pelaksanaan cadangan ini, kita bukan sahaja menjaga kebajikan wira sukan Pahang, malah menunjukkan komitmen jangka panjang terhadap pembangunan sukan yang holistik dan berterusan. Diharap cadangan ini dapat perhatian dan sokongan penuh pihak kerajaan.

Saya juga ingin menyentuh beberapa... beberapa perkara berkenaan perumahan Rumah Mesra Rakyat SPNB. Apa yang ingin saya bangkitkan adalah saya difahamkan sebelum ini di atas satu geran tanah boleh dibina lebih satu buah rumah. Kebelakangan ini tidak lagi diber... dibenarkan bina lebih satu buah rumah atas satu geran tanah. Hal ini telah dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Kuantan di dalam Sidang Dewan Rakyat. Jawapan yang diberikan oleh Menteri adalah, hal ini bergantung di bawah kuasa kanun kerajaan. Mungkin kerajaan boleh *respond* pada waktu penggulungan yang ditetapkan. Ini amat penting kerana ramai di kalangan penduduk-penduduk kampung terutama golongan muda tidak memiliki tanah dan dalam masa yang sama tidak mampu untuk membeli rumah dengan keadaan ekonomi yang mencabar sekarang.

Sebuah rumah yang dibangunkan oleh pemaju lingkungan serendah RM100,000.00 hingga RM400,000.00. Bagi golongan muda yang berpendapatan rendah, sudah semestinya mereka tergolong di dalam golongan tilik sahaja, bukan mampu milik. Harapan saya kepada kerajaan negeri supaya dapat memudahkan urusan rakyat kita terutama golongan muda untuk memiliki rumah sendiri hasil dari Skim Rumah Mesra Rakyat SPNB.

YB Speaker,
Pada 18 November 2024 yang lepas, Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku ada Bertitah berkenaan penggunaan rokok elektronik atau *vape* dengan izin, perlu diharamkan secara *total* di negeri Pahang. Baginda menzahirkan kebimbangan

terhadap peningkatan penyalahgunaan dadah terutama dalam kalangan belia. Sta… statistik data Agensi Dadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan Pahang berada dalam lima negeri teratas dengan jumlah penagih iaitu seramai 11,750 orang di mana 57 dari... 57% daripadanya berusia di antara 15 hingga 30 tahun.

Hal ini perlu dija... dijadikan antara agenda utama kerajaan bagi mengekang angka-angka ini terus meningkat, sekaligus memberi gambaran kepada kita bahawa kita berada dalam keadaan yang membimbangkan di mana masa depan golongan belia terdedah kepada ancaman dadah yang kritikal. Berbeza dengan keadaan dahulu, dadah sukar diper… diperolehi dan aktivitinya sukar untuk dijalankan kerana kegiatan menghisap dadah ini perlu dilakukan secara tersorok bagi mengelak kegiatan ini diketahui ramai.

Akan tetapi pada hari ini, kegiatan ini boleh dilakukan di khalayak ramai dengan menggunakan rokok elektronik. Orang sekeliling beranggapan pelaku hanya menghisap rokok elektronik biasa sedangkan dia menghisap kandungan yang terlarang. Jadi amat wajarlah penggunaan rokok elektronik ini diharamkan secara *total* seiring dengan apa yang Dititahkan oleh Tuanku.

Yang Berhormat Speaker,
Sedikit saya ingin membangkitkan isu di kawasan saya sendiri. Berkenaan isu anjing liar yang kerap saya bangkitkan setiap kali dalam Sidang Dewan, akan tetapi isu ini masih tidak dapat diselesaikan. Kita semua maklum bahawa memang sukar untuk menangkap anjing-anjing liar ini. Pernah ada satu pengalaman masa ada program di Cameron, kita semua dijemput, Cameron. Pernah saya tengok secara *live* Majlis nak cuba tangkap anjing ni, masa tu penuh anjing ni. Bila pihak Majlis datang, hilang semua anjing. Saya dimaklumkan anjing ni dapat *sense* orang nak tangkap dia. Ha itu kita faham apa kekangan, apa masalah, apa cabaran yang dihadapi oleh Majlis. Akan tetapi, kita tetap perlu mencari satu solusi bagaimana kita ingin menyelesaikan isu anjing liar ini kerana ada yang telah cedera akibat...

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, saya mahu bertanya sikit. Anjing di kawasan YB macam anjing Cameron Highlands jugak? Bila nak tangkap dia hilang, ke lain sikit?

(ADUN PULAU MANIS – N.20)
YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Dia rasanya sama spesies ni sebab dia anjing Malaysia kan. Anjing Pahang ni rasa gitulah. Saya difahamkan gitulah, bila lori mari je terabur hilang belaka, tak dok, tak jumpa sekor pun. Tapi bila tak dok elok depan, tonggeng-tonggeng depan muka kita. Tak tahulah dia ada... macam mana eh anjing ni hebat eh.

Jadi saya sambung lagi. Seterusnya, berkenaan longkang tadahan hujan atau *monsoon drain* di sekitar Indera Sempurna hingga ke simpang UniPSAS. Longkang ini saya difahamkan ada yang tidak bertuan. Akibatnya, ia tidak diselenggara mengikut waktu yang sepatutnya. Implikasi dari itu adalah kawasan ini terdedah dengan risiko banjir kerana ia tidak dapat mengalir ke sungai dengan baik disebabkan rumput-rumput yang banyak dan air melimpah ke jalan raya.

Oleh itu, isu longkang tidak bertuan ini dapatlah diselesaikan dengan segera dengan kerja-kerja penyelenggaraan yang dapat dibuat mengikut jadual yang sepatutnya. Isu tanah juga tidak ketinggalan bagi penduduk DUN Pulau Manis. Saya berharap semakan permohonan tanah bagi tujuan pertanian khususnya bagi anak-anak muda yang tertangguh terlalu lama ini patut diberi perhatian yang sewajarnya. Mereka bukan memohon berekar-ekar tanah. Mereka hanya mohon tanah untuk mereka usaha… usahakan bagi menampung pendapatan keluarga sahaja. Sehingga ke hari ini, permohonan mereka masih tidak diketahui statusnya. Kampung yang saya maksudkan ialah sekitar Kampung Teluk Pulau Rusa dan juga Ganchong.

YB Speaker,
Tuanku juga ada Bertitah berkenaan infra... infrastruktur jalan dalam perkara yang keempat. Saya juga ingin mengutarakan masalah jalan kecil di Jalan Sipi-Sipi [Kurang pasti] iaitu jalan dari Kampung Sri Makmur menuju ke Simpang Pelak. Jalan ini agak sempit. Keadaan ini merisaukan apabila kereta berselisih dengan lori. Situasi ini saya pernah alami sendiri. Bila saya lalu menggunakan jalan tu, bila saya selisih dengan lori, saya terpaksa turun ke bahu jalan, bukan bahu jalan dah, tu jalan ke tanah dah terus sebab tak muat bila nak berselisih. Benda ni agak merisaukanlah sekiranya orang tu baru pertama kali lalu di situ akan menyebabkan perkara yang tidak diingini.

Saya berharap jabatan yang terlibat seperti Jabatan Kerja Raya dapat mengambil tindakan dan peruntukan... ada peruntukan bagi membesarkan jalan ini memandangkan jalan ini sudah agak sibuk di mana penggunanya sendiri... penggunanya terdiri dari kenderaan ringan dan juga kenderaan berat. Isu di Kampung Sri Damai ini berkaitan longkang juga. Di hadapan sekolah me... Sekolah Kebangsaan Jaya Gading, kawasan ini adalah kawasan kerap dinaiki air. Puncanya adalah sistem perparitan yang tidak betul alirannya.

Sekiranya hujan lebat sikit... sikit sahaja, sudah mula... air sudah mula melimpah. Tak banjir pun lagi, hujan lebat beria sikit je habis dia dah melimpah dan masuk ke dalam kawasan sekolah sehingga menjadikan kawasan sekolah... sepatutnya kawasan sekolah adalah kawasan yg paling selamat dari bencana banjir tetapi situasi berbeza di Sekolah Kebangsaan Jaya Gading. Diharap jabatan yang terlibat dengan… terlibat dengan isu ini dapat mengambil maklum dan tindakan menyelesaikan masalah ini dapat dilakukan dengan segera.

Berkenaan isu Rumah Generasi Kedua FELCRA Sri Makmur. Hampir 50 buah rumah terbiar kosong. Kesan dari generasi kedua tidak mampu membuat pinjaman bank bagi memiliki rumah tersebut. Diharap ada penyelesaian dalam isu ini. Mungkin ada pihak bank sudi memudahkan... memudahkan cara untuk menawarkan kepada golongan generasi kedua FELCRA Sri Makmur ini bagi membantu mereka mengecapi impian menduduki rumah yang mereka impikan setelah sekian lama tidak dapat dimiliki akibat tidak mampu membuat pinjaman perumahan.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih. Saya kala... mewakili seluruh rakyat DUN Pulau Manis kepada kakitangan kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan di mana telah memberikan perkhidmatan yang demi memastikan keselesaan rakyat terjaga. Saya akhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun.

Rumah usang menanti roboh,
Terasa rindu singgah pulang,
Celakalah Sang penceroboh,
Memalukan seluruh rakyat Pahang.

Rakyat… rehat sebentar di hujung anjung,
Tak sedar tengah mengelamun.
Titah Tuanku patik menjunjung,
Semua penceroboh adalah penyamun.

Sekian dari Pulau Manis, Yang Berhormat Speaker Pulau Mahin… Pulau Manis mohon menyokong.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Ahli dari Pulau Manis. Saya menjemput wakil yang terakhir bagi sesi petang ini iaitu Ahli yang Dilantik ke 3, sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam Pahang 1st dan Salam Jerantut Bandar Bahagia. Terima kasih YB Timbalan Speaker kerana memberi ruang kepada saya dalam membahas Titah Tuanku Sultan Pahang. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker terlebih dahulu saya ingin merakamkan junjungan kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang atas Titah Diraja bersempena pembukaan Dewan Negeri Pahang bagi Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Kali Ke-15. Sesungguhnya, Titah Baginda menjadi pedoman yang amat berharga dan menjamin kelas kelestarian dan kemakmuran… kemakmuran negeri Pahang, agar terus berada di landasan yang tepat demi kesejahteraan sekalian rakyat, insya-Allah.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,
Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang, dalam mempastikan tanah Rezab Orang Asli diberi perhatian sepenuhnya. Di Jerantut sahaja pada tahun 2019, Kerajaan Negeri Pahang telah mewartakan 8,571 hektar sebagai Tanah Rezab Orang Asli tambahan kepada 7,156 hektar yang diwartakan sebelum itu. Namun, isu pencerobohan dan ketidakpastian hak milik masih berterusan. Justeru, saya mencadangkan satu penubuhan Unit Khas Pemantauan Tanah Orang Asli yang bertanggungjawab mengawasi pencerobohan, mengendalikan aduan serta menguruskan pemetaan kawasan Orang Asli dapat diadakan dengan lebih cekap. Menggunakan teknologi *blockchain* dalam pendaftaran hak milik tanah bagi mempastikan tiada manipulasi atau perubahan data yang tidak sah oleh mana-mana pihak yang berkepentingan. Seterusnya meningkatkan penguatkuasaan dengan penubuhan pasukan khas yang bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli dan mem… dan pihak berkuasa tempatan bagi menangani masalah pencerobohan dan pelanggaran hak Orang Asli dengan lebih pantas.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,
Sabah Credit Corporation, telah berjaya menyediakan pinjaman mikro kepada lebih 50,000 usahawan kecil di Sabah. Dari segi sumbangan kepada kerajaan negeri, pada tahun 2023, (SCC) ini iaitu Sabah Credit Corporation telah membayar dividen interim sebanyak RM10 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah. Kerajaan Negeri Sabah. Ini menunjukkan komitmen (SCC) dalam menyokong kewangan negeri dan peranannya dalam pembangunan ekonomi Sabah. Oleh itu, saya mencadangkan agar Pahang menubuhkan enditi… entiti yang serupa dengan beberapa ciri utama.

Pertamanya berkaitan dengan Dana Pembiayaan Mikro Pahang dengan kadar faedah rendah bagi membantu usahawan kecil melalui er... entiti seperti Sabah Credit

Corporation ini. Keduanya, geran pemodalan atau modal permulaan. Dengan adanya entiti seperti Pahang Credit Corporation, er... kalau kita ingin tubuhkan seperti dengan entiti Sabah Credit Corporation, kita boleh memperkenalkan geran modal… geral… geran modal permulaan bagi golongan muda yang ingin menceburi bidang perniagaan digital dan keusahawan sosial. Seterusnya, insentif kewangan hijau untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor tenaga lestari dan perniagaan mesra alam.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,
Dalam kesempatan ini, saya juga ingin membangkitkan beberapa isu di Jerantut. Iaitu isu pertama bakat… berkaitan dengan pembangunan semula laluan air Kuala Tembeling ke Hulu Tembeling. Laluan air dari Kuala Tembeling ke Hulu Tembeling pernah menjadi nadi pengangkutan utama bagi masyarakat setempat dan kini mempunyai potensi besar untuk dimanfaatkan semula bagi sektor pelancongan… pelancongan dan ekonomi tempatan. Oleh itu, saya mencadangkan satu transformasi Sungai Pahang sebagai koridor pelancongan dan ekonomi dengan memperkenalkan perkhidmatan *river cruise*, sukan air dan pelancongan agro di sepanjang laluan ini. Keduanya pembangunan jeti pintar yang dilengkapi dengan kemudahan moden seperti terminal bot automatik. Sistem tem… tempahan tiket dalam talian dan integrasi dengan aplikasi pelancongan digital. Ketiganya kerjasama awam swasta bagi menarik pelaburan dalam membangunkan pengangkutan sungai yang lebih efisien dan lestari.

Apabila Laluan Air Kuala Tembeling ke Hulu Tembeling dipertingkatkan, saya percaya industri-industri dan juga penduduk-penduduk di hiliran dapat manfaat yang sama di mana orang kampung boleh meniaga, orang kampung boleh merasai nikmat dengan er... apa nama kehadiran pelancong-pelancong yang hadir melalui jalan… jalan er... air tersebut. Ini juga memberi kesan kepada pemilik-pemilik bot. Selama ini, pemilik-pemilik bot di kawasan tersebut, itu adalah sumber kewangan atau sumber ekonomi, apabila kurangnya pelancong menggunakan jalan da… jalan air maka, ada sesetengah pemilik bot menjual enjin dan bot mereka kerana mereka tidak boleh lagi bergantung harap kepada er... apa nama pekerjaan membawa bot dan pelancong ke belah hulu.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,
Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada EXCO Kerajaan Negeri, YB Triang kerana acap kali hadir ke Kuala Tahan dan juga ke Taman Negara. Laporan daripada Utusan Malaysia bertarikh 20 Januari 2025 menyatakan bahawa Bandar Jerantut yang dahulunya dikenali sebagai Bandar Taman Negara mengalami kemerosotan pelancong asing ke Bandar Jerantut akibat ketiadaan pengangkutan awam seperti bas dari Bandar Jerantut ke Taman Negara Kuala Tahan. Sejarah membuktikan bahawa perkhidmatan bas seperti Bas Latif dan Pahang Ling Siong pernah memainkan peranan penting dalam menghubungkan pelancong dari bandar ke destinasi pelancongan utama.

Oleh itu, saya juga ingin mencadangkan pemulihan laluan bas awam Jerantut-Kuala Tahan melalui insentif kepada syarikat pengangkutan tempatan untuk menghidupkan kembali perkhid… perkhidmatan ini. Subsidi kerajaan negeri kepada pengendalian bas bagi mempastikan harga tiket kekal berpatutan dan menarik lebih ramai pelancong. Integrasi laluan ekopelancongan digital melalui aplikasi pintar yang membolehkan pelancong menempah tiket bas, bot dan penginapan dalam satu *platform*. Seterusnya kerjasama dengan syarikat pelancongan antarabangsa untuk memasukkan Jerantut kepa… sebagai destinasi utama dalam pakej pelancongan ke Malaysia. Kita dapati akhir-akhir ini ada sesetengah syarikat yang memonopoli keadaan er... memunggah pelancong daripada KLIA terus kepada ke Kuala Tahan juga ke Taman Negara tanpa

melalui Bandar Jerantut. Ini sedikit sebanyak boleh mengganggu er... boleh mengganggu keadaan er... dan juga kita tidak boleh bawa pelancong datang ke Jerantut sedangkan di Jerantut banyak lagi tempat-tempat lain pelancongan yang lebih indah yang lagi boleh kita ketengahkan seperti di hulu juga dan sebagainya.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,
Di Jerantut juga terdapat masalah gangguan talian Internet di pedalaman. Saya menjunjung kasih atas Titah Diraja yang menyentuh kepentingan pembangunan infrastruktur dan kesejahteraan rakyat. Saya ingin mengangkat satu isu yang semakin meruncing iaitu gangguan talian internet di kawasan pedalaman Jerantut khususnya di Hulu Tembeling, FELDA Lepar, Ulu Cheka, Kuala Sat, Kampung Pagi dan beberapa kawasan lain. Dalam… dalam era serba digital ini, akses kepada internet bukan sekadar kemudahan, tetapi satu keperluan asas dalam pendidikan… dalam pendidikan, ekonomi serta komunikasi harian rakyat. Namun, sehingga kini penduduk di kawasan tersebut masih mengalami gangguan capaian internet yang kerap dipercayai berpunca daripada penyelenggaraan yang tidak konsisten. Bilangan menara telekomunikasi yang tidak mencukupi, serta kelewatan menaik taraf rangkaian sedia ada. Ada beberapa isu yang mana saya menghubungi er... syarikat penyelenggaraan. Mereka memaklumkan bahawa kenapa tidak beroperasi kerana sukar untuk menghantar minyak ke tempat er... pencawang.

Jadi, saya ingat keadaan ini tidak boleh berlaku dalam keadaan kita sekarang ini. Keadaan ini memberi kesan kepada besar… yang sangat besar kepada pelajar yang bergantung kepada pembelajaran secara dalam talian. Peniaga kecil yang menjalankan perniagaan digital serta penduduk yang memerlukan akses kepada perkhidmatan kerajaan secara atas talian. Kelemahan infrastruktur telekomunikasi ini juga menghambat pembangunan ekonomi luar bandar serta berpotensi mengurangkan daya saing sektor pelancongan dan kawasan seperti Taman Negara Kuala Tahan. Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan beberapa langkah untuk mengatasi permasalahan ini.

Pertamanya mempercepatkan penambahan menara telekomunikasi di kawasan-kawasan yang dikenal pasti mengalami liputan lemah. Selain mempastikan penyelenggaraan berkala dilakukan dengan lebih sistematik. Kedua memanfaatkan teknologi internet satelit secara sebagai penyelesaian alternatif bagi kawasan yang sukar dicapai seperti yang telah dilaksanakan di beberapa negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak. Ketiga menubuhkan Unit Pemantauan Gangguan Internet Negeri bagi mempastikan syarikat penyedia perkhidmatan bertanggungjawab terhadap mutu capaian internet serta menangani aduan pengguna dengan lebih cekap dan pantas. Keempat mempercepatkan pelaksanaan rangkaian 5G dan dan gentian optik di kawasan luar bandar agar rakyat Pahang khususnya di kawasan pedalaman tidak terus terpinggir dalam arus pemodenan digital.

Justeru itu, saya mencadangkan agar kerajaan negeri dapat memberikan perhatian terhadap isu ini agar rakyat di kawasan luar bandar dapat menikmati akses internet yang stabil, cekap dan setanding dengan kawasan luar bandar.
Yang Berhormat Timbalan Speaker,
Saya juga ingin menyentuh berkaitan penubuhan pusat pelancongan Penerangan Harimau Belang di Kuala Tahan. Baru-baru ini di Ulu Tembeling, kita didatangi oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan bagi melihat sendiri keadaan di mana *reserve* harimau di sana.
Kami Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan yang menzahirkan keprihatinan baginda terhadap pemeliharaan alam

semulajadi dan kelestarian biodiversiti di negeri ini. Bersempena dengan Titah tersebut, saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan negeri melalui kerjasama dengan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Malaysia khususnya Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara mempertimbangkan untuk mewujudkan sebuah Pusat Pelancongan Penerangan Harimau Belang di Kuala Tahan sebagai satu produk pelancongan baharu yang berimpak tinggi.

Penubuhan pusat ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada pelancong tempatan dan antarabangsa tentang kepentingan pemuliharaan populasi harimau belang yang semakin terancam. Juga menjadikan Kuala Tahan sebagai tumpuan pelancongan berasaskan pemeliharaan spesis ikonik negara iaitu Harimau Malaya seterusnya menjadi pusat penyelidikan utama dan satu-satunya di negara ini berkaitan spesis harimau belang. Walau bagaimanapun, setiap keadaan yang kita perkenalkan, kita mesti memberi penerangan kepada orang-orang kampung. Kita bimbang orang-orang kampung takut dan sebagainya. Jadi saya percaya dengan teknologi dan *research* yang kita ada, kita mampu untuk mempastikan bahawa usaha dan juga kehendak daripada Kebawah Duli Paduka Tuanku Sultan ini dapat direalisasikan. Ini semua adalah untuk anak cucu kita juga.

Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan sendiri telah mendahului langkah pemeliharaan ini dengan mewujudkan Al-Sultan Abdullah Royal Tiger Reserve di Taman Negara. Justeru itu, penubuhan Pusat Pelancongan Penerangan Harimau Belang ini akan menjadi kesinambungan dan sokongan penuh Kerajaan negeri terhadap aspirasi dan Titah Tuanku.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,
Ucapan penghargaan juga ada komitmen Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dalam menangani isu bekalan air di daerah Jerantut. Izinkan saya mengambil ruang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja yang telah menunjukkan komitmen luar biasa dalam menangani isu bekalan air di negeri ini khususnya di daerah Jerantut. Isu bekalan air di Jerantut bukanlah perkara baharu.

Ini telah sekian lama menjadi kerisauan rakyat di kawasan-kawasan seperti di Kampung Batu Balai, Mukim Ulu, Kampung Bukit Nikmat, Kampung Bukit Rang, FELDA Kota Gelanggi, FELDA Padang Piol dan beberapa kawasan lain. Masalah tekanan rendah paip lama yang kerap bocor dan agihan air bersih adalah realiti yang dihadapi oleh rakyat saban hari. Baru-baru ini saya telah ditaklimat oleh Ketua Pegawai Eksekutif PAIP dan melalui taklimat yang diberikan, saya telah dimaklumkan bahawa sebanyak RM162,986,386.00 telah diperuntukkan bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf sistem bekalan air di lima kawasan *black spot* di Jerantut.

Pertamanya di Batu di Loji Rawatan Air Batu Balai. Kedua di Loji Rawatan Air Batu Embun. Ketiga di Loji Rawatan Air Kuala Tahan. Keempat di Loji Rawatan Air Seberang Tembeling. Kelima di Loji Rawatan Air Pulau Tawar. Peruntukan yang disediakan ini bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf sistem bekalan air merangkumi kerja naik taraf loji rawatan air sedia ada, penggantian paip-paip lama yang berisiko tinggi dan pembinaan sistem agihan air baharu yang lebih efisien dan menyeluruh.

Langkah ini merupakan sebahagian daripada pelan menyeluruh yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang telah menetapkan sasaran untuk menyelesaikan 90% isu bekalan air di seluruh negeri Pahang menjelang tahun 2026.

Ini bukan retorik, tetapi disusuli dengan tindakan yang terancang, berfasa dan berpaksikan kepada keutamaan rakyat. Maka saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, Pegawai Daerah Jerantut serta seluruh jentera kerajaan negeri dan paip atas usaha ini, Insya-Allah.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,
Titah Tuanku menggariskan banyak pedoman tentang hala tuju kerajaan negeri, hala tuju negeri khususnya keutamaan rakyat dan maruah undang-undang. Maka adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menterjemahkan di dalam tindakan yang berani dan berprinsip termasuklah mempertahankan keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.

Sebagai Ahli Dewan, kita bukan sahaja sekadar pembuat dasar tetapi penjaga kepada perlembagaan, undang-undang dan amanah rakyat. Kita terikat dengan sumpah untuk menjunjung keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan atas usaha kerajaan negeri dalam menjana pemulihan hasil. Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan negeri tidak hanya bercakap tetapi telah bertindak. Penubuhan Unit Penguatkuasa Khas Negeri Pahang pada tahun 2019 membuktikan komitmen untuk menangani ketirisan hasil negeri secara serius dan sistematik. Dalam keadaan itu, pencerobohan tanah secara haram telah menyebabkan kehilangan hasil mencecah mencecah RM30 juta dalam satu dekad ini. Ini bukan angka yang kecil. Ini adalah wang yang sepatutnya digunakan untuk pendidikan, kesihatan dan pembangunan luar bandar.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,
Saya menyeru semua Ahli Dewan untuk bersatu hati mengenepikan kepentingan politik kepartian apabila berhadapan dengan soal kedaulatan negeri dan integriti pentadbiran. Mari kita berdiri teguh di belakang pimpinan negeri yang berani menegakkan undang-undang. Mari kita perjelaskan kepada rakyat bahawa perjuangan ini bukan tentang popularity, tetapi tentang maruah, tanggungjawab dan masa depan negeri Pahang yang kita cintai kerana kita bukan sekadar wakil kepada suara rakyat.

Kita adalah benteng mempertahankan kebenaran dan keadilan. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mempastikan setiap persoalan ini mendapat jawapan yang konkrit serta perhatian yang wajar. Tahniah Kerajaan Negeri Pahang dapat memberikan komitmen penuh dalam memperjuangkan kepentingan rakyat Pahang.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,
akhir kalam, saya menyokong Titah Diraja, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli Yang Dilantik.

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk hari ini, saya perhatikan seramai 14 orang ahli telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan dan saya mengucapkan ribuan terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, sebagai tanda ukhwah, agenda kita pada malam ini ialah sukan mesra ADUN iaitu sukan boling yang akan diadakan pada pukul 8.00 malam bertempat di Playground Nombor 6 Sports Center, Semambu. Pihak Dewan Negeri telah mengedarkan t-shirt yang diletakkan di dalam

beg Ahli-ahli Yang Berhormat. Adalah diharapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengesahkan kehadiran untuk bersama-sama pada malam ini bagi menjayakan acara tersebut. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian persidangan kita akan disambung semula pada hari Selasa, 22 April 2025 bersamaan 23 Syawal 1446 bermula pada pukul 9.30 pagi. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan]

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI KETIGA
22 APRIL 2025 (SELASA)

KANDUNGAN

HARI KETIGA: 22 APRIL 2025 (SELASA)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1 - 41
4	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG - SESI PAGI	41 - 73
5	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG - SESI PETANG	74 - 108

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 22 APRIL 2025 (SELASA)

MASA : 9.30 PAGI

HADIR:

YB Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Speaker Dewan Negeri Pahang.

YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - Jelai
SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan
2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang

YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - Benta
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang

YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - Kerdau
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang

YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, - Bebar
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang

YB Dato' Ir. Razali bin Kassim, DIMP. - Muadzam Shah
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang

YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. - Peramu Jaya
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang

YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. - Dong
Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang

YB Tuan Sim Chon Siang **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang**	-	Teruntum
YB Puan Leong Yu Man **Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang**	-	Triang
YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang**	-	Pelangai
YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	Tioman
YB Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	Padang Tengku
YB Tuan Mohd Sharim bin Haji Md Zain	-	Chini
YB Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu

YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato' Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato' Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato' Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan
YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan
YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar, SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.
Tuan Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, ACM.

YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang
Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh, DSAP., DIMP., SMP., AAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang**	-	Guai
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Pahang ke 15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang. Kuantan

Hari : Selasa, 22 April 2025
bersamaan 23 Syawal 1440 Hijrah. B

DOA

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Assalamualaikum WBT. Marilah kita sama-sama mulakanlah mesyuarat kita, persidangan kita pada pagi ini kita membaca Ummul kitab al-Fatihah. [ayat al-Quran] segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian Ya Allah yang bersifat hikmah limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan. Mudah mudahan sentosa aman makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah berkat-Mu ke atas kami berhimpun, dipohon anugerahkan Taufik-Mu dipohonkan menyuluh, memandukan ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenan Amin Ya Rabbal ‘Alamin.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kedua pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

[ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera, salam perpaduan, salam Pahang 1st. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama lafaz syukur pada Allah Ta'ala kerana dengan limpah pekenan-Nya, kita dapat meneruskan persidangan kita pada hari ini. Semalam, kita telah mengadakan pertandingan boling err... boling ini. Boling apa nama mesra antara semua ADUN-ADUN. Jadi kita pun tak sangka yang menang dan saya *top twenty five*. Itu baguslah Yang Amat Berhormat Dato' Sri *top twenty five*. Pasal yang bertanding itu ada *twenty eight* dan baiklah untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat kita pada kali ini. Saya menjemput Yang Berhormat dari kawasan Cheka untuk mengemukakan pertanyaan.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

[ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Sri Speaker. Saya kemukakan soalan nombor satu. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamu'alaikum WBT. Selamat Pagi. Salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih kepada ADUN Kawasan Cheka. Tapi Speaker semalam dia cerita main bolingnya. Dia tak cerita yang saya *final* dengan dia *pickleball* itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya. Itu saya memang bagi laluan kepada Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat cerita.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Pandai tapi sebenarnya err... perlawanan itu sengitlah sehingga err... tersadung kat *net* lah [Ahli Dewan ketawa].

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Soalan Yang Berhormat daripada Cheka adalah berkaitan untuk mendapatkan penjelasan berkenaan dengan kedudukan anak-anak syarikat ataupun syarikat yang berkaitan dengan kerajaan ataupun *state GLC* dengan izin dan bertanyakan berapakah err... syarikat yang menjana keuntungan dan syarikat yang bermasalah dan apa perancangan kerajaan negeri untuk menghadapi masalah tersebut?

Untuk makluman, Ahli-ahli Dewan sukacita saya maklumkan bahawa prinsip *State GLC* dan hala tujunya sangat baik dan err... *state GLC* ini. Kita akan pantau dari semasa ke semasa dan dalam masa yang sama juga banyak perubahan dasar dan urus tadbir yang lebih cekap yang telah kita laksanakan supaya memastikan di sini akan terus menjadi tulang belakang pembangunan dan ianya menyumbang kepada hasil serta pembangunan ekonomi negeri. Saya nak bagitau kepada Ahli-ahli Yang Berhormat hasil kita yang melebihi RM1 bilion tiga tahun berturut-turut. Salah satu penyumbangnya ialah *state GLC* di negeri Pahang [Ahli Dewan menepuk meja]. Ini kita mengambil pendekatan setelah berbincang dengan CFO GLC, mereka mengatakan bahawa bila mereka mencipta keuntungan keuntungan tersebut selain diberi kepada pegawai dan kakitangan dalam bentuk bonus cukai kepada Kerajaan Persekutuan, err... diberi sikit kepada Kerajaan Negeri kerana asal-usulnya Kerajaan Negeri yang memberi tanah contohnya kepada mereka.

Sehingga tahun 2024, *state GLC* Negeri Pahang diterajui oleh sembilan syarikat induk ataupun perbadanan yang menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan. Antaranya ialah Kumpulan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang ataupun kita kenali sebagai PKPP. Seterusnya kumpulan Yayasan Pahang, Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Kumpulan Pahang Corp, Kumpulan Amanah Saham Pahang Berhad ataupun ASPA, Kumpulan Per... Perbadanan Setiausaha Kerajaan, Pengurusan Pasir Pahang Berhad, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands dan Perbadanan Taman Negeri Pahang.

Berdasarkan prestasi kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2023. 2024 belum diaudit lagi. Belum diaudit sepenuhnya lagi. Tujuh syarikat kumpulan mencatat keuntungan iaitu kumpulan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP), Kumpulan Yayasan Pahang, Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Kumpulan Pahang Corporation ataupun Pahang Corp, Kumpulan Perbadanan

Setiausaha Kerajaan, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands dan Perbadanan Taman Negeri. Manakala dua syarikat Kumpulan yang mencatatkan kerugian ialah Kumpulan Amanah Saham Pahang RM20.5 juta rugi dan Pengurusan Pasir Pahang RM2.3 juta. Kerugian Amanah Saham Pahang sendiri adalah disebabkan oleh anak syarikat utama iaitu Mentiga Corporation dengan jumlah kerugian sebanyak RM13.6 juta. Kalau ASPA *itself*, dia menang, dia dah untung. Manakala Pengurusan Air Pahang Berhad mencatat kerugian akibat pembekuan lesen eksport oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam yang seterusnya menyekat kemampuan syarikat untuk beroperasi dan membuat jualan. Namun begitu, Kerajaan Negeri dan juga Pengurusan Pasir sedang membuat rayuan kepada Kerajaan Persekutuan supaya pembekuan eksport atau lesen eksport dapat dicairkan semula bagi membolehkan Pengurusan Pasir Pahang menjalankan aktiviti mereka. Err... namun begitu, Kerajaan Negeri akan sentiasa memantau prestasi anak-anak syarikat bagi syarikat yang mencatatkan kerugian seperti Mentiga Corporation. Kita telah minta supaya cekap menyediakan pelan-pelan pemulihan bagi unjuran lima tahun untuk mereka bentuk semula dan merancang pemutihan perniagaan. Manakala bagi Pengurusan Pasir Pahang Berhad, rayuan untuk mendapatkan lesen AP akan terus, akan terus dimajukan kepada Kerajaan Persekutuan. Dan Kerajaan Negeri pada masa yang sama akan menimbang pilihan-pilihan lain untuk memastikan kelangsungan operasi syarikat. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN JENDERAK - N.27)
YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Dato' Sri Speaker tolong bagi laluan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan tambahan. Sila, sila saya bagi ini dulu. Lepas itu Jengka, lepas itu Cheka.

(ADUN JENDERAK - N.27)
YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih Dato’ Sri Speaker. Saya ingin bertanyakan berkenaan dengan berkaitan kerajaan dalam GLC di Pahang yang terlibat di dalam aktiviti sosial yang melibatkan rakyat secara langsung dan juga apakah sumbangan GLC kepada Kerajaan Negeri? Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO’ SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker, terima kasih kepada Adun Jenderak. Memang kita meminta supaya syarikat GLC ini memainkan peranannya untuk tanggungjawab sosial. Ianya bermula pada tahun 2022. Antaranya ialah kita meminta mana-mana syarikat state GLC mengadakan program seperti Program Transformasi Desa Pahang (TERAS) dimana kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tengok ada state GLC mengadakan program di mana kita dah bahagi-bahagikan. Anak- anak syarikat ni pergi ke kampung ini, pergi Kampung A, pergi ke kampung B dan Kampung C untuk berjumpa dengan penduduk dan rakyat setempat dan di mana mereka akan membuat program antaranya gotong royong, memberi ceramah dan yang lebih penting ialah mereka menyampaikan maklumat yang tepat berhubung dengan apa yang aktiviti Kerajaan Negeri telah buat.

Sebagai contohnya, bila kita ada mendapat tohmahan mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Pahang ni sekular, tidak Islamik. Jadi anak-anak syarikat ni mainkan peranan untuk memberi penjelasan. Sebagai contohnya selama tujuh tahun, keluarga saya jadi sebanyak 37 buah masjid yang telah dan sedang dibina di negeri Pahang. [Ahli Dewan tepuk meja]. Jadi dalam ceramah, oh! kami tak tahu pun. Orang kampung kan? Jadi anak-anak syarikat ni mainkan peranan selain kita sendirilah sebagai wakil rakyat mainkan peranan.

Sebagai contohnya yang kedua, bila dia kata tidak Islamik baru-baru ni saya telah berjumpa dengan bakal-bakal jemaah haji 1,700 orang di masjid di Pekan dan saya menceritakan bahawasanya terdapat hanya dua negeri sahaja di semenanjung ni yg memberi duit poket kepada jemaah haji. Kalau tak silap saya Selangor dan Pahang dan mereka dan saya mengatakan adakah Kerajaan Negeri Pahang tidak islamik? makna kita mengambil berat mereka yang pergi haji pun kita bagi duit poket sebanyak RM750 dan ini telah...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat nak pergi haji ke tahun ni kan?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat difahamkan akan menunaikan fardhu haji tahun ini?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Insya-Allah. Doa-doalah Yang Berhormat Speaker ya. Speaker bila nak pergi?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya dah pergi tahun lepas jadi saya insya-Allah tahun tahun-tahun tahun mendatang. insya-Allah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi inilah penjelasan yang dapat diberikan melalui program yang dibuat oleh *State* GLC selain daripada Program Sentuhan Rakyat Makmur yang diketuai oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan. Sebabnya kita nak rakyat mendapat input yang betul,

input yang tidak dikelirukan dan mendapat penjelasan dan insya-Allah kita akan buat banyak lagi program yang terus kepada rakyat supaya mereka mendapat sentuhan.

Antaranya dengan pelajar-pelajar, siswa-siswi, kalau sekiranya saya pergi kemana-mana, ada peluang dan kesempatan, saya akan berjumpa dengan siswa-siswi dan kita bagi penerangan dan ada siswa-siswi yang bangkit. Dia kata teman sebilik dia daripada negeri lain bukan daripada Pahang berasa *jealous* dengan siswa-siswi daripada Pahang. Sebabnya mereka mendapat bantuan *one off* sebanyak RM400 setahun [Ahli Dewan tepuk meja] dan mereka berasa begitu seronok dan bila kita ceritakan dasar kerajaan dan sebagainya, oh barulah kami tahu sebenarnya kami ni kekadang ikut Facebook je, ikut orang ni bercakap, ikut orang itu bercakap rupanya maklumat tidak betul. Malahan saya nak bagitahu kepada Yang Berhormat Speaker selepas sahaja program, ada yang menyuruh saya untuk masuk menjadi ahli parti UMNO. Bila dia tahu dulu Universiti Malaya ni ada satu universiti sekarang ni dah ada berbelas universiti, itu adalah dasar perjuangan UMNO Barisan Nasional.

Dah ini program yang kita buat ni adalah tidak lain tidak bukan supaya rakyat mendapat maklumat yang jelas, tidak dikelirukan, tidak dipesongkan dan sekiranya ada apa-apa tuduhan, tohmahan, mereka mendapat penjelasan yang jelas. Itu kita buat antaranya program TERAS yang dianjurkan oleh *state* GLC dan insya-Allah kita akan lebih aktif lagi. Selain daripada itu, sudah tentulah untuk meningkatkan silaturrahim antara kerajaan negeri melalui anak syarikat dengan masyarakat di kampung dan Alhamdulillah saya mendapat maklum balas sehingga hari ini sangat baik Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan kita akan teruskan lagi program sebegini.

Terima kasih daripada Adun Jenderak yang bertanyakan soalan ini dan ini membolehkan saya beri penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan apa yang kita buat, yang dilaksanakan untuk program sosial oleh anak-anak syarikat. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil Cheka.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Pertama sekali saya ucap tahniah pada beberapa syarikat yang telah mencatatkan keuntungan dan menyumbang pada hasil negeri. Daripada 9 syarikat induk, ada 50 anak syarikat yang ada berada di bawah GLC. Cuma saya ingin dapat penjelasan 2 perkara.

Pertama, Pada tahun 2023 kerajaan telah pun mengarahkan satu audit forensik dibuat ke atas sebuah syarikat dan saya difahamkan ada tindakan yang diambil kepada syarikat tersebut. Saya dapat penjelasan, mohon penjelasan. Syarikat apakah yang dilakukan audit forensik?

Yang kedua, berapakah syarikat GLC yang disenaraikan di BSKL? Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Adun Cheka. Dua soalan ketika saya mengambil alih. Yang pertama sekali, saya akan tengok *cash flow*

kedudukan syarikat dari segi penghutang pemiutang. Duit yang terakru, pra bayar dan sebagainyalah dan ini apabila saya melihat ada satu syarikat. Sebenarnya ada lagi satu syarikat iaitu anak syarikat kepada PKPP. Saya cerita ya yang syarikat yang saya arahkan forensik audit. Syarikat ini saya mendapat maklumat ada membuat ternakan udang dan ada udang dan apabila udang tersebut dipasarkan, sepatutnya anak syarikat tersebut mendapat keuntungan tetapi bila saya tengok akaun dia tak pernah untung. Udang ada jual tapi tak pernah untung. Ini satu yang pelik.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini udang sebalik batu lah ni. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Apa dia? Udang disebalik batu? [Ahli Dewan ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebalik batu.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang saya tau udang sebalik maggi? [Ahli Dewan ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tu pun boleh juga Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi Yang Berhormat daripada Cheka, saya semasa dalam mesyuarat lembaga pengarah tersebut, saya kata tak ada audit luar tak ada audit dalam. Saya terus minta supaya forensik audit diadakan dan bila forensik audit diadakan, tiga orang meletak jawatan serta merta dan selepas daripada itu, syarikat tersebut mencatat keuntunganlah. Ini anak syarikat LKPP. Yang kedua, Adun Jenderak sebagai pengerusi sebelum tu lah sekarang sebelum tu bukan dia. Anak syarikat ni saya tengok rekod dia tak pernah untung. Dia adalah anak syarikat kepada PKPP, Balqis yang ternak ayam. Ayam ada PKNP. *Sorry* PKNP (Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang) PKPP, PKPP.

Dia ternak ayam macam syarikat yang ternak udang tadi. Dia tak pernah untung juga Yang Berhormat daripada Cheka. kita pun peliklah. Dia tak untung tapi meniaga ada. Macam mana akal saya ni? Saya tahu dalam hati saya, saya kata ternak ayam mesti untung punya orang makan Kentucky, Marrybrown lah kita sendiri *demand* tak cukup *supply and demand*. Maknanya *demand* terlalu tinggi *supply* tak cukup. Mana boleh rugi. Dalam satu mesyuarat saya arahkan supaya jangan *renew* lesen ni. Dia ada permohonan lesen dengan pejabat daerah. Saya terus bagi arahan jangan *renew* lesen dia. Lepas tu dia mintak tempoh tahun berikutnya untunglah RM6 juta. RM6 juta untung syarikat tersebut. Betul tak Yang Berhormat sebagai pengerusi yang barulah.

(ADUN JENDERAK - N.27)

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Betul Dato' Sri. Kita 25 tahun rugi.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

25 tahun. Jadi ini adalah usaha-usaha yg yg kita buat. Terima kasih kepada Adun Jengka tanya soalan ni. Saya nak cakap nanti orang kata masuk dalam lif tekan sendiri pulak kan? ataupun masuk dalam bakul angkat sendiri. Jadi ni takdir Allah semualah yang membolehkan kita sebab ini untuk rakyat Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan bila syarikat mencatat keuntungan, bukan saja Kerajaan Negeri yang untung, malahan pegawai dan kakitangan yg bekerja di anak syarikat tersebut pun untung. Mereka mendapat bonus atau bantuan khas kewangan melebihi daripada pegawai kerajaan. Ada yg mendapat bonus melebihi daripada empat bulan, lima bulan malahan ada enam bulan anak-anak syarikat, anak-anak syarikat milik Kerajaan Negeri Pahang ni sebab duit ada dan saya dah janjikan apa yang mereka dapat hasil usaha mereka kita kembalikan kepada rakyat jadi itulah. Yang kedua tadi yang di BSKL ni antaranya Mentiga Dato' Sri Yang di-Pertua ya, yang disenaraikan banyaklah. Kalau Far East kemudian…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

PASDEC…

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

PASDEC, ini yang disenaraikan di BSKL. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, soalan terakhir…

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan tambahan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Untuk sesi ni. Untuk soalan ni.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan saya agak spesifik sikit kepada Perbadanan Pasir Pahang Berhad yang dikatakan rugi RM2.3 juta tu atas sebab pembekuan lesen eksport. Jadi, minta penjelasan apakah sebab lesen eksport ini dibekukan dan sampai bila ianya akan dibuka semula. Terima kasih.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya sendiri semasa mengetuai rombongan bersama dengan beberapa rakan daripada EXCO dan juga Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan telah berjumpa sendiri dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebabnya sebelum itu Pengurusan Pasir Berhad ni lesen APnya tidak dibekukan. Dia boleh menjalankan perniagaan tetapi selepas setahun ianya dibekukan atas alasan mengatakan bahawa apa perlunya pasir daripada Pahang ini dieksport ke negara lain? Apa perlunya? Sedangkan tidak ada keperluan dan pasir ini masih diperlukan di dalam negara, atas alasan tersebutlah.

Jadi, kita telah kemukakan bagitahu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa negeri-negeri lain pun ada *supply* pasir juga dan kita juga harus mendalami sungai-sungai di Pahang ni. Harus mendalami dan mengorek pasir tersebut bagi tujuan untuk mengelakkan banjir; dan saya bagitahu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, banjir di Pahang tahun ini tidak seteruk Kelantan dan Terengganu. Salah satu sebabnya ialah sebab kita mengorek air pasir dalam sungai tersebut. Mendalami sungai tersebut dan air boleh mengalir dengan, dengan elok sebab tu lebih kurang ada 3,000 lebih je ketua isi rumah yang terlibat dengan banjir di negeri Pahang. Itu salah satulah.

Saya tak buat kajian, tak buat *research* tetapi dimaklumkan bahawa salah satu sebab banjir di negeri kita ni tak teruk sebab kita mendalami sungai. Jadi, buat pada masa ni rayuan diteruskan dan saya difahamkan, difahamkan bahawa pihak kementerian dan juga pihak pejabat mengkaji dan kalau sekiranya tidak ada apa-apa masalah, ianya diluluskan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat daripada Beserah, sekiranya perkara ni tidak dapat diteruskan, kita akan cari alternatif lain untuk pengurusan pasir dalam bentuk perniagaan lain. Yang ini pun saya dah suruh mereka pergi ke Plan B untuk supaya kelangsungan syarikat ini dapat diteruskan.

Ini kita tidak, saya tidak bercadang untuk menutup syarikat ini kerana mereka tidak boleh meneruskan perniagaan kerana mereka tidak mendapat AP daripada Kerajaan Persekutuan. Kita akan terus usahakan, insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya soalan nombor 2, wakil daripada Padang Tengku.

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Assalamualaikum WBT. Soalan saya soalan nombor 2.

[Perlaksanaan Pendidikan Digital Sekolah di negeri Pahang.

i) Mohon senaraikan sekolah dan bilangan kelas yang terlibat sebagai perintis pelaksanaan Dasar Pendidikan Digital di seluruh negeri Pahang.

ii) Nyatakan sumber dana bagi membantu sekolah-sekolah di luar bandar bagi mengadakan persiapan dan kelengkapan bagi menjayakan Dasar Pendidikan Digital ini.]

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, sahabat saya, Pengerusi Backbencher daripada Padang Tengku bertanyakan tentang pelaksanaan pendidikan digital sekolah di negeri Pahang dan sumber pendanaan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Imam Syafie nyatakan bahawasanya untuk berjaya di dunia... ilmu, untuk berjaya di akhirat… ilmu dan untuk berjaya di dunia dan akhirat ilmu jugalah. Lepas tu berasaskan kepada…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat berfalsafah ini baguslah, betul. Okey, okey. Puasa hari ni Yang Berhormat? Saya tanya Yang Berhormat puasa ke?

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Okay alhamdulillah ya. [Ahli Dewan ketawa] Puasa… batal semalam.

Dato' Sri Speaker,

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIF

Tuan Yang di-Pertua, semalam masa ada perdebatan tu dah hampir-hampir batal dah tu puasa semalam tu.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya borak dengan Timbalan Presiden PAS yang juga ADUN Cheka, dia bisik saya, dia kata batal puasa Dato' Soffi tu. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, uniknya kadang-kadang kita tengok permainan ragbi. Permainan ragbi ni kasar, nampak secara kasar. Kita yang duduk di luar ni rasa macam diorang ni nak akan bertumbuk di dalam tetapi sebenarnya apabila habis perlawanan walaupun telinga luka, bibir pecah misal contohnya, berpeluk-peluk tu… Ukhwah tu, semangat tu… masya-Allah... sepatutnya perlawanan yang akan datang ni dia lebih, lebih ganas tapi tidak. Rupanya itu bentuk pendekatan yang pada luarannya begitu sebenarnya nampak macam kasar tetapi tidak.

Saya dengan Yang Berhormat Dato' Sri ADUN Cheka ni sebenarnya…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita *way back*…

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Way… way back, dengan izin maknanya imbauan kembali masa itu kami ada dalam Dewan ni. Dato' Sri Speaker, saya dan Yang Berhormat ADUN Cheka ni kita sebenarnya macam permainan bola sepaklah, Pasukan Cheka bertemu dengan pasukan Benta. Kita dalam gelanggang tu kita main bersungguh-sungguh sebab kita mewakili pasukan kita, kita pertahankan sebab tu kita bersungguh-sungguh untuk orang kata mengatasi pasukan lawan. Itu semangat kita, begitu juga Cheka tapi sebenarnya bila kita di luar kita bincang pokoknya adalah untuk menyelesaikan permasalahan dan isu yang bersabit dengan rakyat. Kalau hal kita berdua ni kita takkan jadi gini, boleh kira peluk-peluk. Orang kata kalau sekarang ni boleh cium mulutlah maknanya contohnya gitu, bukan gitu tapi kalau hal…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Peluk, peluk Yang Berhormat, peluk jangan lama sangat ya.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Masya-Allah. Jadi, maknanya saya nak maklumkan kepada…

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya pun faham kita selama dalam Dewan. Apa yang kita bahas, bahaslah tapi hubungan ukhuwah tu tidak menyebabkan kita bergaduh. Jadi, kira puasa semalam tak batal lagilah. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih. Masya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, Yang Berhormat Cheka, saya dulu belajar juga Fiqah ni. Usul ni akan batal jika memasukkan sesuatu di dalam rongga.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dia Yang Berhormat, bukan, bukan batal puasa, batal pahala puasa, pahala je. Terima kasih.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Masya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, teruskan.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih. Jadi, sebenarnya setiap satu kejadian ada rahmatnya, semalam pun ada rahmatnya sebenarnya. Kita rahmat kita dari segi pendidikan ialah apabila berlaku Covid, kita kena ada penjarakan… pengajaran, pembelajaran dan pengajaran tidak boleh dibuat secara fizikal. Murid-murid kena pergi ke sekolah ataupun belajar bukan cara macam dulu. Mereka terpaksa menggunakan internet untuk belajar dan di situlah kita dapati bahawasanya keperluan untuk kita perkasakan pendidikan digital ini timbul kerana ada di kawasan-kawasan luar bandar dan sebagainya yang tidak dapat hadir dan menggunakan apa nama internet.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seperti ketika Covid ya.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Pada ketika Covid pada ketika itu. Hasil daripada situ, kita memantau, melihat bagaimana berjayanya dasar pendidikan negara untuk menjadikan warga setanding di peringkat global. Berdiri sama tinggi, duduk sama rendah. Saya rasa Dato' Sri Speaker daripada Kampung Bintang ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya, Yang Berhormat.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kampung Bintang ni saya dah pernah pergi dah, Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Merasmikan mesyuarat cawangan.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Merasmikan mesyuarat cawangan. Sampai-sampai kat situ, dia kiranya saya lihat masya-Allah ukhwah dia hebat tempatnya tapi kampung… biasa kampung-kampung tradisional tapi salah seorang daripada anak Kampung Bintang ni belajar kat Amerika dan bila dia bercakap mengalahkan orang Amerika, Donald Trump pun saya ingat kalau taruk situ Donald Trump pun terpaksa mengangguk begitu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya bersedia untuk bertanding dengan Donald Trump.

(ADUN BENTA – N.05)

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ini Kampung Bintang. Malahan di kampung-kampung lain begitu juga. Rata-rata kita lihat di kampung tradisi,di kampung-kampung baru, di estet-estet mana anak-anak Melayu, Cina, India. Ada yang menjadi profesor di Cambridge. Ada menjadi profesor di Oxford, merata ni. Anak Bentong mengajar di Oxford University. Dato' Sri Speaker pun tahu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya jumpa seorang anak berasal daripada Bentong. Sekarang Ini dia *lecturer* ataupun *doctorate* dan *lecturer* di Universiti Oxford. Saya berjumpa dengan dia. Alhamdulillah.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Seorang anak watan Benta belajar di sekolah Cina, SJKC Benta. Sekarang ini menjadi tenaga pengajar di Cambridge. Dulu, dia pergi bawa tong gas je. Bila orang *orde*r gas, dia bawa tarik tong gas hantar ke rumah-rumah. Sekarang ni jadi pensyarah di Cambridge. Jadi makna dasar kita, pendidikan kita ini melahirkan pelajar-pelajar yang boleh bersaing di peringkat global. Hantar ke Scotland, hantar ke UK, hantar ke Jepun, hantar ke Amerika, hantar ke Australia. Merata tempat, ke Perancis waima ke Poland. Anak Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar sendiri belajar di Poland, belajar di Warsaw. Maknanya kalau ikut dia asal tu kiranya Dato' Sri daripada Tanjung Gahai, Jelai.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat Dato' Sri, Yang Berhormat EXCO ini EXCO Pertanian, Wakil Benta dia belajar di Scotland, di Glasgow. Saya ada sekali tu kita pergi COP26. Yang Berhormat Cheka pun datang lewat sikit ya, COP26 di Glasgow. Saya pergi, Yang Amat Berhormat, dia sampai-sampai situ tengok dia punya sekolah dia, dia menangis tersedak-sedak, sedih. Maknanya 20 tahun ya? 30? 30 tahun baru dia kembali.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ya, 30 tahun. Tak sangka ya anak Budu, dia biasa makan minum air sungai Teka, makan [tidak jelas], makan [tidak jelas], makan buah asam kurang kan? Maknanya kita duduk itu kita makan buah [tidak jelas] boleh lepas ke Glasgow University dan kemudian saya dapat melanjutkan ke University of Loughborough di England. Tak, maksudnya dasar pendidikan kita ini kukuh tetapi ianya mesti selari dengan *standard* global. Sebab itu apabila melihat keadaan sekarang ini iaitu pembelajaran atau pendidikan digital ini penting sebab kita nak hasil, keluarkan, wujudkan anak-anak Malaysia yang hebat, yang boleh setanding, boleh mencipta pengisian di peringkat antarabangsa. Maka kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan Dasar Pendidikan Digital. Dan Alhamdulillah, Pahang tidak terkecuali daripada mendapat limpahan rahmat dan juga manafaat daripada pelaksanaan dasar ini. Jadi Dasar Pendidikan Digital merupakan pernyataan komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memacu perubahan landskap pendidikan untuk melahirkan generasi fasih digital yang berdaya saing dan bagi mencapai tujuan tersebut, penekanan diberikan kepada pemerkasaan ekosistem pendidikan digital yang meliputi 6 teras strategik iaitu murid fasih digital, pendidik kompeten digital, budaya kepimpinan

digital berwawasan, pengupayaan infrastruktur dan infostruktur, kandungan digital yang berkualiti dan rakan strategik yang komited.

Dasar ini turut menggariskan 18 strategi dan 41 inisiatif di bawah pelan tindakan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Ini bertujuan untuk mempastikan ekosistem pendidikan digital kekal relevan dengan keperluan dan perkembangan teknologi semasa. Bagi tempoh pelaksanaan bermula dari tahun 2023 hingga 2030, Kerajaan Negeri Pahang melaksanakan Dasar Pendidikan Digital ini dengan projek perintis di Sekolah Hybrid yang melibatkan 6 sekolah iaitu pertama 6 sekolah & 1 sekolah angkat MADANI Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam projek ini, setiap sekolah yang terlibat diperuntukkan 5 kelas menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 30 kelas. Semua sekolah yang terlibat dalam projek perintis inilah Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahman Talib, Kuantan. Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Hajah Kalsom, Kuantan. Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Jengka, Maran. Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Saujana, Jerantut. SMK Sulaiman, Bentong dan SMK Agama Kuala Lipis. Selain daripada itu, Sekolah Angkat MADANI Kementerian Pendidikan Malaysia ialah SMK RPS Betau, Lipis yang turut terlibat dalam projek ini dengan peruntukan sebanyak 2 kelas iaitu jumlah keseluruhan semuanya ialah 32 kelas. Pelaksanaan kelas digital ini membuktikan bahawa KPM komited untuk melaksanakan kualiti penyampaian perkhidmatan pendidikan berteraskan teknologi digital seiring dengan perkembangan pesat teknologi global dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berilmu, beretika dan berdaya saing.

Saya terlupa Yang Amat Berhormat Dato' Sri Speaker iaitu anak Yang Berhormat ADUN Jengka ada belajar di Jordan, tak balik lagi tak? Insya-Allah final year. Di Yarmouk Universiti ke, Irbid? Al-Bayt.. Al al-Bayt. Insya-Allah, Yang Amat Berhormat Dato' Sri akan mengetuailah rombongan kerja ke Jordan dan saya nak maklum kat sini, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar kerana Universiti Yarmouk telah menganugerahkan Doktor Kehormat kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar [Ahli Dewan menepuk meja] dan insya-Allah Yang Amat Berhormat akan menerimanya pada 28 haribulan April ini nanti. Jadi insya-Allah kita akan bertemu lagi dengan anakanda kepada Yang Berhormat ADUN Jengka. Ini kali ke-3 ni kalau jumpa tu. Yang Berhormat ada pergi ke Jordan dah? Belum ya. Soal dia tanya anak saya, dia kata ayah sibuk, dia jawab. Ingat kalau ada masa Yang Berhormat, pergilah tengok, jengoklah anak-anak ya, insya-Allah. Jadi buktinya bahawasanya dasar pendidikan kita ini berjaya. Kita kembangkan bukan sahaja di Eropah, tapi di Timur Tengah, terima kasih.

Dan soalan kedua di segi pendanaan. Saya nak maklumkan dari segi pendanaan, sumber pendanaan ini iaitu sumber dana merupakan aspek penting dalam membantu sekolah-sekolah di luar bandar khususnya dalam konteks pelaksanaan Dasar Pendidikan Digital.

Justeru, sumber dana yang melibatkan kerjasama antara Kerajaan Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Yayasan Pendidikan serta pihak swasta telah disalurkan bagi membantu sekolah-sekolah di luar bandar mengadakan kesiapan dan kelengkapan dalam pelaksanaan Dasar Pendidikan Digital iaitu seperti berikut. Kerajaan Negeri Pahang menyediakan pemasangan 2 unit talian Internet Starlink berserta langganan untuk tempoh 24 bulan dengan peruntukan sejumlah RM91,400.00 bagi memastikan akses internet berkelajuan tinggi di kawasan luar bandar khususnya di daerah Lipis. Dan saya nak maklumkan juga, selain pada yang khusus untuk ini, kerajaan negeri telah menyalurkan peruntukan melalui pihak Wakil-wakil Rakyat dan juga PIBG iaitu dalam tahun 2022 RM599,024.00. Tahun 2023 RM825,736.00. Tahun 2024 Yang Berhormat Dato' Sri Speaker RM786,429.00 dan

tahun 2025 kerajaan negeri melalui peruntukan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar telah meluluskan 300... setakat inilah RM325,448.00. Keseluruhannya, jumlahnya ialah RM2.596 juta telah disalurkan untuk pemerkasaan pendidikan digital di negeri Pahang ini insya-Allah. Dan Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian menyediakan peralatan digital bagi 30 buah kelas di 6 sekolah rintis dalam Projek Sekolah Hybrid selain membekalkan 17 unit smart TV untuk kegunaan di Sekolah Menengah Kebangsaan RPS Betau di Lipis.

Yayasan Didik Negara menyumbang sebanyak 300 unit tablet kepada murid-murid di SMK RPS Betau, Lipis bagi menyokong pembelajaran digital dan meningkatkan kemahiran teknologi dalam kalangan pelajar di luar bandar. SNS Network (M) Sdn. Bhd. dan juga Koperasi Kakitangan Kementerian Pendidikan Malaysia Berhad membekalkan 2 unit Smart Board untuk keperluan 2 buah kelas di SMK RPS Betau. Yang Berhormat Dato' Sri, ini saya difahamkan penyokong pasukan Liverpool kan? … begitu?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Insya-Allah er… kita er…

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Atau er… ataupun dah beralih?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Er…

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD.SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Ataupun dah beralih?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Eh… tak… Liverpool.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD.SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Jadi kalau sekira kita lihat misal contohnya, *smartboard* ini kalau kita tengok selalunya *manager* bila nak tunjuk atau apa er… ini apa nama *commentator* dia er… dia tekan sahaja *smartboard* itu. Jadi dia nampak dari interaksi yang… yang entah apa nama ini er… ini orang kata ini spesifik kan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tukar *channel*?

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD.SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Ya er… bermakna dia boleh tekan tekan sahaja. *So* maknanya ORACO Pahang er… ORACO Pahang menyediakan 2 unit smartboard untuk 2 buah kelas di Sekolah Kebangsaan SK Lanai sebagai sebahagian daripada komitmen pihak swasta dalam memperkasa infrastruktur digital er…pendidikan digital ini…ini GLC kita ini ORACO dan kerajaan akan terus komited menggalakkan kerjasama pintar antara sektor awam dan swasta dalam memastikan sekolah-sekolah di luar bandar menerima akses saksama terhadap kemudahan digital selaras dengan aspirasi Dasar Pendidikan Digital yang inklusif dan holistik. Terima kasih Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, kita pergi ke er…soalan nombor 3 wakil daripada Tras.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

[Ayat al-Quran] Terima kasih Dato' Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

> [Sekiranya GLC ORACO ini dapat dilaksanakan dan memainkan peranan yang baik kepada masyarakat Orang Asli. Soalan saya, apakah peluang dan berapakah anggaran cukai yang dapat dikutip oleh kerajaan negeri? Apakah pendapatan ini juga akan diagihkan kembali kepada masyarakat Orang Asli?]

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya ditanyakan tentang soal seandainya benar tanah-tanah yang diusahakan oleh masyarakat Orang Asli itu diminta oleh pihak kerajaan agar ORACO melaksanakannya. Jadi apakah kutipan hasil yang boleh diperolehi oleh kerajaan dan bagaimanakah pengagihannya dapat dimanfaatkan kepada masyarakat Orang Asli. Pihak penguasa tanah dan telah membuat ukuran dan juga laporan. Kerajaan negeri akan memperolehi sebanyak RM5 juta setahun dianggarkan insya-Allah daripada hasil *tapping rights* yang diusahakan oleh ORACO terhadap tanah-tanah masyarakat Orang Asli itu tadi. Selain daripada pendapatan itu diagihkan kepada masyarakat Orang Asli sebagaimana yang kita sebutkan pada persidangan semalam.

Dalam waktu yang sama ini akan diagihkan juga semula hasil ini kepada mereka sebagai mana personal er…persoalan yang dikemukakan seumpama kata sebagaimana yang disebutkan semalam pertamanya, kita membina rumah baru RRP kepada masyarakat Orang Asli dengan kos sebanyak lebih RM9 juta… RM9,240,000.00 untuk membina rumah baru pada setiap tahun sebanyak 120 unit dan juga kita menyediakan kos sebanyak RM…RM1,500,000.00 bagi kos baik pulih sebanyak 100 unit rumah Orang Asli. Kemudian itu inisiatif bagi mereka yang berkahwin baru kepada masyarakat Orang Asli dengan kos sebanyak RM300,000.00 dan juga kita menyediakan laptop dengan kos RM750,000.00 kepada setiap mahasiswa-mahasiswi yang er…masuk ke pusat pengajian tinggi di negara kita dan juga kita mengadakan program kemasyarakatan sempena Hari Orang Asli dengan kos sebanyak RM300,000.00 bagi menyelaraskan program-program kepada masyarakat Orang Asli begitu juga aktiviti melibatkan sukan dan perniagaan serta ICT dengan kos sebanyak RM200,000.00. Inilah agihan-agihan antaranya yang Kerajaan Negeri aturkan sebagaimana yang juga telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam pembentangan bajet yang lalu. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Ramai masyarakat Orang Asli yang berpendapat dengan adanya ORACO ini semua segala urusan mesti melalui ORACO dahulu kemudian baru melalui JAKOA di mana sebelum ini semua urusan Orang Asli terus melalui JAKOA. Soalan saya, adakah benar semua urusan Orang Asli ini mesti melalui urusan tidak kira la er…urusan rasmi dan juga kehidupan mesti melalui ORACO dahulu baru JAKOA. Terima kasih.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Merujuk kepada soalan tambahan ini, apakah jenis urusan itu seandainya urusan yang berkaitan dengan nak membina rumah RRP mestilah melalui ORACO sebab kerajaan menyalurkan peruntukan itu melalui ORACO tetapi seandainya nak membina rumah baru yang di bawah peruntukan JAKOA ada juga tetapi ini tak banyak jumlahnya sebab JAKOA terpaksa agih seluruh negara. Hanya beberapa biji rumah yang mampu disediakan oleh JAKOA maka urusan ini mestilah melalui JAKOA seperti asal tidak berubah kalau nak baik pulih. JAKOA juga menyediakan peruntukan tetapi jumlah baik pulih yang disediakan oleh pihak JAKOA juga agak terhad kerana dia terpaksa mengagih seluruh negara. Maka urusan ini perlu diuruskan melalui JAKOA sebagaimana biasa tidak ada perubahan jadi maknanya pengurusan itu hanya bertambah tujuannya untuk membantu dan melegakan masyarakat Orang Asli itu dengan bertambahnya bentuk-bentuk bantuan kepada masyarakat Orang Asli. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Makna nak *complement each other* lah dengan izin maknanya.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Satu soalan tambahan Dato' Sri Speaker. Boleh tambah satu soalan?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Baik er… saya ingin dapat penjelasan sebab saya tengok ORACO ini dapat *special*… sangat *special* berbanding beberapa GLC lain. Kenapakah ORACO dikecualikan daripada sebarang fi bayaran yang sepatut dikenakan kepada anak syarikat termasuk fi pengeluar hasil hutan, fi permohonan tanah semua dikecualikan dan atas alasan apa mereka dikecualikan berbanding GLC lain yang terpaksa bayar termasuk rakyat yang pun kena bayar tapi ORACO mendapat pengecualian yang *special*. Terima kasih.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya er…saya tak faham soalan daripada Cheka sebab saya tadi menjawabkan tentang cukai yang ORACO terpaksa bayar daripada urusan-urusan tanah yang kita suruh dia laksanakan. Jadi tidak ada pengecualian kepada ORACO seandainya dia diarahkan untuk menguruskan tanah. Jadi yang manakah maksudnya pengecualian yang dikemukakan oleh rakan saya daripada Cheka.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Tapping rights telah dibatalkan betul?

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya sebut jumlah yang kita akan dapat setiap tahun sebanyak RM5 juta daripada bayaran *tapping rights* yang ditetapkan kepada ladang-ladang yang diusahakan oleh ORACO itu anggaran. Kalau kita darabkan daripada apa namanya *rate* yang ditetapkan oleh pihak penguasa tanah negeri. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita pergi ke soalan nombor 4 wakil daripada Lanchang.

(ADUN LANCHANG – N.31)
YB TUAN HASSAN BIN OMAR

Assalamualaikum WBT Yang Berhormat Dato' Sri Speaker er… soalan saya nombor empat.

> [Terdapat satu projek rumah PR1MA di Kampung Sempadan Lanchang masih belum dilaksanakan walaupun papan tanda sudah lama dinaikkan. Apakah masalah dan status terkini projek tersebut?]

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada ADUN Lanchang yang telah mengemukakan tentang projek Rumah Prima di Kampung Sempadan yang masih belum dilaksanakan. Projek ini belum laksanakan dan akan dilaksanakan dan Kerajaan Negeri untuk makluman ADUN Lanchang, kita telah meluluskan cadangan pembangunan Perumahan Rakyat 1 Malaysia Pahang di atas tanah kerajaan seluas

35 ekar di Kampung Sempadan, Mukim Semantan, Temerloh, Pahang pada 26 Januari 2022 dan er…untuk makluman, Sidang Dewan juga, kebenaran merancang ini telah pun diluluskan pada 25 Oktober 2024 yang melibatkan 78 unit Rumah PR1MA Pahang, 144 unit rumah teres satu tingkat, 33 unit rumah teres dua tingkat dan tujuh unit kedai dan Pelan Pra-Perhitungan telah pun diluluskan pada 27 Februari 2025 dan kelewatan ini adalah disebabkan sebelum ini projek pembangunan yang dicadangkan adalah untuk rumah awam kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana dan ini telah memerlukan supaya projek ini melalui proses menyerah balik tanah tersebut er…*amalgamated* dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan dipecahkan semula untuk bagi pembinaan Rumah PR1MA Pahang dan pembangunan projek ini akan dilaksanakan pada pertengahan tahun ini, akan mula dilaksanakan, untuk makluman ADUN Lanchang.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,
Saya juga nak memaklumkanlah pada Sidang Dewan, iaitu tentang Projek PR1MA ini, yang dilaksanakan di Temerloh ini. Untuk makluman, hampir setengah billion, projek perumahan akan dilaksanakan di daerah Temerloh sahaja. Kalau saya di Pekan hampir RM631 juta projek perumahan akan dilaksanakan di daerah pekan sahaja. Di Temerloh, hampir setengah bilion merupakan Rumah Prima sebanyak lebih kurang 2,200.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

RM500 jutalah setengah

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

RM500 juta

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bilion. Dan kadang-kadang setengah tu macam sikit sangat. Kalau RM500 juta tu bunyi besar.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Nampak punya besar. Dato' Sri Speaker ini dia puasa semalam. Jadi hari ni dah tak puasa ya?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya raya besok.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Hah. Makna cakap itu ilham itu bernas. Jadi,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya nak maklumkan Sidang Dewan tu.

(ADUN BENTA - N05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri, Yang Berhormat Bebar, dia belajar di Florida, di tempat Donald Trump ni.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya, tempat.

(ADUN BENTA - N05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia, dia,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebelah rumah Donald Trump dulu dia belajar.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tapi masa itu dia, dia ahli perniagaan, dia jarang dia apa, berpolitik. Dan, er,,,tidak, saya nak mengambil kesempatanlah dalam Sidang Dewan ini saya nak, selama saya memangku jawatan EXCO Perumahan ini, dan sebelum ini saya EXCO Jabatan Kerja Raya dan pengangkutan dan saya dapati bahawa saya amat terharulah dengan pencapaian pelaksanaan perumahan negeri Pahang.

Contohnya, di bawah yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja. Dan di atas segala usaha dan jasa-jasa kerana telah memastikan satu transformasi yang sangat hebat dalam pembinaan rumah. Saya, saya kadang-kadang apabila saya duduk dalam mesyuarat ma…Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri, saya mendapati kadang-kadang Yang Amat Berhormat dia bercerita. Ini, ini bukan nak puji ya. Bukan nak suruh Yang Amat Berhormat ini riak, tak. Tapi saya nak menceritakan kebaikan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kaji ke halnya.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Nak cerita ke hal sikit supaya Sidang Dewan, maknanya kebaikan yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, kepada kerajaan negeri dan kepada seluruh rakyat negeri Pahang. Kadang-kadang dia bercerita untuk melaksanakan rumah percuma. Saya ingat lagi, masa dia Yang Amat Berhormat Menteri Besar dulu dia EXCO perumahan. Dia nak laksanakan rumah percuma Ini memang tak dapat nak buat, dia kata.

Tetapi bila saya Menteri Besar, saya akan buat apa yang saya rasa nak buat. Jadi dilaksanakan Rumah Rakyat Pahang. Daripada 2, 4, hari ini, 8 buah rumah habis hampir 855 unit Rumah Rakyat Pahang yang diberikan percuma yang bernilai RM80,000.00 kepada rakyat negeri Pahang, yang betul-betul memerlukan.

Salah satu pencapaian yang sangat hebatlah saya rasakan negeri Pahang. Negeri lain tak ada buat, Rumah PR1MA pun tak ada buat. Melaka pun 100 je, Johor pun 100 je. Tapi Rumah PR1MA di Pahang, 8,000 unit dah siap kita bina. Dah siap kita bina. Dan 1,700 tahun ini sahaja 1,200 unit akan siap, untuk diberikan CCC dah boleh diduduki.

Dan saya juga nak ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana, untuk makluman Sidang Dewan, banyak skim-skim perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Pertamanya, Rumah PR1MA Pahang. Kedua Rumah Makmur. Ketiganya, Rumah Penjawat Awam Pahang yang akan dilaksanakan. Rumah Mesra Pahang, Rumah Pahangku, Rumah Pahang di bawah generasi PGBF. Rumah yang baru sekali, kita selaku Timbalan Pengerusi LPHP, diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang supaya membina pangsapuri di stesen ECRL yang akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pecah tanah nanti pada bulan 5 tahun 2025 ini. Pangsapuri Pahangku.

Dan visi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, supaya memastikan setiap stesen-stesen ECRL ini, akan dibina rumah Pangsapuri Pahangku ini kerana besok bila siap ECRL ini, jarak masa perjalanan dari Pahang ke Kuala Lumpur ni, daripada Cherating sampai ke Kuala Lumpur tahun 2027 nanti naik kereta api hanya 1 jam 45 minit je.

Jadi dia nak mintak rumah PR1MA ini, Pangsapuri Pahang ini, diberikan kepada generasi-generasi anak muda yang di bawah umur 40 tahun. Bawah 40 tahun untuk dimiliki orang-orang muda yang memulakan kehidupan baru. Dan boleh dibeli secara sewa beli. Itulah antara perkara-perkara yang sangat baiklah, ilham yang dicetuskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita kepada negeri Pahang. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Dan tahniahlah Pahang. Sekian, saya menjawab ini. *Sorry*lah ada terlebih had sikit sebab saya tak puasa.

(ADUN LANCHANG - N31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Errr... Terima kasih kepada pihak kerajaan. Pertamanya, saya ucapkan terima kasihlah di atas keprihatinan yang telah pun diberikan, penyediaan untuk rumah rakyat ini. Cuma satu soalan saya ialah, saya dapati di kawasan tersebut yang kawasan 35 ekar itu, dia bersebelahan dengan pencawang elektrik yang besarlah. Kemudian kawasan voltan tinggi. Jadi adakah faktor keselamatan akan datang diambil kira kerana kita tidak mahu berlaku kerana kawasan itu kawasan penempatan tadi. Terima kasih Dato' Sri.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebelum sebarang projek-projek perumahan yang dilaksanakan ini, setiap daripada projek tersebut perlu melalui proses-proses. Contohnya, proses Kebenaran Merancang. Apabila proses Kebenaran Merancang ini

kita nak laksanakan, setiap daripada agensi-agensi kerajaan perlu diperolehi, untuk memastikan projek-projek yang kita buat ini memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh setiap daripada agensi-agensi seperti PAIP, TNB dan pelbagai lagi.

Jadi bila Kebenaran Merancang telah diluluskan, maka kita kira projek tersebut boleh dilaksanakan. Makna boleh dilaksanakan telah mendapati, kelulusan daripada agensi-agensi terbabit. Tapi kita ambil kira sikit lah, daripada pandangan Lanchang ini, kita akan teliti dan semak. Tapi selalunya Kebenaran Merancang telah kita lulus ini tak ada masalah untuk dilaksanakan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN PULAU MANIS - N.20)
YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Soalan tambahan. Saya ingin tanya kepada Wakil Kerajaan. Adakah hasrat Wakil Kerajaan mendirikan siap terus apa surau di setiap projek Perumahan PR1MA ini? Sebab kalau yang kita tahu, Projek PR1MA ini tak sediakan lagi surau, makna penduduk itu kena dirikan sendiri dalam komuniti dia itu. Kalau sekiranya perumahan ini disediakan terus surau makna memudahkan terus penduduk-penduduk situ menikmatilah fasiliti yang sedia ada. Wallahualam, terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tuan Yang Dipertua,
Projek PR1MA ini kadang-kadang kita dah dalam projek perancangan tu kita menyediakan kawasan. Kawasan tapak untuk dibinakan surau. Tapi ada juga kawasan-kawasan yang, kawasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kawasan-kawasan saya, kadang-kadang kita memberikan peruntukan untuk membinakan surau-surau tersebut. Kita boleh mohonlah untuk membina surau-surau ini.

Kadang-kadang, kita perlu meneliti secara terperinci ya, dari segi pelaksanaan, kos dan pelaksanaannya. Dan kita mengambil kiralah apa sahaja pandangan-pandangan yang baik untuk masa akan datang, sama ada ini akan memberikan apa, keselesaan kepada penduduk, dan kita akan mengira baliklah, apa, projek-projek yang akan dilaksanakan sama ada kita akan membina surau-surau yang terbabit dengan kawasan-kawasan tersebut. Tapi saya nak tanya juga YB ini, Projek Perumahan Rakyat di…di mana dilaksanakan di Pulau Manis ya?

(ADUN PULAU MANIS - N.20)
YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Projek PR1MA Penor Utara Jaya.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Projek Perumahan Rakyat (PPR)?

(ADUN PULAU MANIS - N.20)
YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

PPR? Setakat ini yang PPR yang ada di Sri Damai PR1MA yang itu kalau yang maksud saya tadi projek Perumahan PR1MA. Yang surau itu, contoh yang ada di projek Penor Utara Jaya memang ada tapak tapi tak ada surau dan projek di Sri Damai Jaya, ada tapak tapi surau tak disediakan. Maknanya penduduk kena mohon sendiri dan melalui proses yang agak panjanglah untuk menyediakan surau itu. Tapi ... saya katalah tapak dah ada tapi kalau alangkah eloknya kerajaan terus buat surau, membina surau itu untuk terus mudahkan penduduk situ terus dapat fasiliti yang rakyat sediakan, kerajaan sediakan.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Projek Perumahan Rakyat di Penor dan juga di Sri Damai ya, bukan Sri Damai, Jaya Gading lah, projek di Jaya Gading itu telah diduduki ke belum diduduki?

(ADUN MANIS– N.20)
YB TUAN MOHAMMADD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Projek Prima Projek PR1MA di Seri Damai.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO’ HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Projek Perumahan Rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Tempatan. Belum ke dah?

(ADUN MANIS– N.20)
YB TUAN MOHAMMADD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Belum ada, belum penuh lagi lah.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO’ HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Projek tu belum diduduki. Tapi bila diduduki dan ada fasiliti untuk surau. Jadi kita memastikan er...YB kena pastikan bahawa kawasan tersebut, projek tersebut perlu disiapkan untuk memberikan peluang kepada rakyat untuk memiliki rumah. Saya nak maklum kepada YB sebab... sebab...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebab dia ada projek yang dibina oleh Kerajaan Negeri. Ada projek yang dibina oleh Kerajaan Pusat.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO’ HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Ya. Ada projek yang dibina oleh Kerajaan Negeri. Ada yang projek yang dibina oleh Kerajaan Pusat. Mana projek tersebut akan siap tahun ni dan akan diserahkan kepada penduduk-penduduk dan pembeli-pembeli yang layak. Projek tersebut dilaksanakan

oleh kerajaan yang bernilai RM300 ribu tetapi hanya diberikan kepada rakyat dengan nilai RM60 ribu sahaja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini Kerajaan Pusat lah.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Kita, rumah kita pun samalah. Makna Rumah PR1MA Pahang Semi-D RM150,000.00 je tak ada rumah RM150,000.00 sekarang Semi-D. Ini lah makna kata kebaikan kerajaan pada hari ni untuk memastikan keselesaan kehidupan kepada rakyat Malaysia.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya.

ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya mencelah sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay Yang Amat Berhormat.

ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang ni bila dah bangkit pasal surau ni saya nak cerita lah sebab bukan... bukan riak dan sebagainya. Cerita benar ni kebetulan saya bersama dengan Exco kanan dan beberapa pegawai pergi ke Program Melbourne, Cobram untuk tujuan sebab kita masih mengimport daging dan ada anak jati Pahang yang menternak lembu di sana dan juga lembu Wagyu. Di kawasan Cobram tu, ada komuniti Islam orang Malaysia lah dan mereka. Er... saya dimaklumkan oleh ADUN Benta. Mereka bersembahyang menggunakan garaj dan berpindah sana, berpindah sini dan tak menentu lah maknanya. Masjid *of course* tak ada lah. Dan akhirnya mereka berpakat. Ada surau yang ada lebih duit membeli sebuah bangunan bukan untuk mendirikan masjid tapi dipanggil Islamic Center. Dibenarkan oleh Kerajaan Australia. Dan apabila perkara ini diajukan kepada kami ketika itu. Untuk maklumanlah ya. Bukanlah ni... ni kita terus menyumbang 100,000.00 AUD kepada penduduk di situ untuk membeli bangunan tersebut.

Jadi maknanya kalau betul-betul perlu surau dan sebagainya. Insya-Allah kita akan buat. Tapi kalau masjid ada dekat situ berdekatan, kita tidak mahu wujud pembaziran pula. Jadi maknanya kalau sampai di Melbourne, Cobram tu kita boleh bantu untuk membeli bangunan bagi tujuan untuk orang kita bersembahyang. Kalau di negeri kita banyak dah yang kita buat. Macam saya kata tadi tujuh tahun 37 buah masjid yang telah dan sedang dibina. Ini angka Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Takkan saya cakap benda yang tak betul di Dewan Yang Mulia pulak. Jadi kalau rakan-rakan Ahli Yang Berhormat agak ragu-ragu, bolehlah jumpa dengan Exco Agama ataupun dengan Jabatan Agama Islam Pahang untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Jadi

benda- benda macam ni kalau boleh kita bagitahulah kepada rakyat negeri Pahang apa itu kerajaan lagi faham pergi ke Melbourne bagi sumbangan 100,000.00 AUD duit Malaysia berapa ye. Kalau Malaysia.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

300.

ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

300 ribu. Kalau kita tak ada duit macam mana kita boleh bagi Adun daripada Kuala Sentul senyum. Senyum penyokong bukan tak penyokong. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey kita pergi... Ada.

(ADUN KETARI – N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Dato' Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sikit aja Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita pergi lepas... lepas ni. Lepas ni Yang Berhormat belum cakap lagi nanti Yang Berhormat boleh masukkan dalam masa mesyuarat.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

YAB MB dah tegur saya cakap sikit je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Peluang, sila.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sebab YB EXCO kata tadi Projek Perumahan PR1MA ni besar, setengah billion kan. Saya pun nak puji. Tapi soalan saya dalam sistem soalan Dewan tak dijawab lagi. Dari bulan 2 tu. Jadi saya mahulah jawab saya pun nak puji jugak. Terima kasih.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Baca soalan. Cuba... cuba baca soalan.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang...yang saya ingatlah YB saya kena buka balik. Tapi saya ingat satu di Maran, kita ada 11 Projek PR1MA 1 dah siap, 1 dalam pembinaan 9 lagi tu saya nak tau apa yang berlaku. Terima kasih. Contoh 1 ada lagi soalan tu dalam sistem Dewan.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Tadi kata 1 aja.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Nanti saya tengok baliklah. Jawapan yang tu dululah.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Boleh Yang di-Pertua?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, sila.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Dah ceria sikit lepas puasa. Ni. Saya tu bila saya tengok hansard tu bila saya rasa saya dah jawab semua. Tapi er...sila ambil perhatian. Dah maklum pada saya. Saya dah semak semua sekali tu. Semua soalan-soalan dikemukakan telah dijawab secara bertulis... secara bertulis. Jadi tadi saya nak cakap apa tadi. Saya lupalah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Takpelah kita pergi soalan nombor 5 lah. Itu kita cakap masa minum-minum kopi lah.

(ADUN KETARI – N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih lah Dato' Sri Speaker. Soalan saya soalan nombor 5.

> [Apakah perancangan dan insiatif Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan keperluan menaik taraf Hospital Bentong bagi menampung lebih ramai pesakit, khususnya rawatan pakar dan dialisis di Daerah Bentong?]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Wakil Ketari sila. Er...Wakil Kerajaan.

(ADUN MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO' IR RAZALI BIN KASSIM

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih juga kepada Ketari yang mengemukakan pertanyaan berkenaan dengan perancangan dan inisiatif Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan keperluan menaik taraf Hospital Bentong. Er...dan juga berkaitan dengan khususnya rawatan pakar dan dialisis di daerah Bentong.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, seperti yang semua sedia maklum bahawa negeri Pahang terdapat hanya 12 buah hospital yang terdiri daripada Hospital Negeri sebuah hospital negeri iaitu Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan. Sebuah Hospital Pakar Major iaitu Hospital Haji Ahmad Shah, Temerloh. Kemudian kita ada 3 buah Hospital Pakar Minor iaitu Hospital Lipis, Bentong dan juga Hospital Pekan dan ada hospital daerah tanpa pakar. Pakar ni termasuklah daerah Raub, Jengka, Jerantut, Bera, Rompin, Muadzam Shah dan juga Cameron Highlands.

Hospital Bentong telah mula operasi sejak tahun 1920-an lagi dengan perkhidmatan hospital daerah tanpa pakar dan telah dinaik taraf kepada Hospital Pakar Minor pada tahun 2010 dengan menempatkan pakar secara tetap di Hospital Bentong. Perkhidmatan kepakaran telah bermula dengan 3 jenis kepakaran iaitu Pakar Psikiatri pada tahun 2010. Pakar Perubatan Am 2010 dan 2013 tambah lagi sorang pakar... pakar kecemasan.

Manakala perkhidmatan kepakaran bagi pembedahan yang merangkumi kepakaran ortopedik dan pembedahan am telah dimulakan dengan pembukaan 1 unit Dewan Bedah secara Modular OT pada tahun 2014 dan memulakan kes-kes pembedahan oleh pakar pembedahan dan bius secara lawatan daripada Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh. Pakar datang daripada Hospital Temerloh.

Dan pada tahun 2022 selepas pandemik Covid-19, perkhidmatan pembedahan ini telah diperkukuhkan dengan menempatkan seorang pakar bius. Pakar Pembedahan Am dan Pakar Ortopedik secara tetap dengan penjawatan di hospital ini untuk memastikan lebih banyak kes pembedahan yang memerlukan pakar dapat dijalankan tanpa perlu dirujuk ke hospital lain.

Dan seiring dengan perkembangan tersebut, Pakar Pediatrik, Pakar Radiologi dan Pakar Patologi telah ditempatkan juga. Er...menjadikan jumlah kepakaran yang ada kini adalah sebanyak sembilan kepakaran dan jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 13 pakar yang ada. Dan hala tuju Hospital Bentong adalah dengan melengkapkan perkhidmatan kepakaran Hospital Minor dengan 10 kepakaran lengkap dengan menempatkan pakar obstetrik dan ginekologi sahaja lagi yang memastikan kes-kes ini dapat dirawat dengan baik dengan perancangan perkembangan fasiliti dari segi jumlah katil, dewan bedah dan rawatan kritikal.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Pelan Induk Pembangunan Fasiliti Hospital Negeri Pahang oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pahang yang telah dibentangkan kepada Bahagian Perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia, satu cadangan untuk membina hospital gantian bagi Hospital Bentong di tapak baru yang lain telah

dibincangkan dan dipersetujui untuk dilaksanakan pada masa akan datang mengikut keutamaan yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Berkenaan dengan dialisis. Dialisis Hospital Bentong juga memberi perkhidmatan dialisis kepada masyarakat di sekitar Bentong yang merangkumi pusat dialisis kerajaan dan juga swasta. Jumlah pesakit yang menerima perkhidmatan ini bagi daerah Bentong adalah seramai 50 orang fasiliti dialisis ye, kerajaan dan 69 orang fasiliti swasta. Seramai 312 orang pesakit yang sedang mendapat rawatan di Klinik Pakar Nefrologi yang dilaksanakan oleh pakar Nefrologi di Hospital Bentong bagi mendapatkan rawatan yang masih dalam pemantauan dan belum menerima rawatan dialisis. Untuk makluman, Pusat Hemodialisis Klinik Kesihatan Chemomoi sedang dalam pembinaan dan maklumat terkini *progress* kemajuan kerja sehingga 21.4... semalam 21.4 kan.

Kerja adalah 87% dan projek ini ada sedikit kelewatan dan pihak kaunter telah dah memohon EOT 3 bulan lagi dan dalam proses memohon peruntukan tambahan bagi keperluan alat kelengkapan perubatan dan juga bukan perubatan. Dan perkhidmatan hemodialisis di KK Chemomoi ini merupakan salah satu inisiatif baru yang akan menempatkan sebanyak 10 kerusi dialisis yang boleh menempatkan sehingga 40 pesakit secara maksimum. Permintaan dialisis yang diberikan ini adalah di bawah seliaan Hospital Bentong dan diharapkan dapat menampung keperluan pertambahan pesakit, sekian.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila soalan tambahan.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Datuk Sri Speaker...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Nanti selepas ni kita bagi Sabai

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih atas jawapan oleh EXCO Kerajaan Negeri. Memang dapat kenaikan taraf daripada hospital daerah sehingga hospital minor di Hospital Bentong ini dengan harapan daripada 9 kepakaran kita akan jadi 10 kepakaran. Tapi keperluan untuk Hospital Bentong menjadi hospital berpakar sepenuhnya memang telah pun dibangkit lebih dari 10 tahun yang lalu. Jadi saya nak tahu apakah peluang ataupun perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan satu hospital kepakaran sepenuhnya di Hospital Bentong dapat dijadikan. Jadi tadi juga jawapan dia...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat...Yang Berhormat boleh pandang saya...

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Maaf Yang Berhormat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Makna masa kita bercakap, kita mesti pandang kepada Speaker.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Maaf...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak apa... tak apa.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Jadi tadi juga daripada jawapan terdapat satu rancangan untuk menjadikan... mengadakan satu hospital gantian di hospital. Adakah itu hospital gantian termasuk menjadi hospital berpakar sepenuhnya ataupun yang sama sahaja, soalan saya.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, seperti yang saya maklumkan bahawa bawa hala tuju Hospital Bentong ni adalah kita melengkapkan kepakaran. Yang tak lengkap lagi cuma yang belum ada lagi yang akan ditempatkan nanti ialah pakar obstetrik dan ginekologi. Ini berkenaan sakit puanlah. Jadi bila ada pakar ni maknanya kita lengkap untuk semua kepakaran yang perlu ada di Hospital Bentong, insya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil Sabai.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Dato' Sri Speaker, soalan tambahan saya apakah kerajaan mempunyai sebarang perancangan untuk pembinaan sebuah hospital baru di Bentong memandangkan peningkatan jumlah penduduk di kawasan Bentong adalah suatu keperluan untuk kita di Bentong ni mempunyai sebuah hospital baru. Kalau kita lihat sejarah dia semasa mantan Menteri Kesihatan yang juga mantan Ahli Parlimen Bentong, sebuah tapak baru telahpun disediakan di Kampung Chinta Manis, tapi projek itu tak jalan harap hospital baru ni dapat didirikan walaupun ada dalam perancangan pada masa akan datang seperti mana yang telah dijawab oleh Exco Kesihatan tapi mohon harap disegerakan. Sekian, terima kasih.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih pada Ketari... Sabai... Sabai, Dato' Sri Yang di-Pertua, memang ini memang kita sentiasa mengambil perhatian Kerajaan Negeri sentiasa mengambil perhatian tentang keperluan masyarakat terutamanya di kawasan Bentong. Dan perkara ini seperti yang dimaklumkan tadi bahawa Bahagian Perancangan Kementerian Kesihatan juga telah menerima cadangan ini dan cuma pembinaannya mengikut keperluanlah. Jadi memang dalam perhatian pihak Kerajaan Negeri, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya wakil dilantik. Soalan nombor 6.

(AHLI DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Terima kasih Dato' Speaker, (Ayat al-Quran) Assalamualaikum WBT, saya pohon bertanyakan soalan nombor 6.

> [Inisiatif Subsidi Pembedahan Katarak Mata mula dilaksanakan pada tahun 2024 dan diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2025.
>
> a) Berapakah bilangan rakyat yang mendapat manfaat daripada program ini pada tahun 2024?
>
> b) Apakah perancangan bagi pelaksanaan program ini pada tahun 2025?]

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada sahabat saya Yang Berhormat Ahli Yang Dilantik. Beliau bertanyakan mengenai status dan perkembangan terkini pembangunan Caravan Park yang dibangunkan oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri bersama Syarikat Helmut Knaus KG Camping Park. Untuk makluman Yang Berhormat, Pembangunan Projek Caravan Park yang dibangunkan oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang bersama dengan Helmut Knaus KG Camping Park turut melibatkan kerjasama dan kolaborasi bersama ECERDC, Agensi Pembangunan Wilayah Pantai Timur. Cadangan pembangunan tambahan RV dengan izin *recreational vehicle* tersebut yang dikenal pasti di Pantai Hiburan Rompin masih dalam fasa perbincangan.

Pembangunan ini akan diterajui oleh konsortium tempatan iaitu Recreation Industry Development Consortium yang melibatkan beberapa pelabur swasta termasuk syarikat Helmut Knaus KG Camping Park. Pada masa yang sama, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM500,000.00 atau setengah juta kepada Majlis Daerah Rompin untuk membina 10 plot tapak RV di sebahagian tapak cadangan tersebut.

Selain itu, ECERDC akan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf infrastruktur sokongan seperti jalan keluar masuk ke tapak bagi melengkapkan kebolehsampaian sistem jalan raya mahupun sambungan utiliti. Kerja-kerja ini akan bermula pada bulan

ini, April 2025 dan dijangka siap pada tahun seterusnya iaitu pada April 2026, terima kasih.

(AHLI DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Sedikit soalan tambahan Dato' Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Exco dan saya ucapkan tahniah di atas projek yang saya kira adalah antara yang pertama di negara ini dan saya bersyukur kerana Park Rompin dipilih sebagai tapak untuk melaksanakan apa yang disebut sebagai Caravan Park ini. Cuma saya nak nak tarik perhatian Ahli Yang Berhormat Exco dan Kerajaan Negeri bahawa Helmut Knaus KG Camping Park ini telah tandatangan pada April 2023 dan antara pada ketika itu *term* dan juga *condition,* tandatangan yang menyebut bahawa Helmut Knaus ini akan memperuntukkan sebanyak RM500 juta bagi pembangunan Caravan Park di Malaysia di Rompin dan akan dapat dibangunkan dalam tempoh setahun.

Jadi adakah mereka terikat dengan perjanjian tersebut ataupun sebab disebutkan tadi isu apa nama ini konsortium tempatan akan dilantik. Jadi soalan saya, adakah mereka terikat dengan terma perjanjian ini ataupun telah ada apa yang disebut sebagai perubahan pindaan kepada perjanjian tersebut. Terima kasih Dato' Sri Speaker...

(ADUN PERAMU JAYA N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih di atas soalan sahabat saya, Yang Berhormat ahli yang dilantik, saya perlu semak semula tapi apa yang saya tahu mereka tidak terikat sepenuhnya dengan syarat tersebut. Sebab itulah ada konsortium tempatan yang telah bersetuju untuk membangunkan *camping park* sini bersama. Tetapi keadaan iklim pelaburan semasa juga menjadi kebimbangan buat kami semua. Apabila kita semua maklum, ada perang perdagangan yang sedang berlaku di seluruh dunia. Dan saya juga dimaklumkan ada syarikat-syarikat asing yang terpaksa membatalkan hasrat mereka untuk meneruskan pelaburan disebabkan mereka perlu memberi tumpuan kepada pelaburan- pelaburan mereka di negara asal seperti di Kanada dan seterusnya yang terkesan dengan begitu teruk dengan perang tarif yang berlaku baru-baru ini. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya kita pergi kepada soalan nombor 7. Wakil daripada Kemayan.

(ADUN KEMAYAN N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Dato’ Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

> [Apakah status terkini Program Pemodenan Stadium Darul Makmur khususnya usaha menaiktaraf padang dan rumput?]

(ADUN DONG N.08)
YB TUAN RADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Assalamualaikum WBT dan Selamat Pagi. Terima kasih Yang Berhormat Dato Sri Speaker. Soalan yang ditanya oleh ADUN Kemayan ini adalah berkenaan dengan program pemodenan Stadium Darul Makmur termasuklah usaha menaik taraf padang dan rumput di stadium. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker Perbadanan Stadium Darul

Makmur ketika ini sedang giat melaksanakan pembaharuan dan pemodenan kemudahan serta fasiliti di Stadium Darul Makmur bagi memastikan stadium ini terus relevan dan berevolusi selepas lima dekad penubuhannya. Antara inisiatif tersebut adalah pertama penghasilan Pelan Strategik Stadium Darul Makmur 2025-2030. Melalui inisiatif ini, Stadium Darul Makmur telah bekerjasama dengan Yayasan Pahang bagi merangka Pelan Strategik 2025-2030 yang kini telah menjadi panduan utama dalam menentukan hala tuju Perbadanan Stadium Darul Makmur untuk tempoh lima tahun akan datang. Dan pelan strategik ini telah dibentangkan pada Februari lalu untuk memperkukuh peranan Stadium Darul Makmur selaku pusat sukan rekreasi dan ekonomi yang dinamik dengan fokus kepada pembangunan, kemudahan, peningkatan kecekapan pengurusan serta penciptaan peluang kerjaya bagi komuniti tempatan dan pihak berkepentingan.

Kedua, penaiktarafan tandas dan stadium di dan surau di Stadium Darul Makmur dan pada tahun 2023, kesemua tandas dan juga surau di Stadium Darul Makmur telah di naik taraf. Selain itu, kerja-kerja mengecat bangunan di sebelah luar telah juga dilaksanakan.

Ketiga, adalah usaha menaik taraf padang dan rumput di Stadium Darul Makmur. Projek ini telah bermula pada September tahun lalu dan ketika ini usaha menaiktaraf padang dan rumput telah pun siap dan sedang dijaga rapi bagi mendapat sijil penarafan daripada Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa ataupun FIFA. Rumput yang digantikan ini adalah jenis Bermuda Tifgrand. Rumput ini telah dibangunkan oleh University of Georgia, Amerika Syarikat, manakala lesen atau hak penjualannya diberikan kepada Jepun. Rumput jenis ini diyakini lebih tahan lasak, cepat pulih selepas digunakan serta bersifat padat, tumbuh merapat dan lebih menghijau. Melalui usaha naik taraf ini, sistem saliran padang juga telah diperbaharui. Sistem yang digunakan sekarang menggunakan tiga lapisan pasir iaitu yang paling bawah adalah batuan halus, lapisan kedua ialah pasir kasar dan lapisan paling atas merupakan pasir halus. Bagi membolehkan rumput tumbuh dengan baik. Penggunaan pasir mengikut turutan saiz ini adalah kunci kepada kadar penyerapan air yang baik. Sistem saliran automatik jenis kompak juga telah siap dipasang lengkap dengan 30 unit *sprinkler* dan berfungsi dengan baik menggunakan air kitaran semula jadi dari air hujan yang disimpan di dalam tangki simpanan yang mampu menyimpan sebanyak 1000…150 ribu liter air pada satu-satu masa.

Keempat, inovasi ruang Stadium Darul Makmur. Bermula tahun lalu, pihak Perbadanan Stadium Darul Makmur telah mengadakan kerjasama dengan Majlis Sukan Pahang bagi menggunakan sepenuhnya ruang-ruang dan dewan yang sebelum ini kurang digunapakai di Stadium Darul Makmur dan melalui usaha dan inisiatif ini, kesemua dewan tersebut telah dijadikan satu pusat sukan kecemerlangan sukan tempur, Majlis Sukan Pahang. Khusus untuk aktiviti seni bela diri, judo, taekwondo dan juga karate. Malah, melalui inisiatif bersama dengan Majlis Sukan Pahang ini juga Stadium Darul Makmur. Insya-Allah selepas ini akan ada satu Rehab Center yang akan dibina dalam masa terdekat.

Kelima, pembinaan bilik eksekutif melalui…maaf bilik eksklusif. Melalui inisiatif ini, Perbadanan Stadium Darul Makmur telah mengubah suai satu ruang khas menjadi bilik eksklusif bagi memberi keselesaan optimum kepada mereka yang bercita rasa tinggi untuk menonton sesuatu perlawanan bola sepak atau pun sukan olahraga. Bilik eksklusif ini telah pun siap dan dilengkapi dengan penghawa dingin, ruang makan yang selesa, smart TV serta ruang mesyuarat kecil. Penyediaan bilik eksklusif ini bakal menjadi salah satu punca pendapatan baru kepada pihak Stadium Darul Makmur.

Selain itu, kita juga telah menaik taraf kemudahan kafe di tingkat 1 Stadium Darul Makmur.

Keenam, penaiktarafan landskap stadium. Kerja-kerja naik taraf landskap ini telah pun dan sedang dilaksanakan bagi mewujudkan persekitaran stadium yang lebih indah dan mesra komuniti dengan elemen-elemen baru seperti tanaman hiasan, susun atur ruang hijau yang lebih terancang serta laluan pejalan kaki yang lebih selesa.

Ketujuh, penggunaan pusat perniagaan berbumbung bagi peniaga kecil dan sederhana. Pusat perniagaan ini yang dikenali sebagai Arena Makmur sedang dibina dan dijangka siap sepenuhnya pada Jun ini yang diharap akan menjadi tarikan baru di bandar Kuantan dengan berkonsepkan pelbagai jenis jualan. Pusat perniagaan ini akan menggantikan deretan kanopi yang menempatkan peniaga-peniaga kecil sebelum ini.

Kelapan, sebuah ruang niaga khas akan dibina yang dikenali sebagai C*offee by The Field"* dirancang untuk dibina di perkarangan Stadium Darul Makmur dalam masa terdekat bagi memenuhi gaya hidup aktif khususnya yang menjadi trend pada anak muda ketika ini.

Kesembilan, pembaharuan sistem siaraya. Melalui inisiatif ini, Perbadanan Stadium Darul Makmur akan memasang peralatan sistem siaraya-siaraya baharu dalam masa terdekat untuk memberi keselesaan kepada pengguna yang mengguna atau melakukan aktiviti di dalam stadium. Kali terakhir sistem siaraya ini ditukar adalah pada tahun 2012 iaitu kira-kira 13 tahun lalu ketika Pahang menjadi tuan rumah untuk SUKMA.

Sesungguhnya kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak amatlah diperlukan bagi memastikan perancangan yang dirangka dapat dilaksanakan dengan jayanya. Insya-Allah kita akan berusaha sehabis baik bagi memastikan salah satu mercu tanda utama negeri Pahang iaitu Stadium Darul Makmur akan terus terpelihara, kelihatan cantik dimanfaatkan sepenuhnya dan mengikut arus pemodenan terkini. Saya menyedari bahawa usaha memodenkan Stadium Darul Makmur ini bukanlah suatu yang mudah, sebaliknya memerlukan peruntukan yang besar serta sokongan daripada pelbagai pihak. Malah ketika saat ini pun kita sedang berusaha gigih untuk mendapatkan peruntukan daripada Kementerian Belia dan Sukan untuk pembinaan atau penukaran serta naik taraf lampu limpah yang baru serta tempat duduk yang lebih menyeluruh di stadium ini. Dan kita amat berharap pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat mengambil tindakan segera bagi meluluskan peruntukan ini, terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya, soalan No. 8 oleh ADUN Lantikan.

(AHLI DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya Nombor 8.

> [Dalam tempoh masa tiga tahun yang terakhir, berapa ramai rakyat Pahang yang tertipu dengan penipuan atas talian (*online scamming*). Apa jumlah kerugian yang direkodkan? Berapakah jumlah pesara kerajaan yang telah dimangsakan oleh penipuan atas talian?]

(ADUN TERUNTUM – N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG
Terima kasih er...Dato' Speaker. Dato' Speaker untuk pengetahuan Speaker, saya takpe. Saya tidak berpuasa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya tak tanya [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN TERUNTUM – N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Saya bagitahu sebab mungkin suara hari ini kuat sikit. Untuk menjawab soalan er.... dari ADUN Lantikan. Untuk tahun 2022, mangsa yang terlibat adalah 1,816 orang dan mengakibatkan jumlah kerugian RM35,049,055.29. Dan er... mangsa lelaki er...nanti ya, ini untuk 2023 mangsa ada... jumlah mangsa ya adalah 1,994 jumlah kerugian adalah RM46,123,363.50. Dan untuk tahun 2024, bilangan mangsa adalah 1,845 dan jumlah kerugian adalah RM39,366,139.08. Untuk mangsa pesara kerajaan, untuk tahun 2022, 85 orang, lelaki 50, perempuan 35. Jumlah kerugian adalah RM8,923,707.59. Untuk tahun 2023, pesara kerajaan adalah 102, lelaki 61, perempuan 41. Jumlah kerugian adalah RM3,740,096.82. Untuk tahun 2024, pesara kerajaan yang terlibat adalah 115, lelaki 75, perempuan 40. Kerugian adalah RM8,923,707.59. Itu sahaja terima kasih.

(AHLI DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Soalan...soalan tambahan Dato' Sri?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bagi Sabai.

(ADUN SABAI – N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Er....kita cukup bimbang dengan angka yang telah dibentangkan sebentar tadi. Daripada kita bincang dengan angka mangsa *scammer* ini apakah langkah-langkah yang diambil untuk memberi pendedahan kepada masyarakat kita bagi membendung er... supaya bilangan ini dapat dikurangkan. Mangsa ini memang tidak dapat dikurangkan secara *total* tapi sekurang-kurangnya langkah perlu diambil untuk memastikan er... kita dapat mengurangkan bilangan mangsa siber ini. Saya dapati er... sistem yang sedia ada er... juga perlu ditambah baik khususnya dalam pembentangan tadi. Jawapan tadi kalau dapat dikategorikan er... mangsa daripada sektor kerajaan, sektor pesara dan sektor-sektor lain dan kita dapat memberi tumpuan khusus untuk er... membantu golongan yang menjadi sasaran dalam *scammer* ini. Sekian terima kasih.

(ADUN TERUNTUM – N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih er...untuk menjawab soalan Sabai. Kerajaan telah er... membuat ceramah dan pameran juga melalui siar media dan pergi ke sekolah dan universiti juga dan dekat masjid. Banyak-banyak programlah telah kita lakukan dan saya mintaklah rakyat perlu caknalah dan berhati-hati sebab dengan keadaan tamak dan janganlah mengejar kekayaan dengan jalan yang mudah, bukan begitu mudah. Itu wang sahaja, ini pun belum kena tipu ke Myanmar lagi, Kemboja lagi. *So... so* rakyat perlulah cakna. Itu sahajalah er...Tuan Speaker, terima kasih.

(AHLI DILANTIK)
YB DATO' WONG TAT CHEE

Soalan? Boleh tambah satu soalan? Yang Berhormat Dato' Sri Speaker... soalan lanjut saya telah dibentangkan oleh YB. Sabai tadi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI
Okey Yang Berhormat, sila.

(ADUN – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN
Saya boleh penjelasan tak daripada jumlah kerugian ini, ada tak yang mendapat pampasan daripada pihak bank kerana kecuaian daripada pihak bank?

(ADUN TERUNTUM – N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Saya er...tidak ada data dekat sini. Tapi apa yang er...saya dapat adalah nanti sekejap, apa yang telah dilakukan oleh SPRM okey. Dan kita telah buat tangkapan dan dakwaan. Untuk tahun 2022, 838 tangkapan telah dibuat dan didakwa ke mahkamah telah adalah 816. Untuk tahun 2023, tangkapan adalah 986 dan di mahkamah adalah 807. Untuk 2024, er...tangkapan adalah 1,271 dan dituduh di mahkamah adalah 985. Kalau saya cakap macam ini mungkin panjang sikit. So saya pendekkan keseluruhan dalam 3 tahun, tangkapan adalah 3,095 dan kes dituduh di mahkamah adalah 2,608. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey kita pergi soalan seterusnya. Soalan No. 9. Wakil daripada Mentakab.

(ADUN MENTAKAB – N.30)
YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya No. 9.

> [Menjelang Tahun Melawat 2026, apakah pendekatan atau langkah-langkah Kerajaan Negeri akan atau sedang buat untuk menarik pelancong sama ada dalam negara mahu pun luar negara?]

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Dato' Sri Speaker dan Yang Berhormat Mentakab. Menjelang Tahun Melawat 2026, bagi memastikan sektor pelancongan negeri Pahang terus kekal relevan dalam peta pelancongan negara dan antarabangsa, pelbagai strategi, inisiatif telah dan sedang giat dilaksanakan oleh kerajaan. Jadi pertama dari segi peruntukan melalui Belanjawan Negeri Pahang tahun 2025, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan jumlah peruntukan yang besar untuk pembangunan pelancongan di negeri Pahang. Manakala di peringkat persekutuan untuk tahun ini 2025, Kerajaan Negeri bersama dengan MOTAC Pahang, kita telah berusaha dan berjaya dapat kelulusan peruntukan infra dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya untuk Fasa 1 kita dapat kelulusan RM7.77 juta dan angka ini merekodkan peningkatan sebanyak 120% iaitu ataupun RM4.2 juta kalau berbanding dengan tahun lepas. Dan untuk Fasa 2, kita akan terus berusaha untuk dapat kelulusan peruntukan dan juga projek-projek bawah RMK-13.

Yang kedua dari segi acara untuk penganjuran acara pelancongan negeri Pahang. Setakat ini Kerajaan Negeri melalui Tourism Pahang, kita telah senaraikan 36 acara yang bertaraf antarabangsa dan kebangsaan dan jumlah ini akan ditambah dari semasa ke semasa. Pada tahun ini ada 2 acara baru setakat ini iaitu Kuantan 188 Base Jump Extreme Challenge yang telah berlangsung Februari lepas dan akan datang Tioman National Scuba Divers Festival yang akan dijalankan pada bulan 9 dan Tourism Malaysia juga telah merancang untuk mengadakan Program Eastern Region Geopark Odyssey 2025 yang akan bertempat di Lipis, Geopark. Jadi program ini bertepatan dengan aspek tumpuan Tahun Melawat Malaysia iaitu pembangunan pakej tematik. Jadi dengan program ini, lebih banyak pakej pelancongan berasaskan geologi akan dibangunkan.

Yang keempat, *sorry*... minta maaf. Yang ketiga, pembangunan sumber manusia. Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dan langkah proaktif untuk meningkatkan sektor pelancongan menerusi pelaksanaan kursus-kursus pemandu pelancong alam semula jadi, kursus pengurusan pelancongan serta program peningkatan kemahiran bagi pengusaha pelancong tempatan... pelancongan tempatan. Dan inisiatif bertujuan untuk memenuhi keperluan pasaran iaitu eko-pelancongan yang semakin mengembang di kawasan yang kaya dengan alam sekitar seperti Taman Negara, Kuala Tahan, Cameron Highlands, Pulau Tioman. Di antara latihan yang dijalankan adalah *Adventure Park Instructor Course*. Ini akan memberi peluang kepada peserta-peserta untuk menawar. Ini menawarkan latihan teknikal penuh dengan mematuhi piawaian antarabangsa dan dapat menyediakan dan melengkapi pemandu kita supaya menjadi pengendali yang lebih cekap dan profesional dan sijil akan dikeluarkan oleh *Malaysia Challenge Course Associate…Association*. Pada masa yang sama, kita juga melibatkan komuniti dalam sektor pelancongan. Ini contoh komuniti Lipis telah berjaya dapat Lesen Geoguide untuk di Lipis Geopark. Dari semasa ke semasa, perbincangan antara pemain industri dan komuniti setempat juga dijalankan tentang isu-isu pelancongan di kawasan masing-masing.

Yang keempat, tidak lupa juga usaha-usaha promosi yang selalu dijalankan sebagai contoh, Pameran Pelancongan, *Fam Trip*, Pahang Rail Tourism, Kempen Jualan Mega Malaysia.

Yang kelima, untuk keselamatan pelancong, kerajaan negeri telah meluluskan pemasangan AED di kawasan pelancongan. Jadi untuk tahun ini kita memasang 2

AED di Kuantan dan Lipis dan kita berharap bahawa kita akan dapat lebih banyak peruntukan untuk pemasangan AED ini untuk menjamin keselamatan pelancong khususnya apabila emergency berlaku supaya kita sempat memberikan pertolongan cemas kepada pelancong.

Yang keenam, Tourism Pahang akan memperkenalkan *tagline* khas sebagai inisiatif promosi strategi menjelang Tahun Melawat Malaysia dan usaha ini adalah untuk meningkatkan pengenalan Pahang sebagai negeri pelancongan utama di Malaysia dan *tagline* ini akan diperkenalkan pada masa yang sesuai. Jadi dengan pelbagai inisiatif tersebut, kita berharap bahawa kita dapat berusaha untuk memastikan Pahang kekal sebagai destinasi pelancongan utama di Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2026. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI
Terima kasih. Sila wakil daripada...

(AHLI DILANTIK)
YB TUAN RIZAL BIN JAMIN

Soalan...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Daripada daripada ADUN Lantikan dulu kemudian Luit.

(AHLI DILANTIK)
YB TUAN RIZAL BIN JAMIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan platform bersepadu untuk menguar-uarkan ataupun untuk mempromosi tempat-tempat yang menarik ataupun kalendar acara ataupun kulinari terutamanya di daerah-daerah di Pahang. Sebagai contoh, semalam baru berbual dengan ADUN Tahan. Dia kata kulinari yang paling menarik dekat Tahan adalah pekasam ikan kelah. Jadi ini adalah satu perkara yang baru. Jadi saya rasa tak ramai yang tahu. Jadi kalau kita boleh ada usaha untuk mengadakan platform bersepadu untuk 3 perkara yang saya sebutkan tadi sangat-sangat kita harapkan.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN lantikan. Jadi untuk peringkat daerah, kita ada Jawatankuasa Tindakan Pelancongan Peringkat Daerah yang diketuai Pegawai Daerah. Jadi dalam jawatankuasa ini bukan sahaja melibatkan agensi-agensi kerajaan tetapi juga pemain-pemain industri di mana menerusi mesyuarat jawatankuasa ini, mereka akan bincang tentang perkembangan pelancongan di daerah masing-masing. Perancangan untuk promosi termasuk tempat-tempat pelancongan, kulinari-kulinari dan mereka perlu lapor kepada Jawatankuasa Tindakan Pelancongan Negeri Pahang di mana untuk mengurus untuk mematuhi dan juga kita bersama-sama dengan satu hala tuju yang sama dan untuk Tourism Pahang untuk kita menyusun semula produk-produk pelancongan di peringkat daerah, er… setiap daerah kita juga akan dapat info daripada jawatan…Jawatankuasa Tindakan Pelancongan di peringkat daerah juga. Jadi dengan ini, kita mengalu-alukan input-input daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk kita bersama-sama

memperkayakan pengisian promosi pelancongan negeri masing masing. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil daripada Luit.

(ADUN LUIT – N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua. Kita dimaklumkan Tourism Malaysia menyasarkan 20... 45 juta pelancong tahun 2026. Saya nak tanya daripada negeri mana yang paling ramai datang dan berapa peratus agaknya yang datang ke Pahang pada tahun 26. Terima kasih.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Luit. Untuk maklumat Yang Berhormat, kaedah untuk kaedah untuk merekodkan jumlah statistik pelancong ada beberapa kaedah tapi kalau ikut definisi antarabangsa adalah pelancong yang bermalam dan sekurang-kurangnya satu malam daripada tempat yang pelancong yang travel sekurang kurangnya 24 jam daripada kawasan asal beliau mereka. Jadi dengan ini kita mengambil statistik daripada hotel-hotel ataupun tempat penginapan yang berdaftar. Dengan ini, kita berbangga kerana kalau berbanding dengan negeri-negeri lain, Pahang memang mematuhi definisi ini. Jadi, selalunya statistik yang kita umumkan sebagai contoh tahun lepas 13.7 juta inilah adalah angka pelancong yang bermalam di negeri Pahang. Dan kita juga dapat AOR iaitu kadar purata kadar perkhidmatan penginapan yang paling tinggi di Malaysia secara berturut-turut untuk tahun 2023 dan 2024. Tahun lepas kita mencecah 75%. Memang betul seperti apa yang dinyatakan di yang dinyatakan Yang Berhormat Lantikan semalam, Genting Highlands merupakan salah satu tempat pelancongan yang merupakan *main contributor*. Tapi kita tidak boleh menafikan sumbangan daripada tempat-tempat pelancongan lain. Sebagai contoh, di Kuantan setiap tahun melebihi 2 juta, di Cameron Highlands setiap tahun melebihi 1 juta dan sebenarnya angka ini tidak menggambarkan keadaan sebenar sebab kita juga ada ramai *day trippers* seperti contoh Genting Highlands, 1 tahun melebihi 20 juta *day trippers* ataupun ada pelancong-pelancong yang bermalam di *homestay-homestay* di tempat-tempat yang tidak berdaftar dengan kerajaan.

Jadi, dengan ini, kerajaan negeri berbesar hati dan ingin bekerjasama dengan semua pengusaha homestay supaya kita boleh dapat angka yang lebih tepat untuk menggambarkan er…sektor pelancongan di negeri Pahang. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang terakhir.

(ADUN TANAH RATA – N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Ya, terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan tambahan saya, saya nampak laman web Tourism Pahang ada dipaparkan dalam bahasa Inggeris. Tujuannya adalah untuk memudahkan pelancong terutamanya dari Eropah dan sebagainya. Tapi saya lihat laman web Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, setahu saya hanya dipaparkan dalam

bahasa melayu dan tiada bahasa lain seperti bahasa Inggeris. Sama ada ia boleh dipertimbangkan untuk menambah pilihan bahasa tersebut untuk memudahkan pelancong luar negara. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Tanah Rata.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih kepada daripada cadangan daripada Yang Berhormat Tanah Rata. Memang sebab Cameron Highlands, kita ada hutan-hutan simpan yang selalunya menjadi kegemaran untuk pelancong yang gemar alam semula jadi dari luar negara. Jadi dengan ini, cadangan daripada Yang Berhormat Tanah Rata akan dipertimbangkan dan kita akan sampaikan kepada Jabatan Perhutanan. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan terakhir, wakil daripada Semambu.

(ADUN SEMAMBU – N.13)
YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Saya ingin kemukakan soalan nombor 10.

> [Mohon senaraikan geran-geran yang boleh dimohon oleh usahawan-usahawan sama ada dalam sektor pertanian, perniagaan dan teknologi baru.]

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

[Ayat al-Quran] Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih sahabat saya daripada Semambu. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih Yang Berhormat kemukakan soalan berhubung geran yang boleh dimanfaatkan kepada usahawan khususnya dalam sektor pertanian, perniagaan serta teknologi baru. Untuk makluman, Ahli Dewan yang mulia, kerajaan sentiasa komited untuk memperkasakan pembangunan usahawan kerana ianya merupakan tunjang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara termasuklah di peringkat negeri dalam landskap ekonomi semasa yang semakin dinamik ini. Kita dapat lihat bahawa golongan usahawan memainkan peranan yang sangat penting terutama sekali dalam sektor ekonomi kita terutama sekali dalam negeri Pahang tetapi ia juga merupakan antara rantaian nilai yang perlu kita terjemahkan untuk menyesuaikan dalam keadaan teknologi yang semakin canggih.

Selaras dengan ekspresi Rancangan Malaysia Ke-12, RMK-12 dan juga Dasar Wawasan Nasional 2030, kerajaan telah pun mengambil er...pendekatan yang lebih inklusif untuk melibatkan dan juga membangunkan usahawan di semua lapisan masyarakat termasuklah golongan belia, wanita, komuniti FELDA dan juga penduduk luar bandar dan juga di peringkat kerajaan negeri pula langkah proaktif bagi memperluaskan akses kepada pelbagai geran dan insentif, keusahawanan juga diambil supaya bantuan yang ditawarkan benar-benar bersesuaian dengan keperluan semasa serta tahap perkembangan perniagaan para usahawan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, kalau nak sebutkan geran ni, sebanyak kita dah senaraikan lebih kurang yang mengikut kajian yang telah dibuat di pangkalan pihak Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri, hampir 76 insentif ataupun geran yang telah pun telah dikeluarkan oleh pihak agensi-agensi terutama sekali daripada kerajaan persekutuan. Sehubungan dengan itu, izinkan saya menyenaraikan beberapa geran utama yang ditawarkan oleh kerajaan persekutuan serta agensi-agensi pelaksana yang bertujuan untuk menyokong pembangunan dan juga pertemuan usahawan tempatan merentasi pelbagai sektor terutama sektor pertanian, perniagaan dan juga teknologi baru. Antara yang kita rasa banyak yang diutarakan iaitu antaranya geran daripada RISDA seperti Aktiviti Ekonomi Tambahan AET, Start-up dan juga PRO-TANI dan juga untuk Aktiviti Ekonomi Tambahan untuk belia daripada ini, geran ini menyasarkan pekebun kecil dan juga usahawan muda untuk memulakan atau perluaskan projek dalam sektor pertanian. Itu RISDA, dan bagi geran keduanya daripada Kementerian Pertanian dan juga Keterjaminan Makanan KPKM iaitu pihak Kementerian Pertanian dan juga Keterjaminan Makanan KPKM antaranya ialah Geran Pemadanan High Impact Product HIP nilai sehingga RM200,000.00 iaitu kerjasama di antara *fifty-fifty* 50% daripada usahawan, 50% daripada pihak kementerian yang bernilai lebih kurang RM200,000.00. Kemudiannya adalah Geran Pemadanan Change Upgrade Product, CUP dengan izin. Nilainya sehingga lebih kurang RM60,000.00 dan 70:30 dan kita dapat lihat bahawanya Geran geran ini bukanlah semudah yang kita cakap pada hari ini.

Namun kerana usahawan tersebut yang terlalu berminat dan juga usahawan itu melibatkan diri dengan sektor tertentu, insya-Allah, mereka akan mendapatkan geran-geran tersebut. Antaranya yang agak popular pada hari ini ialah Geran Agropreneur Muda start-up sehingga RM30,000.00 bagi permulaan projek. Kemudiannya, Geran Agropreneur Muda Scale-Up sehingga RM50,000.00 bagi usahawan sedia ada dan juga Geran Agro Pelancongan seperti Yang Berhormat sudahpun bentangkan tadi untuk projek pelancongan berasaskan pertanian dan ada lagi daripada pihak FAMA. Kalau kita lihat seterusnya, usahawan juga boleh memohon geran melalui FAMA, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan termasuk juga Geran Agropreneur Muda GAM dalam RM20,000.00 ke RM30,000.00 untuk belia yang berumur 18 hingga 45 tahun. Ini antara program yang kita nak garapkan supaya usahawan-usahawan belia ini dapat berkecimpung dan bersama dengan agensi iaitu terutama sekali daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan FAMA bolehlah memohon Geran Agropreneur Muda ataupun GAM bernilai RM20,000.00 ke RM30,000.00. Kemudiannya untuk Geran CUP iaitu meliputi skop peningkatan kapasiti pengeluaran produk industri asas tani iaitu dalam sektor pembaikan premis dan juga aras persijilan dalam jumlah pembiayaan sehingga RM60,000.00. Ini antara-antara geran yang telah pun diwartakan di dalam pihak FAMA.

Yang selainnya juga kita ambil seringkasnya iaitu yang keempat daripada pihak SME Corporation Malaysia. Baru-baru ini, program-program ini akan dilaksanakan. Contohnya program...Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera, TUBE yang mengumpulkan banyaknya adalah untuk usahawan-usahawan belia yang berumur 40 tahun ke bawah dan banyak perkara-perkara ini, program ini diberikan latihan, bimbingan dan banyak perkara-perkara itu selama lebih kurang ada yang sampai 7 hari sampai 10 hari. Program-program ni dibangunkan bukan sahaja daripada *soft skill* dengan izin tapi diberikan juga hard skill dengan izin supaya usahawan-usahawan ini dapat dibimbing dengan baik. Seterusnya, pihak SME Bank akan memberikan geran berpandukan kepada perniagaan-perniagaan yang dimohon oleh pihak usahawan-usahawan tersebut. Kemudiannya, FELDA juga FELDA juga turut menawarkan geran iaitu Tabung Usahawan Belia. Kalau kita dapat lihat hari ni kebanyakannya geran-geran ini memfokuskan kepada pembangunan belia. Kerana apa kerana belia-belia ini

perlulah kita naikkan lagi setara lagi dengan usahawan-usahawan yang sedia ada. Usahawan-usahawan dipanggil usahawan-usahawan yang sudah bukanlah kata berumur yang telah pun matang dalam perniagaan boleh membimbing lagi usahawan-usahawan belia ini. Namun, usahawan belia ni perlu dibimbing bukan sahaja dari segi latihan asas, namun berbentuk geran-geran ataupun berbentuk pinjaman-pinjaman yang boleh diberikan kepada usahawan belia.

Yang keenam, mungkin kita ada lagi Perbadanan... Perbadanan Usahawan Nasional Berhad iaitu PUNB menawarkan geran seperti Pembiayaan PROSPER, fokus kepada perniagaan runcit dan perkhidmatan. Ni juga antara geran yang popular yang boleh diadaptasikan kepada golongan-golongan yang memerlukan. Kalau saya lihat waktu perniagaan runcit ini di kawasan luar bandar dan juga program yang dilaksanakan oleh PROSPER ni bukan sahaja berbentuk geran, dia berbentuk juga berbentuk latihan dan juga bimbingan kepada usahawan-usahawan ini supaya mereka dapat menjalankan perniagaan mereka mengikut standard atau mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Kemudiannya program jumPER bimbingan dan juga pembiayaan kepada usahawan-usahawan baru dan selain itu, saya menyentuh sedikit daripada Jabatan Perikanan Malaysia yang telah dibentangkan oleh pihak Yang Berhormat Dato' Benta tadi iaitu Jabatan Perikanan turut menyediakan geran perusahaan melalui Geran Pemadanan Program Pembangunan Integrasi Akuakultur dan juga ini antara geran-geran yang boleh dipohon iaitu program myAP untuk usahawan dalam bidang penternakan dan juga pertanian.

So, sebab itu kalau saya nak sebut lagi yang kelapan, Jabatan Pertanian Negeri Pahang juga menyediakan insentif dan pembangunan tanaman iaitu boleh dihuraikan oleh iaitu Yang Berhormat Benta yang akan menghuraikan beberapa perkara lagi geran-geran dalam pertanian yang telahpun kita utarakan di dalam kerajaan negeri dan yang akhir iaitu SIRIM Berhad yang merupakan agensi pelaksana dan tidak juga di SIRIM ini pula dia tidak memberi geran tapi namun bimbingan yang perlu. Sepatutnya kita nak melatih ataupun kita nak buat *packaging* dengan izin pembungkusan SIRIM ini boleh membantu pihak usahawan-usahawan yang ingin menaikkan produk mereka. Contoh daripada plastik yang trans er...dengan izin *transparent* jernih boleh menjadikan *stand porch* ataupun produk berdiri. Yang ini kita boleh bertemu dengan pihak SIRIM untuk kita membangunkan produk-produk tersebut dari segi penjenamaan-penjenamaan yang akan dinasihati oleh pihak SIRIM. Dari segi pembangunan produk, pembangunan produk mereka untuk pergi yang lebih lagi insya-Allah.

So, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, selain daripada itu, kerajaan negeri juga kita memfokuskan antara yang kita lancarkan iaitu geran untuk pemadanan untuk produk-produk kita di eksport. Dan baru-baru ini, pihak kerajaan negeri membawa produk-produk usahawan-usahawan negeri Pahang ini ke berbagai karnival-karnival bersama dengan er... pihak Pembangunan Ekonomi Negeri. Kita membawa produk-produk usahawan ini bukan sahaja di dalam Pahang. Hari ini kita nak bawa mereka di luar negeri Pahang dan selepas ini alhamdulillah, kita pun telah pergi berada di Dubai untuk produk-produk negeri Pahang. Sebab itu hari ini bukan sahaja kita nak menjadi jaguh kampung kita nak bawalah produk-produk kita, produk-produk Usahawan Negeri Pahang ini untuk bawa ke peringkat global dan juga peringkat international. Sebab itu kita mengharapkan supaya apa yang kita buat laksanakan pada hari ini untuk kita laksanakan supaya dapatlah kita adaptasikan dengan produk-produk tersebut kepada Kerajaan Negeri Pahang dan juga pada usahawan-usahawan Negeri Pahang. Sekian Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima Kasih. Saya ingin menamatkan sesi soal jawab. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita selesai membincangkan 10 pertanyaan dan jawapan sebagaimana praktis aturan hari semalam, saya tidak bercadang untuk menempuh persidangan ini. Pihak Dewan Negeri ada menyediakan jamuan pagi di bilik jamuan ADUN bagi ADUN-ADUN negeri dan di kanopi bagi Ketua-ketua Jabatan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dijemput untuk menikmati jamuan yang disediakan secara bergilir-gilir dan kembali semula ke dalam Dewan. Seperti yang saya nyatakan bahawa kita ini berada di dalam siaran langsung iaitu FB Live. Jadi, kita tidak mahu ada kerusi-kerusi kosong kecuali mereka yang telah pun mendapat kebenaran daripada Speaker atau memaklumkan kepada Speaker tentang ketidakhadiran mereka. Baiklah, marilah kita meneruskan dengan aturan mesyuarat seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga. Sambungan perbahasan usul menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan majlis ialah satu usul yang berbunyi bahawa dengan Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Usul ini tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan telahpun mendapat sokongan. Sekarang saya mengemukakan semula usul tersebut kepada perbahasan. Dengan ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari kawasan Luit untuk membahaskan usul ini.

(ADUN LUIT - N24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua. [Ayat al-Quran]. Pertamanya saya...Namun ucapkan menjunjung kasih atas atas Titah Diraja pada hari Jumaat yang lepas, titah daripada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah. Juga saya nak mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke atas Keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda juga bersama dengan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj. Juga Kebawah…kepada Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Almarhum Ibni Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan saya juga mengambil kesempatan ucap terima kasih kepada kakitangan kerajaan di Maran, swasta, orang perseorangan dan badan-badan seperti JPKK dan sebagainya yang saya fikir bertungkus lumuslah menghias bandar Maran membersih bandar Maran untuk meraikan keberangkatan kebawah duli pada hari semalam dan terutamanya di bawah. Pentadbiran Yang Berhormat…Yang Berbahagia Dato' Khairun Nisa binti Aris dan saya ambil kesempatan juga nak ucapkan sekalung tahniah kepada tiga orang pegawai tinggi kerajaan yang baru dilantik yang pertama. Yang Berhormat Dato' Indera Nazri Abu Bakar yang menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang yang baru. Yang keduanya, Yang Berhormat Dato' Haji Fadzilla Salleh, Pegawai Kewangan Negeri.

Juga kepada Yang Berhormat Mohd Saifuddin Hashim Musaimi. Penasihat Undang-undang dan tidak ketinggalan juga ada dua orang pengarah iaitu Yang Berbahagia Dato' Hamdan Hussin dia ke Pejabat Pembangunan Negeri dan juga Dato' Razihan Adzharuddin jadi Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tempat sayalah, saya terus kepada tempat saya ini sebab semalam tak datang. Jadi hari ni ringkas sikitlah cakap. Ada banyak projek di Maran untuk RMK 12. Saya nak sebut satu-satu dalam Dewan ini. Yang pertamanya naiktaraf jalan tol di Maran, naiktaraf simpang jalan di Perumahan PR1MA di Maran dan dua-dua ni sudah telah pun dilaksanakan dan yang lain akan akan dijalankan seperti naik taraf simpang Kampung Sentosa, simpang ni dulu memang kerap berlaku kemalanganlah. Berapa tahun yang dulu. Alhamdulillah, sekarang ni, takdelah kemalangan-kemalangan maut di jalan di simpang Kampung Sentosa, Jambatan Jeti Kampung Kuala Wau, Kuarters Kesihatan Sri Jaya, Klinik Kesihatan Sri Jaya, Tebatan banjir Sungai Luit dan Sungai Kertam ni kalau dah siap akan mengatasilah masalah banjir di Kampung Sri Jaya, Luit dan sebagainya. Klinik Kesihatan Bandar Maran.

Pembangunan Taman Tasik di Bandar Maran dan bangunan baru Majlis Daerah Maran. Saya ambil kesempatan ni nak ucap selamat datang dan selamat bertugas kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Maran yang baharu, Saudara Muhamad Anuaruddin Mohd Yusoff@Ahmat dengan doa semoga dipermudahkanlah sepanjang tugas di Maran. Insya-Allah, saya nak ambil kesempatan juga nak menyebut sekali lagi Jambatan Lubuk Paku yang kita sebut-sebut setiap kali dalam Sidang Dewan tu memang dimasukkan dalam RMK-12. Cuma nak mintak perhatian lebihlah daripada pihak kerajaan kalau boleh disegerakan untuk membina jambatan tu. Dan kita pun dah memberi beberapa alasan dah betapa pentingnya jambatan tu. Dan terima kasih juga kepada pihak kerajaan kerana Masjid Lubuk Paku telahpun dibina. Dan…dah siap masuk *pilling* tu, Insya-Allah akan jalan lancar seperti yang dijadualkan.

Beberapa perkara yang perlu perhatian pihak kerajaan yang lain ialah masalah tanah Masjid Kampung Serengkam yang duduk di dalam kawasan sekolah. Sekarang ni proses pertukaran tanah sedang sedang dijalankan. Cuma mohon dipercepatkanlah pengeluaran geran kepada pihak-pihak berkenaan tu untuk kita dapat meneruskan agenda untuk pembinaan Masjid Kampung Serkam. Kemudahan bekalan air juga kita dapat maklum daripada orang ramai bahawa projek itu berjalan agak ketinggalan daripada jadualnya. Kalau dalam Bahasa Inggeris, kena panggil *delay project, delay* itu juga satu…satu projek penting kepada masyarakat di DUN Luit.Seterusnya, mohon perhatian dan percepatkan lagi kerja-kerja pembinaan Jalan Maran-Serengkam.

Yang kedua, Jalan Lubuk Paku-Pejing memang sedang…sedang berjalan tapi agak nampak agak *slow* sikit. Saya mintak perhatian kerajaan untuk mempastikan projek ini berjalan dengan lancar. Juga satu isu lagi ialah di…ada 25 keluarga dipanggil rumah kilang di Kampung Bintang. Kita nak mintak pihak kerajaan bagi penjelasanlah atau jaminan bagaimana masa depan mereka yang tinggal di kawasan itu kerana duduk di atas satu tanah yang tak tahu statusnya dan ini kita telah maklum kepada Pejabat Tanah dan Daerah sejak 2 tahun lepas. Juga kita nak tahu juga status rumah PR1MA di Kampung Sungai Kemak yang masih belum dihuni, masih belum dimasuki oleh oleh pemohon-pemohon, pemilik-pemilik rumah berkenaan. Itulah perkara-perkara yang saya sebut untuk DUN Luit dalam sidang kali ni. Dan saya nak menarik perhatian Dewan juga tentang fenomena dunia sekarang ni dimana kaitannya dengan negeri Pahang ini iaitu satu fenomena dimana ramai orang di dunia sekarang ni mendekati dan mengenali Islam. Malah, dia ada… ada yang mengangkat syahadah.

Dah saya ingat 100 ribu mungkin dah cecah jutaan orang dah. Ini satu fenomena besar dan apa kaitan kita dengan negeri Pahang ni. Saya membayangkan begini mereka ini mualaf, orang baru baru nak belajar Islam baru nak memahami Islam. Kita di Pahang ni orang Islam baka keturunan kita. Nenek moyang kita memang dah Islam lama, mungkin abad ke-7 awal lagi abad ke-8 dan sebagainya. Jadi apa yang saya nak sebut di sini. Saya nak saran kepada kerajaan Pahang lah. Kalau boleh kita tingkatkan kefahaman Islam orang Pahang ni dan terus menjadikan Islam ni satu cara hidup sampai ke peringkat Islam sebagai mentadbir negeri ni maknanya negeri Islam Pahang. Sebab-sebab begini bila orang muallaf ni ramai seluruh dunia dia mereka akan mencari di mana negeri yang boleh dibuat contoh permintaan Islam yang yang betul di atas dunia ni. Jadi ni peluang kepada kita. Kita tak kata kita nak buat Islam tak. Kalau UMNO boleh buat, tak ada masalah, kita akan sokong sahaja. Dan elok sangatlah kerajaan mudah mendekati pelajar-pelajar Islam di Timur Tengah. Semua bagi duit belanja sebagainya, bagi duit poket.

Bukan… jangan bagi duit sajalah. Bagitau jugak. Belajar ni balik kampung pergilalah masjid, kerajaan bina banyak masjid, beratus-ratus. Tapi nampak tak berapa ramai 2, 3 baris je. Jadi kita tak boleh belajar balik. Pergi masjid duit dah bagi. Jadi nak bagitahu bahawa kita bersama-samalah meningkatkan kualiti hidup kita org Islam. Orang Islam yang berkualiti. Orang Islam yang yang tinggi takwanya. Yang amal ma'ruf nahi munkar ni kuat. Jadi mudah untuk bina satu negeri di mana bukan sahaja individunya hidup cara Islam. Keluarganya hidup cara Islam, masyarakatnya dan akhirnya pentadbiran kerajaan pun. Memerintah mengikut agenda Islam. Dan akhirnya akan menjadi tumpuan kepada dunia sebagai negeri rujukan. Jadi, tempat mereka melawat ke sini. Mereka belajar di sini dan sebagainya. Dan kita dari segi pembinaan negeri Islam Pahang ni kita terbuka pada siapa yang boleh. Pasukan mana yang boleh bawa agenda ni silakan dan kita akan terus menyokong hasrat tu. Sebab nak bina ni ialah dari segi bahasa cakap mudah je sebenarnya macam masak nasi lemak. Nasi ni kita ada 4 M nak kena buat perabot 4 M dan kita nak bina Islam 4 M jugak.

Kalau masak nasi tu memang tahu material kena ada beras dengan air. Kena ada mesin dia, periuk belanga, dapur gas, mancis api. Lepas tu ada apa kena ada *manpower* dia orang masak kena ada bahan keempat ni, *method* kaedah nak masak nasi kena betul, baru jadi nasi. Begitu juga kita nak bina negeri Islam ni, material kita ni quran dan hadis dah memang dah ada bawak keluar, gunapakai jelah. Ramai orang alim, orang pandai, cerdik pandai. Yang keduanya lepas tu mesin jentera. Kita pun ada jentera, sama jentera kerajaan ke jentera-jentera yang dibuat oleh kumpulan-kumpulan manusia, NGO dan sebagainya. Ini semua jentera. Kemudian lepas jentera, kita ada apa? Err… Mesin? *Man*, *man*? Oranglah, kitalah…kita kena ambil tanggungjawablah sebagai Islam. Memang kita kena bawa Islam itu dalam kehidupan ini. Ini kewajipan kita. Dan yang keempatnya, *follow method* kaedah. Kaedah ni kita tak yah ceritalah macam-macam. Macam-macam kaedah ada untuk kita melaksanakan matlamat untuk kita menjadikan Islam… err… Pahang sebagai sebuah negeri Islam ya. Err…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh gulung, ada dua minit lagi.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Dua minit lagi? Er…Memang…memang nak abis dah pun, tak ada dah kertas. Ni pun dah tak ada idea. Jadi akhir sekali err… saya ada buat pantun tadi, mana duduknya.

Ada satu ya. Ingat saya nak berdoa sikitlah, pantun nombor dualah, ya. Pantun kejap Speaker, pantun hilang pulok. Hah, ada.

Anak-anak sama bersilat
Buka langkah hias berbunga
Tanah ini tanah berdaulat
Jaga agama jaga istana

Ya, akhir sekali saya berdoa sikitlah. Dato' Speaker kena amin tu sebab doa ni doa baik ni. Bismillahirahmannirrahim Ya Allah Ya Tuhan kami, kami mohon pada mu ya Allah curahkanlah, limpahkanlah, kurniakanlah kepada kami perasaan kasih dan sayang agar hubungan persahabatan kami. Hubungan silaturrahim kami dan hubungan persaudaraan kami terus kukuh dan kuat untuk kami terus menjaga, membina di Pahang yang sejahtera ini. Amin Ya Rabbal 'Alamin. Jadi sekian saya dengan ini memohon mohon menyokong Titah Diraja. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, Wakil daripada Luit. Sebelum saya meneruskan untuk apa namanya Ahli Yang Berhormat yang kedua untuk membahaskan. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran anak-anak kita daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Astana, Kuantan. Pelajar-pelajar tingkatan 6 yang berada di atas tu. Mereka sedang meneliti kalau-kalau ada soalan-soalan di sini yang akan keluar dalam peperiksaan STPM nanti. Agaknyalah. *spot questions.* Itu zaman saya dululah. Seterusnya saya jemput wakil daripada Jenderak untuk membahaskan.

ADUN JENDERAK - (N.27)
YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker memberi laluan dalam perbahasan Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Permaisuri Tunku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj.

Merafak sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih dan penghargaan kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Semoga Allah Subhana Wata'ala melimpahkan rahmat dan keberkatan yang berkekalan kepada Baginda Tuanku dan seluruh kerabat serta sentiasa diberikan perlindungan sepanjang baginda mentadbir negeri Pahang ini, demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri Pahang tercinta ini.

Menjunjung kasih di atas Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang sentiasa mementingkan kesejahteraan dan keharmonian rakyat jelata. Sebelas perkara yang digariskan cukup padu dan mantap. Ianya juga memberikan semangat untuk kita sama-sama kepimpinan negeri, daerah dan juga DUN untuk memastikan negeri Pahang duduk di landasan yang benar dan ditadbir urus dengan baik seperti mana kerajaan yang ada pada hari ini. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail dan saya percaya ke hadapan ini dengan perancangan yang telah disusun atur dengan baik dan diperakui oleh Ahli Dewan Negeri akan memperolehi kejayaan yang cemerlang dan hasil pendapatan yang lebih baik. Mungkin 2 bilion selepas ini insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Syukur Alhamdulillah kita dapat melihat berbagai program serta inisiatif yang telah berjaya dilaksanakan dan banyak memberi manfaat serta faedah kepada semua lapisan masyarakat yang ada di negeri Pahang ini. Tidak ketinggalan di DUN Jenderak.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Di kesempatan ini juga ingin saya merakamkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang dan juga Jabatan Parit dan Saliran (JPS) kerana meluluskan pembinaan Projek Tebatan Banjir (RTB) bernilai RM98.5 juta, syiling di jajaran Sungai Pahang ke Sungai Krau bagi mengurangkan masalah banjir. Seterusnya juga terima kasih kepada Kementerian Kesihatan dan juga JKR meluluskan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 Kuala Krau di DUN Jenderak. Harga kontrak RM39,903,347.00. Di mana tarikh milik tapak pada 8.4.2025 dan tarikh siap, insya-Allah 10.4.2028. Seterusnya juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak PDRM kerana dapat membina Balai Polis Kuala Krau yang baru yang sudah siap pun dibina. Alhamdulillah. Ini semua untuk kepentingan dan kemudahan semua masyarakat di DUN Jenderak & sekitarnya.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Berkenaan dengan kuarters guru yang tidak ada penghuni. Sudah sekian lamanya dan tidak diselenggara atau diuruskan dengan baik. Ianya mendapat keluhan negatif daripada masyarakat setempat & dibimbangi ada penghuni lain yang menumpang. Di sini saya ingin bertanya apakah hala tuju Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri dalam menangani permasalahan ini. Contoh di DUN Jenderak, kuarters guru SK Felda Jenderak Utara dan kuarters guru Kuala Krau termasuk juga kuarters guru Kerdau. Saya berpandangan sekiranya kuarters ini tidak digunakan lagi, maka perlulah diserahkan kepada jabatan atau pihak sekolah untuk diguna bagi menambah infrastruktur sekolah yang sedia ada untuk dijadikan dewan kuliah, bilik seminar, studio komputer, bilik muzik dan lain-lain kerana kos pembinaannya dahulu jutaan ringgit akhirnya dibiarkan begitu sahaja.

Akhirnya masalah kekurangan guru di daerah Temerloh. Lebih kurang dalam enam puluh guru diperlukan. Saya harap Jabatan Pendidikan Negeri atau Kementerian Pendidikan dapat menyelesaikan perkara ini dan mengkaji semula pengambilan serta penempatan guru-guru di setiap sekolah bagi menampung aktiviti pembelajaran di sekolah. Akhirnya, saya sekali lagi merakamkan penghargaan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Pahang serta Kerajaan Negeri Pahang, Pegawai Penasihat Undang-undang Negeri Pahang, Pegawai Kewangan Negeri Pahang.

Semoga negeri Pahang menjadi negeri yang sentiasa di dalam perlindungan Allah S.W.T. serta mencapai kemajuan yang lebih baik di masa akan datang. Insya-Allah dengan prestasi yang ditunjukkan, kita dapat melihat bahawa Kerajaan Negeri Pahang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dapat mentadbir dengan… negeri ini dengan adil tanpa mengenepikan semua lapisan masyarakat. Terima kasih Dato' Sri Speaker, Jenderak penyokong. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, Wakil daripada Jenderak. Kita jemput Wakil daripada Tanjung Lumpur.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Assalamualaikum WBT. [Ayat al-Quran]. Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan Ahli EXCO, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat,

Pengarah-pengarah Jabatan dan semualah, muslimin muslimat yang berada dalam Dewan Yang Mulia ini. Namun, kita bersyukur dengan nikmat iman dan Islam dan seterusnya kita juga bersyukur kerana dengan hidayah dan taufik daripada Allah SWT, kita sama-sama dapat dihimpunkan dalam dewan ini untuk kita bersidang, untuk kita membincangkan perkara-perkara yang berkaitan khususnya untuk negeri Pahang dan saya mengucapkan terima kasih kerana telah diberikan kesempatan untuk turut serta dalam ucapan perbahasan Titah Diraja pada… pada pagi ini dan saya melihat bagaimana titah ucapan Diraja ini banyak menyentuh beberapa perkara dan pastilah perkara-perkara yang disentuh itu adalah perkara yang penuh dengan harapan untuk kebaikan negeri Pahang dan juga supaya negeri Pahang ini dapat terus maju ke hadapan Insya-Allah, dan kita juga melihat beberapa pujian-pujian daripada Yang Mulia Tuanku terhadap Kerajaan Negeri Pahang atas capaian-capaian pencapaian yang hebat di antaranya hasil kutipan hasil tahun lalu yang mencecah sehingga RM1.22 bilion.

Jadi, saya ucap tahniah jugalah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri Pahang. Juga kita…saya mengambil juga kesempatan untuk mengucapkan tahniah di atas ketegasan Kerajaan Negeri Pahang terhadap beberapa isu penting. Di antaranya ialah isu pencerobohan tanah. Jadi, kerajaan telah mengambil tindakan yang sebelum daripada ini dan termasuklah dalam isu yang terbaru. Jadi, kita mengharapkan bahawa ketegasan-ketegasan ini dapat dilaksanakan sehinggalah sampai bila-bila bagi menjaminkan Kerajaan Negeri Pahang ni berada dalam keadaan yang baik. Insya-Allah.

Mungkinlah dan kita mengharapkan supaya kebaikan dan ketegasan ini dapat diteruskan sampai bila-bila sehinggalah kepada legasi yang akan datang, pengganti Menteri Besar yang…yang akan datang. Sebab mungkin yang ada dalam Dewan ni mungkin akan datang akan ganti Menteri Besar yang ada sekarang pada ketika ini mungkin daripada pihak parti kerajaan dan mungkin juga tidak mustahil lah daripada pihak kami pula akan jadi Menteri Besarnya pada pilihan raya akan datang. Sebab Allah SWT [Ayat al-Quran] dan masa menang dan kalah tu kami gilirkan di antara sesama manusia. Sebutlah hebat setara mana sekalipun bila dah sampai giliran dia, yang dia telah ditentukan oleh Allah, maka akan berlakulah penggiliran.

Sebab tu kalau kita melihat Kerajaan Othmaniah ni bukan sekejap dia memerintah, 600 tahun. Tapi pada tahun 1924, akhirnya jatuh jugak. Selama 600 tahun, sebab [Ayat al-Quran]. Allah Ta'ala sebut, dia gilir. Menang kalah ni adalah giliran macam peperangan Badar dan peperangan Uhud. Ayat ni turun berkaitan dengan peperangan Uhud. Bila peperangan Badar, Islam menang tapi dalam peperangan Uhud Islam ramai luka. Maka Allah Ta'ala pun turun ayat ni. Menang dan kalah ni adalah Allah SWT tentukan digilirkan kepada kepada…kepada manusia. Jadi sebab itulah mungkin kali ini UMNO memerintah, akan datang mungkin PAS pula yang memerintah. Dia boleh berlaku kan, maknanya begitu. Cuma yang kita harapkan ialah prestasi ketegasan yang ada pada Kerajaan Negeri Pahang pada ketika ini, dalam isu ini dapat diteruskan sampai bila-bila pada masa yang yang akan datang. Jadi tak pelik dok Muammar al-Ghaddafi, dia memerintah pada tahun 1969, lepas dia gulingkan Kerajaan Monarki bawah pemerintahan Sultan Idris pada masa tu. Dia pun memerintah, lama dia jadi Perdana Menteri 42 tahun bukan sekejap, 42 tahun tapi sampai masa jatuh tu jatuh jugak. Dah sampai masa. Begitu juga dengan Iraq yang terbaru dengan Bashar Assad di Syria dan sebahagiannya.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Maknanya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, maknanya Kelantan boleh jatuhlah.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Ha…boleh [Ahli Dewan ketawa]. Kelantan boleh jatuh dan Kelantan pernah menjatuhkan UMNO. Dia begitulah keadaan dia [Ayat al-Quran], itu. Hak Allah Ta'ala sebut dah. Baik. Kemudian saya nak pergi kepada isu. Nak pergi kepada isu yang tempatan. Dia sebenarnya Tanjung Lumpur ini tak banyak isu. Bab tu kita ucap terima kasih juga kepada kerajaan sebab ambil perhatian sikit pada Tanjung Lumpur sebab Tanjung Lumpur ni duduk di kawasan bandar. Jadi tak banyak isu sangat dan ada isu-isu ini pun saya rasa tak sesuai pun kita nak cakap dalam dewan dan saya… saya tengok pun…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih kepada ADUN Tanjung Lumpur. Maknanya Kerajaan buat baiklah sampai takde isu. Maknanya banyak masalah diselesaikan dan kita tangani sebelum ada masalah. Jadi, maknanya terima kasih kepada ADUN Tanjung Lumpur menyebut bahawasanya membukti…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tiada isu kerajaan.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kerajaan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi kadang-kadang memang tiada isu, tapi dorang buat-buat isu.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Jangan banyak sangat mencelah, kang lupa. Bukanlah tak ada isu, kalau setakat perkara-perkara biasa tu, kita dah buat aduan kepada Jabatan Kerajaan…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lo…lo… longkang tersumbat, tak payah bawak dewanlah.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Tak payah bawak Dewan. Kalau nak sebut yang tu jugak, kita kena bersidang 40 hari 40 malam. Memang tak habislah. Jadi kita cakap benda-benda yang penting, benda yang kita lihat setelah berulang kali kan…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Nak tanya sedikit Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, ada masalah isu… ada isu tak Juadah Makmur di Tanjung Lumpur, ada masalah tak?

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Setakat ni, Juadah…saya karanglah jawab boleh? Takut lupa nak sebut. Juadah Makmur ni kita dah bincang dah pada sidang yang lepas kan. Dia isu dia ialah kitalah. Sebab kita merasakan ada satu benda yang lebih penting yang lebih besar daripada tu. Dan di antara yang disebut tadi, isu kemiskinan dan sebagainya. Tapi saya nak pergi kepada isu itu untuk Tanjung Lumpur…Tanjung Lumpur dulu kan. Ini cuma saya sebutlah tadi. Terima kasih kerana beberapa prasarana yang Kerajaan apa telah uruskan, selesaikan di…di Tanjung Lumpur yang kita buat aduan, *report* dan sebagainya dan alhamdulillah lah makna walaupun Kerajaan tolong selesaikan, maka yang menang tu PAS lah jugak. Dia jadi ni…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ni saja bergurau je. Maknanya Tanjung Lumpur ni boleh bergilirlah semula, ya. Bergilirlah kita lah pulak.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Kena lawan dulu. [Ahli Dewan ketawa]. Dia tak leh gilir gitu je. [Ahli Dewan ketawa]. Jadi bila kerajaan buat keadaan yang menang tu PAS, apabila dapat jabatan yang kedua tu, orang kata ustaz Rosli jugak buat, hak tu yang hebat tu. Hak tu bergurau, kekanda EXCO. Baik, saya nak pergi kepada isu di Tanjung Lumpur. Tak banyaklah, ada dua tiga je. Pertama berkaitan dengan jeti Kampung Peramu, baik. Jeti Kampung Peramu ni, saya ada jumpa satu gambar Tanjung Lumpur yang lama dia tarikh dia tahun 1937. Makna lamalah Tanjung Lumpur ni dan pesisiran dia termasuklah Peramu dan jeti di Kampung Peramu, yang mana ada sedikit isu dengan Yayasan Pahang bila Yayasan Pahang beli tanah tu jadi berlaku hakisan yang kalau tengok pada pelan tu bukannya tanah itu je milik Yayasan Pahang, dengan laut-laut tu jadi dengan sungai tu jadi Yayasan Pahang jugak menyebabkan jeti yang…yang dah sedia ada di Kampung Peramu ni, yang mana jeti ni dia apa dia dah berusia kalau ikut orang-orang tua yang ada di situ, dia kata ada Tanjung Lumpur adalah peramu tu, maka lamalah… lama dah jeti tu sehingga ada yang menyebut mungkin dalam tahun 1930 lah itu orang tua-tua yang… yang sebutlah. Tapi jeti tu memang lamalah jeti di Peramu. Jadi bila mereka ni dapat notis pada baru-baru ni supaya er…dihentikan…supaya dihentikan apa aktiviti penempatan bot, pendaratan bot di…di situ, jadi para nelayan kita dah buat

pertemuan dan sebagainya. Apa yang mereka mintak ialah yang pertama supaya ditangguhkan dulu sebab kerana mereka ni cuba juga cari tempat dan mereka mintak supaya kalau boleh kerajaan cadangkan mana tempat untuk mereka labuhkan. Perahu mereka besar, bot mereka besar 30 lebih ada er... 30 lebih bot yang er... ditambat di situ. Bot-bot yang besar er… dan termasuklah ada juga bot persiaran. Saya pun baru tahu bila rupanya daripada Tanjung Lumpur ni boleh pergi ke Pulau Tioman, menaiki bot daripada Tanjung Lumpur. Harga dari RM1,800.00 je dengan perjalanan dua jam setengah pergi, dua jam setengah balik.

Saya kira murahlah sebab bila saya naik di Tanjung Gemok, dia nak RM1,500.00 juga satu bot. Tapi di sini dia nak RM1,800.00, dua jam setengah pergi dua jam setengah balik. Manakala Ahli daripada Tioman dan sebagainya, er... dia boleh terus naik bot je daripada sana terus untuk Sidang Dewan di...di sini. Jadi, makna di...di Tanjung Lumpur tu ada perkhidmatan tu dan di jeti itulah, dan di jeti itulah. Jadi kita semua tahu bahawa nelayan ni dia adalah tulang belakang kepada apa? Sumber keterjaminan makanan Malaysia termasuklah kita di...di negeri Pahang.

Jadi pertama, permintaan nelayan-nelayan, pemilik-pemilik bot di situ sebab dia ada er... ahli yang di Peramu saja, ahli nelayan yang ada di Peramu sahaja ada 200 orang lebih. Separuh undi UMNO tu, separuh undi PAS [ketawa]. Bukan semua undi PAS, ada jugak undi, undi UMNO, kan? Kita fahamlah hok tu. Jadi [batuk], jadi... kalau tak bagi tak bagi esok, bimbang yang…apa? yang UMNO tu dia gi undi PAS [Ahli Dewan ketawa]. Lepas tu kalau bagi pulak yang UMNO tu dia terima kasih, dia undi PAS juga [Ahli Dewan ketawa].

Nampak Yang Amat Berhormat nak celah tadi?

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, hari ni lain macam ucapan Pengerusi Perhubungan PAS Pahang ni. Nampak ada gaya kadang-kadang macam nak pergi ke sebelah sini [Ahli Dewan ketawa]. Jadi, kalau kita bagi, dia dapat maklumat kalau bagi tu yang PAS tu nak pergi ke UMNO. Boleh ke?

(ADUN TANJUNG LUMPUR – N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Sampai tertutup ha [ketawa]. Er...insya-Allah kita lembut dengan UMNO pada hari ni sebab nak pujuk UMNO masuk PAS [ketawa]. Baik tak apalah kita…hak tu bahagian bergurau tu tak apa. Baik er...pertama yang mereka mintak tangguhkan dulu, mintak budi ba...er...apa? Budi bicara supaya tangguhkan dulu? Yang kedua, kalau nak dipindahkan juga mereka mintak kerajaan carikan satu kawasan persisiran sungai yang mereka boleh labuhkan bot sebab kos dia pun tinggi. Dia nak buat batu ceracak untuk tambatan bot tu sahaja, kalau satu batang tiang tu makan... menelan RM30 ribu. Banyak er...

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Minta maaf sahabat saya daripada Tanjung Lumpur. Sebelum saya terlupa, di Tanjung Lumpur ni dia ada satu nama Kampung Derhaka ingat? Sungai Derhaka, Kampung Derhaka.

(ADUN TANJUNG LUMPUR – N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Sungai Derhaka.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Derhaka ha tulah. Dia macam ni juga Me'nate. Sama ada Me'nate atau Menate. Macam kita makan *steak* kan di restoran Me'nate. Macam mana nak menyebutnya? Me'nate ke? Ke *men ate* ke atau nate kan? Contoh. Tapi maknanya, maksudnya Sungai Deraka, Kampung Derhaka. Mungkin tadi sebab ini Yang Berhormat ADUN er...Tanjung Lumpur ada sebut pasal sejarah, jeti dan sebagainya. Mungkin kalau boleh dapat tahu cerita mengapa nama tu begitu kan, pertama.

Tapi yang keduanya saya nak maklumkan gini Dato' Sri Speaker, saja nak mencelah. Er...para nelayan ni dah bangkit dah perkara ni kepada pihak kerajaan dan er... perkara ni telah pun dalam makluman. Insya-Allah kita er…sedang meneliti kaedah yang terbaik untuk menangani perkara ni. Tujuan saya bangkit ni, saya tak nak nanti nelayan tu kata nasib baik...maknanya orang lain tak mahu dengar, maknanya pergi kepada ADUN er...Tanjung…Tanjung Lumpur. Dok maksudnya dia ada 50/50. Nelayan tu ada yang menyokong pihak kerajaan, ada yang menyokong ni...pihak pembangkang. Tapi sepertimana yang kita nyatakan, sebenarnya kita bagi pengiktirafan. Mereka ni adalah merupakan wira-wira yang kadang kala tidak didendang, *the unsung heroes*.

Jadi dalam konteks seumpama ni, kerajaan sebenarnya memberi perhatian pada nelayan ni waima bagaimanapun pendirian dari segi apa nama? Pegangan politiknya kerana kita nak dan sentiasa menyanjungi sumbangan dan pengorbanan mereka kepada agenda keterjaminan makanan. Jadi untuk maklumanlah, tapi tak apalah, sa... kita benarkan er... ADUN Tanjung Lumpur, dia kata tak ada isu tadi, dia bangkitkan yang tu. Baik, tapi sebenarnya kerajaan dah sedia maklum mengenai perkara ni. Terima kasih.

(ADUN TANJUNG LUMPUR – N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Terima kasih. Jadi tak perlu lagi dah lah. Habislah sebab kerajaan pun dah tahu. Saya pun tahu kerajaan tahu. Tapi...tapi saya kena beritahu juga supaya kerajaan lebih tahu dan supaya dia tahu bahawa saya dah beritahu kerajaan supaya tahu [ketawa]. Baik, er...saya kira cadangan-cadangan mereka tu kerajaan dah tahu, insya-Allah mudah-mudahan kerajaan akan dapat ambil tindakan.

Yang kedua, saya sentiasa membawa isu Flat Pak Mahat, PPRS Pinggiran Putra Tiga. Baik, isu yang pada hari inilah saya nak bawa ialah masalah isu pemutihan penduduk di Flat Pak Mahat. Sebab matlamat kepada pembinaan PPRS tu pasti kita nak tolong orang susah, orang miskin yang tak ada rumah tu. Matlamat kita memang begitu kan? Tapi, kita tengok dah ramai er...dan kita pun mendapat aduan yang miskin tu barangkali dia jadi kaya dah agak er... agaknya lah kan? Lepas tu dia sewakan rumah tu kepada orang lain. Jadi dia mendapat pulak keuntungan daripada rumah yang

sepatutnya disediakan kepada orang-orang miskin, orang susah. Dia nak isu ni dah, dah, dah pernah dibawa dan kita minta perhatianlah supaya kalau boleh dibuatkan pemutihan er...terhadap penduduk tu, dan kemudian ni aduan yang terkinilah er... lif rosak ni dah sebulan dah ni, kat…kat Blok B tu, jadi kita minta perhatianlah. di Blok B tu lif rosak berbulan, ni aduan daripada penduduk. Itu sikitlah berkaitan dengan Flat Pak Mahat.

Dan kemudian saya nak ambil sedikit isu dadahlah. Dadah ni bila sebut Tanjung Lumpur ni sinonim dengan dadah daripada dulu, dan dari sudut statistiknya bahawa Tanjung Lumpur ni pernah... *top five* lah seluruh Malaysia. Er... apa? Tanjung Lumpur dan Tanah Putih...Tanah Putih Baru er...yang memang menjadi kawasan penagih dadah daripada er...daripada dulu. Dan er...kalau kita mengikut sumber daripada AADK bahawa negeri Pahang ni dia ada 11,750 penagih... penagih dadah ya, penagih dadah dan mendapat tempat yang kelima. Tempat yang kelima di seluruh negara.

Saya main boling semalam pun nombor 13 tau, nombor 13. Dia peserta ada 33 dok? Er...saya jangka sayalah nombor 33 itu, tetapi rupanya nombor 13. Boleh mengalahkan beberapa orang Exco dan Timbalan Presiden saya pun saya kalahkan dia semalam [Ahli Dewan ketawa]. Sampai panjang... panjang, panjang umur dia. Er...

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Beri... bagi laluan sikitlah. Kadang-kadang kita dengan kawan-kawan ni kita kena beri laluan supaya jangan nampak sangat kita mengecewakan dia.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia begini tu, dia kabo Timbalan Presiden pun dikalahkan. Jadi maknanya.... sekarang ni musim pemilihan, jadi kita rasa... [ketawa].

(ADUN TANJUNG LUMPUR – N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Dia tak apa, dalam PAS ni Pesuruhjaya tidak ada pemilihan. Er…dia tidak, dia melalui lantikan, baik. Jadi sebab tu jawatan pesuruhjaya ni tak pernah berbalah sebab dia bukan pemilihan. Baik kemudian saya nak sambung dalam isu AADK tadi, jadi Tanjung Lumpur ni semua kita tahu dan saya nak ambil perhatian sedikit, bagaimana di depan Swiss-Bel, di hujung tanjung ni kawasan semak... kawasan semak tu kita tahu tu tanah orang, dan untuk maklumanlah bahawa dalam tu banyak lagi rumah-rumah usang yang di...didiami. Er…didiami oleh ada nelayan dan sebagainya dan itulah di antara kawasan yang paling aktiflah dalam aktiviti mendadah ni. Setiap kali bila kita datang ziarah dan sebagainya, mereka ha...itu bahasa Tanjung Lumpur [ketawa] er...aktiviti mendadah, bahasa orang kampung kan. Maknanya mereka ni ramai, ramai lagi er... mereka ni ramai dan saya merasakan bahawa kawasan hutan semak samun ni mesti kerajaan ambik er...perhatian supaya kawasan tu dia tidak menjadi sarang lah. Er... sebab sekarang ni pulak dadah ni diperkenalkan pula sistem apa bekalan dadah mesra pelanggan makna sekarang ni dah ada COD dan sebagainya. Ini memang ini memang tercatat, makna orang nak beli dadah anak-anak kita nak beli dadah sebagainya sekarang ni, er...bukan lagi nak kena menyorok sana menyorok sini sekadar dengan telefon sahaja maka dia akan dia akan sampai. Maka ini adalah satu keadaan yang saya kira sangat berbahaya. Jadi saya sebut ni untuk perhatianlah daripada pihak kerajaan, er...dengan peruntukan yang kita ada, mungkin kita boleh

fikirkan untuk, supaya kita dapat buat program-program pemulihan dan juga untuk membenteras er...membenteras penagih-penagih dadah ni er...sebab ni 11,750 ni angka terkini ni sehingga September. Maka ramailah er...jadi er...saya rasa itu sahajalah dah lebih dah tu tapi sebab, Dato' Speaker dia baik ari ni dia puasa. Dia takut batal puasa dia, dia tak sekat saya. Jadi terlebih masa, tadi saya dengan ini mohon er... menyokong titah ucapan Diraja. Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dalam jangka, dalam waktu jangkaan saya. Sebab tu saya tak tegur. Seterusnya, er... kita teruskan dengan wakil daripada Ketari.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Saya mengucapkan terima kasih dan atas kebenaran dan peluang yang diberikan kepada Ketari untuk membahas titah ucapan Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang bersempena dengan pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 18 Mei tahun 2025. Dengan rendah diri, saya merafak sembah dan menjunjung kasih atas titah ucapan Diraja Duli Paduka Baginda Sultan Raja Pahang yang telah menyempurnakan Istiadat Pembukaan Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-4 15. Saya mengalu-alukan er... titah Duli Paduka Baginda Sultan yang menyeru semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan Pahang…yang negeri…Pahang yang mulia ini, terus melaksanakan tugas dengan penuh amanah, dedikasi agar kita sama-sama berjaya membawa negeri Pahang ke tahap yang cemerlang dan berdaya saing.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar atas kejayaan dan usaha gigih kesemua penjawat awam yang telah membawa pembangunan dan prestasi ekonomi yang stabil dan membanggakan ke negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato Sri Speaker,
Izinkan saya mengambil peluang perbahasan ini untuk membangkitkan isu berkenaan dengan Perang Tarif yang sedang berlangsung atau dengan lebih tepat konflik perdagangan di antara Amerika Syarikat dengan China yang pasti akan memberi impak cabaran dan juga peluang kepada negeri Pahang. Saya yakin negeri Pahang boleh menimit meminimakan impak dan berpotensi mendapat manfaat daripada perang tarif tersebut sekiranya kita bersatu-padu dan memposisikan negeri Pahang sebagai alternatif dalam peralihan perdagangan yang bakal berlaku akibat impak perang tarif tersebut, terutamanya dari segi pembuatan, eksport komoditi, seperti sawit dan mineral dan juga sektor pelancongan.

Dari sektor pembuatan. Kita harus memberi fokus kepada industri bernilai tinggi seperti pengeluaran bateri EV yang menggunakan nadir bumi dan pembuatan kereta EV yang automasi untuk mengurangkan kebergantungan tenaga kerja. Negeri Pahang yang kaya dengan mineral bauksit dan nadir bumi boleh menjadi satu tarikan. Pengalihan pelaburan daripada negara China dan Amerika Syarikat oleh syarikat yang terjejas oleh tarif. Sebagai contohnya, pengeluar yang berpindah dari negeri China mungkin melihat Pahang sebagai hab pengeluaran alternatif dan mengalihkan pengeluaran ke negara-negara ASEAN. Taman Perindustrian Kuantan, Malaysia-China di Pahang boleh menjadi penerima utama. Menempatkan syarikat China yang mengeksport ke ASEAN mengelakkan tarif Amerika Syarikat. Selanjutnya dari sektor elektronik dan

industri berat, zon Perindustrian Gebeng yang boleh menarik pengeluar semi-konduktor dan panel solar dan lain-lain industri perak.

Selanjutnya, *East Coast Rail Way Link* iaitu (ECRL) yang akan disiapkan pada awal tahun 2027, projek bernilai RM50 bilion ini akan menghubungkan Pahang ke Pelabuhan Klang dan Melaka Gateway, mengurangkan kos logistik untuk pengeluar dan faktor ini adalah kelebihan untuk menarik pengeluar dari negara asing untuk mengalihkan pengeluaran mereka ke Pahang. Mudah-mudahan dengan penyempurnaan dan pelaksanaan ECRL sepanjang 665 kilometer pada tahun 2027, ia akan memacu aktiviti komersial menarik pelaburan, meningkatkan peluang pekerjaan dan juga merangsang sektor ataupun aktiviti pelancongan di negeri Pahang.

Oleh itu, kita perlu mengambil langkah proaktif dan agresif untuk mempromosikan Pahang sebagai hak pengeluaran alternatif dalam pengalihan pelaburan pembuatan. Dengan usaha penempatan semula rantaian bekalan global ke Pahang. Peningkatan pelaburan langsung asing ataupun dengan izin FGI juga akan meningkat. Ia akan mendapat ia akan dapat memanfaatkan ekonomi negeri Pahang dalam jangka masa panjang. Dari sektor pelancongan negeri Pahang mempunyai kelebihan dari sektor pelancongan. Namun, kita perlu meningkatkan ketahanan pelancongan domestik dan daya tarikan eko-pelancongan yang kian popular. Kita telah lihat peningkatan permintaan tarikan ekonomi, eko-pelancongan antara pelancong domestik pasca pandemik untuk perjalanan berasaskan alam semula jadi selaras dengan Taman Negara di Pahang yang merupakan hutan hujan tertua Tapak Warisan Geologi Lipis Geopark dan juga ke 6, Rimba Park yang memerlukan impak…input, input er...import yang minima dan kesan impak perantara yang begitu ketara.

Oleh itu, kita perlu tingkatkan usaha gigih untuk mempromosikan pelancongan domestik untuk menjadikan Pahang sebagai tarikan unggul dan utama dalam sektor pelancongan dalam Malaysia. Selanjutnya, kesusutan nilai ringgit Malaysia yang berkaitan dengan ketidakpastian perdagangan global ini, akan menjadikan pelancongan di Pahang lebih murah dan menarik kepada pelancong asing. Contohnya Cameron Highlands, Genting Highlands, Taman Negara, Bukit Fraser, Cherating dan lain-lain tempat boleh menjadi Tarik…tempat tarikan pelancong asing ini. Jadi, saya amat berharap kerajaan negeri Pahang mengambil langkah yang perlu untuk memastikan kita di negeri Pahang terlindung daripada impak negatif perang, Perang Tarif yang nyata tidak akan ada penyelesaian dalam masa yang terdekat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Dalam titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan telah membangkitkan rasa kebimbangan berkenaan ketiadaan kemudahan rehat dan rawat iaitu (RNR) yang mencukupi di ruang utama dan juga pengguna jalan raya tersebut yang membuang sampah merata-rata. Dalam ucapan Yang Berhormat Padang Tengku, beliau juga telah membangkitkan kekesalan tentang pembuangan sampah yang memburukkan wajah negeri kita yang indah. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menambah bahawa perkara ini juga telah berlaku di kawasan (RNR) Lebu baru-baru ini. Di mana bukan sahaja sampah dibuang merata-rata tapi segala kemudahan seperti tandas dirosakkan oleh pengguna yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, saya berharap langkah pencegahan dan tindakan tegas diambil terhadap pengguna yang tidak bertanggungjawab ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Izinkan saya membangkitkan satu isu kawasan saya iaitu berkenaan dengan ketiadaan kemudahan bekalan air bersih ke Kampung Orang Asli di Kampung Sungai Dua Hulu. Untuk pengetahuan umum, kedudukan Kampung Asli Sungai Dua Hulu ini,

ia terletak tidak begitu jauh daripada Sekolah Kebangsaan Sungai Dua, Bentong. Iaitu hanya lebih kurang 1 atau 2 km daripada sekolah tersebut. Saya amat berharap pihak PAIP dengan kerjasama mungkin dengan ORACO dapat menjalankan projek untuk menyambung kampung Orang Asli ni dengan kemudahan air bersih. Saya berharap satu perancangan penyelesaian diadakan dengan secepat mungkin untuk menyambung kemudahan air bersih dengan kadar secepat mungkin kerana akses kepada air bersih yang selamat diminum dan sanitasi kebersihan merupakan satu hak setiap insan di dunia ini yang perlu dipenuhi.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Berkenaan isu pewartaan Tanah Rizab Orang Asli di negeri Pahang. Langkah ataupun aktiviti pengukuran dan permintaan hak tanah adat akan membolehkan tanah adat dibangunkan dengan lebih teratur. Ini adalah satu langkah yang positif dan akan menjamin masa depan masyarakat Orang Asal. Dalam isu ini, pelaksanaan pengukuran dan permintaan adalah penting untuk memberi pengiktirafan kepada hak dan kepentingan Orang Asli di negeri Pahang. Sememangnya pengiktirafan hak adat Orang Asli di pedalaman melalui pengukuran dan permintaan tanah adat akan menentukan mana sempadannya dan kita mesti wartakan sempadan itu dengan jelas. Jadi, saya nak tanya, saya mengambil kesempatan ini untuk tanya apakah status terkini er…inisiatif kerajaan dalam perizaban tanah adat di negeri Pahang. Marilah kita sama-sama pastikan semua lapisan masyarakat adalah terlindung dari segi hak dan kepentingan di Malaysia yang tercinta ini. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Isu berkenaan ketirisan hasil negeri. Dalam titah ucapan diraja, Duli Paduka Sultan juga telah menzahirkan rasa kebimbangan berkenaan dengan kehilangan air tidak berhasil atau dengan izin Non-Revenue Water (NRW) di Pahang yang menyebabkan ketirisan hasil negeri yang serius. Setiap tahun negeri Pahang mengalami kerugian jutaan ringgit akibat ketirisan yang masih berterusan dan tiada penghujung. Saya telah dalam persidangan yang lalu membangkitkan isu kehilangan hasil negeri akibat kehilangan air tidak berhasil di negeri Pahang. Ia adalah pengetahuan umum bahawa isu kebocoran paip adalah satu masalah yang berlaku hampir di setiap kawasan dan di seluruh negeri Pahang. Kebocoran paip air yang serius dan sering berlaku telah menyebabkan kerugian dari segi kewangan di mana NRW dengan izin yakni air tidak berhasil menjadi satu isu ketirisan yang serius seperti mana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan.

Adalah amat membimbangkan Yang Berhormat Dato' Sri Speaker apabila kita melihat statistik tahunan berkenaan dengan air tidak berhasil di Pahang. Yang menunjukkan Pahang berada di tempat yang keempat tinggi dengan kadar 47% di seluruh Malaysia adalah pengetahuan umum bahawa kerajaan telah membelanjakan wang berjumlah RM75 juta sejak tahun 2020 untuk menangani masalah NRW ini. Ia juga adalah sasaran negeri kita untuk mengurangkan kehilangan air tidak berhasil ini kepada 39.5% pada tahun 2028. Iaitu dalam tempoh lebih kurang tiga tahun dari sekarang. Di sini dengan peruntukan RM75 juta tersebut, saya ingin tahu keberkesanan pelaksanaan dan usaha PAIP untuk mengurangkan NRW ini agar negeri Pahang mencapai sasaran 39.5% menjelang tahun 2028. Adakah kita *on track* dengan izin untuk mencapai sasaran tersebut. Saya berharap pihak berkuasa yang berkenaan mempunyai tekad dan usaha untuk mengurangkan kerugian air tidak berhasil akibat kerugian air yang dirawat. Dato' Sri Speaker, isu keterjaminan makanan, isu keterjaminan makanan kini menjadi kebimbangan di peringkat nasional dan juga global. Lebih-lebih lagi dengan Perang Tarif yang sedang berlaku di antara Amerika Syarikat dengan negara China yang mungkin memberi impak kenaikan harga barangan makanan. Oleh itu, ia menjadi imperatif dengan izin kita mengurangkan kebergantungan kepada tahap import dan eksport makanan.

Kita perlu meningkatkan pertanian domestik dan meningkatkan pengeluaran komoditi. Dalam isu ini, saya bercadang agar agensi-agensi kerajaan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang, PKPP dan agensi-agensi lain yang berkaitan mengambil langkah dan melakar perancangan jangka masa pendek dan juga panjang untuk meningkatkan produktiviti pertanian di negeri Pahang. Sebagai misalan, sebagai satu *suggestion* dengan izin, kita boleh mempertimbangkan untuk membenarkan ataupun memberikan pajakan kecil tanah untuk satu tempoh tertentu. Katakan 20 tahun atau 30 tahun yang akan memberi peluang kepada petani terutamanya generasi muda yang ingin bergiat dalam bidang pertanian ini. Dengan adanya perancangan yang holistik berdasarkan sektor pertanian yang moden dan berteknologi tinggi, ia akan menjadi inspirasi dan menarik minat generasi muda supaya mereka bekerja bersama dan mengenali potensi sektor pertanian. Apabila lebih ramai petani dapat menjana keuntungan daripada kegiatan pertanian di samping meningkatkan sosioekonomi masing-masing, mereka akan meningkatkan produktiviti pertanian dan seterusnya menangani keterjaminan makanan dan juga akan mengurangkan kos import makanan yang kian meningkat. Akhir kata Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya dengan rendah diri memohon menjunjung kasih dan menyokong Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Sultan Pahang. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tepat pada waktunya, sekarang ini saya menjemput wakil daripada Bukit Ibam untuk membahaskan.

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, [Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera, [Ayat al-Quran]. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pentadbir daerah dan para pemerhati sekalian. Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua. Mohon maaf, zahir dan batin andai ada salah dan silap. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri dan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri yang baharu. Semoga dengan pelantikan ini dapat memacu negeri Pahang ke arah yang lebih makmur dan sejahtera, Insya-Allah. Yang Berhormat Speaker, Titah Diraja ke bawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan ketika Majlis Istiadat Pembukaan Mesyuarat Penggal Ke-4 Jumaat lalu sarat dengan panduan, nasihat dan teguran demi kemakmuran dan kesejahteraan negeri Pahang yang tercinta ini. Bukit Ibam menjunjung kasih atas keprihatinan, kecaknaan dan ketegasan ke bawah Duli Paduka Baginda Tuanku.

Permata intan kalung berseri,
Pengikat kata tunang berjodoh,
Tuanku Sultan Payung Negeri,
Rakyat jelata tumpang berteduh.

Yang Berhormat Speaker, ketegasan Titah Diraja Baginda Tuanku terutama isu pencerobohan tanah diharapkan dapat dilaksanakan secara total dan menyeluruh oleh kerajaan negeri dan para penguat kuasa undang-undang tanpa mengira sesiapa pun termasuklah kalau ia melibatkan orang-orang besar supaya tidak timbul persepsi tindakan dan pendakwaan yang diambil adalah bersifat terpilih. Justeru, dengan mengakui ketegasan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar dalam

menangani isu pencerobohan ini. Semoga Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja terus diberikan kekuatan oleh Allah dalam menangani isu ini, Insya-Allah. Bukit Ibam juga menyokong cadangan Yang Berhormat Cheka agar kerajaan mewujudkan Suruhanjaya Siasatan Diraja, RCI bagi siasatan menyeluruh dan lebih diyakini terhadap isu pencerobohan tanah ini dapat dibuat. Yang Berhormat Speaker, Bukit Ibam menjunjung kasih Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku agar Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Kerja Raya menaik taraf Jalan Kuantan - Segamat memandangkan laluan ini antara laluan utama dan menjadi antara pintu masuk ke negeri Pahang dari negeri Johor, Negeri Sembilan dan Melaka. Menaik taraf Jalan Kuantan - Segamat ini dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas terutama di musim perayaan dan usaha menaik taraf ini secara tidak langsung akan membantu peningkatan ekonomi negeri ini.

Selain itu, jalan-jalan kampung juga masih banyak yang perlu dibaiki dan dinaik taraf seperti beberapa cerun yang runtuh dan sudah hampir dengan jalan raya seperti jalan masuk ke Felda Keratong 3, ke Felda Keratong 2 serta keadaan gelap di simpang masuk ke Kampung Melati. Pada bulan Mac baru-baru ini, sebuah kenderaan telah terbabas dan jatuh ke gaung di simpang tersebut. Yang Berhormat Speaker, peranan pengangkutan awam sangat besar dalam kehidupan masyarakat. Sebab itulah walaupun isu bas Ekspres Keratong - Kuala Lumpur telah saya bangkitkan dalam persidangan yang lalu. Namun apabila masalah ini masih berlanjutan dan belum selesai, terpaksa saya bangkitkan sekali lagi. Semoga ada penyelesaian yang akan diambil secara lebih serius. Saya difahamkan penyelesaian yang telah diambil ialah memberikan permit laluan bas ekspres ini kepada syarikat Sanwa Ekspres menggantikan syarikat MARA Liner atas alasan kedua-dua syarikat ini akan mengalami kerugian apabila kedua-duanya beroperasi di laluan yang sama. Persoalannya ialah masalah tidak juga selesai apabila pengguna di FELDA Keratong terpaksa ke Muadzam Shah terlebih dahulu untuk menaiki bas sedangkan bas tersebut melintasi Terminal Bas Bandar Tun Abdul Razak. Ramai ibu bapa yang terbeban ketika hendak menghantar atau menjemput anak-anak yang menggunakan perkhidmatan bas ekspres ini. Bahkan ada keluarga yang terpaksa menyewa kenderaan lain hanya untuk menghantar anak-anak ke terminal bas.

Justeru, Bukit Ibam mencadangkan tiga solusi. Yang pertama diserahkan kembali perkhidmatan bas ekpress ini kepada Syarikat MARA Liner yang telah beroperasi puluhan tahun. Sesuai dengan MARA itu sendiri, singkatan daripada perkataan Majlis Amanah Rakyat, sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah yang bukan semata-mata berorientasikan keuntungan tetapi juga sebuah agensi yang menjaga kebajikan penduduk di luar bandar atau yang kedua. Bas Sani Express Muadzam Shah, Kuala Lumpur perlu singgah mengambil penumpang di Terminal Bas Bandar Tun Abdul Razak atau yang ketiganya tidak dapat beroperasi setiap hari sekurang-kurangnya beroperasi tiga kali seminggu. Tolonglah simpati terhadap kesusahan para pengguna perkhidmatan awam ini yang kebanyakannya adalah B40.

Yang Berhormat Speaker, kalau dalam persidangan lalu saya bangkitkan isu haiwan liar dalam perbahasan kali ini, saya ingin ketengahkan pula isu haiwan jinak iaitu haiwan ternakan seperti lembu, kambing yang berkeliaran di kawasan kampung dan jalan raya. Dalam bulan Januari baru-baru ini sahaja, ada dua kemalangan jalan raya disebabkan oleh lembu yang berkeliaran. Dan baru-baru ini juga dalam tempoh seminggu sahaja, ada dua kes lembu terjatuh ke dalam kolam tapisan di Loji Rawatan Air Kampung Rekoh. Isu ini masih tiada kesudahan. Justeru, selain usaha penguatkuasaan yang cuba dilaksanakan Bukit Ibam ingin mencadangkan agar usaha memupuk kesedaran dalam masyarakat perlu dilakukan seperti memasukkan isu ini ke dalam teks khutbah Jumaat. Memberi kesedaran kepada masyarakat, bagaimana

soal keharusan dan keberkatan rezeki yang terhasil dari sumber ternakan yang dibiar berkeliaran memakan dan merosakkan tanaman orang lain bahkan membahayakan nyawa orang lain. Kajian fatwa juga mungkin perlu dilakukan. Bincangkan tentang adakah pihak berkuasa tempatan diharuskan pada syarak menangkap dan merampas ternakan yang berkeliaran ini? Semoga usaha-usaha ini dapat membantu meminimakan masalah berkait haiwan ternakan yang berkeliaran ini. Yang Berhormat Speaker, terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Kerajaan Negeri dan Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) atas peningkatan mutu perkhidmatan bekalan air terutama ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini.

Alhamdulillah, namun, gangguan bekalan air masih berlaku di beberapa kawasan kampung. Semoga mutu perkhidmatan ini dapat terus dipertingkatkan dari masa ke masa Insya-Allah. Yang Berhormat Speaker, isu penggunaan premis awam seperti dewan orang ramai. Saya ingin memberi sedikit nasihat kepada kerajaan. Kalau pimpinan kerajaan hari ini ingin kekal menjadi kerajaan pada penggal akan datang. Pemimpin kerajaan perlu dilihat oleh para pengundi sebagai kerajaan yang adil dan berjiwa besar tidak memilih warna dan insya-Allah rakyat pun akan sayang. Sebaliknya, jika pemimpin kerajaan dilihat tidak berjiwa besar, tidak demokratik dan pilih kasih. Orang ini boleh guna orang ini tidak boleh guna dan rakyat memerhatikan semua ini.

Maka selepas ini jika tiada apa-apa perubahan, tidak mustahil di era politik hari ini, rakyat yang akan melakukan perubahan dalam PRU yang akan datang. Yang Berhormat Speaker yang terakhirnya, saya jugi...juga ingin menyentuh isu peruntukan. Cuma jangan bimbanglah, bukan nak mendesak apa-apa cuma sekadar mengajukan soalan. Terlebih dahulu, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar di atas peruntukan projek kecil yang disalurkan melalui pejabat daerah yang ditambah daripada RM30,000.00 hingga ke RM60,000.00 terima kasih.

Soalan saya ialah berapakah jumlah peruntukan yang diterima oleh wakil rakyat kerajaan termasuk peruntukan yang diberikan kepada ADUN-ADUN Lantikan? Jawapan kepada soalan ini sangat perlu kerana rakyat di luar sana perlu mengetahui peruntukan yang akan disalurkan kepada mereka melalui wakil-wakil rakyat ini. Adakah wang itu benar-benar sampai kepada mereka atau tidak? Yang Berhormat Speaker, dengan ini, Bukit Ibam mohon menyokong usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Bukit Ibam. Kita jemput Wakil yang terakhir untuk sesi pagi ini. Wakil daripada Kuala Sentul.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan salam Pahang Berdaulat. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, Ahli - ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan yang saya muliakan sekalian. Dengan penuh takzim, saya berdiri pada hari ini bagi menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih yang tidak terhingga ke atas Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang sempena Istiadat Pembukaan Penggal Ke-4 Dewan Undangan Negeri Ke-15. Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku bukan sekadar simbolik tetapi merupakan seruan yang sarat dengan hikmah serta peringatan

tegas kepada seluruh kepimpinan negeri ini supaya kembali kepada asas pemerintahan berteraskan keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang, keadilan sosial dan kesetiaan yang mutlak kepada Raja pemerintah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Pada ruang ini, saya ingin menzahirkan kegusaran rakyat berhubung isu pencerobohan tanah kerajaan negeri secara besar-besaran di kawasan Hutan Simpan Batu Talam dan Lesung khususnya yang membabitkan penanaman durian Musang King. Pencerobohan tanah secara haram ini bukan lagi rahsia. Ia telah menjadi skandal terbuka yang memperlihatkan bagaimana undang-undang negeri, integriti pentadbiran dan kedaulatan Tuanku sedang diperlekeh. Siasatan awal oleh pihak Jabatan Perhutanan Pahang mendedahkan bahawa hampir 1200 hektar kawasan hutan simpan kekal telah diteroka secara haram.

Tanaman bernilai tinggi didalangi oleh sindiket dan individu yang berpengaruh. Lebih mendukacitakan, penguatkuasaan dilihat terencat seolah-olah wujud campur tangan atau kebimbangan politik untuk bertindak terhadap mereka yang terlibat. Apakah keistimewaan mereka ini hingga tidak dikenakan tindakan mengikut peruntukan undang-undang. Merujuk kepada Seksyen 32 Enakmen Perhutanan Negeri, pemakaian 1985 Enakmen 1/1986, mana-mana individu atau entiti menceroboh hutan simpan kekal tanpa kebenaran adalah melakukan kesalahan berat dan boleh dikena denda sehingga RM500,000.00 atau hukuman penjara maksimum 20 tahun.

(ADUN TANAH RATA - N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Mohon mencelah peraturan mesyuarat 36 (2) tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah. Sekiranya pada timbangan pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu. Tadi Yang Berhormat sebut er... isu Musang King di Raub di mana ia masih dalam proses mahkamah untuk makluman Ahli Berhormat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat saya dah sebutkan perkara tersebut pada hari yang pertama semalam bahawa perkara yang dalam mahkamah iaitu kalau mengikut peraturan mesyuarat kita 36 (3), perkara 36 (2), ia tidak boleh disebut apa-apa perkara di dalam pertimbangan mahkamah. Sekiranya pada pertimbangan pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan yang berbicara. Jadi kita tak nak Yang Berhormat seorang peguam dan tahu apa namanya perkara- perkara yang boleh dan perkara yang tidak boleh *contempt of court* dan sebagainya kerana dia mungkin boleh mengubah. Pada saya, perkara ini kita kena hormatlah ya kerana kita ada peraturan dan saya harus bertindak adil juga ya sebab perkara ini telah menjadi isu besar di luar sana. Jadi, kita tak perlu tafsirkan di sini dan kita harap supaya Yang Berhormat boleh teruskan ucapan perkara yang lain.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

YB Dato' Sri Yang di-Pertua, saya minta petua sikit. Yang dibicara di mahkamah sekarang ialah soalan rayuan berhubung bukan dengan pencerobohan rayuan terhadap pengeluaran hasil. Yang dibincangkan ialah titah Tuanku berhubung dengan pencerobohan, saya fikir dua benda yang berbeza supaya kalau kita tak bincang seolahnya titah Tuanku tak dibahas dalam Dewan tentang pencerobohan. Saya setuju dengan pandangan Dato' Sri Speaker ialah yang dirayu sekali ialah bukan soal

pencerobohan yang dibangkitkan oleh ADUN itu ialah soal pencerobohan kalau boleh mintak diperjelaskan.

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya nak nak perjelaskan Cheka ni sebut tentang rayuan adalah berhubung dengan pengeluaran hasil saya tu tak betul. Sebab keputusan Mahkamah Tinggi adalah berkait dengan satu notis pengusiran tanah di Sungai Chalet, Sungai Klau, Sungai Ruan dan Teranum di mungkin Gali. *So* saya rasa isu yang berkaitan dengan pencerobohan berkait dengan tanah-tanah yang saya sebutkan tadi adalah tak boleh sebut. *Very clear* dalam…dalam rayu dalam keputusan hakim di Mahkamah Tinggi dan sekarang sedang dirayu di Mahkamah Rayuan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya lagi semalam pun ada dibincangkan soal pencerobohan. Pencerobohan secara umum kita tidak pernah saya tidak pernah melarang. Tapi kalau ianya dilihat ada kecenderungan untuk mempengaruhi keputusan mahkamah yang sedang berlangsung sekarang itu sahaja. Yang Berhormat boleh bercerita pasal pencerobohan, kita ambil tindakan dan sebagainya tetapi kita tidak mahu dilihat sebagai spesifik kepada perkara tersebut. Cuma saya nak saya nak komen ni kerana ada wakil daripada pihak kerajaan yang bangun yang tadi telah baca wakil daripada Tanah Rata. Jadi saya nak respon kepada itu.

Yang Berhormat nak bincang soal-soal pencerobohan secara umum tak ada masalah dan sememangnya itu pun yang sedang dibuat oleh kerajaan Kebawah Duli Tuanku iaitu sedang membanteras pencerobohan-pencerobohan cuma kita tak mahu ianya nanti akan mempengaruhi keputusan. Jadi sila teruskan kepada perkara lain saya.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya membincangkan pencerobohan yang berlaku sekarang yang dititahkan oleh Tuanku semasa pembukaan Dewan. Ya, saya tak tahu ada isu mahkamah di kawasan lain yang terlibat. Jadi, saya tak menuju kepada perkara yang terlibat dengan mahkamah yang dinyatakan. Saya pun tak pasti.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ya, saya faham tadi ADUN daripada Kuala Sentul ada sebutkan tadi. Hutan Simpan Tersang tu termasuk dalam kes mahkamah sebab tu tadi bila sebut tu ada melibatkan tu. Jadi ini yang dibangkitkan oleh ADUN Tanah Rata. Jadi perkara yang ada kaitan dengan mahkamah tu tak sepatutnya dibangkitkan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak sepatutnya disebut.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebab ada kaitan Tersang tadi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kerana kita ada Peraturan Mesyuarat.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Mungkin kesilapan di situ. Saya mohon maaf.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila mintak tarik balik lah Tersang tadi.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Di Hutan Simpan Tersang. Rakyat mempersoalkan jika rakyat biasa membuka satu ekar tanah secara haram ini secara *general*.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya tak larang. Dari semalam perbahasan tak ada satu larangan pun yang saya buat. Cuma bila disebut spesifik kepada perkara yang dibincangkan dalam mahkamah dan juga tadi apa yang disebut oleh wakil Cheka sebenarnya tidak menepati apa yang dituntut oleh pihak…pihak…pihak…apa namanya pihak pekebun. Mereka sebenarnya mempertikaikan mengapa mereka diusir? Bukannya soal bayar bayaran. Sebenarnya itu itu itu kena *clear* tu. Terima kasih.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Rakyat mempersoalkan jika rakyat biasa membuka satu ekar tanah secara haram mereka disita dan didakwa. Tetapi apabila ada pihak tertentu yang rakus mencabuli undang-undang malah mengaut keuntungan berjuta ringgit setahun mereka seolah-olah dilindungi.

Racun di galas bercampur cuka,
Tidak disedari terhidang di meja,
Kalau sudah terang durhaka,
Mengapa masih dipeluk dipuja.

Yang Berhormat…

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Er…Yang Berhormat Speaker, saya rasa saya nak buat satu peraturan Dewan ni berhubung dengan sangkaan jahat ni. Sebut tadi tentang satu ekar tanah rakyat yang disita, saya kalau boleh kita rujuk *what…what case* apa contoh kerajaan telah menyita satu ekar tanah rakyat ceroboh dan ada penyitaan *so* kita sebut kalau tak ada tak payah sebut tu sangkaan jahat kepada Dewan.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya dah cakap tadi tu secara *general*.

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Mana boleh *general*. Kita sebut dengan sangkaan jahat. *General.*

(ADUN JELAI - N.02)
YB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Elok sangatlah. *Lawyer* sama *lawyer*. Biar dia bertaki.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Pembetulan saya bukan lawyer, saya *engineer*. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Patut salah. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN TANAH RATA - N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Dato' Sri Speaker, kalau nak sebut *general* saya nak tanya Ahli Yang Berhormat isu Kampung Bharu ni secara *general "*Adakah pentadbiran PM masa tu bertanggungjawab dan perlu tampil untuk memberi jawapan kepada rakyat kerana pada masa itu PM dari pentadbiran PN yang menjadi Perdana Menteri dan kerajaan dan pengambilan tanah berlaku pada tahun 2021 dan kita masih menunggu sama ada Bersatu, PAS memberi jawapan sama ada pengambilan tanah berlaku apabila mereka jadi kerajaan? Ini secara *general*lah. Nak jawab ke nak *move on*? Terima kasih.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya *move on* tapi saya tak tahu kenapa Ahli Yang Berhormat daripada kerajaan ni sangat terasa sebab saya baru nak bercakap. Bertitah..

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bertitah Tuanku ya. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Minta maaf saya baru nak mula. Ucapan saya menjunjung titah Tuanku. Saya nak *move on*. Saya akan sambung bagi saya…

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Bagi saya sikit laluan. Saya nak jelaskan tentang kekeliruan tentang isu rayuan tadi. Saya baca kronologi. Ogos 2020 permohonan semakan permohonan semakan kehakiman oleh pekebun. Seramai 131 pekebun Musang King memfailkan permohonan semakan kehakiman bagi mencabar perintah kerajaan negeri supaya mereka mengosongkan ladang seluas 2160 hektar meliputi kawasan…kawasan Sungai Chalit sebagainya.

Disember 2020 Mahkamah Tinggi Kuantan tolak permohonan. Mahkamah Tinggi Kuantan menolak permohonan semakan kehakiman tersebut menyatakan bahawa para pekebun tiada hak undang-undang. Kemudian 2021, Mahkamah Rayuan membenarkan penangguhan sementara notis itu ialah melewatkan pengosongan ladang, pengosongan ladang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pengosongan ladang tu pengusiran la maksud dia. Yang bermaksud Yang Berhormat sebut awal tadi seperti yang disebut oleh Wakil Lantikan adalah soal hasil itu… itu… itu… Itu khilaf dia. Itu khilaf dia Yang Berhormat tapi memang pengusiran itu betul. Itu tepat. Itu sebenarnya…
(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Jadi isu yang dibangkitkan ialah yang tak boleh disentuh ialah soal yang yang dirayu di peringkat mahkamah bukan selain daripada ini. Betul kan apa yang kita.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Perkara yang yang disebut dalam mahkamah tadi, tadi. Tadi sebenarnya tadi wakil dari lantikan tadi yang saya fahamkan. Saya minta Wakil Lantikan *clear*kan balik, maknanya Yang Berhormat menyebut soal bahawa mereka tindakan mahkamah itu adalah soal harga tak silap saya. Tapi sebenarnya disebut bukannya soal harga tindakan mahkamah tersebut adalah soal mereka mencabar pengusiran maksudnya mengosongkan tanah itu. Maknanya mengapa mereka perlu kosongkan tanah itu? Sebenarnya itu itu khilaf dia. Itu sahaja.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJI PUJI

Boleh saya mencelah sikit. Tapi kalau kita lihat tadi ya, bila kita sebut kronologi secara tak langsung kita dah masukkan kes mahkamah sebab kita sebut balik sepatutnya tak payah tak payah sebut apa pun. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, kita teruskan lah.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya ucapan saya untuk menjunjung titah Tuanku. Saya sambung eh. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, lebih mendalam lagi persoalan moral dan maruah negeri

turut timbul apabila ada wakil rakyat baik ADUN mahupun Ahli Parlimen yang tergamak mempertahankan pihak yang menceroboh malah dalam membenarkan penderhakaan kepada Tuanku Sultan berlaku di bawah pengawasan mereka. Saya ingin menyoal dengan jujur dan tegas kepada saf kepimpinan kerajaan hari ini khususnya rakan-rakan daripada UMNO. Bukankah kalian telah mengangkat sumpah jawatan untuk menjunjung perlembagaan negeri serta mentaati dan memelihara…

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJ HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Kuala Sentul ADUN dan Parlimen…Parlimen tu kita jelas tahu siapa. ADUN tu boleh spesifik tak? Siapa? Yang mengatakan mempertahankan tu…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Kuala Sentul sila duduk bila. Bila ada seorang bercakap, sorang kena duduk.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat ada mengatakan ADUN tadi. Parlimen saya tidak persoalkan, memang jelas ADUN tu…Ada tak kenyataan-kenyataan ADUN yang menyebelahi pihak pekebun haram Musang King yang, yang sedang diperkatakan ni. Sila, sila nyatakan siapa dia ADUN tu?

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sekejap tadi baru ada contoh Yang Berhormat Dato' Sri. Sekejap tadi ada contoh di sini. Baru bercakap sikit dah nak...

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Ini sangkaan jahat ni…

(ADUN TANAH RATA – N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Dato' Sri Speaker, saya rasa Yang Berhormat Kuala Sentul memberi…mengeluarkan sangkaan jahat ke atas saya. Walaupun dia tak sebut nama...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dak Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Sentul…perkara ni serius. Kita dalam Dewan, kita jangan permain-mainkan soal Dewan. Saya boleh ambil tindakan yang lebih keras lagi kalau saya nak lakukan. Jadi, saya harap supaya kita tidak panjangkan lagi soal pertikaian ini. Jadi, kita teruskan kepada perkara-perkara lain. Kalau Yang Berhormat masih nak berucap, kalau tidak saya boleh tempohkan Dewan ini.

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Yang Berhormat, saya mintak dia tarik balik tadi isu apa…ADUN yang menentang apa nama tindakan kerajaan negeri ni.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita main buat sangkaan-sangkaan dalam Dewan yang mulia ini. Ya kita ada peraturan mesyuarat ya, kita tau kita ada peraturan mesyuarat ini yang mesti kita hormati.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Pengerusi, saya meneliti di mana Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar sebut kata tuduhan daripada ADUN Kuala Sentul itu satu tuduhan yang cukup serius. Nyatakan seolah-olah kita mengambil ini khususnya daripada barisan ini Yang Berhormat Dato' Sri Diraja dan barisan EXCO mengangkat sumpah taat setia. Makna kita derhaka kepada Kebawah Duli Tuanku. Tuduhan tu serius bukan main-main. Jangan buat tuduhan begitu. Cuba lihat betapa tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan dan jangan bersangka buruk. Sebab itu, dalam konteks seumpama ini, dalam kita berbahas, dalam kita nak menekankan aspek, jangan kita buat tuduhan.

Saya ingat yang tu saya minta Yang Berhormat Dato' Sri Speaker minta rakan ataupun ADUN Kuala Sentul tarik balik semula yang kenyataan awal tadi seolah-olah mengatakan yang kita ingkar dengan sumpah yang telah kita buat untuk taat setia kepada Kebawah Duli Tuanku. Itu satu dakwaan yang kalau tidak makna kita akan dirujuk kepada jawatankuasa pilihan untuk mengenakan tindakan disiplin.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tadi saya bertanya soalan, itu soalan.

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Saya minta tarik balik, tarik balik, tarik balik, tarik baliklah.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Okay, saya tak nak panjang-panjangkan. Saya tarik balik.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Teruskan perkara lain. Perkara ni dah…dah ibarat kata orang tu dah, dah masak dah. Kita pergi kepada perkara-perkara lain.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato' Sri Speaker, kesan ekonomi kepada negeri sangat besar dan berpanjangan, hasil kerajaan negeri dan dianggarkan rugi kurang RM30 juta. Saya tak sentuh yang

tadilah, ini masuk dalam bab ekonomi. Hasil kerajaan negeri dianggarkan rugi tidak kurang RM30 juta setahun akibat kehilangan premium tanah, royalti hasil pertanian dan kutipan cukai yang tidak dilapor tetapi lebih daripada sekadar angka. Kesan ini membawa implikasi amat dalam terhadap kestabilan fiskal negeri, keyakinan pelabur dan kemampuan kita menyampaikan perkhidmatan asas yang diperlukan oleh rakyat.

Bagaimana kita mahu bercakap tentang menarik pelaburan berkualiti dan melonjak daya saing negeri jika kita sendiri gagal menegakkan undang-undang dan menjamin tadbir urus yang bersih. Penyelewengan hasil bumi negeri dan segelintir individu atau korporat yang rakus bukan sahaja melemahkan institusi negeri tetapi turut memusnahkan asas keadilan dan ekonomi yang berpanjangan yang kita perjuangkan. Tatkala negeri ini memerlukan suntikan kewangan bagi pembaikan sistem pendidikan, meningkatkan tahap kesihatan awam, membangunkan infrastruktur desa dan memperluaskan peluang ekonomi luar bandar. Kita biarkan penyangak yang rakus dan tidak beretika mengaut untung jutaan ringgit hasil pencerobohan tanah kerajaan. Ini bukan sahaja jenayah terhadap negeri tetapi satu siri pengkhianatan…

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua, kenapa, kenapa apa namanya wakil daripada...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kuala Sentul.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kuala Sentul… sebut kita biarkan. Adakah benar kita biarkan benda ni?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, sila… Yang Berhormat...

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Perkara ni dah berlaku empat dekad, saya mengambil…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya, *I'm to be fair,* ya. Kita biarkan. Sekarang ni kerajaan dalam mahkamah. Kalau sekiranya kerajaan tak saman, tak dakwa pekebun-pekebun tu, perkara tersebut tak dalam mahkamah. Kita kata kena ingat je keadaan dah bertindak.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjadi Menteri Besar pada tahun tahun 2018. Saya nak *clear*kan ni supaya di dalam Dewan ini tidak ada sangkaan-sangkaan buruk dan saya nak kawal Dewan ni supaya kita bercakap yang benar tetapi jangan kita buat sangkaan-sangkaan buruk yang mana kita ada peraturan mesyuarat yang mesti kita patuh. Kita Ahli-ahli Dewan sebab itu disebut Dewan yang mulia. Silakan. Saya tidak pernah menyekat mana-mana Ahli Dewan untuk, untuk Menjunjung Titah Kebawah Duli Tuanku untuk, untuk berbahas, tak ada. Tapi kalau sekiranya ianya melibatkan

perkara-perkara yang berniat buruk, yang ada di dalam mahkamah iaitu yang tidak mengikut peraturan, yang itu saya tegur…yang lainnya, silakan.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tadi berpanjangan tu sebab dah…Kita bercakap Titah Tuanku yang mengatakan sudah empat dekad. Itu maksud saya.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Betul Dato' Sri Yang di-Pertua, empat dekad…benda ini kita buat satu persatu yang sikit, yang banyak kita dah sebut kelmarin. Cheka pun sebut bermula daripada Allahyarham Tun Abdul Razak, kerjanya kita dah buat tetapi kita menghadapi benda ini adalah kesan daripada kita dijajah dulu. Waktu penjajahan dulu macam-macam orang buat dalam hutan tu, macam-macam angkara orang Melayu cara Melayu, Orang Asli cara Asli, orang Cina cara Cina. Masing-masing berebut sebab waktu itu kita cacamarba tak ada undang-undang, tak ada peraturan. Penjajah yang menguasai kita, benda itu berekoran sampai hari ni. Kesian ke DO tu tengok…merah muka tu buat kerja bagai lintang ke dak nak menyelesaikan masalah tanah. Jadi, kalau kita buat macam ni nanti esok DO semua letak jawatan, letih kita. Jadi, terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

Kita tu, bila kita cakap gitu… yang kecil hati DO sebenarnya sebab dia orang, Pengarah PTG, dia orang buat kerja ni bagai nak rak tak, tak berhenti mesyuarat tiap-tiap minggu, tiap-tiap bulan turun padang, pergi sana, pergi kemari. Kita jadi ADUN je, sampai masa Sidang Dewan, kita melalak… marah sana, marah sini.

Bukan senang. Percayalah, benda ni kita berusaha sedaya mungkin. Saya tengok sendiri Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang bagaimana tiap-tiap minggu kita ikut *team* kita. Saya daripada tak reti pasal tanah, dah reti dah sikit sebanyak. Saya ni ustaz, baca Quran pandai, tak reti baca kanun-kanun tanah tu tapi dah reti dah. Ada namanya apa? 204D lah, macam-macam Akta Tanah. Bukan senang tapi bukan Mercedes.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Restu itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu 240.

(ADUN KETARI – N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Dato' Sri Speaker, boleh saya mencelah sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay daripada Ketari.

(ADUN KETARI – N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Ya, semalam Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun menjelaskan apa tindakan yang beliau ambil untuk berhenti membanteras semua ini. Beliau sendiri naik helikopter dengan Pengarah Perhutanan, PTG. Beliau dah janji setiap bulan beliau akan buat tu dan bagaimana mereka telah merampas tanah 1,000 hektar dekat Bentong. Jadi, ucapan seolah-olah kerajaan tidak buat apa apa ini tidak betul. [Ahli Dewan menepuk meja]

Ini tidak betul. Saya pohon dia berhenti memberi sangkaan buruk, jahat kepada bahawa penjawat awam, kerajaan negeri tak buat apa-apa pun walaupun ni dah 40 tahun. Semua ni kita nak menoktahkan. Memang usaha kerajaan telah pun dijalankan. [Ahli Dewan menepuk meja]

Jadi mungkin, mungkin semalam beliau tak ada. Mungkin beliau tak faham.
YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ha, betul. Satu hari dia tak ada.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya menyampaikan dari pihak belah pembangkang. Saya...apa perkara yang baik dibuat oleh kerajaan saya tak, saya tidak apa ni merendahkan pegawai kerajaan. Apa perkara yang baik dibuat oleh kerajaan, saya menyokong. Saya menyokong apa Yang Berhormat Dato' Sri...

(**ADUN KERDAU - N.28)**
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya...saya...benda ni pada pembangkang dia macam pisang diwap.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, duduk.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker, orang tua-tua dulu kata dia dapat, dia dapat isu ni macam pisang kena wap. Dia kembangkan pisang, gembira betul. Jadi dapat isu, er... ini boleh kita jaja, padan muka kerajaan. Tak boleh gitu, tak boleh, kesian ke DO-DO tu, kesian kepada kerajaan.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat Speaker, saya kira ini juga satu sangkaan jahat.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tak, sebab apa...

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Kita bercakap, kita ni sebagai pembangkang. Semak dan imbang Yang Berhormat Speaker. Kerajaan perlu mendengar teliti yang mana boleh dinilai dilaksana, laksana. Kalau nak tolak, terpulang.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tak, bukan...

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Tapi jangan bersangka jahat. Bila kita tegur bermakna kita ni sentiasa jahat.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Speaker, apa sebab... kita cakap...

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang ini salah ni. Saya harap Yang Berhormat Speaker, dia kena tarik balik.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tadi Kuala Sentul cakap bagaikan dibela, dijaga kepada...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seorang bercakap, seorang bercakap.

ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kemudian tadi cakap lagi sebab ada beberapa kenyataan.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ini *flow* Kuala Sentul, jadi bila Kuala Sentul bagi laluan...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya bagitahu. Sebab tu saya harap...

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Jadi saya rasa ini juga sangkaan jahat pihak kerajaan kepada kami pembangkang, tak adil.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Adakah apa sahaja teguran kami buat....

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tetapi... Beserah, Beserah.
(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dianggap sebagai bersangka jahat.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Beserah, saya suka kalau kita memberikan sokongan apa yang telah dititahkan oleh Tuanku yang disokongkan oleh MB untuk kita membanteraskan pencerobohan ini. Tetapi saya tak setuju seandainya kita menyatakan seolah-olah kita mempertahankan. Ini ayat yang keluar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu betul.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Apa sebab kita bercakap mempertahankan? Seolah-olah kita nak memburukkan kerajaan. Maknanya [Ayat al-Quran] ini bukan syak ni ya. [Ayat al-Quran] kata pepatah Arab, Orang yang bijak hanya dengan isyarat kita dah faham apa *body language* dia. Dia nak bawa kita ke mana. Bukan susah. Tetapi kalau kita yang mengatakan..."

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya rasa apa yang dimaksudkan bila kita sentuh kerajaan, apa yang disebutkan tadi, bila dapat isu je inilah masanya. Inilah ketikanya kita nak kenakan kerajaan. Yang ini bersangka jahat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay macam ni.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang ini yang saya mintak supaya kita betulkan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Kita bukan nak orang kata er...benda gini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, saya setuju maknanya apa yang pesanan Yang Berhormat kita ambik kira. Kuala Sentul, kalau nak berucap lagi, jangan ada perkataan-perkataan begitu. Kalau tidak saya tempohkan ucapan. Saya bagi dalam masa 3 minit lagi untuk habiskan.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya pun tak fahamlah perkataan mana yang sangat...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya dah beritahu. Jangan kita panjangkan.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya dah sebut apa perkataan yang disebutkan oleh Kuala Sentul.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey. Tolong teruskan Kuala Sentul. Kalau nak terus, kalau tidak saya tempohkan mesyuarat kita.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Okay baik, saya pergi ke isu-isu kawasan sayalah perumahan ya di kawasan saya Kuala Sentul [ketawa]. Nak cakap tadi sebenarnya Dato' Sri Speaker tapi nampak Dewan makin panas dan Dato' Sri Speaker pun mintak nak menempohkan ucapan saya. Jadi saya maklum dan saya akurlah. Saya akan terus ke isu perumahanlah. Sebab yang saya nak cakap tadi dalam kerajaan ini ada 2...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, cakaplah isu Yang Berhormat tu. Saya bagi peluang ni.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Jadi, isu di Kuala Sentul dan juga beberapa kawasan lain. Isu perumahan generasi baru FELDA masih tidak bergerak dan saya dapati difahamkan makin parah sebab ada kontraktor yang mengambil [tidak jelas] pada kawasan-kawasan tertentu. Jadi selagi ada isu mahkamah, rumah ini takkan dapat disiapkan dan perumahan ni melibatkan lebih kurang 1850 buah rumah yang mana kalau kita ambil purata 5 orang satu keluarga, ia melibatkan lebih kurang, lebih kurang 10,000 peneroka yang menunggu perumahan generasi baru ini bagai buah yang tak gugur. Itulah saya rasa banyak gangguan hari ini jadi saya tak boleh nak teruskan. Terima kasih. Assalamualaikum WBT. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang sebenarnya Dato' Sri Speaker, saya rasa Kuala Sentul tak ada benda nak cakap sebenarnya. Jadi dari padan begitu sajalah. Saya tengok daripada tadi. Lepas tu Dato' Soffi, rakan saya daripada Benta. Lepas itu daripada Kerdau. Padan begitu, lepas itu gulung, saya menyokong Titah Diraja.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang sebenar Dato' Sri Speaker. Kalau tadi kita dibagi tempoh 15 minit.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak, nantilah sekejap.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Jadi saya nak menghabiskan.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Hah, tengok tu.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tapi kalau banyak sangat gangguan macam mana saya nak menyampaikan teks ucapan saya yang penuh yang merujuk kepada konteks yang sebenar.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Bagilah saya cakap juga.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Jadi kalau diganggu, tak bolehlah.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Bagilah saya cakap juga.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seorang bercakap.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Seorang saja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Peraturan Mesyuarat. Hanya seorang sahaja berdiri.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya tengok je dia Dato' Sri Speaker. Yang sebenarnya tak ada benda pun, er... isinya tak ada apa. Lepas itu...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Wakil daripada Jengka...Wakil daripada Kuala Sentul, dia tak ada semalam. Dia seharian dia di kawasan memuliakan keberangkatan Kebawah Duli Tuanku. Itu kita faham tugas rasmi dan kerana tak ada semalam, jadi dia tak... dia tak dapat mengikuti perbahasan kita yang... yang sangat hebat sebenarnya, tetapi tak adalah sampai saya menegur supaya tarik balik dan sebagainya. Semalam, Ahli Yang Berhormat daripada Cheka, dia berbahas dengan baik dengan Dato', dengan wakil kerajaan bukan main lagi tapi masih lagi tidak ada yang merasakan bahawa bersangka baik, semuanya bersangka baik. Cara perbahasan itu sebenarnya. Cara perbahasan kita, cara penyampaian kita, cara percakapan kita. Itu sebenarnya dalam Dewan ni. Kita boleh kritik apa saja, kita boleh buat apa sahaja. Kita boleh keluarkan apa perkataan kita ada imuniti tetapi kaedah cara kita berucap itu ianya tidak dilihat ya, tidak dilihat ianya tidak mengikuti apanya peraturan Dewan. Sila Wakil Kerajaan.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Dato' Sri Speaker. Kuala Sentul Syawal ini puasa enam tak?

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato' Sri Speaker, jawab soalanlah [ketawa].

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak [ketawa]. Saya tanya, tanya. Kalau puasa enam tu mungkin lebih ber...apa, ada sikit, ada hidayah sikit, ibarat macam tu. Macam Dato' Sri Speaker dengan sahabat

saya daripada Benta. Ni, saya tadi saya kat luar, kat luar sana. Kita ajak lah borak-borak sikit kan. Dia lari je terus masuk bilik air. Jadi saya nak menjelaskan keadaan tu supaya benda yang kecik ni kita tak payah besar-besarkan sangat kecuali benda yang penting melibatkan dasar kerajaan yang perlu kita bahaskan. Contoh macam rumah. Soalan kat Maran tadi. Dia... kadang kadang dia mengelirukan soalan dia tu. Dia memberikan persepsi bahawa kerajaan ini memang tak buat kerja, er...macam tu. Soalan Dewan tak jawab. Soalan Dewan tak jawab? Maknanya benda yang dah jawab dan di itu...saya diberitahu semua urus setia, semua dah dijawab. Jadi kita tak bolehlah beritahu dalam...pada rakyat dalam Dewan yang mulia ni seolah-olah macam EXCO Perumahan ni tak buat kerja, tak jawab soalan. Cakap bilion-bilion. Contoh di Maran, memang kita buat hampir RM500 juta. Dah disuruh minta maaf di Temerloh. RM500 juta dan RM123 juta telah siap rumah, telah siap. Yang lain telah dalam proses. Begitu juga di Maran. Semua melalui proses Yang Berhormat Kuala Sentul dan biasa ke MDL ini memang kita telah adakan mesyuarat dan kita mengambil tindakan-tindakan yang sesuai dan memerlukan sedikit masa untuk kita menyelesaikan kemelut yang dihadapi dan kita berjanji akan menyiapkan rumah tersebut. Itu komitmen kerajaan negeri untuk memastikan projek PGBF ini dapat disiapkan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Terima kasih wakil daripada kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Di sebelah pagi, seramai 6 orang ahli telah pun mengambil bahagian. Jadi, saya akan menempohkan persidangan ini pada sebelah pagi ini dan persidangan ini akan disambung semula pada pukul 2.30 petang. Persidangan ditempohkan. Assalamualaikum WBT.

[Persidangan ditempohkan]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Salam sejahtera dan selamat petang, persidangan kita disambung semula. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian kita masih lagi di atas Usul yang berbunyi bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju Menjunjung Kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Pada sebelah petang ini kita akan menyambung semula perbahasan atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan saya akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul ini. Baiklah, saya jemput Ahli Yang Berhormat dari kawasan Chenor. Sila.

(ADUN CHENOR – N.26)
YB TUAN MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Alhamdulillah [Ayat al-Quran] Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Daerah dan yang hadir dan yang menyaksikan Persidangan kita pada petang yang mulia ini. Mengambil peluang di dalam Dewan Yang Mulia ini, Chenor Menjunjung Kasih Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka er… Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang bersama Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang atas limpah perkenan berangkat mencemar duli ke daerah Maran dan DUN Chenor sempena Kembara Pahang 1.0 pada hari semalam. *"Raja dan Rakyat Berpisah Tiada".*

Masalah rakyat sama dikongsi,
Raja dan rakyat tiadalah sangsi,
Ikatan terus jadi serasi,
Tercipta nostalgia untuk generasi.

Daulat Tuanku. Chenor ingin Menjunjung Kasih Kebawah Titah er… Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang ketika merasmikan Istiadat Pembukaan Dewan Negeri Pahang pada Jumaat yang lalu. Dapat disimpulkan melalui titah tersebut, Baginda menyeru agar kita semua dapat menoktahkan kemiskinan tegar er… menoktahkan er… menoktahkan pencerobohan, menoktahkan ketirisan serta tidak lupa mengukuhkan dakwah dan juga syariah Islamiah.

Yang Berhormat Speaker,
Dalam Titah Tuanku, Baginda ada menyentuh mengenai alam sekitar khususnya musibah banjir. Izinkan saya mengutarakan beberapa cadangan berhubung isu infrastruktur dan pengurusan air yang sering menjejaskan kesejahteraan rakyat khususnya di kawasan luar bandar yang berisiko tinggi dilanda banjir semasa musim hujan yang lebat. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan negeri memberi perhatian terhadap keperluan menaik taraf dan meninggikan aras jalan di beberapa lokasi penting yang sering dinaiki air dan menyebabkan gangguan kepada pergerakan penduduk. Antaranya lokasi tersebut adalah Jalan Kampung Kuala Wau ke Kertau melalui Kampung Belawan dan juga Kampung Machang Gelap, jalan ke Paya Ladang, Jalan Kampung Nyok berhampiran dengan Padang Ular Berjanggut, jalan ke Pekan

Sehari Kampung Awah sampai ke Simpang Lanting. Saya mencadangkan agar jalan-jalan ini dinaik taraf dengan mengambil kira faktor utama bagi mengelakkan daripada ditenggelami air ketika musim hujan lebat di hulu sungai. Dengan penambahan er… dengan penambahbaikan ini kita dapat mengelakkan kejadian jalan terputus hubungan sekali gus membantu penduduk kampung di hilir sungai meneruskan kehidupan harian dengan lebih lancar.

Yang Berhormat Speaker,
Untuk makluman tahun lepas sahaja, laluan ini terpaksa ditutup sebanyak 3 kali akibat dinaiki air. Kita faham jika berlaku banjir besar keadaan memang sukar dikawal dan banyak kawasan akan tenggelam. Namun untuk banjir yang berskala sederhana dan biasa, usaha pencegahan seperti ini boleh memberi kesan yang besar dalam mengurangkan impak kepada penduduk.

Yang Berhormat Speaker,
Masih lagi berkisar tentang banjir, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri Pahang menjalankan kajian teknikal dan reka bentuk bagi pembinaan dua buah pintu air di anak-anak sungai kecil atau saliran yang bersesuaian seperti di Kampung Belawan dan juga Kampung Sawah. Cadangan ini bertujuan untuk mengawal kelajuan dan kadar pengaliran air ke kawasan projek tanam padi di kampung-kampung tersebut. Apabila berlaku hujan lebat dan paras air sungai naik secara mendadak daripada hulu, pintu air ini akan berfungsi untuk menahan aliran air sementara waktu sekaligus mengurangkan risiko banjir mengejut yang boleh merosakkan tanaman dan menjejaskan penduduk setempat.

Yang Berhormat Speaker,
Kalau di tempat lain ada bah besar, ada banjir kilat. Kalau kami di Chenor istimewa sedikit ada bah ECRL. Dengan keperluan mendesak saya mohon agar pihak kerajaan negeri segera menyelesaikan isu air termenung yang berlaku akibat pelaksanaan projek ECRL yang masih belum selesai. Saya menerima aduan daripada penduduk Kampung Jengka Batu 13 mengenai masalah ini. Kawasan yang terjejas terletak berhampiran dengan Empangan Kerut dan Sungai Jengka yang menghala ke Batu Gajah. Masalah ini telah menjejaskan sistem aliran air semula jadi dan memberikan kesan langsung kepada penduduk setempat khususnya dalam aspek pertanian serta kebersihan persekitaran.

Selain itu Yang Berhormat Speaker, kajian er… kejadian bah banjir er… kejadian bah ECRL ini juga sering berlaku di Kampung Kabut dan Kampung Belimbing Awah. Keadaan ini berpunca daripada sistem saliran yang tidak efisien termasuk *culvert* dan longkang yang terlalu kecil serta kedudukan yang tidak sesuai menyebabkan aliran air tersekat dan tidak dapat mengalir keluar dengan lancer. Akibatnya saliran tidak mampu menampung kapasiti air ketika hujan lebat lalu menyebabkan banjir. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan laluan keluar masuk penduduk, malah turut mengundang risiko kerosakan harta benda serta mengancam keselamatan penduduk. Justeru, saya memohon agar pihak berwajib dapat membuat penilaian semula terhadap sistem saliran sedia ada dan melaksanakan kerja-kerja pembesaran struktur saliran di kawasan-kawasan yang terlibat dengan kadar segera.

Yang Berhormat Speaker,
Saya ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh berkenaan dengan tempat menunggu bas di sekitar Chenor ini di mana tempat menunggu bas ini masih digunakan oleh penduduk setempat khususnya yang menikmati kemudahan Bas Green Transit Liner yang ini laluan Maran dan Temerloh. Namun keadaan perhentian bas yang terlalu uzur sebahagiannya membahayakan pengguna, sangatlah

mencacatkan pemandangan dan membahayakan keselamatan sebagai contohnya seperti di Kampung Semat, Batu 13. Jika perhentian bas ini dapat dibaik pulih, dicat, dicantikkan pasti ia dapat memberi manfaat kepada pengguna serta secara tidak langsung memberi ruang penunggang motosikal berteduh di saat hujan lebat dan juga mungkin boleh dijadikan ruang untuk orang kampung menjaja secara bermusim.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini terhadap keperluan menaik taraf beberapa jambatan utama di kawasan Maran er… Jalan Maran khususnya jambatan di Sungai Bedung, Jambatan Sungai Jengka dan juga Jambatan Sungai Sering. Hal ini pernah saya bawakan dalam sidang sebelum ini. Keadaan jambatan-jambatan ini terlalu sempit dan tidak lagi sesuai untuk menampung peningkatan jumlah kenderaan yang melalui laluan tersebut setiap hari. Selain menyebabkan kesesakan, keadaan ini turut meningkatkan risiko kemalangan terutamanya melibatkan pengguna motosikal dan kenderaan berat.

Justeru saya mohon agar pihak kerajaan negeri melalui agensi yang berkaitan dapat melaksanakan kajian dan tindakan segera untuk menaik taraf jambatan-jambatan ini demi menjamin keselamatan pengguna jalan raya serta melancarkan pergerakan trafik di kawasan tersebut. Saya juga mendapat aduan penduduk bahawa longkang dan sistem perparitan di dalam kawasan kampung khususnya di FELDA Jengka 6 kebanyakannya telah rosak dan tidak lagi berfungsi dengan baik. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan ketidakselesaan serta bau busuk, malah berpotensi menyebabkan masalah limpahan air serta banjir kilat sekiranya hujan lebat berlaku. Oleh itu, saya mohon agar kerja-kerja pembaikan dan naik taraf sistem saliran di kawasan ini dapat diberikan perhatian oleh pihak berkuasa tempatan dan agensi teknikal dan untuk akhirnya…

Wakil rakyat diberi mandat,
Jangan dihina kuasa rakyat,
Chenor mohon beri pendapat,
Menjunjung Titah Raja berdaulat.

Akhir kata saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang membawa projek-projek ke kawasan Chenor dan insya-Allah, mudah-mudahan Allah SWT memberikan keselesaan kepada penduduk dan masalah air umpamanya, yang di Kampung Awah yang sekarang ni masih dalam pembinaan. Satu poster, insya-Allah dapat memanfaatkan penduduk sekitar Kampung Awah dan… dan… dan berkenaan. Jadi, terima kasih dan saya menyokong Titah Baginda. Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil daripada Chenor. Seterusnya, saya menjemput wakil dari Chini untuk mengambil bahagian, sila.

(ADUN CHINI - N.23)
YB TUAN MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam Pahang 1st.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker memberi keizinan dan ruang untuk saya bersama mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15.

Alhamdulillah, sama-sama kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana berpeluang pada tahun ini menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan dan kita dapat menyambut Syawal dengan penuh rasa kesyukuran. Seterusnya semoga kita semua dapat dipertemukan lagi pada tahun hadapan, insya-Allah.

Yang Berhormat Speaker,
Patik merafak sembah Menjunjung Kasih atas Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah sempena Istiadat Pembukaan Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15.

Ucapan Titah Tuanku Sultan yang sarat dengan hikmah dan penuh kebijaksanaan telah menggariskan panduan yang jelas serta menekankan kepentingan perpaduan, pembangunan yang seimbang, tanggungjawab kita dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan kelestarian negeri Pahang yang tercinta. Dan seharusnya kita mengambil serius setiap butir Titah tersebut sebagai amanah untuk digalas dengan penuh integriti dan kesungguhan khususnya dalam membela nasib rakyat negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,
Seterusnya, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Negeri, Daerah dan Persekutuan di atas kejayaan cemerlang mengekalkan prestasi hasil negeri melebihi RM1 bilion *hattrick* 3 tahun berturut-turut sebagaimana Titah Pujian oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja yang memilih DUN Chini sebagai Rumah Terbuka Aidilfitri Yang Amat...Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang 2025 pada 2 Syawal yang lalu. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja.

Yang Berhormat Speaker,
Prestasi Ekonomi Negeri yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang menggambarkan pentadbiran yang efisien dan mampan serta lambang kegigihan integriti dan keberkesanan tadbir urus kerajaan dalam menguruskan khazanah negeri.

Saya juga merasa bangga dan teruja berkaitan dengan keprihatinan Kebawah Duli Paduka Tuanku terhadap kejayaan kerajaan negeri dalam membasmi kemiskinan tegar. Ini membuktikan bahawa inisiatif dan ju, dan program yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri berjaya mencapai matlamat demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Saya percaya ketegasan Kerajaan Negeri Pahang sentiasa komited dan tegas dalam memastikan Tanah Rizab Melayu di negeri Pahang ini semakin bertambah saban tahun. Ini dapat dibuktikan melalui keluasan kini sebanyak 444,074 hektar berbanding 218,326 hektar pada tahun 1955.

Memetik Titah ucapan Tuanku, pencapaian ini merupakan bukti nyata komitmen dan iltizam kerajaan negeri dalam memelihara warisan milik bangsa. Satu pegangan yang bukan sahaja bernilai ekonomi tetapi juga mempunyai erti yang mendalam dan sudut jati diri dan maruah orang Melayu.

Yang Berhormat Speaker,
Penjenamaan semula “Bantuan Prihatin Pahang” kepada “Inisiatif Makmur Pahang” yang melibatkan setiap lapisan masyarakat bermula daripada bayi yang baru lahir sehingga warga yang meniti usia senja membuktikan keprihatinan dan juga kecaknaan kerajaan negeri terhadap rakyat di negeri ini. Kerajaan Negeri Pahang telah memperuntukkan sebanyak RM50.54 juta yang merangkumi 4 kluster iaitu Kluster Pelajar, Kluster Agama, Kluster Umum dan Kluster B40.

Yang Berhormat Speaker,
Penularan penagihan dan pengedaran dadah yang masih berakar umbi di negeri ini terus menjadi isu yang membimbangkan. Sebanyak 13,800 tangkapan pada tahun 2024 meningkat lebih pada 8% berbanding tahun 2023. Rekod AADK, kadar umur yang dicatatkan antara umur 20 tahun hingga umur 50 tahun penyumbang besar kepada isu kesalahan ini.

Generasi muda adalah aset masa depan negeri dan juga negara. Pihak berwajib perlu memastikan isu ini dapat dibendung bersama. Antara cadangan boleh dilaksanakan adalah mewujudkan kolaborasi strategik antara AADK, belia dan komuniti setempat melalui cadangan program "Masih Ada Yang Sayang" untuk mendekati golongan sasaran.

Selain itu, menguatkuasakan rondaan dan juga pengawasan bersepadu serta memperkasa pendidikan benci dadah di peringkat bangku sekolah. Sesungguhnya, generasi muda bukan hanya pewaris warisan, bahkan tiang negara masa hadapan. Jika kita gagal mendidik mereka hari ini, maka kita akan mewariskan tanah tanpa tuan, ladang tanpa harapan.

Yang Berhormat Speaker,
Berkaitan pencerobohan tanah haram yang mencabar kedaulatan kerajaan negeri. Saya menyokong ketegasan Kerajaan Negeri Pahang dengan mengambil tindakan undang-undang terhadap pencerobohan ini. Menyokong penuh dengan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi membenteras pencerobohan haram. Diharap Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) menjalankan tugas tanpa kompromi. Saya juga amat berharap kepimpinan masyarakat menjadi mata dan telinga bagi membenteras pencerobohan ini.

Yang Berhormat Speaker,
Saya juga ingin menyentuh isu berkaitan di kawasan DUN Chini. Projek Perumahan Generasi Baru FELDA (PGBF), 30 unit di kawasan FELDA Chini 3 yang telah FELDA jalankan kerja pembinaan pada 20 September 2021 dan akan siap mengikut jadual pada 19 Jun 2022.

Daripada laporan pihak FELDA, kerja pembinaan rumah telah siap 100% dan kerja-kerja infrastruktur 90%. Kini, baki kerja sebanyak 10% telah terbengkalai semula. Bermaksud kontraktor telah ditamatkan kerja dan saya mohon pihak FELDA dapat menyelesaikan segera agar impian anak peneroka terutama di kawasan Chini dapat membeli rumah tersebut.

Selain itu, saya mohon pihak FELDA untuk pengukuran lot tapak Rumah Sentuhan Kasih FELDA Timur 2 bagi 100 buah rumah sebelum ini. Dan juga pengukuran Skim Tanah Rakyat FELDA Pahang STRFP bagi kawasan FELDA Chini Timur 1 dan juga kawasan FELDA Timur 3 dapat disegerakan pengukuran bagi memberi peluang kepada generasi dapat memiliki lot tapak rumah tersebut.

Yang Berhormat Speaker.
Justeru itu, marilah kita berganding bahu mencari kebersamaan demi negeri Pahang tercinta ini. Sebanyak mana pun kebaikan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pahang demi agama, bangsa dan juga rakyat negeri ini, akan tetapi ada suara-suara yang sentiasa menyanggah kebenaran dan kebaikan yang kerajaan negeri usahakan. Semoga segala perancangan Kerajaan Negeri Pahang berada di landasan yang kukuh.

Pohon Kemboja tumbuh di darat,
Akar bersirat di Pohon Sena,
Tuanku Sultan sanjungan rakyat,
Kekal berdaulat di singgahsana.

Kalau menyalin dengan sempurna,
Suratnya bersih halamannya terang,
Tok Wan memimpin dengan bijaksana,
Rakyat kasih tuhan pun sayang.

Pohon senduduk dahan berpintal,
Patah ditimpa dahan berangan,
Bersatu padu semangat yang kental,
Barulah negeri Pahang maju ke depan.

Akhir kalam, Chini menyokong Usul menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Daulat Tuanku. Sekian Wabillahi taufiq wal hidayah. Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Wakil daripada Chini. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Dilantik ke 5 untuk mengambil bahagian, sila.

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN RIZAL BIN JAMIN

Terima kasih. Yang Berhormat Speaker. Assalamualaikum WBT. Selamat Sejahtera. Salam Malaysia MADANI dan Salam Pahang 1st kepada semua yang hadir di dalam Dewan Yang Mulia ini. Terima kasih kepada YB Speaker kerana memberi ruang untuk saya turut sama menyampaikan perbahasan Usul menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Paduka Al-Sultan Abdullah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah, Sultan Negeri Pahang yang kita semua kasihi selaku payung bagi negeri Pahang tempat patik pacal bernaung.

Sebagai pembuka kata saya ingin mengambil kesempatan ini menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang kita kasihi di atas pelantikan beliau selaku Penasihat Khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia bagi Majlis Pembangunan Usahawan Bumiputera Malaysia. Juga pelantikan pegawai-pegawai tertinggi bagi Kerajaan Negeri Pahang iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri Pahang dan juga Pegawai Kewangan Negeri Pahang yang baharu. Semoga semua pelantikan ini akan terus menjulang nama Pahang di pelbagai peringkat sama ada di peringkat nasional ataupun di peringkat antarabangsa. Saya juga ingin turut merakamkan rasa dukacita dan takziah atas pemergian tokoh negarawan kita, Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi dan juga kepada mangsa-mangsa insiden yang terlibat di kebocoran paip yang berlaku di

awal Syawal yang lepas, yang mana ia turut melibatkan rakyat negeri Pahang yang bermastautin di tempat yang berkenaan.

Namun begitu, saya berasa cukup terharu dan terkesan atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di mana setiap kali musibah melanda tak kira ia berlaku di negeri Pahang, di luar Pahang ataupun di luar negara, apabila ia melibatkan rakyat negeri Pahang, Yang Amat Berhormat dengan segera akan menghulurkan bantuan kepada mereka. Ini menunjukkan satu contoh kepimpinan yang amat-amat unggul dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang prihatin terhadap apa juga nasib rakyat negeri Pahang. Syabas saya ucapkan.

Dato' Yang Berhormat Speaker.
Menyentuh berkenaan Titah Kebawah Duli Paduka Sultan Pahang, Baginda ada menyentuh berkenaan dengan kepentingan menjaga dan memulihara alam sekitar di bumi Pahang ini. Segala khazanah alam ini baik di daratan yang berupa hutan dan hasil mahsulnya, begitu jugak khazanah marin, sungai dan tasik merupakan satu kumpulan aset yang berharga buat negeri ini. Oleh yang sedemikian, langkah kerajaan persekutuan untuk memberikan geran *ecological fiscal transfer (eft)* dengan izin bagi usaha penjagaan dan pemuliharaan khazanah alam negeri Pahang merupakan satu sinergi yang sangat sangat baik di antara kerajaan persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang. Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan.

Sepertimana cadangan saya semasa sesi persidangan yang lalu, kala mana kita membincangkan berkenaan Bajet Negeri Pahang. Saya ada mencadangkan supaya kerajaan negeri memberi perhatian khas di dalam pembangunan solusi berasaskan alam semula jadi ataupun *Nature Based Solution,* dengan izin yang boleh menjadi punca pendapatan Kerajaan Negeri Pahang dan sekaligus ia dapat menangani isu *opportunity cost,* dengan izin melalui program-program konservasi dan juga pemuliharaan alam sekitar di negeri Pahang.

Ada disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tahan semalam berkenaan dengan produk *carbon credit,* dengan izin yang mana ia merupakan satu instrument yang boleh mendatangkan hasil kepada kerajaan negeri bagi memanfaatkan khazanah alam. Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit penjelasan dan pembetulan bahawa bukan semua jenis hutan berpotensi untuk kita bangunkan produk *carbon credit* ini. Sebagai contoh, sekiranya kita ada 1,000 ekar Hutan Simpan Kekal yang telah matang nilainya tidaklah setinggi dengan 1,000 ekar hutan yang kita bangunkan ataupun yang kita pulihara setelah dicemari ataupun setelah diterokai secara tidak sah.

Begitu juga jenis-jenis hutan seperti hutan bakau ataupun hutan paya gambut. Ia mempunyai nilai *carbon credit* yang berbeza. Ini disebabkan oleh kadar penyerapan gas-gas hijau berbeza di antara hutan-hutan yang berlainan jenis dan juga tahap kematangan hutan tersebut. Memandangkan ini satu topik yang besar, ia memerlukan kajian yang mendalam, juga sepertimana di dalam ucapan saya yang lepas, saya sekali lagi ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri mengambil langkah dengan menubuhkan jawatankuasa terpilih bagi mengkaji potensi *Nature based solution* dengan izin.

Semua program besar ini boleh dijadikan asas yang penting bagi ekonomi yang lebih lestari di negeri Pahang termasuklah ekopelancongan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri melalui EXCO Pelancongan yang memberikan tumpuan khusus di dalam melatih sumber manusia di dalam bidang pelancongan seperti malim gunung, pemandu pelancong dan

sebagainya seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat EXCO semasa sesi soal jawab semalam.

Ahli Yang Berhormat Sekalian.
Sepertimana inisiatif daripada EXCO Pertanian yang memberikan tumpuan khusus kepada produk pertanian premium seperti Musang King dan wagyu. Saya berpandangan bidang ekopelancongan juga boleh dijadikan asas untuk membangunkan produk pelancongan premium yang berasaskan kepada alam semula jadi. Antara produk pelancongan premium yang mula mendapat sambutan dari golongan berpendapatan tinggi terutamanya pelancong asing adalah aktiviti yang dinamakan *Bird's Watching* ataupun *Avitourism*, dengan izin. Ia adalah satu aktiviti melibatkan pemerhatian burung di kalangan peminat-peminat. Antara lain, aktiviti rekreasi ini melibatkan inventori burung-burung di satu kawasan habitat dan ia melakukan kiraan penemuan spesies-spesies burung terutamanya yang sukar ditemui di sesuatu tempat. Dari segi keperluan aktiviti ini, ia melibatkan teropong moden yang berharga ribuan ringgit, kamera digital dan aplikasi mobil bagi pengenalan spesies burung dan ia juga dibantu oleh jurupandu *Avitourism* yang merupakan individu yang mempunyai pengalaman dan pensijilan di dalam bidang *Ecotourism.*

Yang Berhormat Speaker.
Menurut sebuah syarikat penyelidik Grand View Research yang berpangkalan di Amerika Syarikat, saiz pasaran *Avitourism* ini adalah berjumlah hampir USD63 billion ataupun sekitar RM283 bilion pada tahun 2023 sahaja dan ia bakal meningkat lagi bagi tahun-tahun yang mendatang disebabkan bertambahnya permintaan pelancong terhadap aktiviti ekopelancongan. Ini sekali gus membuka peluang pasaran baru bagi kita di negeri Pahang ini. Saya berpeluang mengikuti aktiviti *Bird Watching* ini sekitar bulan Mac yang lalu di mana saya dibawa oleh sekumpulan jurupandu pelancong untuk menaiki bot daripada Tanjung Lipis di Kuala Lipis ke Kuala Kechau juga di daerah Lipis.

Semasa aktiviti tersebut, mereka dapat mengenal pasti dan membuat inventori sebanyak 42 jenis burung yang ditemui termasuklah spesies yang sukar ditemui ataupun spesies yang rare seperti burung Belatuk Besar, Gred Salty, Woodpecker, Enggang Hitam, Black Hornbill dan beberapa spesies yang lain yang menjadi tumpuan peminat aktiviti ini terutamanya pelancong daripada luar negara. Dan juga apa yang paling menarik sekali menurut jurupandu yg terlibat dengan aktiviti ini.

Kadar upah untuk aktiviti *avitourism* adalah sekitar RM500.00 ke RM550.00 sehari. Bagi saya, ini merupakan satu pulangan yang sangat besar kepada masyarakat yang tinggal di luar bandar. Sehubungan dengan itu, saya suka mencadangkan supaya aktiviti *avitourism* ini dijadikan salah satu produk pelancongan untuk dibangunkan di negeri Pahang.

Mungkin boleh dimulakan dengan melatih jurupandu-jurupandu yang bertauliah untuk mengendalikan aktiviti *avitourism* ini dengan memanfaatkan prasarana-prasarana ataupun pusat-pusat pengajian ataupun pendidikan yg terdapat di negeri Pahang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Saya juga turut berasa tersentuh atas keprihatinan Kebawah Duli Paduka Baginda Bertitah mengenai peningkatan kes-kes jenayah di negeri Pahang. Saya berasakan kita perlu membuat kajian berkenaan dengan *trend* peningkatan kadar jenayah ini. Adakah ia melibatkan kadar jenayah tradisi seperti kecurian, penyalahgunaan dadah atau ia melibatkan jenayah yang lebih *advance* ataupun yang lebih tertumpu kepada jenayah siber. Manakala sebahagian daripada Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini sudah

pun menyentuh berkenaan dengan jenayah siber terutamanya *scammer* dengan izin. Pada pandangan saya, langkah penjenayah siber menghubungi mangsa untuk membuat penipuan merupakan langkah terakhir dalam usaha mereka untuk meraup keuntungan dari hasil jenayah mereka. Sebelum daripada itu, mereka perlu memiliki data-data peribadi mangsa-mangsa ataupun bakal-bakal mangsa mereka seperti nama, nombor telefon, kad pengenalan dan sebagainya.

Kebanyakan daripada penjenayah ini memperolehi data tersebut secara pukal melalui pelbagai titik sentuh ataupun *touch point,* dengan izin di mana mangsa-mangsa pernah berinteraksi seperti transaksi perbankan, telekomunikasi dan juga termasuklah interaksi mangsa dengan agensi kerajaan semasa mereka membayar cukai, memperbaharui lesen dan sebagainya.

Oleh yang demikian, saya berpandangan di peringkat kerajaan negeri, kita perlu memastikan keselamatan sistem maklumat dan data yang disimpan oleh agensi-agensi kerajaan negeri perlulah sentiasa di dalam keadaan selamat. Melalui pengalaman saya di bidang perbankan terdapat pelbagai kaedah yang boleh pihak kerajaan negeri guna pakai untuk memastikan keselamatan siber sistem komputer milik Kerajaan Negeri Pahang. Antara yang boleh dipertimbangkan adalah untuk melaksanakan apa yang dikatakan sebagai ujian penetras*i* ataupun *penetration test* dan juga penilaian pendedahan ataupun dikenali sebagai *vulnerebility assessment* kepada sistem komputer yang kritikal milik kerajaan negeri yang menyimpan data-data rakyat negeri Pahang yang berinteraksi dengan Kerajaan Negeri Pahang.

Perkara ini kebiasaannya dilakukan secara berkala setiap 12 bulan atau 18 bulan untuk memastikan sistem komputer kerajaan negeri tidak terdedah kepada pencerobohan oleh penjenayah siber yang bertujuan untuk mencuri data-data penting ataupun menghalang penyampaian perkhidmatan kepada rakyat iaitu dikenali dengan serangan DDoS. Oleh itu, saya memohon supaya kerajaan negeri memberi pertimbangan untuk memperuntukkan sedikit sumber supaya langkah-langkah keselamatan seperti yang saya cadangkan sebentar tadi dapat dilaksanakan. Ini akan dapat mengurangkan risiko keselamatan terhadap sistem komputer dan juga data-data rakyat negeri Pahang yang disimpan di sistem tersebut.

Sebagai kesimpulan kepada ucapan saya, Titah Kebawah Duli Paduka Sultan Pahang yang kita kasihi merupakan titah yang amat bermakna dan komprehensif untuk kita sama sama dukung tanpa mengira pegangan politik mahupun perbezaan warna kulit antara kita. Saya dengan ini dengan sepenuh jiwa raga menyokong Usul yang dibawakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli Yang Dilantik Kelima. Seterusnya saya menjemput Ahli dari Sungai Lembing.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

(Ayat al-Quran), Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Alhamdulillah dan (ayat al-Quran) terima kasih saya ucapkan kepada Dato' Yang Berhormat Speaker kerana memberi laluan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Diraja pada petang ini. Sungai Lembing menjunjung kasih Ke Bawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang atas Titah Diraja yang menzahirkan keprihatinan terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat serta pembangunan di negeri ini. Patik juga

merafak sembah junjung kasih atas Keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku ke Majlis Berbuka Puasa di Masjid Jamek Kampung Melayu Sungai Lembing pada bulan Ramadan yang lalu.

Yang Berhomat Speaker,
Saya ingin menyentuh berkaitan Titah Kebawah Duli Paduka Baginda, Tuanku ada menyentuh tentang isu alam sekitar. Umum mengetahui Sungai Lembing tidak lepas daripada isu banjir, isu alam sekitar setiap tahun. Maka sebab itu, Tuanku ada menyebut secara langsung berkenaan projek Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Sungai Kenau untuk diberi keutamaan bagi pelaksanaan projek ini. Saya melihat belum ada sebarang kerja fizikal yang telah dilakukan untuk melaksanakan projek ini dan berharap ia dapat disegerakan kerana saban tahun dalam musim tengkujuh, rakyat berada dalam ketakutan.

Yang Berhormat Speaker,
Apabila kita menyebut tentang alam sekitar, kita tidak dapat lari dengan hutan dan sungai. Apabila hutan ditebang, maka sungai akan menjadi cetek, keruh dan berisiko untuk banjir. Pada Sidang DUN yang lepas, saya ada membangkitkan tentang penghapusan hutan yang berlaku di Sungai Lembing dan saya ada mengutarakan sembilan persoalan utama untuk dijawab oleh Menteri Besar dan kerajaan negeri. Tetapi sehingga kini saya masih belum menerima jawapan secara lisan terhadap persoalan yang saya timbulkan tersebut. Jadi saya ingat Yang Amat Berhormat ada petang ni. Pasal pada Sidang yang lepas apabila saya bangkitkan soalan ni Yang Amat Berhormat tidak ada dalam Dewan.

Jadi saya nak membangkitkan semula agar mungkin pegawai-pegawai dapat memberikan jawapan yang dapat memuaskan hati saya dan rakyat Sungai Lembing terhadap isu yang saya bangkitkan. Isu ini dibangkitkan sendiri oleh PGA. Jadi antara sembilan yang soalan tersebut, apakah status tanah tersebut? Adakah telah diwartakan sebagai tanah pertanian dan bilakah ianya diwartakan kepada kontraktor? Pemaju manakah ianya dianugerahkan? Berapakah keluasan kawasan yang terlibat dengan aktiviti tersebut? Tanah tersebut dijual dipajak atau bagaimana? Jika dijual berapakah nilai yg dijual? Adakah dibawah harga pasaran atau atas harga pasaran? Jika dipajak berapa tahunkah tempoh pajakan dan apa hasil yang kerajaan bakal perolehi? Berapa lama tempoh perolehan hasil jika ada bagi kerajaan negeri? Apakah telah dibuat penilaian terhadap jenis kayu dan berapakah penilaiannya? Dan terakhir sembilan ini yang paling penting adalah apakah ada dibuat laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling EIA sebelum projek dimulakan atau dianugerahkan.

Jika ada mohon dikeluarkan untuk tatapan awam segera, jadi saya mohon kerajaan dapat memberikan jawapan lisan kepada persoalan yang saya timbulkan ini untuk kita sama-sama mendapat maklumatlah daripada persoalan yang dibangkitkan. Saya juga ingin menyentuh sedikit isu berkenaan pemilikan tanah di Sungai Lembing. Baru-baru ini penduduk Sungai Lembing dikejutkan dengan satu perjanjian sewaan yang telah dikenakan kepada mereka terutama di Kampung Jelihan dan Kampung Melayu dan juga Pekan Sungai Lembing.

Terlebih dahulu saya izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah kepemimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah menunjukkan komitmen berterusan dalam usaha membangunkan negeri dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Usaha berterusan kerajaan negeri dalam menarik pelaburan dan memperkenalkan pelbagai inisiatif pembangunan ekonomi harus dipuji dan dihargai oleh semua pihak. Begitu juga dengan pengurusan tanah negeri yang telah dilaksanakan dengan bersistematik selama ini.

Namun, isu yang timbul di Pekan Sungai Lembing ini harus saya bawakan di sini kerana ini adalah suara dan harapan rakyat kepada saya. Mereka secara keseluruhannya memang tidak berpuas hati dan tidak menolak perjanjian yang dibuat oleh PSK ni kepada mereka. Jadi, mereka mengharapkan rayuan kerajaan untuk mempertimbangkan semula pemilikan tanah oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (PSK) di Sungai Lembing dan memperakui hak milik penduduk tempatan berasaskan sejarah penempatan dan sumbangan turun-menurun. Antara isu yang berbangkit yang yang dinyatakan oleh mereka ialah dalam perjanjian tersebut, perjanjian tersebut dibuat secara tergesa-gesa. Maknanya, mereka menerima perjanjian itu pada hari Jumaat dan diminta untuk menandatangani perjanjian itu pada hari Isnin tanpa mereka dapat memahami secara lunak ataupun secara lumat tentang perjanjian tersebut.

Begitu juga tempoh kejanggalan dalam dokumen perjanjian sewaan yang mana ada terma-terma yang tersalah dalam perjanjian tersebut yang telah di*complaint* oleh rakyat, tetapi pihak PSK mengatakan tak apa itu kita boleh betulkan kemudian. Dan ada dalam perjanjian sewaan itu mereka diminta untuk membayar sewa bermula tahun 2022, sedangkan surat perjanjian itu diserahkan pada Februari 2025. Seterusnya terma… terma sewaan yang membebankan dan tidak adil. Kadar sewa dicadangkan bermula pada RM0.10 sen per meter… meter persegi sebulan dan tempoh sewaan adalah selama 21 tahun dengan semakan kadar sewa setiap 10 tahun. Jadi, bagi mereka ini adalah tidak adil mereka. Penduduk di Sungai Lembing ini adalah bekas pekerja-pekerja lombong. Bekas pekerja syarikat perlombongan PCCL yang telah bertapak lama di Sungai Lembing. Mereka walaupun mereka menduduki tanah tersebut tanpa geran, tetapi mereka bukanlah boleh dikategorikan sebagai penceroboh kerana selama empat dekad mereka duduk di situ, sudah tentu ada sejarah yang boleh diceritakan… yang mereka ceritakan sepanjang mereka duduk di situ. Jadi, apabila berlalunya masa, mereka terus duduk membina kehidupan di situ apabila ada sebahagiannya mereka memohon geran tanah daripada Pejabat Daerah Tanah & Kuantan tetapi sehingga ke hari ini tidak ada sebarang kelulusan. Jadi apabila mereka terus menetap,

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN RIZAL BIN JAMIN

Speaker boleh… boleh saya nak mencelah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN RIZAL BIN JAMIN

Saya ada sedikit Soalan kepada YB Sungai Lembing. Sebab sepanjang perbahasan ni saya tengok kita bercerita pencerobohan. Satu aspek saya tengok belah pembangkang mengatakan bersetuju dengan pencerobohan atas apa-apa sebab, sekarang kelihatannya ADUN Sungai Lembing mengambil posisi menyokong pula pencerobohan. Bagi saya, kalau dia duduk atas satu tanah orang lain tanpa geran itu adalah pencerobohan. Kita kena konsisten di dalam *stand* kita.

(**ADUN SUNGAI LEMBING N.17)**
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Saya faham dah soalan dia

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN RIZAL BIN JAMIN

Jangan orang buat kata ceroboh. Orang buat kata ceroboh.

(ADUN SUNGAI LEMBING N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Saya rasa YB Ahli Yang Dilantik mempunyai tafsiran yang salah terhadap penduduk di Sungai Lembing. Kalaulah mereka ini penceroboh, takkanlah Sungai Lembing kerajaan boleh membina sekolah, kerajaan boleh membina masjid kerajaan boleh membina balai polis. Sudah tentu mereka ini adalah bukan penceroboh sebagaimana penceroboh di tanah-tanah kerajaan yang lainlah jadi seperti mana yang disebut tadi. Mereka ini telah tinggal di situ sejak syarikat perlombongan masuk ke Sungai Lembing lagi. Apabila syarikat perlombongan… perlombongan ini telah tamat operasi, mereka tetap tinggal di situ. Jadi ada sejarah saya tak pasti saya boleh buat.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN RIZAL BIN JAMIN

Saya nak sikit boleh nak tanya sikit je. Yang Berhormat tadi kita dah tahu bahawa mereka yang menceroboh tanah untuk tanaman apa nama durian itu adalah penceroboh. Soalan saya adakah adakah mereka yang duduk atas tanah kerajaan bina rumah seekar atau kurang daripada satu ekar. Mereka ini yang tak ada geran. Definisinya mereka ini penceroboh ataupun tidak.

(ADUN SUNGAI LEMBING N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Saya tak pasti definisi tersebut. Jadi apa yang saya sebut situasi mereka ni tak sama dengan pencerobohan-pencerobohan hutan di dalam negeri Pahang ini. Mereka ini adalah.

(ADUN CHEKA N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Sungai Lembing. Saya lihat bahawa Lombong Sungai Lembing ini bermula tahun 1886 dan merekalah pekerja yang banyak menyumbang pada negara. Kita dapati ada beberapa kawasan yang telah digazet bawah UNESCO termasuklah Kampung-kampung Baru. Saya mohon kalau boleh dipertimbangkan kawasan ini sebagai kawasan yang bersejarah yang perlu digazetkan di bawah UNESCO. Sekurang kurangnya kita boleh ada satu penghargaan kepada penyumbang ekonomi negara yang sangat lama, 1886 sebelum kita… jauh sebelum kita merdeka. Terima kasih.

(ADUN INDERAPURA N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Speaker,
boleh saya mencelah sikitlah. Memang Sungai Lembing tu dia ada sejarah dia dan saya percaya kerajaan negeri sudah buat yang terbaik. Ia telah dikategorikan sebagai Tanah Warisan. Jadi kita kalau nak bagi individu tak *fair* dia warisan. Kalau individu dapat seorang keluarga dia je dan dia akan menjual, jadi tidak boleh nak pertahankan dengan UNESCO. Sebab itu PSK masuk. Jadi mungkin dalam keadaan ini penduduk-penduduk itu tidak setuju dengan kadar. Jadi kita tak boleh. Ini ada kategori warisan. Kita tak boleh *simply* nak bagi tanah kepada orang lain sebab kategori warisan di bawah kita ke arah UNESCO. Insya-Allah terima kasih.

(ADUN SUNGAI LEMBING N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Jadi memang itu antara yang persoalan yang dibangkitkan oleh penduduk di Sungai Lembing ini. Antaranya ialah kerajaan perlu mengkaji semula kadar yang dikenakan sewa tersebut dan ada permohonan-permohonan sebelum ini. Permohonan tanah ke pejabat daerah yang tergantung. Jadi saya mohon jasa baik kerajaan untuk melihat semula jika ada permohonan-permohonan mereka ini yang layak diberi geran dan sebagainya. Kita patut beri kepada mereka sebab selama mereka duduk di sana, bila mereka dah kita kata dah nekad untuk tinggal di sana. Ada yang telah membuat pinjaman bank beratus ribu untuk membaik pulih rumah mereka. Bayangkan tiba-tiba rumah yang mereka duduk tu dikatakan sebagai sewa. Apakah perasaan mereka ataupun perasaan kita jika kita berada di tempat mereka? Itulah saya mintak perhatian oleh pihak kerajaan. Jadi Sungai Lembing kita tahu adalah salah satu juga pusat.

(ADUN BENTA N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Tuan Speaker,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN BENTA N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Orang tua-tua ada berkata "*cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar"*. Jadi kadang-kadang tu ada masa kita bila kita buat peluru penabur tembak semua sekali dia kena semua orang. Sebab tu kadang-kadang kita nanti sewaktu Yang Berhormat rakan saya wakil kerajaan daripada Kerdau maklumkan sejarah-sejarah penjajah tu dan kerajaan negeri mengambil kira ni secara teliti umpama bak kata orang tua-tua. Dia kata menarik rambut dalam tepung, jangan sesat barat, 10 kali ukur, 10 kali ukur, sekali kerat dan kita mesti berlandaskan kepada lunas-lunas undang-undang. Jadi dalam pendekatan semalam, sahabat saya daripada Kerdau dah maklumkan ada pendekatan yang perlu kita… kita ambil, itu yang dibuat oleh kerajaan. Sebab tu jangan cepat sangat yang ni daripada barisan pembangkang membuat berbagai-bagai tuduhan dan kecaman. Sekarang *welcome to the club,* maknanya bila kita tengok tu ini keadaan itu macam ni. Tapi sahabat saya er... ni Yang Berhormat ADUN Dilantik memang benar dia katakan kalau sekiranya contohnya tanah siapa

punya, kalau bukan kita pemiliknya kita masuk tu kita boleh namakan dengan istilah apa, menumpang ke, menceroboh ke dan sebagainya. Tapi itulah maknanya. Maksud saya itu berhati-hatilah dalam kita membuat ni komen. Tindakan pada kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar er... Dato' Sri Diraja memang kita berhemah. Kalau kita kata kita berkompromi, tak pernah wujud Unit Penguatkuasaan Negeri, wujud *UE* di bawah ini... er... apa nama... semasa di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato' Sri Diraja dan ianya merupakan satu unit elit yang buat penguatkuasaan. Tetapi bila perkara ini dirujuk ke mahkamah, kita kena hormat. Sebab apa kita ini ada tiga cabang pentadbiran. Satu *legislator*... *legislation* iaitu perundangan. Satu lagi apa nama... nama *executive* dan satu lagi *judiciary,* kehakiman. Jadi yang ini kita kena hormat, terima kasih.

(ADUN SUNGAI LEMBING – N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, saya er... telah pun menyampaikan er... hasrat rakyat yang memilih saya di Sungai Lembing untuk dibawa di dalam er... apa ni... Dewan ini. Jadi er... seterusnya kita maklumlah Sungai Lembing ini adalah salah satu destinasi pelancongan yang... yang er... ada menyediakan aktiviti-aktiviti er... lasak dan sebagainya. Jadi er... dalam Titah er... Tuanku pada pembukaan sidang yang lepas, Baginda ada menyentuh tentang infrastruktur jalan raya yang mana Titah Tuanku infra... infrastruktur jalan raya yang menjadi tunjang perhubungan dan urat nadi pertumbuhan ekonomi.

Beta mengharapkan agar Kerajaan persekutuan khususnya Kementerian Kerja Raya dapat memberi pertimbangan serius untuk menyiapkan segala projek naik taraf jalanlah yang disebut sini, Jalan Segamat dan saya nak er... membangkitkan supaya kerajaan er... memerhatikan juga melihat juga jalan masuk ke Sungai Lembing yang mana jalan tersebut sempit dan er... bertampal-tampallah yang memberikan imej yang tidak baiklah, kita kata pusat pelancongan er... apa ni... *first impression* pun jalan pun dah menunjukkan tak menariklah, maksud saya disitulah. Jadi diharapkan ini juga adalah *complaint* yang disuarakan oleh rakyat kepada sayalah dan saya bawa ke pengetahuan kerajaan, insya-Allah. Jadi sedikit juga saya nak menyentuh berkenaan isu yang minta saya dibangkitkan dalam Dewan ini...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, panjang lagi?

(ADUN SUNGAI LEMBING – N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Er... ada 2 *point* lagi, insya-Allah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, mempercepatkan sikit.

(ADUN SUNGAI LEMBING – N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Okay, okay. Isu er... peneroka FELDA Bukit Sagu 1, Peringkat 3, Blok 3 yang mana ini untuk pengetahuan... pengetahuan EXCO FELDA... Yang Berhormat EXCO

FELDA yang mengalami kerugian hasil disebabkan pokok sawit mereka diserang oleh gajah liar. Jadi ada tiga... tiga lot yang mengalami serangan serius ini. Akibat serangan tersebut menyebabkan hasil mereka berkurangan. Apa yang menjadi masalah ialah mereka ini masih mengamalkan sistem blok yang mana hasil mereka ini dicampur semua dan dibahagi sama-rata. Maka apabila tiga lot ini tidak dapat mengeluarkan hasil er... yang baik, memuaskan maka ia akan memberi kesan kepada er... ahli-ahli blok yang lain. Permohonan telah dihantar, mereka mendakwa permohonan untuk menukar tiga lot yang terjejas ini kepada lot lain telah diangkat ke Ibu Pejabat FELDA HQ selama hampir 2 tahun tetapi sehingga sekarang masih belum ada kelulusan. Jadi, saya mohon... mohon pihak perhatian Yang Berhormat EXCO untuk melihat masalah ini untuk membantu er... peneroka FELDA Bukit Sagu 1 Peringkat 3 Blok 3 ini. Dan sedikit jugalah saya sebagaimana dengan er.... Yang Berhormat Ibam, saya ingin melahirkan jugalah rasa terkilan di dalam Dewan ini yang mana permohonan saya untuk er... mengadakan Jamuan Hari Raya di Dewan Semai Bakti FELDA Bukit Sagu 1 ditolak permohonannya. Jadi er... saya rasa perkara ini perlulah dihentikanlah kerana saya Wakil Rakyat yang dipilih secara sah untuk rakyat...

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLY BIN RAMLY

Yang Berhormat, saya nak sikit je menyampuk...

(ADUN SUNGAI LEMBING – N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Saya rasa... Yang Berhormat saya rasa...

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak... tak sikit je.

(ADUN SUNGAI LEMBING – N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Saya rasa lebih baik yang EXCO yang bertanggungjawab yang jawab...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat EXCO.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebenarnya begini, saya rasa kita ni Ahli Dewan Yang Mulia, Ahli-ahli yang menggubal undang-undang, jadi kita mesti perakui hak pemilik itu. Contohnya dia ada dewan, dewan dia nak bagi siapa, dia nak sewa ke siapa sebenarnya pihak kerajaan... semuanya menuding jari kepada pihak kerajaan. Bila ada dewan tak boleh di apa nama... diizinkan untuk diguna oleh mana-mana pihak. Saya tak kata siapa-siapa, dia yang jadi tuan... tuan punya, jadi ikut dialah nak bagi. Kalau saya misal contohnya dia kata pada hari itu dia tak boleh, jawabnya tak boleh. Banyak kali kita nak buat program sebenarnya daripada pihak kita sendiri pun kerajaan buat program nak pergi masuk. Dia kata tak boleh sebab benda dah ada... ada dah orang dah *booking* kat situ. Kalau kita ikut kita EXCO, takkanlah awak tak bagi, kita kena hormat.

Maknanya pihak yang berhak atau punya hak atas premis dia, aset dia, dia yang berkuasa. Jadi tak payahlah saya tengok tadi Ibam dah bangkitkan pasal soal itu. Panching bangkit soal itu macam seolah-olah macam... esok kalau orang buat *parking* misal contohnya tanah dia, *parking* misalnya RM5.00. Lepas tu sepatutnya RM5.00, dia buat RM20.00 kita *complain.* Pihak kerajaan bagitahu dengan tuan punya tanah itu *parking* sepatutnya RM20.00, lah kita parking RM20.00 jangan parking situ. Pergilah tempat lain dah tak boleh buat di situ buatlah. Saya minta maaf cakaplah, saya buat majlis kadang-kadang saya ini ya lah Wakil Rakyat kampong, tempat saya tepi jalan je tapi namanya R&R tapi tepi jalanlah, tak ada buat kat dewan pun tak ada hal orang datang semua sekali kita buatlah kanopi. Jadi saya rasa minta maaflah, jadi seolah-olah semua benda tu mesti disalahkan pada kerajaan, saya cara... saya ingat yang tu kita kena hormat.

(ADUN SUNGAI LEMBING – N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Saya... Yang Berhormat Speaker, saya bukan nak menyalahkan kerajaan jadi saya mahu... saya mohon perkara ini er... dilihat semulalah. Keadilan kepada kita sama ada yang memerintah ataupun yang membangkang iaitu Pembangkang sebabnya kalaulah pihak kita macam seperti Yang Berhormat EXCO sebut tadi tuan dewan itu... tuan dewan tu ialah sebenarnya rakyat... rakyat...

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila sila.

(ADUN SUNGAI PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Saya sebenarnya malas nak menjawab, tapi saya nak sambung balik daripada Yang Berhormat Benta cakap tadi. Empunya dewan itu ialah FELDA, kita kerajaan negeri ini pun kena mohon kepada FELDA nak meminjamnya, nak masuk tu sebab itu keadilan ini adil macam kita makan durianlah. Yang Berhormat makan durian, rasa durian Yang Berhormat? Ada Yang Berhormat makan durian? Kami makan durian, cara kami makan durian, tak sama. Sebab itu menuntut keadilan ini bukan berdasarkan A dan B. Dengan epal hijau dengan epal hijau dan epal hijau dengan epal merah, itu menandakan keadilan. Setiap kali dirunding, saya dah bagitahu dengan YB Bukit Ibam. Ini hak orang, nak masuk rumah orang mintalah dengan baik, cara baik, pengalaman pun orang dah ada ikut insya-Allah. Kalau betul jangan diungkitkan dalam Dewan mentang-mentang ada *live* nak bagitahu tak boleh, rakyat tengoklah buruknya kerajaan tak bagi kita pakai dewan, tak. Saya pun buat kat padang, saya tak buat kat dewan. Ramai rakan-rakan kita pun buat kat dekat padang, kat jalan raya pun buat sebab apa, nak bagi terbuka sebab kalau dewan itu tertutup. Bagilah kepada Wakil Rakyat tengok ini kita buat di kawasan terbuka lebih baik daripada kita nak guna setiap kali persidangan beritahu bahawanya dewan tidak boleh digunakan. Insya-Allah terima kasih banyak Yang Berhormat.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sikit je. Okay Yang Berhormat Tuan Speaker, saya baru ini buat jamuan raya. Anak-anak buah ni nak nak bakar bunga api, bila nak bakar bunga api, saya kata kena minta kebenaran pada Polis, buat kebenaran pada Polis. Pihak PDRM mengambil semua aspek keselamatan, tak lulus. Muka buruk ini Ahli EXCO Kerajaan Negeri permohonan tak lulus, kerana apa? Sebab keselamatan. Jadi saya bagitahu dengan anak buah, jangan, kalau dah polis tak bagi kita jangan buat. Maksudnya saya nak bagitahu rakan-rakan dalam Dewan Yang Mulia ini kita patuh pada undang-undang, kalau sekiranya misal contohnya dia bercanggah dengan undang-undang, jangan kita buat. Kita kena jadi contoh kepada ini pengikut-pengikut kita. Jadi dewan ni... bab dewan ni, kalau bawa cerita macam tadi dia kata, kalau dewan kita nak sewa. Kalau dewan tu dah ada ada tempahan ataupun dia sendiri tak nak bagi macam mana kita nak buat? Takkan kita arahkan FELDA? FELDA itu ada entiti dia, mintak maaf cakaplah. Itu je saya nak kongsi.

(ADUN SUNGAI LEMBING – N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Okay, terima kasih Yang Berhormat Speaker... Kalau nak panjangkan boleh panjang lagi. Tapi masa pun dah hujung. Jadi Sungai Lembing ini dengan ini menyokong Ucapan Titah Diraja. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil dari Sungai Lembing. Seterusnya saya menjemput wakil dari Inderapura. Sila.

(ADUN INDERAPURA – N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

[Ayat alQuran] Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera, Salam Pahang 1st, juga Salam Madani. Dalam... Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker dapat saya mengambil bahagian dalam Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang tempoh hari.

Di penghujung kerjaya saya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Inderapura, saya dapat bercakap satu dua perkara pun, Alhamdulillah. Saya, kawasan saya ini banyak di luar bandar dan juga pinggir bandar, bukan di bandar. Namun dalam keadaan ini masih ada beberapa perkara yang belum kita dapat selesaikan. Tetapi Alhamdulillah, berkat doa ramai, kerjasama daripada kerajaan negeri juga pegawai-pegawai kerajaan dan juga Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan, Alhamdulillah, kawasan amur…aman makmur, aman bahagia.

Dan di kesempatan ini, saya ingin menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Tuanku sendiri dan saya amat-amat terharu dan rasa sedih dalam ucapan Kebawah Duli Tuanku. Dia… Kebawah Duli teringat pesanan bonda beliau bonda Paduka Tuanku Almarhumah Tengku Ampuan Tengku Hajah Afzan. Tapi saya tengok dalam teks ucapan yang diberikan ini tidak ada dicatat pesanan bonda. MMungkin saya ingat pihak Dewan boleh masukkan semula perkara itu.

Saya terharu sebab kita sebagai manusia mesti teringat kat mak kita. Jadi pesanan apa bonda Kebawah Duli Tuanku, jaga kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan

di mana Tuanku Bertitah, Kebawah Duli Tuanku Al-Marhum Sultan telah selamat dimakamkan dan beliau Tuanku bawah Kebawah Duli Tuanku hanya ada dua perkara sahaja iaitu menjaga negeri dan juga menjaga rakyat.

Dalam hal ini, memang benarlah apa yang Tuanku buat. Tuanku er... turun mencemar duli di kawasan saya pada hari raya ke berapa, tak ingat dah saya. Tanpa pengetahuan, tanpa diiringi oleh pegawai-pegawai kerajaan dan tanpa dimaklumkan kepada Wakil Rakyat tempatan, setempat mahupun pun kepada Penghulu. Tuanku menziarah kepada satu mangsa kemalangan jalan raya akibat ada lopak jalan sepertimana kalau kita tengok *viral* di Johor, kematian dua orang, jadi tempat saya pada hari raya keempat, kelima.

Jadi hari raya pada hari yang keenam, Tuanku turun bercemar duli dan rakyat dapat faedah juga apabila menziarahi keluarga arwah tersebut, Tuanku telah mengurniakan dua buah rumah sama ada dibaiki, kalau tak dapat dibaiki juga diberikan. Jadi tanpa Tuanku ada inisiatif Tuanku. Alhamdulillah, itulah kehebatan Kebawah Duli Paduka Tuanku Sultan Pahang dan kawasan saya yang belum selesai, ada juga.

Kalau nak tengok tebatan banjir, Alhamdulillah, kurang dah banjir. Cuma macam mana kita nak berlawan dengan laut pulak tu. Susahlah pulak, air pasang, hakisan pantai yang sepanjang Pantai Sepat kalau dimulai dengan Pantai Gelora tu sampai ke Sepat, sampai ke Pekan, sampai ke Rompin memang ada hakisan yang teruk.

Sebab itu saya mohon untuk kerajaan negeri supaya mengambil inisiatif-inisiatif tertentu untuk membawa rayuan ke, permohonan ke, ke peringkat kerajaan persekutuan. Itu sahaja di kawasan sayalah. Nak cerita banyak kawasan malaslah.

Tapi ada satu lagi belum selesai tentang tanah. Ini ceroboh tanah. Kalau tanah kerajaan dia dua. Bila ada geran, orang… orang kita panggil geran. Orang Melayu panggil *tittle*. Orang Melayu panggil *tittle*. Kalau tidak, kalau tak cakap cara gitu orang tak faham ye. Bila tidak ada geran, itu tanah kerajaan, apa kita nak namakan orang tu pun, tanah tu pun, kerajaan akan mengambilkan itu ceroboh. Puluh tahun pun nak sedih macam mana. Dah itu dah suratan takdir *National Land Code* dengan izin, Kanun Tanah Negara 1965. Kita nak hujah, hujah undang-undang. Kanun Tanah Negara, siapa tak ada geran, tak ada *tittle*, itu tanah kerajaan. Kalau tanah kerajaan, kerajaan punyalah. Kalau tak ada geran awak dikategorikan sebagai apa nak nama dot dot dot... nak jadi ceroboh.

Kalau kita sebagai Wakil Rakyat, konon nak tu. Saya ada kawasan saya kerana ungkapan daripada Sungai Lembing tadi. Apa perasaan, dah macam mana kita nak berperasaan macam mana. Dia *kabor* dia dah tebang tebas 20 tahun, 50 tahun dulu tapi rakyat tempatan di sana.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang Berhormat Speaker, celah sikit. Dalam Titah Tuanku, Tuanku spesifik pada pencerobohan kepada 14,494,908 hektar. So kita fokus kat situlah bukan kita fokus ke tempat lain.

(ADUN INDERAPURA – N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Tak, saya fokus kawasan saya. Saya fokus kawasan saya. Saya nak kena selesaikan masalah di kawasan saya. Yang Berhormat, saya Yang Berhormat kawasan. Saya kena selesaikan lah.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Tadi sebut Sungai Lembing.

(ADUN INDERAPURA – N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Saya ada kata kawasan saya yang belum selesai ialah satu kawasan. Saya ambil contoh Sungai Lembing. Emosinya Sungai Lembing *kabor* apa perasaan. Di tempat saya pun rakyat pun cakap begitu juga. Apa perasaan saya dah tebang tebas 20 tahun dulu.

Polemiknya ialah rakyat tempatan yang duduk awal kat situ, orang yang mendatang saya tak nak. Saya tak sebut kawasan. Orang yang mendatang tu apa perasaan. Macam mana kita nak kata perasaan? Sampai sekarang saya tak dapat nak selesaikan. Tapi insya-Allah, Dato' DO ada. Saya berazam untuk selesaikan.

Itu sahaja satu kawasan yang saya tak dapat selesaikan kerana polemik tempatan dengan orang luar. Bila kita kata nak pecah lot, dia nak juga seekar satu, macam mana. Dia ada aturan dan peraturan. Kalau kita sembahyang tak mula dengan Fatihah, boleh? Ustaz daripada Damak? Ahli Damak. Tak bolehkan? Tak sah sembahyang. Baca Fatihah. Itu umpamanya, ada aturan dan peraturan. Negara kita ada Kanun Tanah Negara 1965. Ikutlah. Kalau kita nak mintak tolong dengan kerajaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bisiklah elok-elok, *slowtalk*. Tapi dia pun tertakluk juga kepada perancangan-perancangan kerajaan negeri.

Ada masa lagi saya? Aduh. Saya ingat saya nak cakap sikit je. Okaylah, saya nak selesaikan. Tapi saya nak buat sikit sebagai akhirnya sebab saya dah penghujung karier saya. Penghujung karier. Tapi saya nak ucap terima kasihlah daripada pihak pembangkang yang sering kali pergi ke tempat saya. Wah *best*, bagus. Tapi sampaikanlah salam... salam saya ucapan Assalamualaikum WBT. Mintak lepas pada ni, ahli-ahli daripada pembangkang nak turun kawasan saya, turunlah. Tapi sampaikanlah ucapan salam saya dengan ucapan Assalamualaikum WBT daripada Shafik Fauzan Sharif tak sebut YB tak sebut Dato' Sri pun tak apa, sebut Shafik Fauzan bin Sharif. Alhamdulillah, saya lebih selesa dengan ucapan itu. Sebab itu saya menang 5 penggal. [Ahli Dewan menepuk meja]. Kemudian saya suka.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Boleh sambung lagilah Yang Berhormat satu penggal lagi.

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Eh cukuplah. Saya takut juga pasal pembangkang ni nampak kuat je. Nampak kuat. Tapi saya nak wujudkan senario-senario politik. Ini seingat saya, seingat saya dan sesempat umur saya sebagai menghampiri angka enam, belum lagi. sebagai menghampiri angka enam haa politiknya. Sebab saya ikut serta ibu saya dalam politik, berceramah di banyak tempatlah sebagai penceramah politik di padang, dulu boleh menang di padang. Sekarang tak boleh di padang. Secara umum, saya tak sempat dengan Parti Perikatan. Saya tak tahu yang Dewan ni sempat ke tidak dengan Parti Perikatan. Ahli Kanan Kerajaan, saya tak tahulah. Umur masa umur Parti Perikatan berapa umur ingatnya?

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya tak ingat umur (ketawa). Tapi tahun 63 arwah ayahanda… allahyarham ayahanda saya bertanding di Parlimen Lipis. Dari kecik saya naik Land Rover. Maknanya pakai... pakai yang lambang kapal layar… kapal layar Parti Perikatan di mana kempen tiga bulan masa tu. Tapi...

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Parti Perikatan ditubuhkan 30.10.57 selepas perundingan MCA, MIC bercerita dengan orang putih. Masa tu PAS tak wujud lagi. Belum wujud lagi. Jadi dengan Sabah, Sarawak adalah parti-partinya. Tapi selepas berlakunya tragedi 13 Mei, yang ini jadi… jadi kita punya di negara kita. Cina, India, Melayu yang menghantui kita.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Nak betulkan fakta sikit. PAS dah wujud masa tu. PAS bertanding Pilihanraya pertama 1955 sebelum merdeka. Kali pertama, kemudian kita mula merdeka dan PAS *join* Perikatan Nasional balik... apa kapal layar masa tu saya sempat lagi sebab saya lahir awal sikit.

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Minta maaflah, bukan seingat saya sebab tu saya cakap tadi ungkapan tu seingat saya. Sesempat saya, sebab saya tak ambil sejarah tu *detail.* Okay kemudian dah berpecah, wujudnya Barisan Nasional. Adalah semua Barisan Nasional dia punya anggota-anggota, anggota ni, nak ngalahkan Barisan Nasional pulak ni. Bila Kerajaan Barisan Nasional kalah? 2018, PRU yang ke berapa? 14.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

14.

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

14. Untuk mengalahkan BN ni perlu berbagai-bagai gabungan daripada BA… Barisan Alternatif. Siapa dalam Barisan Alternatif? *Check*lah sendiri, malas aku. Contohlah. "Aku" saja lah cakap ikut yang ikut. Minta maaf Yang Berhormat Speaker. Dah ada semua. Siapa yang menganggotai BA? Daripada Parti Keadilan Rakyat, tonggaknya. Sekarang ni Parti Keadilan Nasional ya, saya tak ingat la pasal tapi kita bergabung je okay. Kemudian ada BA, lepas BA ada lagi satu tak boleh pakai. Pasal BA dah wujud tahun 1998, bubar. Bubar 2004. Haa 2004 saya mula bertanding yang mana di terajui oleh Almarhum Tun Abdullah Badawi. *Landslide,* menang besar pada ketika itu tak silap saya… betulkanlah.

Mana-mana yang ada ke wakil PAS masa tu tak? Ada tak? 2004 tak ada ya. Sorang je, DAP. Betul, PRU 15 banyak wakil PAS ni. Banyak wakil PAS ni. Banyak, banyak, dengan harapan nak menguasai Pahang. PRU 16 [Ayat al-Quran]. Tak naklah saya. Saya ingat semua depan saya ni dah tahu. Tapi Allah kurniakan daripada apa Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja. Dato' Sri Diraja Adnan Yaakob menang. Kemudian beralih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Wan Rosdy Wan Ismail. Menang jugak tapi takdirnya pada PRU 15 kita 17:17. Tapi kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada tika itu mengambil keprihatinan kepada rakyat. Gusar tentang apa jadi kepada rakyat meminta supaya Menteri Besar mempertimbangkan gabungan-gabungan ini. Ni bukan kita nak suka-suka buat tetapi ditakdirkan Allah… ditakdirkan Allah dan hari ni orang cakap UMDAP, UMDAP, UMDAP di bawah sana. Ya, sebab kita politik dia polemik ialah Cina begini, Melayu begini.

UMNO ikut telunjuk DAP. Macam mana kita nak majukan negara kita, negeri kita. Bagi saya, kita perlu lupakan perkara ini. Kita kena *look forward* untuk hal ni. Saya cukup yakin sebab saya pegang kepada doa. Doa 1 [Ayat al-Quran]. Orang kerajaan ni pun mengucap, saya penyokong kerajaan ni pun mengucap. Barisan Pembangkang pun mengucap, berdoa. Ni semua ada dosa. Saya ada dosa. Nabi je tak ada dosa. Berdoa. Tapi saya kedengaranlah dalam ucapan satu masjid, kedengaran dalam ucapan 1 Masjid 1 Rejab. Kebetulan saya tuang minyak. Dalam ceramah di masjid cerita Ferdinand Marcos. Apa pasal cerita Ferdinand Marcos. Boleh meningkatkan iman ke? *No way man*. Tak boleh meningkatkan iman cerita Ferdinand Marcos ni. Tidak lain tidak bukan untuk menunjukkan orang lain jahat kita baik, orang suka kita. Tapi bagi saya untuk menjadi Islam yg baik, kita kena amalan. [Ayat al-Quran]. Surah kahfi ayat akhir.

Siapa nak jumpa Tuhan, jangan kita syirik. Ahli kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy buatlah dulu. Dengan Bantuan Prihatin Pahang dijenamakan semula sebagai Inisiatif Makmur Pahang. Terbaik. Buat dah terbaik untuk rakyat. Rakyat nilailah dan kita wakil kerajaan sama-sama menyokong kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja]. Saya doakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sihat sejahtera terus memimpin negeri ini dan dapat memenangkan kerajaan yang ada… sedia ada untuk PRU 16. [Ayat al-Quran]. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil Inderapura. Seterusnya saya menjemput ahli daripada Kuala Semantan, sila.

(ADUN KUALA SEMANTAN - N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. [Ayat al-Quran]. Alhamdulillah, pertamanya saya merafak sembah dan menjunjung kasih. Membahaskan Titah Diraja. Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah. Juga Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj. Juga Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah. Rasa canggung pula berbahas selepas seorang YB yang lama di dewan tadi tu. Banyak yang diperkatakan. Jadi rasa kita orang yang YB baru ni rasa banyak benda yang ketinggalanlah. InsyaAllah.

Pertamanya. Alhamdulillah, kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT di atas prestasi ekonomi negeri Pahang yang secara tiga tahun berturut-turut dapat mengutip hasil melebihi RM1 billion. Cuma sebagaimana saya bahaskan sebelum-sebelum daripada sidang pada kali ini, saya ada mengatakan bahawa hasil Kerajaan Negeri Pahang ini banyaknya datang daripada hasil-hasil tradisi iaitu cukai tanah lombong, balak dan cukai-cukai ataupun bayaran-bayaran yang berasaskan kepada perkara yang berkaitan dengan tanah dan hasil-hasil tanah. Jadi bagi mengekalkan prestasi kerajaan negeri untuk terus mengutip hasil yang tinggi seperti ini.

Semoga kerajaan negeri dapat terus meneroka bidang-bidang baru dan juga industri-industri baru seperti contohnya industri hiliran daripada hasil-hasil perlombongan dan mineral yang banyak di negeri Pahang. Begitu juga produk-produk teknologi pelaburan yang seharusnya ditingkatkan oleh kerajaan negeri bagi memastikan bahawa hasil negeri terus mampan dan berjaya dikekalkan dengan hasil yang baik pada setiap penggal. InsyaAllah.

Yang kedua saya ingin masuk kepada tajuk… tajuk Tanah Rizab Melayu. Alhamdulillah, tahniah juga kepada kerajaan negeri kerana telah mencapai peningkatan sebanyak daripada 6% jumlah Tanah Rizab Melayu di Negeri Pahang kepada 12% iaitu kenaikan sekali ganda. Cumanya, kalau kita meneliti daripada Wasiat, Tujuh Wasiat Raja-Raja Melayu. Saya bacakan. Kami isytiharkan Dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytiharkan dan simpan untuk anak cucu kamu selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan. Tanah Simpanan Melayu sehingga nisbah 50%. Selebihnya kamu rebutlah bersama-sama dengan kaum yang lain ini. Mudah-mudahan kerajaan negeri terus menggandakan lagi jumlah Tanah Rizab Melayu ini daripada semasa ke semasa bersesuaian dengan tujuh perkara.

Kedua daripada Tujuh Wasiat Raja-Raja Melayu. Kemudian berkaitan dengan pemilikan tanah oleh orang Melayu ni. Saya suka juga untuk membawa dewan ini untuk kita melihat kepada pemilikan tanah oleh orang-orang Melayu di luar bandar yang walaupun kerajaan negeri telahpun berjaya mengadakan… memberikan rumah-rumah seperti Rumah Ru' RASA, Rumah Rakyat Pahang, Rumah PR1MA dan banyaklah program-program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri kepada rakyat negeri Pahang. Terima kasih. Tetapi kita juga perlu melihat kepada penduduk-penduduk di kampung-kampung terutamanya di Kampung-kampung Tradisi Melayu yang kadangkala hanya ada tanah sekangkang kera, tetapi nama yang tercatat sebagai pemilik di atas tanah tersebut sampai ke peringkat 20-30 orang anak cucu dan kadangkala ada pula yang tidakpun diwariskan secara betul. Masih lagi nama atuk dan nenek, cumanya dididuduki oleh anak cucu yang berterusan tanpa ada satu penyelesaian.

Jadi perkara ini mohon juga kerajaan negeri dapat beri perhatian bersama-sama dengan pentadbir tanah untuk melihat perkara ini supaya masyarakat kita di luar bandar ataupun di Kampung-kampung Melayu ini dapat meneruskan pemilikan tanah dia dalam keadaan yang sistematik dan boleh dibangunkan. Kemudian juga, suka saya menyebut bahawa kalau kita lihat secara perbandingan Kampung-kampung Melayu ni kebanyakannya berada di luar-luar bandar dan kalau adapun Kampung-kampung Melayu yang ada di dalam kawasan bandar, biasanya dia akan hilang ditelan arus pembangunan. Ini saya sebut ada contoh dia. Kalau di Temerloh tu kalau tuan-tuan biasa pergi di sekitar Pasar Temerloh. Dulu ada satu kampung namanya Kampung Haji Salleh. Kampung Haji Salleh ni duduknya betul-betul di pusat bandar, tetapi hari ini telah hilang ditelan arus pembangunan. Begitu juga ada Kampung-kampung Melayu yang masih lagi berada di tengah bandar, contohnya, Kampung Paya Dalam. Contohnya, Kampung Batu Satu tetapi oleh kerana berlaku pembangunan di sekeliling kawasan tersebut, kawasan perkampungan itu semakin hari semakin kesesuaian dia untuk didudukinya makin lama makin tidak sesuai kerana sistem salirannya, kerana sistem pengutipan sampahnya, kerana pembangunan rumah-rumahnya diakibatkan oleh masalah tadilah.

Masalah pemilikan tanah yang tidak selesai kepada waris-waris di Kampung-kampung Melayu tersebut berbanding dengan Kampung Baru Cina. Ini, saya sebut ini bukan rasis. Berbanding dengan Kampung Baru Cina ni kalau di Temerloh tu kita nampak di tengah-tengah bandar tu ada kampung Baru kan. Di kampung Baru ni saya sebenarnya benda ni baru saya perasan je semenjak saya jadi YB ni bila saya naik kereta lalu di Kampung Baru Cina, saya nampak satu kelebihan yang ada pada dia. Ini pulak kita dengar cerita akan dibangun apa ni… akan didaftarkan di bawah UNESCO dan sebagainya sebagai Kampung Warisan. Lagilah. Dia akan memiliki kelebihan berbanding dengan kampung- kampung kita. Kampung-kampung Melayu ni yang terus ketinggalan.

Jadi mohon kerajaan negeri boleh melihat perkara ini untuk membantu kampung-kampung ini. Kalau di kampung Cina ni kita tengok dia mendapat kelebihan sistem kutipan sampah yang teratur daripada pihak PBT. Sistem saliran yang teratur yang diuruskan juga oleh pihak PBT. Berbanding dengan Kampung-kampung melayu. Sebab tulah akhirnya Kampung-kampung Melayu yang ada di tengah tengah bandar. Sikit-sikit dia hilang ditelan arus pembangunan. Ini perkara yang saya kira boleh diberi perhatian oleh kerajaan negeri. Bagaimana caranya untuk memastikan kampung-kampung tradisi Melayu kita ini dapat dikekalkan dari segi pemilikan tanahnya dan dari segi keupayaan untuk dibangunkan secara sistematik bagi manfaat kita bersama.

Yang ketiga, saya ingin menyentuh juga apa yang disentuh oleh Tuanku berkaitan dengan infrastruktur jalan raya. Pertamanya, saya nak ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan, JKR dan JKR yang telah pun membina lampu isyarat di persimpangan di Paya Pulai berhampiran dengan Sekolah Kebangsaan Paya Pulai. Alhamdulillah, perkara tersebut telahpun berjalan. Cuma di peringkat awal pelaksanaan dulu, dia ada masalah sikit. Keadaan *jammed* yang teruk tetapi saya kira masalah ini, jalanraya di Temerloh ini terutamanya dia daripada Temerloh ke Maran ataupun ke Kuantan. Lebuhraya Persekutuan Dua ini saya kira telah sampai masa dan ketikanya kerajaan negeri mungkin dengan apa namanya… meminta atau memohon daripada Kerajaan persekutuan supaya pembesaran jalan ini dapat disegerakan kerana walaupun kita bina *traffic light*, kita bina apa-apapun keadaan jalan tersebut masih lagi berlaku kesesakan di waktu-waktu puncak dan juga di waktu-waktu perayaan. Saya kira telah sampai masanya Lebuhraya Persekutuan 2 ini daripada Temerloh mungkin daripada Bandar Temerloh paling tidak sehingga ke Bandar Maran ataupun dipersimpangan

Chenor itu telahpun sampai ketikanya untuk diluaskan kepada jalan dua lorong sehala. Sebab kalau sampai kalau kena musim raya, kita tengok baru ni pun bila kita buat *traffic light* di Paya Pulai tu kita dapat tengok kesan dia. Jalan tu dah kecik buat pula *traffic light*. Terima kasih buat *traffic light* ni bukan marah, bagus sangat. Cumanya bila ada *traffic light* tu kadangkala dia mengganggu juga aliran trafik tersebut.

Jadi oleh kerana itu sudah sampai masanya jalan tersebut dibesarkan demi untuk melancarkan aliran trafik dan juga demi untuk keselamatan penduduk yang berada di kiri kanan jalan tersebut. Begitu juga dengan jalan raya, di antara Temerloh dan Jerantut. Dia sebut sebagai Lebuhraya Persekutuan 98, bermula daripada Taman Seri Semantan sehinggalah ke Jerantut. Jalannya juga telah berlaku kesesakan di waktu-waktu puncak dan juga pada waktu-waktu musim perayaan. Dekat simpang tol ataupun simpang *highway* tu memang senantiasa berlaku kesesakan. Tambahan pula, sekarang ni berlaku pembangunan yang pesat. Perumahan-perumahan di sekitar kawasan Paya Keladan, di sekitar kawasan Kampung Raja berdekatan dengan Jambatan Songsang, Kampung Raja tersebut. Jadi jalan tersebut sentiasa sesak. Jadi sudah… memang sudah sampai ketikanya Jalan 98 ini juga, Lebuhraya Persekutuan 98 ini dibesarkan kepada jalan dua lorong sehala. Kemudian yang keempat, saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan alam sekitar.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,
Kebawah Duli Paduka Baginda menyentuh tentang alam sekitar ni. Antaranya disebutkan tentang utamakan projek tebatan banjir. Saya kira projek tebatan banjir di DUN Kuala Semantan dan di Bandar Temerloh ini sedang berlaku di Sungai Semantan. Masalah besar. Antara masalah besar yang berlaku di sini adalah runtuhan cerun yang berlaku di sepanjang aliran Sungai Semantan daripada Kampung Gantok sehinggalah ke Kuala Sungai Semantan di Kampung Bangau Tanjung tu, banyak runtuhan-runtuhan cerun yang berlaku di sepanjang aliran tersebut. Kalau di Bangau Tanjung ni dah dua kali penduduk di situ melaporkan ada satu jalan pertanian yang mereka gunakan untuk masuk ke kebun-kebun mereka runtuh sepenuhnya akibat daripada runtuhan cerun Sungai Semantan.

Saya dah laporkan perkara ini kepada pihak JPS Daerah dan mereka pun telah tengok, pantau dan sebagainya. Cuma sehingga ke hari ni masih belum ada kerja-kerja yang dilakukan untuk membaiki jalan tersebut. Begitu juga dengan Sungai Pahang, daripada Bangau Tanjung sehinggalah ke kampung-kampung di sepanjang jajaran tersebut. Kampung Lubuk Kawah, Kampung Paya Banir, Paya Jejawi, Sanggang, Kuala Sanggang sehinggalah ke kampung saya di Kampung Loyang. Di sepanjang jajaran tersebut, kalau di seberang sana daripada Bangau Parit hinggalah ke Sanggang Seberang, banyak runtuhan-runtuhan cerun yang berlaku. Ini mengancam keselamatan penduduk sebahagiannya dan juga mengancam apa nama… pengusaha-pengusaha ikan sangkar yang mengusahakan ikan sangkar di sepanjang jajaran tersebut. Jadi ini perlu pada perhatian daripada kerajaan negeri dengan projek tebatan banjir ataupun projek-projek khusus yang mungkin memerlukan input daripada persekutuan untuk menyelesaikan masalah runtuhan cerun tersebut.

Yang seterusnya saya ingin menyentuh tentang ketirisan hasil negeri. Ini Kebawah Duli Paduka Baginda menyebut secara khusus. Kadar air tidak berhasil dengan izin *Non Revenue Water* yang membimbangkan. Di Temerloh, saya pernah... kita pernah disebutkan dalam Dewan ini bahawa kadar kehilangan air terawat ini di daerah Temerloh adalah antara yang tertinggi.

Saya ingin membawa perhatian dewan ini khusus kepada jajaran yang saya sebut tadilah. Daripada Bangau Tanjung teruslah kepada Kampung Lubuk Kawah, Kampung

Paya Banir, Kampung apa namanya… Bukit Tingkat, Kampung Paya Jejawi, Sanggang, Kuala Sanggang teruslah ke kampung saya di Kampung Loyang. Sering kali sangat berlaku terputusnya bekalan air akibat daripada paip pecah. Kalau saya tak salah, paip yang berada di jajaran tersebut usianya telahpun melebihi 30 tahun. Jadi memang sudah ketikanya untuk paip-paip tersebut digantikan dan kalau tidak dia akan menyumbang kepada ketirisan *Non Revenue Water* ini yang tinggi di kawasan tersebut. Bukan itu sahaja, keadaan ini juga menyebabkan permukaan jalan di jajaran tersebut. Saya sering sebut benda ni kalau di Kampung Bangau Tanjung tu daripada Hotel Seri Malaysia, bawalah ke Kampung Bangau Tanjung hingga ke Kampung Bukit Tingkat, Lubok Kawah tu jalannya tu kalau orang kampung *kabor gelegot*, Dato' Sri. Hah, *gelegot* permukaannya makna *gelegot* ni dia tak ratalah. Jadi saya dah banyak kali sebut dah isu ini tetapi sehingga ke hari ni dia tidak mampu diselesaikan dengan baik dan betullah sehingga ke hari ni. Antara sebab jawapan yg saya dengar sebelum-sebelum ini.

Katanya, kedudukan paip di jajaran tersebut agak tohor, jadi tak tinggi sangat. Jadi bila pecah, *repair* walaupun *repair* tersebut telah dibuat dengan baik tetapi oleh kerana kedudukan paip itu, dia tidak dalam sangat menyebabkan pembaikan tersebut tidak dapat menyelesaikan keadaan itu dengan baik. Dia akan balik semula jadi berlekuk-lekir.

Jadi inilah yang berlaku di jajaran tersebut yang tak pernah selesai daripada sebelum saya jadi YB sehinggalah hari ini saya dipilih oleh rakyat untuk mewakili kawasan tersebut. Jadi mudah-mudahan ada tindakan daripada pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut seterusnya Yang Berhormat Timbalan Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Banyak lagi?

ADUN KUALA SEMANTAN – (N.32)
YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Hujung dah ni sikit lagi. Saya nak sebut sikit lagi iaitulah masalah banjir kilat. Ni mungkin musim dia jugalah ni sebab sekarang ni kerap kali berlaku hujan lebat yang tidak dijangka. Begitu juga dengan angin dan ribut yang melanda kampung-kampung di sekitar kawasan saya. Jadi, saya pernah berbincang isu ini dengan apa namanya pihak JPS, juga kawasan seperti di Kampung Paya Luas yang meliputi kawasan Taman Jaya 6, Taman Jaya 8 dan juga Taman Jaya 3 ni. Bila berlaku hujan lebat dalam kadar beberapa jam yang berterusan menyebabkan air bertakung dan berlaku banjir kilat di kawasan tersebut.

Ini diakibatkan kalau dekat dengan Hospital Temerloh dekat Kampung Paya Luas tu dia ada satu kawasan takungan air. Tapi kawasan takungan tersebut tidak diselenggara dengan baik. Saya difahamkan paya tu ada pemilik dia. Jadi, saya pernah bincang dengan pihak JPS. Dia kata paya tu ada pemilik. Kalau kerajaan betul-betul nak jadikan paya tu sebagai kolam takungan, kena dibuat pengambilan tanah dan boleh dijadikan satu takungan yang *proper* untuk menampung air daripada kawasan-kawasan perumahan tersebut termasuklah daripada Hospital Temerloh. Bagi mengelakkan daripada mudahnya berlaku banjir kilat di kawasan kawasan tersebut. Saya. Itulah yang saya dapat utarakan dalam perbahasan titah Diraja pada petang ini. Terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Titah Diraja. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Wakil dari Kuala Semantan. Seterusnya saya minta Wakil dari Tioman, sila.

ADUN TIOMAN – (N.42)
YB DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

[Ayat Al-Quran]. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Assalamualaikum WBT. Pertamanya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana beri laluan kepada saya untuk berucap menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku dan pada kesempatan ini juga saya mengambil inisiatif untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang yang sentiasa prihatin dengan semangat yang kental terus amanah menerajui negeri ini. Dan tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Dato Sri Diraja atas lantikan sebagai Penasihat Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada hari ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada rakan kita. Yang Berhormat Dato' Nazri bin Abu Bakar yang telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri. Begitu juga, Yang Berhormat Mohd Saifuddin bin Hashim sebagai Pegawai atau Penasihat Undang-Undang Negeri dan seterusnya Yang Berhormat Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh selaku Pegawai Kewangan Negeri. Tahniah dan Syabas sekali lagi kepada pegawai-pegawai kanan negeri Pahang.

Alhamdulillah, [Ayat Al-Quran]. Sempena Majlis Perasmian Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 DUN Pahang ke-15 pada 18 April 2025, Jumaat bersamaan 19 Syawal 1446 Hijrah, yang mana telah disempurnakan oleh Ke Bawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Yang Berhormat Tuan Speaker.
Saya juga sekali lagi mengambil kesempatan menjunjung kasih setinggi-tinggi junjungan kasih atas Titah Ucapan Tuanku yang menyentuh banyak aspek dan kecaknaan Baginda terhadap pentadbiran dan pengurusan serta hal ehwal rakyat Baginda Tuanku di negeri Pahang ini. Syukur kita semua di negeri Pahang Darul Makmur ini mempunyai Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan yang cakna rakyat dan turut sama memantau negeri ini setiap masa agar terus lancar, makmur, maju senantiasa kerajaan naungan Tuanku. Daulat Tuanku.

Titah ucapan tuanku turut dizahirkan betapa kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang bersama seluruh jentera kerajaan negeri memperkasakan ekonomi khususnya agar berada di atas landasan yang baik dan membanggakan Baginda seterusnya menekankan supaya berusaha untuk terus tingkatkan kecemerlangan ekonomi di tahun semasa ini dan juga pada masa akan datang secara konsisten.

Yang Berhormat Tuan Speaker.
Saya sentuh dua perkara berkaitan dengan ekonomi sedikit dan juga tentang pencerobohan tanah haram. Tahniah juga diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang kerana berjaya mencapai hasil kutipan kerajaan negeri RM1 bilion tiga tahun berturut-turut sebagaimana rakan-rakan kita dalam dewan ini menyatakan sangat membanggakan rakyat di negeri ini. Saya juga ingin menyeru dan mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya dapat melihat lagi dari

semasa ke semasa sumber atau produk baru yang dapat menjana pendapatan termasuklah ditekankan kepada unit utiliti untuk dilihat sumber-sumber bagaimana yang kerajaan negeri dapat daripada TNB pada satu ketika yang lalu. Kali ini mungkin laluan *pipeline* Petronas, TM, Taman Laut, laluan gentian optik dan lain-lainnya sekiranya terangkum dalam kos melepas dilihat semula dan dikaji kembali.

Dan isu kedua yang saya sebutkan tadi tentang pencerobohan haram. Semua pihak perlu akur dalam hal ini, Titah Ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku adalah ucapan yang tertinggi dalam negeri ini apatah lagi dalam Dewan Yang Mulia ini. Mana-mana pihak yang mempertikaikan dan tidak mengiktiraf akan perkara ini, adalah satu penghinaan terhadap Raja Berdaulat dan rakyat serta kedaulatan negeri.

Yang Berhormat Speaker,
Elok kiranya kita lihat apa yang diadakan oleh kerajaan negeri, salah satunya Karnival Tanah. Kalau boleh dicadangkan supaya Karnival Tanah ini juga didedahkan satu masa untuk Kursus Sivik tentang perihal tanah kerajaan negeri di sekolah-sekolah sama ada sekolah menengah mahupun sekolah-sekolah rendah mahupun sekolah menengah sebagai permulaan kepada anak-anak muda untuk tahu hal ehwal tentang tanah di negeri ini.

Yang Berhormat Speaker.
Saya juga ingin menyatakan tahniah dan syabas atas tindakan segera dan jujur oleh kerajaan negeri dari semasa ke semasa dengan penubuhan UE untuk membantu dengan kerjasama agensi lain di negeri ini. kerajaan negeri dicadang supaya lebih serius membuat *masterplan* dan pusat data tanah yang lebih sistematik dengan penggunaan unit pengimbasan satelit dengan kerjasama MYSA dan agensi swasta dengan lebih berkesan dan tepat serta diskusi khas sepanjang tahun untuk menangani isu pencerobohan dan kenal pasti kawasan terlibat ataupun *trigger area*.

Yang Berhormat Tuan Speaker.
Sebelum saya akhiri ucapan ini yang ringkas, saya ingin menyatakan secara peribadi, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja kerana di kawasan saya pada masa PRK yang lalu, warga di Pulau Tioman telah mendapat tiga dewan kegunaan ramai iaitu di Kampung Perpat dan Kampung Janglau serta Kampung Pontian. Tiga dewan istiadat bagi masyarakat OA di Sungai Muk, Batu 8 dan juga tak silap saya di Bukit Lepas.

Begitu juga sebuah bot jenazah di Pulau Tioman. Satu cadangan Rest House atau Rumah Negeri di Pulau Tioman dan kalau boleh saya nak sebutkan di sini juga. Dengan izin Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, Jalan Kuantan-Segamat. Saya difahamkan boleh sebut Yang Amat Berhormat Dato' Sri? Secara dasarnya mendapat kelulusan RM1 bilion lebih. Tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Pahang. [Ahli Dewan menepuk] Saya sangat bangga walaupun jalan ini tidak dalam kawasan saya tetapi mudah-mudahan akan menyelamatkan ramai lagi warga pengguna jalan raya yang saban tahun tak putus-putus akan berlaku kemalangan maut dan sebagainya. Insya-Allah dengan projek ini mudah-mudahan akan terus memberi keselesaan dan juga keselamatan pengguna jalan raya sepanjang masa.

Seterusnya juga permohonan masjid di Pulau Tioman, Hospital Mini, Jalan Ring Road Pulau Tioman. Mudah-mudahan dapat dipertimbangkan. Saya pun sama macam ADUN Inderapura. Mungkin ini penggal terakhir nak minta jasa baik kerana dengan banyaknya apa yang disalurkan oleh kerajaan negeri di DUN Tioman ini, saya mengharapkan mudah-mudahan ini akan memperkasakan lagi masyarakat di DUN

Tioman. Termasuklah juga Masjid Sungai Puteri, Masjid Kampung Perpat, Masjid Rendang II dan Masjid Bandar Lama. Alhamdulillah, telah diluluskan dan ada pun… ada juga yang telah digunakan.

Terima kasih juga kepada mantan YB SS dan juga mantan Dato' Sri LA dan semua Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Daerah termasuklah Pegawai Daerah Baru, Tuan Hatta ke daerah Rompin yang banyak membantu tentang hal ehwal pentadbiran serta pengurusan di daerah Rompin. Dan sebelum saya akhiri juga, saya ucap terima kasih secara peribadi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, mudah-mudahan dapat dilihat lagi keadaan yang ada di Pulau Tioman dan juga di daratan Rompin itu termasuklah menyelesaikan masalah-masalah yang sukar untuk saya selesaikan dan saya telah dapat *hint*, mudah-mudahan perkara ini dapat diselesaikan dengan baik dan mudah-mudahan warga dan rakyat di Pulau Tioman serta daratan Rompin DUN Tioman ini akan terus mengecapi nikmat kemakmuran negeri Pahang ini. Saya dengan ini mohon menyokong titah menjunjung kasih Titah Diraja. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Tioman. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Lanchang. Sila.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Alhamdulillah. [Ayat al-quran] Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana telah memberi ruang kepada saya mewakili rakyat Lanchang untuk turut sama menyampaikan ucapan dalam sesi Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

Yang Berhormat Speaker,
Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi tahniah dan penghargaan kepada kerajaan kerana dapat mengadakan persidangan kali ini dengan baik sekali dan lancar, dan junjungan kasih juga Kebawah Duli Tuanku kerana telah menyentuh pelbagai perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh kita selaku Wakil Rakyat di kawasan masing-masing, selaku pembuat dasar dan untuk menjaga maslahah rakyat kita semua.

Yang Berhormat Speaker,
Er… di permulaan ucapan saya ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara terutamanya mengenai Titah Tuanku yang menyebut tentang infrastruktur kepada rakyat negeri Pahang. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah pun er... menaik taraf jalan di DUN Lanchang yang saya kira bermula daripada Lanchang Timur di kawasan Jalan Triang dan seterusnya daripada Bandar Lanchang sehinggalah ke Kampung Bolok dan sekarang er... pihak agensi kerajaan juga iaitu jabatan kerajaan... jabat... Jabatan Kerja Raya sedang menaik taraf semula jalan daripada Simpang Bolok sehinggalah ke FELDA Lakum.

Dan insya-Allah dalam sedikit masa lagi, saya kira jalan yang begitu hangat sekali diperkatakan dari masa ke semasa, saya kira hampir 10 tahun, yang menjadi bualan hangat pengguna-pengguna jalan raya bukan sahaja di Lanchang, malah ia merupakan pengguna-pengguna jalan raya sebagai satu laluan alternatif sama ada

daripada Kuala Lumpur atau Pantai Timur untuk masuk ke Temerloh seterusnya ke kawasan- kawasan kita di Pahang. Alhamdulillah, terima kasih banyak.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyeru sekali lagi bahawa mana-mana jalan yang rosak perlulah dibaiki segera seperti jalan berlubang dan sebagainya termasuklah juga menjaga apa nama… Sepertimana tanda-tanda lalu lintas ataupun er... garisan-garisan putih yang telah mula tidak menampakkan dirinya apabila berlaku hujan di waktu malam kerana ia akan mengganggu perjalanan pemandu-pemandu di jalan raya lah.

Yang Berhormat Speaker,
Selain daripada jalan ini adalah saya juga ucap terima kasih kerana banyak perkara yang telah pun dilaksanakan di peringkat kampung-kampung, kemudahan-kemudahan yang telah pun diadakan. Tetapi ada beberapa perkara sudah tentulah apabila kita membina sesuatu er... bangunan dan sebagainya, dia sudah tentulah memerlukan penyelenggaraan supaya kita menang memakai daripada kita senang... menang membina. Saya nak bagi contoh. Contohnya, kita bina ladang, apa? Padang permainan futsal di kampung-kampung, ada tempatnya ialah tidak digunakan dengan sepenuhnya dan ada setengah jugak mengalami kerosakan sepertimana lantai simen yang sudah pecah, pagar yang robek dan sebagainya, lampu limpah yang terpadam. Maka menyebabkan ia tidak dapat digunakan.

Saya nak ambil contoh satunya ialah di Kampung Rantau Panjang di mana telah lama dia dah rosak. Maka saya ingin mencadangkan supaya ianya dibaiki segera dan ada... ada juga di tempat-tempat perkampungan lain yang saya rasa perlu dinaiktarafkan lagi. Suka saya mencadangkan bahawa untuk naik taraf ini elok diadakan bumbung kerana saya lihat er… sejak akhir ini apabila kita membina bangunan, kawasan padang futsal ini ada bumbung. Dan bagi orang kampung, tempat untuk mereka melaksanakan dan mengadakan kegiatan sosial, contohnya seperti kenduri kendara, maka dapat digunakan di padang-padang beginilah. Tidak ki... tidak sahaja er… kita menunggu supaya padang itu digunakan pada musim-musim permainan yang tidak berlaku pada setiap minggu, setiap bulan. Jadi itulah saya sebut bahawa bila kita ubah suai sedikit, ia boleh digunakan oleh berbagai komunitilah. Menang memakai daripada kita menang membina.

Yang Berhormat Speaker,
Selain daripada itu ialah tentang er... parit dan longkang. Walaupun saya... saya kira ada yang mengatakan bahawa tempat ini tidak... mungkin tidak sesuai. Tapi saya nak sebut bahawa di Lanchang ni kita ada dua tempat yang menjadi satu apa, tajuk utama setiap kali hujan lebat iaitu Kampung Batu Kapur, Mentakab dan juga Taman Mentakab Indah. Kawasan ni ialah kawasan dalam Mukim Mentakab tetapi dalam DUN Lanchang.

Setiap kali hujan lebat akan berlaku banjir kilat. Walaupun hujan yang saya kira tempat lain tidak banjir tetapi sering berlaku apabila hujan lebat dalam tiga, empat jam, dia akan berlaku banjir. Untuk tahun ni sahaja dari bulan Januari sampai sekarang bulan empat, sudah tiga kali berlaku banjir kilat. Malah, ada tempat sudah empat kali di dua-dua tempat ini, dan saya melihat antara isunya ialah perparitan dan saliran yang tidak sempurna pada dua tempat ini yang menyebabkan berlakunya aliran air yang tidak apa nama… tidak laju ataupun tidak lancar ke dalam Sungai Semantan.

Memang kawasan ini kawasan banjir, kawasan yang agak rendah tetapi dengan mengadakan er... perparitan yang baik, maka ia mengurangkan banjir termenung yang

berlaku begitu lama, memakan masa sehari dan sebagainya, yang merosakkan harta benda penduduk-penduduk kam... penduduk-penduduk kampung dan juga di taman-taman ini. Maka saya suka menyebut bahawa er... agensi-agensi berkenaan perlulah mengadakan penyelenggaraan secara berkala dengan lebih kerap supaya er... masalah-masalah tersebut dapat di... dapat diatasi. Kita nak menunggu proses pemindahan yang telah dijanjikan, kita belum tentu bila kerana projek persekutuan. Jadi sebagai menunggu langkah tersebut perlulah ada er... proses apa nama… pembaikan tersebut terlebih dahulu.

Seterusnya ialah er... sedikit tentang masalahnya ialah tentang... er... semalam kita sebut tentang *kiosk* PBT ya. Di Lanchang sa… saya dapat lihat ada beberapa *kiosk* yang masih lagi, bukan masih lagi, yang belum digunakan, belum. Saya tak pasti sama ada ia sudah pun disewa ataupun tidak. Tetapi saya kira bentuk *kiosk* ini adalah sama, sama ada di Lanchang atau di mana, ataupun di daerah-daerah lain, dan juga bukan sahaja di Pahang tetapi juga di negeri- negeri lain. Cuma pada saya, saya rasa er... ia kurang mendapat sambutan daripada peniaga-peniaga. Adakah mereka ini *kiosk* tersebut, reka bentuknya adalah tidak sesuai dengan jenis perniagaan atau adakah tempat letaknya *kiosk* tersebut tidak sesuai juga dengan benda yang mereka nak meniaga.

Jadi sudah pastilah ia er… bukan sahaja tidak, sudah tentu kita nak membina satu perkara tu perlu mendapat kajianlah dengan orang-orang yang berniaga kerana mereka yang nak meniaga dan kita, tapi kita juga yang nak… nak mengadakan infrastruktur tersebut. Kita faham bahawa kenapa kita bina benda tu ialah kita nak menyeragamkan. Tetapi kadang-kadang keseragaman itu menyebabkan aktiviti perniagaan yang tidak sesuai menyebabkan terencatlah. Maka sudah tentu er... apabila tidak disewa menyebabkan pembaziran berlaku. Dan saya sebut tadi bahawa dia bukan sahaja berlaku di tempat kita, malah di mana-mana negeri saya pergi di mana-mana negeri ada benda ni tidak disewa. Malah ada tempat tu sudah rumput panjang. Tempat diletakkan *kiosk* tersebut. Jadi saya rasa itu adalah antara benda yang… yang apa? Yang perlu kita lihat dalam kita mengadakan infrastruktur kepada rakyat kita.

Seterusnya Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin menyentuh iaitu tentang er... sektor ekonomi, pertanian yang disebut oleh Kebawah Duli Tuanku. Pertamanya, saya merakamkan tahniah kepada kerajaan negeri di atas kejayaan mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.2% pada tahun lepas dan menempatkan negeri Pahang didudukan... yang kedudukan yang kedua dalam negara.

Tahniah diucapkan kepada kerajaan yang dipimpin oleh Dato' Sri Diraja [Ahli Dewan menepuk meja]. Namun begitu er... saya juga ingin er… menyebut bahawa daripada aktiviti tersebut, kita lihat er... kerancakan ekonomi atau aktiviti itu kita lebih kepada pembinaan ataupun sektor-sektor lain tetapi ekonomi pertanian masih lagi rendah, masih lagi rendah. Jadi saya nak sebutnya ialah bagaimana kita perlu melihat er... negeri kita ini negeri… negeri pertanian yang sesuai dan dia menjadi antara penyumbang yang… yang apa yang terbaiklah dalam sektor ekonomi di negeri Pahang ni, dan kalau boleh, saya mencadangkan bahawa disebut banyak tanah-tanah yang telahpun diteroka secara haram er... selepas pada ini dimiliki oleh kerajaan dan dijadikan sebagai satu ladang pertanian. Mungkin selepas ini kita boleh er... mencadangkan supaya ladang-ladang pertanian menghasilkan makanan yang lebih pintar, ladang pintar dan sebagainya, supaya kos-kos ini boleh direndahkan dan juga dalam masa yang sama er... tenaga buruh asing boleh dikurangkan.

Saya juga tertarik dengan langkah kerajaan yang telah pun memperbanyakkan latihan kemahiran TVET. Tetapi TVET tentang kemahiran pertanian kurang. Perkara ini saya rasa perlu di diperbanyak diperluaskan supaya kita melihat er... di kalangan orang muda dan remaja kita, ada yang berkemahiran dan kreatif dalam membina, membuat sesuatu apa nama… alat- alat mesin dan, yang saya kira kalau kita boleh sambungkan mereka di Pusat-pusat Latihan TVET Pertanian. Mereka boleh mereka cipta satu alat mesin dan sebagainya untuk kegunaan sendiri apabila mereka menjadi seorang usahawan, kerana er... dengan teknologi moden yang ada sekarang ni saya kira tidak mustahillah kita boleh majukan pertanian di negeri Pahang ni.

Jadi harapan saya itulah, supaya er... perhatian yang lebih besar er... dapat diberikan kepada sektor pertanian ni. Saya kira itulah antara benda yang saya nak sebutnya dalam ucapan yang er... singkat ni, dan akhir kata saya menyokong penuh Titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan berharap segala saranan yang dibangkitkan dalam persidangan ini diberi perhatian sewajarnya demi kemajuan negeri dan kesejahteraan rakyat. Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil dari Lanchang. Seterusnya saya ingin menjemput pembahasan yang terakhir pada sesi petang ini iaitu Ahli Yang Dilantik nombor 4. Sila Yang Berhormat.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

[Ayat al-Quran]. Yang Berhormat er... Tuan Speaker, Ketua-ketua Jabatan, Ahli-ahli Dewan sekalian Assalamualaikum WBT. Salam Malaysia Madani, Salam Pahang *First* untuk semua [batuk]. Izinkan saya Merafak Sembah dan Menjunjung Kasih Diatas Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang pada pembukaan sidang DUN Pahang yang lalu yang penuh dengan hikmah, kebijaksanaan dan kedamaian. Saya juga ingin merakamkan er... pada perbahasan ini ucap tahniah. Ucapan tahniah saya kepada pelantikan… di atas pelantikan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru, Pegawai Kewangan Negeri yang baru dan juga Penasihat Undang-undang Negeri Pahang yang baru.

Yang Berhormat er... Tuan Speaker,
Saya ingin memulakan perbahasan ini dengan saya ingin memetik kata-kata ulama besar, Allahyarham Dr. Yusof Al-Qardawi dalam kitabnya Fiqhul Daulah dari perspektif Islam, di muka surat 222 yang menyatakan, berbilang parti politik adalah diharuskan dalam Islam. Tiada halangan untuk parti yang banyak berkerja di medan dakwah. Mereka hendaklah berbaik sangka antara satu sama lain. Maka marilah kita menjadikan dewan ini sebagai medan untuk kita menjalankan kerja dakwah untuk rakyat dan saling bersangka baik sesama kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,
Saya mengambil kesempatan ini untuk bercakap dua perkara yang dibangkitkan dalam Titah Kebawah Duli Tuanku baru-baru ini. Pertama berhubung dengan pencerobohan tanah haram dari perspektif perundangan dan yang kedua, tajuk yang saya lihat sangat jarang disentuh oleh Ahli-ahli Dewan iaitu pemerkasaan Undang-undang Syariah di negeri Pahang.

Ahli-ahli Yang Berhormat Yang dikasihi sekalian,
Pertama. Apakah isu di hadapan kita? Isu di hadapan kita adalah Tanah Kerajaan Negeri diceroboh dan kerajaan menggunakan saluran di bawah Seksyen 425 & Seksyen 426A Kanun Tanah Negara untuk bertindak menghentikan pencerobohan. Adakah tindakan kerajaan ini lambat? Apa yang berlaku di Pahang ini sangat sama dengan 1 kes pencerobohan tanah yang berlaku di Mukim Bandar, Teluk Anson atau Teluk Intan, Perak yang diceroboh untuk tanaman padi. Tanah ini pula diceroboh pada tahun 1950 iaitu kira-kira 70 tahun yang lalu apabila ramai orang dari luar Perak yang datang untuk tanam padi di situ. Mereka datang semakin ramai dan pada tahun 1977 iaitu 22 tahun kemudian, barulah kerajaan negeri mula mengadakan perbincangan dengan penanam padi tersebut. Ini pun setelah kerajaan negeri memberikan ruang kepada mereka untuk membuat permohonan secara rasmi.

Rundingan gagal diselesaikan, penanam padi menyaman kerajaan hingga ke Mahkamah Persekutuan pada tahun 1982 memohon agar tanah tersebut diberikan diserah milik kepada penanam padi ini.

Apa keputusan Mahkamah Persekutuan? Mahkamah menyatakan bahawa penanam padi ini tidak ada hak. Mereka tidak diberikan kerana mereka tidak diberikan oleh kerajaan negeri. Maka mahkamah telah memutuskan bahawa dengan izin *quarter has now right in law and equity… and equity*. Penceroboh tidak ada hak di sisi undang-undang dan ekuiti. Mahkamah juga telah menyatakan bahawa dalam kes tersebut, kerajaan negeri boleh bertindak sendiri tanpa perlu mendapatkan permohonan daripada mahkamah dan boleh menggunakan kekerasan yang munasabah untuk mendapatkan balik tanah kerajaan yang diceroboh. Pencerobohan tanah di Perak ini memakan masa hampir 40 tahun untuk diselesaikan sehingga kes mahkamah diputuskan pada tahun 1982. Maka saya ingin tegaskan bahawa tindakan Kerajaan Pahang pada hari ini adalah betul dan tempoh masa yang lama tidak menghalang kerajaan negeri untuk bertindak.

Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,
Di kesempatan ini, saya ingin membetulkan beberapa persepsi dan fitnah terhadap kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri yang kononnya penceroboh dibiarkan berleluasa tanpa sebarang tindakan. Pertama, saya nak sebutkan bahawa kerajaan persekutuan telah bertindak sangat tegas dengan menaikkan jumlah denda maksimum sehingga ke RM500,000.00 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali kerana kesalahan menceroboh tanah kerajaan. Tetapi di luar sana, fitnah yang disebarkan bahawa kerajaan negeri mahupun kerajaan pusat hari ini tidak menghukum penceroboh tanah. Fitnah kononnya, penceroboh tanah Pahang dibiarkan. Kerajaan hanya berani tangkap lelaki Melayu yang bernama A. Rahman Hashim yang menceroboh tanah Hutan Simpan Pondok Tanjung dekat Gunung Semanggol, Kerian yang kononnya kemudian dihukum RM50,000.00 manakala penceroboh di Raub dibiarkan.

Saya nak membawa fakta di hadapan kita bahawa di Mahkamah di negeri Pahang, banyak kes-kes pendakwaan terhadap penceroboh-penceroboh yang berlaku di negeri Pahang. Pada tahun pada 09.08.2023, seorang lelaki dijatuhi hukuman denda sebanyak RM200,000.00 oleh Mahkamah Sesyen Raub di atas pertuduhan menceroboh tanah milik kerajaan. 20.02.2024 Pengarah Syarikat, Tiong Chin Chong didakwa menceroboh tanah kerajaan negeri. 04.02.2025, Mahkamah Kuantan menjatuhkan hukuman denda RM200,000.00 terhadap seorang penyelia syarikat perlombongan haram tanah kerajaan. 16.04.2025 Mahkamah Sesyen Raub menjatuhkan hukuman RM200,000.00 kepada 2 orang lelaki Cina yang baru nak

bersih… nak bersihkan tanah belum lagi tanam. 28.02.2025, Pertubuhan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang didakwa di Mahkamah Sesyen Kuantan kerana menduduki tanah kerajaan tanpa kebenaran yang sah. 5 pekebun Durian Raub didakwa di Mahkamah Raub kerana menceroboh hutan simpan di Batu Talam. Mereka didakwa di bawah Akta Hutan… Perhutanan Negara. Saya menggunakan ruang pada hari ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Penasihat Undang-undang Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Pahang yang berani bertindak sedemikian.

Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,
Ini semua menunjukkan kepada kita bahawa kerajaan negeri khususnya tidak campur tangan dan menyerahkan kepada kebijaksanaan penguatkuasaan serta proses undang-undang untuk menyelesaikan masalah ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian,
Kedua. Terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab memainkan sentimen perkauman, fitnah menunggang isu pencerobohan ini. Terbaru, satu rakaman TikTok terdapat kononnya terdapat satu lombong emas haram di tengah-tengah pokok durian di Raub. Ia sebenarnya adalah satu video milik Encik Mohamad Jekri bin Mohamad Hassan yang sebenarnya sedang menjalankan ujian ke atas mesin baru di sebuah lombong besi, bijih… bijih besi di Sungai Petani, Kedah. Ini diakui sendiri oleh Sinar Harian pada 19.04.2025 yang lalu. Malangnya, video fitnah ini disebar dan dikongsikan oleh ribuan rakyat. Allah melarang keras perbuatan tidak adil ini hanya kerana benci kepada sesuatu kaum tersebut. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Jangan kerana kebencian kita kepada sesuatu kaum, maka kita tidak adil kepada mereka. Sidang Dewan yang saya kasihi sekalian. Marilah kita menghayati Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah dalam Program Himpunan Pahang Bermunajat Raja Berdaulat di majlis… di Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, Kuantan, 28.2.2025 lalu yang memperingatkan kita semua, supaya semua pihak mesti meninggalkan sifat suka memfitnah, menabur kebencian dan menyebarkan berita tidak benar. Baginda bertitah agar kita tidak membesarkan sesuatu isu yang boleh menggugat keharmonian kaum. Mesej damai Tuanku ini membuktikan peranan Umarak Tuanku dalam memastikan institusi diraja kekal utuh terpelihara dan dihormati dari pihak yang tidak bertanggungjawab yang mencuba menunggang demi suara politik terdesak mereka.

Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,
Adakah negeri lain tidak berlaku pencerobohan? Saya nak sebutkan beberapa fakta di sini. Pertama, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah mengenal pasti kira-kira 3,500 hektar tanah kawasan hutan simpan di seluruh negeri Kedah yang diteroka secara haram sejak tahun 2011 untuk tanaman durian, getah dan pembinaan kawasan penempatan bukan tanah kerajaan biasa. Kedua pada 28.11.2022 selepas sidang DUN, EXCO Terengganu, Dr Azman Hashim mendedahkan 6,000 hektar tanah diceroboh hanya di daerah Setiu dan Dungun sahaja.

Apa tindakan kerajaan Terengganu? Kerajaan Negeri Terengganu menyatakan tidak bijak sekiranya musnahkan kebun atau ladang yang sedang diusahakan oleh rakyat. Ini sangat berbeza dengan kerajaan negeri Pahang. Saya nak sebutkan kepada Sidang Dewan. Kesimpulannya apa, kesimpulannya adalah tindakan penguatkuasaan Kerajaan Negeri Pahang sangat terkedepan mendahului negeri-negeri lain dalam penguatkuasaan pencerobohan tanah sehingga sanggup menebang pokok durian dan ladang sawit.
Ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian,
Justeru, apakah tindakan penyelesaian terhadap tanaman yang diceroboh. Saya amat bersetuju sekiranya persetujuan menang-menang dapat dicapai di antara kerajaan

negeri dan juga penanam durian, kelapa sawit dan padi. Sepertimana penanam padi di Paya Setajam di Rompin yang juga berhadapan dengan isu pencerobohan tanah kerajaan ini. Atau kita boleh melihat bagaimana kaedah di Kelantan. Di Kelantan, sebuah syarikat yang bernama Sindiyan Plantation Sdn Bhd memiliki tanah di Gua Musang yang ditanam durian dengan keluasan hampir 9,588 hektar. Ladang ini diiktiraf oleh Malaysian Books of Record sebagai Ladang Musang King yang terbesar di negara ini dengan lebih 300,000 pokok durian dengan hasilnya 10,800 metrik tan setahun dan dengan *revenue* dengan izin setahun hampir mencapai RM1.5 billion.

Malah dalam laman web Sindiyan ini menyebutkan bahawa mereka memiliki tanah Musang King ini berstatus *private land* seluas itu di Kelantan. Ertinya kerajaan negeri memberikan tanah seluas itu kepada syarikat durian tersebut. Tak kisah atas apa nama sekali pun. Saya nak tanya Yang Berhormat. Saya nak tanya kerajaan negeri. Adakah kerajaan negeri bersedia untuk mengikuti jejak langkah Kelantan memberikan status *private land* yang besar yang kemungkinan bermaksud geran hak milik diberikan kepada pengusaha durian supaya menjadikan Pahang sebagai hub utama durian seperti Kelantan.

Yang Berhormat Tuan Speaker,
Isu penerokaan tanah haram ini sebenarnya telah diungkapkan oleh beberapa Ahli Dewan tadi membawa kita melihat kepada satu isu lain iaitu permohonan tanah kediaman 1, 2 ekar yang belum diluluskan oleh pihak berkuasa. Saya ingin merujuk kepada Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 1/2013 iaitu Panduan Memproses permohonan Pemberi Milikan tanah telah mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya tempoh masa untuk memproses pemberi milikan dipendekkan daripada 15 bulan ke 4 bulan. Saya berdiri pada hari ini menjunjung Titah Kebawah Duli Tuanku untuk membenteras tanah haram. Namun, saya merayu kerajaan negeri agar tidak bertindak terhadap tanah-tanah kediaman rakyat yang masih belum diberikan geran, sebaliknya menyegerakan pemberian hak milik bagi mereka kerana ada kawasan seperti di beberapa kawasan pertanian padi.

Mereka memerlukan geran hak milik atau sekurang-kurangnya Lesen Pendudukan Sementara untuk mendapatkan subsidi baja dan juga subsidi jualan padi. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan tahniah terhadap keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan kerajaan negeri yang telah meluluskan geran hak milik yang banyak untuk tanah-tanah FELDA, kampung tradisional dan kawasan-kawasan yang dipohon oleh rakyat. Tradisi ini mestilah kita teruskan.

Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,
Perkara kedua yang saya nak sebutkan pada hari ini ialah pemerkasaan undang-undang syariah. Saya sangat bersyukur Tuan Speaker kerana buat pertama kali saya melangkah ke Dewan Yang Mulia ini, Cadangan saya untuk menyegerakan penubuhan Mahkamah Utama Syariah sebagai mahkamah yang tertinggi di negeri ini telah diangkat oleh kerajaan negeri. Alhamdulillah, pada sidang kali ini jika kita lihat senarai kertas kausa ataupun kertas dasar yang dibekalkan pada hari ini, ada satu Rang Undang-undang Mahkamah Syariah Utama tahun 2025 akan dibentangkan pada sidang kali ini. Rang Undang-undang ini akan memansuhkan Enakmen Pentadbiran Islam Tahun 1991 yang hampir 34 tahun telah digunapakai di Mahkamah Syariah di negeri kita ini. Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. Perkara ini adalah merupakan catatan sejarah terhadap pelaksanaan syariah di Pahang apabila DUN Pahang pada sidang kali ini dijangka akan membentangkan Rang Undang-undang Mahkamah Syariah 2025.

Dan saya nak sebut kepada Sidang Dewan bahawa Pahang adalah antara negeri-negeri yang awal menubuhkan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Syariah Utama ini seiring seperti negeri-negeri di Perak, Kedah, Sabah dan Negeri Sembilan. Tetapi saya ada membuat satu kunjungan hormat kepada Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang dan saya mohon kepada beliau agar sebaik saja Enakmen Mahkamah Syariah utama ini diluluskan oleh Dewan ini, ianya dapat dilaksanakan sebaik sahaja diluluskan, Insya-Allah saya akan berucap lanjut ketika pembentangan Rang Undang-undang tersebut sama ada esok pun ataupun hari Khamis ini. Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, saya pohon marilah kita pahatkan nama kita semua sebagai ADUN-ADUN Negeri Pahang bahawa pada sidang kali ini kita secara sebulat suara meluluskan Rang Undang-undang Mahkamah Syariah tahun 2025 ini. Moga nama kita akan dipahatkan di hadapan Allah Rabbul Jalal suatu hari nanti. Akhir sekali, saya ingin memetik Titah Tuanku bahawa sidang kali ini membuka lembaran baharu negeri Pahang setelah kita berjaya mencatatkan perkembangan ekonomi yang sangat baik, kita bertambah baik sistem pentadbiran dan kita mudahkan sistem penyampaian kepada rakyat. Terima kasih Tuan Speaker. Saya akhiri ucapan saya pada harini dengan satu madah. "*Berbuat baik kepada rakyat ada yang meluat, Tapi ramai yang gembira, Yakinlah wahai sahabat, Jika manusia tidak melihat, Pasti Allah ada bersama".*

Kepada kerajaan negeri saya ucapkan [Bacaan dalam Bahasa Arab] teruskan perjuangan, saya Menjunjung Titah Kebawah Duli Paduka Tuanku Sultan dan menyokong sepenuh hati dan jiwa saya. Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih ADUN yang dilantik. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
untuk hari ini saya perhatikan seramai 16 orang ahli telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih. Sebelum saya menempohkan persidangan pada hari ini, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari esok Rabu, 23 April 2025, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang akan melaksanakan Program Jom Baca Bersama untuk 10 minit. Program ini ditetapkan oleh Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam SeMalaysia. Program ini akan diadakan serentak di seluruh Malaysia dan akan melibatkan segenap lapisan masyarakat. Ianya bertemakan Nikmati Saat Ini. Masa program adalah bermula pada pukul 11.00 hingga 11.10 pagi. Justeru itu, Dewan akan berhenti sebentar untuk kita turut serta menjayakan program tersebut dan saya menyeru ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan untuk membawa naskhah yang bersesuaian atau membawa apa-apa buku atau risalah ilmiah semasa program tersebut dilaksanakan dalam Dewan Negeri Yang Mulia ini. Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Persidangan kita akan disambung semula pada hari Rabu, 23 April 2025 bersamaan 24 Syawal 1446 Hijrah bermula pukul 9.30 pagi, Insya-Allah.Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan]

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI KEEMPAT
23 APRIL 2025 (RABU)

KANDUNGAN

HARI KEEMPAT: 23 APRIL 2025 (RABU)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1 - 43
4	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG	43 - 73
5	MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG	74 - 127

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 23 APRIL 2025 (RABU)

MASA : 9.30 PAGI

HADIR

YB Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP. **Speaker Dewan Negeri Pahang.**		
YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP. **1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan** **2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang**	-	Jelai
YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang**	-	Benta
YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang**	-	Kerdau
YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. **Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang**	-	Bebar
YB Dato' Ir. Razali bin Kassim, DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang**	-	Muadzam Shah
YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. **Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang**	-	Peramu Jaya
YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang**	-	Guai

YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang**	-	Dong
YB Tuan Sim Chon Siang **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang**	-	Teruntum
YB Puan Leong Yu Man **Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang**	-	Triang
YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang**	-	Pelangai
YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	Tioman
YB Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	Padang Tengku
YB Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu

YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato' Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato' Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato' Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan
YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan
YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar, SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.
Tuan Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, ACM.

YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang
Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh, DSAP., DIMP., SMP., AAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Tuan Mohd Sharim bin Haji Md Zain - Chini

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Rabu, 23 April 2025
bersamaan 24 Syawal 1446 Hijrah.

DOA

Perkara Pertama: Bacaan doa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Assalamualaikum WBT. Marilah kita sama-sama memulakan mesyuarat kita pada pagi ini dengan membaca Ummul Kitab Al-Fatihah. Segala puji bagi Allah, dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah Yang Maha Mengasihani kepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat maha hikmah limpah keadilan yang menanggung kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan. Mudah-mudahan sentosa aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hambaMu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyat sekalian. Ya Allah berkatMu ke atas kami berhimpun dipohon anugerahkan taufikMu dipohonkan menyuluh memandu ketika kami berunding menimbang bertukar-tukar fikiran pada segala perkara dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenan Amin Ya Rabbal Alamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

(Ayat al-Quran) Assalamualaikum WBT, salam sejahtera dan salam selamat pagi, salam perpaduan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafak... merafakkan syukur pada Allah Ta'ala kerana kita dapat meneruskan persidangan kita pada pagi ini. Saya lihat Ahli-ahli Yang Berhormat ceria-ceria belaka. Semalam, malam Selasa dan er... semuanya bujang duduk di sini yang tidak… yang tidak ada rumah di sinilah.

Walau bagaimanapun, saya nak mengingatkan bahawa nanti apabila kita tepat pada jam 11.00 pagi, sesiapa saja yang berucap ataupun yang menjawab soalan ataupun yang bertanyakan soalan ataupun Wakil Kerajaan memberikan jawapan, kita berhenti sementara untuk kita memberikan laluan kepada ‘Program Jom Baca Bersama untuk 10 minit’. Er... jadi saya akan ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian apabila tepat pada pukul 11.00 sesiapa sahaja yang sedang berucap jadi silakan duduk. Ianya hanya 10 minit sahaja, insya-Allah. Er… untuk meneruskan aturan

mesyuarat er... pada pagi ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat daripada ADUN Lantikan untuk mengemukakan soalan pertama.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

(Ayat al-Quran) Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli EXCO Kerajaan dan Ahli Dewan sekalian. Er... soalan saya pertanyaan nombor 1.

> [Boleh nyatakan jumlah hak milik tanah yang telah dirampas seluruh Pahang dan tidak dikembalikan kerana kegagalan membayar cukai tanah dan berapakah jumlah keseluruhan tunggakan cukai tanah yang telah dikutip melalui proses di bawah Seksyen 130 Kanun Tanah Negara beserta jumlah penalti yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Pahang?]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

(Ayat al-Quran) Assalamualaikum WBT, selamat pagi, salam sejahtera, salam Pahang *1st.* Terima Kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih kepada ADUN Kawasan… Ahli Lantikan daripada Rompin. Saya mengucapkan terima kasih di atas soalan yang dikemukakan dan ini beri peluang kepada saya dan kerajaan untuk menjelaskan berapakah jumlah hak milik tanah yang telah dirampas oleh seluruh… di seluruh negeri Pahang dan tidak dikembalikan kerana gagal membayar cukai tanah dan juga Yang Berhormat bertanyakan berapakah jumlah keseluruhan tunggakan cukai tanah yang telah dikutip melalui proses di bawah Seksyen 130 Kanun Tanah negara berserta jumlah penalti yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri? Untuk makluman Yang Berhormat daripada Rompin, sehingga kini terdapat 1,082 hak milik tanah telah dirampas atau bahasa bakunya disebut sebagai dilucut hak oleh pentadbir tanah di seluruh negeri Pahang. Maknanya Yang di-Pertua, bukan sahaja mengerjakan tanah secara tidak sah, tanah pun kalau dia tak bayar cukai tanah pun kita rampas. Maknanya kerajaan kita…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tapi kita bagi notis dululah, kan?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ada prosedur dia adalah notis sebagai contohnya, kita bagi notis 8(a) lebih kurang 8 bulan ya? 6 a)… 8(a), adalah. 6(a) tu apa ni...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bukan s*ix point one* ya?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Untuk dia bayar tunggakan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Bukan… bukan *six point one ya*, bukan?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Six point one tu dalam kamarlah. Yang Berhormat Speaker dah makan ubat dah? [Ahli Dewan ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Hari ni saya nak raya. [Ketawa]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

6(a), contohnya tunggakan. Kita kumpulkan notis untuk bayar tunggakan lepas tukar dia tak bayar tunggakan baru kita keluarkan 8(a). Maknanya… [batuk] maknanya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, prosedur kita patuhi, peraturan-peraturan yang telah ditetapkan kita patuhi. Tetapi kalau sekiranya tidak mematuhi syarat-syarat peraturan tidak bayar cukai, kita akan rampas kembali. Jadi, saya nak bagi tahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini bahawa bukan sahaja setakat mengerjakan tanah secara tidak sah ataupun aktiviti-aktiviti, perlombongan-perlombongan balak secara tidak sah, tanah pun kalau tidak dibayar cukai Kerajaan Negeri akan lucutkan haknya.

Jadi er... daripada jumlah tersebut, sejumlah 838 hak milik tanah tidak dikembalikan kepada pemilik tanah kerana tidak mengemukakan permohonan pembatalan pelucutan hak. Maknanya selepas kita bagi notis, dia tak buat… dia buat *dek* je, dia buat tak tahu je er… yang itu kita rampaslah. Kemudian kita keluarkan 8(a) itu proses biasalah dan er... melihat kepada rekod terkini yang ada pada saya, jumlah kutipan hasil penalti yang berjaya dikutip melalui proses di bawah Seksyen 130 Kanun Tanah Negara oleh Kerajaan Negeri Pahang adalah sebanyak RM1,437,142.90. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

(ADUN TANJUNG LUMPUR – N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR)

Pertanyaan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, bagi… saya bagi pada ini yang bertanya dulu. Yang Berhormat yang bertanya kemudian... er... kemudian ADUN Tanjung Lumpur.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan Yang Berhormat Speaker. Baik soalan saya, saya ada beberapa soalan tambahan daripada jawapan Yang Berhormat tadi. Soalan saya bagi pemilik tanah yang telah dilucut hak oleh pentadbir tanah ini, saya percaya mereka ada satu er... peruntukan undang-undang di bawah Kanun Tanah Negara yang membolehkan mereka untuk membuat satu

permohonan yang dinamakan kalau tidak silap saya adalah permohonan rujukan tanah melalui mahkamah. Di mana seseorang pemohon itu mesti membuat afidavit dan permohonan dan kemudian er... perbicaraan ditetapkan dan pihak daripada Penasihat Undang-Undang akan menghantar peguam mereka dan kes tersebut akan didengar di hadapan hakim.

Dan biasanya mahkamah akan menetapkan pembayaran sepertimana dalam peruntukan undang-undang iaitu lebih kurang 6 kali ganda daripada jumlah tunggakan cukai yang dikenakan. Jadi soalan saya Yang Amat Berhormat sudah tentu melalui permohonan mahkamah ini akan menelan belanja yang agak tinggi. Maksudnya mereka terpaksa *engage lawyer* dan kemudian membayar pula penalti kepada Kerajaan Negeri. *So,* dua apa nama ni? Dua, kos yang terpaksa ditanggung oleh… oleh mereka yang telah kehilangan tanah kerana tak bayar cukai tadi. Baik, soalan saya, adakah pemilik tanah yang telah dilucut hak oleh pentadbir tanah Kerajaan Negeri ni masih boleh mengemukakan rayuan kepada pihak Kerajaan Negeri dan hanya *let say* melalui surat sahaja ataupun melalui rayuan biasa sahaja kepada Kerajaan Negeri dan kalau dalam keadaan begitu kebiasaannya 6 kali ganda itu adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menimbangkan satu jumlah yang lebih rendah daripada itu bagi membolehkan mereka dapat kembali hak tanah mereka? Terima kasih Dato' Sri.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama tadi saya nak jelaskan yang bawa ke mahkamah itu dia ada dua, ada dua cara. Dia boleh bawa ke mahkamah dan boleh terus kepada pentadbir tanah. Tiga bulan tempoh dia ya 8A, selepas 8A. Ini tujuan untuk memudahkan tetapi bagi sayalah kalau kita dah ada tanah, kita dah mohon tanah dapat tanah kita bayarlah. Jangan… jangan tunggu saat-saat akhir kerana untuk mendapat tanah ini bukannya mudah prosesnya pun agak panjang.

Jadi, saya menyeru kepada mereka yang memiliki tanah ini supaya menjelaskan cukai tanah mereka kerana kita bagi tempoh sehingga 31 bulan Mei. Kemudian sebelum kita keluarkan Notis 6A dan 8A. Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, pemilik tanah yang telah diwartakan Borang A dan tanah yang dilucutkan hak boleh membuat rayuan kepada Kerajaan Negeri iaitu Permohonan Pembatalan Pelucutan Hak di bawah Subseksyen 133(1) Kanun Tanah Negara (Akta 828) kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui pentadbir tanah. Maknanya dia boleh buat rayuan. Memang benarlah maksimum yang kita kenakan adalah 6 kali ganda tetapi lazimnya kita akan melihat juga berapa pendapatan dia dan sebagainya.

Dan kita akan bagi pertimbangan. Menurut rekod yang ada pada saya ini belum ada lagi yg kita caj sampai 6 bulan. Ada yang kita bagi 5 bulan, 4 bulan. Bukan… bukan… bukan 6 bulan… 6 kali. Ada yang 5 kali, 4 kali, 5 kali tu jarang-jarang. Sepertimana kata P. Ramlee lah, apa?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

4 kali kadang-kadang.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Eh… bukan. 4 Kadang-kadang, 3 jarang- jarang, 2 apa dia? [Ahli Dewan ketawa] Biasa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Selalu.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Eh… 1 biasa jadi yang 6 kali ni bukan jarang-jarang. Tak ada. Jadi kita akan bagi pertimbangan. Biasanya mereka datang mereka kemukakan masalah mereka dan sebagainya. COVIDlah dan sebagainya kita akan bagi pertimbangan tetapi kita tidak boleh berkompromi daripada segi denda sebab itu memang telah ditetapkan di dalam Kanun Tanah Negara. Jadi maknanya Kerajaan Negeri Pahang akan mempertimbangkan rayuan yang dikemukakan oleh pemilik tanah. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila kita panggil wakil daripada Tanjung Lumpur, tadi dia bangun. Kemudian wakil daripada Ketari.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Assalamualaikum WBT, jadi Yang Berhormat Pengerusi Yang di-Pertua. Puasa hari ini?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pengerusi pun boleh kalau dalam jawatankuasa pengerusi.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Tak tanya dulu. Puasa ke tak, raya ni?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Raya hari ini.

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Raya, alhamdulillah. Jadi kadangkala dia berlaku kes yang mana pemilik tanahlah sekitar 70an, 80an yang pemilik dia tu meninggal. Meninggal dalam keadaan anak kecil-kecil lagi yang tak tahu apa-apa dan satu ketika dulu mungkin dari sudut alamat apa semua tu dia tak sempurna. Jadi menyebabkan bila pejabat tanah hantar notis dan sebagainya. Tak tahulah sebab anak tu kecil-kecil lagi dan bila dia dah besar, barulah orang pejabat tanah tu kenal dia jumpa beritahu ni. Isu yang berlakulah

beritahu bahawa ayah awak dulu, 30 tahun dulu, 40 tahun dulu ada tanah dan kemudian dapat Borang 8A. Jadi bagaimana budi bicara daripada pihak kerajaan supaya pewaris ini dapat memiliki tanah almarhum ayah dia dan sebagainya?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, ini kali pertama saya dengar ni Yang Berhormat daripada Beserah, itu tujuannya ada Wakil Rakyat. Bila dapat tau berita macam itu, YB teruslah pergi ke pentadbir tanah dan… dan kita akan selesaikan dan kita tidak sezalim untuk terus apa ni membatalkan hak milik tanah tersebut. Lagipun, tanah tersebut kalau tanah dia… dia bergantung kepada pusaka pula kan? Jadi proses-proses tu ada maknanya tidak sewenang-wenangnya Kerajaan Negeri membatalkan hak milik, merampas kembali ataupun menyerahkan kepada orang lain, proses-proses dia ada.

Jadi kalau ada kes macam ini kita kata *case by case* lah. Insya-Allah, Kerajaan Negeri akan pertimbangkan dan lebih-lebih pula kalau Yang Berhormat daripada ADUN Beserah bawa kepada saya ke… daripada Tanjung Lumpur bawa kepada sebab hari ni saya tengok orang Tanjung Lumpur lain macam, luar biasa daripada biasa. Dengan lenggang-lenggok, dengan kelakarnya kemudian dengan semalam berucap mengatakan perubahan kerajaan dan sebagainya, bergilir-gilir. Jadi kita harap Tanjung Lumpur pun bersetujulah untuk bergilir-gilir jugalah, di Tanjung Lumpurlah. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Insya-Allah, insya-Allah bergilir-gilir. Lepas daripada ini kami pula. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tapi kalau Tanjung Lumpur digilirkan macam mana Yang Berhormat nak menjadi wakil pula? [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Insya-Allah. Tak ada masalah. Janji PAS menang. [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tak apalah Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Apa-apahal kita lawan dululah. [Ahli Dewan ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila… sila wakil Ketari. Terakhir.

(ADUN KETARI - N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Sebenarnya soalan tambahan saya ada sedikit persamaan dengan Tanjung Lumpur. Persoalan saya adakah Kerajaan Negeri mempunyai asas pertimbangan untuk mengambil keputusan ini? Apakah asas pertimbangan pentadbir tanah untuk mengambil keputusan sama ada nak melucutkan hak milik itu atas kegagalan tidak membayar cukai tanah? Adakah isu-isu, faktor-faktor luaran dipertimbangkan seperti masalah kewangan ataupun sepertimana pasca pandemik mereka ada… ada masalah untuk membayar. Kita tak nak sepertimana Yang Amat Berhormat katakan kezaliman berlaku, memang ada sebab dia. Itu yg saya nak tahu apakah asas kita untuk mengambil keputusan tu?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan apabila pemilik tanah tersebut mengemukakan rayuan. Sebabnya notis yang diberikan adalah cukup iaitu Notis 6A bagi bayaran tunggakan. Selepas itu, jika tidak bayar baru kita keluarkan Notis 8A untuk dirampas tanah tersebut. Jadi semasa mengemukakan rayuan dia sebab itulah maksimum 6 kali daripada jumlah hasil yang dikenakan semasa beliau mengemukakan rayuan masa itu kita akan pertimbangkan alasan-alasan yang dikemukakan.

Sebab itulah sepertimana yang saya katakan tadi 6 kali denda, bukan jarang-jarang tidak pernah dikenakan. Setahu sayalah seingat saya. Tetapi sekali, dua kali, tiga, empat memang ada. Jadi bergantung kepada keadaan dan biasanya pentadbir tanah akan mengadakan rundingan dengan… dengan rayuan yang dikemukakan. Kita akan melihat latar belakang dan sebagainya. Dan kadang-kadang kita tanya dia berapa yang dia mampu. Jadi, jumlah tunggakan dan tempoh tunggakan juga kerajaan akan ambil kira. Setakat hari ni, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua apabila mereka diminta untuk membayar tunggakan, kebanyakannya bersetujulah dengan apa yang kita syorkan. Tak adalah kita terus bagi 6 kali, 5 kali dan sebagainya.

Sentiasa ada rundingan kedua-dua pihak kerana bagi kita yang penting mereka membayar hasil mereka kerana itu adalah tanah yang kerajaan bagi kepada mereka dan tidak ada siapa pun dikecualikan daripada tidak membayar cukai tanah. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dato' Sri Speaker, saya minta satu soalan bertulis ini sikit. Er...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh tanyakan soalan tetapi Yang Amat Berhormat menjawab secara bertulis.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Jawapannya secara bertulis sebab ini…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebab kita benarkan tiga...

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Soalan bertulis ini kalau… jawapan bertulis ni kalau sekiranya kita tak jawab. Kalau kita jawab dalam Dewan Yang Mulia ni apa… apa perlunya lagi?

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Okey, boleh.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sebab apa yang kita cakap ni *hansard* pun ada, direkod ada.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Okey, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, kita bagi...

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi kita tak nak jadi *double standard* ada benda baru dalam Dewan ni. Dah jawab secara bersemuka, kena pula bertulis rugi kertas lagi, rugi masa lagi.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Okey boleh, tapi saya ingat sebab ni data. Saya mohon ni data. Soalan saya ialah…

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yalah saya dah saya cakap 6A, 8A boleh kemukakan rayuan.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Okey, dengar soalan dulu. Kalau tak boleh jawab, saya alu-alukan, terima kasih. Soalan saya ialah berapakah jumlah kutipan cukai tanah yang dibayar oleh agensi FELDA, FELCRA dan RISDA dalam tempoh 10 tahun terakhir?

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kalau macam tu mungkin la boleh jawab secara bertulis. Saya ingat [Ahli Dewan ketawa] kalau sebab… sebab… sebab… sebab angka tersebut. Saya secara kasar saya ingat Yang Berhormat daripada Cheka. Berpuluh juta jugalah tapi lebih daripada RM70 juta dan ini pun ada juga yang tunggakan tapi kalau… kalau Yang Berhormat nak bertulis, kita boleh bagi secara bertulis.

Jadi, maknanya Yang Berhormat dia tak… dia tak tanya soalan, patut dia tanya soalan dulu saya bolehlah bangun. Oleh sebab saya tidak ada angka tersebut, jadi saya perlu menjawab secara bertulis, yang ini dia Yang Berhormat Cheka pun bangun, yang boleh dijawab secara bertulis. Jarang orang buat macam tu. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sebab tahu dah memang data ni biasa data memang kena bertulislah sebab tak mungkin kita boleh ingat dalam tempoh 10 tahun. Sebab tu saya kemukakan pandangan saya begitu. Terima kasih Dato' Sri.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tapi Yang Berhormat Dato' Sri Speaker belum tentu, itu andaian. Kita kena tentang andaian. Dalam buku… [ketawa]… dalam buku pemikiran kritis, Edward de Bono kalau tak silap saya. Syarat utama kita kena tentang andaian. Jadi, bila Yang Berhormat daripada Cheka tidak menentang andaian tetapi bukanlah sangkaan buruk tetapi prasangka. Ha… yang ni mesti MB tak boleh jawab ni sebab angka tapi belum tentu… ha… belum tentu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Berniat jahat… [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN SABAI – N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Dato' Sri Speaker.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, dia sebenarnya kita kena bersangka baik.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kalau kita ada negativiti dalam pemikiran dia itu yang masalahnya sebab tu kadang-kadang ada orang kata... orang kampung kata setengah orang dia tengok dia ni kalau main setakat main badminton, dia boleh kalahkan… kan. Dia kira orang yang jaguh ni dia kata ke yang melawan tu, yang melawan tu main-main sekali dia menang. Kebetulan lak yang main tu dia main tangan kiri. Dia kata bila dia menang… saya, dia kata baru main tangan kiri belum lagi main tangan kanan. Padahal dia kidal. *So*, maknanya kena… kena bagi *benefit of the doubt*lah. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

(ADUN SABAI – N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Dato' Sri.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang ni… yang ni ceritalah, cerita ya. Sangkaan ataupun jangkaan orang terhadap satu pertandingan gajah. Ha… Dato' Sri Speaker nak dengar tak? Satu pertandingan gajah Yang Berhormat, Cheka belum dengar lagi kan? Pertandingan gajah diadakan di Stadium Merdeka, dibuka kepada seluruh dunia. Yang masuk pertandingan, pertandingan dia buat, macam mana nak buat kaki gajah terangkat. Jadi, peserta daripada Amerika, Jepun, Korea semua hantar yang badan besar-besar, sado-sado semua ni. Yang Malaysia ni hantar badan macam ADUN Tanah Rata je… kurus tapi sebab penonton bersangka tidak baik, bila peserta daripada Malaysia ni masuk, kena boo… satu stadium boo... sebab negara-negara lain hantar yang badan-badan besar macam badan daripada ADUN Damak ni tapi dia ada *muscle* tu semualah… daripada Ketari. [ketawa]

Bila masuk bertanding, semua orang tepuk tangan sebab melihat kepada fizikal dia. Macam tadilah main tangan kiri, itu baru bermain tangan kiri kan, belum tangan kanan lagi. Jadi, di akhir pertandingan, nak ringkaskan cerita Yang Berhormat Speaker, yang besar DUN Tanah Rata daripada Malaysia menang. Lepas tu baru orang tepuk tangan kepada dia sebab dia… dia… dia *study* bahagian mana yang paling sensitif dengan gajah ni. Jadi, yang lain-lain tu pergi ke kaki gajah… angkat, tak terangkat.

Gajah daripada Jenderak pulak tu… daripada apa? Apa nama tu?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kuala Gandah.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kuala Gandah… ha… Kuala Gandah tapi yang daripada Malaysia ni dia buat *study*. Dia tahu, dia pergi je, dia tak pergi ke kaki gajah, dia pergi ke tempat lain, dia pusing tiga kali, dia pergi belakang gajah. Dia tunjuk pada penonton satu stadium itu, dia tunjuk macam ni, dia telek bawah, dia jentik telur gajah, terangkat kaki gajah tu… orang tepuk tangan kat dia [ketawa]. Jadi, maknanya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kita kaedah dia kita jangan ingat orang yang badan besar tu sangkaan kita apa semua dia boleh menang, tidak. Yang kurus kering, mamat yang sebesar ADUN Tanah Rata ni boleh menang dalam pertandingan tersebut. Terima kasih Dato' Sri [ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(ADUN SABAI – N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Dato Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya.

(ADUN SABAI – N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Soalan tambahan Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini, ini soalan tambahan ke apa? Saya dah tutup dah untuk soalan tambahan. Nanti, nanti boleh...

(ADUN SABAI – N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Ataupun boleh yang terakhir? Boleh yang terakhir?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Eh… takde Yang Berhormat. Saya dah tetapkan bahawa tiga tapi cuma tadi Yang Berhormat daripada Cheka bagi tahu dia nak jawapan bertulis, itu saya benarkan dan sekarang ni oleh kerana Kebawah Duli Tuanku akan er… akan berangkat dan akan… kembara akan sampai ke Pekan, jadi untuk itu, wakil kita daripada Peramu akan insya-Allah akan meraikan keberangkatan Kebawah Duli Tuanku dan juga wakil daripada wakil daripada Bebar ya? Bebar dan Peramu, wakil Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga mana? Dong dan Peramu. Jadi untuk itu, saya bagi soalan untuk… untuk Peramu dulu iaitu soalan nombor 6, wakil daripada Beserah.

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera Yang Amat Berhormat Dato' Sri Speaker. Saya kemukakan soalan yang ke-6.

[Teknologi Kecerdasan Buatan *(Artificial Intelligent)* menjadi aliran utama kepada aktiviti ekonomi dunia sekarang;

a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk beralih kepada teknologi ini?

b) Agensi kerajaan manakah yang menjadi keutamaan untuk beralih kepada teknologi ini?

c) Adakah kajian atau laporan terkini dibuat terhadap kesan peralihan kepada teknologi AI ini kepada keperluan sumber manusia di Pahang?]

(ADUN PERAMU JAYA – N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

(Ayat al-Quran). Assalamualaikum WBT. Terima kasih banyak-banyak Dato' Sri Speaker kerana memberi laluan awal kepada saya pagi ini dan terima kasih juga kepada rakan ADUN daripada Beserah. Beliau bertanyakan mengenai soalan berkenaan kecerdasan buatan ataupun dengan izin, *Artificial Intelligence*. Soalannya adalah seperti berikut:

Kecerdasan buatan *Artificial Intelligence* telah menjadi aliran utama kepada aktiviti ekonomi dunia sekarang dan soalannya berpecah kepada tiga bahagian. (a) - Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk beralih kepada teknologi ini? (b) - Agensi kerajaan manakah yang menjadi keutamaan untuk beralih kepada teknologi ini? dan (c) - Adakah kajian atau laporan terkini dibuat terhadap kesan peralihan kepada teknologi AI ini kepada keperluan sumber manusia di Pahang?

Jawapan untuk (a): Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk beralih kepada teknologi ini? Kerajaan Negeri Pahang sentiasa merancang untuk memperkasakan penggunaan teknologi AI dalam pelbagai sektor termasuk pentadbiran awam, pendidikan, pertanian dan pelancongan. Antara langkah awal yang diambil adalah untuk menjalankan program kesedaran dan latihan kompentensi AI dalam di kalangan penjawat awam dan usahawan tempatan serta menyokong pembangunan ekosistem teknologi melalui kerjasama dengan universiti, agensi penyelidikan, sektor industri.

Perancangan ini juga selaras dengan Dasar AI Nasional dan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Malaysia – MyDIGITAL. Pada Julai hingga Ogos 2024, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang telah melaksanakan kursus pendigitalan kakitangan awam Kerajaan Negeri dan turut memberi pendedahan terhadap aplikasi AI seperti ChatGPT yang disampaikan melalui Pahang Go. Di samping memberi latihan aplikasi-aplikasi lain yang mampu memberi manfaat kepada peserta. Dari sektor pendidikan, UCYP University di bawah *Centre of Digital Excellence,* dengan izin, telah menjalankan pelbagai program kesedaran dan juga latihan kompetensi dalam bidang AI untuk pelbagai kategori seperti berikut:

Pertama, Program Suri-Tekno ke arah suri rumah Celik Digital dan AI bagi golongan suri rumah dan program ini telah dijalankan di daerah Temerloh, Cameron Highlands dan Bera; 2 - Program *Strategic Decision Making via A*I, dengan izin, kepada pemimpin wanita negeri Pahang; 3 - Program AI for Goods kepada pelajar LPT dan kakitangan dengan kerjasama AI Singapore; 4 - Program Meningkatkan Literasi Teknologi AI dan Digital kepada sekolah. Selain itu, UCYP juga dalam proses membangunkan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang AI dengan kerjasama Malaysia Board of Technologist (MBOT) dan dijangka akan dijalankan pada tahun ini.

Kerajaan Negeri juga pada Februari 2025 melalui PKNP telah menandatangani satu perjanjian dengan syarikat daripada China, Wuhan Fire Phoenix Cloud Computing Holding Co. Ltd., dengan pelaburan bernilai RM100 juta USD bagi tujuan pembangunan pusat data berasaskan kepintaran buatan AI yang akan beroperasi seawal 2027 di Gambang. Pusat data ini akan menjadi peneraju hab utama di negeri Pahang dan satu-satunya di Pantai Timur.

Hab ini akan sediakan platform-platform digital berasaskan AI yang memfokuskan kepada rantaian agrikultur negeri dan permulaan ini akan beri ruang dan lembaran baru kepada rakyat bagi menggunakan perkhidmatan ini. Selain itu, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri juga akan mengadaptasi elemen AI dalam pelaksanaan data raya atau *big data* khususnya dalam kajian bencana dan juga perkahwinan.

(b): Soalan (b) - Agensi kerajaan manakah yang akan menjadi keutamaan untuk beralih kepada teknologi ini? Kerajaan Negeri Pahang menerusi Pahang Go anak syarikat milik Kerajaan Negeri bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang melalui Bahagian Teknologi Maklumat sedang giat menjalankan kajian dan potensi jalinan usaha sama dengan rakan-rakan strategik bagi melihat peluang adaptasi teknologi AI dalam sektor awam. Agensi yang diberi keutamaan termasuk Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta agensi-agensi yang terlibat secara langsung dalam pembangunan sosioekonomi serta pihak berkuasa tempatan, PBT dan juga pejabat daerah dan tanah. Antara yang akan dibangunkan tahun ini adalah *chatbot* dan pengurusan aduan berasaskan AI yang akan meningkatkan kecekapan, ketelusan dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manusia.

Dan akhir sekali (c) Adakah kajian ataupun laporan terkini dibuat terhadap kesan peralihan teknologi AI ini kepada keperluan sumber manusia di Pahang? Setakat ini, tiada kajian ataupun laporan khusus yang meneliti impak peralihan kepada teknologi kecerdasan buatan AI terhadap keperluan sumber manusia di negeri Pahang. Namun begitu, terdapat beberapa inisiatif dan kajian di peringkat nasional yang relevan dan boleh dijadikan rujukan. Misalannya Kajian Talent Corp. Mengenai impak AI, digitalisasi dan ekonomi hijau terhadap tenaga kerja Malaysia yang dilancarkan pada November 2024. Kajian ini meneliti bagaimana AI dan digitalisasi mempengaruhi tenaga-tenaga kerja di Malaysia dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Laporan ini mengunjurkan bahawa 620,000 pekerjaan di Malaysia dijangka terkesan secara langsung akibat automasi, pendigitalan dan juga keperluan kelestarian baru. Berdasarkan penglibatan aktif dalam sektor seperti tenaga makanan, kimia, peruncitan dan ICT di negeri Pahang, ia turut berpotensi mengalami kesan signifikan terhadap tenaga kerjaya. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri akan memberikan sokongan kepada latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja dalam sektor berisiko tinggi bagi menangani masalah ini. Terima kasih.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dato' Sri Speaker, soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila wakil dari Beserah. Kemudian wakil dari ADUN Lantikan.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Terima Kasih kepada kerajaan di atas jawapan diberikan. Saya ucap tahniahlah sebab ada perancangan kerana kita kena *prepare* perkara yang akan ke hadapan ini. Teknologi AI ini akan jadi satu perkara yang, yang utama dalam kehidupan kita semua. Namun soalan saya adalah bagaimana kita melihat keperluan sumber manusia ini dilengkapkan di dalam menguruskan urusan harian dan rutin mereka bekerja dan perlu berubah kepada teknologi. Tadi dah jawab ada latihan semula dan sebagainya dibuat. Cuma bagaimana mereka ini diuruskan supaya tekanan pekerjaan terhadap sesuatu perkara baru itu tidak terbeban kepada mereka terutamanya mereka yang telah berusia. Kemudian yang kedua, bagaimana kita melindungi data privasi dan... dan risiko etika di dalam menguruskan *big data* menggunakan teknologi AI? Keberkesanan kita, *security* dari sudut maklumat itu sendiri. Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih rakan ADUN dari Beserah di atas soalan tersebut. Jawapan saya mengenai perancangan AI. Saya berpendapat kita perlu lihat solusi AI yang menjurus kepada meningkatkan produktiviti penjawat awam itu. Sebagai contoh, kita boleh menggunakan *chatbot* untuk menjawab soalan-soalan yang kerap ditanya ataupun FAQ. Dengan cara itu, para penjawat awam tidak perlu meluangkan masa untuk menjadi... menjadi penjawab di telefon ataupun di c*all center*, dengan izin dan kita juga akan memberi latihan kepada penjawat-penjawat awam yang lebih senior dalam aplikasi AI ini. Dan sekiranya mereka apa ini ada cabaran dan mungkin tugas-tugas yang melibatkan teknologi ini akan diutamakan kepada penjawat-penjawat awam yang lebih muda ataupun lebih celik digital.

Dari segi keselamatan data, saya berpendapat kita perlu ada elemen-elemen *cyber security* jugalah dalam perancangan kita untuk menggunakan teknologi terkini kerana maklumlah ya dari segi ini ancaman *cyber* ini pelbagai. Kita dikejutkan dengan pelbagai berita mengenai data telah diceroboh oleh apa ni penggodam ataupun *hackers,* dengan izin dan juga mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab yang cuba apa ni mengganggu gugat sistem IT ataupun sistem digital Kerajaan Negeri dan pemantauan dan kecekapan dari segi perlindungan, sekuriti siber amat perlu dari semasa ke semasa untuk tangani masalah ini. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, wakil daripada ADUN Lantikan.

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN RIZAL BIN JAMIN

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat EXCO adalah memandangkan dalam suasana perang perdagangan sekarang, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mempelbagai ataupun menambah rakan strategik berbanding dengan hanya Syarikat Phoenix daripada China kepada syarikat daripada Amerika ataupun daripada Eropah ataupun negara-negara lain yang mempunyai kepakaran di dalam bidang AI? Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih rakan ADUN Lantikan. Bagi saya kita Malaysia sebuah negara yang neutral. Negara yang berdagang dengan mana-mana, mana-mana negara yang apa, yang *friendly*, dengan izin dan ingin berdagang dengan kita. Pada zaman 1970an, saya ingat lagi kita telah tubuhkan konsep ZOPFAN, *Zone of Peace, Freedom and Neutrality* di mana kita akan mengalu-alukan mana-mana negara di dunia ini yang ingin berdagang secara aman, selagi mana kedaulatan negara tidak terjejas dan benar, kami juga mengalu-alukan apa ni, tawaran kepakaran daripada mana-mana negara daripada Eropah, daripada US waima daripada Estonia pun yang saya difahamkan mempunyai sistem digital yang tercanggih untuk pengurusan kerajaan. Saya dimaklumkan semua perkhidmatan kerajaan di Estonia ini disampaikan secara digital. Hanya... hanya apa ni... hanya sekali atau dua anda perlu pergi kepada pejabat kerajaan Estonia. Bila nak kahwin, bila nak cerai rasanya. Selain daripada itu, tak perlu, semua *online*. Malah mengundi pun secara *online* di Estonia. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Seorang lagi rakan kita yang akan terlibat dengan keberangkatan Kebawah Duli Tuanku adalah wakil daripada EXCO... wakil daripada kerajaan iaitu wakil daripada Dong. Jadi, saya menjemput soalan nombor 8, sila dan kemudian selepas ini kita akan kembali kepada soalan nombor 2.

(ADUN SEMAMBU - N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 8.

> [Kewujudan iklan kasino atas talian semakin berleluasa. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan agensi berkaitan dalam menangani isu ini?]

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Assalamualaikum WBT dan selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker kerana memberi laluan awal kepada saya kerana saya terlibat di akhir Majlis Penutup Kembara Pahang. Sebentar lagi kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang akan menyempurnakan pelepasan peserta-peserta Ekspedisi Jati Diri ke Kinabalu yang melibatkan pegawai-pegawai dan kakitangan agensi-agensi di seluruh negeri Pahang. Terima kasih Yang Berhormat dari Semambu yang bertanyakan mengenai tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan agensi berkaitan dalam menangani kewujudan iklan kasino atau judi dalam talian.

Berhubung soalan ini, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya akan kongsikan tindakan serta inisiatif yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau MCMC bagi menangani isu judi atau perjudian dalam talian ini. Antara inisiatif tersebut pertama, mengadakan kerjasama erat antara MCMC dan juga Polis Diraja Malaysia (PDRM). Melalui inisiatif ini, MCMC di bawah bidang kuasa Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 komited bekerjasama dengan PDRM dari segi penurunan kandungan media sosial, sekatan laman sesawang dan bantuan teknikal seperti penyaluran maklumat dan analisis forensik digital bagi membantu siasatan yang berkaitan dengan kesalahan perjudian dalam talian.

Dalam hal ini, pihak MCMC sentiasa melaksanakan pemantauan proaktif bagi memastikan persekitaran internet di negara ini bebas daripada kandungan dalam talian yang melanggar undang-undang termasuk perjudian dalam talian. Berdasarkan data dari tahun 2022 hingga 1 April 2025 sebanyak 5,367 laman sesawang judi telah disekat manakala 261,124 kandungan perjudian di platform media sosial telah diturunkan di Malaysia. Kandungan perjudian yang paling banyak diturunkan adalah di platform *Facebook* iaitu sebanyak 89.96% diikuti oleh *Youtube* iaitu 7.05% dan *Instagram* iaitu 2.15%.

Kedua, memperkenalkan Lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi atau ASPC kepada pemberi perkhidmatan media sosial dan perkhidmatan Internet. Bagi memastikan ekosistem rangkaian internet yang lebih selamat dan lestari kepada semua pengguna, MCMC telah melaksanakan kerangka pelesenan yang memerlukan penyedia-penyedia perkhidmatan pesanan internet dan media sosial untuk memohon dan mendapatkan Lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bermula Januari er… 1 Januari tahun ini. Setakat 8 April tahun ini, 3 pemberi perkhidmatan telah didaftarkan sebagai pemegang lesen di bawah Lesen ASPC ini bagi perkhidmatan pesanan internet dan media sosial iaitu *WeChat, TikTok* dan juga *Telegram.*

Melalui langkah ini kita mahu memastikan setiap penyedia perkhidmatan pesanan internet dan media sosial mematuhi obligasi-obligasi di bawah Akta 588 yang saya sebutkan tadi malah bagi menyokong kerangka pelesenan ini MCMC telah menerbitkan Kod Tatalaku yang menggariskan amalan terbaik untuk diterima pakai oleh penyedia perkhidmatan pesanan internet dan penyedia perkhidmatan media sosial bagi menangani kandungan dalam talian yang memudaratkan. Sejak penguatkuasaan pelesenan dilaksanakan pada 1 Januari sehingga 1 April tahun ini sebanyak 52,824 kandungan media sosial berunsur perjudian telah diturunkan oleh penyedia perkhidmatan.

Ketiga, mengadakan sesi libat urus dengan penyedia platform media sosial. Melalui inisiatif ini MCMC melaksanakan sesi libat urus secara berterusan dengan penyedia platform media sosial bagi membuka peluang kerjasama khususnya dari segi penguatkuasaan. Dalam sesi ini, penyedia platform er… penyedia platform media sosial diberi kefahaman berhubung nilai, norma masyarakat dan undang-undang yang mungkin tidak selaras dengan standard komuniti serta terma dan syarat di platform media sosial mereka. Usaha ini menyumbang kepada penambahbaikan kerja-kerja simplifikasi kandungan di mana kandungan dihasilkan dengan lebih mudah untuk difahami dan berkesan.

Keempat, mempergiatkan inisiatif-inisiatif kesedaran. Melalui inisiatif ini MCMC telah mempergiatkan pelaksanaan program-program kesedaran di pelbagai peringkat bagi mendidik masyarakat dalam aspek kawalan kendiri dan seterusnya menerapkan kemahiran bagi melindungi diri daripada ancaman kemudaratan dalam talian. MCMC

sedang mempergiatkan program kesedaran pengguna melalui Kempen Internet Selamat dan jelajah kempen ini bakal er… bakal diadakan di seluruh negara dengan pengisian pelbagai program yang menyasarkan seluruh lapisan masyarakat dengan memanfaatkan kesemua platform media social… kesemua platform media termasuk media sosial, media penyiaran dan juga media luaran.

Jelajah kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran segenap lapisan masyarakat mengenai keselamatan internet dan akan dilaksanakan di lebih 10,000 sekolah dan universiti awam di seluruh negara. Kempen ini memfokuskan larangan kanak-kanak di bawah usia 13 tahun daripada memiliki akaun media sosial serta memastikan penggunaan internet sentiasa berada di bawah pengawasan ibu bapa atau penjaga. Selain itu kempen ini akan meningkatkan kesedaran sekali gus mencegah masyarakat daripada menjadi mangsa penipuan dalam talian, judi dalam talian, buli *cyber* dan jenayah pedofilia. Melalui jelajah kempen ini, ia bakal menggalakkan pengguna internet secara selamat dan beretika dalam kalangan masyarakat.

Kelima atau yang terakhir adalah memperkasa peranan anggota masyarakat itu sendiri. Melalui inisiatif ini, orang awam digesa untuk sama memainkan peranan untuk menyekat aktiviti pengiklanan dan promosi judi dalam talian antaranya dengan melaporkan kepada MCMC sebarang promosi atau iklan-iklan judi yang diterima melalui *SMS, WhatsApp* dan media sosial lain termasuk *Facebook, TikTok* dan sebagainya supaya sekatan dan pembatalan laman sesawang mahupun talian telefon dapat dilakukan dengan kerjasama syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi atau penyedia platform yang berkenaan. Aduan boleh dilakukan di portal aduan MCMC di alamat https://aduan.mcmc.gov.my. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, wakil daripada Cheka.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Saya ucap tahniah kepada pihak kerajaan di atas perancangan yang sangat teliti dan beberapa tindakan cuma saya ingin dapatkan maklumat. Hingga setakat ini berapa ramai yang telah pun ditahan atau didakwa di mahkamah di atas kesalahan judi atas talian di negeri Pahang? Terima kasih.

(ADUN DONG – N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat Cheka er… angka atau data tersebut tak ada bersama saya sekarang nanti insya-Allah saya akan sertakan dalam jawapan bertulis. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya kita bagi kepada er… pergi ke kembali kepada soalan nombor 2. Sila, wakil daripada Cheka.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dato' Sri Timbalan Speaker er… Dato' Sri Speaker,

Saya kemukakan soalan nombor 2. Terima kasih.

> [Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan tabung bencana pertanian sendiri seperti negeri jiran, Terengganu sebagai tanda keprihatinan kerajaan kepada sektor pertanian.]

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD.SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Assalammualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, ADUN er… Cheka mengemukakan soalan iaitu soalan yang er… berbunyi sama ada kerajaan bercadang untuk menyediakan tabung bencana pertanian sendiri maknanya tabung bencana pertanian negeri Pahang seperti negeri jiran Terengganu sebagai tanda keprihatinan kerajaan kepada sektor pertanian. Pertama sekali, saya nak maklumkan bahawasanya Terengganu menyediakan satu tabung yang dinamakan sebagai tabung bencana banjir dan er… juga musnah er… kemusnahan akibat daripada serangan haiwan liar dan tabung di Terengganu ini jumlahnya RM115,000.00 lebih kurang dan ianya memperuntukkan iaitu bantuan sebagai er… bantuan kepada petani yang terlibat dengan bencana ini 1 hektar RM1,000.00 dan maksimumnya RM2,000.00 iaitu 2 hektar sahaja semata- mata.

Jadi er… sebenarnya jawapannya tidak. Pahang tidak akan mengikut cara yang Terengganu sebab kalau kita nak buat ini kita nak buat lebih baik. Jadi kalau kita nampak perkara ini jauh lebih kurang ataupun daripada apa yang telah kita sediakan tentu kita tidak akan mengadakan atau mewujudkan dan meniru apa yang telah dibuat misal contohnya di Terengganu. Contoh Terengganu, misal contohnya saya tak tahu sebab apa ADUN Cheka bangkitkan soal ini? Di Terengganu, bonus untuk penjawat awam ialah RM500.00. Bonus untuk penjawat awam di Pahang ialah 1.5 ataupun sebulan setengah. Sagu hati untuk hari raya di Terengganu ialah RM500.00. Di Pahang, kita bagi RM1,000.00.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Minta laluan sikit. Nak betulkan sikit fakta. Tabung… Tabung Bencana di Terengganu tahun 2024 diperuntukkan sebanyak RM1 juta. Tahun ini diperuntukkan sebanyak RM2 juta. Penerima yang dah terima sebanyak RM588,000.00 daripada 679 penerima. Jadi supaya kita fokus kepada tabung bencana, apakah kita nak buat atau tidak itu sahaja soalan saya. Tak perlu… tak perlu meleret kepada menda lain.

(ADUN BENTA -N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih ADUN Cheka. Saya nak maklumkan Pahang wujudkan Tabung Bencana. Hanya tahun… Tabung Bencana Pahang ialah dalam tahun 2023 hanya RM7.6 juta. Tahun 2024 tak banyak RM10 juta, dan tahun 2025 kita cadangkan RM10 juta. Hanya… hanya RM10 juta dan kita dapat hasil tanpa bantuan daripada Kerajaan Pusat misal contohnya, bukan maksud saya, hasil tanpa bantuan seperti wang ehsan.

Jadi kita mencecah lebih daripada RM1,000 juta, RM1.1 bilion misalnya dan perkara ini kita dapat 3 tahun berturut-turut berbanding dengan Terengganu misal contohnya. Terengganu, kalau tanpa daripada bantuan daripada Kerajaan Pusat, kutipan hasilnya kurang daripada RM300 juta pun. Tapi kalau dengan bantuan Kerajaan Pusat dah tentulah dia pergi capai lebih daripada RM1,000 juta, RM1 billion.

Dan kita sebenarnya selain daripada Tabung Bencana ini, pemerkasaan sektor pertanian untuk makluman, bercakap benar walaupun kebenaran itu menyakitkan, contohnya. Bagi tahu dengan orang ramai. Betapa kita memberi pembelaan kepada sektor pertanian. Iaitu Kerajaan Negeri telah menyediakan apa yang dipanggil sebagai Bantuan Prihatin Pahang. Diwujudkan bermula daripada tahun 2020 di bawah inisiatif Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar. Dato' Sri DiRaja Menteri Besar turun padang berjumpa sebab orang cakap Dato' Sri MB kita ini tak ada protokol. Duduk rilek, borak-borak sambil minum-minum teh, sambil makan roti canai. Sambil borak-borak itu dapat idea. Cetusan idea terus daripada akar umbi.

Maka diwujudkan Bantuan Prihatin Pahang. Bantuan Prihatin Pahang menyediakan, maknanya daripada tahun 2020 hingga tahun 2024 misal contohnya. Jumlah yang telah disediakan ialah RM141 juta… RM141 juta. RM1.1… RM141.78 juta. Tahun 2020 campur 2021, RM31.30… RM31.3 juta. Tahun 2022, RM30 juta. Tahun 2023 RM42.4 juta. Tahun 2024 RM38.048 juta. Dan tahun ini, BPP ini ditukar nama IMP, Inisiatif Makmur Pahang. Dan di bawah inisiatif ini, di bawah Bantuan Prihatin ini, sektor pertanian tidak terkecuali. Malahan kalau kita lihat misal contohnya kluster pertanian. Dalam tahun 2024, peruntukan yang disediakan ialah RM1.1 juta. Jumlah penerimaan, penerimanya ialah 4,126 penerima. Dalam tahun 2025 di bawah Inisiatif Makmur Pahang, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.075 juta dan sasarannya ialah kepada 5,375 penerima. Ini yang petani.

Kalau dilihat dari segi perikanan, kluster nelayan, kita memperuntukkan dalam tahun 2024 RM900,000.00. Sasarannya 2,372. ADUN Tanjung Lumpur. Nelayan. Dalam tahun 2025 sasaran kita atau peruntukan yang disediakan ialah RM610,000.00. Sasarannya 3,055 nelayan. Ini belum lagi inisiatif yang hendak saya maklumkan. Misal contohnya saya bagi contoh. Sebab ini boleh nanti kita maklum. Saya minta Pejabat Kewangan bagi kepada ADUN Cheka, ini secara bertulis ini, bertulis boleh baca dalam ini.

Iaitu pertama sekali mengembangkan lagi sektor Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri RM36.78 juta, yang belanjawan tahun 2025. Makna pemerkasaan. Jadi, di bawah inisiatif banyak kalau saya bacakan. Mini MAHA, Pusat Perintis Vanilla Negeri Pahang menyediakan anak pokok terpilih, Inisiatif Dusun Rakyat Pahang, Bantuan Tanaman Makanan Ternakan, Kawalan Penggunaan Racun Perosak dan sebagai-sebagainya. Nanti kita bagikan satu Salinan, ya.

Maknanya saya nak rumuskan, bahawasanya Kerajaan Negeri menyediakan inisiatif ini. Malahan dengan kerjasama daripada Kerajaan Pusat ya, dengan kerjasama daripada Kerajaan Pusat, bantuan dapat juga disalurkan kepada mangsa-mangsa bencana termasuk banjir dan lain-lain. Dan dalam konteks ini, bukan sahaja Kerajaan Negeri menyalurkan, Kerajaan Pusat juga, Kerajaan Madani. Malaysia Madani atau Kerajaan Perpaduan. Di peringkat pusat juga menyediakan Tabung Bencana yang terdiri daripada 2 tabung.

Pertama, tabung yang khusus untuk petani, penanam padi dan yang keduanya Tabung Bencana Pertanian. Dan ianya telah dapat dimanfaatkan oleh mereka yang terkesan. Malahan di negeri Pahang Darul Makmur, dalam tahun 2024 telah menerima RM2.03 juta di bawah Tabung Bencana Pertanian dan insya-Allah melalui inisiatif yang telah dibuat oleh Kerajaan Pusat dengan mewujudkan Skim Takaful bermula daripada 13 September 2024. Maka, penanam padi juga boleh untuk membuat pilihan bagi melindungi diri mereka dengan melalui Skim Takaful.

Dan Pahang sebenarnya insya-Allah untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Ahli Dewan Yang Mulia ini, Pahang sentiasa menganjurkan supaya Kerajaan Pusat mengembangkan lagi Skim Perlindungan Jaringan Keselamatan, *Safety Net* dengan izin, supaya wujudkan Skim Takaful bagi Bukan Padi, kita bukan semata-mata tumpukan pada negeri Pahang sahaja, kita memperjuangkan, termasuk petani-petani yang berada di luar negeri Pahang, waima Terengganu, Kelantan, Kedah dan sebagainya.

Sentiasa dalam mesyuarat antara wakil Pahang, Mesyuarat EXCO dengan Menteri-menteri, Menteri Pertanian dan Kementerian Pertanian dan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Pahang mengesyorkan supaya Kerajaan Pusat mengembangkan lagi Skim Takaful ini bukan semata-mata hanya terhad kepada padi tetapi lain-lain tanaman. Jadi terima kasih. Insya-Allah Pahang akan buat lebih baik daripada yang kita ada sekarang ini dan yakinnya seperti mana yang saya katakan, kalau dibanding dengan Terengganu, kita jauh lebih baik daripada Terengganu. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Baik kita terus pada soalan nombor 3, ADUN Lantikan.

(AHLI DILANTIK)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAJI HAMZAH

Terima kasih Dato' Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

> [Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan pengrizaban tanah untuk masyarakat Orang Asli di negeri ini, khususnya Daerah Jerantut?
>
> Adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan tindakan khusus atau garis masa untuk memastikan tanah-tanah ini diiktiraf dan dilindungi sebagai tanah rizab?
>
> Apakah langkah yang sedang diambil bagi mempercepatkan proses pengesahan hak milik tanah ini untuk menjamin kesejahteraan masyarakat Orang Asli?]

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

ADUN Lantikan bertanya kepada dewan, apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada tanah-tanah masyarakat Orang Asli di negeri Pahang di dalam isu perizaban dan khususnya di daerah Jerantut dan apakah pelan khusus serta tindakan yang boleh diambil untuk menetapkan garis semasa yang tertentu bagi urusan perizaban itu dapat

dilaksanakan. Kemudian... kemudiannya, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mempercepatkan proses perizaban tanah masyarakat Orang Asli.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Bagi menjelaskan perkara ini sebagaimana yang saya sebut di dalam kenyataan dewan dua hari lepas, Perkampungan Orang Asli di negeri Pahang ini bukanlah sedikit. Dia mempunyai 263 buah kampung dan kadang-kadang kampung dia boleh jadi bertambah Dato' Sri. Dalam 263 ada masa-masa tertentu boleh jadi 270 kerana mereka ini berpindah-randah dan juga membina kampung-kampung yang baharu. Tetapi Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif yang awal. Contohnya di daerah Jerantut ini, kita melalui mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 2017 telah menetapkan Kampung Orang Asli di daerah Jerantut itu digazetkan kepada 12 buah kampung iaitu Kampung Paya Lintah, Kampung Paya Petai, Kampung Sungai Bakung, Kampung Sungai Kiol, Kampung Sungai Tiang, Kampung Sungai Tekal, Kampung Sungai Pejuang dan Kampung Sungai Kuching serta Kampung Sungai Mai.

Jadi 12 buah kampung ini hanya tinggal lagi isunya bagaimana nak disempadankan dan dirizabkan mengikut keluasan-keluasan yang diukurkan. Kerajaan Negeri telah meminta pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli JAKOA dengan kerjasama Pejabat Tanah untuk membantu urusan perizaban ini. Pihak JAKOA adalah jabatan yang bertanggungjawab untuk memohon serta mengukur tanah-tanah yang dipohon itu kepada Pejabat Tanah. Kesemua kampung-kampung berkenaan sebenarnya telah diukur dan juga telah diusahakan oleh JAKOA untuk di kemukakan permohonannya kepada Pejabat Tanah Daerah. Dan Pejabat Tanah Daerah akan memproseskan permohonan mereka ini supaya mengikuti tatacara tanah sebagaimana yang sewajarnya dan sewajibnya.

Alhamdulillah, dalam... dalam jangka masa setelah bermula daripada 2017 sehingga hari ini. Hampir semua kampung itu telah diusahakan untuk diukur dan pihak JAKOA telah mengeluarkan sejumlah peruntukan. Kalau boleh saya sebutkan hampir RM28,703,980.00 untuk dibayarkan kepada juruukur berlesen bagi mengukur tanah-tanah berkenaan. Dan apabila selesai ukuran itu dan *submit* dibuat oleh er... pihak JAKOA, pihak Pejabat Tanah Daerah akan meneliti sebaik-baiknya untuk dipertimbangkan bagi diangkat kepada pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang untuk dipertimbangkan kepada MMK. Terima kasih Dato' Sri Yang Dipertua.

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

Dato' Sri, soalan tambahan. Soalan saya, saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana cakna dan juga ambil tahu ambil kisah dan fokus kepada isu Orang Asli. Jadi soalan tambahan saya sebagaimana Dato' Sri sebut tadi kerjasama di antara JAKOA dan Kerajaan Negeri bagi menyelaras proses pengiktirafan tanah Orang Asli selain daripada ukur dan sebagainya. Apakah bentuk kerjasama lain di antara Kerajaan Negeri dengan JAKOA dalam menangani dan juga membantu masyarakat Orang Asli dalam isu tanah? Terima kasih Dato’ Sri Yang di-Pertua.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO’ SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Alhamdulillah, kita telah mewujudkan satu *taskforce* jawatankuasa khas yang dipengerusikan kebetulan oleh saya sendiri dan dianggotai oleh PTG dan juga kita akan memanggil pejabat... Pejabat Tanah-Pejabat

Tanah yang berkenaan seandainya melibatkan daerah- daerah yang berkenaan untuk meneliti setiap permohonan itu supaya dapat diberikan perhatian yang serius dan yang er... diberikan tindakan yang lebih rapi bagi merungkaikan permohonan ini. InsyaAllah, Dato' Sri.

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Soalan tambahan, boleh Dato' Sri?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Satu, boleh. Sila soalan terakhir.

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih YB EXCO. Soalan saya agak lebih... lebih spesifik bila kita sebut tentang tanah-tanah Orang Asli ni. Er... tahun lepas, ada satu kes di mahkamah yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Kuantan berhubung dengan satu permohonan yang dibuat oleh penduduk Rancangan Tanah Kelompok di Muadzam iaitu di mana tanah mereka dikatakan telah pun dimasuki... diceroboh oleh Orang-orang Asli ni dan kes tersebut dibawa ke mahkamah dan mahkamah telah memutuskan bahawa *all the,* dengan izin, kesemua apa nama er... Orang Asli itu telah menduduki secara haram tanah tersebut dan mengarahkan supaya semua Orang Asli tersebut keluar daripada tanah yang mereka sedang diami er... sedang mereka diami iaitu di Kampung Patah Pisau di Muadzam Shah.

Jadi soalan saya, er... adakah memandangkan mereka ini tidak ada tanah tempat lain untuk pergi berbeza dengan penceroboh-penceroboh tanah haram untuk tanaman pertanian ni. Jadi adakah Kerajaan Negeri bercadang disebabkan dengan perintah mahkamah tersebut Kerajaan Negeri bercadang untuk menempatkan mereka di satu tempat atau di satu kawasan penempatan baharu Orang Asli ni. Er... supaya ialah kita nak letak di mana mereka ni sebab hampir satu kampung ni dikeluarkan daripada tanah tersebut. Itu sahaja soalan saya, Dato' Sri.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih rakan ADUN Lantikan yang mengemukakan soalan tambahan tentang permasalahan berlakunya pertindihan ini. Ini memanglah bukan di Muadzam sahaja benda yang seumpama ini berlaku dan kerajaan memang sangat peka kepada permasalahan yang seumpama ini. Contoh di Kampung Gumum, di Pekan. Kita ada berlaku pertindihan dengan alam sekitar yang membuat er... beberapa program di sana. Jadi, kita telah atasi dengan menyediakan contohnya bantuan kewangan dan sebagainya.

Begitu juga seperti contoh di Cameron Highland, ada beberapa buah kampung Orang Asli yang terlibat dengan pembangunan pendawaian elektrik yang dilakukan oleh pihak TNB. TNB juga telah membina tempat pemindahan kepada mereka dan juga sejumlah peruntukan bagi membantu kewangan dan pendapatan mereka. Dan juga di kampung er... di Jerantut ini sendiri pernah berlaku juga masalah er... apa nama kampungnya er... kampung ... kampung bukan Sungai Kucing, Kampung Kuala Atok, Kuala Atok di... di Jerantut ini berlakunya serangan gajah. Kerajaan pun dah bantu

buatkan satu perumahan dan penempatan. Cuma masalah saudara-mara kita Orang Asli ni, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, walau bagaimana kita bantu pun Kuala Atok ni buat rumah cantik rumah batu, tapi dia tak nak juga duduk di situ.

Di Muadzam ni kita dah sediakan penempatan baharu ada lokasinya. Dia tak nak juga, dia tetap dengan cinta yang pertama dia tu. Jadi apa namanya... walau bagaimanapun, kerajaan tetap serius. Sebab itu kita tubuhkan ORACO dan pegawai-pegawainya di kalangan mereka untuk mendekati dan menjiwai denyut-denyut saudara-mara kita Orang Asli ini supaya kita dapat bantu mereka dengan cara yang terbaik, insya-Allah. Masalah tetap ada, kalau tak ada masalah itu, maka ADUN Dilantik pun tak wujud di sini. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita pergi pada soalan seterusnya. Soalan nombor 5. Eh... soalan no 4 dah dijawab, soalan nombor 5. Oh... nombor 4, *sorry.* Soalan nombor 4.

(ADUN KETARI – N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Dato' Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

> [Bilakah pelantikan Ahli-Ahli Majlis di semua daerah di negeri Pahang akan dapat selesaikan? Apakah sebab kelewatan pelantikan Ahli-Ahli Majlis tersebut?]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Silap nombor je. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih. Terima kasih kepada sahabat saya daripada Ketari yang bertanyakan berkenaan dengan pelantikan Ahli-ahli Majlis. Tapi sebelum saya nak jawab ni saya nak tanya Dato' Sri Yang diPertua, mungkin kesan ubat la ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, saya sihat. Alhamdulillah.

(ADUN BEBAR - N .22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang diPertua,

Pelantikan Ahli Majlis sebelum ini telah kita melantik seramai 194 Ahli Majlis bagi fasa pertama dan pelantikan yang melibatkan 109 orang lagi Ahli Majlis telah kita muktamadkan pada awal April 2025 ini dan proses ini kita perlu mengambil kira dan perlu melalui beberapa proses seperti tapisan keselamatan, calon yang terbabit sama ada mempunyai rekod jenayah atau pelbagai dan juga dengan perundingan semua pemegang taruh supaya bagi memastikan Ahli-ahli Majlis yang kita lantik ini dapatlah berfungsi dengan baik dan menyokong segala fungsi-fungsi utama di kesemua 11 PBT di seluruh negeri Pahang.

Dan sebelum Ahli- ahli Majlis ini, kita berkhidmat di PBT-PBT, kita mengadakan kursus. Kursus-kursus yang dilaksanakan untuk memperkasakan lagi peranan-peranan Ahli-ahli Majlis apabila berkhidmat di setiap PBT di seluruh negeri Pahang dan alhamdulillah jugalah di dalam Dewan Yang Mulia ni saya nak berkongsilah sedikit dengan Ahli Dewan bahawa di negeri Pahang ni kita berasa amat berbangga dengan pencapaian PBT-PBT... 11 PBT dalam negeri Pahang kerana dalam 2023... di antara 155 bandar di dalam Malaysia ini, tiga daripada bandar tersebut adalah Bandar Paling Bahagia… antara 10 Bandar Paling Bahagia tahun 2023. Makna 10 Bandar Paling Bahagia di antara 150 bandar di Malaysia yang teratas sekali adalah tiga bandarnya daripada negeri Pahang, 2023 [Ahli Dewan menepuk meja] tapi alhamdulillah 2024, peningkatan satu lagi bandar.

Maknanya daripada 3, tahun 2023 hingga 4 tahun 2024. Peningkatan satu bandar, 3 kepada 4. Dan saya nak ucapkan tahniahlah kepada sahabat saya Wakil Kerajaan daripada Lipis juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana tahun ini Kuala Lipis telah dinobatkan antara Bandar Yang Paling Bahagia [Ahli Dewan tepuk meja], dalam negeri Pahang. Selain daripada Bandar Paling Bahagia, Temerloh, Cameron Highlands dan Jerantut. Ini adalah Bandar Paling Bahagia antara 155 bandar di dalam negara kita. Jadi kita nakkan peranan Ahli-ahli Majlis ini akan diteruskan lagi supaya dengan pelantikan fasa kedua, 109 lagi bandar.... antara bila lantikan 109 Ahli- ahli Majlis ini dapat berfungsi untuk memperkasakan dan kalau boleh kita nakkan bandar-bandar kita menjadi Bandar Yang Paling Bahagia di negeri Pahang, yang 4 yang paling bahagia tadi, 7... bahagia sahaja. Dia ada sederhana bahagia. Tapi negeri Pahang tak ada sederhana bahagia. Dan negeri Pahang juga Yang Berhormat Dato' Sri, bandar negeri Pahang ni... negeri Pahang tempat kedua Negeri Yang Paling Bahagia dalam Malaysia, 2024 dan 2025. [Ahli Dewan tepuk meja]. Tapi kita rasa tak perlu tukarlah. Takyah gilir-gilirlah. Kita terus jelah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang pertama negeri apa?

(ADUN BEBAR - N .22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang pertama Negeri Sembilan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia ada sembilan negeri. Banyok.

(ADUN BEBAR - N .22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Sebab Negeri Sembilan ni dia kecik. Dia kecik... kecik.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita Pahang ada satu Negeri... dia ada sembilan.

(ADUN BEBAR - N .22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Amat Berhormat Menteri Besar ni dia kena mentadbir negeri yang sangat luas. Dan untuk memastikan semua orang bahagia. Tetapi kita yakin kerana dengan apa saja bentuk inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan.

(ADUN JELAI - N. 02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon mencelah. Saya ingat elok sahabat saya daripada Bebar ni cerita sikit apa yang dimaksudkan dengan bahagia tu? Sebab bahagia ni *very subjective*. Boleh Yang Berhormat cerita sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Hospital Bahagia pun ada. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BEBAR - N .22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan untuk menjadi bahagia ni banyaklah kriteria-kriteria ya, bukan kahwin dua, tiga, empat ye. Tapi yang itu pun antara-antara faktor-faktor yang antara yang kita kajilah. Kualiti perkhidmatan yang di setiap PBT-PBT kemudahan infrastruktur diambil kira, kesejahteraan mental dan juga fizikal diambil kira juga dan hubungan kekeluargaan. Jadi dalam faktor tadi tu ada yang menyentuh hubungan kekeluargaan dan kejiranan dan komuniti dan keseimbangan dalam hidup dan juga dalam kerja kita. Dan kajian-kajian ni kita laksanakan. Kita berikan secara rambang di setiap kawasan-kawasan PBT ni, kaji selidik tu.

Maknanya hasil kajian, persepsi masyarakat... perasaan penduduk. Maknanya penduduk negeri Pahang ni boleh dikatakan bahagia dan paling bahagia. Makna negeri kita telah antara nombor 2 yang terbaik dalam Malaysia ni. Sebab tu ramai orang nak datang ke sini. Jadi banyaklah pencapaian-pencapaian. Selain daripada bandar paling bahagia, pencapaian-pencapaian dicapai oleh setiap PBT-PBT. Antara *Star Rating* lah yang terbaik, Bandaraya Kuantan... *Star Rating*. Yang pertama dalam Malaysia. Kedudukan yang pertama dalam Malaysia Bandaraya adalah Bandaraya Kuantan memperolehi *Star Rating*… *Five Star Rating*, yang terbaik Dato' Sri Yang di-Pertua. Selain daripada bandar-bandar raya lain di seluruh Malaysia ni. Dan kita berharap dengan pelantikan-pelantikan Ahli-ahli Majlis ini dengan kaedah kursus-kursus yang kita laksanakan lagi dapat mempertingkatkan lagi kecemerlangan peranan PBT-PBT untuk memastikan negeri Pahang akan terus cemerlang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan tambahan, sila.

(ADUN KETARI - N. 34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Tahniah dan syabas ucapkan atas tindakan Kerajaan Negeri untuk memuktamadkan pelantikan Ahli-ahli Majlis ini dan usaha-usaha yang dijalankan untuk memastikan mereka Ahli- ahli Majlis yang dilantik

akan menjalankan tugas dengan baiknya. Soalan tambahan saya, adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa perancangan untuk katakan mewujudkan KPI untuk Ahli-ahli Majlis yang dilantik ini agar mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan amanah. Di mana rakyat di luar warga Pahang kita tahu sama ada Ahli-ahli Majlis ini *perform* atau tidak dengan izin, soalan saya.

(ADUN BEBAR - N .22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Semua yang kita laksanakan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri ni sudah tentu kita meletakkan *benchmark*lah untuk setiap daripada kriteria-kriteria yang kita tetapkan untuk memastikan KPI-KPI ini dicapai bagi memastikan dapat memberikan pencapaian yang terbaik untuk negeri Pahang. Sebagai contohnya, dari segi kewangan dari segi perkhidmatan dan kita meletakkan KPI-KPI di setiap PBT-PBT dan bergantung… secara bertulis... secara bertulis tu saya tak dapat nak beri… saya akan memberikan jawapan secara bertulislah KPI-KPI terbabit tak ingat kita. Jadi saya harapkan dengan apa yang kita laksanakan dengan mewujudkan KPI-KPI ini ada di setiap PBT-PBT sudah tentu akan meningkatkan lagi pencapaian-pencapaian di setiap PBT-PBT di seluruh negeri Pahang.

(ADUN PADANG TENGKU- N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Tambahan satu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ye sila... wakil daripada…

(ADUN PADANG TENGKU- N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Mudah je…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lipis... eh wakil daripada Padang Tengku, minta maaf.

(ADUN PADANG TENGKU- N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Soalan saya mudah aje. 2023 tu ada Rompin sebagai salah satu Bandar Bahagia... Paling Bahagia ni. Tapi sekarang dah hilang daripada radarlah. Jadi saya nak tanya adakah pemilihan ni bergilir-gilir jugak ataupun memang Rompin dah tak bahagia?

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Tarik balik Yang Berhormat. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BEBAR - N .22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri Yang diPertua,

Ini nak memberikan satu benda... imej yang tak baiklah. Suasana yang kurang bahagialah pada kita. Saya minta tu ADUN Padang Tengku tarik baliklah.

(ADUN BUKIT IBAM - N.40)
YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Saya pun mintak tarik balik. Bukit Ibam… Bukit Ibam mintak tarik balik.

(ADUN BEBAR - N .22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Dak Rompin sebelah saya ni, sahabat saya senyap je. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Tioman bahagia tu. [Ketawa]

(ADUN BEBAR - N .22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Yang sebenarnya sebagaimana yang saya katakan tadi pencapaian yang paling bahagia ni dia 90 ke atas, A+ lah. Tapi yang 80 hingga 90 ni dia bahagia Rompin ni dia turun sikit je dia tak lepas tu. Mungkin sebab kejiranan, kekeluargaan, dia kena tingkatkan supaya dia… dia menjadikan orang tu lebih bahagia. Ada sahabat saya dari Rompin ni kena memberikan dengan daripada Tioman ni kena meningkatkan hubungan kekeluargaan supaya dia menjadi lebih ceria. Lebih menjadikan orang tu lebih hubungan kekeluargaan tu lebih rapatlah. Rompin tu bukanlah jatuh tu ke sederhana bahagia tak, Rompin tu jatuh sikit je. Tapi disebabkan 4 yang lain ni lebih hebat jadi Rompin tu terpaksa undur diri sikit.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Maknanya 4 ni dia punya ukhwah dia lebih baik lagi, ya.

(ADUN BEBAR N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

4 ini dan satu lagi saya nak beritahu ni Kuala Lipis, Jerantut, Temerloh yang tempat Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri Cameron Highlands. Maknanya Dato' Sri sahabat saya daripada Benta daripada Cameron Highlands. Memang orang di sana bahagia.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya tengok Yang Amat… Amat Berhormat dengan Tanah Rata pun nampak macam bahagia juga. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BEBAR N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Bahagia. Kita pun dalam kerajaan pun bahagia... bahagia. Sebab tu negeri dua paling bahagia. Ha… bila kedua… Benta dengan Cheka pun bahagia. Semalam makan semeja dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, cium mulut lagi [Ahli Dewan ketawa]. Lepas tu ada satu rahsia dia bagi tahu. Kalau… kalau Tanjung Lumpur nak jawatan dia, dia beri je. Dia tak leh lawan-lawan… tak perlu lawan… dia bahagia. Makna tak ada perebutan jawatan. Di sana tak ada perebutan jawatan. Tapi saya nak beri tahu bahawa dengan pelantikan Ahli Majlis ni kita nak memperkasakan lagi PBT negeri Pahang supaya negeri kita ni kalau boleh semua bandar tu jadi bandar paling bahagia. Bukan senang nak jadi bandar paling bahagia ni 155 yang dibuat daripada seluruh bandar Malaysia. 4 ni lah paling bahagia antara 20 dan teratas. Menunjuk ke Pahang… tu benda ni tak boleh bohong. Angka ni sebagaimana Yang Amat Berhormat Menteri Besar kata angka tak pernah berbohong. Jadi kita nak berkerja dengan keras sekali daripada semua Ahli-ahli Dewan kita supaya memastikan Pahang akan terus maju dan makmur. Terima kasih.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIRULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya… saya, sebelum ni saya nak bagi… sebelum saya bagi laluan kepada soalan tambahan yang terakhir. Kita dah 10.59. Jadi kita nak memberikan laluan kepada program ‘Jom Baca Bersama untuk 10 minit’ yang yang bertemakan “Nikmati Saat Ini” anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang. Program ini ditetapkan oleh Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Seluruh Malaysia yang diadakan serentak di seluruh Malaysia serta melibatkan setiap segenap lapisan masyarakat. Jadi jam menandakan 10.59, kita boleh bersedia dengan apa namanya buku ataupun markalah yang nak kita baca. Kita mula pada pukul 11. Kita mula pada pukul 11. Maknanya kita ada beberapa… beberapa saat lagi. Lagi 4… 3… 2… 1… mula.

Terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita ucap tahniah kepada pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang yang pengerusinya ialah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sendiri. Sila, soalan terakhir untuk soalan…

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIRULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan tambahan saya berkaitan dengan pelantikan er... Yang Di-Pertua PBT-PBT yang masih kosong seperti Daerah Bera, Temerloh dan mungkin er... Datuk Bandar Kuantan.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih kepada sahabat saya daripada Kemayan. Dato' Sri Yang di-Pertua, untuk makluman Sidang Dewan er... prosesnya kita... kita akan melantik Yang di-Pertua-Yang di-Pertua terbabit termasuklah Datuk Bandaraya Kuantan ini. Dan ini memerlukan er... apa ni... kelulusan daripada pihak SPA kerana kelewatan ini kerana

kita nak pilih yang terbaiklah supaya YDP-YDP ini dapat memberikan er... perkhidmatan di kalangan PTD-PTD ini yang kita pinjamkan kepada PBT supaya dapat melaksanakan tanggungjawab dengan lebih baik dan berkesanlah untuk masa depan PBT-PBT seperti Bera, Temerloh dan juga bandar raya. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya wakil daripada Kuala Semantan.

(ADUN KUALA SEMANTAN – N.32)
YB TUAN HASSNUDDIN BIN SALIM

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 5.

> [Berapakah jumlah kes demam denggi yang telah dikesan dan direkodkan di seluruh negeri Pahang pada tahun 2024 yang lalu mengikut daerah dan berapa jumlah kematian akibat demam denggi di negeri Pahang dalam tahun 2024 tersebut?
>
> Apakah berlaku peningkatan berbanding tahun sebelumnya?
>
> Apakah langkah-langkah yangh telah diambil untuk mengawal penularan penyakit demam denggi ini di negeri Pahang?]

(ADUN MUADZAM SHAH – N.41)
YB DATO' IR. RAZALI BIN KASSIM

(Ayat al-Quran). Assalamualaikum WBT. dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kepada er... Kuala Semantan yang mengemukakan soalan berkenaan dengan kes er... demam denggi yang telah dikesan dan direkodkan di negeri Pahang pada tahun 2024 dan atau jumlah mengikut daerah termasuklah jumlah kematian akibat demam denggi dan juga er... Kuala Semantan juga bertanya berkenaan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal penularan er... penyakit demam denggi.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pada tahun 2024 sebanyak 1,958 kes demam denggi telah dilaporkan di negeri Pahang berbanding 1,609 kes demam denggi bagi tempoh sama pada tahun 2023 iaitu peningkatan sebanyak 349 kes ataupun 22%. Daerah Kuantan melaporkan kes demam denggi tertinggi iaitu sebanyak 723 kes (36.9%), Temerloh 404 kes (20.6%), Pekan 145 kes (7.4%), Raub 138 kes (7.0%), Bera 134 kes (6.8%), Maran 129 kes (6.6%), Rompin 125 kes (6.4%), Bentong 83 kes (4.2%), Lipis 41 kes (2.1%), Jerantut 27 kes (1.4%) dan Cameron Highlands 9 kes (0.5%). Sebanyak 5 kes kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan bagi tahun 2024 berbanding 2 kes kematian pada tahun 2023 iaitu peningkatan 150% atau 3 kes kematian. Daerah yang melaporkan kes kematian adalah daerah Kuantan (1 kes), Bentong (1 kes), Rompin (1 kes), Raub (1 kes) dan Bera (1 kes).

Peningkatan bilangan kes demam denggi di negeri Pahang pada tahun 2024 adalah selari dengan gelombang epidemiologi penyakit deman denggi yang memuncak setiap 4 ke 5 tahun. Peningkatan kes yang dilaporkan ini berpunca daripada beberapa faktor termasuklah perubahan cuaca (monsun), pertukaran serotaip virus denggi dan

peningkatan pergerakan masyarakat apabila semua sektor ekonomi dan pelancongan telah dibenarkan untuk beroperasi. Trend peningkatan kes pada tahun 2024 ini juga turut dilaporkan sebenarnya di seluruh Malaysia. Di negeri Pahang selain daripada faktor-faktor di atas penemuan tempat pembiakan er... nyamuk Aedes di persekitaran... persekitaran dan dalam rumah turut menyumbang kepada penularan demam denggi.

Sepanjang tahun 2024, daripada 680,491 jumlah premis diperiksa, 6,579 premis (1.1%) daripada jumlah tadi tu ditemui tempat pembiakan nyamuk Aedes. Tiga penyumbang tertinggi tempat pembiakan nyamuk Aedes yang ditemui adalah di rumah kediaman dan kedai dengan bilangan 5,596 (85.1%) er... pembiakan nyamuk ini berpunca daripada rumah dan kedai itu diikuti dengan tanah atau lot kosong sebanyak 547 ataupun 8.9% dan di sekolah ataupun insititusi pendidikan sebanyak 170 (2.6%). Selain itu, penularan jangkitan demam denggi di dalam komuniti berlaku disebabkan oleh penduduk yang tidak cakna dengan kebersihan di samping mempunyai tabiat menyimpan barang termasuk di lorong belakang, kebun haram yang tidak terurus di kawasan perumahan dan kegagalan... kegagalan menyelenggara rumah kosong yang tidak... dan tiada kerjasama penduduk semasa aktiviti pemeriksaan dan semburan dilakukan.

Bagi mengurang serta mengawal penularan penyakit demam denggi di negeri Pahang, antara tindakan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut. Pertamanya, agensi-agensi di jabatan kerajaan di negeri Pahang melaksanakan Program *One Hour Clean Up* Negeri Pahang. Program ini adalah untuk memastikan sekolah, institusi, tempat bekerja bebas denggi. Dengan pelaksanaan aktiviti memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes dan program ini telah diadakan secara serentak di seluruh negeri Pahang pada 19 Julai 2024 dan diteruskan dengan kekerapan sekali sebulan di fasiliti masing-masing.

Maknanya kita kempen berterusan sekurang-kurang sebulan sekali di semua tempat-tempat yang saya nyatakan tadi dan sepanjang tahun 2024 ini sebanyak… sepanjang tahun 2024 sebanyak 427 aktiviti telah dijalankan membabitkan kawasan pejabat, kuarters, institut pendidikan, asrama dan juga masjid dan keduanya, aktiviti kawalan dan pencegahan bersama komuniti di lokaliti wabak denggi dan lokaliti berisiko tinggi seperti penglibatan dalam aktiviti gotong-royong dan Operasi Ketuk-ketuk juga telah dilaksanakan.

Operasi Ketuk-ketuk ini adalah pelaksanaan aktiviti pendidikan kesihatan dari rumah ke rumah dan aktiviti pemusnahan tempat pembiakan nyamuk ini. Jadi, yang ketiga menggerakkan penglibatan persatuan atau kumpulan komoditi seperti COMBI, KOSPEN, Badan pengurusan Bersama di bangunan berstrata Join… *Joint Management Body* ataupun JMB, Rukun Tetangga, Jawatankuasa Penduduk dan lain-lain untuk menggalakkan masyarakat melaksanakan aktiviti pembersihan persekitaran, memeriksa dan memusnahkan tempat berpotensi pembiakan nyamuk Aedes melalui gotong-royong beramai-ramai atau gotong-royong kendiri mencegah demam denggi ni.

Yang keempatnya, memastikan sekolah bebas tempat pembiakan nyamuk Aedes melalui program bebas denggi sekolah dan perkongsian maklumat berkaitan dengan pencegahan dan kawalan denggi di antara Jabatan Kesihatan dan Jabatan Pendidikan. Yang kelimanya, pelaksanaan kempen “Cari dan Musnah 10 Minit Seminggu Sekali”. Mesej ini ingin disampaikan kepada masyarakat perlu meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk melaksanakan aktiviti pembersihan persekitaran dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk Aedes setiap minggu. Ini

kita kempen kalau boleh penghuni-penghuni rumah supaya melaksanakan, mencari, *spend* masa 10 minit untuk kita cari tempat-tempat yang boleh pembiakan nyamuk Aedes ni berlaku.

Yang keenamnya, pelaksanaan projek pelepasan nyamuk Aedes ber*Wolbachia* di lokaliti berisiko tinggi. Program ni telah dimulakan di 2 lokaliti di negeri Pahang iaitu PPRS Pinggir Putra, Kuantan dan Taman Impianku, Kuantan sejak tahun 2022. Manakala pada tahun 2024, program diperluaskan lagi di lokaliti ketiga iaitu Taman Pasdec Makmur 2. Taman Pasdec Mahmud IM 2, Kuantan bermula pada 3 Oktober tahun 2024.

Dan jujurnya, sepanjang tahun 2024 ni sebanyak 6,579 premis positif pembiakan nyamuk Aedes ditemui dan sebanyak 4 ribu… 4,036 ataupun 61% premis telah dikeluarkan cadangan kompaun di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 Pindaan 2000 dengan nilaian kompaun ditawarkan sebanyak RM2,018,000.00 sebanyak 1,161 notis di bawah Seksyen 8 akta yang sama juga telah dikeluarkan kepada penduduk yang mempunyai tempat-tempat yang berpotensi untuk pembiakan jentik-jentik Aedes dan kesemuanya telah dijalankan tindakan susulan.

Seterusnya bagi memastikan tindakan ini berjalan dengan baik, jawatankuasa di peringkat daerah dan negeri ditubuhkan. Jawatankuasa Wabak Peringkat Daerah telah diaktifkan sekiranya terdapat wabak denggi dilaporkan… wabak demam denggi dilaporkan. Perbincangan bersama semua agensi berkepentingan dalam mencari penyelesaian bersama menangani wabak. Menyelaras mengoptimakan penggunaan sumber di dalam aktiviti kawalan dan pencegahan demam denggi mengikut peranan masing-masing dilakukan semasa mesyuarat ini.

Manakala di peringkat negeri pula, Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Denggi Negeri Pahang yang melibatkan agensi dan jabatan kerajaan negeri Pahang akan dilaksanakan 2 kali setahun. Mesyuarat ini bertujuan untuk menggerakkan pelbagai jabatan dan agensi di peringkat negeri dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi di samping memastikan setiap jabatan dan agensi melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi mengikut peranan masing-masing.

Tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan penularan demam denggi ini dapat dicegahkan tidaklah hanya… hanyalah seperti yang disebutkan di atas tadi. Asas kepada tindakan adalah untuk memastikan tiada pembiakan nyamuk Aedes dengan melaksanakan aktiviti mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Semua individu dan masyarakat setempat perlu bersama-sama melaksanakan aktiviti cari dan musnah 10 minit seminggu sekali. Ini kempen yang berterusan kita mintak bagi memutuskan kitaran kejadian nyamuk Aedes dan mendapatkan rawatan segera jika demam. Semoga usaha yang kita mulakan pada hari ini dapat dijalankan secara berterusan dan bersungguh-sungguh agar kejadian dan wabak demam denggi dapat dikurangkan dan tidak menjadi beban kesihatan awam di negeri Pahang. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya terus ke soalan berikutnya. Soalan nombor 7. Kita di belakang masa sedikit.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

(Ayat al-Quran) Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

> [Menurut Pengarah AADK Ruslin Jusuh sehingga Januari 2025, jumlah penagih dadah naik 31% akibat dadah sintetik di peringkat nasional. Soalan saya, sila nyatakan status klien (penagih) yang terlibat dengan dadah di Negeri Pahang yang terkini? apakah usaha kerajaan negeri untuk memberi kesedaran dan rancangan program kepada golongan remaja yang berbilang kaum di Negeri ini supaya tidak terjebak dalam penyalahan penggunaan dadah ini?]

(ADUN GUAI – N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker seterusnya kepada sahabat yang bertanyakan soalan mengenai status klien ataupun penagih yang terlibat dengan dadah di negeri Pahang yang terkini dan apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memberi kesedaran dan rancangan program kepada golongan remaja yang berbilang kaum di negeri ini supaya tidak terjebak dalam penyalahgunaan dadah ini.

Berdasarkan kepada data terkini yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan sehingga Januari 2025, negeri Pahang mencatatkan sejumlah 3,986 klien yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan sedang menjalani program rawatan dan pemulihan dalam komuniti yang melibatkan intervensi berasaskan sokongan masyarakat dan pemulihan sosial. Seiring dengan peningkatan 31% kadar penagihan dadah di peringkat nasional, negeri Pahang turut er... negeri Pahang turut menunjukkan *trend* yang membimbangkan terutamanya dalam kalangan belia dan golongan bekerja.

Dadah yang paling banyak digunakan ialah Syabu yang mencatatkan kadar penggunaan sebanyak 62.90% iaitu seramai 2,507 klien dari… dari jumlah keseluruhan yang disebutkan tadi. *Trend* ini memberi gambaran jelas bahawa langkah pencegahan dan pemulihan perlu terus diperkasakan bagi mengekang peningkatan penagihan dadah di negeri ini. Program Pencegahan Dadah dilaksanakan secara berkala di sekolah, institusi pengajian tinggi dan pusat latihan kemahiran tanpa mengira kaum dan juga agama.

Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesedaran awal dalam kalangan pelajar serta membentuk jati diri yang kukuh bagi menolak pengaruh dadah. Antara program utama yang dijalankan termasuklah program PINTAR. Fokus kepada anak murid sekolah rendah memberi pendedahan awal mengenai bahaya dadah serta melalui pendekatan interaktif dan juga pendidikan nilai murni.

Program SHIELDS. Sasaran kepada pelajar sekolah menengah meningkatkan ketahanan diri remaja dan dengan elemen... elemen motivasi, kemahiran membuat keputusan dan strategi, menolak pengaruh negatif.

Program *Tomorrow's Leader* ini melibatkan pelajar IPTA dan juga IPTS membantu membentuk pemimpin muda yang berwibawa serta memperkukuh kesedaran mengenai gaya hidup bebas dadah dalam kalangan mahasiswa. Pendekatan holistik ini diharapkan dapat membina generasi muda yang lebih berdaya tahan,

bertanggungjawab dan mampu menjauhkan diri daripada penyalahgunaan dadah. Agensi Antidadah Kebangsaan AADK telah memperkukuhkan usaha pencegahan penyalahgunaan dadah dengan menggerakkan Skuad Anti Dadah sebagai jentera utama dalam menyampaikan kesedaran kepada masyarakat.

Inisiatif ini turut menekankan penglibatan aktif golongan belia sebagai agen perubahan dalam usaha membanteras penyalahgunaan dadah. Melalui Skuad Anti Dadah, golongan belia diberi peranan sebagai sukarelawan dan pemimpin komuniti yang menyebarkan maklumat berkaitan bahaya dadah serta melaksanakan aktiviti intervensi awal. Ini termasuk program kesedaran di sekolah, institusi pengajian tinggi, pusat latihan kemahiran serta kawasan komuniti yang berisiko tinggi. Selain itu, Skuad Anti Dadah juga berfungsi sebagai rangkaian sokongan bagi membantu rakan sebaya dan masyarakat memahami kesan buruk penyalahgunaan dadah serta menggalakkan gaya hidup sihat dan positif. Dengan penglibatan belia secara aktif, kerajaan negeri yakin usaha pencegahan ini dapat mencapai keberkesanan yang lebih tinggi dan memberi impak jangka panjang kepada generasi muda. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila. Saya bagi satu soalan je.

(ADUN TRAS - N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Soalan tambahan ya. Pada satu ketika dahulu semasa Perang Dunia Ke-2, tentera Nazi pernah menggunakan dadah jenis Pervitin ini sebagai perangsang dalam peperangan. Tapi kini dadah adalah sebahagian daripada instrumen hiburan yang banyak digunakan di dalam pesta-pesta, pusat-pusat hiburan di seluruh dunia. PBT ataupun Pihak Berkuasa Tempatan adalah agensi kerajaan yang meluluskan lesen pusat hiburan setempat. Soalan saya, apakah rancangan pelan kerajaan bagi mengurangkan penyalahan penggunaan dadah ini di tempat-tempat pusat hiburan? Terima kasih.

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih kepada soalan daripada sahabat saya. Selain daripada program-program yang telah saya sebutkan tadi, insya-Allah di negeri Pahang, kita akan mengadakan satu program bersepadu di mana seluruh daerah akan mengadakan program bagi kita menceritakan tentang keburukan dadah ini dan insya-Allah mungkin dengan kelulusan pihak Kerajaan Negeri perbincangan di antara kami dan juga AADK telah berlangsung dan tempat untuk kita mengadakan program tersebut juga telah dipilih di atas kelulusan Kerajaan Negeri. Jadi insya-Allah saya akan memberikan informasi yang lebih lanjut selepas ini. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya. Soalan nombor 9.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan saya soalan nombor 9.

[Pelaksaan gaji minimum RM1,700.00 bermula Februari ini bagaimana ia dapat membantu rakyat kerana setiap kenaikan akan memberikan impak terhadap harga barangan dan kos sara hidup rakyat?]

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Tuan Speaker. Untuk menjawab soalan dari Kuala Sentul yang pertama, saya mungkin nak semua Ahli Dewan Yang Berhormat, kenapa kerajaan nak melaksanakan gaji minimum RM1,700.00? Punca kuasa menetapkan gaji minimum di negara ini diberikan melalui perintah gaji minimum 2024 di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, Akta 732. Di mana akta ini ditadbir oleh Majlis Perundingan Gaji Negara di bawah Kementerian Sumber Manusia. Manakala Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah agensi yang menguatkuasakan akta ini. Akta ini diwujudkan bertujuan untuk membantu menampung keperluan minimum keperluan pekerja dan keluarganya berasaskan keadaan sosioekonomi negara ini. Definisi gaji minimum di bawah Akta Seksyen 2, Akta 732 adalah gaji pokok yang diterima. Ia tidak termasuk elaun, inisiatif atau apa-apa bayaran tambahan yang dibuat kepada pekerja selepas tamat tempoh penangguhan enam bulan. Bermula dari 1 Februari 2025 hingga 1 Ogos 2025, semua majikan di dalam negara ini diwajibkan mematuhi perintah gaji minimum 2024 tanpa gagal.

Dengan kata lain, kaum pekerja membawa balik gaji sekurang-kurangnya pada kadar RM1,700.00 sebulan. Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pahang sentiasa melaksanakan aktiviti pengkuatkuasaan secara berkesan bagi memastikan pematuhan oleh majikan terhadap perintah gaji minimum di negeri ini. Berdasarkan rekod jabatan dari tempoh 1 Februari 2025 hingga 31 Mac 2025, sebanyak 14 aduan telah diterima berkaitan pelaksanaan perintah gaji minimum. Kesemuanya aduan ini masih dalam tindakan. Tindakan sama ada membuka kertas siasatan atau pekerja diberi nasihat untuk mengambil tindakan di Mahkamah Buruh di mana-mana pejabat cawangan jabatan. Jabatan tidak teragak-agak akan membuka kertas siasatan jika mendapati berlaku pelanggaran pematuhan perintah gaji minimum ini. Jika disabit kesalahan, semua majikan kena dengar ya majikan berkenaan boleh didenda sebanyak RM10,000.00 bagi setiap kesalahan terhadap setiap pekerja.

Dan soalan untuk mengurangkan kos sara hidup dari gaji ini, sebab dua-dua bawah portfolio saya. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Kos Sara Hidup Pahang akan terus meningkatkan usaha membantu mengurangkan beban rakyat dan akan mengambil tindakan bagi memerangi kenaikan harga barang. Antara tindakan dan usaha telah dilaksanakan oleh kementerian adalah seperti berikut, Program Jualan Rahmah Madani merupakan program Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup KPDN di bawah Inisiatif Payung Rahmah yang bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat. Program menawarkan penjimatan harga barangan keperluan harian terpilih di antara 10% hingga 30% lebih murah daripada harga pasaran tempatan.

Pada 2025, pelaksanaan jualan Rahmah ni ada ditetapkan sebanyak 84 kali setiap bulan di seluruh negeri Pahang. Bersempena dengan persediaan sesi persekolahan baru 2025 ni, KPDN telah memperluaskan pelaksanaan Jualan Rahmah melalui penganjuran PJRM *Back to School* 2025. Program ini telah bermula sejak 18 Januari 2025 dan dijadualkan berlangsung sehingga 16 Februari 2025 iaitu sepanjang tempoh cuti persekolahan. Para pengguna boleh mendapatkan barangan kelengkapan persekolahan pada kadar diskaun antara 10% hingga 30% lebih murah berbanding dengan harga pasaran semasa. Untuk program Jualan Makmur ini hanya di Pahang

baru-baru Khamis ini, saya jumpa dengan Menteri KPDN, dia puji sebab tidak banyak negeri yang menjalankan program ini. Hanya di Pahang, Pahang 1st. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar [Ahli Dewan menepuk meja] yang berpandangan jauh yang menjalankan… mengurangkan apa tu beban rakyat. Maknanya Kerajaan Negeri Pahang di bawah Program Jualan Makmur Kluster Perayaan, Kerajaan Negeri Pahang telah memperuntukkan keseluruhan sebanyak RM2.52 juta sebagai langkah dalam membantu mengurangkan masalah kos sara hidup, meningkatkan keutamaan semasa sambut hari perayaan utama dan juga kita adakan Jualan Rahmah setiap dua kali di satu DUN sebulan.

Pelaksanaan program Penyeragaman Harga melibatkan daerah Jerantut, Rompin dan Raub. Melalui program ini, harga barangan keperluan asas utama iaitu gula, minyak, tepung dan lain-lain dijual pada harga yang sama seperti rakyat tinggal di kawasan bandar dengan tujuan untuk mengawal inflasi yang mengurangkan kos sara hidup. Pelaksanaan skim harga maksimum musim perayaan. Tadi saya sudah baca dan kita mengawal harga barang keperluan musim perayaan utama di negeri... negara yang melibatkan perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas. Pelaksanaan program… Program Advokasi Kepenggunaan bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat berkaitan hak-hak sebagai pengguna. Selain itu, para pengguna digalakkan untuk menggunakan aplikasi *PriceCatcher* dan *MySales Tracker* yang boleh dimuat turun secara percuma di *Google Play Store* dan App… *Apple App Store* untuk membandingkan harga barangan sebelum membuat pembelian dan mengetahui premis yang mengadakan promosi jualan murah. Penguat kuasa akta-akta seperti Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 Akta Perlindungan Pengguna, 1999 dan lain-lain untuk melindungi rakyat dari dan mengurangkan impak kenaikan barang harga. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita pergi… soalan… ada?

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Boleh satu soalan?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Satu saja soalan.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Satu je soalan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tambahan.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Di Pahang ini. Gaji Imam, Bilal dan Siak tidak mematuhi had gaji minima. Ada yang RM800.00, ada RM600.00. Jadi, saya minta apakah tindakan untuk semua masjid-

masjid dalam di Pahang dan di tempat lain dapat mematuhi hak gaji minima? Terima kasih.

(ADUN TERUNTUM – N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih dari soalan tambahan dari Cheka tadi saya sudah bagi tahu untuk semua majikan kena ambil perhatian. Kalau tidak JTK, maknanya kita akan ambil tindakan dan akan disaman atau di lebih kurang RM10,000.00. *So,* kalau ada pengadu-pengadu yang tidak gaji minimum RM1,700.00, *so* sila ke pejabat apa tu pejabat kita dan buat aduan dan kita akan ambil tindakan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia sebenarnya dia tak termasuk elaun. Kalau imam semua tu dipanggil elaun. Elaun ni tidak terikat dengan Akta Gaji. Saya bukan nak menjawab tapi nak bagi *clear* supaya kita dapat bezakan antara gaji dan elaun. Soalan seterusnya? Ada? Bagi peluang yang bertanya.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya bertanya. Pelaksanaan gaji minima ni juga akan meningkatkan kos operasi kepada majikan dan peniaga-peniaga dan mungkin akan memberi tekanan kepada tenaga kerja. Ataupun akan membuang pekerja. Adakah kerajaan mempunyai mekanisme memantau pemantauan kepada majikan-majikan ni supaya perkara-perkara ini tidak berlaku? Terima kasih.

(ADUN TERUNTUM – N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Kuala Sentul, memang kita memantau tadi dari semasa ke semasa okey. Kalau majikan senang-senang membuangkan pekerja, kalau pekerja itu tidak puas hati. Marilah jabatan, biar kita ambil tindakan atas sebab apa kenapa dia dibuang kerja. Terima kasih.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Soalan seterusnya kita pergi kepada nombor 10 ADUN Lanchang.

(ADUN LANCHANG – N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Assalamualaikum Warahmatullah. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker soalan saya nombor 10.

> [Adakah Kerajaan berhasrat untuk membina Pusat Sehenti Pelancongan di Lanchang bagi menarik ramai pelancong datang serta sebagai Pusat Informasi Pelancongan di sekitar Daerah Temerloh amnya?]

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato Sri Speaker dan Yang Berhormat Lanchang. Buat setakat ini, Kerajaan Negeri belum ada perancangan untuk membina Pusat Sehenti pelancongan di kawasan Lanchang. Cadangan Yang Berhormat untuk membina satu pusat sehenti pelancongan di kawasan adalah sesuatu yang baik dan berpotensi untuk menambah nilai kepada tarikan pelancongan di Lanchang. Walau bagaimanapun, kita juga perlu mengkaji dulu sebelum ada pelaksanaan. Dan selain itu, pendekatan… penekanan kepada kaedah digital untuk menyampaikan maklumat terkini juga perlu dititikberatkan. Walau bagaimanapun, Pusat Informasi Pelancongan Temerloh telah pun disediakan di Bandar Temerloh iaitu Galeri Tokoh di Majlis Perbandaran Temerloh dan galeri ini juga merupakan salah satu tempat pelancongan yang sering dikunjungi oleh pelawat. Kerajaan Negeri juga akan bekerjasama dengan premis sedia ada. Sebagai contoh, Titik Tengah, Kuala Gandah untuk meletakkan brosur-brosur Tourism untuk menambah memberikan maklumat tentang pelancongan di Lanchang. Terima kasih.

(ADUN LANCHANG – N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Soalan tambahan Dato' Sri Speaker. Menurut taklimat daripada Ketua Pusat Konservensi Gajah pada tahun 2023, pengunjung yang turun yang melawat ke Pusat Gajah ni seramai 192,193 orang. Kemudian daripada jumlah tersebut, pelancong luar sebanyak 9,199 bermakna hampir 5% sahaja. Jadi adakah pihak kerajaan mengkaji kenapa pengunjung luar ni terlalu kurang berbanding dengan pelancong tempatan yang 100,000 lebih ni. Yang saya kira purata lebih kurang 16,000 lebih yang pergi. Terima kasih kepada kerajaan ini dan menurut beliau bahawa kebanyakan pelancong yang datang tempatan dan pelancong yang berulang maknanya dia mungkin datang awal tahun kemudian hujung tahun datang lagi atau selepasnya itu satu. Yang keduanya juga, bagaimana insentif kerajaan untuk melibatkan penduduk tempatan yang sepanjang daripada bandar Lanchang sampai Kuala Gandah ni sepanjang 14 km melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi dalam sektor pelancongan tempatan ni? Terima kasih.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih tapi sebelum menjawab boleh saya semak dengan Yang Berhormat, yang 5% pengunjung luar itu maksudnya luar negara ataupun luar negeri… luar kawasan?

(ADUN LANCHANG – N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Luar… luar negara.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Luar negara. Okey faham. Okey untuk soalan tambahan pertama. Memang Kuala Gandah adalah salah satu produk yang sering kita masukkan dalam promosi kita termasuk sempena Tahun Melawat Malaysia 2026. Pahang kita telah berjaya

disenaraikan 6... 14 produk pelancongan untuk dimasukkan dalam video promosi sempena Tahun Melawat Malaysia di peringkat kebangsaan dan Kuala Gandah merupakan salah satu produk dan usaha ini kita akan teruskan tapi tidak dapat dinafikan bahawa kalau mengikut statistik pelawat di Pahang memang pelancongan domestik memainkan peranan yang sangat penting di mana majoriti peratusnya adalah daripada pelancong domestik. Tapi kita tidak lupa juga bahawa pelancong luar negara, pelancong asing juga dapat membawa impak ekonomi khususnya kepada komuniti-komuniti tempatan.

Jadi untuk soalan kedua bagaimana kita melibatkan komuniti setempat. Kita memang mengalu-alukan sekiranya ada penduduk-penduduk setempat di Lanchang sudi mengambil bahagian dalam program Homestay Bawah Tourism Malaysia sebab kita difahamkan bahawa memang ada pengusaha-pengusaha homestay, tapi yang homestay itu adalah konsep rumah tamu di mana dia tidak didaftarkan bawah MOTAC ataupun PBT. Tapi sekiranya penduduk setempat ada niat kita memang membuka pintu supaya mereka boleh bekerjasama dalam satu kelompok untuk kita adakan satu kluster homestay baru di Lanchang. Buat setakat ini, kita tiada di Lanchang dan pada masa sama kita juga faham bahawa ada satu suku kaum Orang Asli yang… yang *special* hanya didapati di Lanchang dan mereka mempunyai…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kaum… kaum Cek Wong.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Ya betul. Minta maaf dan mereka mempunyai kraf dan kebudayaan yang unik. Jadi sekarang ini kerajaan dan juga dalam tindakan untuk membantu supaya produk-produk mereka juga dapat dipaparkan bukan sahaja di Lanchang, tetapi mungkin sebagai contoh di Pasar Sehari Temerloh dan tempat-tempat lain, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Saya nak pergi ke soalan terakhir wakil daripada Sungai Lembing.Sila.

(ADUN SUNGAI LEMBING – N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya nombor 11.

> [Berapakah jumlah peserta dan peratus peserta terlibat di bawah program latihan yang dianjurkan oleh kerajaan negeri atau agensi di bawah kerajaan negeri memperoleh pekerjaan/menjadi usahawan dengan pendapatan sara hidup yang mencukupi dalam tempoh 2023 hingga kini dan bagaimanakah kerajaan berusaha memastikan mereka kekal bekerja/menjadi usahawan setelah tamat latihan?]

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan terima kasih kepada sahabat Sungai Lembing di atas. Persoalannya, berapakah jumlah peserta dan peratus peserta terlibat di bawah program latihan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri atau agensi di

bawah Kerajaan Negeri memperoleh pekerjaan atau menjadi usahawan dengan pendapatan sara hidup yang mencukupi dalam tempoh 2023 hingga kini. Dan bagaimanakah kerajaan berusaha memastikan mereka kekal bekerja menjadi usahawan setelah tamat latihan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pelaksanaan program latihan keusahawanan dilaksanakan oleh agensi-agensi pembangunan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pertanian, MARA, RISDA, FAMA, TEKUN dan juga lain-lain agensi yang berkaitan. Di peringkat Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, PKNP dan juga Pahang Skills Development Center PSDC juga memainkan peranan yang penting dalam menyediakan latihan serta bimbingan kepada usahawan. Bagi menjawab soalan mengenai jumlah peserta yang terlibat dalam program latihan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan juga agensi di bawah Kerajaan Negeri, izinkan saya berkongsi data yang diperolehi daripada beberapa agensi utama serta bagaimana kerajaan berusaha memastikan sokongan serta bimbingan yang berterusan dilaksanakan bagi memastikan usahawan kekal berdaya saing.

Pada tahun 2023, sebanyak 21 program telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang dengan penyertaan 1,412 peserta melepasi sasaran 1,252 orang peserta iaitu 112.78%. Bagi tahun 2024 pula, sejumlah 15 program melibatkan 1,208 peserta berbanding sasaran 1,120 orang peserta dengan nilai 107.86%. Manakala pula bagi tahun 2025 sehingga pertengahan bulan Mac ini, program telah dianjurkan dengan 494 penglibatan peserta melebihi sasaran daripada 443 peserta bersamaan dengan 111.51 *percent* atau peratusan, dengan izin. Latihan yang disediakan merangkumi kursus kemahiran di pusat latihan dan juga ladang jabatan termasuk sesi teori dan juga bagi memastikan usahawan terus kekal aktif dan berdaya saing. Setelah tamat latihan, usahawan akan terus dibantu melalui perkhidmatan rawatan dan juga khidmat nasihat yang teknikal serta khidmat nasihat yang berterusan serta insentif berdasarkan kelayakan seperti Skim Makmur Ternak dan juga Program Mekar.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker dan juga Ahli Yang Berhormat,

Bagi Jabatan Pertanian Negeri Pahang pula sepanjang tahun 2023 dan juga 2024, sebanyak 760 program latihan telah pun dijalankan dengan penyertaan 12,505 peserta dan juga disasarkan. Namun angka sebenar mencecah 17,216 orang peserta bersamaan melebihi 137.67% dan secara khususnya pada tahun 2023, 363 program dianjurkan dengan 8,679 orang peserta melepasi sasaran iaitu 6,275 orang peserta dan pada tahun 2024 menyaksikan 397 program disertai 8,637 orang peserta melepasi sasaran 6,230 peserta. Antara program ditawarkan termasuklah *Farmers Field Schools* (FFS), Agropreneur Muda, Kursus Teknologi Pertanian berasaskan IOT serta Pengurusan Ladang Moden. Khidmat nasihat turut disediakan bagi pegawai pengembangan tanaman dengan penekanan terhadap amalan pertanian baik MyGAP dan juga pengurusan ladang sistematik bagi meningkatkan produktiviti dan juga kualiti hasil-hasil pertanian.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Selain itu Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) melalui Bahagian Pembangunan Keusahawanan dan juga Komoditi telah melaksanakan 12 program keusahawanan pada tahun 2023, dengan penyertaan penuh seramai 395 peserta bersamaan dengan 100% orang penyertaan. Tahun 2024 pula mencatatkan

peningkatan sebanyak 946 peserta berbanding sasaran 905 orang peserta iaitu 104.53%. Secara keseluruhannya dalam tempoh dua tahun ini, sebanyak 1,341 peserta telah melibatkan diri untuk menunjukkan pencapaian dan sekali gus mencerminkan keberkesanan dan juga daya tarikan program keusahawanan yang dilaksanakan. Selain penganjuran program utama, PKNP turut melaksanakan sesi bimbingan susulan bagi memastikan kesinambungan dan juga keberkesanan seperti latihan dengan izin, *Master Your Own Bisnes* (MyOB), *Business Clinic* serta *Pocket Talk,* dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Secara keseluruhan, jumlah peserta yang terlibat dalam program-program keusahawanan dan kerjaya anjuran Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi berkaitan dari tahun 2023 sehingga kini adalah seramai 21,607 orang peserta. Perlu diperjelaskan bahawa angka ini merangkumi peserta dari tiga agensi utama. Namun tidak termasuk data dari agensi seperti MARA dan juga RISDA dan juga FAMA dan ada juga yang berkaitan dan yang turut melaksanakan program ini. Ramai lagi agensi-agensi yang melibatkan untuk melahirkan usahawan-usahawan terutama sekali usahawan negeri Pahang.

Untuk makluman Ahli Dewan Yang Mulia, Kerajaan Negeri sentiasa komited dengan melaksanakan kelangsungan kerajaan seperti program-program melalui beberapa inisiatif susulan di antaranya Sesi Bimbingan Susulan. Bahawasanya berbagai agensi-agensi yg terlibat yang telah saya nyatakan tadi. Selepas sahaja kursus, bimbingan dan kita memantau secara induksi secara muka ke *face…* dengan izin, *face to face* ataupun secara bersemuka ataupun melalui talian dan ini memberikan bimbingan yang berterusan kepada pihak usahawan. Sesi klinik usahawan juga telah pun dibuat di setiap agensi dan juga khidmat nasihat bagi persiapan secara teknikal ataupun *soft skill* dan juga *hard skill* dengan izin, dibantu kepada usahawan-usahawan yang memerlukan. Juga program perbadanan perniagaan, peluang pembiayaan dan juga digitalisasi kerjaya serta keusahawanan melalui kerjasama dengan agensi-agensi iaitu seperti Perkeso, Bank Negara, Maxis dan juga MDec. Peranan pemantauan Standard Kualiti MyGAP juga serta penggunaan teknologi terkini dalam sektor pertanian dan juga penternakan juga diperkasakan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri akan terus memperkasakan ekosistem latihan dan juga bimbingan keusahawanan bagi memastikan peserta bukan sahaja memulakan kerjaya, malah kekal berkembang secara mampan serta berdaya saing dalam bidang yang diceburi. Saya mengharapkan agar apa latihan dan juga sumbangan daripada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan dan juga secara individu dan juga agensi-agensi yang terlibat memberikan makna kepada usahawan-usahawan negeri Pahang ini dan untuk pengetahuan dan juga untuk makluman kepada Ahli Dewan. Bahawasanya Kerajaan Negeri tidak putus-putus membantu usaha untuk mempromosikan usahawan-usahawan, produk-produk usahawan ini.

Terutama kalau saya ini orang Bentong. Tidak kering gusi, saya nak cakapkan Lemang To'ki. Saya kena percaya di dalam dewan ni sudah pun makan Lemang To'ki. Walaupun bukan bulan Ramadan. Bukan bulan… bulan… bulan hari raya, nama Lemang To'ki tu sentiasa di bibir-bibir kita bersama bukan sahaja orang Bentong dan juga halia Bentong. Inilah antara-antara produk yang kita bangunkan supaya usahawan-usahawan ini sentiasa di bibir-bibir masyarakat dan juga bukan sahaja di

dalam negara. Malah Kerajaan Negeri juga mempromosikan pula sampai keluar negara dan hari ini kita bawa sampai ke Dubai.

Ini antara bimbingan-bimbingan yang tidak putus-putus, untuk memastikan usahawan negeri Pahang ini dapat kita naikkan ke martabat yang lebih baik. Bak kata saya meminjam ayat daripada Yang Berhormat Benta bahawa kita nak meletakkan produk negeri Pahang. Inilah produk premium yang bukan sahaja dapat biasa-biasa. Namun produk ini adalah yang berkualiti yang bertahan baik dengan *packaging* dan juga pembungkusan yang baik supaya usahawan negeri Pahang akan dipandang lebih baik. Sekian, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada soalan lagi? Soalan tambahan? Satu ya.

ADUN SUNGAI LEMBING – (N.17)
YB TUAN MOHAMED AYUB BIN MAT ASHRI

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Berhormat Dato' EXCO di atas jawapan yang berikan. Tahniahlah kepada Kerajaan Negeri di atas program-program yang telah dianjurkan untuk usahawan ini. Jadi daripada jumlah keseluruhan yang disebut berkaitan dengan program dan peserta tadi saya er… tak dapat jawapan mengenai berapakah usahawan yang… adakah… contoh tadi 1,200 yang menyertai program ini adalah usahawan ataupun baru nak belajar menjadi usahawan. Jadi daripada hasil daripada program tersebut, kalau 1,200 tu adalah usahawan dan apakah produk mereka ini ada dieksport terutamanya ke… sekarang ni kita… apabila menjelang kenaikan tarif Amerika… AS, Amerika Syarikat terhadap produk Malaysia. Apakah langkah strategi Kerajaan Negeri untuk melindungi usahawan tempatan terutamanya PKS-PKS ini yang memasarkan produk mereka ke luar negara. Jadi apakah langkah untuk er… kerajaan diversifikasi pasaran eksport untuk kurangkan kebergantungan kepada Amerika Syarikat dan menyokong usahawan err… dengan pembiayaan dan teknologi dan bagaimana kerajaan kembangkan industri hiliran untuk tambah nilai produk tersebut. Sekian, terima kasih.

ADUN PELANGAI – (N.36)
YB. DATO'AMIZAR BIN ABU ADAM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Soalan itu saya tak tahulah berapa banyak saya nak jawab. Satu, saya kena masuk ingatan saya tadi. 1, 2, 3, 4, 5, 6. Yang Berhormat Cheka pun pandang saya. Enam dah ni nak jawab. Saya nak beri tahu dalam konteks Kerajaan Negeri ni dan juga dibantu oleh pihak agensi ya. Usahawan ni, kita pecahkan kepada tiga dengan izin Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, *Tier One, Tier Two, Tier Three*, yang baru nak *start-up ni*, baru *start-up* ni ada agensi yang akan membimbing mereka ni bermula daripada *zero to hero*. Daripada kosong, kita akan jadi dia *hero* iaitu melalui pakej-pakej dialah. Pakej tu pihak agensi telah tetapkan. Insya-Allah.

Keduanya ni ialah *Tier Two. Tier Two* ni yang produk dah ada. Produk yang dah sedia ada ni, nak perlu kita memperkasakan lagi dari segi pembungkusan, penjenamaan mereka ni dan itu dibantu oleh agensi terutama yang saya dah cakap semalam iaitu SIRIM. SIRIM boleh membantu, pihak FAMA boleh bantu dari segi *marketing*. Pihak dan juga *Tier Three* ni adalah yang *export ready* yang baru-baru ni kita bawa sampai ke Dubai. Kambing perap Sungai Lembing ni nak beritahu tu saya nak beritahu Sungai

Lembing. Kita bawa produk Sungai Lembing tu sampai ke Dubai. Kena ucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri bahawa kita bawa nama Sungai Lembing.

Saya nak bagi tahu tu Sungai Lembing supaya kita tidak diskriminasi parti apa pun. Kita bawa Sungai Lembing sampai ke Dubai tapi nanti kejap Sungai Lembing, saya bawa jugak Pelangai. Saya daripada Pelangai, saya bawa jugak Pelangai ke Dubai. Ini bermaksud apa? Kita pecahkan dan juga kita bersama agensi menggemblengkan seluruh agensi dia. *Tier One, Tier Two, Tier Three* ni kita akan naikkan, yang penting kita naikkan jenama Pahang dan pentingnya sebenarnya Yang Berhormat Sungai Lembing, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar ni senantiasa... dan baru-baru ni pun beliau dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri… Penasihat pada Majlis Pembangunan Usahawan Bumiputera Kebangsaan kerana apa? Kerana beliau telah memberikan banyak panduan juga idea untuk meletakkan usahawan-usahawan negeri Pahang ni sampai ke peringkat antarabangsa. Namun, saya nak menjawab keenam-enam tadi potensi peratusan itu mungkin, insya-Allah lepas ni kita bolehlah berbincang selepas ni. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Saya nak… tadi Yang Berhormat kata terima kasih, saya dah ucap terima kasih kepada kerajaan tadi, okey.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih Yang Berhormat. Kita rakamkanlah perkara itu, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada… ada? Saya nak mulakan ini. Silalah terakhir.

(ADUN LUIT - N.24)
YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tiba-tiba dia termenung, keluar soalan. [Ahli Dewan ketawa] Kacau betul Luit ni.

(ADUN LUIT - N.24)
YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Dato'. Dato' Sri Yang di-Pertua, kita menerima peserta kursus, Kemudian dia berkursus. Jangka pendek, sederhana dan jangka panjang. Kemudian peserta kursus keluar ke pasaran dan kerajaan terus *follow up* membim… bimbing usahawan ini. Cuma soalan saya di mana dia punya titik akhir kerajaan bimbing dia, maksud dia ada *exit policy* ke, dengan izin atau ada *graduation* ke. Sebab kadang-kadang usahawan ni pun dia pandai juga, lepas bergantung-bergantung… bergantung-bergantung dah jadi *millionaire* pun masih mintak bantuan kerajaan lagi. Jadi soalan saya itulah, kat mana dia punya titik akhir perhatian kerajaan kepada usahawan. Terima kasih.

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih kepada Yang Berhormat… Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, memberikan laluan lagi. Dalam nanti pendek kata mungkin ramai usahawan yang ada dalam ni Yang Berhormat–Yang Berhormat dipanggil usahawan. Sebenarnya usahawan ini tiada titik noktah untuk meletakkan dia ijazah kehormat ke waima pada pandangan saya. Sebab usahawan tu sentiasa menimba ilmu mungkin hari ni dia meniaga goreng pisang esok mungkin dia meniaga nasi lemak. Sebab tu dalam konteks keusahawanan ni bimbingan kepada Kerajaan Negeri tidak akan putus selagi mereka berminat menjadi usahawan selagi mereka ingin keluar daripada kepompong, mungkin kemiskinan atau mungkin daripada belia untuk menjadikan sebagai usahawan, insya-Allah Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan 11 pertanyaan dan jawapan sebab tu lama sikit 11 dan ramai yang mencelah dan sebagainya. Saya tidak bercadang untuk menempohkan persidangan ini. Walau bagaimanapun, pihak Dewan Negeri ada menyediakan jamuan pagi di Bilik Jamuan ADUN bagi Ahli-ahli Dewan Negeri dan kanopi bagi Ketua-ketua Jabatan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dijemput untuk menikmati jamuan yang disediakan secara bergilir-gilir dan kembali semula ke dalam dewan.

Baiklah, kita akan meneruskan peraturan-peraturan selanjutnya. Sebelum itu, saya nak… saya ingin nak mengucapkan selamat datang kepada seramai 4 orang pemerhati daripada Majlis Belia Malaysia, [Ahli Dewan menepuk meja] 3 orang pemerhati dari Majlis Belia FELDA [Ahli Dewan menepuk] dan 6 orang pemerhati dari UMNO Bahagian Indera Mahkota. [Ahli Dewan menepuk meja]

SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KE BAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan perbahasan usul menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan majlis ialah satu usul yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas Titah Diraja Ke Bawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang".**

Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan telah pun mendapat sokongan. Sekarang saya kemukakan semula usul tersebut kepada perbahasan. Dengan ini, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan… tidak ada kawasan. Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, kawasan belum jumpa lagi. Sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

(Ayat al-Quran). Assalamualaikum WBT. (Ayat al-Quran) Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh… boleh terus je. Boleh terus je.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Terlebih dahulu patik pacal yang hina menjunjung kasih setinggi-tingginya kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Atas Titah Diraja yang amat berjiwa rakyat dan penuh kebijaksanaan, hikmah dan berpandangan jauh sempena Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Pahang ke-15 pada 18 April 2025 bersamaan 19 Syawal 1446 Hijrah. Saya berdiri hari ini atas semangat menjunjung institusi Raja Berperlembagaan. Menyambut Titah Kebawah Duli Paduka Tuanku dengan penuh rasa tanggungjawab sebagai ADUN Lantikan yang mendukung amanat yang dititahkan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Hormat Dato' Sri - Dato' Sri … Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat. Kita bukan ceramah ni. Ini mesyuarat dalam Dewan. Tak payah tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Macam tu.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Terbawa-bawa. [Ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Takpe. Baru lagi. [Ahli Dewan ketawa]

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Kali kedua. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail di atas pelantikan beliau sebagai NPUPK, Penasihat Khas kepada Majlis Pembangunan Usahawan dan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana Kebangsaan. [Ahli Dewan menepuk meja]. Sesungguhnya pelantikan ini membuktikan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Pahang telah diiktiraf oleh kerajaan pusat kebijaksanaan, kegigihan, integriti dan keberkesanan tadbir urus negeri Pahang ini sehingga dapat mengekalkan kutipan

hasil negeri tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2022 mencatatkan kutipan melebihi RM1 bilion dan pada tahun yang lalu telah mencatatkan RM1.22 bilion.

Saya mendoakan semoga setiap tahun angka itu akan bertambah dan kerajaan yang sedia ada dipelihara Allah terus memerintah di masa akan datang. Kalau tak ada, mana mungkin angka bertambah, jadi kena kekal jugalah memerintahnya. Bahkan, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar bakal menerima Ijazah Kehormat Bidang *Islamic Economic Banking,* Pengkhususan *Islamic Economy Faculty* Syariah dari Universiti Yarmouk, Jordan pada waktu terdekat ini. [Ahli Dewan menepuk] Anugerah ini telah membuktikan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja bukan sahaja diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan semata-mata, bahkan diiktiraf oleh universiti luar negara jadi sebagai warga rakyat negeri Pahang, sepatutnya kita berbangga mempunyai seorang MB yang bijak urus tadbir negeri.

Juga tidak lupa saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar yang telah dilantik sebagai YB… Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang, juga sebagai… juga tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi ini sebagai Penasihat Undang-undang Negeri dan Yang Berhormat Dato' Haji Fadzilla bin Salleh yang telah dilantik selaku Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang yang baharu.

Dalam kesempatan ini, saya juga merakamkan ucapan takziah atas pemergian seorang negarawan ulung dan juga Bapa Pembangunan Modal Insan. Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi, seorang tokoh yang dikenang bukan hanya kerana jasanya kepada negara tetapi juga kerana kelembutan budi dan ketinggian pekertinya.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Titah ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku terbahagi kepada 11 tajuk. Jika kita menyelami ucapan Titah Kebawah Duli Paduka Tuanku, dengan teliti dan penuh makna tersurat dan tersirat. Nescaya kita dapati Titah Kebawah Duli Paduka Tuanku adalah lambang kepedulian seorang raja berjiwa rakyat yang bukan sahaja memayungi negeri ini, malah turut memberi panduan, strategik untuk kemajuan negeri menurut acuan Islam dan menepati tuntutan Maqasid Syariah.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker tahu tak apa itu Maqasid Syariah?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Maqasid Syariah ni, ini soalan cepumas. Tapi tak apa. Maqasid Syariah ini matlamat, tujuan-tujuan melaksanakan syariat.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Betul, 100% markah dia. Sebagaimana diketahui umum, Maqasid Syariah terbahagi kepada 3 tingkat kepentingan dan semuanya bertujuan melindungi 5 perkara utama iaitu Al-Dharuriyyat Al-Khams iaitu yang pertama Al-Dharuriyyat yakni keperluan asas. Ini adalah perkara asas yang sangat penting untuk kelangsungan hidup manusia dan agama. Ia terdiri daripada 5 perkara iaitu Menjaga Agama, rujuk titah ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku, tajuk yang keenam dan ketujuh. Yang kedua, Menjaga Nyawa, rujuk titah ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku tajuk dua, lapan dan sembilan.

Yang ketiga, Menjaga Akal, rujuk titah ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku, enam, tujuh, sembilan. Yang keempat, Menjaga Keturunan dan Maruah, rujuk titah ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan. Yang kelima, meme… Menjaga Harta, rujuk titah ucapan Tuanku Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku, satu, dua, tiga, lima, sepuluh, sebelas.

Tingkat yang kedua tu adalah Hajiyyat, yakni keperluan pelengkap bertujuan mengelakkan kesukaran dan menyempurnakan hidup. Jika tidak ada, manusia masih boleh hidup tetapi dalam keadaan sukar. Yang ketiga, perlu saya buatkan contoh Yang Berhormat Dato' Sri Speaker?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila buat contoh.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Baik, supaya lebih faham.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lebih jelas.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Contohnya, dalam muamalat segi ekonomi dibenarkan akad jual beli salam atau Istishna' iaitu tempahan untuk memudahkan urusan perdagangan meskipun tidak sempurna akadnya… meskipun tidak sempurna akadnya. Dari segi syarak ataupun dari segi syarat biasa jual beli. Contoh petani jual hasil tanaman yang belum dituai atas dasar keperluan modal. Itu contoh dari segi ekonomi. Baik, contoh dalam ibadah, rukhsah, iaitu kelonggaran untuk solat jamak dan qasar ketika musafir. Contoh orang yang musafir dibenarkan solat jamak Zohor dan Asar kerana ingin mengelakkan kesukaran.

Makanan... manakala dalam jenayah, hukum ta'zir boleh diguna pakai jika qisas atau hudud tidak sesuai dilaksanakan atas faktor tertentu. Contoh, pengawasan dan denda kepada penagih dadah yang dalam pemulihan bukan terus dikenakan hukuman berat. Sebab itu hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sudah tidak dengar bab hudud. Sebab apa? Sebab tidak dapat dilaksanakan, maka kita guna pakai hukum ta'zir.

Yang ketiga Tahsiniyat, keperluan kesempurnaan bertujuan mencantikkan kehidupan dari segi aspek akhlak dan keselesaan hidup. Contoh, etika berpakaian, adab makan, seni bina yang indah. Contoh dalam ibadah, memakai pakaian yang indah dan bersih ketika solat walaupun pakaian biasa jugak sah. Firman Allah SWT (Ayat al-Quran), wahai... er… ambillah perhiasan kamu, yakni pakai pakaian terbaik setiap kali ke... ke masjid. Man... manakala dalam muamalat...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, Yang Berhormat kena tafsirkan hukum ta'zir tu apa, hukum yang ditetapkan oleh pemerintah. Dia bukannya hukum qath'i yang ditetapkan dalam al-Quran.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Sebab YB Speaker dah faham, dah jelas. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebab tu kena tafsir, bagitahu.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Jadi hukum hudud, hukum qath'i yang terdapat dalam al-Quran. Dalam surah Al-Maidah kalau kita nak rujuk perkara ni banyak sangat ayat-ayat hukum hudud ini, tentang hudud. (Ayat al-Quran), "orang yang merosakkan mata orang, ganti dia rosakkan mata dia balik", orang yang… (Ayat al-Quran), "orang yang mencuri dipotong tangannya". Ada syarat-syarat tertentu. Tetapi disebabkan perkara-perkara ini tidak dapat dilaksanakan, maka hukum ta'zir diguna pakai.

Hukum ta'zir ditentukan oleh pihak pemerintah tetapi bukan pihak memerintah yang menjatuhkan hukum. Siapa dia? Hakim. Jadi apa-apa kes pun bukan kerajaan memerintah yang menjatuhkan hukum. Yang menjatuhkan hukum itu ialah pihak mahkamah dan hakim yang membicarakan sesuatu kes itu. Betul ke? *Lawyer* dua-dua tak ada. Baik, contoh lagi satu dalam... dalam sosial er... pergaulan hidup kita seharian ni, memberi salam, senyum, menjaga kebersihan jalan, menghias masjid, semua ini tidak wajib tetapi menyempurnakan akhlak Islam.

Saya tertarik dengan akhlak yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, setiap kali dia buka saja pintu kereta dia, apa yang dia cakapkan YB Speaker, "Assalamualaikum". Belum sempat kita nak bagi salam, dia dah bagi salam terlebih dahulu. Inilah akhlak Islam. Akhlak seorang pemimpin, jadi contoh kepada kita semua. Baik, kesimpulan Maqasid Syariah menjadikan Islam sebagai agama rahmah, bukan semata-mata menghukum. Ia memberi keutamaan kepada keadilan, kesejahteraan dan kemanusiaan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Ramai di kalangan kita hanya memetik sebahagian titah ucapan Kebawah Duli... Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku, tajuk yang kesepuluh tetapi tidak membaca dan menyelami habis titah ucapan tajuk yang kesepuluh dengan keseluruhannya. Namun terlepas pandang titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku muka surat 32, 33 yang berbunyi "Bukan niat Beta untuk mengungkit kisah lama atau menambahkan kekusutan. Kita tidak mahu terus dibelenggu oleh bayang-bayangan masa silam. Sebaliknya, kita berhasrat untuk menoktahkan kemelut pencerobohan tanah secara haram ini. Biarlah kisah lalu itu menjadi pengajaran. Jika ada unsur rasuah, salah guna kuasa atau pengkhianatan terhadap amanah, biarlah Yang Maha Adil menentukan dan menjatuhkan hukumnya. Walau bagaimanapun, adalah menjadi hasrat dan pendirian kita bersama sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri untuk membuka lembaran baharu dengan pendekatan yang lebih mampan, adil dan menyeluruh. Pendekatan yang tidak sekadar menghukum tetapi juga membina, yang tidak hanya menamatkan pencerobohan tetapi memulihkan semula maruah undang-undang serta menjana hasil kepada tanah negeri ini".

Kita tidak boleh lepas pandang nasihat dari Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku yang menitahkan supaya jangan ungkit kisah silam dan biarkan Yang Maha Adil yang mengadili dan memberi hukum terhadap pengkhianatan mereka dan juga Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku menitah supaya kita buka lembaran baharu. Tidak adil YB... Dato' Sri Speaker, tidak adil bagi kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya pun tak adil tak tengok Yang Berhormat [ketawa].

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Kita mengungkit kisah lama dan segala kesalahan yang terdahulu diletakkan di bawah kerajaan di bawah kepimpin... kepimpinan beliau. Sedangkan Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja telah pun mengambil tindakan yang tegas untuk membanteras pencerobohan. Bahkan di antara mereka telah dijatuhkan hukuman dengan denda tidak kurang RM200K dan ada yang RM100K. Begitu juga pelbagai perancangan peruntukan sepanjang...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Panjang lagi Yang Berhormat?

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Ya?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Panjang lagi?

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Sikit je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ha sikit lagi ya.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Cukup 15 minit...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebab kita nak bagi peluang yang lain-lain pulak. Kalau boleh, boleh bagi satu kuliah tentang Maqasid Syariah ni bagus supaya orang fahamlah.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Insya-Allah lepas ni...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sama ada Menteri Besar kita negeri Pahang ni buat tak buat Islam ni dia Maqasid Syariah tu dia *benchmark* apa yang telah dibuat apa yang telah dibuat yang bersesuaian dengan Maqasid Syariah. Ha… itu dia, Speaker hari ni bagi tahu sikit.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Di antaranya pelbagai bantuan membantu rakyat miskin, bantuan pelajaran, menubuhkan ORACO, memperkasakan Mahkamah Syariah, pertingkatkan pendidikan agama khususnya Maahad Tahfiz Negeri sehingga mengharumkan nama negeri Pahang di persada dunia sehingga menjadi rebut… rebutan para ibu bapa untuk memasukkan anak mereka ke Maahad Tahfiz Negeri. Begitu juga insentif anjuran kahwin secara beramai-ramai. Eh betul tak sebut? Betul dah? Berkahwin ramai-ramai ke?

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat, saya dengar Yang Berhormat sebut, marilah kahwin beramai-ramai. [Ahli Dewan ketawa].

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Er… betulkan… betulkan berkahwin secara beramai-ramai. Er... Rumah percuma, bantuan untuk bayi kelahiran Pahang yang bernilai RM300.00, RM50.00 dalam bentuk barangan bayi, dan RM250.00 dalam bentuk simpanan bank. Cuba bayangkan walaupun hanya RM250.00 sejak dia dilahirkan, bila umur dia sudah mencecah 20 tahun, agak-agak simpanan tu dah berapa. Inilah Maqasid Syariah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pahang kita, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja. [Ahli Dewan tepuk tangan]. Apa yang tak kena lagi dengan Maqasid Syariah yang buat… Yang Berhormat Dato' Speaker itu. Marilah...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu saya tak leh jawab [ketawa].

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Jadi banyak lagilah kebaikan ataupun perancangan kebajikan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pahang yang ada pada hari ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

2 minit lagi.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Marilah kita menjadi umpama lebah yang sentiasa mencari kebaikan. Jangan menjadi lalat yang sentiasa mencari keburukan. Cari madu tapi bukan madu 3. Maksudnya cari kebaikan. Firman Allah SWT dalam Al-Hujurat ayat 12. Kerana masa singkat saya hanya baca terjemahan. "Wahai orang-orang yang beriman…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh baca… boleh baca… baca ayat. Saya benarkan baca.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

(Ayat al-Quran)

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Jangan panjang sangat.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

(Ayat al-Quran). "Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari sangkaan, yakni supaya kamu tidak menyangka sangkaan-sangkaan yang dilarang. Kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa. Akhir kalam, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, titah Kebawah Duli Paduka Tuanku adalah peta haluan dan suara kebijaksanaan yang harus dijadikan pedoman oleh seluruh pentadbir negeri ini. Saya selaku ADUN Lantikan kerajaan menyatakan komitmen sepenuhnya dalam menjunjung titah ini, melalui tindakan dasar dan pelaksanaan, perancangan atau program yang bersifat menyeluruh, berimpak tinggi dan berasaskan nilai keadilan serta keberkatan menjunjung kasih Kebawah Duli Paduka Tuanku dan menyokong titah ucapan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku. Akhir sekali, "Tiada Janji, Lihat Bukti". [Ahli Dewan menepuk meja] Iya memang… sememangnya merupakan slogan yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada lagi [ketawa].

(AHLI YANG DILANTIK)
YB DATO' AHMAD IRSHADI BIN ABDULLAH AL-QARI

Slogan ini mencerminkan, ni penutup. Slogan ini mencerminkan pendekatan beliau yang menekankan pencapaian dan hasil kerja nyata berbanding janji-janji kosong, dan ia amat menepati firman Allah SWT dalam surah As-Saff ayat 2 dan 3. (Ayat al-Quran). Mafhumnya, "Wahai orang-orang beriman, mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak lakukan. Amat besar kebencian di sisi Allah, kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya". (Ayat al-Quran). Sekian, wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, wakil ADUN Lantikan. Kita jemput wakil daripada Beserah.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada er... dan juga salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, di atas kesempatan yang diberikan kepada saya sama-sama mengambil bahagian membahaskan usul menjunjung kasih diatas titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, ketika Istiadat Pembukaan Penggal Ke-4 Dewan ini pada hari Jumaat yang lepas. Sesungguhnya titah Kebawah er... Paduka Baginda memberikan atau menjuruskan kepada perkara-perkara yang perlu kita renungi bersama. Yang seterusnya kita sebagai Ahli Dewan, supaya kita menjunjung dan juga mendokong titah Kebawah er… Duli Tuanku tersebut.

Kita harap dengan titah Kebawah Duli Paduka Baginda ini, akan membuka jalan kepada kita semua untuk melihat dan menilai supaya kita dapat membina negeri Pahang ini, kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Kita dah ada dalam trek yang sangat bagus, sepertimana yang telah dibuat dan dititahkan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda. Kita berada dalam *trac*k yang bagus. Cuma kita nak pacu supaya kita dapat lebih cepat, lebih tepat dan juga lebih efisien di dalam kita maju. Itulah tujuan kita berbahas di dalam Dewan Yang Mulia ini. Dan titah baginda itu perlu kita junjung, bersama. Saya terguris sedikit dan terkilan apabila berlaku peristiwa atau kes berlaku, ada pihak-pihak yang cuba untuk tidak menghormati titah Paduka Baginda ini. Menyembunyikan titah Paduka Baginda adalah satu tindakan yang kita harap orang Pahang ni rasa terkilan, dan kita harap tidak berulang selepas ini, perkara-perkara sebegini kerana kita menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda.

Dato' Sri Speaker, saya ingin meneruskan dalam hujahan ini dalam…

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jap yang Berhormat... ni... Dato' Sri Speaker…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh, bagi laluan Yang Berhormat.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Okey.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kalau boleh er... ADUN Beserah maklumkan kalau sekiranya er... pihak yang terbabit tu di kalangan Ahli Dewan. Saya ingat perkara ni mesti diberi penjelasan, kalau tidak dia akan disalah anggap seolah-olah macam kita er... Ahli Dewan tidak menjunjung titah Kebawah Duli Tuanku. Saya harap tidak.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Baik-baik, saya kata setengah pihak. Saya tak sebut spesifik kepada Ahli Dewan dan sebagainya. Maknanya di pihak luar. Yang Berhormat ya. Di pihak luar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Maknanya yang tidak menjunjung titah Tuanku tu orang di luar dewan ini. Bukan di dalam dewan. Begitu Yang Berhormat?

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ya betul.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey. Teruskan.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Okey ya. Dato' Sri, baik. Saya ingin menjurus kepada beberapa perkara yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli er... Tuanku. Pertama, saya ucap tahniah dan dan juga terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah memberikan er... tumpuan kepada membasmi kemiskinan tegar. Menoktahkan kemiskinan tegar. Angka yang diberikan sebanyak 1,946 miskin tegar telah dinoktahkan pada tahun lepas bulan Mei 2024. Satu tindakan yang terpuji, yang kita rasa bukan satu… satu tindakan yang mudah untuk kita menoktahkan miskin dan miskin tegar ini. Er... namun, usaha ini bukan merupakan usaha *one off,* dia adalah usaha berterusan diakui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ianya angka ini akan sentiasa berubah. Kerana miskin dan miskin tegar ini *flat* dia punya subjektif*.* Angka, pendapatan hari ini mungkin kita dianggap bukan miskin. Bila pendapatan yang sama pada tahun depan, mungkin dia telah jadi jatuh miskin, kerana perubahan ekonomi berlaku dan kita maklum perkara tersebut. Cuma, cadangan saya, pandangan saya supaya untuk menambah baik dari daripada kita menguruskan maklumat dan data ini, supaya agensi- agensi yang terbabit yang terlibat dengan angka atau senarai miskin-miskin tegar ini, dapat memberikan maklum balas ataupun memberikan maklumat tersebut membekalkan maklumat tersebut kepada pihak kami Ahli-ahli Dewan.

Dari masa ke semasa secara berkala 3 bulan sekali ke setahun 2 kali ke. Kami nak… nak dapat jugak maklumat mereka di kawasan saya. Contoh Beserah Yang Amat Berhormat sebut ada 4 er… (KIR) yang berada dalam senarai miskin tegar sekarang. Realitinya di kawasan saya itu, lebih daripada angka tersebut. Kerana kita melihat dan kita melalui bersama dengan rakyat dan masyarakat menilai, kelompok-kelompok ini yang boleh kita kata supaya tak cukup makan, miskin tegar, tapi bukan 4 keluarga sahaja. Jadi, maknanya data ataupun maklumat tersebut perlu dikemas kini dan perlu di… di… diberikan *reflect the real situation,* dengan izin. Perlu menggambarkan situasi sebenar, baru kita rasa kita berada dalam *track* yang betul dan lebih cepat lebih efisien. Maknanya kalau kami contohnya…

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Saya ingin menjelaskan sedikit saya rasa ada kekeliruan di sini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat minta duduk.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Contohnya untuk kita menoktahkan miskin tegar ni, kita ambik tarikh sehingga 30 Mei contohnya. Di negeri Pahang ada 1,000 miskin tegar. Sehingga 30 Mei dan kebetulan sehingga 30 Mei tu didapati daripada 3 sumber er... Jabatan er... Kebajikan Masyarakat, SDO dan sebagainya, ada 4 daripada Beserah sehingga 30 Mei, tetapi pada 1 Jun sehingga bulan seterusnya mungkin ada lagi. Jadi kita *lock* dulu, kita selesaikan yang tu dulu bukan bermaknanya setakat 4 orang je tidak. Selepas 30 Mei tu ada lagi. Sebab tu yang kita katakan dalam istilah untuk menoktahkan miskin tegar, dia panggil dia gunakan bahasa *lock*. Kita kunci dulu 4 orang ni yang mesti kita *settle*kan dulu. Tetapi selepas 30 Mei, pastinya ada lagi yang miskin tegar ni. Mungkin 4, mungkin 10, mungkin 2 dan sebagainya. Makna dia berterusan sepertimana kata Yang Berhormat tadilah dia sangat objektif dan miskin tegar ni tidak akan dapat kita hapuskan secara kosong. Terima kasih, Dato' Sri Speaker.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Amat Berhormat.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Teruskan Yang Berhormat, ya.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sebab itu cadangan saya tadi supaya kami ada rujukan siapa yang telah ada dalam senarai tersebut. Sekiranya orang yang datang jumpa kami, mengadu pada mana-mana pihak. Kami rujuk senarai, nama dia dah ada dalam senarai yang akan diusahakan oleh Kerajaan Negeri untuk keluarkan dia daripada miskin tegar. Jadi kita boleh maklum kepada dia. Jangan bimbang, Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk bantu. Jadi, kita harap gitu. Kalau tak ada…

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, mintak pencerahan sikit.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Kena tambah masa Yang Berhormat.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Contohnya, kerajaan dalam data kerajaan ada 4 di Beserah ini yang miskin tegar. Mengikut catatan daripada ADUN Beserah, ada berapa ramai? Nak tahu.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mengikut daripada angka yang saya terima aduan, saya tak tahu daftar di JKKK dan sebagainya saya tidak ada, tapi yang menerima saya ada lebih kurang 50 nama. Miskin tegar ini, 50 nama yang sentiasa berulang datang untuk mintak bantuan. Yang mengadu, bila kata mengadu beras tak ada, tak dapat makan, susu anak tak beli. Ini mereka yang tidak boleh memenuhi keperluan harian dan jatuh dalam kategori miskin tegar. Kami senaraikan itu mungkin kriteria pihak kerajaan lain. Saya tak pasti.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Mohon celahan Yang Berhormat Speaker. Saya cadangkan Yang Berhormat daripada Beserah untuk bagi borang e-Kasih dan sebagainya. Biar pihak yang bertanggungjawab boleh menilai adakah mereka benar-benar miskin tegar ataupun dikategorikan sebagai miskin dan sebagainya. Kalau…

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Okey boleh… boleh.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Tak… tak pandu mereka untuk mendaftar dan sebagainya…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sorang je yang bercakap. Kita bagi laluan pada Kemayan dan selepas itu Beserah boleh teruskan.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Sebab kalau dok ulang… ulang… ulang benda yang sama kita tak ambil, kita sendiri tak ada inisiatif untuk mendaftarkan masyarakat kita ini di dalam kategori miskin tegar ataupun miskin dan sebagainya. Saya rasa lepas ni mungkin Beserah boleh merujuk dengan pihak ICU dan sebagainya untuk mendaftarkan. Jangan kita hanya bercakap tapi kita tak buat tindakan yang sepatutnya kita buat.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Kemayan, itulah yang kita buat. Tapi kami tidak ada rujukan mereka yang dah ada dalam senarai. Jadi kalau dia dah ada dalam senarai kami kata tak apa dah ada. Kalau tak ada tu yg kita nak bawa kita bantu dia.

(ADUN KEMAYAN - N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Saya rasa tak perlu ada tak ada senarai. Macam ini yang saya amalkan.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat Speaker saya rasa… saya rasa mesej saya sampai.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat… Yang Berhormat Kemayan.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mesej saya sampai dan kita faham apa yang kerajaan sedang buat dan laksanakan. Cuma kita nak tambah baik supaya kami boleh berkhidmat kepada rakyat dengan lebih baik dengan lebih berkesan. Tidak ada *redundancy,* dengan izin, pertindihan. Kami ambil maklumat hantar. JKM dapat borang yang sama 3, 4 orang datang hantar yang sama. *So* bila kita ada rujukan mudah untuk kita. Yang ini belum ada dalam senarai. Kita bagi dia borang MUIP ke borang JKM ke borang apa ke. Kalau dah ada kita biarkanlah. Kita bagi tahu, itu maksud saya, saya nak beralih kepada tajuk lain.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kebawah Duli Paduka Baginda juga telah melahirkan kegembiraan baginda apabila Kerajaan Negeri berjaya menarik pelaburan sebanyak RM7.5 billion pada tahun lepas 2024. Saya ucap tahniah jugak kepada usaha berat, usaha keras daripada pihak kerajaan, agensi terbabit penjawat-penjawat awam yang berusaha untuk nak menarik pelabur supaya datang ke negeri Pahang melabur kerana akan buka ruang ekonomi yang lebih besar kepada kita. Namun, apa yang kita sedang lalui pada hari ini, kesan daripada Perang Dagangan Dunia hari ini *trade war* yang sedang berlaku, kita perlu jangkakan sesuatu yang yang luar biasa bakal berlaku dalam tempoh yang panjang ni. Selagi pemain ekonomi utama dunia ini tidak berubah pengurusan dia dari sudut polisi pedagang… dagangan antarabangsa mereka, kita akan berdepan dengan ancaman dagangan ini sebab mereka adalah merupakan pemain utama di dalam dagangan ini dan juga rakan dagang kita termasuk negeri Pahang di kawasan saya. Kawasan perindustrian Gebeng ini banyak syarikat-syarikat industri-industri yang berurusan dengan USA dalam urusan perniagaan mereka.

Maka tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat kepada seluruh negara hampir seluruh negara memberi kesan dan impak besar kepada dagangan dan juga iklim ekonomi dunia secara menyeluruh dan kita jangka 4 tahun lagi ni. Selagi presiden tu tak tukar. Selagi tulah kita akan berdepan dengan suasana ekonomi yang yang begini tegang dan tidak menentu. Tapi kita perlu lihat ini sebagai satu peluang untuk Pahang kerana apabila dagangan ini ataupun perdagangan antarabangsa ini bergolak, sekatan-sekatan dagangan ini berlaku akan ada ruang untuk kita mengisi kekosongan tersebut. Contohnya, kalau negara China dengan Amerika dari sudut dagangan mereka bergolak, Amerika tak nak beli barang daripada China, maka kita ada ruang untuk mengisi kekosongan barangan tersebut. Maka kita perlu lihat apakah jenis barangan dagangan yang boleh kita ambil dengan ada kekuatan kita di sumber-sumber yang ada sekarang supaya kita boleh isi kekosongan tersebut. Maka saya

ingin mencadangkan supaya Pahang mengambil peluang ini dengan mengambil beberapa langkah.

Yang pertama, kita perlu menerokai rakan dagang baru. Terutamanya di kawasan ataupun di negara-negara yang kita dulu mungkin negara ketiga Afrika, Asia Barat, Amerika Selatan contohnya. Ataupun negara-negara yang kita lihat ada potensi untuk kita terokai pasaran mereka. Sebab bila tarif ini dikenakan kepada kita barang-barang kita, minyak sawit, bakalan elektronik, semua itu akan jadi tidak tidak kompetitif. Harga dia akan jadi lebih mahal di negara tersebut. Maka kita kena orang sana tak nak beli dah. Bila orang sana tak nak beli *demand* akan jadi kurang. Maka bila *demand* kurang kilang-kilang akan mengurangkan pengeluaran. Bila kilang-kilang kurangkan pengeluaran, pekerja-pekerja akan diberhentikan ramai. Yang ini kesan dia, maka kita perlu cari alternatif ini, *explore…* teroka pasaran baru.

Yang kedua, kita kena tambah baik infrastruktur dan juga jalinan logistik kita supaya kita jadi lebih efisien dan kos efektif supaya orang gunakan logistik dan infrastruktur yang kita ada ini. Contoh, kita ada Pelabuhan Kuantan. Makna dia akan mengeksport barangan melalui kawasan ataupun pelabuhan yang kos efektif. Jadi, kita boleh berdaya saing dengan bila kita menghantar barangan, kos pengangkutan akan jadi lebih rendah. Maka barangan yang kita keluarkan juga kos kepada negara lain juga akan lebih rendah.

Yang ketiga, kita kena saya, saya setuju apa yang di dimaklumkan oleh EXCO tadi tentang usahawan-usahawan kecil dan sederhana ini, maka kita perlu *push* mereka perlu… perlu tolak dan bantu mereka lebih… lebih besar selepas ini kerana produk-produk PKS inilah yang akan menjadi barangan utama untuk kita pasarkan ke pasaran dan menerokai pasaran-pasaran baru.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Di kawasan saya juga sedang rancak pembinaan ECRL di kawasan Perindustrian Gebeng, di Cherating dan sebagainya. Saya ucap tahniah dan terima kasih kerajaan negeri beri tumpuan dan fokus dan saya dapati ECRL ini berada dalam *track* yang yang bagus. Maknanya *on track* lah untuk siap pada hujung tahun ini dan beroperasi tahun depan. Cuma saya, saya ucap tahniah jugak dengan penubuhan Akademi Rel Pahang itu, pelancaran. Saya harap supaya ada MoU dengan ECRL dengan Akademi Rel Pahang ini. Saya harap dan saya yakin akan ada jadikan ECRL sebagai sumber… punca pendapatan dan pekerjaan rakyat tempatan yang berkualiti sebab masa fasa pembinaan ini kita faham dia nak cepat dan dia nak kos murah dan sebagainya. Ramai tenaga-tenaga luar… tenaga-tenaga asing digunakan. Tapi bila dah beroperasi dengan adanya Akademi Rel Pahang ini, kita mampu membekalkan keperluan mereka dan mereka perlu jadikan ini sebagai pilihan utama produk daripada Akademi Rel Pahang jadi pilihan utama untuk bekerja dengan mereka… operasi harian akan menghasilkan peluang pekerjaan yang berkualiti kepada rakyat negeri Pahang. Insya-Allah, dengan adanya ECRL

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Celah sikit, celah sikit.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Kena tambah masa ni Yang Berhormat Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tambah tu kita tambahlah macam main bola kan? Tambah dia berapa *injury time*.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Beserah bangkit isu yang pekerjaan untuk *ECRL*. Memang kita ambil budak kita hantar ke *training*. Sekarang kita kerja dengan Pahang Skill *ECRL* tengah cari budak okey. *So* kalau kita buat iklan, tak ramai yang mari *interview*. *So,* tolonglah kalau Berserah boleh tolong cari budak-budak pergi *interview* dekat Pahang Skill. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita… kita tambah 15 saat. Tanya 15 saat. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Boleh… boleh maknanya kami... kami *offer*. Kami buka pintu saya sendiri terutama sekali buka pintu sebarang bentuk perkara promosi yang apa yang perlu dibantu oleh daripada pihak kerajaan. Sila, kami alu-alukan sangat. Kami memang nak berkhidmat dalam apa sahaja. Kalau kata ada masalah, apa minta bantuan kita akan bantu. Insya-Allah kita boleh buat terima kasih

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Teruntum. Sila sambung.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya... saya lihat yang ini wakil yang ini Beserah ini. Dia macam Wakil Kerajaan pulak [Ahli Dewan ketawa]. Tapi sebenarnya ini, saya tertarik tadi saya dengar ini ucapan daripada Berserah, Beserah nampak gaya beliau bagi ucapan tu dia bagi cadangan-cadangan. Saya dengar tadi bagus cadangan dia. Mana satu, dua, tiga *very objective*. Hanya saya masih menunggu itu dia dah beralih ke *ECRL*. Maknanya bagaimana nak bantu supaya kita ambil kesempatan untuk merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi. Dan er... saya mohon apa kiranya pandangan daripada Beserah. Kalau saya masukkan cadangan nombor 4 iaitu kestabilan politik, penting dalam mana-mana pelabur dia akan lihat bagaimana keadaan politik di negara yang nak dia melabur. Jadi oleh kerana kita ini, orang kata dalam suasana yang dihimpit oleh era ini apa Trump 2.0*,* maka kita kena lebih objektif, janganlah ada di kalangan kita. Misal contohnya di kalangan ahli-ahli politik yang *run down the government,* dengan izin dengan meletakkan rejim zalim ha... rejim zalim. Saya ingat yang ini tidak membantu. Jadi pandangan saya mana mungkin boleh juga mendapat sedikit input daripada Beserah.

Saya rasa er... tindakan yang sebegini tidak membantu dalam usaha untuk menarik pelabur.

Kalau kita… kita memberikan perspektif yang negatif seolah-olah kerajaan ini tidak mesra kerajaan yang ada pada hari ini tidak mesra pelabur. Dengan tohmahan-tohmahan, label-label seperti mana yang saya nyatakan rejim zalim er... Kerajaan Pahang. Jadi apa pandangan apa nama Beserah?

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya setuju. Macam kerajaan, apa Wakil Kerajaan kata kerajaan sekarang ini tak stabil ke apa? Kerajaan stabil, jangan bimbang. Kestabilan kerajaan adalah perkara yang utama untuk menarik pelabur. Itu memang betul, jadi kerajaan kita ada hari ni stabil dah. Jangan bimbang kerajaan apa ini.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Maksudnya tolong bantu. Jadi kalau sekiranya kita dalam politik memang kita berpolitik, tapi jangan *run down* ini kerajaan dengan negeri yang kita cintai ini dan kesannya kepada kepada rakyat jelata. Ekoran daripada *missinformation* dipanggil dengan izi*n, disinformation* ataupun *missinformation* jadi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Disinformation.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Disinformation, jadi kalau boleh itu minta er... apa nama rakan... ADUN Beserah beritahu dengan rakan-rakan pembangkang supaya tidak menakut-nakutkan ini apa nama pelabur dan dengan ini kecaman dan tohmahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila teruskan Beserah. Jadi saya nak minta Beserah teruskan hingga habis.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih, terima kasih tak apa. kita terima, kami taklah berguling-guling sampai berguling dan sebagainya. Kami rasa itu perkara biasa bila kita ber... berpolitik [Ahli Dewan ketawa]. Saya cuma nak… nak... nak... nak tambah satu lagi untuk... untuk kawasan saya yang... yang penting jugak untuk menarik pelabur dan infrastruktur dan juga logistik ini. Kuantan *Airport* yang diumumkan baru-baru ini. Kami juga nak... nak dapatkan maklumat, apakah status pembinaan Kuantan *Airport* yang baru di dalam kawasan itu? Sebab setakat hariini kita tak nampak lagi apa yang sedang berlaku di lapangan sana.

Yang seterusnya, Yang Berhormat Kebawah Duli juga menyentuh tentang infrastruktur dan jalan raya. Saya ucap terima kasih kepada pihak kerajaan. Jalan di kawasan saya itu daripada sempadan sampai ke Sungai Ular itu nampak baru. Alhamdulillah, *line*

pun baru daripada bandar ke Beserah - Pelindung itu baru tapi setengah-tengah itu lama lagi daripada Sungai karang sampai Balok tu dia tak buat jadi peliklah sikit er... tapi…

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, kalau dah siap semua sekali mungkin tak perlu dah YB Beserah. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU)

Tak de masalah lagi benda ini sebab ini untuk rakyat. Maknanya bila kita kata, bila kita kata sekarang ni dia buat daripada sempadan sampai separuh jalan daripada bandar sampai ke Batu Hitam ialah sebab itu kita tahu itu orang PMX datang nak buat jamuan raya. Jadi siang malam ini orang kerja siapkan tapi daripada Batu Hitam sampai ke Balok ke Pelabuhan itu lama lagi masih bermasalah tidak selesai. Jadi, saya harap perkara ini boleh di... diberikan perhatian terutama sekali yang kritikal. Aduan yang kita terima daripada pegawai TLDM di Tanjung Gelang, laluan anggota dan juga pegawai-pegawai TLDM ini bukan sahaja rosak, gelap dan sering mendatangkan kemalangan kepada anggota. Jadi anggota TLDM kita ini bukan cedera sebab perang, cedera sebab kemalangan jalan raya. Yang ini kita tak nak, jadi kalau boleh jalan di kawasan itu diberikan perhatian dan juga dapat diperbaiki.

Kemudian dalam masa yang sama, kita jenguk tengok-tengok dari sudut pokok-pokok lama kawasan-kawasan saya ini banyak orang tanam pokok dulu tepi jalan besar, lama dan... dan dah reput banyak. Diharap ianya dapat diberikan perhatian dan tindakan supaya tidak menimbulkan kemalangan ataupun kesan yang boleh mengancam nyawa. Sepanjang jalan daripada Beserah, Pelindung itu sampai ke sempadan Chendor itu, banyak pokok-pokok tua dan lama yang perlu kita berikan perhatian. Banyak kemalangan berlaku disebabkan oleh pokok tumbang dan sebagainya.

Seterusnya, saya juga ingin mengangkat satu isu ancaman anjing liar juga sepertimana rakan Pulau Manis saya dulu er... semalam juga semakin terkesan di Beserah. Bulan lepas kita ada tiga kes serangan anjing liar di kawasan saya yang melibatkan dua kanak-kanak cedera parah masuk hospital dan kita dapati bahawa anjing-anjing liar ini bukan sahaja di kawasan perumahan tapi dah sampai ke kawasan pantai dan mengganggu mereka yang beriadah, berekreasi keluarga, anak-anak kecil dan sebagainya. Maka saya harap ada... ada tindakan drastik diambil oleh pihak berwajib.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh 2 minit lagi untuk gulung.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Pihak berwajib untuk membantu mencegah dan mem... membanteras ancaman anjing liar. Maka saya cadangkan gini pihak berwajib mungkin pihak berkuasa tempatan libatkan *NGO-NGO* ini. Saya faham dilema mereka bila nak bertindak. Ada… ada *NGO* pencinta alam, pencinta alam… pencinta haiwan ini yang menghalang. Tapi kita harap

kita libatkan mereka di dalam membanteras ancaman anjing liar ini supaya mereka sama-sama membantu kita. Bagaimana nak banteras? Supaya kita tangkap, kita *sterilize*kan dia, *neutering kan* dia, apa ini mandulkan dia. Lepas tu kita tanda *marking* dia. Kita tahu dekat mana kita lepas. Kita tahu anjing yang kita dah tangkap ini dia berada di mana.

(ADUN TRAS- N.07)
YB TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI

Boleh mencelah?

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat tambah seminit lagi.

(ADUN TRAS- N.07)
YB TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI

Tak saya… saya cuma nak… nak bagi tahulah kalau dimandulkan saya rasa pencinta haiwan… pencinta-pencinta haiwan akan keluar.

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Tak apa kita libatkan mereka. Biar dia, biar dia jaga anjing ini. Kalau dia tak nak mandulkan nak bertambah membiak bagi mereka. Sebab kita ada *Shelter Homes* ke, untuk binatang ke kita sediakan. Mana pihak PBT sediakan rumah atau tempat perlindungan haiwan-haiwan ini bila ditangkap. Lepas tu *plan*lah apa nak buat, *plan* supaya dia tidak mengganggu orang awam tidak mengganggu ketenteraman dan juga keselamatan orang awam dan ini akan jadi semakin serius. Kalau kita tidak ambil tindakan yang segera dan drastik.

Akhir sekali… akhir sekali saya juga ingin bertanya tentang status. Saya difahamkan bajet telah diluluskan pada tahun 2014, 10 tahun lepas. Pembinaan Sekolah Kebangsaan, Jenis Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Jeram di kawasan saya sampai hari ini kita tak nampak lagi apa ini perkembangan status tanah pun masih lagi berada dalam pertikaian, katanya. Jadi, saya harap ada jawapan daripada pihak kerajaan. Bagaimana kita nak er... mengatasi isu dan juga perkara berkaitan dengan Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil ini di kawasan saya, memang anak murid dia tak ramai tapi mereka duduk dalam… belajar dalam keadaan yang tidak selesa, tidak kondusif. Dalam kontena, mereka terpaksa belajar dalam keadaan itu, maka kita perlu melihat dan menilai sebagai kerajaan yang prihatin. Bagaimana kita boleh…

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker, celah sikit, satu saje nak tanya ADUN Beserah. Populasi penduduk India kat situ berapa ramai Beserah tu? Terima kasih.

(ADUN BESERAH -N.12)
YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dia tak ramai. Saya pun tak pasti berapa angka dialah, tak ramai tapi mereka ada. Tak ramai tapi mereka ada. Jadi kita… kita harap ada… ada sedikitlah. Bagaimana kita nak… nak… nak orang kata selesai dan bantu menyelesaikan masalah ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya rasa sekali lagi sebagai menggulung perkara ini, pihak saya Beserah ucap terima kasih dan tahniah kepada kerajaan di atas segala usaha dan ambil pandangan saya ini sekiranya bersesuaian dan bertepatan untuk dipertimbangkan. Dan jika sekiranya perlukan sebarang perkara yang berkaitan dengan isu berkaitan dengan perkhidmatan kepada rakyat, kami semua bersedia untuk membantu. Jadi itu sahaja daripada saya, saya dengan ini menyokong usul menjunjung titah kepada Kebawah Duli Paduka Baginda. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil Beserah. Sekarang kita jemput wakil daripada Tanah Rata.

(ADUN TANAH RATA-N.01)
YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, salam sejahtera. Saya merakamkan ucapan menjunjung kasih ke atas titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Pertama sekali, izinkan saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar kerana telah mencatat pencapaian yang sangat membanggakan dengan memperoleh kutipan hasil negeri sebanyak lebih daripada RM1 bilion untuk 3 tahun berturut-turut iaitu *hattrick.* [Ahli Dewan menepuk meja]

Pencapaian ini membuktikan komitmen yang sangat tinggi, dedikasi dan keberkesanan tadbir urus kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Maka dengan adanya hasil negeri yang kian meningkat, pelbagai inisiatif yang membantu rakyat negeri Pahang dari bayi, pelajar, anak muda, wanita hingga ke warga emas semua menikmati manfaat daripada Kerajaan Negeri Pahang.

Dato' Sri Speaker,

Kita sedia maklum bahawa sektor pertanian merupakan salah satu sektor terpenting dan tumpuan pembangunan utama di negeri Pahang. Berdasarkan statistik tanaman, negeri Pahang mencatatkan jumlah pengeluaran sayur-sayuran yang tertinggi antara semua negeri pada tahun 2024 iaitu kira-kira 474,000 metrik tan ataupun 37.8% daripada jumlah pengeluaran sayur dalam seluruh negara.

Pada masa yang sama, daerah Cameron Highlands merupakan antara kawasan pertanian terbesar yang membekalkan sayur-sayuran ke seluruh negara untuk… dan untuk tujuan eksport. Walau bagaimanapun, terdapat keluhan daripada para pekebun bahawa harga sayur adalah tidak stabil dan selalu rendah dalam beberapa tahun ini dan ia meningkatkan faktor ketidaktentuan dan risiko kepada sektor penanaman sayur-sayuran khususnya kepada pekebun yang kecil dan sederhana. Meskipun pasaran sayur-sayuran secara amnya adalah berdasarkan kepada pasaran bebas.

Salah satu faktor yang mungkin juga menyebabkan harga sayur kekal rendah adalah jumlah sayur import yang tinggi. Sekiranya kuantiti sayur tempatan di pasaran adalah mencukupi atau hampir mencukupi, jumlah sayur import yang terlalu tinggi dan selalu ditetapkan pada harga yang amat rendah akan membawa gangguan kepada pasaran.

Walaupun pada jangka masa pendek, pengimportan sayur akan membantu mengawal harga sayur tetapi pada jangka masa yang panjang akan mewujudkan saingan yang tidak sihat dan tidak seimbang terhadap penghasil sayur tempatan. Justeru, saya menyeru Kerajaan Negeri bersama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi berkenaan untuk mengkaji secara teliti dan menyeluruh sejauh mana kesan sayur import mendatangkan impak terhadap harga sayur tempatan. Saya turut menyeru kerajaan untuk mengkaji mekanisme agar pengimportan sayur boleh dibuat secara sistematik, terkawal dan berdasarkan data pasaran dan tidak mengundang kepada saingan yang terlalu ekstrim sehingga memudaratkan sektor pertanian tempatan.

Dato' Sri Speaker,

Keduanya, saya menyambut baik dan menyokong sepenuhnya perancangan Kerajaan Negeri yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar untuk membangunkan *Artificial Intelligence Data Center* (AIDC) khususnya sebagai platform baharu perniagaan secara atas talian berasaskan produk pertanian. Saya berharap bahawa maklumat lanjut akan diumumkan pada masa yang akan datang dan saya amat berharap bahawa dengan membangunkan pusat data *Artificial Intelligence* yang memberi fokus kepada sektor pertanian ia akan menjadi pemangkin kepada transformasi sektor pertanian ke arah pertanian pintar dan membantu merancakkan penggunaan teknologi pertanian digital (DAT) yang mampu meningkatkan produktiviti pertanian, efisiensi, daya saing dan juga kemampanan sektor pertanian.

Demi memastikan pembangunan pusat data dapat memberi impak besar dan membantu mentransformasikan sektor pertanian, infrastruktur asas digital amat diperlukan demi mempertingkat keterhubungan luar bandar atau *rural connectivity* termasuk kawasan pertanian yang biasanya terletak jauh dari kawasan pekan dan bandar.

Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana telah menambah dan mempertingkat infrastruktur seperti menambah dan membina menara telekomunikasi, memperkenalkan perkhidmatan internet satelit di kawasan pedalaman seperti kawasan pertanian Cameron Highlands. Saya juga berharap agar usaha ini akan terus dipertingkatkan dan saya ingin menarik perhatian agensi kerajaan seperti MCMC dan agensi kerajaan berkenaan terhadap isu perkhidmatan talian dan internet yang sering terputus dalam beberapa bulan ini di kawasan pertanian seperti di kawasan Lembah Bertam, Kawasan Batu 49 Kuala Terla, Cameron Highlands.

Dato' Sri Speaker,

Selain daripada pusat data yang berorientasikan sektor pertanian, saya juga amat menyokong perancangan Kerajaan Negeri Pahang untuk menarik minat pelabur untuk membangunkan pusat data berskala besar yang mungkin boleh dijadikan sebagai teras utama bagi merancakkan pembangunan teknologi kecerdasan buatan AI.

Memandangkan negara Malaysia telah kian muncul sebagai hab pusat data terbesar di Asia Tenggara, negeri Pahang saya percaya juga boleh merebut peluang keemasan ini dengan menunjukkan komitmen negeri terhadap inovasi teknologi. Semestinya,

langkah ini akan membantu merancakkan pertumbuhan dalam ekonomi digital yang juga boleh membawa impak limpahan dan mewujudkan peluang pekerjaan yang bernilai dan berimpak tinggi demi golongan anak muda.

Antaranya sektor seperti kejuruteraan rangkaian dan system, keselamatan siber, pengurusan data dan analitik besar, *big data*, kecerdasan buatan AI dan automasi, penyelenggaraan teknikal dan kejuruteraan elektrik atau mekanik dan sebagainya. Semua berpotensi untuk turut berkembang dan melahirkan peluang pekerjaan yang menawarkan gaji yang lumayan.

Dato' Sri Speaker,

Isu ketiga yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan Yang Mulia ini adalah cadangan untuk meningkatkan sektor ekopelancongan di Cameron Highlands yang kini menjadi tarikan bukan sahaja kepada pelancong tempatan tetapi juga kepada pelancong luar negara termasuk pelancong Eropah.

Antaranya Gunung Irau, Gunung Siku dan sebagainya menjadi pilihan yang semakin popular. Demi memudahkan pelancong luar negara untuk mengakses dan memohon permit mendaki gunung, saya mencadangkan agar laman web Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan terutamanya bahagian sistem *e-Ecopark* dipaparkan juga dalam pelbagai bahasa terutamanya Bahasa Inggeris. Selain itu, kaedah bayaran juga perlu ditambah agar pelancong luar negara ini boleh membuat bayaran *fee* dengan menggunakan pilihan seperti *Visa, MasterCard, American Express* dan sebagainya.

Hal ini demikian kerana pelancong luar negara sekarang tidak boleh membuat permohonan secara atas talian dan perlu hadir ke pejabat hutan sama ada sendiri atau melalui pemandu pelancong dan sebagainya. Di samping itu, *Mossy Forest* juga merupakan salah satu tarikan ekopelancongan kerana mempunyai panorama yang hijau, kawasan berlumut, berkabus, suhu yang lebih rendah. Walaupun ia adalah satu tarikan yang kian mendapat perhatian daripada pelancong dalam dan luar negara, saya dimaklumkan bahawa pejabat hutan akan menutup *Mossy Forest* pada tempoh tertentu seperti musim perayaan hari raya. Walaupun ia adalah munasabah kerana pegawai juga perlu bercuti pada hari raya. Pada masa yang sama, ramai pelancong juga memilih tempoh tersebut untuk mengunjungi Cameron Highlands dan khususnya *Mossy Forest*.

Maka saya cadangkan supaya beberapa hari ini boleh diumumkan sebagai hari percuma atau rumah terbuka *Mossy Forest* agar pelancong boleh meneruskan perancangan mereka dan tidaklah kecewa apabila mendapati *Mossy Forest* ditutup ataupun kerjasama dengan pemain industri tempat juga boleh dipertingkatkan agar *Mossy Forest* kekal dibuka pada tempoh tersebut.

Yang Berhormat Speaker,

Susulan daripada lawatan Presiden China ke Malaysia, pelbagai MoU telah ditandatangani dan negara Malaysia dengan China bersetuju melanjutkan program pengecualian visa bagi tempoh 90 hari secara bersama untuk tempoh 5 tahun lagi. Program pengecualian visa ini dijangka akan meningkatkan jumlah pelancong China ke Malaysia termasuk negeri Pahang.

Oleh itu, saya menyeru Kerajaan Pahang untuk merebut peluang keemasan ini dengan mewujudkan persekitaran pelancongan yang lebih mesra pengguna selain daripada infrastruktur iaitu contohnya menawarkan pelbagai pilihan bahasa dalam

laman web pelancongan termasuk bahasa Mandarin untuk menarik minat lebih ramai pelancong China untuk mengunjungi laman web dan berminat untuk melawat ke pelbagai destinasi pelancong di negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Isu keempat adalah cadangan untuk membina sebuah balai bomba di kawasan Kampung Raja, Cameron Highlands. Kini Balai Bomba dan Penyelamat Daerah Cameron Highlands adalah terletak di Brinchang iaitu dengan jarak kira-kira 16 kilometer daripada kawasan Kampung Raja. Jaraknya terlalu jauh untuk mengambil tindakan kecemasan sekiranya berlaku kebakaran atau sebarang kejadian yang tidak diingini dan kesesakan lalu-lintas mungkin juga menambah lagi kesukaran bagi pihak bomba.

Maka saya berharap agar pihak kerajaan akan mempertimbangkan cadangan ini dengan mengkaji lokasi yang sesuai termasuk tanah lapang berhampiran Taman Desa Corina, Kampung Raja yang mungkin sesuai untuk dijadikan sebagai tapak balai bomba yang baharu.

Yang Berhormat Speaker,

Keharmonian masyarakat dan perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia dan khususnya di negeri Pahang menjadikan negeri Pahang sebagai negeri yang kian maju, kian progresif dan menjadi kebanggaan kita semua. Dalam apabila kita berdepan dengan persekitaran luaran dan geopolitik yang semakin mencabar, kita tidak boleh lagi terperangkap dalam retorik perkauman dan politik sempit yang hanya merosakkan perpaduan dan memudaratkan keharmonian rakyat seterusnya membawa impak yang besar, negatif terhadap pembangunan sosial dan ekonomi negeri Pahang.

Saya berbangga bahawa perbahasan dalam Sidang DUN Negeri Pahang selama ini secara *general*nya adalah profesional dan matang. Rata-ratanya Ahli-ahli Yang Berhormat berbicara berdasarkan fakta, data dan hujah yang bernas. Janganlah kita sesekali mencontohi sifat seorang ketua pembangkang yang baru-baru ini digantung oleh dewan dalam sesebuah negeri kerana asyik menabur fitnah dan memainkan sentimen perkauman tanpa rasa segan dan malu sama ada dalam dewan atau di luar, beliau telah membuat pelbagai tuduhan liar, contohnya menuduh Menteri KPKT hadir satu program di mana bendera China dikibarkan.

Pada hakikatnya yang mengibarkan bendera China adalah warganegara China. Apabila disaman, beliau mohon maaf. Nanti selepas itu, beliau pula menuduh Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh kerana *surname* dia adalah Yeoh, maka dia adalah anak kepada seorang pemilik syarikat di mana ia juga ada *surname* Yeoh. Ini juga fitnah. Apabila nak disaman, surat saman dihantar, beliau mohon maaf lagi. Itu sebab beliau digantung oleh dewan.

Sebagai Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat, kita perlu memikul amanah dan tanggungjawab untuk memberi cadangan penambahbaikan, mempersoal, malahan boleh mempertikai dan membahas sesuatu polisi melalui perspektif yang konstruktif demi manfaat seluruh rakyat tetapi tuduhan liar terutamanya yang berunsur perkauman hanya akan mengeruhkan keadaan, mewujudkan ketidakpercayaan dan prasangka buruk yang melampau, akhirnya merosakkan keharmonian dan perpaduan masyarakat. Buang yang keruh, ambil yang jernih. Saya harap agar negeri Pahang akan terus kekal menjadi teladan kepada semua negeri dengan kita meningkatkan

tahap diskusi politik, menolak politik fitnah dan pembohongan dan kebencian demi mempertahankan keharmonian, perpaduan dan pembangunan negeri.

Dengan ini, saya menyokong Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Yang Berhormat Tanah Rata ni menjadi ADUN pada umur 26 tahun ya? 27 tahun. Seterusnya kita pergi kepada wakil daripada Damak.

(ADUN DAMAK – N.10)
YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

(Ayat al-Quran). Assalamualaikum WBT (Bacaan dalam Bahasa Arab). Terima kasih YB Speaker kerana memberikan ruang untuk saya untuk sama-sama berbahas Titah Diraja di dalam ketika merasmikan Sidang DUN Pahang kali ini. Saya tak pasti apakah ini kebetulan berkaitan dengan cerita yang telah disampaikan oleh MB tadi berkaitan dengan gajah tadi. Jadi, mula-mula sebut Tanah Rata kemudian Damak tadi dia sebut. Jadi, yang satu…

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

*The moral of the story*nya ialah cerita tersebut untuk kita kaitkan dengan pemikiran luar kotak. Maksudnya walaupun pertandingan tersebut dikatakan mengangkat kaki gajah tetapi sebenarnya untuk membuat kaki gajah tersebut terangkat, kita kena pergi cara lain. Kalau pergi ngangkat kaki gajah tu tak terangkat. *So*, mamat yang besar ADUN Tanah Rata tadi dia membuat pemikiran luar kotak. Dia buat *study* yang boleh membuat kaki gajah terangkat hanyalah dengan menjentik telur dia, ha… itu membuat kaki gajah terangkat dan… dan yang kedua ada dia ada episod kedua pulak. Episod kedua tersebut sebab di Stadium Merdeka tu ramai dan ada protes daripada orang lain daripada Korea, Jepun dan sebagainya mengatakan dia cuba nak sabitkan teknikal sebab dia tak menang dan mamat daripada Malaysia ni dia setuju dan dia kata buat pertandingan lain. *So,* penganjur mengatakan kita buat pertandingan nak buat kepala gajah. Macam mana nak buat kepala gajah berpusing? Kan? Semua setuju. Di akhir cerita, semua gagal tapi sebab mamat ni jadi cerdik, orang Malaysia ni cerdik, dia mudah je. Dia pergi dia pusing-pusing, dia pergi kat telinga gajah dan dia kata, "Jah… Jah engkau nak kena jentik telur lagi tak?" "Tak nak dah, dia kata". [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN DAMAK – N.10)
YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

YB Speaker, saya harap boleh tambah dua minit ni sebab… [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dua minit.

(ADUN DAMAK – N.10)
YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Kerana ada mungkin *part* 3 cerita tadi tu. Cuma mungkin yang saya nak kaitkan kaitan Tanah Rata dengan Damak ni walaupun mungkin orang kata kurus tu penyakit, badan besar pun penyakit tapi yang penting Tanah Rata daripada Cameron Highlands, Damak daripada Jerantut. Dua-duanya adalah Bandar Paling Bahagia di negeri Pahang.

YB Speaker,

Saya mengambil kesempatan ini menjunjung kasih di atas Titah Diraja yang telah disampaikan pada hari Jumaat yang lalu, yang mana bagi saya ialah mencerminkan satu sikap prihatin, bijaksana dan tegasnya seorang raja yang sudah pasti seluruh rakyat di negeri Pahang ini mengasihi dan menyayangi Raja kita. Malah, apa yang membanggakan kita sebenarnya bukan di Pahang sahaja tetapi berdasarkan kepada Tuanku yang sering bersama-sama dengan rakyat dan sikap Tuanku yang sangat tegas dalam isu yang berkaitan dengan pencerobohan tanah. Dia telah menjadi bualan di seluruh negara kita. Jadi, ini merupakan satu yang sangat membanggakan kita sebagai rakyat negeri Pahang.

YB Speaker,

Saya sebenarnya ingin mengambil kesempatan juga untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Sri DiRaja dan juga Kerajaan Negeri Pahang yang di atas pencapaian ekonomi yang cukup baik dan sudah pasti ia dapat menyalurkan manfaat dengan pelbagai insentif kepada rakyat negeri Pahang dan antara yang boleh kita sebut ialah berkaitan dengan Projek Perumahan Negeri Pahang yang telah dibahaskan dengan pelbagai projek yang memberikan manfaat kepada rakyat yang berkelayakan.

Jadi, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana menunjukkan ketegasan dalam isu-isu yang berkaitan dengan pencerobohan tanah, sebagai contoh sepertimana yang berlaku di daerah Raub. Damak juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih, ia secara khusus kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ia kerana memberikan sumbangan Ramadan kepada kami sebanyak RM5,000.00 dan kenaikan peruntukan pembangunan projek kecil daripada RM30,000.00 kepada RM60,000.00 seperti yang telah dijanjikan [Ahli Dewan menepuk meja]. Insya-Allah, saya berdoa agar Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja dibukakan hati. Kalau tak boleh pergi berdepan macam gajah dia mungkin kena bisik ke telinga MB agaknya pergi berjumpa dengan dia supaya peruntukan ini dinaikkan, insya-Allah. [Ahli Dewan ketawa]

YB Speaker,

Saya terus kepada perkara yang telah disentuh oleh Tuanku. Ada 11 perkara, cuma saya nak sentuh 3 je kerana kita dah hampir masuk waktu Zohor. Jadi yang pertama, Tuanku ada menyentuh tentang isu infrastruktur. Jadi saya ingin menyentuh tentang isu jalanlah.

Pertamanya ialah berkaitan dengan jalan dari Jerantut ke Batu Balai yang mana walaupun pihak JKR memang bertindak dengan pantas untuk baiki jalan ni tapi dalam tempoh masa yang singkat, jalan antara Jerantut dan Batu Balai ini sering rosak. Ia kerana berdasarkan kepada aduan penduduk dan juga pemerhatian saya banyak lori-

lori bijih dan juga lori sawit serta lori balak yang melalui jalan ini. Jadi diharap mungkin boleh dapat satu pemantauan ya terhadap lori-lori ini, bimbang nanti mungkin ada lori-lori yang lebih muatan. Dan lori-lori besar ni jugak yang menjadi kebimbangan saya. Saya tak pasti apakah dia ada jadual pergerakan dia kerana setengah-setengah waktu puncak sepertimana waktu pagi, ketika ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah, saya terserempak dengan lori-lori trailer yang besar yang turut berada di tengah jalan dan di bandar. Jadi bagi saya, ini boleh merbahaya kepada pengguna jalan raya. Bahkan telah banyak berlaku insiden kemalangan yang melibatkan lori-lori ni dan terbaru pada minggu lepas, 2 orang remaja menaiki motosikal telah berlanggar dengan lori sawit dan telah meninggal dunia. (Ayat al-Quran). Jadi harapannya supaya dapat dipantau situasi ini.

Yang seterusnya, saya ingin menyebut tentang isu jalan juga yang melibatkan Kampung Sungai Lekok ke perkampungan Orang Asal Sungai Kiol. Jadi jalan ini adalah jalan utama bagi penduduk dan merupakan jalan utama untuk ke Pusat Rekreasi Lata Meraung yang terkenal di Jerantut. Jadi jalan ini sudah lama tidak dibaik pulih dan banyak kerosakan berlaku juga. Saya harap ia dapat diberikan perhatian. Seterusnya, Jalan Kampung Sungai Terlang ke Batu Balai yang juga perlu dinaik taraf kerana terlalu banyak kerosakan yang berlaku. Cuma saya ingin merakamkan ucapan tahniah, terima kasih kepada YB EXCO Kerja Raya dan juga pihak JKR ya kerana jalan daripada Sungai Terlang menuju ke Sungai Berjuang yang saya sebut dalam sidang lalu dah dinaik taraf dan alhamdulillah, saya ucapkan terima kasih kepada YB EXCO dan Tok Batin menyampaikan salam kepada YB EXCO. Tok Batin orang Islam, Tok Batin Sudin.

Jadi saya harap mungkin nanti boleh YB EXCO turunlah ke sana. Ia kerana mereka begitu suka kerana jalan yang begitu lama, yang rosaknya. Di Dewan Yang Mulia ini YB Speaker, saya juga ingin membangkitkan isu infrastruktur berkaitan dengan bekalan elektrik TNB di Kampung Sungai Balang, Damak yang mana ada 70 buah rumah di sini dan ada rumah-rumah baru, tetapi bekalan elektrik terlalu rendah dan tidak mencukupi dan ada ketikanya berlaku kerosakan *aircond*, kipas angin dan malah ada berlaku litar pintas di kawasan ini. Jadi diharap juga dapat pihak kerajaan memberikan perhatian untuk diambil tindakan.

YB Speaker,

Perkara kedua saya menyentuh ialah tentang isu tanah rizab Melayu. Jadi saya ucapkan sekali lagi tahniah kepada Kerajaan Negeri. Jadi ada juga orang dia *complain* saya, dia kata YB Damak ni banyak sangat ucapan terima kasih kepada MB kepada Kerajaan Negeri. Bagi saya tidak mengapa yang baik kita ucap terima kasih [Ahli Dewan menepuk meja]. Yang lemah, kita tegur dan insya-Allah peruntukan akan diberikan, insya-Allah. [Ahli Dewan ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang baik kita ucap terima kasih. Yang lemah kita tegur, barulah peruntukan menyalur.

(ADUN DAMAK - N.10)
TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Alhamdulillah, jadi kerana... kita ucap tahniah kerana tanah rizab Melayu telah meningkat daripada 218,000 hektar daripada tahun 1995 kepada 4440.74 hektar. Jadi ini suatu yang membanggakan kita di negeri Pahang. Bagi saya, bila kita menjadi ADUN Pahang, YB di Pahang, berkhidmat di negeri Pahang, saya rasa kita tak

payahlah kita menceritakan negeri-negeri lain, Dewan Negeri lain kerana apa? Kami, walaupun pembangkang kita akan bekerjasama memberikan komitmen 100% untuk sama-sama membangunkan negeri Pahang ini, insya-Allah [Ahli Dewan menepuk meja]. Jadi berdasarkan isu tanah rizab Melayu ini, saya ingin bangkitkan isu yang saya diadukan oleh penduduk kampung bahawa ada tanah rizab Melayu ni disewa kepada yang bukan Melayu ataupun dijual dengan menggunakan proksi, ini yang merisaukan saya. Jadi perkara ini baru dapat dan biasanya saya akan terus berjumpa dengan pihak berkuasa tempatan atau baru dapat saya suarakan dalam Dewan ni menyuarakan kebimbangan kerana tanah ini ataupun kawasan ini dibuat kebun dan juga ada dijadikan stor jentera berat di kawasan tersebut, jadi... dan juga tujuan komersial.

Jadi, saya berharap yang perkara ini dapat dipantau dan disiasat, insya-Allah. Apakah benar perkara itu berlaku dan sekiranya berlaku, kita kena ambil tindakan segeralah supaya tanah Rizab Melayu ini tidak digadaikan dan kerana apa? Kerana tawaran sewa ataupun bayarannya telah begitu tinggi sudah pasti.

Saya juga ingin membangkitkan isu tanah dalam kawasan bandar, jadi saya dimaklumkan ada tanah-tanah yang kita katakan mempunyai lokasi yang begitu strategik telah dipindahkan hak milik kepada syarikat dan individu untuk tujuan pembangunan pusat aktiviti komersial. Tapi sehingga ke hari ini, kawasan-kawasan berkenaan itu tidak dibangunkan. Telah berpuluh tahun sedangkan peniaga-peniaga kecil yang telah terpaksa berpindah kerana kedai diorang dirobohkan dan sudah pasti bila berpindah sedangkan diorang dah berpuluh tahun di kawasan itu dan mempunyai kita kata... pelanggan tetap dalam kawasan yang strategik. Jadi bila pindah ini sudah pasti dia akan menjejaskan perniagaan mereka ini dan ini melibatkan peniaga-peniaga kecil, peniaga sate dan seumpamanya dan perkara ini diadukan *direct* kepada kami.

Jadi, kita harap jugak pihak berkuasa tempatan memberikan perhatian dan begitu juga peniaga-peniaga sate. Ada yang berniaga ni dulu dengan diorang menyewa daripada pihak kerajaan RM70.00, sekarang ini terpaksa menyewa sampai RM500.00 sewanya. Jadi perkara ini, insya-Allah saya sangat berharap ia dapat diberikan perhatian ya, supaya diteliti dan jika ada perjanjian dinilai kembali dan tanah-tanah yang ada tu digazetkan terus ke bawah majlis daerah.

Dan yang perkara ketiga yang terakhir sepertimana yang saya sebut ialah berkenaan dakwah Islamiah, sepertimana dititahkan oleh Tuanku. Saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih khususnya kepada pihak Majlis Ugama Islam Pahang, Jabatan Agama Islam Pahang, Jabatan Mufti dan institusi agama yang mana alhamdulillah di negeri Pahang ini penularan ajaran sesat dapat disekat daripada menular. Jadi dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan dan turut sama Majlis Ugama Islam mengadakan *interview* kepada penceramah-penceramah yang ingin menyampaikan kuliah di seluruh negeri Pahang ini.

Bagi saya, ini satu usaha yang baik supaya ceramah-ceramah yang disampaikan itu benar-benar mengikut disiplin dari sudut akidah Ahli Sunnah Wal Jamaahnya dan juga fekah berdasarkan mazhab Imam As-Syafie. Jadi ini satu perkara yang kita harus puji dan harapan kami perkara ini diperkemaskan lagi dan dipertingkatkan supaya ajaran-ajaran sesat ini dapat dihindarkan. Ini sesuai dengan firman Allah SWT dalam Surah Fussilat, ayat 33, (Ayat al-Quran) yang bermaksud, “dan barang siapakah... siapakah yang lebih baik kata-katanya, daripada orang yang berdakwah yang menyeru kepada Allah SWT dan berbuat baik dan berkata aku adalah kalangan orang-orang Islam”.

Berapa minit lagi YB Speaker?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Habis dah tapi bolehlah bagi seminit.

(ADUN DAMAK - N.10)
TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Jadi akhirnya dalam *point* yang ketiga dakwah ini, saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri khususnya di bawah EXCO Agama. Mungkin kita cadangkan supaya diadakan aktiviti ilmu dan kerohanian khusus kepada penjawat awam yang bertugas di pejabat tanah dan majlis daerah secara bermodul, berkurikulum dan juga berkala supaya apa? Di samping kita mengenakan undang-undang yang ketat, SPRM dan seumpamanya, saya rasa program ilmu dan kesedaran ini patut diberikan supaya mengelakkan terdedah kepada perkara-perkara yang bersifat contohnya pecah amanah dan rasuah ini.

Jadi ini yang disebutkan oleh Tuanku betapa Tuanku amat mengharapkan penjawat-penjawat awam khususnya di Pejabat Tanah dan di PBT ini supaya mempunyai satu jati diri yang tinggi agar kita dapat sama-sama memelihara kebaikan di negeri Pahang Darul Makmur ini. Jadi itu saja ucapan saya Dato' Sri Speaker. Maka Damak menyokong usul menjunjung kasih Titah Diraja. Assalamualaikum WBT. Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Damak menyokong. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Berhormat ataupun wakil yang terakhir untuk perbahasan kita iaitu wakil daripada Sabai.

(ADUN SABAI – N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Salam sejahtera, selamat pagi, salam Pahang 1st. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, barisan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pertama sekali patik menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang sempena Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Sidang Dewan Undangan Negeri Pahang yang Ke-15. Sesungguhnya Baginda Sultan dan seluruh kerabat diraja negeri Pahang membawa naratif baru kepada konsep raja dan rakyat berpisah tiada. Dengan kewibawaan, kebijaksanaan dan keprihatinan yang amat tinggi dan mulia ianya jelas terserlah melalui titah Baginda pada Jumaat lepas.

Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar dan Ahli-ahli Dewan sekalian, Tuanku Baginda telah memberi kredit dan pujian terhadap prestasi ekonomi dan pembangunan negeri yang begitu memberangsangkan di mana negeri Pahang telah mencatatkan hasil kutipan RM1.22 bilion bagi tahun 2024, mengekalkan momentum kutipan negeri melebihi RM1 bilion bagi 3 tahun berturut-turut sejak tahun 2022. Kejayaan berterusan mengatasi rekod dan sasaran kutipan hasil ini kalau dalam dunia pendidikan kita bagi A+. Tahniah dan syabas buat Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan seluruh jentera Kerajaan Negeri atas pencapaian cemerlang ini [Ahli Dewan menepuk meja]. Tahniah dan syabas juga Kerajaan Negeri Pahang pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Sri Raja atas kejayaan terus mentranformasikan negeri kita sebagai negeri yang berdaya maju dengan pelbagai inisiatif ekonomi mampan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri. Hasil negeri dikembalikan semula

kepada rakyat melalui pelbagai inisiatif berfokuskan kesejahteraan rakyat seperti Inisiatif Makmur Pahang, RRP, kad kesihatan, bantuan ibu tunggal dan banyak lagi.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Tuanku Baginda turut menzahirkan aspirasi bahawa sebagai negeri yang maju, negeri Pahang perlu dilengkapi jalinan jalan raya yang sistematik lagi teratur dengan fasiliti yang berpihak kepada rakyat. Menyentuh bab jalan ini saya ingin merakamkan penghargaan warga DN Sabai dan DN Pelangai dengan izin, Yang Berhormat EXCO ADUN Pelangai Dato' Amizar er… kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri atas kelulusan projek Jalan Raya Karak-Simpang Pelangai di bawah Pakej 6 Lingkaran Tengah Utama *Central Spine Road* dengan izin. Projek ini bukan sahaja akan memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya malah berpotensi memacu ekonomi kawasan terbabit.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Baginda Tuanku ketika menyentuh mengenai pengurusan sistem ekologi telah menyarankan Kerajaan Negeri agar memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek tebatan banjir yang telah diluluskan mengikut jadual bagi mengelakkan sebarang musibah dan impaknya yang memberi kesan kepada rakyat. Di kesempatan ini saya menjunjung kasih ke atas keberangkatan Tuanku Sultan Pahang menyantuni mangsa-mangsa banjir di Kampung Karak Setia pada bulan lepas. Tuanku turut bertitah mengutarakan cadangan untuk mengatasi isu banjir di kawasan tersebut dan cadangan Tuanku kini dalam tindakan pelaksanaan er… Jabatan Pengairan dan Saliran JPS. Pengiktirafan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang terhadap ketegasan pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang dalam melaksanakan usaha menjaga hasil bumi negeri amat signifikan di mana ianya boleh berjaya mengatasi ketirisan hasil negeri yang berpunca daripada kegiatan kecurian hasil bumi dan pencerobohan tanah kerajaan di samping memastikan kelestarian sumber alam negeri Pahang. Saya secara umum sahaja Dato Sri, ya.

Janganlah kerana kepentingan politik sempit hukum diketepikan dan perbuatan salah dimuliakan. Demikian titah Tuanku yang menyuarakan rasa kekecewaan Baginda terhadap sikap segelintir pihak yang sepatutnya menghormati dan mematuhi undang-undang. Saya berharap dan memohon kita semua di Dewan Yang Mulia ini sebagai Wakil Rakyat yang memikul amanah dan tanggungjawab terus bersama Kerajaan Negeri Pahang dalam membanteras isu pencerobohan tanah dan ketirisan hasil negeri.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin bagi mengutarakan beberapa isu berkaitan dengan kepentingan rakyat di kawasan DN Sabai. Pertama sekali, berhubung dengan fasiliti dewan serba guna di kawasan DN Sabai ini yang pernah saya utarakan banyak kali dalam Dewan Yang Mulia ini. Saya mewakili penduduk kawasan Sabai bersyukur kerana tapak strategik bagi pembinaan dewan tersebut telah pun er… dikenal pasti dan dimuktamadkan. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato Sri Diraja Menteri Besar Pahang dan juga kepada Yang Hormat Dato' DO Bentong yang menampakkan keprihatinan yang tertinggi dalam isu ini. Tinggal lagi… [Ahli Dewan menepuk meja] tinggal lagi yang penting iaitu kelulusan dana bagi pembinaan dewan berkenaan. Maka saya ingin mohon tindakan Kerajaan Negeri bagi membantu kelulusan dana berkenaan dari Kerajaan Persekutuan yang mana permohonan telah pun dipanjangkan oleh Majlis Perbandaran Bentong ke Kementerian KPKT.

Seterusnya adalah Projek Rumah Mampu Milik bagi golongan B40 yang mana saya pernah suarakan sebelum ini juga dalam Dewan Yang Mulia ini. Isu ini terus menjadi rintihan golongan B40 dan saya bangkitkan di persidangan dewan sebelum ini. Projek-projek perumahan baru bukan sahaja di kawasan Sabai malah saya percaya di seluruh negeri menawarkan rumah kos sederhana dan tinggi di mana ianya di luar kemampuan rakyat golongan berpendapatan rendah, warga kampung, pekerja *estate*, pekerja kilang. Golongan sedemikian memang kurang mampu malah permohonan pembiayaan pinjaman mereka tidak berjaya. Maka perlu ada projek baru dengan tawaran mampu milik dengan skim pembiayaan mampu bayar. Saya mohon Kerajaan Negeri agar mewajibkan pemaju perumahan swasta…. saya ulang ya mewajibkan pemaju perumahan swasta memperuntukkan kuantiti rumah mampu milik ataupun rumah kos sederhana yang sewajarnya dalam projek-projek perumahan baru yang mereka bangunkan.

Kuota rumah kos sederhana rendah perlu dipatuhi dan tidak harus mereka mengambil jalan mudah dengan membayar pampasan atau ganti rugi. Isunya sekarang ialah bila ada syarat yang membolehkan mereka membayar ganti rugi ataupun pampasan untuk mengelakkan mereka daripada membina rumah kos sederhana rendah ini mereka membayar pampasan. Bila mereka membayar pampasan ganti rugi, kebanyakan pemaju swasta ini mendirikan rumah yang harganya tak mampu dibeli oleh golongan yang berpendapatan rendah. Saya harap di kawasan-kawasan luar bandar kalau di Genting Highland itu memang bolehlah mereka bayar pampasan atau ganti rugi tapi di kawasan luar bandar ini syarat ini perlu dipatuhi. Biasanya pemaju perumahan swasta ini memanipulasikan sistem syarat yang kita ada sekarang ini untuk kepentingan mereka dan mereka tidak membina rumah kos sederhana rendah. Saya harap dikaji semula, maka perlu ada projek baru dengan tawaran mampu milik dengan skim pembiayaan mampu bayar. Saya mohon Kerajaan Negeri agar mewajibkan pemaju-pemaju perumahan swasta memperuntukkan kuantiti-kuantiti rumah mampu milik yang sewajarnya dalam projek-projek perumahan baru.

Seterusnya, isu pewartaan tanah simpanan Orang Asli. Di kawasan saya ada tiga perkampungan Orang Asli er… Kampung Asli Orang Ulu Parit, Kampung Asli Aji Kubur dan Kampung Orang Asli Cinta Manis. Ketiga-tiga dalam kawasan DN saya ini saya rasa isu ini sudah dikemukakan oleh sahabat saya ADUN Lantikan dari Jerantut yang hanya fokus pada Jerantut sahajalah. Tapi untuk kawasan saya ini mereka masih sejak saya menjadi ADUN kawasan Sabai ini mereka mengutarakan isu ini masih belum ada pewartaan tanah Orang Asli ini. Saya difahamkan masih belum ada penyelesaian bagi isu berkenaan dan mohon pencerahan Kerajaan Negeri berkenaan perkembangan dan status terkini berhubung isu ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Akhir sekali, ingin saya bangkitkan isu sebuah sekolah Tamil yang mendapat perhatian seluruh negara. Sahabat saya dari Beserah ada menyentuh tentang isu sekolah ini, Sekolah Tamil Ladang Jeram. Saya ucapkan terima kasih kepada Beserah yang telah menyuarakan isu sekolah ini. Masih belum ada penyelesaian. Sekolah kontena dan harapkan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri dapat membantu menoktahkan permasalahan yang wujud sekian lama berhubung dengan SJKT Jeram ini.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Minta… minta…

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Dato' Sri Yang di-Pertua…

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Celah sikit.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Saya mohon…

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Minta celah sikit. Minta celah. Terima kasih Tuan Speaker. Tadi saya ingat nak celah Beserah tapi takut dia tak ada masa. Dan sekarang ini bangkit, saya terpaksa celah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini pun tak ada masa juga. Mencelahlah. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Tuan Speaker. Untuk maklumat semua ya, SetPol Menteri Pendidikan sudah datang pada 16 Februari 2025, 1.30 petang, saya pergi dengan dia ke sekolah SJK apa? SJTK Ladang Jeram… SJKT Ladang Jeram, dan kita telah pusing dekat sekolah itu dan mereka dah… dia dah bawa apa dia, info ini ke balik kepada menteri. Untuk maklumat sekarang, sekolah ini sekarang mempunyai 39 murid sekolah, 20 orang lelaki, 19 perempuan dan 9 orang guru. Okey, *so* perkara ini dalam tindakan pendidikan, Menteri Pendidikan. *So*, saya haraplah nanti kita ada jawapan dari Menteri Pendidikan. Sekian, terima kasih.

(ADUN SABAI - N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Terima kasih kepada Teruntum yang menjadi orang perantaraan antara Kementerian Pendidikan dengan Kerajaan Negeri berhubung isu ini ya. Saya tak ada isu lain untuk dibangkitkan. Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Titah Diraja. Maju Terus Pahang. Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Untuk hari ini, saya perhatikan seramai 5 orang ahli telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya ucapkan ribuan terima kasih. Insya-Allah, persidangan kita akan disambung semula pada sebelah petang ini bagi memberi peluang kepada pihak kerajaan membuat penggulungan. Persidangan ini kita, persidangan kita bersambung pada pukul 2.45 petang. Assalamualaikum WBT. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan]

[Persidangan disambung semula]

MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat : Menimbang Usul menjunjung kasih atas titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan majlis ialah satu Usul yang berbunyi:

> **"bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang".**

Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada 18 haribulan April 2025 dan telah pun disokong dan dibahas pada 21, 22 dan juga pada sebelah pagi tadi. Seramai 34 orang Ahli telah mengambil bahagian membahaskan Usul tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada sebelah petang ini pihak kerajaan akan menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan yang lepas. Saya ingin memaklumkan bahawa tempoh masa penggulungan adalah selama 30 minit. Saya juga ingin menasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian agar tidak kerap mencelah ketika sesi... sesi penggulungan bagi memberi ruang dan masa yang mencukupi kepada pihak kerajaan untuk menjawab.

Untuk itu, dengan sukacitanya saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang untuk memberikan jawapan. Dipersilakan Dato'.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

(Ayat al-Quran). Terima kasih Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdi bin Ismail, Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat... Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pahang, Ketua-ketua Jabatan dan juga sekalian yang hadir.

Lebat buah pohonnya rendah,
Dahan terikat tali perkasa,
Sepuluh jari kita menadah,
Mohon berkat Yang Maha Esa.

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera, salam Pahang 1st.

Yang Berhormat Speaker,

Izinkan saya memulakan ucapan penggulungan ini dengan patik kasih dan setinggi-tinggi penghormatan kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah

yang telah sudi mencemar duli berangkat ke Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama bagi Penggal Keempat Dewan Negeri Pahang yang ke-15 yang berlangsung pada 18 April 2025 yg lalu. Kehadiran jua Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj turut menyerikan istiadat tersebut.

Ini mencerminkan keprihatinan dan komitmen Institusi Diraja terhadap kemajuan negeri serta kesejahteraan rakyat di negeri Pahang. Titah Diraja yang telah disampaikan menjadi lambang keutuhan semangat kepimpinan raja berperlembagaan yang sentiasa mendahulukan rakyat. Titah Tuanku yang menyentuh pelbagai aspek daripada pembangunan negeri, permas... pemerkasaan ekonomi sehingga kebajikan masyarakat memberi hala tuju yang jelas dan menjadi panduan yang penting dalam merangka dasar serta tindakan Kerajaan Negeri ke hadapan.

Mengunjungi kasih di atas Titah Diraja tersebut, patik mengambil iktibar dan juga iltizam untuk terus memperkasa agenda pembangunan luar bandar khususnya dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan, memperluaskan akses kepada peluang ekonomi serta memastikan kebajikan warga peneroka FELDA terus terbela. Titah Tuanku akan dijadikan panduan utama dalam merencana dasar dan juga pelaksanaan program di bawah Portfolio Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan. Sejajar... sejajar dengan aspirasi negeri untuk menjadi sebuah negeri yang progresif dan juga inklusif.

Ikan darat daun pegaga,
Pisang sira manis berseri,
Sultan dan rakyat berpisah tiada,
Negeri sejahtera dirahmati Ilahi.

Di Dewan Yang Mulia ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang atas kejayaan cemerlang, gemilang dan juga terbilang dalam memimpin pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang dalam pencapaian hatrik hasil kutipan negeri melebihi RM1 bilion secara 3 tahun berturut-turut.

Tahniah juga diucapkan atas pelantikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai Penasihat Khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Majlis Pembangunan Usahawan dan juga Perusahaan Mikro Kecil dan juga sederhana. Ucapan tahniah juga turut kita ucapkan di atas penganugerahan ijazah kehormat dalam bidang ekonomi Islam dan juga perbankan dari Universiti Yarmouk, Jordan. Ini bukan satu pencapaian yang mudah dan bukanlah satu perkara yang boleh dilindungkan lagi bahawasanya inilah dia kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar dapat menerajui Kerajaan Negeri Pahang dengan baiknya pada kali ini.

Selanjutnya, saya juga merakamkan ucapan tahniah atas kepimpinan cemerlang Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga Timbalan Speaker dalam mengemudi perjalanan Persidangan Dewan Negeri Pahang pada kali ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar atas pelantikan beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang yang baharu dan juga tidak ketinggalan ucapan terima kasih turut diucapkan kepada Yang Berbahagia Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob atas khidmat bakti beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang terdahulu. Sekalung tahniah juga saya zahirkan kepada Tuan Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi yang telah dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang serta Yang Berhormat Dato' Haji Fadzilla

bin Haji Salleh atas pelantikan beliau sebagai Pegawai Kewangan Negeri Pahang yang baharu.

Saya turut memanjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurniaNya saya dapat menggulung perbahasan pada persidangan kali ini. Saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh Portfolio Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA Koperasi dan Keusahawan Negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Merujuk pertanyaan daripada Yang Berhormat ADUN kawasan Cheka, berhubung perancangan Kerajaan Negeri terhadap penggunaan Stadium Tun Abdul Razak di Jengka. Sukacita dimaklumkan bahawa stadium ini kekal berperanan sebagai antara kemudahan strategik milik FELDA yang dimanfaatkan secara optimum oleh pelbagai pihak. Sejak awal lagi stadium ini bukan sahaja menjadi pusat kepada acara rasmi FELDA seperti Karnival Segalanya FELDA 2024, Kejohanan Piala Pengerusi FELDA dan juga Piala Pengarah Besar FELDA 2025. Malah turut disewakan kepada pengunjung luar untuk pelbagai program seperti kejohanan bola sepak, pameran keusahawanan serta acara-acara komuniti yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Sidang Dewan Yang Mulia, kemudahan sedia ada termasuk padang bola sepak, ruang jualan, galeri, kafe dan juga bilik mesyuarat terus menjadi pilihan untuk aktiviti sosial dan juga pembangunan komuniti setempat. Pengurusan stadium juga telah diatur secara sistematik dengan petugas khas bagi memastikan setiap penggunaan berjalan lancar secara profesional.

Kerajaan Negeri melalui pengurusan FELDA juga menekankan aspek penyelenggaraan berkala bagi memastikan fasiliti kekal dalam keadaan terbaik. Bukan hanya dari sudut fizikal tetapi juga dari segi aspek keselesaan dan juga keselamatan pengguna. Dalam masa yang sama, pihak pengurusan stadium komited memberi kerjasama penuh terhadap sebarang program anjuran daripada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri akan terus memastikan bahawa aset seperti stadium ini bukan sahaja berfungsi sebagai ruang aktiviti, malah menjadi sebahagian daripada ekosistem pembangunan FELDA yang inklusif dari aspek sukan, sosial, kerohanian dan juga ekonomi.

Yang Berhormat Speaker,

Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Tengku, Yang Berhormat Kemayan dan Yang Berhormat Chini berkaitan pelaksanaan Skim Tanah Rakyat (STR) FELDA. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memperluaskan akses kepada pemilikan tanah dalam kalangan rakyat khususnya generasi-generasi baharu FELDA. Berhubung dengan cadangan penambahan STR sebanyak 24 unit di FELDA Kechau 1 dan 72 unit di FELDA Chegar Perah. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Tengku, Kerajaan Negeri telah pun mengenal pasti tapak yang sesuai bagi tujuan pembangunan tambahan tersebut. Ketika ini, pihak FELDA iaitu Wilayah Mempaga sedang dalam proses menyediakan permohonan rasmi kepada Ibu Pejabat FELDA untuk menjalankan kerja-kerja pengukuran tapak. Tindakan ini merupakan langkah awal ke arah merealisasikan cadangan tersebut dan selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri dalam menyediakan lebih banyak peluang penempatan kepada rakyat yang layak.

Seterusnya bagi pelaksanaan STR FELDA di Bandar 35 Tebing Tinggi, Tembangau dan juga Tembangau 1 yang ditekankan oleh Yang Berhormat Kemayan. Untuk pengetahuan Ahli Mesyuarat sekalian, Yang Berhormat Kemayan ni anak FELDA sebab itu setiap masa setiap hari *WhatsApp* ke saya melihatkan bagaimana keseriusannya, seriusnya untuk membantu FELDA dan hari ini untuk mereka menggerakkan sukacita saya maklumkan bahawanya pihak FELDA telah mengambil tindakan yang proaktif bagi projek itu berjalan mengikut jadual yang telah disediakan. Untuk makluman, Sidang Dewan Yang Mulia, antara langkah yang telah diambil termasuklah pelantikan juruukur pelan bertauliah bagi menjalankan kerja-kerja pengukuran tapak serta menyediakan pelan perhitungan atau dengan izin, *precomp plan.*

Kesemua kerja pengukuran lapangan telah disempurnakan dan proses penyediaan pelan *precomp,* dengan izin kini sedang berjalan. Pelan ini akan menentukan jumlah sebenar lot yang boleh diwujudkan. Mengambil kira keluasan minimum 3,000 kaki persegi 40 kaki x 75 kaki seperti yang disyorkan oleh Kerajaan Neger. Ini nak mengambil maklum bahawa setiap keluasan tanah rancangan FELDA ini mempunyai ada yang paya bakau. Ada yang mempunyai kawasan-kawasan yang tidak sesuai untuk dijadikan perumahan. Sebab itu pihak FELDA dengan kerjasama juruukur memastikan tanah-tanah yang betul-betul sesuai untuk didirikan perumahan perumahan untuk generasi baru FELDA ini.

Sebagai tambahan, satu libat urus bersama Pejabat Tanah dan Galian telah pun diadakan bagi memperincikan terma pelaksanaan STR, merangkumi penambahbaikan dari aspek teknikal, prosedur dan juga pelaksanaan agar lebih sistematik dan juga berkesan. Selanjutnya, projek STRFP Chini Timur 1 dan juga Chini Timur 3 yang dibangkitkan oleh… yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Chini kini berada dalam fasa kedua pelaksanaan. Bagi kedua-dua kawasan ini, lantikan juruukur yang bertauliah adalah di bawah proses lantikan peringkat ibu pejabat FELDA. Bagi Fasa 1, perbincangan dengan Pejabat Tanah dan Galian PTG Pahang masih diteruskan bagi merumuskan cadangan penambahbaikan teknikal dan juga tatacara pelaksanaan yang lebih efisien dan juga teratur.

Selaras dengan keperluan semasa, pihak FELDA memberikan perhatian yang serius terhadap perkara ini bagi memastikan setiap langkah dilaksanakan dengan penuh teliti dan juga berkesan. Manakala bagi fasa kedua, pihak FELDA akan segera mengemukakan kertas cadangan untuk pengukuran dan perancangan diperlukan di bawah fasa ini. Tindakan susulan akan dilaksanakan dengan segera. Dan saya juga dimaklumkan bahawanya pihak FELDA amat komited untuk mempercepatkan setiap langkah dalam pelaksanaan projek ini iaitu demi memanfaatkan kesejahteraan peneroka dan juga generasi peneroka serta penduduk setempat. Kerajaan Negeri dengan kerjasama erat FELDA dan juga agensi-agensi berkaitan akan terus memastikan projek-projek STR ini dilaksanakan dengan teratur mengikut jadual dan juga memberi manfaat kepada golongan-golongan sasar terutamanya generasi muda FELDA yang amat memerlukan lot penempatan untuk membina kehidupan yang stabil dan juga sejahtera.

Yang Berhormat Speaker,

Saya teruskan penggulungan ucapan saya pada hari ini dengan cadangan Yang Berhormat Chini berkaitan Projek Perumahan Generasi Baru FELDA PGBF yang terbengkalai di FELDA Chini, 3. Untuk makluman, Yang Berhormat Chini, FELDA mengambil maklum berkenaan status Projek Perumahan Generasi Baru FELDA

PGBF di FELDA Chini 3 dan sebanyak 30 unit telah terbengkalai meskipun hanya berbaki 10% untuk disiapkan.

Untuk makluman Ahli Dewan juga, Yang Berhormat Chini ni adalah anak peneroka jugak. Setiap masa jugak *WhatsApp* ke saya, tanyakan bagaimana status. Ini namanya anak FELDA akan perjuangkan FELDA secara habis-habisan. Maksudnya kalau kita dalam dewan hari ini memperjuangkan FELDA... ada langkah kami ni, saya jugak anak FELDA, YB Chini anak FELDA. Apa nama, YB Kemayan anak FELDA, YB er… Jengka. Ha… baru saya nak sebut tadi, baru sampai. FELDA… anak FELDA. Ramai, bukan sahaja di sebelah sana, malah di sebelah sini ni lagilah pulaknya. Tanggungjawab untuk memastikan perkara ini baik tapi bagitahulah juga rakan-rakan yang lain bahawasanya jangan kata kami tak buat kerja. Perkara itu mengikut tatakelola yang telah disediakan sebab itu phak FELDA juga telah pun menerima permohonan *mutual termination,* dengan izin dengan pihak kontraktor yang terlibat dalam projek tersebut.

Dan sehubungan itu, satu mesyuarat khas akan diadakan pada 25 April ini bagi membincangkan tindakan susulan dan juga hala tuju baharu projek berkenaan. Walau bagaimanapun, projek ini juga tidak dapat diteruskan atas beberapa sebab ini dan mesyuarat tersebut akan memutuskan bagaimanakah hala tuju selepas ini selepas sahaja perbincangan ataupun lantikan-lantikan terbaharu dapat dikuatkuasakan.

Untuk makluman Ahli Sidang Dewan Yang Mulia, FELDA bekerjasama rapat dengan semua pihak yang terlibat bagi menyelesaikan isu ini dengan kadar segera. Komitmen perlu dan juga penuh diberikan agar projek PGBF Chini 3 yang melibatkan pembinaan 30 unit rumah dapat diteruskan demi manfaat dan juga keperluan generasi baharu peneroka di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Speaker,

Dia dah waktu-waktu petang ni selepas makan tengah hari ni tak tahulah tengok ada mata tu, mata kuyu. Tak tahulah duduk ni tawaduk ke khusyuk ke ataupun menyampah nak dengar tu, terpulanglah. Tapi namun saya lihat hari ini ramai yang khusyuk dan terduduk. Kalau saya sambung lagi tu, insya-Allahlah. Saya rasa... boleh sambung ya? [Ahli Dewan ketawa]. Saya tengok tadi alhamdulillah berzikir... sambil berzikir tu, insya-Allah, sambil-sambil zikir tu dengarlah... penggulungan yang… yang akan diberikan pada hari ni, insya-Allah. Terima kasih Speaker.

Saya teruskan lagi penggulungan sesi saya ni berkenaan soal Yang Berhormat Jengka. Jengka ni wartawan dengar cerita tu. Dia ke hulu ke hilir bawak kamera ni... wartawan. [Ketawa] Yang Berhormat memberikan maklumat-maklumat terkini mengenai Jengka iaitu kelewatan pembayaran penebusan saham KPF Malaysia Berhad yang memberi kesan kepada ribuan ahli KPF. Ni perkara yang berlegar-legar bermain di telinga kita semua kan. Saya bagai mungkin... Yang Berhormat ada carum dalam KPF? Tak ada? Kesian Yang Berhormat, insya-Allah mungkin untung kata… untung ya.

Jadi untuk makluman Ahli Dewan Yang Mulia ini, jumlah keseluruhan permohonan pengeluaran syer bagi tahun 2022 hingga 2024 adalah sebanyak RM624.55 juta melibatkan lebih kurang 27,823 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM303.45 juta telah pun diproses dan dibayar melibatkan 17,802 permohonan termasuk kes-kes kritikal seperti keperluan haji, umrah, perubatan, kes mahkamah, pendidikan dan lain-lain kes atas pertimbangan lembaga yang telah pun dilantik.

Baki sebanyak RM321.1 juta dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut... mengikut kecukupan aliran tunai. Saya ulang, akan dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut kecukupan aliran tunai. Lembaga KPF telah merangka pelan jangka pendek dan juga sederhana yang sedang dilaksanakan untuk tempoh 6 bulan hingga 12 bulan sebagai objektif utama untuk menyelesaikan permohonan penebusan syer anggota atau bayaran kembali syer anggota meninggal atau khairat kematian yang tertunggak.

Dan juga strategi pendapatan mampan jangka panjang. Pelan tersebut adalah melalui pertamanya pelupusan aset-aset pelaburan yang tidak mendatangkan pendapatan yang baik kepada KPF. Kemudian, perkara kedua penstrukturan semula pelaburan milik KPF dalam syarikat-syarikat bersekutu meliputi eksais pelupusan, penjualan ekuiti untuk pilihan tunai dan menyusun semula pegangan ekuiti untuk pendapatan mampan jangka panjang.

Perolehan tunai daripada eksais tersebut adalah secara berperingkat dan dicadang digunakan untuk penyelesaian permohonan penebusan syer anggota mengikut jadual pengumpulan dan juga penyediaan tunai bagi bayaran dividen tahun kewangan 2024 selepas Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan pada Jun 2025 nanti. Semoga usaha dan juga perancangan Lembaga KPF ini dapat mencapai usaha untuk memenuhi tuntutan penebusan syer anggota bayaran dividen pada 2024 dan juga kelangsungan operasinya. Saya terlibat jugak secara langsung dalam KPF ni walaupun *share* saya KPF 2. Mengetahui daripada KPF ni, aset dia agak tinggi Yang Berhormat Dato', agak memang tinggi. Ada tanah di Semarang dan RM1 perpuluhan… billion asetnya. Tapi untuk mencairkan tu adalah satu perkara yang… bukanlah satu perkara yg mudah kerana mengikut tatakelola-tatakelola yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan agar memberikan kepuasan atau mengikut standard piawaian yang telah disahkan. Insya-Allah, jika ekuiti ini akan dapat dicairkan kepada ahli-ahli KPF di luar sana, insya-Allah perkara ini dapat diselesaikan. Kita doakan yg terbaik untuk KPF ini dapat diselesaikan dengan baik.

Selain pada itu, Kerajaan Negeri turut menyambut baik cadangan Yang Berhormat Jengka supaya satu jawatankuasa khas ditubuhkan untuk memantau situasi semasa dan juga pelan tindakan yang boleh diatur bersama dengan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan permasalahan berbangkit. Untuk pengetahuan Ahli Dewan, saya jugalah Pengerusi KAF, KAF ni dipanggil Kami Anak FELDA. Rakan saya pun rakan saya YB Kemayan pun Kami Anak FELDA. Tapi tak tahulah Yang Berhormat Beserah Dia anak FELDA Chemomoi. Tapi dia duduk kat Beserah. Dia dah lupa jalan Chemomoi. Dia pun anak FELDA tapi tak tahu tak pernah mengaku lagi dia anak FELDA ni. Risau jugak tapi Jengka dah mengaku dia anak FELDA. Namun dalam anak FELDA ni, kami juga bersama dengan jawatankuasa FELDA Pusat kita bersama dengan jawatankuasa bersama dengan ketua peneroka setiap wilayah, ketua peneroka setiap GPW bersama dengan MBFM iaitu Majlis Belia FELDA Malaysia dan juga Kami Anak FELDA Malaysia turut bersama dan perkara ini setiap masa kami utarakan supaya untuk menyelesaikan masalah ini, namun perkara itu dapat perlu mereka bincang dan keberhasilannya pada hari ini bolehlah kita jangkakan supaya kita memantau insya-Allah, kita akan memberikan laporan dari masa ke semasa dan mungkin pihak FELDA sendiri akan menyatakan *statement* mereka mengenai saham-saham KPF ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Yang Berhormat Jengka juga turut membangkitkan mengenai baki 4% peneroka 1,800 yang masih belum menerima geran hak milik sepertimana maklumat Yang Berhormat Jengka peneroka FELDA Pahang adalah seramai 43,126 peneroka di mana daripada jumlah ini seramai 41,286 peneroka telah pun menerima geran hak milik. Manakala baki 1,840 peneroka dalam proses akhir iaitu peringkat Pejabat Daerah Tanah dan insya-Allah kelewatan ini ialah pemeriksaan iaitu dari segi sempadan… sempadan ni pun ada satu isu… isu perwarisan ini pernah berlaku. Saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat, Ahli Majlis semua beritahu pada rakan- rakan kita yang di luar sana kan ada isu perwarisan. Kalau ibu bapanya sudah meninggal pewarisan kepada anak-anak peneroka ni perlulah dibuat dengan teliti dengan lebih baik. Jangan ada pergaduhan di antara ahli keluarga. Perkara ini melibatkan kelewatan untuk kita melaksanakan geran-geran kepada peneroka-peneroka tersebut. Dan juga ukuran lot dan juga penyediaan pelan dan juga isu teknikal lain antara sebab kelewatan ini berlaku.

Namun ianya telah berjaya diatasi bersama pihak FELDA, JUPEM dan juga Pejabat Daerah Tanah. Saya nak beritahu juga satu sejarah saya bersama dengan Doktor Saiful ni pergi satu lokasi ni nak datang jumpa ni semata-mata nak menyain supaya dia setuju. Ada satu peneroka cakap dia tak nak sain untuk dapatkan geran. Sampai tahap begitu. Lama kami memujuk kenapa tak nak sain geran? Risau anak dia kan anak-beranak dia bergaduh pasal dapatkan geran peneroka tersebut. Sebab tu namun kita terangkan dia kita ada hukum kita ada tatakelola yang sesuai untuk tanah. Alhamdulillah, beliau pun sain dan masuk daripada mungkin daripada 1,840 mungkin dah kurangkan lagi jumlah-jumlah tersebut.

Berikut pecahan mengikut wilayah FELDA antara Wilayah Kuantan berbaki… Kuantan paling banyak. Wilayah Kuantan berbaki 1,408 peneroka. Wilayah Mempaga berbaki 380 peneroka dan Wilayah Jengka yang hebatnya berbaki hanya 52 orang peneroka yang belum ada geran. Ha… ini kita kena bersama untuk selesaikan. Antaranya iaitu Wilayah Kuantan yang agak kita kena pastikan agar peneroka-peneroka dapat memberikan kerjasama dan pastikan perkara ini dapat diselesaikan. Kerajaan Negeri komited, saya memberikan keyakinan kepada Yang Berbahagia Dato'-Dato' DO kita ni dan juga Dato-Dato untuk menjaga PTG ni kan mereka menunggu sahaja, setelah hantar ke pejabat mereka. Insya-Allah, mereka akan menjalankan tugas dengan baik dan juga dapat diselesaikan. Saya jangkakan dan kami jangkakan, insya-Allah kita doakan yang terbaik urusan ini dapat diselesaikan pada tahun 2025 ini agar kita senang tidak dipersoalkan di masa akan datang.

Yang Berhormat Speaker,

Seterusnya berkenaan cadangan Yang Berhormat Kemayan berkaitan penubuhan Pahang Credit Corporation bagi penyediaan Dana Mikro Pahang dengan kadar faedah rendah bagi membantu usahawan kecil sebagai modal permulaan bagi golongan muda yang ingin menceburi bidang keusahawanan terutama dalam bidang perniagaan lestari dan juga mesra alam. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan Inisiatif Pembiayaan Kewangan Usahawan Mikro Negeri Pahang atau lebih dikenali sebagai I-Push yang mula diperkenalkan pada tahun 2022 yang lalu. Sebagai usaha Kerajaan Negeri menyokong usahawan mikro untuk mengembangkan perusahaan dan juga mendapatkan peluang-peluang perniagaan di pasaran yang lebih baik.

Melalui inisiatif ini, sebanyak 3,366 usahawan telah pun menikmati kemudahan pembayaran tanpa faedah dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM30.56 juta yang disalurkan dengan kerjasama Bank Muamalat Malaysia Berhad. Berdasarkan pemantauan status semasa pelaksanaan I-Push. Cabaran utama kerajaan pada masa ini adalah untuk mengurangkan kadar pinjaman tidak berbayar NPL di kalangan peminjam. Ingin saya berkongsi sedikit mengenai I-Push. I-Push nilah, satu program yang sangat baik yang diilhamkan oleh Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar bahawa Skim I-Push ni memberi pinjaman tanpa *interest*… tanpa *interest* dan *claim period,* dengan izin. Tidak perlu bayar setahun diberikan kepada usahawan-usahawan ni. Ini satu perkara yang agak unik dan diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia bahawanya modul ini adalah modul yang terbaik.

Namun hari ini kita ingin memperkasakan sedikit lagi. Sebab itu kajian sedang dibuat iaitu bagaimana apabila kita dah memberikan pinjaman yang ini dan kita nak mengurangkan? Bagaimana kadar pinjaman tidak berbayar NPL di kalangan peminjam-peminjam ini? Dan pada hari ini cadangan-cadangan ini perlulah kita usahakan iaitu cadangan penubuhan Pahang Credit Corporation ini memerlukan penelitian khusus memandangkan ianya memerlukan pematuhan kepada pelbagai undang-undang, peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa berkaitan seperti Bank Negara Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan juga Kos Sara Hidup serta pelbagai agensi dan jabatan di peringkat negeri dan juga peringkat persekutuan.

Antaranya termasuklah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 20… 2002, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Pencegahan Penggubalan Wang Haram dan juga Pembiayaan Keganasan 21 ataupu AMLA. Namun, tidak menolak cadangan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, Kerajaan Negeri pada hari ini telah pun mewujudkan komitmen yang berterusan dalam agenda memperkasakan bidang keusahawanan dengan menawarkan pelbagai inisiatif dan juga insentif. Antaranya seperti geran permulaan perniagaan yang disediakan untuk kemudahan usahawan khususnya belia termasuklah yang telah seperti saya bentangkan sebelum ini iaitu antara yang program projek popular di kalangan belia iaitu Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera.

Untuk makluman Dato' Speaker, saya pernah melalui program bukan sayalah yang jadi peserta, namun menguruskan antara program Tunas Usahawan Belia Bumiputera ini adalah satu program yang sangat menarik. 7 hari 6 malam duduk di kampung… duduk di satu tempat diberikan latihan bukan sahaja latihan secara teori, malah praktikal dari segi kewangan, kanvas perniagaannya. 7 hari 7 malam tersebut diberikan dengan pendedahan yang cukup luas kepada usahawan-usahawan belia yang berumur yang muda lagi. Ada yang baru keluar SPM, baru keluar daripada IPTA masuk dalam program Tunas Usahawan Belia ini dan salah satu contohnya, kita boleh lihat kalau di Bentong tu ada 2 usahawan patin ni iaitu asalnya hasilnya daripada Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera yang mendapat selepas sahaja habis, dia mendapat geran lebih kurang RM15,000.00 ke RM30,000.00. Geran daripada pihak SME Corp.

Ini menandakan bahawasanya pembangunan usahawan tu bermula… bermula daripada umurnya, kalau ikut saya dahulu, saya minta maaf sikit Speaker kita gali sikit. Saya dahulu kecil-kecil di FELDA Chemomoi ni saya diasuh oleh ayah saya jual petola tanam di belakang rumah yang rumah peneroka ni kita ada suku ekar belakang rumah. Ada YB Beserah tau la rumah saya dekat mana saya pun tahu rumah dia kat mana. Belakang tu tanam mungkin Beserah ingat lagi ayah dia pun saya ingat lagi saya

punya cikgu sebab saya ingat diasuh berumur bermula dengan umur 5 tahun, 6 tahun. Bawa petola keliling kampong. Boleh sahkan… YB Beserah boleh sahkan bermaksud kalau kita boleh terapkan nilai-nilai keusahawanan ini bermula umurnya dipanggil sekarang TVET bermula. Dulu zaman kita, gitu je lah. Tapi zaman hari ini dah ada zaman TVET bermula 6 tahun, bermula 10 tahun konteks keusahawanan boleh kita terapkan di dalam anak-anak kita, insya-Allah perkara itu akan berlarutan sampai ke besar.

Banyak lagilah er... program-program yang diutarakan oleh er... contohnya SME Corp dan juga TEKUN Nasional, kita ada Bank Rakyat, Amanah Ikhtiar. Amanah Ikhtiar ini satu lagi program yang sangat baik di antara mengumpulkan usahawan-usahawan terutama sekali wanita. 10 orang wanita dikumpulkan dan antara pembayar yang terbaik ini Amanah Ikhtiar ini adalah wanita. Sebab itu saya cukup kita ni sebagai lelaki memanglah pencinta wanita bahawasanya wanita dalam Amanah Ikhtiar ini bayar cukup baik tapi dia masuk tempat lain, saya tak nak sebut agensi yang mana, ada pembayar-pembayar yang paling liat minta maaflah golongan lelaki ini agak pembayar yang agak liat. Kita kena *respect* sikitlah wanita-wanita yang meminjam di Amanah Ikhtiar ini boleh disahkan oleh Yang Berhormat er... Sabariah yang mengatakan bahawa Amanah Ikhtiar ini sangat baik formula-formulanya.

Kemudiannya Kementerian Pertanian dan juga Industri dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang ini antara geran yang popular iaitu geran untuk usahawan belia, Geran Agropreneur Muda iaitu bermula dengan ada yang RM10,000.00, RM20,000.00 dan maksimum sampai RM30,000.00. Ini dapat diadaptasikan kalau kita boleh maklumkan kepada usahawan belia di luar sana yang terlibat dalam sektor pertanian, bukan sahaja apa nama tu... membela ikan di sangkar namun kita banyak lagi produk-produk atau boleh dibangunkan antaranya yang kita tekankan pada hari ini iaitu pembungkusan dan juga pelabelan usahawan-usahawan kita untuk peringkat yang lebih baik.

Dan seterusnya Yang Berhormat Speaker...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat...

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Panjang lagi?

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Sikit je lagi... sikit tapi sikit ada dua belas. Ini okey saya *short short* kan sikit lagi Yang Berhormat, minta maaf...

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Er... sekejap.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih Dato' Sri...

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Er… supaya tidak nampak sehala sangat saya nak... nak timbul sikit soalan masa pun tak panjang ialah tentang isu tanah peneroka FELDA yang tidak ada waris er... tidak ada waris langsung dan bila dia meninggal dunia, apa mekanisme yang dibuat oleh FELDA untuk pemilikan tanah ini. Satu lagi saya mencadangkan kalau boleh dipertimbang tanah-tanah FELDA ini kadang-kadang dia dipajak. Pihak pengurusan FELDA kadang tak ada maklumat sebab mereka *direct,* adakah pajakan itu 20 tahun, 25 tahun. Jadi saya cadangkan satu... satu mekanisme dibentuk supaya sebarang elemen penjualan tanah FELDA atau pajakan mesti melalui pihak pengurusan FELDA. Sekurang-kurangnya FELDA ada maklumat, ada data berhubung dengan perkara ini. Terima kasih.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak Speaker dan juga terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Cheka dan saya mengambil maklum mengenai pajakan. Bolehlah saya nak er... maklum sikit dia sebenar pajak ini dia orang ini di belakang tabir dia panggil sebab er... banyak yang tak nak duduk FELDA. Dia pajak, dia keluar daripada FELDA, mungkin pajakan ini memang rugi sebenarnya memang siapa yang memajak er... tanah rancangan ni 10 ekar ni memang sebenarnya rugi. Mungkin dengan RM5,000.00, RM10,000.00 untuk 10 ekar tapi namun memang ini perkara ini dilakukan memang mengikutnya FELDA memang salah. Maksudnya siapa peneroka-peneroka yang memajakkan tanahnya kepada orang ketiga dipanggil ya orang ketiga mengikut perundangan adalah salah. Namun FELDA ini masih lagi memberikan ruang kepada mereka untuk berubah, sebab itu kita panggil konsep baru-baru ini kita ada buat er... dipanggil terma supaya FELDA kembali kepada asal supaya peneroka-peneroka ini dapat diletakkan.

Insya-Allah, Yang Berhormat Cheka kita pun dah memang ada agenda tersebut untuk kita nak memperkasakan sedikit bagaimana modul itu untuk pastikan peneroka-peneroka ini kembali kepada peneroka FELDA dan juga mengenai tadi dalam geran itu, dalam geran peneroka tetap ROH dia tetap nama peneroka asal. Ha... yang ini yang jadi ke... sekarang melalui pewarisnya tiada maksudnya dia berdua je lah, dia laki bini lepas laki tak ada isterinya pula tak ada. *So* mungkin yang ini pada itu telah diangkat, ada satu modul khusus yang tidak bolehlah saya bentangkan pada hari ini. Ada modul khusus pada pewaris-pewaris yang tidak ada lagi di dalam nama ROH pendaftaran dalam FELDA, insya-Allah. *So* saya terima kasih banyak Yang Berhormat Cheka. Dan seterusnya, saya nak mencadangkan sedikit lagilah untuk *conclusion* ataupun penutup... penutup pada hari ini. Tapi penutup pun ada lebih kurang dalam tujuh helai lagi, insya-Allah minta maaf. [Ahli Dewan ketawa]

Untuk makluman, sebab saya tunggu ada ramai kat luar, kita baru nak masuk hari ni ya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nak ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar kerana memperuntukkan sejumlah RM5.5 juta untuk peruntukan bagi merancakkan pembangunan sektor-sektor usahawan negeri Pahang di mana RM5 juta peruntukan tersebut menerusi Program Usahawan Makmur, satu inisiatif utama Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan ekosistem usahawan setempat. Program ini merangkumi beberapa komponen penting. Pertamanya, sebanyak RM500,000.00 ha... ini orang FELDA belum dengar lagi, untungnya duduk FELDA Pahang ini kan sebab itu kena bersyukurlah kita duduk di FELDA Pahang ni diperuntukkan RM500,000.00 untuk pembangunan usahawan FELDA dan khususnya dalam menyediakan sokongan untuk ke arah pembinaan komoditi FELDA yang lebih mampan dan juga er... berdikari.

Kedua, sebanyak RM500,000.00 diperuntukkan kepada pembangunan industri halal termasuklah pensijilan halal dan juga hari ini kita nak menuju kepada halal toyyiban bukan sahaja halal malah proses halal itu pun kita nak lihat. Ketiganya, dalam aspek penjenamaan, ini antara aspek yang kita tekankan iaitu aspek penjenamaan dan juga promosi Kerajaan Negeri yang turut menyediakan RM1 juta untuk tujuan *advertising* dan *promotion,* dengan izin untuk membantu usahawan tempatan meningkatkan kehadiran jenama mereka melalui media sosial, platform digital dan juga pameran-pameran niaga. Dan kelima sebanyak RM1 juta lagi disediakan untuk dana simpanan untuk promosi atau peruntukan bersifat fleksibel bagi menyokong keperluan tidak jangka atau perkembangan program-program tambahan yang berkaitan.

Yang Berhormat Speaker,

Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 bagi penganjuran *Malaysia East Coast Trade and Entrepreneur Expo 2025* yang dijadualkan berlangsung pada November ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, sila letakkan dalam kalendar masing-masing, ini adalah salah satu ekspo terbesar yang akan dilaksanakan iaitu *Malaysia East Coast Trade and Entrepreneur Expo 2025* yang dijadualkan pada bulan November nanti. Dan dengan itu bersempena jugak dengan Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil yang juga kita akan buat bersama pada November tersebut. Program ini akan menghimpunkan pelbagai segmen usahawan bukan sahaja di Pahang, malah dari seluruh Pantai Timur dan juga dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat serta memperluas jaringan niaga usahawan ke peringkat nasional dan juga peringkat antara... peringkat nasional dan peringkat nasional dan juga serantau ini. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan iltizam Kerajaan Negeri untuk memastikan golongan usahawan terus dibantu dan juga mampu bersaing dalam peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Speaker,

Kerajaan Negeri turut menyokong... menggalak dan menyokong pertubuhan sektor koperasi yang merupakan penyumbang ketiga pertumbuhan ekonomi negara. Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 16,284 koperasi berdaftar di seluruh negara dengan jumlah melebihi 7.2 juta orang. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, setakat 31 Disember 2024 sebanyak 1,173 koperasi berdaftar di negeri Pahang dengan jumlah aset yang direkodkan sebanyak RM1.7 bilion dengan jumlah perolehan sebanyak RM979 juta. Kerajaan Negeri melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia terus berusaha memperkasakan pertubuhan koperasi dengan menyediakan pelbagai inisiatif dan juga malah kerjasama dari semua pihak terlibat mendatangkan hasil yang sangat memberangsangkan. Untuk makluman, sebanyak RM1.058 juta dalam bentuk geran bantuan telah luluskan kepada beberapa koperasi di negeri Pahang. Pada tahun

2024, sejumlah RM7.463 juta pula diluluskan dalam bentuk pembiayaan atau pinjaman sepanjang tahun 2024 untuk koperasi-koperasi di negeri Pahang.

Suka untuk saya kongsikan di sini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang bakal menganjurkan Konvensyen Koperasi Kariah Masjid Peringkat Kebangsaan di negeri Pahang yang dijangka berlangsung pada bulan September 2025. Satu lagi tarikh yang... Yang Ahli-ahli Yang Berhormat sila simpan tarikh tadi. Program ini dijangka memberi manfaat kepada 50 buah koperasi masjid di negeri Pahang dengan keanggotaan lebih kurang 6,066 anggota koperasi kariah masjid melalui kerjasama dengan koperasi-koperasi masjid di seluruh negara.

Yang Berhormat Speaker,

Izinkan saya berkongsi gerak kerja program di bawah portfolio setakat ini. Untuk makluman ahli yang bersidang Dewan Yang Mulia ini, Sekretariat Muafakat FELDA Pahang telah pun dilancar pada 13 Februari yang lalu di Auditorium RTM dan saya menyampaikan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang kerana dapat merasmikan majlis tersebut dan dihadiri lebih daripada 1,000 wakil perwakilan syarikat di peringkat negeri Pahang dan Negeri Pahang merupakan negeri yang pertama yang melancarkan Sekretariat Muafakat FELDA dan diikuti oleh negeri-negeri yang lain. Seterusnya selain daripada itu suka juga saya kongsikan bahawasanya 16,035 lot Skim Tanah Rakyat FELDA telah pun diracik demi memenuhi keperluan generasi baru FELDA yang layak. Juga Majlis Perundingan Koperasi peringkat negeri Pahang juga telah pun bersidang pada 18 Februari, antaranya membincangkan hala tuju koperasi yang lebih proaktif di negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Sebelum saya mengakhiri penggulungan saya, saya mohon ampun dan juga maaf jika terdapat soalan-soalan tambahan yang tidak dijawab hari ini dan akan saya jawab secara bertulis. Ahli sidang Dewan Yang Mulia, saya selaku Ahli Kawasan Pelangai ingin merakamkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga. Kalau boleh saya nak bagi tabik *spring* kepada Yang Amat Berhormat er... Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy di atas sokongan dan juga dokongan terhadap keputusan dasar kelulusan bagi kerja awalan Pakej 6 *Centre Spine Road* antara Karak ke Simpang Pelangai.

Terima kasih banyak yang er... Dato' Sri kerana kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah pun meluluskan perkara ini yang tertangguh dan juga saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai dan juga kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan Persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga turut diberikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat atas pandangan dan juga *input-input* yang dikongsikan sepanjang persidangan pada hari ini.

Terima kasih juga kepada semua Pegawai-pegawai Daerah, YDP-YDP, Ketua-ketua jabatan terutama sekali Yang Hormat Dato' Pegawai Daerah Bentong yang banyak membantu melaksanakan perkara-perkara dan juga Yang Hormat Dato’ YDP Majlis Perbandaran Bentong, Pengarah FELDA Pahang dan juga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Negeri Pahang di atas kerjasama dan juga komitmen yang diberikan kepada saya selama ini.

Saya turut merakamkan penghargaan kepada Koperasi Perkasa Ummah Berhad yang menjalankan perniagaan pengedaran produk kopi campuran yang berbesar hati yang

dapat hari ini yang yang er... berbeg warna biru tu adalah hasil yang mulia iaitu Encik Mohd Shamsuri bin Husein dan juga Encik Mohd Noor bin Muhammad yang ada di belakang tu. Berikan tepukan, terima kasih kepada Koperasi Ummah.

Tadi Yang Berhormat Datuk DO Dato' Aida tanya biasanya setiap kali sidang, EXCO Usahawan ni ada bawa barang. Saya kata sabar, lepas ini. Akhirnya saya menjalankan amanah untuk membawa juga produk-produk usahawan, produk-produk koperasi untuk dia. Saya mohon juga Ahli-ahli Majlis untuk uar-uarkan. Inilah produk koperasi. Inilah produk usahawan Pahang yang perlu kita uar-uarkan melalui media-media yang telah pun diberikan oleh pihak tuan-tuan dan juga puan-puan. Dan…

Dari Bentong ke pekan sehari,
Jalan tenang di Bukit Tinggi,
Selesai sudah mandat diberi,
Di lain sidang bersua kembali.

Dengan ini saya memohon menyokong. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang. Seterusnya, saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang. Sila, Yang Berhormat.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Salam sejahtera, salam perpaduan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan ini. Terlebih dahulu, saya ingin menjunjung kasih kesisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang yang berkenan er... yang berkenan berangkat bercemar duli menyempurnakan perasmian Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Sidang Dewan Undangan Negeri Pahang. Dan saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang atas pencapaian negeri Pahang mencatat kutipan RM1 billion selama tiga tahun berturut-turut.

Yang Berhormat Speaker,

Saya akan membahagikan ucapan saya kepada tiga sektor iaitu pelancongan, kebudayaan dan perpaduan. Untuk pelancongan, Yang Berhormat Speaker, bagi memperkasakan industri pelancongan pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM3 juta untuk menaik taraf dan membaik pulih infrastruktur dan kemudahan pelancongan di negeri Pahang. Jadi tahun ini sebanyak 13 projek telah diluluskan er... di seluruh negeri Pahang. Selain itu, Kerajaan Negeri Pahang juga memulangkan kembali hasil yang dikutip melalui Fi Lestari untuk membangunkan sektor pelancongan. Pada tahun lepas 2024, sebanyak 45 projek telah diluluskan dengan jumlah RM6.24 juta.

Yang Berhormat Speaker,

Statistik ketibaan pelancong ke negeri Pahang pada tahun lepas 2024 telah menerima seramai 13.74 juta orang pelancong dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 3.81% berbanding dengan tahun lepas dengan anggaran perbelanjaan pelancong mencecah RM11.88 bilion. Prestasi ini telah menjangkau sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Yang Hormat Dato' Sri Speaker. Minta maaf, Yang Berhormat Speaker,

Untuk pelancong antarabangsa, selain daripada pasaran Asia iaitu China, India dan pasaran Asia Tenggara iaitu Singapore, Indonesia dan Thailand, pasaran Eropah juga penting untuk menyumbang kepada statistik ini kerana Pahang kaya dengan tarikan pelancongan yang berasaskan alam semula jadi. Mengikut data Tourism Malaysia, Negeri Pahang telah mencatatkan kadar purata tempoh penginapan tertinggi di Malaysia iaitu AOR, dengan izin. Pada tahun lepas AOR di negeri Pahang mencatatkan 75.6% dan menunjukkan peningkatan positif sebanyak 1.5%.

Yang Berhormat Speaker,

Untuk penganjuran acara pelancongan, setiap tahun Kerajaan Negeri Pahang menerusi Tourism Pahang berusaha untuk memperkayakan acara-acara yang ada di negeri Pahang. Selain daripada acara-acara tradisional, inisiatif baru juga dilaksanakan. Pada Februari tahun ini, Kuantan 188 *Base Jump Extreme Challenge* berjaya diadakan untuk mempromosikan Menara Kuantan 188.

Ia menarik peserta-peserta profesional dari 13 negara. Dan akhirnya *Guinness World Record* berjaya dicapai dan secara terus, dia mengangkat nama Kuantan ke peringkat antarabangsa. Selain itu, Festival Selam Skuba Antrabangsa Tioman dengan izin, *Tioman Scuba Divers Festival* akan bakal berlangsung pada September tahun ini di Pulau Tioman. Dan acara ini dijangka akan menghimpunkan 1,500 orang penyelam skuba dari dalam dan luar negara. Menjadikannya antara festival selaman skuba yang terbesar di Malaysia. Festival ini juga penting untuk memperkenalkan Pulau Tioman sebagai lokasi selaman skuba bertaraf antarabangsa yang kaya dengan biodiversiti marin. Kita yakin melalui festival ini ianya dapat memberi limpahan manfaat ekonomi kepada komuniti setempat.

Tidak lupa juga pada bulan Ramadan yang lepas, Tourism Pahang juga menganjurkan Pesta Pelita Raya Pahang 2025 di kesemua daerah di negeri Pahang dengan objektif untuk memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri serta mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat. Pesta ini turut menampilkan pelbagai pengisian menarik seperti pertandingan pelita, persembahan kebudayaan, jualan makanan dan produk tempatan yang mampu menarik minat pelancong ke negeri ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua agensi kerana telah bersama untuk menjayakan pesta pelita ini dan ramai yang tertanya-tanya sebab kita ada pertandingan pelita dan saya nampak hari ini kita ada Yang Amat Berhormat di sini, rakan-rakan Yang Berhormat di sini, Dato'-Dato' DO pun ada di sini, Pengurus Besar Tourism Pahang pun ada sini, Ketua-ketua jabatan pun ada di sini. Dengan ini saya mohon izin Yang Berhormat Speaker untuk saya mengumumkan keputusan yang dinanti-nantikan. Jadi dengan ini saya mohon Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh tepuk meja sekiranya untuk meraikan kemenangan sekiranya pemenang dari daerah Yang Berhormat, tepuklah lagi kuat.

Tapi sebelum mengumumkan keputusan, saya juga mengucapkan terima kasih kepada para juri yang terdiri daripada 5 agensi iaitu MOTAC Pahang, JKKN Pahang, Jabatan Perpaduan, Jabatan Bomba dan juga UCYP. Dengan ini, 5 kriteria juga diambil kira iaitu kriteria pencahayaan dan keseluruhan tema, kriteria kreativiti, inovasi dan penggunaan bahan, kriteria estetika, keindahan visual dan keaslian, kriteria keselamatan, kebersihan dan kekemasan, kriteria er... keterlibatan dan semangat komuniti. Dengan ini, keputusan adalah, tempat ke-5 yang akan ambil yang akan membawa balik hadiah tunai RM3,000.00 adalah daerah Rompin [Ahli Dewan menepuk meja]. Tempat ke-4, dengan hadiah tunai RM5,000.00, daerah Temerloh, tahniah [Ahli Dewan menepuk meja]. Tempat ke-3, dengan hadiah tunai RM10... RM10,000.00, [Ahli Dewan ketawa] mintak maaf, dari daerah Bandar Lestari daerah Kuantan [Ahli Dewan menepuk meja] dan tempat kedua hadiah tunai RM15,000.00 Daerah Bentong [Ahli Dewan menepuk meja] dan akhirnya johan tempat pertama dengan hadiah tunai RM20,000.00 di Daerah Jerantut [Ahli Dewan menepuk meja] dan kita juga ada satu kategori undian awam di mana video yang paling banyak yang dapat paling banyak *likes* di *TikTok* Tourism Pahang adalah Daerah Jerantut [Ahli Dewan menepuk meja]. Tahniah, syabas… syabas saya ucapkan kepada Tourism Pahang dan diharap acara ini akan diadakan… dijadikan acara tahunan untuk bersama-sama kita masyarakat pelbagai kaum kita bersama-sama meraikan perayaan ini.

Yang Berhormat Speaker,

Untuk menyalurkan maklumat pelancongan kepada agensi pelancongan, pelabur dan pengusaha dan juga membina hubungan strategik, Kerajaan Negeri perlu aktif untuk mengambil bahagian dalam eksposisi pelancongan luar dan dalam negara. Jadi selain daripada eksposisi yang kita biasa mengambil bahagian di Eropah ataupun di UAE, tahun ini kita juga akan menerokai pasaran Jepun dan India.

Yang Berhormat Speaker,

Pahang merupakan negeri pertama yang menyediakan Perlindungan Insurans Kelompok kepada Pengusaha Pelancongan. Untuk fasa pertama melebihi 800 orang Pengusaha Pelancongan telah dapat manfaat untuk Perlindungan Insurans Kelompok yang merangkumi Pemandu Pelancongan, Pemandu Bot Pelancongan, Malim Gunung. Jadi tahun ini untuk fasa kedua, kita berterima kasih kerana Kerajaan Negeri Pahang telah memperluaskan lagi perlindungan ini kepada golongan pengusaha *Homestay* Negeri Pahang dengan jumlah peruntukan RM300.00 dan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang prihatin dengan kebajikan penggiat industri pelancongan di Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Saya juga berterima kasih kepada Jabatan MOTAC Pahang yang turut komited untuk meningkatkan sektor pelancongan di negeri Pahang. Bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan produk, pelbagai program dan libat urus dianjur bersama pemain industri termasuk Pengusaha Homestay, Program Pelancongan Pelajar (K3P), Kursus... Kursus Mesra Malaysia di bawah ASEAN Community Based Tourism Standard. Tiga produk di *grade* peringkat ASEAN iaitu Homestay Desa Murni, Sahabat Alam Tampik Janda Baik dan *Kuala Sat Community Based Ecotourism*. Selain itu…

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Homestay Desa Murni itu bukan di Kerdau?

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Tahniah kepada Yang Berhormat Kerdau. Betul, ini memang pemenang anugerah di peringkat ASEAN. Yang Berhormat Dato' er... Yang Berhormat Speaker, kita juga turut berterima kasih kerana Kerajaan Negeri Pahang bersama MOTAC Pahang kita terus bersama untuk dapatkan peruntukan infra daripada MOTAC yang semakin bertambah tahun demi tahun. Tahun 2022 kita dapat RM693,000.00. Tahun 2023, kita dapat RM2.43 juta. Tahun lepas RM3.48 juta dan tahun ini kita mencecah RM7.77 juta iaitu peningkatan berkali ganda sebanyak 120%. Usaha-usaha ini merupakan sebahagian daripada persediaan menyeluruh untuk melonjakkan lagi industri pelancongan negeri, memperkukuh ekosistem sedia ada dan memberikan impak ekonomi yang mampan kepada rakyat negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Untuk Tourism Malaysia Wilayah Timur juga turut memberi sokongan kepada negeri Pahang. Pada tahun ini, mereka merangka strategi untuk mempertingkatkan kadar penginapan pelancong sedia ada dengan memberi sasaran kepada pelawat harian dengan izin, *day tripper* untuk bermalam di Pahang dan juga mempertingkatkan sesi libat urus dengan pemain industri pelancongan bagi mengemas kini serta mendapat maklum balas berhubung strategi promosi dan pemasaran dan berkongsi maklumat berhubung bantuan dan insentif yang ada yang ditawarkan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Speaker,

Bagi Perbadanan Taman Negeri Pahang, tahun ini mereka giat untuk ke arah mendapatkan pengiktirafan UNESCO Global Geopark di Lipis. Selain itu, sebuah Galeri Lipis Geopark juga dalam proses untuk disiapkan berhampiran Stesen Keretapi Bandar Kuala Lipis. Galeri ini akan memapar... memaparkan keunikan tapak geologi, tapak biologi dan budaya yang ada di Lipis Geopark.

Yang Berhormat Speaker,

Untuk sektor kebudayaan. Seni budaya merupakan teras identiti dan jati diri kepada masyarakat Malaysia dalam mengukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum di negara kita. Secara lazimnya, program dan aktiviti yang dirancang adalah selaras dengan dasar kebudayaan negara yang berteraskan budaya nilai tinggi, pembangunan dan pengembangan, pemerkasaan dan kecemerlangan budaya. Untuk tahun ini, Program Seni Budaya yang akan dilaksanakan adalah Festival Kesenian Pribumi Antarabangsa 2025, Perantisan Gamelan, Penyelidikan Wau Pungguk, Bimbingan Seni, Tarian Teater, Majlis Apresiasi Bimbingan Seni, Anugerah Seni Negeri, Senam Seni 2.0, Colours of Malaysia, Satelit Seni Budaya, Budaya @komuniti dan sebagainya. Adalah diharapkan bahawa program seni budaya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan memberi impak yang menyeluruh kepada masyarakat di negeri Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Kraf merupakan agenda pembangunan sosial dan ekonomi rakyat yang berupaya untuk meningkatkan kualiti hidup. Mewujudkan peluang pekerjaan dan menjana ekonomi rakyat. Antara inisiatif yang dirancang adalah, pertama Inisiatif Pendigitalan Kraf. Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh *download apps* daripada *Google Store* atau daripada *Google Store* ataupun *iPhone* iaitu *Craft on The Go 2.0* sebab *apps* ini adalah satu *apps* yang mengandungi komponen seperti profil usahawan kraf, keterangan & imej produk kraf dan maklumat media sosial serta lokasi premis usahawan kraf.

Yang kedua adalah *MyCraftShoppe* ini menawarkan perkhidmatan jual beli secara *online* dan merupakan satu hab informasi berkaitan industri kraf negara. Yang ketiga E-Kraf Bazar, ini adalah inisiatif untuk pemasaran dalam talian untuk mempromosi dan memasarkan produk kraf tempatan. Dan keempat *mycraftmuseum.com*, ini adalah maklumat berkaitan seni kraf negara dengan lebih meluas. Setakat Mac 2025, jumlah usahawan kraf yang berdaftar dengan kraftangan Malaysia di Pahang adalah 225 orang. Jumlah pekerja dalam bidang kraf adalah 625 orang. Untuk *apps Craft on The Go,* seramai 174 orang. Untuk E-Kraf Bazar, kita ada 300 er... 305 orang dan *MyCraftShoppe* adalah 78 orang. Jadi dengan ini saya mohon jasa baik Yang Berhormat-Yang Berhormat sekiranya di kawasan masing-masing ada usahawan-usahawan kraf yang berminat berdaftar dengan Kraftangan Malaysia sila hubungi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Ada cawangan di Pahang di Kuantan.

Yang Berhormat Speaker,

Jabatan Warisan Negara bawah MOTAC berperanan untuk penetapan dan pendaftaran tapak *object* dan *underwater heritage* sebagai warisan. Mana-mana butiran yang mempunyai nilai warisan yang sangat tinggi akan dicadangkan untuk diwartakan sebagai warisan kebangsaan. Jadi dengan pencapaian dalam dan pengiktirafan butiran warisan ini boleh dinilai sebagai sumbangan kepada pembangunan ekonomi negeri dan membantu dalam pembangunan produk pelancongan berasaskan warisan sejarah budaya bagi negeri Pahang. Jadi di negeri Pahang, terdapat 9 tapak telah diwartakan. Di Lipis ada empat, Kuantan tiga, Pekan satu, Jerantut satu.

Manakala untuk butiran warisan kebudayaan tidak ketara di negeri Pahang, terdapat 19 produk yang dapat pengiktirafan warisan kebangsaan. Jadi, selain daripada usaha pewartaan ini, Jabatan Warisan Negara juga mengadakan Program-program Semarak Warisan dan Pelestarian Warisan seperti Program Semarak Warisan Tunas Asuhan Warisan di SK Nenasi, Pekan. Penyelidikan dan dokumentasi butiran warisan seperti Pekan Sehari Temerloh, Rumah Melayu Pahang, Makanan Warisan Negeri Pahang dan kajian… dan kajian dilapidasi Bangunan Warisan Pahang.

Yang Berhormat Speaker,

Untuk perpaduan, perpaduan bermaksud kesatuan, keharmonian dan kerjasama antara individu dan kumpulan dalam satu masyarakat tanpa mengira perbezaan bangsa, agama, budaya dan latar belakang. Jadi dengan erti kata lain, perpaduan adalah hidup bersama dengan aman. Kita saling menghormati, bertolak ansur dan bekerjasama untuk kebaikan bersama. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah atas kesudian untuk menghadiri Program Gerak Rahmah 2025 Jom Masak bumbuk… Bubur Lambuk Perpaduan Negeri Pahang pada Mac yang lalu. Program ini berjaya

mendapat sambutan yang amat membanggakan di kalangan komuniti setempat dan kawasan Rukun Tetangga KRT yang berbilang bangsa. Selain itu, ia menggambarkan semangat muhibah yang jelas di masyarakat negeri Pahang.

Seterusnya, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional akan menganjurkan sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Pahang pada 9 hingga 11 Mei bertempat di Dataran Bentong. Program ini penting untuk menggalakkan perkongsian silang budaya di kalangan masyarakat. Jadi dengan ini semua Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dijemput untuk hadir bersama. Selain itu, sekitar bulan Jun, sambutan Jubli Emas 50 Tahun Rukun Tetangga Peringkat Negeri Pahang juga akan dilaksanakan untuk meraikan detik bersejarah ini. Lima dekad kewujudan Rukun Tetangga adalah bukti nyata bahawa pendekatan komuniti berasaskan nilai kebersamaan saling menghormati dan hidup secara muafakat masih relevan dan terus menjadi teras keharmonian sosial di negeri ini.

Yang Berhormat Speaker,

Kita dapat lihat bahawa iklim perpaduan kini sangat mencabar. Pada ruang dan kesempatan ini saya mohon agar setiap warga Pahang kita membudayakan konsep faham, hormat dan terima, meraikan kepelbagaian sehingga akhirnya iklim keharmonian, kemakmuran dan kesejahteraan dinikmati bersama.

Yang Berhormat Speaker,

Bagi Perbadanan Muzium Negeri Pahang, perancangan tahun ini adalah pameran *Wind Craft Become Attitude* Wayang Dunia di Muzium Seni Kontemporari, Kuantan. Kolokium Sejarah Maritim Alam Melayu dalam peta dunia dan juga pelbagai projek pembangunan pembinaan sedang dilaksanakan iaitu Projek pembangunan Pulau Beram, Pekan. Projek Pembangunan Perkampungan Al-Asar *(Pekan Circle),* Pekan lama. Kerja-kerja konservasi dan menaik taraf Istana Leban Tunggal, Pekan dan juga menaikkan pameran bagi Muzium Tenun Pahang Diraja dan Pusat Repositori Kuantan yang dijenamakan semula sebagai *MOCA Plus* dan Muzium Tunku Azizah.

Yang Berhormat Speaker,

Untuk memupuk semangat patriotik serta jati diri, Arkib Negara Malaysia Negeri Pahang juga melaksanakan pelbagai program antaranya Program Citra Merdeka dan Kelestarian Makanan tradisi Negeri Pahang sempena Eksplorasi Rukun Negara. Melaksanakan sembilan pameran melibatkan agensi kerajaan, IPTA, IPTS serta sekolah-sekolah. Contohnya, pameran bersempena bulan… Bulan Kemerdekaan, Hari Malaysia, pameran di Program Kembara Ini Warisan Kita, pameran sempena sambutan Minggu Perpaduan dan sebagainya. Jadi, diharap Arkib Negara Malaysia Negeri Pahang dapat terus memelihara dan memulihara bahan arkib yang bernilai kekal untuk sebagai rujukan dan kelestarian warisan negara.

Yang Berhormat Speaker,

Untuk menggalakkan budaya membaca, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang telah melaksanakan pelbagai program. Jadi mengikut statistik tahun 2024, untuk seluruh Perpustakaan Awam Pahang bawah PPAP, keahliannya ada 10,825 orang pengunjung. Ada 497,143 orang, pinjaman buku 330… 352,920 naskhah dan sebanyak 5,182 aktiviti dirancang dan dilaksanakan untuk menggalakkan pembaca. Perpustakaan selalu dikaitkan dengan buku dan bahan bacaan bercetak. Namun, seiring dengan perkembangan teknologi, fungsinya telah berkembang jauh selebih itu.

Kini, perpustakaan juga menyediakan pelbagai perkhidmatan digital seperti akses kepada pangkalan data atas talian u-Pustaka yang membolehkan pengguna mengakses maklumat dari pelbagai sumber dan pelbagai kemudahan seperti sudut *e-sport*. Bilik aspirasi remaja VR telah berjaya menarik minat golongan kanak-kanak dan belia untuk datang ke perpustakaan.

Bagi tahun ini, *Pahang Book Run* dan Pesta Buku Pahang telah dirangka dan akan dijalankan pada bulan Oktober. Dengan ini, diharap Yang Berhormat dapat turun kita menyokong usaha ini menjadikan Pahang sebagai negeri contoh dalam aspek literasi dan kecemerlangan ilmu.

Yang Berhormat Speaker,

Kali ini teks penggulungan saya agak panjang sebab dia dapat input daripada 12 agensi bawah portfolio saya di mana saya nampak ada agensi-agensi yang mungkin rakan-rakan Yang Berhormat tidak *familiar* tapi saya rasa ini adalah peluang baik untuk usaha-usaha mereka dilihat dan dihargai. Dengan ini, saya mohon maaf bahawa disebabkan kesuntukan masa, mungkin saya tidak sempat untuk menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan Yang Berhormat masa perbahasan. Tapi soalan ini akan dijawab secara bertulis. Jadi sebagai penutup saya mohon jasa baik semua pihak, kita terus bekerjasama, bersatu tenaga, hidup harmoni dengan pelbagai usaha yang telah dilaksanakan dan dirancang. Saya yakin negeri Pahang akan terus menjadi penyumbang utama kepada kejayaan sektor pelancongan, kebudayaan dan perpaduan negara.

Jadi dengan ini saya akhiri ucapan saya dengan 3 buah pantun. Terima kasih kepada agensi yang menyediakan pantun ini. Saya harap saya boleh lakukan.

Tumbuh rendang masak berbuah,
Sambil makan menjamu selera,
Selamat bersidang, selamat berhujah,
Demi Pahang makmur sejahtera.

Dibelek-belek sirih junjung,
Kapur pun ada bersama pinang.
Seni dikolek budaya dijunjung,
Warisan negeri sama dijulang.

Sinar cahaya menyuluh desa,
Terik mentari memberi sinar,
Seni budaya identiti bangsa,
Jati diri terus menyinar.

Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang. Seterusnya, saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang. Sila, Yang Berhormat.

(ADUN TERUNTUM – N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat… Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail. Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang, Ketua-ketua jabatan, rakan-rakan Media serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Salam sejahtera semua.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Saya mengambil kesempatan ini menjunjung kasih seterusnya kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang atas limpah perkenan Baginda mencemar Duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 Tahun 2025 pada 18 April 2025 bersama 20 Syawal 1446 Hijrah diiringi oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang. Sesungguhnya titah ucapan serta saranan baginda Tuanku bukan sahaja meliputi segenap aspek pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat, malah turut menggambarkan keprihatinan dan hikmah ke… pemerintahan baginda. Kebijaksanaan dan kewibawaan baginda dalam memimpin negeri wajar dijadikan teladan dan pedoman oleh semua pihak. Menjunjung titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang semasa merasmikan Persidangan Dewan pada 18 April 2025 yang lalu, Baginda menzahirkan penghargaan terhadap pencapaian ekonomi negeri yang memberangsangkan serta penekanan kepada keperluan memperkukuhkan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

Titah Baginda turut memberi pengenalan penekanan kepada usaha menoktahkan kemiskinan tegar, meningkatkan peluang pekerjaan dan memperkasakan pergerakan social. Sekarang amanat ini amat selari dengan tekad Portfolio Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia untuk memastikan kebajikan rakyat meningkat peningkatan taraf hidup serta hak-hak pengguna terus dilindungi. Justeru, pihak kami akan terus memperhebatkan inisiatif bersasar, memperkukuhkan kerjasama antara agensi dan mendekati rakyat selalu. Pendekatan yang menyeluruh dan berimpak tinggi agar tidak warga Pahang yang terpinggir daripada arus pembangunan negeri. Sebagai pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh portfolio saya. Setiap pandangan, teguran dan cadangan yang dikemukakan amat dihargai dan akan diberikan perhatian yang sewajar demi kebaikan bersama.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Untuk Portfolio Hal Ehwal Pengguna, Kerajaan Negeri sentiasa memberikan perhatian serius dalam menumpukan usaha-usaha bagi mengawalkan harga bekalan barangan keperluan harian di negeri Pahang sentiasa mencukupi di pasaran untuk kegunaan rakyat di Pahang. Pelbagai perancangan dan program yang menyeluruh dirangka untuk memastikan keperluan harian adalah mencukupi.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup lebih dikenali KPDN Negeri Pahang sentiasa menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan seperti pemeriksaan dan pemantauan ke atas premis-premis perniagaan bagi memastikan peniaga sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan

seterusnya menangani hak-hak pengguna. Sehingga 21 April 2025, sejumlah 30,539 premis perniagaan setakat ini telah diperiksa. Di mana sejumlah 438 kes setakat ini telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM397,822.11 dan kutipan kompaun berjumlah RM70,600.00. Selain itu KPDN melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan bagi mengawal harga barangan keperluan semasa musim perayaan. KPDN Negeri Pahang juga giat melaksanakan pemeriksaan Kempen Kita Gempur secara gerakan massa sebagai usaha strategik, mencegah ketirisan barangan kawalan dan subsidi.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Untuk Program Jualan Makmur Negeri Pahang yang semua telah ketahui. Di bawah Program Jualan Makmur Kluster Perayaan, Kerajaan Negeri Pahang setakat ini telah memperuntukkan sejumlah RM2.52 juta sebagai langkah proaktif untuk membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat khususnya… khususnya menjelang musim perayaan. Inisiatif ini memberi peluang kepada rakyat negeri Pahang untuk mendapatkan barangan keperluan pada harga yang lebih rendah berbanding dengan harga pasaran. Hasil subsidi yang didagangkan ditanggungkan oleh Kerajaan Negeri. Pada 17 April 2025, saya telah berjumpa dengan Menteri KPDN di Putrajaya, Datuk Amizan Mohd Ali. Dia telah menyokong dan memuji inisiatif Kerajaan Negeri Pahang dalam menjalankan Program Jualan Makmur.

Untuk makluman Ahli Dewan, jualan seperti ini hanya di Malaysia ya, hanya tiga negeri sahaja iaitu Pahang, Johor dan juga Selangor yang melaksanakan Program Jualan jenama ini er… Makmur ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dalam menyokong program seperti ini. Inisiatif selari dengan pengumuman Menteri Besar Pahang dalam pembentangan Belanjawan Negeri Pahang 2025. Di mana Jualan Makmur Kluster Perayaan ini dikenal pasti sebagai antara strategi penting dalam memperkukuhkan jaringan keselamatan kos sara hidup rakyat. Melihatkan sambutan yang amat menggalakkan daripada rakyat Pahang, Kerajaan Negeri akan meneruskan program ini bagi sambutan perayaan utama yang akan datang seperti Deepavali dan Krismas.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

KPDN Pahang melaksanakan Program Jualan Rahmah yang di bawah inisiatif Payung Rahmah bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat. Program ini bekerjasama dengan pemain industri sektor peruncitan seperti pasar raya dan *hypermarket* yang menawarkan penjimatan harga barangan keperluan harian antara 10 hingga 30% lebih murah daripada harga pasaran tempatan. Untuk tahun ni, setakat 22 hari bulan April 2025, bilangan pelaksanaan Jualan Rahmah di negeri Pahang adalah sejumlah 431 program dengan pecahan mengikut model-model pelaksanaan dalam premis. Sejumlah 130 lokasi di luar premis. Sejumlah dua lokasi dan secara bergerak sebanyak 246 lokasi. Bagi memudahkan masyarakat mendapatkan maklumat pelaksanaan program ini, lokasi masing-masing. Mereka boleh melayari *Facebook* rasmi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Kos Sara Hidup Negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia merupakan alternatif kepada mahkamah sivil untuk pengguna membuat tuntutan tebus rugi berkenaan dengan barangan atau perkhidmatan secara murah, mudah dan cepat. Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia berfungsi untuk mendengar atau mengadili tuntutan dengan bebas, adil, saksama

serta pada masa yang sama membangunkan undang-undang berhubung perlindungan pengguna. Dalam hal ini, Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia mempunyai bidang kuasa mendengar tuntutan tebus rugi bagi pembelian barangan dan perkhidmatan yang dibenarkan di bawah bidang kuasa seperti diperuntukkan di bawah Akta 599 yang jumlah tidak melebihi RM50,000.00 dan tuntutan yang berbangkit dalam masa tiga tahun dari tarikh kejadian. Orang ramai boleh dapat… mendapatkan maklumat sekiranya ingin membuat tuntutan secara terus dengan adil di kaunter Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia di negeri Pahang di Pejabat KPDN Negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Untuk Portfolio Sumber Manusia. Pihak Kerajaan Negeri sentiasa memberikan perhatian kepada keperluan tenaga buruh dan pasaran pekerjaan rakyat di negara ini. Berdasarkan statistik yang telah direkodkan oleh PERKESO Negeri Pahang, sepanjang tahun 2024 sebanyak 8,356 pekerjaan atau 3... 32.8% dari 25,475 pencari kerja yang berjaya mendapat… mendapatkan pekerjaan telah direkodkan di negeri Pahang melalui portal pencarian pekerja nasional iaitu portal *MyFutureJobs*. Jumlah ini meningkatkan berbanding pencapaian tahun sebelum ini sebanyak 604… 6,450 pekerjaan iaitu 21.8% daripada 30,012 pekerja…pencari kerja aktif yang direkodkan. Keberhasilan ini di sumbangan melalui lebih 200 aktiviti temuduga telah diusahakan sepanjang tahun 2024. Bagi meneruskan usaha tersebut, sebanyak 1,610 peluang pekerjaan aktif di negeri Pahang yang juga telah tersedia buat masa ini untuk dimohon oleh semua pekerja, pencari kerja terlibat. Selain peluang pemadanan pekerja ini melalui *MySTEP* atau *MyMidCareer40*.

Selain itu, Perkeso juga aktif membantu pekerja dan majikan yang terkesan dengan risiko pembuangan kerja. Sekiranya ada pekerja-pekerja yang terlibat dengan risiko berhenti ini, boleh dibantu oleh di bawah Sistem Insurans Pekerja Perkeso. Terdapat bantuan kewangan iaitu elaun mencari pekerjaan yang tersedia buat pekerja yang layak dengan kelayakan maksimum selama enam bulan tertakluk kepada syarat caruman sedia ada. Dengan syarat pekerja terlibat, bersedia dan aktif melakukan aktiviti pencarian pekerjaan yang diperlukan untuk mencari pekerjaan yang baru. Bagi membantu memperluaskan perlindungan keselamatan sosial kepada semua golongan pekerja termasuk golongan pekerja sendiri.

Perkeso Negeri Pahang dengan kerjasama pelbagai agensi dan persatuan juga sedang giat mempromosikan inisiatif Kerajaan Persekutuan iaitu Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri di bawah Belanjawan 2025. Inisiatif ini menyasarkan golongan pekerjaan sendiri untuk mendapatkan geran di bawah SPS padanan caruman 3.0 iaitu subsidi sebanyak 70%... 70%... 70%, betul bagi caruman di bawah SK… SPS & juga SPS Madani 3.0. Untuk geran Perlindungan 100% bagi kumpulan pekerjaan sendiri yang disasarkan seperti anggota sukarelawan, badan beruniform, perkhidmatan rumah ibadat, dan penyelidik petugas pemulihan komuniti. Inisiatif ini telah bermula pada 9 haribulan April 2025 dan boleh diperolehi melalui mana-mana pejabat Perkeso berhampiran.

Yang Berhormat Tuan Speaker…

(ADUN BESERAH - N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mohon pencelahan sikit boleh tak, Yang Berhormat? Celah sikit. Yang tadi okey, satu usaha yang baik untuk mem… memberikan perlindungan kepada khidmat

sukarelawan termasuk er… rumah ibadat. Adakah ianya juga ter… terpakai kepada imam, bilal di masjid-masjid yang boleh di… dimasukkan dicarumkan dalam perlindungan takaful itu? Terima kasih.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Beserah. Memang boleh.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, izinkan saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran dan cadangan sepanjang sesi perbahasan yang menyentuhkan portfolio saya. Pandangan-pandangan tersebut amatlah bernilai dan akan diberi perhatian serius demi memperkasakan usaha kita dalam menjaga kebajikan rakyat dan memperkukuhkan ekonomi negeri khususnya dalam aspek kepenggunaan dan pembangunan sumber manusia.

Sesungguhnya portfolio ini menyentuh secara langsung aspek kesejahteraan rakyat daripada kawalan harga barangan keperluan harian, perlindungan hak pengguna sehinggalah kepada penyedia peluang pekerjaan dan keselamatan sosial golongan pekerja. Maka menjadi tanggungjawab kami untuk terus mempergiatkan usaha dengan penuh integriti dan tangkas menghadapi cabaran semasa khususnya dalam era digital dan serba mencabar ini.

Saya bersama seluruh pasukan serta agensi-agensi pelaksana di bawah bidang kuasa portfolio ini akan terus komited melaksanakan amanah yang diberikan sebaik mungkin. Kami amat mengalu-alukan kerjasama berterusan daripada semua pihak termasuk Wakil Rakyat, agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan seluruh warga Pahang dalam menjayakan matlamat bersama membina masyarakat yang makmur, sejahtera dan berdaya tahan. Sebagai tanda penutup, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun. Ini *first time* eh.

Rakyat dijaga siang dan malam,
Amanah dipikul dengan berani,
Negeri dibina dengan azam,
Demi masa depan saya harmoni.

Dengan penuh takzim, saya menyokong usul menjunjung kasih titah sultan tuanku… tuanku sultan. Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang. Seterusnya, saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Sila, Yang Berhormat.

(ADUN GUAI – N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan

Negeri. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin… keizinanNya dapat kita bersama-sama dalam dewan yang mulia pada hari ini. Ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh portfolio saya, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang.

Di kesempatan ini, patik ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kesisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah yang telah menyempurnakan Titah Diraja sempena Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Pahang ke-15 yang… yang pada hemat patik, titah yang penuh wibawa ini bukan sahaja mencerminkan keperihatinan baginda terhadap kemajuan negeri bahkan turut mengangkat nilai-nilai integriti, tanggungjawab sosial dan keadilan untuk semua rakyat.

Tuan… Yang Berhormat Tuan Speaker,

Kerajaan Negeri memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat sepertimana yang dizahirkan dalam Belanjawan Negeri Pahang 2025. Usaha menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat menjadi fokus utama Kerajaan Negeri bagi membela nasib mereka yang terkesan dari segi pendapatan dan juga kualiti hidup. Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang akan meneruskan usaha dalam menangani isu-isu semasa bagi memastikan kesejahteraan rakyat diutamakan.

Pada tahun 2025, Kerajaan Negeri Pahang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang telah menyediakan inisiatif dan bantuan yang memberi manfaat kepada rakyat khususnya kumpulan sasar JKM untuk dilaksanakan pada tahun 2025 seperti berikut.

Yang pertama adalah menjamin kebajikan masyarakat. Kerajaan Negeri memberi fokus kepada kesejahteraan rakyat di mana penekanan kepada aspek kebajikan dan keperluan rakyat termasuk kebajikan warga emas dan orang kurang upaya. Di antara program-program yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut. Yang pertama bagi memastikan golongan warga emas dan OKU mendapat sokongan sosial yang sewajarnya dalam komuniti, Program Khidmat Bantu Di Rumah yang dikenali sebagai (KBDR) diteruskan lagi pada tahun 2025 dengan peruntukan berjumlah RM1.9 juta yang akan memberi manfaat kepada seramai 4,632 orang penerima bantuan dari kalangan warga emas dan OKU dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wanita Pahang dan juga gabungan Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan.

Program KBDR merupakan satu program yang memberi khidmat sokongan sosial kepada warga emas dan OKU terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau bersama ahli keluarga yang memerlukan bantuan dan sokongan sosial. Ianya merupakan program yang memastikan golongan warga emas dan OKU yang memerlukan dapat disantuni demi menjaga kebajikan dan kesejahteraan mereka. Seterusnya, Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) adalah rakan strategik Jabatan Kebajikan Masyarakat yang memberikan perkhidmatan berbentuk pembangunan, pemulihan dan pengintegrasian kepada OKU.

Justeru, bagi meningkatkan penglibatan dan penghargaan kepada PPDK, Kerajaan Negeri meneruskan pemberian secara *one-off* pada tahun 2025 kepada penyelia, petugas dan pelatih di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti dengan jumlah sebanyak RM595,000.00 kepada seramai 1,925 orang penyelia, petugas dan pelatih.

Peruntukan RM170,000.00 diberi kepada penyelia dan pelatih seramai 293 orang. Manakala peruntukan sebanyak RM425,000.00 diberikan kepada pelatih seramai 1,632 orang. Pemberian *one-off* kepada penyelia dan petugas PPDK adalah bertujuan untuk memberi penghargaan kepada mereka. Selain itu, pemberian ini juga adalah untuk meningkatkan motivasi petugas supaya terus bekerja di PPDK dan aktif dalam melaksanakan program untuk pembangunan terhadap pelatih OKU manakala pemberian *one-off* kepada PPDK bertujuan untuk memberi penghargaan kepada para pelatih yang telah mengikuti program di PPDK sepanjang tahun.

Pemberian tunai oleh Kerajaan Negeri Pahang sebanyak RM200.00 seorang juga adalah dapat meningkatkan motivasi pelatih untuk terus hadir dan aktif dalam setiap program yang diadakan oleh PPDK dan seterusnya Inisiatif Pahang Makmur. Inisiatif Pahang Makmur… Inisiatif Makmur Pahang… terbalik pula. Inisiatif Makmur Pahang 2025 dilaksanakan secara bersasar dan melibatkan penerima yang lebih ramai iaitu yang pertama penerima Inisiatif Makmur Pahang Kluster B40. Kerajaan Negeri sangat prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim.

Sehubungan itu, anak-anak yatim di pusat jagaan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang akan menerima bantuan sebanyak RM250.00 seorang melibatkan 400 penerima dengan jumlah peruntukan sebanyak RM100,000.00. Bantuan bertujuan untuk menjaga kebajikan anak-anak yatim di pusat jagaan yang berdaftar dengan JKM. Inisiatif juga... ini juga adalah untuk menggalakkan pertubuhan sukarela kebajikan untuk menubuhkan pusat jagaan anak-anak yatim dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.

Penerima Inisiatif Pahang Makmur Kluster Umum, berdasarkan unjuran yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia dijangka akan mencapai status negara menua pada tahun 2030 iaitu 15% penduduk adalah terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas. Sehubungan dengan itu, sebagai salah satu persediaan kepada situasi ini, Kerajaan Negeri Pahang telah memperkenalkan inisiatif pemberian subsidi untuk pembedahan katarak mata kepada warga emas pada tahun 2024 dan inisiatif ini diteruskan lagi pada tahun 2025 kepada warga emas, yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1 juta dan mensasarkan seramai 655 pene... penerima yang akan menerima manfaat.

Inisiatif ini bertujuan untuk memberi peluang kepada warga emas yang menghadapi masalah penglihatan akibat katarak mata dan tidak berkemampuan mendapatkan rawatan melalui pembedahan mata. Melalui pembedahan mata ini, warga emas dapat meningkatkan keupayaan untuk hidup berdikari dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

Pada tahun 2025, Kerajaan Negeri juga telah meneruskan inisiatif pemberian kad kesihatan yang kita namakan kad kesi… Kad Kesihatan Kasih Makmur kepada warga emas dan juga orang kurang upaya. Bagi pelaksanaan inisiatif ini, peruntukan fasa pertama berjumlah RM5 juta telah disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Program Kasih Makmur ini. Seramai 36,693 orang warga emas dan OKU yang berkelayakan akan menerima manfaat daripada inisiatif ini.

Inisiatif Kad kesihatan Kasih Makmur adalah bertujuan untuk meningkatkan akses warga emas kepada perkhidmatan kesihatan swasta. Inisiatif ini berupaya memudahkan urusan warga emas dan OKU untuk mendapatkan rawatan awal dan asas di 150 buah klinik panel swasta yang telah dilantik di seluruh negeri Pahang, di samping dapat mengurangkan kesesakan di klinik kesihatan kerajaan. Program ini berupaya meningkatkan kualiti kesihatan dan tahap kesejahteraan warga emas di

negeri Pahang dan dengan itu juga Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan perkhidmatan bantuan kewangan kepada golongan berkeperluan yang bersifat sementara. Bantuan ini bagi membantu individu atau keluarga pemohon yang berkeperluan agar dapat meneruskan kehidupan yang ba… yang lebih baik dan berkualiti.

Kadar bantuan kewangan JKM pada tahun 2025 telah dinaikkan berbanding kadar bantuan kewangan 2024. Kenaikan kadar bantuan ini adalah mengikut Belanjawan Tahun 2025. Antara skim bantuan kewangan dan kadar bantuan yang disediakan oleh JKM adalah seperti berikut. Yang pertama Bantuan Kanak kanak, kadar bantuan minimum RM100.00 sebulan telah dinaikkan kepada minimum RM200.00 sebulan seorang sehingga maksimum sebanyak RM1,000.00 sebulan.

Yang kedua, Bantuan Warga Emas. Kadar bantuan RM500.00 sebulan telah dinaikkan kepada RM600.00 sebulan, dan seterusnya Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak... Tidak Berupaya Bekerja, kadar bantuan RM300.00 sebulan. Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya, kadar bantuan RM450.00 sebulan. Bantuan Penjagaan Orang Kurang... Kurang Upaya, Terlantar ataupun Sakit Kronik dan Pesakit Kronik... Pesakit Kronik Terlantar dan Pesakit Kronik Tidak Terlantar, kadar bantuan RM5,000.00 sebulan dan Bantuan Am Negeri, kadar bantuan RM350.00 sebulan.

Keseluruhan penerima bantuan kewangan JKM sehingga bulan Mac 2025 adalah sebanyak 30,456 orang penerima dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM14,118,800.00 sebulan. Berikut adalah pecahan bantuan kewangan mengikut daerah di mana Kuantan, penerima adalah 7,756, Pekan 3,358, Rompin 1,680, Maran 1,841, Temerloh 4,153, Bera 2,070, Jerantut 2,253, Lipis 2,893, Bentong 2,095 orang, Raub 1,875 dan Cameron Highlands 480 orang sahaja.

JKM komited dalam memberi perkhidmatan tanpa mengira masa, 24 jam sehari, 7 hari seminggu dalam menjalankan tugas seperti bantuan bencana, perlindungan kanak-kanak, keganasan rumah tangga, kewaji... kebajikan warga emas dan OKU serta bermacam-macam lagi demi menjaga kebajikan dan kesejahteraan kumpulan sasar.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih dan syabas kepada... kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, mereka ini adalah hero yang tidak didendangkan. Sebagaimana ditegaskan oleh baginda, kemajuan sesebuah negeri tidak diukur semata-mata pada pencapaian angka tetapi juga pada kemampuan menjaga kemuliaan insan, menjamin keadil... keadilan sosial, memperkasa yang lemah dan melindungi yang tertindas.

Dalam semangat itulah saya ingin memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa dalam usaha menjayakan aspirasi kerajaan yang berpaksikan prinsip negeri yang makmur, rakyat sejahtera, Kerajaan Negeri melalui Belanjawan Tahun 2025 telah memperuntukkan sebanyak RM10.9 juta khusus untuk program dan inisiatif yang menyasarkan pembangunan wanita dan keluarga.

Peruntukan ini dipecahkan seperti berikut. Yang pertamanya ialah Permata Makmur. Program Permata Makmur 2025 diperuntuk... diperuntukkan Permata Makmur merupakan sebuah inisiatif istimewa Kerajaan Negeri Pahang yang berteraskan semangat penghargaan dan galakan terhadap kelahiran anak-anak sebagai aset masa depan negeri. Program ini bukan sekadar simbolik tetapi sebuah langkah konkrit dalam menyemai budaya menabung dan menyediakan jaringan sokongan awal kepada keluarga muda di Pahang.

Melalui program ini, setiap anak kelahiran Pahang akan menerima sumbangan bernilai RM300.00 yang dipecahkan kepada dua komponen utama iaitu di mana RM250.00 berbentuk simpanan SSPN iaitu Skim Simpanan Pendidikan Nasional bertujuan untuk menggalakkan tabungan pendidikan sejak dari awal kelahiran serta mendidik ibu bapa untuk merancang masa depan akademik anak-anak, dan RM50.00 lagi adalah berbentuk barangan jagaan bayi.

Inisiatif ini selari dengan iltizam Kerajaan Negeri untuk menggaris... mengarusperdanakan kebajikan rakyat dari peringkat paling asas iaitu sejak lahir. Ia juga merupakan satu bentuk penghormatan terhadap peranan wanita sebagai ibu dan pencorak generasi sekali gus mengiktiraf sokongan institusi keluarga sebagai tonggak pembangunan negeri. Lebih penting, Permata Makmur adalah cerminan keprihatinan Kerajaan Negeri… Kerajaan Negeri terhadap kelestarian demografi, kebajikan anak-anak serta sokongan langsung terhadap institusi keluarga khususnya dalam kalangan B40.

Melalui program ini, kerajaan tidak hanya menyambut kelahiran dengan kata-kata tahniah, tetapi dengan tindakan yang nyata dan berimpak diteruskan bagi menghargai... bagi menghargai anak kelahiran parang... kelahiran Pahang yang lahir pada tahun 2025 sepertimana yang telah diumumkan dalam Belanjawan Pahang pada tahun 2025 ini. Permohonan untuk inisiatif ini telah mula dibuka pada 1 Mac 2025. Ini bermakna sekiranya ada kelahiran di negeri Pahang boleh mendaftar ya dengan portal e-rakyat yang telah dibuka pada 1 Mac 2025. Dan pelak… pelaksanaan program-program kesejahteraan keluarga dan sosioekonomi wanita akar umbi. Salah satunya adalah Program Anggun Suri.

Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM1.3 juta bagi Program Anggun Suri untuk 2025. Anggun Suri merupakan program yang amat bermakna dan dinanti-nantikan oleh rakyat khususnya golongan muda dan pasangan yang berpendapatan rendah. Program ini adalah inisiatif anjuran Kerajaan Negeri Pahang yang menawarkan peluang kepada pasangan untuk mendirikan rumah tangga melalui majlis perkahwinan beramai-ramai yang dianjurkan secara rasmi, berhemah dan juga penuh keberkatan, insya-Allah. Tujuan utama program ini adalah untuk mengurangkan beban kos perkahwinan terutamanya bagi mereka yang kurang berkemampuan, mengangkat martabat institusi perkahwinan melalui pengurusan teratur, sah dari sudut undang-undang dan selaras dengan tuntutan agama. Mempromosi nilai-nilai kekeluargaan dan pemuafakatan dalam kalangan masyarakat.

Melalui program Anggun Suri, kerajaan bukan sahaja membantu dari sudut kewangan, tetapi juga menyediakan sokongan, bimbingan, pra-perkahwinan, kemudahan perundangan dan suasana majlis yang indah, dan penuh makna. Ia juga memperlihatkan wajah kerajaan yang cakna terhadap generasi muda dan memberi ruang kepada mereka untuk memulakan kehidupan rumah tangga dengan restu, masyarakat dan pentadbiran negeri. Bertujuan untuk memperkasa imej dan jati diri wanita serta membina jaringan komuniti yang sejahtera.

Dan satu lagi adalah Anggun Maju, ok tadi Anggun Suri ini Anggun Maju. Sebanyak RM700,000.00 diperuntukkan untuk Program Pembangunan Usahawan Wanita. Anggun Maju merupakan satu inisiatif keusahawanan yang khusus dirangka untuk memperkasa wanita negeri Pahang agar lebih berdaya saing dalam bidang ekonomi dan juga perniagaan.

Program ini digerakkan dengan matlamat memperluas penglibatan wanita dalam sektor keusahawanan moden mahupun tradisional. Sekaligus menyumbang kepada peningkatan taraf hidup dan ekonomi keluarga. Melalui Anggun Maju, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan di peringkat daerah dan mukim termasuk latihan asas dan lanjutan dalam bidang perniagaan kecil dan sederhana (PKS). Kursus digitalisasi bisnes termasuk penggunaan e-dagang, media sosial dan sistem pembayaran tanpa tunai. Bimbingan pembangunan produk termasuk pembungkusan, penjenamaan dan pensijilan halal. Jaringan pasaran dan pameran produk wanita melalui kerjasama dengan agensi kerajaan dan juga swasta.

Anggun Maju turut memberi keutamaan kepada golongan wanita luar bandar dan ibu tunggal agar mereka tidak tercicir dalam perubahan ekonomi semasa. Ia bukan sekadar program bantuan tetapi platform membina keyakinan, kebolehan dan keberanian wanita untuk berdikari serta menyumbang kepada ekonomi negeri. Inisiatif ini juga seiring dengan dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang yang menekankan keusahawanan sebagai salah satu pemangkin utama kepada pemberdayaan wanita secara menyeluruh.

Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang 2022-2026, merupakan dokumen hala tuju strategik kat negeri Pahang yang menyeluruh. Bersifat progresif dan berteraskan prinsip kesaksamaan gender dalam pembangunan negeri. Dasar ini menjadi panduan utama dalam merangka melaksana dan memantau pelbagai program pembangunan wanita di seluruh negeri secara lebih tersusun dan berimpak tinggi. Sejak pelancarannya pada tahun 2022, DPTWP telah mendorong pelaksanaan ratusan program di seluruh pelosok negeri meliputi 4 bidang tumpuan utama.

Yang pertamanya ialah Keusahawanan dan Ekonomi, Program Latihan, Pembiayaan Mikro dan Pendedahan Pasaran, telah dilaksanakan secara meluas untuk wanita termasuk di luar bandar. Dan keduanya adalah Kesihatan dan Kesejahteraan. Kempen Kesihatan Wanita, pemeriksaan saringan kesedaran kanser dan intervensi sokongan kesihatan mental telah menjangkau ribuan peserta. Teknologi dan juga pendigitalan, inisiatif seperti bimbingan asas teknologi, pendigitalan *business* wanita serta penggunaan media sosial yang selamat dan beretika telah diperluaskan. Pendidikan dan juga pembangunan diri, bengkel pembangunan sahsiah, kepimpinan wanita, motivasi ibu tunggal dan pendidikan. Literasi kewangan disampaikan secara inklusif dan terbuka.

DPTWP juga berfungsi sebagai mekanisme pemantauan kemajuan pembangunan wanita di peringkat negeri melalui Majlis Pembangunan Wanita Pahang. Dan serta kerjasama pelbagai jabatan, agensi dan juga pertubuhan bukan kerajaan. Melalui peruntukan RM1 juta tahun ini, pelaksanaan dasar ini akan terus diperkasakan bagi memastikan tiada wanita yang tinggal dalam arus pembangunan. Tidak kira di bandar mahupun desa, tidak kira status mahupun latar belakang.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian,

Portfolio wanita terus memberi fokus kepada perkara berikut. Latihan kemahiran dan keusahawanan wanita supaya mereka tidak lagi bergantung kepada bantuan tetapi menjadi penjana pendapatan dan pemimpin ekonomi keluarga. Keselamatan dan kesejahteraan Wanita, termasuk isu… isu keganasan rumah tangga, kesihatan mental dan pendidikan sosial. Pembangunan komuniti wanita luar bandar melalui pendekatan bersasar seperti Anggun Maju dan juga Permata Makmur. Kerjasama erat dengan

MTSP dan MPWP dalam memperkukuhkan jaringan sosial dalam sistem sokongan untuk wanita dan di… dan keadilan untuk semua rakyat termasuklah kaum wanita.

Di samping itu juga, Kerajaan Negeri sentiasa memberikan penekanan kepada kepentingan kesejahteraan sosial melalui pemerkasaan institusi keluarga. Justeru itu, dalam memperkukuhkan institusi keluarga sebagai asas pembentukan masyarakat yang harmoni dan sejahtera, pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan oleh LPPKN bagi memperkasakan institusi keluarga rakyat negeri ini. Usaha-usaha untuk menyediakan persekitaran yang menyokong kesejahteraan keluarga, membina ketahanan keluarga dalam menghadapi cabaran sosial dan ekonomi serta menggalakkan pembangunan potensi setiap anggota keluarga dilaksanakan melalui program-program seperti berikut.

Yang pertamanya adalah Program Memperkukuhkan Nilai Teras Keluarga. Program ini diberi… ini memberi penekanan kepada nilai teras keluarga KASIH iaitu (K), Kasih Sayang, Akhlak, Sihat dan Selamat. Ilmu dan harmoni yang harus dihayati serta diterapkan dalam keluarga di Malaysia, penghayatan dan pengkayaan nilai KASIH ini, dibawakan melalui program Sambutan Hari Ibu yang biasa ni diraikan pada bulan Mei. Sambutan Hari Bapa (bulan Jun), Sambutan Hari Penduduk (bulan Julai) dan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (bulan November) dan serta program pendidikan kekeluargaan dan kaunseling yang dilaksanakan sepanjang tahun.

Program seterusnya adalah program Pendidikan Kemahiran Keibubapaan. Program ini memberi penekanan kepentingan ilmu serta kemahiran keibubapaan kepada golongan ibu bapa dalam mendepani cabaran membentuk ahli keluarga, mempunyai daya ketahanan tinggi serta menjadi insan yang upaya membangunkan negeri serta negara secara progresif. Program-program yang dijalankan adalah Kursus Ilmu Keluarga, Kursus PEKA (Pendidikan, Keselamatan Keluarga dan Anak), Kursus KASIH Keibubapaan Digital, Kem Naungan Kasih dan Kursus *Parenting @ Work* dan juga yang ketiga ialah Kursus Pengukuhan Perkahwinan.

Cabaran pasangan baru berkahwin serta isu-isu perceraian di kalangan pasangan muda yang semakin meningkat boleh menjejaskan pembentukan institusi keluarga yang sejahtera. Justeru itu, Kursus SMARTSTART 2.0 akan dilaksanakan untuk memberi panduan kepada pasangan dalam membuat persediaan rumah tangga yang harmoni dan sejahtera. Dan seterusnya ialah Program Kesejahteraan Wanita dan lelaki. Dalam agenda pemerkasaan wanita, LPPKN turut berperanan untuk memastikan kesihatan terutamanya kesihatan *reproductive* wanita diberi tumpuan. Inisiatif secara berterusan dilaksanakan menerusi kempen *Women Cancer Reproductive* (WCaRe) kepada golongan wanita untuk melakukan pemeriksaan awal bagi mengesan kanser payu dara dan pangkal rahim. Kesejahteraan lelaki juga di… tidak ketinggalan melalui pembangunan dan pelaksanaan modul kebapaan dan juga program kesejahteraan lelaki.

Program yang seterusnya yang telah diadakan oleh LPPKN adalah Program Bantuan Rawatan Kesuburan. Penurunan kadar kesuburan yang pantas menjadikan negara menua lebih cepat dari jangkean… jangkaan. Isu pasangan suami isteri yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan zuriat serta kos rawatan kesuburan yang mahal turut menjadi perhatian kerajaan. Justeru itu, program Bantuan Rawatan Kesuburan telah dilaksanakan pada tahun ini. Program ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam meringankan beban pasangan suami isteri yang berdepan cabaran mendapatkan zuriat di samping memberi peluang kepada mereka menjalani rawatan kesuburan peringkat awal dengan kos yang lebih mampu milik di Klinik Nur

Sejahtera LPPKN. Program ini bukan sahaja meringankan beban kewangan pasangan malah memberikan mereka harapan untuk memiliki zuriat sendiri. Ia sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memperkukuh institusi keluarga sebagai asas pembinaan masyarakat yang harmoni dan program yang keenam adalah Program PEKERTI iaitu Pendidikan, Kesihatan, Reproduktif dan Sosial (SRH) Negara.

Peningkatan salah laku seksual dalam kalangan remaja terutama prevalens remaja melakukan hubungan seks semakin membimbangkan. Justeru itu, Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial mensasarkan kepada golongan remaja dengan memberikan pengetahuan langkah-langkah pencegahan salah laku seksual ini. Segala inisiatif ini membuktikan keprihatinan berterusan Kerajaan Negeri melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara memastikan setiap keluarga tanpa mengira latar belakang sosial mempunyai akses kepada pendidikan, sokongan, rawatan dan bimbingan demi kesejahteraan hidup. Semoga segala program dan dasar yang dirancangkan ini akan terus memberikan manfaat kepada masyarakat dan menjadi tunjang dalam melahirkan generasi Pahang yang lebih sihat, sejahtera dan harmoni.

Yang Berhormat Tuan Speaker…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Panjang lagi?

(ADUN GUAI - N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Dah sikit lagi. *Last.* Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan portfolio saya. EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri Pahang akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara dibangkitkan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan persidangan Dewan Undangan kali ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian,

Sesungguhnya segala dasar, inisiatif dan peruntukan yang telah dirangka dan dilaksanakan ini bukan sekadar usaha pentadbiran tetapi lambang kasih sayang dan tanggungjawab yang mendalam terhadap rakyat yang kita wakili. Setiap sen yang diperuntukkan, setiap program yang dilaksanakan dan setiap dasar yang digubal adalah amanah yang dipikul di bahu kita. Rasa bangga sebagai rakyat Pahang ini sewajarnyalah kita terapkan dijiwa dan sematkan di hati setiap warga di negeri bertuah ini. Pelbagai inisiatif untuk rakyat yang telah dicetuskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah manifestasi kerajaan negeri agar setiap golongan lapisan masyarakat di negeri Pahang berbangga sebagai anak Pahang. Negeri yang makmur bermula dengan keluarga yang sejahtera, wanita yang diberdayakan dan masyarakat yang dihargai.

Maka marilah kita terus melangkah ke hadapan dengan semangat kebersamaan menjadikan pentadbiran ini bukan sahaja cekap tetapi juga penuh jiwa. Kita bukan hanya membina dasar tetapi menyalakan harapan. Kita bukan sekadar melaksanakan program tetapi mencipta ruang perubahan dan kita bukan hanya mengurus rakyat

tetapi berbakti dengan penuh kasih dan ehsan. Biarlah khidmat kita ini menjadi bukti cinta kepada negeri dan rakyatnya. Biarlah tangan tangan kita menjadi pemudah jalan dan suara kita menjadi pembela yang jujur. Akhir kalam, saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak, jabatan, agensi, NGO, pemimpin masyarakat semua dan serta semua rakyat Pahang yang telah bersama menjayakan agenda Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat. Dengan penuh rendah hati saya berdoa agar segala usaha yang… yang kita usahakan diberkati segala amanah keturunan dengan jujur dan segala bakti kita dikenang sebagai warisan yang bermakna kerana bila kita bekerja dengan hati, berkhidmat dengan ikhlas dan berbakti tanpa mengira bangsa, di situlah terletaknya nilai sebenar seorang pemimpin. Dengan ini, Guai mohon menyokong. Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Seterusnya, saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan. Sila, Yang Berhormat.

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB DATO' Ir. RAZALI BIN KASSIM

(Ayat al-Quran). Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua kerana telah beri peluang pada saya untuk bahas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj serta Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di atas sokongan dan dorongan yang tiada berbelah bagi buat Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Bak kata pepatah, raja dan rakyat berpisah tiada.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Pertama sekali saya ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada kepimpinan yang dikasihi, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail bagi meneruskan kesinambungan untuk membawa lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan negeri Pahang yang tercinta ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berjaya membawa perubahan yang ketara dalam… kepada pentadbiran dan pengukuran yang nyata bila mana hasil pendapatan meningkat bagi 3 tahun berturut-turut dengan memperolehi hasil pendapatan melebihi RM1 bilion. Dengan kestabilan politik yang pelbagai usaha yang lain telah memberi kesan kepada kebajikan rakyat di mana ianya sentiasa dipertingkatkan dan diperluaskan secara bersasar.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan ucapan tahniah kepada Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar yang telah dilantik sebagai Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri. Tahniah diucapkan kepada Tuan Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi yang telah dilantik sebagai Yang Berhormat Penasihat Undang-

undang Negeri. Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh selaku Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang yang baru.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya dengan penuh rasa dukacita menzahirkan ucapan takziah atas pemergian mantan Perdana Menteri Malaysia Ke-5, Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi. Seorang tokoh yang dikenang bukan hanya kerana jasanya kepada negara tetapi juga kerana kelembutan budi dan ketinggian pekertinya.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan Kerajaan di Pahang dalam usaha menangani isu pencerobohan tanah haram bukan perkara baru dalam masa dekat. Sebenarnya, Yang Berhormat Jelai dilantik menjadi Menteri Besar pada pertengahan Mei 2018. Malah, salah satu usaha beliau adalah untuk menangani pencerobohan haram termasuklah perlombongan, pembalakan, pencerobohan tanah kerajaan, hutan simpan dan sebagainya.

Selepas dihalusi, akhirnya kerajaan telah menubuhkan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) pada 15 Oktober 2019. Ini jelas membuktikan kesungguhan usaha penambahbaikan penguatkuasaan negeri Pahang ini bukan hanya bermula dalam masa singkat atau masa sebulan dua ini tetapi ia sudah bermula bukan 5, 6 tahun yang lalu dan banyak tindakan telah diambil sama ada dikompaun ataupun dibawa ke mahkamah serta rampasan alatan pencerobohan telah disita.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Langkah tegas yang diambil ini selari dengan titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang malah membuktikan komitmen Kerajaan Negeri dalam memelihara kedaulatan tanah dan hasil bumi negeri ini. UPNP melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang berkesan dan mencegah ketirisan hasil negeri Pahang. Terima kasih kita ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. *This is* Pahang. Pahang 1st. ‘Tiada janji, lihat bukti’.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Menyentuh sektor Kerja Raya bagi tahun 2025 peruntukan RM2.8 bilion yang diumumkan oleh Kerajaan Pesekutuan untuk senggaraan jalan dan Jambatan Persekutuan. JKR Negeri Pahang sehingga 31 Mac 2025 telah menerima agihan bagi kerja pembaikan jalan, jambatan, kerja rutin dan lain-lain berjumlah RM285 juta. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak 107 kerja senggaraan telah dilaksanakan di seluruh negeri Pahang manakala peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri dan Jalan Kampung (MARRIS) sehingga 31 Mac 2005 berjumlah RM268.266 juta.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Dalam memastikan jaringan jalan yang baik untuk memudahkan pergerakan rakyat di samping melancarkan aktiviti para pedagang dan menjana ekonomi negeri setempat, di bawah *Rolling Plan* 5 RMKe-12, Kerajaan Negeri berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan 2 projek di bawah Kementerian Kerja Raya dan 5 projek di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dengan kos sebanyak

RM858.74 juta. 2 projek diluluskan di bawah Kementerian Kerja Raya ialah menaik taraf struktur turapan jalan Sungai Koyan (FT1503) dari Seksyen 0.00 hingga Seksyen 29.3 Raub dan Lipis, Pahang berjumlah RM100 juta. Menaik aras Jalan Jerantut - Kuala Lipis (FT234) dari Seksyen 42.00 hingga Seksyen 48.00 dan dari Seksyen 55.00 hingga 57.00. Jerantut sebanyak RM124.82 juta manakala projek diluluskan di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah adalah menaik taraf Jalan Pos Sinderut, Lipis sebanyak RM320 juta, membina jambatan konkrit baru di Kampung Ulu Milut, RPS Betau dan Lipis sebanyak RM9 juta, membina jambatan konkrit di Kampung Berkat, Maran sebanyak RM7 juta, menaik taraf Jalan Kampung Terisu, Cameron Highlands sebanyak RM90 juta, menaik taraf Jambatan Kampung Kuala Dong laluan C158, Seksyen 12.40, Jalan Cheroh ke Gesing, Raub sebanyak RM14 juta di bawah *Rolling Plan* Ke-5 RMKe-12. Kesemua projek ini sedang di peringkat reka bentuk oleh JKR Malaysia.

Yang Berhormat di-Pertua,

Satu Mesyuarat Khas Pembangunan Negeri Pahang antara Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Persekutuan telah dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim di Wisma Sri Pahang pada 11 April baru-baru ini. Dalam masa tersebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju dengan cadangan untuk memulakan kerja-kerja awalan bagi projek-projek keutamaan di negeri Pahang. Antaranya pembinaan Persimpangan Bertingkat Bukit Rangin, Jalan Kuantan-Chukai(FT03). Keduanya menaik taraf Jalan Kuantan-Segamat (FT12) sepanjang 51 km, ketiga pelaksanaan Pakej 6 bagi *Central Spine Road* antara Karak-Simpang Pelangai, Keempat menaik taraf jalan dari Kampung Padang ke Persimpangan Lampu Isyarat LPT 1 (Fasa 2).

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerja Raya sedang menjalankan kerja awalan menaik taraf Jalan (FT02) (FT12), Jalan Kuantan-Segamat daerah Rompin (Fasa 2). Skop kerja awalan ini termasuklah reka bentuk, kerja ukur, kajian impak trafik, kajian impak alam sekitar dan siasatan tanah. Penyediaan reka bentuk konsep telah siap sepenuhnya. Proses seterusnya adalah penyediaan reka bentuk awalan, penyediaan reka bentuk terperinci, penyediaan Pelan Pengambilan Tanah Seksyen 4 dan 8, *Value Engineering* dan penyediaan dokumen-dokumen tender muktamad. Semua proses ini dijangka dapat disiapkan pada Disember tahun ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Jabatan Kerja… Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang telah menerima 33 projek bangunan yang melibatkan 7 agensi pelanggan dengan jumlah keseluruhan kos projek adalah RM152,535,871.00 juta untuk dilaksanakan bagi RP5 RMKe-12 iaitu 16 projek di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dengan jumlah kos RM14,750,000.00, 3 projek di bawah Kementerian Dalam Negeri dengan jumlah kos RM29,267,018.00, satu projek di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan jumlah kos RM2 juta. Satu projek di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dengan jumlah kos RM22 juta. Dua projek di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dengan kos RM60,043,403.00 juta. Satu projek di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan jumlah kos RM1,755,450.00 juta. Sembilan projek di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dengan jumlah kos RM42,52,000.00 juta. Semua projek ini dalam peringkat perancangan, reka bentuk dan perolehan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Menjawab soalan tambahan daripada Yang Berhormat ADUN Lepar berkenaan dengan kesesakan lalu lintas di bandar Kuantan ketika waktu pagi dan petang hujung minggu dan cuti sekolah yang boleh mengurangkan jumlah pelancong ke Kuantan. JKR Pahang melalui JKR Daerah Kuantan telah mengemukakan beberapa-beberapa cadangan bagi mengurangkan kesesakan lintas di daerah ini. Di bawah RMKe-13 Rolling Plan pertama, RP1 di bawah Kementerian Kerja Raya. Antaranya adalah mengemukakan cadangan bagi pembinaan persimpangan bertingkat menaik taraf dan menaik taraf jalan di beberapa lokasi yang dikenal pasti seperti pembinaan Persimpangan Bertingkat Panching, Jalan Kuala Lumpur–Kuantan (FT02) yang ini telah diluluskan pada tahun 2023. SST dijangka pada bulan September 2025.

Kemudian cadangan bertingkat Bukit Rangin, Jalan Kuantan- Chukai (FT03) ini telah dilulus untuk kajian dan ketiga menaik taraf jalan dari Kampung Padang ke persimpangan lampu isyarat 1 Sungai Lembing. Er… ini juga telah lulus untuk kajian. Keempat cadangan membina pusingan bertingkat Permatang Badak Jalan Kuala Lumpur - Kuantan (FT02) ini masih belum diluluskan. Kemudian cadangan pembinaan bertingkat Kemunting, Kuala Lumpur - Kuantan (FT02) ini pun masih belum diluluskan. Pelan Cadangan pembinaan bertingkat… Pusingan Bertingkat Teluk Sisek, Kuantan ini pun masih belum diluluskan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Selain itu, sistem lampu isyarat di daerah Kuantan juga telah dinaik taraf dan dipantau oleh Cawangan… Cawangan Kejuruteraan Elektrik, JKR Negeri Pahang yang telah memasang lampu isyarat pintar *Smart Traffic Light* di beberapa lokasi di mana lampu isyarat tersebut mempunyai *linking system,* dengan izin di antara dua lampu isyarat dan ianya dipercayai dapat memberikan kelancaran kepada lalu lintas. Yang pertamanya di persimpangan lampu isyarat er… di Pasar Raya Giant dan persimpangan lampu isyarat Kemunting dekat Lembaga… LHDN dan kedua lampu isyarat Permatang Badak, Paya Besar dan persimpangan Sungai Isap.

Yang Berhormat di-Pertua,

Menjawab soalan tambahan daripada Jengka berkenaan keperluan menaik taraf dan membesarkan jalan daripada Bandar Pusat Jengka 13 dan Rumpun Makmur, projek menaik taraf Jalan Persekutuan (FT1533) dari Persimpangan Jengka 12 hingga ke Jengka 24. Jalan utama Jengka Utara Barat yang menghubungkan Bandar Jengka dan Kuala Krau. Wang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan melalui RP4 Rancangan Malaysia Ke-12. Projek dijangka bermula pada September 2025 dan dijangka siap pada Oktober 2028.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Menjawab kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat ADUN Tahan berkenaan keadaan laluan jalan utama ke Taman Negara Kuala Tahan. Dimaklumkan projek ini dalam proses pengambilan balik tanah yang masih belum selesai sepenuhnya. Bagi projek… Projek Pakej 2A dan 2C proses bicara pengambilan balik tanah bagi penentuan pampasan akan dijalankan bermula pada 13 Mei 2025 dan status semasa masih menunggu penilaian daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Sementara itu, bagi pakej 2B dan 2D… 2D, Ketua Jabatan Pengarah Tanah dan Galian Kesatuan… Persekutuan (JKPTG) dalam

tindakan untuk menyediakan kertas pertimbangan kepada MMK. Walau bagaimanapun, terdapat pindaan pelan dari juruukur dan pelan baru masih belum diterima oleh pihak JKPTG. Namun JKR Pahang telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan bagi memastikan jalan-jalan tersebut berada dalam keadaan baik. Antara kerja-kerja pembaikan tahun ini ialah pertamanya membaik pulih dan menaik taraf longkang rosak dan lain lain kerja berkaitan di Padang Piol, Jerantut.

Kemudian kerja-kerja baik pulih jalan dengan kaedah *Partial Reconstruction* dan lain-lain kerja berkaitan di Sungai Rentang, Seksyen 2 hingga 3. Kemudian kerja yang sama di Seksyen 5 dan 6 dan juga di Seksyen 39 hingga 42 Jerantut. Dan tarikh pelaksanaan semua kerja-kerja pembaikan pada 14 Februari 2025 dan dijangka siap pada 28 Mei 2025.

Yang Berhormat di-Pertua,

Menyentuh tentang sektor pengangkutan. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengangkutan Awam Negeri Pahang merancang membangun dan memantau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam aspek pembangunan dan pengurusan aktiviti pengangkutan. Jawatankuasa ini mengukuhkan pengangkutan awam dan memastikan agar negeri Pahang memiliki perkhidmatan dan rangkaian pengangkutan serta jaringan yang saling berhubung agar tidak membebankan rakyat. Jawatankuasa ini juga berperanan untuk memantau dan memastikan kelancaran aktiviti pengangkutan jalan raya dengan lebih efektif dan efisien bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dan mengurangkan risiko kemalangan di kawasan *hotspot* di negeri Pahang.

Kerja-kerja pembinaan lebuh raya, kerja pembinaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah melibatkan beberapa buah daerah di Negeri Pahang iaitu Daerah Kuantan, Maran, Temerloh dan Bentong dan ianya juga sedang rancak dilaksanakan. Kemajuan kerja projek ECRL di Negeri Pahang sehingga 31 Mac 2025 telah mencapai sebanyak 83.38% menepati jadual pelaksanaan. Dengan kedudukan geografi negeri yang strategik, dilengkapi pula dengan kemudahan Pelabuhan Kuantan, dan jaringan Laluan ECRL yang bakal beroperasi pada tahun 2027 ini, Kerajaan Negeri Pahang akan terus muncul di antara sebagai destinasi pelaburan paling dinamik di rantau ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

Menjawab kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat ADUN Bukit Ibam berkenaan Isu pengangkutan awam yang masih belum selesai. Satu Mesyuarat Perbincangan Isu Perkhidmatan Bas Ekspres Jalan Keratong-Kuala Lumpur telah diadakan pada 27 Mac 2025 yang dipengerusikan sendiri oleh saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan bersama dengan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) Wilayah Timur, pihak syarikat Sanwa Tours (M) Sdn Bhd, Maraliner dan Transnasional.

Mesyuarat memutuskan agar syarikat perkhidmatan bas sedia ada untuk masuk ke Terminal Bas Bandar Tun Razak bagi memberikan perkhidmatan bas sekiranya ada pembelian tiket oleh penumpang sama ada melalui *online* dan sebagainya. Mesyuarat juga memutuskan agar pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat Wilayah Timur memberi permit tambahan kepada Syarikat Transnasional untuk masuk ke Terminal Bas Tun Razak bagi memberi perkhidmatan bas sekiranya ada pembelian tiket oleh penumpang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Menyentuh sektor kesihatan sehingga 31 Mac 2005, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang telah menerima peruntukan mengurus sebanyak RM1.674 bilion dan peruntukan pembangunan sebanyak RM111.84 juta. Daripada peruntukan pembangunan tersebut sebanyak RM6.88 juta telah dibelanjakan iaitu bersamaan dengan 6.27%. Peruntukan yang diterima adalah merangkumi butiran projek latihan dalam perkhidmatan, pembaikan dan menaik taraf bangunan, Sistem Kejuruteraan dan Infra. Projek Bekalan Air, menaik taraf kemudahan Hemodialysis, menaik taraf ubah suai dan pembaikan di fasiliti kesihatan, penyelenggaraan kuarters, klinik dan hospital, menaik taraf peralatan perubatan dan bukan perubatan serta kenderaan, perkhidmatan sokongan hospital dan perkhidmatan- perkhidmatan sokongan klinik.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Di bawah *Rolling Plan* Ke-5 Rancangan Malaysia Ke-12 Tahun 2025. Sebanyak 20 projek yang dan dengan siling peruntukan sebanyak RM838.069 juta telah diluluskan. Ini termasuklah 3 projek baru fizikal dengan siling peruntukan sebanyak RM16.489 juta. Kelulusan adalah bagi kerja menaik taraf dan menggantikan sistem *chiller* dan ASU bagi dewan bedah Hospital Pekan, menaik taraf dan ubah suai Unit Rawatan Rapi, Pediatrik Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh dan menaik taraf Dewan Bedah Hospital Kuala Lipis. Satu projek telah siap sepenuhnya iaitu Klinik Kesihatan Jenis 7 di Kuala Triang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Selain itu juga Kementerian Kesihatan Malaysia sangat menitik berat tentang pembangunan infrastruktur bagi keselesaan kepada pelanggan. Sejumlah RM28.98 juta telah diperuntukkan bagi keseluruhan 40 projek klinik daif di negeri Pahang. Sebanyak 12 projek roboh dan bina baru dan akan dilaksanakan manakala 28 lagi adalah kerja pembaikan dan naik taraf. Projek klinik daif akan dilaksanakan oleh agensi pelaksana seperti JKR Negeri Pahang. Sektor implementasi Projek Pembahagian dan Perkhidmatan, Kejuruteraan Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Jabatan Kesihatan Negeri Pahang. Semua projek klinik daif masih dalam pesanan dijangka siap pada November 2025. Ini menunjukkan komitmen yang tidak berbagi dalam memastikan rakyat menimba kematangan kesihatan dalam suasana yang selesa dan selamat.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Menjawab soalan… menjawab kepada soalan tambahan daripada YB ADUN Yang Dilantik 2, berkenaan aduan kekurangan katil di HOSHAS dan 6 unit katil ICU tidak cukup untuk menampung pesakit. Jabatan Kesihatan Negeri Pahang ingin memberi penjelasan bahawa Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh atau HoSHAS merupakan hospital berpakar major yang mempunyai 22 kepakaran. Perkhidmatan kepakaran merangkumi 17 kepakaran dan 5 sub kepakaran. HoSHAS mula beroperasi pada tahun 2006 dengan jumlah katil sebanyak 500 ratus katil sahaja dan telah dinaikkan secara peringkat apabila penggunaan katil telah melebihi 80 peratus. Kali terakhir peningkatan jumlah katil yang telah diwartakan adalah pada tahun 2016 iaitu sebanyak 650 katil yang mana jumlah ini kekal sehingga kini.

Ada yang menyatakan HoSHAS hanya mempunyai 6 unit katil adalah tidak berasas kerana hospital ini memberi perkhidmatan perawatan kritikal. Dengan 18 katil unit

rawatan rapi bagi pesakit dewasa dan 31 katil untuk rawatan kritikal bayi. Perkhidmatan bagi pesakit kritikal jantung juga akan diberikan di hospital ini dengan jumlah sebanyak 6 katil. Jumlah katil di unit rawatan rapi adalah mencukupi buat masa ini bagi keperluan populasi di Hospital Kluster Pahang Tengah.

Pada tahun ini, HoSHAS juga telah mendapat kelulusan bagi projek… bagi Projek RMK-12 (RP5) iaitu mewujudkan Wad Pediatrik Insentif Care Unit baru berkapasiti 5 katil yang akan dilaksanakan pada tahun 2025. Ini adalah kerana sebelum ini di HoSHAS mengalami masalah tiada katil bagi rawatan rapi kanak kanak. Sehingga kini, jumlah penggunaan katil bagi HoSHAS adalah antara 65% hingga 73% yang mana keperluan katil bagi setiap hari adalah antara 420 katil hingga 475 katil bagi pesakit merawat rawatan dalam… yang memerlukan rawatan dalam.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang akan sentiasa mengambil tindakan yang proaktif dalam mewujudkan dasar dan program-program yang akan memberi manfaat yang menyeluruh kepada rakyat negeri Pahang. Saya mengambil kesempatan untuk sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Ahli Berhormat yang telah mengemukakan 27 soalan tambahan. Di antaranya ADUN Padang Tengku, Lepar, Semambu, Cheka, Pulau Manis, Bukit Ibam, Chenor, Sungai Lembing, Semantan, Lanchang, Ketari, Sabai, Sungai Lembing, Beserah, ADUN Dilantik. Ada lagi tambahan pada hari ini seperti Tanjung Lumpur, Damak dan lain-lain.

Namun disebabkan masa saya akan kemukakan jawapan soalan-soalan tambahan ini secara bertulis. Dengan secara… dengan segala peruntukan-peruntukan dan perancangan-perancangan yang… yang telah disediakan dan akan dilaksanakan nanti sudah tentu akan lebih maju, mensejahterakan dan memakmurkan lagi negeri Pahang, insya-Allah.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Dengan ini saya mohon menyokong. (Ayat al-Quran) Assalamualaikum WBT. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang. Seterusnya, saya menjemput Wakil Kerajaan yang terakhir pada sesi petang ini iaitu Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang. Sila, Yang Berhormat.

(ADUN BEBAR -N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua, (Ayat al-Quran). Assalamualaikum WBT. Selamat petang dan salam sejahtera.

Er… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pertamanya, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurniaNya, dapatlah saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan

Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang untuk mengambil kesempatan menggulung perbahasan titah Diraja pada persidangan kali ini sempena Istiadat Pembukaan Penggal Ke-4 Dewan Undangan Negeri Pahang yang Ke-15.

Saya ingin juga mengambil kesempatan dalam Dewan Yang Mulia ini untuk menjunjung kasih Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-mustafa Billah Shah dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah serta Kebawah Duli Paduka Baginda Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah di atas segala dorongan-dorongan dan inspirasi-inspirasi kepada Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Adil bijaksana raja bersemayam,
Rakyat setia menjunjung titah,
Berpadu teguh dalam pegangan,
Raja dan rakyat takkan berpisah.

Dengan penuh rasa hormat dan rasa syukur di dalam Dewan Yang Mulia pada hari ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas kepimpinan yang penuh berwibawa yang telah membawa negeri Pahang ke tahap pencapaian yang sangat cemerlang dan amat membanggakan kita semua. Syabas dan tahniah diucapkan di atas pencapaian prestasi yang amat cemerlang Kerajaan Negeri Pahang yang mana telah mencatatkan *hattrick* dalam kutipan hasil Kerajaan Negeri melebihi RM1 bilion 3 tahun berturut-turut iaitu daripada tahun 2022, 2023 dan 2024.

Selain itu juga, negeri Pahang juga telah berjaya mencatat pertumbuhan keluaran dalam negara kasar 10.8% berbanding purata nasional iaitu 48.7% pada 2022 dan 5.2% berbanding 3.6% purata nasional pada 2023 yang telah meletakkan negeri kita di kalangan 4 negeri yang melebihi purata KDNK Nasional termasuk Selangor, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Prestasi yang cemerlang yang ditunjukkan ini sesungguhnya merupakan cerminan kepada titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang tentang perlunya segala dasar pembangunan negeri terus digerakkan dengan penuh iltizam dan keikhlasan. Produktiviti mestilah diperkasakan, daya saing perlulah dipertingkatkan dan budaya kerja cemerlang hendaklah sentiasa menjadi amalan kepada kita semua di peringkat… di pihak… di peringkat pihak kerajaan tempatan. Alhamdulillah sepanjang tahun 2024, seluruh PBT-PBT di Pahang telah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah dan berdedikasi dan komited.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada PBT-PBT yang telah melakarkan kejayaan dalam pelbagai penarafan dan anugerah yang diterima sama ada di dalam dan luar negara. Sebagai contohnya, pertama ialah seperti Majlis Bandaraya Kuantan yang telah menerima penganugerahan tempat pertama Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2024 bagi kategori PBT yang bertaraf bandar raya. [Ahli Dewan menepuk meja]

Yang keduanya, Majlis Daerah Jerantut yang telah menerima penganugerahan tempat ketiga Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2024 kategori PBT bertaraf daerah. [Ahli Dewan menepuk meja]

Ketiga adalah Majlis Daerah Lipis, Majlis Daerah Cameron Highlands, Majlis Daerah Jerantut dan Majlis Perbandaran Temerloh yang telah menerima Anugerah 20 Bandar Paling Bahagia Malaysia 2025 daripada seluruh 156 PBT-PBT di seluruh Malaysia. Tahniah kepada Kerajaan Negeri. [Ahli Dewan menepuk meja]

Dan dengan adanya empat PBT-PBT yang dianugerahkan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah PBT-PBT yang paling banyak sekali yang telah dalam negeri ini yang telah dianugerahkan bandar paling bahagia. Pahang paling tinggi sekalilah yang mempunyai PBT-PBT yang paling bahagia dan dengan kejayaan ini, negeri Pahang telah mengekalkan kedudukannya sebagai negeri kedua paling bahagia 2025 selepas Negeri Sembilan sekali gus mengulangi kejayaan pada tahun 2024. Dua tahun berturut-turut negeri yang paling bahagia, tempat kedua selepas Negeri Sembilan.

Walau bagaimanapun, negeri Pahang ni dia mempunyai bilangan bandar paling bahagia paling banyak iaitu empat berbanding dengan tiga sahaja di Negeri Sembilan. Pencapaian ini bukan sahaja membuktikan kebijaksanaan dan kecekapan pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang tetapi juga telah mencerminkan dedikasi dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak yang terdiri daripada kakitangan-kakitangan awam, badan-badan berkanun negeri Pahang, syarikat-syarikat yang berkaitan negeri Pahang demi untuk menjamin kemajuan, kesejahteraan dan kelestarian rakyat negeri Pahang.

Saya bagi pihak Kerajaan Negeri amat berterima kasih kepada semua pihak ini yang telah berusaha bersungguh-sungguh dan memberikan sumbangan atas kejayaan kita semua ini. Semoga kejayaan ini akan terus berkekalan pada tahun akan datang dan menjadikan Pahang negeri yang cemerlang di antara negeri-negeri di seluruh Malaysia kita.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Menyentuh tentang portfolio perumahan, ingin saya memaklumkan bahawa dalam Dewan Yang Mulia ini, sebanyak 139 Projek PR1MA Pahang telah diluluskan yang melibatkan pembinaan 42,061 unit rumah bernilai hampir RM6.1 bilion.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8,194 unit dengan nilai RM1.2 bilion telah berjaya disiapkan dan telah memperolehi perakuan siap dan pematuhan (CCC), dengan izin, Yang di-Pertua. Sebanyak 1,769 unit dalam pembinaan bernilai RM265 juta dan 32,098 unit dengan nilai RM4.7 bilion masih dalam peringkat perancangan merangkumi fasa awal seperti permohonan kelulusan, perancangan pelan pembangunan serta proses untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada seluruh Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini agar dapat sama-sama memastikan pendaftaran permohonan perumahan melalui portal eperumahan.pahang.gov.my dapat dipertingkat dan dipergiatkan lagi dan diuar-uarkan kepada seluruh rakyat di semua kawasan berkenaan dengan skim-skim perumahan negeri yang ditawarkan supaya Kerajaan Negeri dapatlah merancang dan meneliti permintaan rakyat ini dan mengikut lokasi-lokasi tapak yang dibangunkan.

Untuk makluman Sidang Dewan, pendaftaran yang diterima setakat ini adalah sebanyak 108,907 permohonan dan akan kita teliti dengan sebaik-baik yang mungkin dan ini adalah merangkumi seluruh daerah-daerah dalam negeri Pahang kita.

Daripada daerah Maran pun ada, daerah Jerantut pun ada dan setiap DUN-DUN dalam kawasan daerah yang terbabit, DUN Beserah pun ada, DUN Kuala Sentul pun ada, DUN Chenor pun ada, semua ada, DUN Luit pun ada tapi demografinya kita adalah bergantung kepada permohonan-pemohonan terbabit. Ada yang nak Rumah RRP, ada nak Rumah Ru'RASA, ada nak Rumah Makmur, ada nak Rumah PR1MA Pahang, ada nak rumah macam-macam jenis rumah yang telah disediakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan setiap rakyat, lapisan rakyat dapat memiliki rumah yang sempurna untuk menjamin kesejahteraan dalam kehidupan masing-masing.

Bagi menjawab soalan Kuala Sentul, Kerajaan Negeri Pahang telah meluluskan sebanyak…

(ADUN BESERAH – N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Minta mencelah sikit boleh Yang Berhormat? Tanya sikit, pencerahan er… 108,000 permohonan yang ada dalam sistem itu, adakah ianya merangkumi semua kategori rumah yang ditawarkan ataupun hanya satu kategori rumah yang… yang ditawarkan? Terima kasih.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIF

Terima kasih soalan daripada rakan saya daripada Beserah ni. Dia tak mencelah, tak sah. Dia pernah masuk ePerumahan? Dalam ePerumahan ni dia ada kategori-kategori rumah dia dengan gambar rumahnya, jadi kadang-kadang bila dah daftar tu kita boleh *tick* yang mana satu kita nak tapi saya tak dapat nak perincikan lagi permohonan-permohonan tersebut dan kita pihak Lembaga Perumahan Hartanah Negeri Pahang akan meneliti permohonan-permohonan ini dan akan merancang dengan sebaik-baiknya keperluan-keperluan perumahan dalam seluruh negeri Pahang kita termasuklah di Beserah nanti. Kalau nak… nak bincang tu bolehlah Beserah.

Bagi menjawab soalan Kuala Sentul daripada tadi dah pandang saya. Kerajaan Negeri Pahang telah meluluskan sebanyak 11 projek Perumahan Rakyat 1Malaysia Pahang di daerah Maran yang berjumlah 2,006 unit dengan nilai keseluruhan hampir RM300 juta sebagai sebahagian daripada usaha-usaha untuk menyediakan kediaman-kediaman mampu milik kepada rakyat negeri Pahang khususnya kepada daerah Maran dan projek-projek ini dirancang dengan mengambil kira keperluan penduduk setempat, memastikan kemudahan-kemudahan yang lengkap serta persekitaran yang kondusif untuk didiami.

Daripada jumlah keseluruhan projek yang diluluskan, dua daripadanya telah berjaya memperolehi perakuan siap dan pematuhan CCC iaitu projek PR1MA Pahang di Simpang Tajau melibatkan 124 unit dengan nilai RM18.6 juta dan PR1MA Pahang di Bandar Jengka Pusat… Bandar Pusat Jengka melibatkan 58 unit dengan nilai RM8.7 juta pada tahun 2024… hingga 2024 dan kedua-dua projek ini telah selesai kita buat majlis penyerahan kunci dan… oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan telah pun diduduki dan baki sembilan projek yang lain berjumlah 1,634 unit, proses permohonan kebenaran merancang masih dilaksanakan, masih berjalan sebelum pembangunan dapat dimulakan dan Kerajaan Negeri Pahang melalui LPHP juga akan terus pada masa yang sama memantau pembangunan projek seperti Rumah Pahang sebelum ini yang kita kenali sebagai PGBF.

Bagi memastikan segala proses-proses pembangunan dilaksanakan mengikut peraturan, prosedur dan juga lunas undang-undang, LPHP mengadakan mesyuarat secara berkala bersama dengan semua jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan serta pemaju yang terbabit bagi memastikan projek-projek ini mematuhi segala keperluan proses pembangunan dan ianya mestilah dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Saya amat berharap dengan penjelasan di atas sedikit sebanyak dapatlah menjawab soalan-soalan Yang Berhormat ADUN Kawasan Kuala Sentul berkaitan dengan pelaksanaannya di 10 kawasan FELDA, di empat daerah dan kalau ada yang banyak lagi Yang Berhormat Kuala Sentul boleh datang pejabatlah, kita bincang baik-baik macam mana nak selesai masalah ini ya.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat ADUN Kawasan Ketari berhubung rumah Pahangku di daerah Bentong, setakat tahun 2024, Kerajaan Negeri telah meluluskan Skim Rumah Pahangku pada Julai 2024. Pada 2024, kita telah meluluskan satu lagi skim. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah meluluskan satu lagi skim yang kita namakan Rumah Pahangku. Banyak skim-skim ini sebab tu ADUN Beserah tadi soalan yang bagus.

Dan bertujuan bagi memudah cara pembangunan perumahan swasta di atas tanah persendirian yang berkeluasan melebihi 10 ekar di mana pemaju-pemaju perlu menyediakan 30% rumah kos sederhana rendah dan dengan dasar Skim Rumah Pahangku, pemaju hanya menyediakan hanya 10% sahaja rumah kos sederhana rendah dan dengan harga yang telah dikawal dan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Memandangkan kelulusan ini baru dilaksanakan, tahun lepas hanya satu sahaja kelulusan projek Rumah Pahangku di Jalan Kuantan-Pekan seluas 500 ekar yang melibatkan 5,100 unit rumah teres satu tingkat dengan nilai pembangunan kasar RM1.14 bilion akan dibangunkan oleh Lagenda Properties Berhad dan pembangunan ini melibatkan rumah teres satu tingkat dengan harga jualan di bawah RM220,000.00 seunit. Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan pihak-pihak pemaju swasta untuk melaksanakan skim perumahan ini di seluruh negeri Pahang termasuk DN Ketari bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk sama-sama menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat negeri Pahang dan khususnya rakyat setempat.

Bagi menjawab soalan ADUN Kawasan Chini, sejak tahun 2019 hinggalah tahun 2024, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan Rumah Rakyat Pahang berjumlah 929 unit dengan nilai RM94 juta. Sehingga penghujung Februari 2025, sebanyak 768 unit telah siap dibina manakala 191 unit masih dalam proses pembinaan dan bagi pembinaan Rumah Rakyat Pahang bagi masyarakat Orang Asli di bawah Pahang Orang Asli Corporation (ORACO), dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah 220 unit dengan nilai 19... RM16.9 juta dan sebanyak 166 unit telah siap dibina manakala 54 unit masih dalam proses pembinaan.

Dan proses pembinaan bagi kedua-kedua ini dijangka siap sepenuhnya pada penghujung bulan Jun 2025. Untuk makluman Dewan, rumah RRP ini diberikan secara percuma kepada rakyat yang betul-betul layak dipertimbangkan untuk diberikan Rumah Rakyat Pahang ini, RRP ini. Kerajaan Negeri bagi percuma dan hampir... hampir RM120 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dan diberikan kepada rakyat Pahang secara percuma yang betul-betul layak. Ini satu angka yang sangat besar, RM120 juta. Alhamdulillah juga, Kerajaan Negeri kekal meneruskan program ini ke Fasa 6 melalui pembentangan Belanjawan Negeri Pahang pada tahun 2025 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Pahang dengan

memperuntukkan sejumlah 470 unit dengan nilai RM36 juta termasuk kepada masyarakat Orang Asli.

Terima kasih kita ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang [Ahli Dewan menepuk meja] yang telah begitu prihatin terhadap keperluan rumah di negeri Pahang. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri amat prihatin kepada keperluan asas rakyat yang sangat memerlukan tempat tinggal yang selesa dengan menyediakan kediaman secara percuma kepada rakyat miskin tegar seperti Program Rumah Rakyat Pahang yang telah diluluskan berjumlah 1,618 unit. Dengan data diperolehi, jika kita bandingkan dengan negeri-negeri lain seperti Kerajaan Johor melalui Rumah Kasih Johor, hanya menyediakan 335 unit manakala Kerajaan Negeri Melaka melalui program Melaka Rumahku hanya menyediakan 60 unit sahaja. Berbanding dengan Kerajaan Negeri Pahang 1,619 unit, inilah Kerajaan Pahang kita, tahniah [Ahli Dewan menepuk meja].

Dan Kerajaan Negeri Pahang kini juga akan memperkenalkan Skim Rumah Pangsapuri Pahangku untuk membantu golongan-golongan muda untuk yang berkahwin untuk memulakan kehidupan baru. Berpendapatan rendah untuk memiliki rumah dan membina kehidupan baru, dibina berhampiran dengan stesen laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Majlis Pecah Tanah ini akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dijangka pada bulan Mei tahun ini 2025.

Dan kita berharap Pangsapuri Pahangku ini akan diperluaskan lagi bukan sahaja di Bentong, bahkan di Temerloh, di Maran, di Kuantan, di Cherating dan setiap jajaran-jajaran stesen ECRL supaya dengan adanya pangsapuri yang berhampiran dengan stesen-stesen ini bagi memudahkan untuk penduduk-penduduk berkomunikasi sama ada pergi ke Kuala Lumpur, sama ada pergi ke Kuantan kerana kita difahamkan apabila projek ECRL ini siap pada tahun 2027, masa untuk berulang-alik antara Kuantan dan Kuala Lumpur itu hanya mengambil masa 1 jam 45 minit.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Mohon mencelah sikit ya, Speaker. Boleh tak Kerajaan Pahang pertimbangkan jugalah pangsapuri ini tidak semestinya di stesen-stesen LRT tapi di pinggir-pinggir bandar macam di Maran. Contohnya di pinggir bandar Maran juga saya rasa situ pun ada keperluan jugalah. Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Tak, kita bergantung pada... contohnya, macam bergantung kepada pendaftaran, permohonan contohnya dan LPHP akan sentiasa, dia mengkaji tentang keperluan-keperluan dan juga lokasi-lokasi yang strategik untuk dibangunkan dengan pangsapuri ini. Kadang-kadang bergantung kepada pembeli dan berbagai-bagai lagi dan kita mengambil kira segala pandangan-pandangan yang baik dan akan diteliti dengan sebaik-baiknya supaya pelaksanaan perumahan ini akan memberikan manfaat bukan sahaja kepada pemaju-pemaju tetapi juga memberi manfaat kepada seluruh rakyat dalam negeri Pahang. Kita memandangkan apabila duduk di setiap hampir dengan Stesen ECRL ini mudahlah kalau kita menjimatkan kos untuk mengurangkan minyak kereta dan hanya berkomunikasi naik ECRL nak pergi Kuala Lumpur pun cepat, nak pergi Kuantan pun cepat. Jadi akan memudahkan, menjimatkan lagi dan ini sudah tentu akan mempunyai satu tarikan baru kepada orang-orang untuk memulakan

kehidupan dengan harga rumah yang berpatutan dan mempunyai fasiliti-fasiliti secara lengkap untuk kita berikan kepada rakyat negeri Pahang kita khususnya kepada orang-orang muda.

Yang Berhormat Dato' Sri... Tuan Yang di-Pertua,

Menyentuh soalan YB Lanchang ini, saya nak masuk dalam berkaitan dengan apa... pusat konservasi. Bersentuh dengan YB Lanchang, Kerajaan Negeri... untuk makluman semua, melalui Jabatan Perhilitan berhasrat untuk membina Pusat Konservasi Seladang sebagai tambahan kepada Pusat Konservasi Seladang sedia ada seperti di Pusat Konservasi Hidupan Liar, Jenderak Selatan dan juga Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungkai, Perak. Sekarang ini ada Jenderak Selatan dan Sungkai, Perak. Dan jabatan ini tidak berhasrat untuk memindahkan Pusat Konservasi Seladang sedia ada, tetapi untuk menambahkan lagi satu pusat tersebut di Jalan Bukit Rengit di Lanchang, Pahang. Tahniahlah Lanchang kerana membuat... ada Pusat Konservasi Seladang.

(ADUN LANCHANG - N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Terima kasih. Cuma satu persoalan, kenapa alasan tidak dipindahkan bersama ke satu tempat? Maknanya di kawasan Bukit Rengit itu kita satukan saja seladang di situ. Terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Cepat sangat tanyanya. Tak habis. Nantilah saya baca dulu. Saya teruskan apa ni kita punya er... penggulungan saya ni. Pada er... untuk makluman dewan, pada ketika ini, kawasan sekitar Bukit Rengit dan Kuala Gandah telah mempunyai 2 pusat konservasi iaitu Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Kuala Gandah dan Pusat Konservasi Harimau Malaya, Jalan Bukit Rengit, Lanchang, Pahang. Justeru itu, Jabatan Perhilitan sedang proses untuk mengemukakan permohonan peruntukan RMK-13 bagi projek tersebut. Jika permohonan ini berjaya, terdapat 2 Pusat Konservasi Seladang di negeri Pahang. Bukit Rengit dan juga Kuala Gandah eh… dia tak kenapa tak disatukan eh? Lagi banyak lagi meriah dan seterusnya dapat memperkasakan lagi usaha konservasi seladang secara *exsitu* yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Jabatan Perhilitan dan bagi menjawab soalan pertanyaan YB ADUN kawasan Tras berhubung dengan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk mengurangi konflik manusia dan hidupan liar yang mana haiwan-haiwan liar seperti gajah yang tidak cukup makanan kerap merosakkan tanaman penduduk masyarakat Orang Asli di kawasan kebun-kebun mereka. YB tahu tak pasal apa gajah ini ia lalu kawasan yang sama sahaja er…?

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Biasanya gajah ini ia ada habitat ia. [ketawa] Habitat ia er… ia akan ikut jalan yang sama *so* kalau jalan itu dah kata balak ditebang ke apa ia er… jalan ia ada kacau, ia akan pergi kawasan yang berhampiran kalau ada rumah Orang Asli ataupun orang kampung habislah.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Makna memang hampir-hampir tepat la. Tak, saya tengok dia macam mengantuk sedikit tadi… jadi saya tanya la dia… dia pandang saya itu… saya tanya dia balik, gajah ini dia…

(ADUN LUIT – N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Tuan Speaker, itu sebab er… sebab itu ada Alor Gajah itu cuma saya tak tahu Batu Gajah itu datang mana. Alor Gajah itu kita boleh agak dah sebab ia lalu sekali kan. [ketawa]

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Tak er… Batu Gajah itu macam cerita Yang Amat Berhormat Menteri Besar la [Ahli Dewan ketawa] Jentik sekali ia bangun la. [ketawa] Jadi…

(ADUN JELAI – N.02)
YB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, yang saya tahu Batu Gajah tak ada, yang ada telur gajah. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih la YB daripada Luit kerana soalan er… soalan eh. Ramai nampak mengantuk ini, cerita-cerita begini memang mengantuk jadi saya balik kepada tadi cerita Tras tadi kerana gajah ini ia memang dah turun-temurun jalan itu, ia *highway* er… *highway* ia tak berubah itulah daripada orang tua ia dulu, nenek-nenek moyang ia… ia turun-temurun itulah jalan ia lalui. Apabila kita lalu jalan itu dah kita *block*, kita rosakkan apa er… itu ia macam hilang punca itulah jalan itu er… ia dah tak tahu ke mana, langgarlah mana-mana YB tapi betullah jawapan daripada YB Tras itu tadi. Terima kasih.

Dan er… untuk ini jaringan kerjasama yang erat antara Jabatan Perhilitan dan agensi-agensi di peringkat Kerajaan Negeri telah wujud dalam usaha-usaha kita untuk konservasi hidupan liar dan antaranya diterjemahkan dalam bentuk er… pembentukan kawasan perlindungan baharu seperti juga Rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah dan inisiatif ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan habitat hidupan liar terpelihara dan ancaman kepupusan spesies seperti harimau belang dapat dikurangkan serta melindungi habitat untuk pengurusan dan pengekalan khazanah dalam negara kita. Jadi YB Tras ini memang pakar dalam hidupan liar tapi saya…

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Boleh er… boleh saya tambah sedikit? Ia… harimau pun sama juga ia lebih kurang kalau harimau ini Harimau Malaya 20 km ia boleh jalan satu hari ia sama ia punya er… habitat ia. Sekiranya kawasan ia di… er… apa dikacau ia akan pergi kawasan yang berhampiran sebab itu ada yang kena makan oleh harimau. Terima kasih.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Er… minta maaf Tuan Yang di-Pertua, kita dalam petang-petang ini kita itu sedikit la. YB ini memang orang yang… dia mengkaji hidupan liar? Saya nak tanya sedikit satu lagi soalan boleh eh Luit eh? Satu ekor harimau ini berapa ia punya luas kawasan ia punya apa… *territory* rayau ia itu? Kalau jawab ini dia memang kena masuk PERHILITAN la dia.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

20… er… 20 km radius. Sebenarnya PERHILITAN ini pada zaman saya dahulu di bawah er… apa Sumber er… Air, Tanah dan Sumber Asli, PERHILITAN. Itu saya pun dapat daripada sanalah ilmu itu.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Tapi YB yang er… untuk makluman Sidang Dewan la Yang di-Pertua, saya dimaklumkan semasa lawatan saya bersama-sama PERHILITAN, bersama-sama dengan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang eh… kawasan rayau harimau ini untuk makluman Sidang Dewan ia 100 km… 100 km/persegi er… contohnya macam di Gunung Aais kita ada 134,000 hektar jadi kalau 134,000 hektar ini YB berapa ekor harimau boleh muat sebenarnya? Boleh tak tanya?

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya rasa harimau kita setakat ini ada lebih kurang 200 ekor sahaja. Jadi saya rasa mungkin kawasan itu jadi kecillah. Itu yang saya boleh jawab.

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

YB, saya nak mencelah sedikit. Kalau saya dapat jawab… 9 ekor. [ketawa]

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

[Ketawa] Yang Amat Berhormat er… Dato' Sri Menteri Besar, benda ini… dia tak aci ini sebab waktu dia di Jerantut hari itu saya yang tanya dia soalan ini. [Ahli Dewan ketawa] Hari ini dia pula pecah ini tak adil macam ini. Saya nak tanya Tras ini, saya pada masa yang sama saya nak maklum Sidang Dewan supaya ini adalah satu er…

apa ilmu yang baru kerana kita kena tahu dalam negeri Pahang esok kalau ada 200 ekor ini dengan kita-kita jalan.

(ADUN JELAI – N.02)
YB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,

Saya nak tanya Wakil Kerajaan daripada Tras daripada Jerantut, pernah jumpa harimau ke diaorang ini? [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

YB, saya ada pernah jumpa harimau di rumah [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Itu orang rumah. [Ahli Dewan ketawa] Bukan er… nanti kena jawab balik ini. Jantan ke betina ini harimau kat rumah? Jantan ke betina? [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

YB… saya tambah sedikit?

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Hal rumah ke hal harimau er… hal harimau ke bukan? [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Bukan hal rumah. Sebab petang-petang, petang ini kita mengantuk kena cerita harimau la. Harimau jantan kawasan rayau ia lebih kurang 60 km hingga 100 km. Harimau betina kecil sedikit 20 km hingga 40 km kawasan rayau. Itu sahajalah.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Cuma saya er… saya nak tambah sedikit yang er… yang Yang Berhormat Timbalan Speaker er… saya nak tambah sedikit…

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Eh… ada juga? [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya nak tambah sedikit er… isu yang kita bangkitkan ialah isu keselamatan hidupan liar dan gangguan pada orang ramai. Di kawasan saya Cheka pun baru ini sampai masuk dalam rumah pun gajah. Gajah itu bersama dengan anak dia… anak tak boleh masuklah sebab rumah tu dua tingkat tapi ibunya… anaknya masuk sampai pecahkan katil kebetulan dia duduk seorang dia terpaksa lari keluar dan kita dah maklum pada PERHILITAN… dah datang buat tinjauan cuma masalahnya ialah usaha untuk menangkap gajah ini bukan mudahlah. Satu, kosnya lebih kurang RM50,000.00 seekor.

Yang kedua, dia perlukan kawasan yang selamat untuk rantai dan sebagainya. Cuma saya nak bangkitkan isu kes kita berlaku di Pahang ialah beberapa kejadian mutakhir ini kemalangan kepada harimau kita. Berlaku di kawasan Berkelah… kawasan Berkelah, kawasan Lentang satu masa dulu. Saya pernah cadangkan kalau boleh dipertimbangkan kawasan-kawasan yang memang ada habitat harimau khususnya digazetkan sebagai kawasan rayau dialah sebab kita bimbang sebab kita tak banyak harimau ada di er… di negara kita ini khususnya Harimau Malaya. Jadi keprihatinan beberapa agensi kita jadi terima kasih banyaklah kerana segera datang kemudian segera buat pemantauan dan sebagainya. Jadi itulah hasrat kita supaya zon keselamatan binatang hidupan liar ini dapat kita… kita tingkatkan. Terima kasih.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasihlah daripada er… ADUN Cheka sangat baik dan memang Kerajaan Negeri memang sentiasa kita proaktif. Kita buat Taman Negeri Pahang, kita tubuh Taman Perbadanan Taman Negeri Pahang dan kita berusaha agar untuk konservasi untuk *conserve* kan apa aset-aset khazanah kita dalam negeri Pahang ini kerana tak ada lagi dah. Contohnya dalam dunia hari ini ada dua sahaja tempat yang ada konservasi ini. Satu di India dan satu lagi di Malaysia dua sahaja tempat ini dalam dunia ini. Makna kita nak menjaga supaya benda ini tidak pupus sama sekali kerana konservasi ini memerlukan satu kerja-kerja yang berterusan untuk memastikan habitat haiwan tidak musnah sama sekali dan yang masuk gajah dalam rumah ini rumah batu ke rumah kayu?

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Rumah kayu. Rumah kayu kebetulan rumah dia dalam ladang er… ladang sawit dia dan saya pun dah turun ke rumah dia dan saya dapati sebenarnya ancam er… beberapa kali dah ada er… ada gangguan gajah liar ini tetapi mutakhir ini bila kita maklum kepada PERHILITAN ada seekor yang dah ditangkaplah, dah dibawa ke konservasi. Cuma isu saya ialah isu kita ada satu Pusat Konservasi Seladang di Kuala Krau. Ada seekor seladang yang saya selalu pergi tengok… nama Isnin. Isnin ini ialah seekor seladang yang memang habitat liar yang dibela di situ tapi dia mati dan kita pun tak tahu. Saya pun tak dapat maklumat kenapa dia mati cuma saya terfikir ada satu cadangan supaya lesen-lesen diberi kepada penternakan hidupan ini supaya 10% setiap tahun mesti dilepaskan balik kepada hutan. Contoh lesen ternakan pelanduk, kancil, er... beberapa binatang, kalau sekiranya 10% setiap tahun mesti dilepaskan balik, saya fikir ini dia akan membantu pembiakan mereka balik kepada habitat asal dia, terima kasih.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Panjang juga itu, itu 2 minit dah. Tambah sikit la.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yalah.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Cadangan yang baik la ya, ADUN Cheka. Dan saya nak sambunglah. Pengurusan… pengurusan kawasan perlindungan dan populasi hidupan liar adalah satu proses yang sangat dinamik dan memerlukan komitmen kita semua. Sekiranya habitat hidupan liar yang kita telah sedia ini adalah selamat dan juga berkualiti, maka populasi hidupan liar ini akan terus terjaga dan akan terus terpelihara dan juga meningkat.

Namun begitu, diakui, perlu diakui bahawa sifat semula jadi seperti hidupan liar seperti gajah yang sentiasa bergerak dalam kawasan jelajahnya akan menyebabkan kejadian di mana, di mana gajah memasuki rumah atau gajah melalui kawasan penempatan masyarakat yang tinggal berhampiran dan juga dalam kawasan yang terbabit. Oleh itu, pengurusan konflik manusia dan hidupan liar perlu kita jalankan secara yang holistik dan juga komitmen yang berterusan dari semua pihak khususnya Pejabat Perhilitan, Kerajaan Negeri dan orang yang… orang yang pemegang taruh, mereka yang pegang taruh.

Dalam konteks mengurangkan… dalam konteks mengurangkan konflik manusia dan hidupan liar, khususnya yang melibatkan ini, gajah liar, yang merosakkan tanaman masyarakat Orang Asli, Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perhilitan dalam usaha mitigasi yang berterusan.

Beberapa pendekatan yang sedang dan akan dilaksanakan termasuklah pemantauan dan pengurusan habitat yang mana pemulihan dan penyambungan koridor hidupan liar bagi membolehkan hidupan liar seperti gajah, bergerak dengan mengurangkan risiko melalui kawasan pertanian dan penempatan Orang Asli. Mengenai Koridor Hidupan Liar dan penempatan bagi setiap aktiviti yang melibatkan pembukaan kawasan habitat hidupan liar. Menyediakan pelan pengurusan hidupan liar bagi memastikan konflik hidupan liar dapat ditangani dengan lebih berkesan dan langkah mitigasi konflik, Jabatan Perhilitan mewujudkan kawasan selamat di kawasan penempatan masyarakat Orang Asli melalui juga kaedah pemasangan Sistem Pagar Elektrik Gajah Mudah Alih, program tangkap dan pindah gajah dari kawasan konflik yang kritikal ke habitat yang lebih sesuai dan juga pemasangan kolar gajah sebagai sistem pemantauan pergerakan gajah dan sistem amaran awal.

Berkenaan dengan penglibatan masyarakat dan pendidikan kesedaran. Jabatan Perhilitan turut mengadakan latihan-latihan dan bimbingan-bimbingan khususnya kepada komuniti masyarakat Orang Asli mengenai langkah-langkah keselamatan, penyelenggaraan Sistem Pagar Eletrik Gajah dan juga teknik-teknik mitigasi.

Program-program pendidikan ini dan kesedaran ini kepada masyarakat mengenai kepentingan pemeliharaan hidupan liar dan bagaimana untuk mengurangkan konflik

secara harmoni serta kerjasama dengan NGO dan pihak akademik dalam kajian penyelesaian jangka panjang berkaitan dengan konflik manusia-gajah.

Tadi saya lupa tadi bila nak tanya pasal harimau tadi. Bila Cheka, bila ADUN Cheka mencelah tu dah lupa. Maknanya tadi, jawapan tadi 9 ekor je. Kalau dalam Malaysia ini lebih kurang dalam 200 ekor je. Maknanya YB Lantikan jawab tepat. Tapi tak boleh pakai sebab saya dah bagitahu jawapan dulu tadi. Tak, kita nak kena tahu. Maknanya kalau itu 9 ekor. Harimau ini, bila dia dalam 1 kilometer radius, dia berkahwin, dapat anak. Bila anak itu dah besar, anak itu sorang ya. Tapi anak itu 2, 3 ekorlah. Kahwin. Kena kahwin. Tak kahwin tak lepas... Dato' Sri tadi dia kata ada jugak yang hari-hari mau dia kata. Harimau. Tidak, dia 100 km persegi bila anak itu dah besar, harimau ini dia dalam kawasan 100 km itu dia sekor je. Dia tak boleh ramai-ramai. Kalau dia ramai-ramai dia gaduh. Sebab itu kadang-kadang bila dah melebihi 2, 3 ekor dalam kawasan, dia terpaksa keluar. Yang itu yang *accident* di Cameron Highlands, dia terpaksa lari keluar.

Dan usaha ini sentiasa dipantau dan kita mengambil satu pendekatan mencari jalan-jalan supaya menda ini dapat dikawal. Dengan pemantauan sistem elektronik dan pelbagai-bagai lagi sensor satelit dan berbagai-bagai cara untuk kita memastikan supaya populasi ini tidak boleh menjejaskan, antara hubungan antara manusia dan juga haiwan hidupan liar ini. Itu harimaulah.

(ADUN LUIT - N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Boleh mencelah? Bebar ya. Saya ada masalah sebenarnya dekat Kuala Gandah itu. Masalah dan dilema. Iaitu bila saya pergi sana ada satu gajah daripada Burma, ya. Nama dia Pian. Jadi saya masalah saya itulah bila saya pergi sana bawa anak saya cucu saya ketawakan saya. Pasal nama gajah itu pian guna mikrofon pula cakap itu. Jadi saya cadanglah, tukar namalah nak jadi piano ke apa kan? [Ahli Dewan ketawa] Tahanlah sikit saya rasa. Terima kasih Dato' Sri. [Ketawa]

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya simpatilah sahabat saya ini daripada Luit ini. Bukan saja masalah rakyat, masalah nama pun kena selesai pasal gajah ini. Tapi tak apalah kita ambil perhatian. Saya nak tanya jugalah ya pasal Pusat Konservasi ini, boleh tak kita tukar nama dulu? Tukar nama Ketari ke, tukar nama Tras ke. Nama… nama kawasan la senang ya. Nama ini kang, kita cuit nama kita terasa juga.

Jadi er... harimau ini, maknanya kita kena pantau la makna kalau lebih daripada 9 ekor dan membabitkan sampai Tras kata dalam 200 ekor tadi. Bukan… bukan… bukan sahaja haiwan ternakan yang bahaya tetapi juga kita manusia pun bahaya. Sebab itulah Jabatan Perhilitan dan juga pemegang-pemegang taruh sentiasa dari semasa ke semasa, menambah baik cara-cara untuk mengawal populasi harimau ini supaya tidak menjejaskan kehidupan antara kita sesama manusia dan juga hidupan liar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat panjang lagi?

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Panjang lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yalah [Ketawa]

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

[Ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mengantuklah nampaknya. [Ketawa]

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Nak, nak tutup dah ini. Yang di-Pertua nak balik ke?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

[Ketawa] Kita… kita… saya haraplah boleh tamat pukul 6, boleh?

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Pukul 6… pukul 6… bolehlah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okey, baiklah.

(ADUN BEBAR - N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Insya-Allah. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua dah sembahyang Asar ke? [Ahli Dewan ketawa]. Nak kejar.

Yang Berhormat Tuan, er..., Tuan Yang Dipertua,

Saya nak maklumlah kita dalam Dewan ini tentang apa yang telah kita laksanakan ya, untuk pastikan segala khazanah-khazanah yang ada dalam negeri Pahang ini yang sangat… sangat apa bernilai yang tak perlu kita buatkan *conservation.* Tak ada dalam negeri-negeri lain. Inilah negeri Pahang kita, yang perlu kita pastikan akan terus dapat dinikmati oleh generasi-generasi kita pada masa akan datang.

Sebagai contohnya, Kerajaan Negeri Pahang, kita menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang yang terus memainkan peranan penting dalam memastikan

pengurusan kawasan konservasi di negeri ini berteraskan konsep *Environmental Social & Governance* (ESG) dengan izin yang… Yang di-Pertua, yang diuruskan secara lestari, mampan dan selaras dengan dasar pembangunan hijau serta pemeliharaan biodiversiti.

Usaha untuk memperkukuhkan fungsi Taman Negeri ini bukan sahaja penting untuk keseimbangan ekosistem tetapi menjadi sebahagian daripada strategik pelancongan yang berasaskan alam semula jadi yang semakin mendapat tempat di hati… di hati pelancong-pelancong sama ada dalam domestik ataupun antarabangsa.

Dan Pahang adalah sebuah wilayah yang istimewa yang mengandungi warisan alami khususnya kepelbagaian biodiversiti dan geodiversiti berkepentingan antarabangsa yang perlu kita uruskan secara holistik berasaskan pemeliharaan, pendidikan dan juga pembangunan yang lestari. Gagasan pemuliharaan warisan berintegrasi yang dilaksanakan melalui pendekatan pengiktirafan sejagat iaitu Tapak Warisan Dunia UNESCO, Program Manusia dan Biosfera, UNESCO Global Geopark serta Perlindungan Warisan Unggul dengan pewartaan di bawah Enakmen Perbadanan Taman Negeri 2021 dan Akta Warisan Negara.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri Pahang telah berjaya mewartakan 2 Taman Negeri di bawah Enakmen Perbadanan Taman Negeri Pahang iaitu Taman Negeri Rompin dan juga Rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah. Dan Rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah telah diwartakan pada 31 Ogos 2023 merangkumi kawasan seluas 134,000 hektar yang meliputi Kawasan Hutan Simpan Gunung Aais. YB tau Tras... Gunung Aais kat mana? Boleh tanya YB Lantikan, *Ice Mountain* di Jerantut, ya. Hutan Simpan Kekal Gunung Aais tambahan dan sebahagian Hutan Simpan Kekal Tekai, Tembeling adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia ini. Tak ada tempat lain dah.

Dan saya ingin juga menzahirkan junjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bersama-sama dengan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang dan bersama dengan Puan Yang Terutama Razan Khalifa Al-Mubarak daripada UAE ke kawasan Tembeling baru-baru ini. Dan dari segi peruntukan dana Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan pada tahun 2025 telah menyalurkan dana melalui EFT dengan izin, Yang di-Pertua *Ecological Fiscal Transfer* untuk Biodiversiti Conservation sebanyak RM1.7 juta bagi menyokong operasi penguatkuasaan dan pembangunan infrastruktur di kawasan rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah serta bakal menerima 30 orang renjer komuniti khas untuk rizab harimau.

Untuk makluman Yang di-Pertualah dengan adanya Pusat Konservasi ni, untuk makluman Dewan, dulu kita sentiasa mendengar pemburu-pemburu haram daripada Kemboja daripada Vietnam masuk dengan berleluasa ke negeri Pahang ni bukan sahaja memburu harimau dan hidupan liar tetapi juga mengambil hasil khazanah daripada negeri Pahang berupa kayu gaharu yang bernilai tinggi tetapi dengan sebab kita wujudnya kawalan melalui taman... Perbadanan Taman Negeri Pahang ini sehinggan ini tak ada lagi aduan kerana banyak tangkapan yang telah dibuat kerana Tuan Yang di-Pertua tahu tak seekor harimau ni berapa harga dia? Yang di-Pertua? Dia dah nak sembahyang asar rasanya. Tuan Yang di-Pertua [Ahli Dewan ketawa]? Tuan Yang di-Pertua tahu seekor harimau tu berapa harga dia?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya tak pernah belilah jadi saya tak tau harganya. [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Tapi Yang di-Pertua, jawapan tu memang tepat [Ahli Dewan ketawa]. Patutlah Tuan Yang di-Pertua ni Pengerusi DAP negeri Pahang [Ahli Dewan ketawa]. Seekor rimau tu untuk makluman Dewan, dia pergi masuk dia duduk dalam tu. Duduk dan berkhemah dalam hutan Gunung Aais tu, dia pasang perangkap seekor rimau tu RM100,000.00. Tapi mutakhir ni kita berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana dengan wujudnya Perbadanan Taman Negeri ni dengan bangganya, dia mengatakan bahawa tiada lagi aktiviti-aktiviti.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Nak tanya ni Wakil Kerajaan daripada Bebar ni. Dia kalau lembu jantan dengan lembu betina, lembu jantan tu lebih mahal daripada lembu betina. Jadi kalau harimau ni saya nampak ni Wakil Kerajaan, dia memang nampak pakar dari segi rimau. Jadi kalau rimau jantan dengan betina yang mana lebih mahal? Kemudian kalau rimau belang dengan rimau bintang, yang mana lagi premium?

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Rimau belang lebih premiumlah dan harimau jantan lebih mahal. Kalau tak ada jantan takde betina [ketawa]. Tak boleh juga. Tak, saya pun saya rasa jantanlah. Saya tak kaji lagi bab *value* lagi. Jadi saya balik saya kaji lebihlah saya bagi jawapan secara bertulislah [ketawa]. Saya nak beritahu Sidang Dewan sikit lagi Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri melalui *Private Partnership Project* yang telah berjaya mendapatkan peruntukan antarabangsa yang berjumlah 1 juta Euro daripada *Euro Fund* untuk tahun 2024-2025. Yang terbaharu sebanyak 22 juta USD daripada Mohamed bin Zayed *Species Conservation Fund* untuk tempoh 5 tahun bagi membiayai usaha-usaha konservasi dan pengoperasian Rizab Harimau Al-Sultan Abdullah yang kita laksanakan ini oleh Perbadanan Taman Negeri.

Dan untuk makluman sidang Dewan, PTMP dan PERHILITAN juga yang saya kata tadi telah berjaya menahan empat warga asing ni yang dulu yang merayau dalam hutan Pahang ni warga Kemboja, Vietnam dan tahniahlah saya ucapkan kepada Pembangunan Taman Negeri yang telah menjalankan kerjanya dengan penuh jujur dan berdedikasi. Kerajaan Negeri Pahang juga melalui Perbadanan Taman Negeri Pahang untuk melengkapkan perwartaan Tasik Chini Rizab Biosfera menjadikan ia sebagai salah satu Taman Negeri dalam negeri Pahang dan saya hal yang saya nyatakan tadi...

(ADUN PADANG TENGKU– N.02)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Er... mintak... mintak jelas sikit. Di tempat saya Padang Tengku ada *Central Forest Spine* iaitu di Sungai Yu. Di situ ada gambar rimau dia punya lambang tu dan kawasan tu memang terletak di tengah-tengah kampung. Memang tengah-tengah kampung Sungai Yu di Merapoh tu sampai ke Felda Sungai Temau dan juga Felcra Sungai Temau dan Felda Sungai Perah. Soalan ni dia banyak lagi gangguan-gangguan gajah, harimau berlaku di kampung di sekitar. Jadi ada kaedah Kerajaan Negeri dak supaya dia menetap di kawasan dia saja tak merayau-merayau di tempat yang lain. Sebab memang banyak gangguanlah. Jadi kena cari jalan jugalah untuk pastikan sebab, gangguan memang... memang bertambah. Saya dapat laporan daripada pihak PERHILITAN gangguan kacau ganggu oleh gajah. Rimau kurang sikit gajah ni. Itu saya nak tanya tu macam mana, satu kawasan di Padang Tengku.

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Tuan Yang di-Pertua,

Tadi Tasik Chini ni Padang Tengku lak. Jadi apa ni sebab tu saya kata konservasi ni akan melakukan secara berterusan. Untuk melibatkan kawasan yang kita akan wartakan, contohnya di Gunung Aais, penempatan seperti Seladang, gajah Kuala Gandah dan perlu dilaksanakan secara holistik dan oleh kerajaan dan juga pihak-pihak yang pemegang taruh ni. Dan kadang kadang daripada kita ada *Central Forest Spine* kita katakan. *Central Forest Spine* di tengah-tengah jajaran tu YB Tanah Rata tahu kan *Central Forest Spine* tu. Jadi contohnya macam dulu di Johor, dia ada harimau juga, Dato' Sri... Tuan Yang di-Pertua. Dia ada rimau, tapi rimau... rimau saja dah hampir-hampir cacat sebab dia duduk sama-sama dia. Dia ada hubungan yang hubungan kahwin yang tak sah. Dia kahwin dengan adik-beradik, dia buat *incest* kerana tidak ada sambungan daripada antara hutan-hutan ni. Dia tak boleh rayau. Jadi dia duduk satu tempat je. Dia duduk kawasan tu bersama anak beranak dia je. Jadi bila dah pening kepala tu yang jadi hubungan haram antara anak beranak tu dah tak ada pilihanlah.

Tetapi bila ada *Central Forest Spine,* pergerakan harimau ni, jadi dia boleh jalanlah. Dia boleh ada melibatkan hubungan yang lebih sihat. Jumpa daripada harimau negeri Pahang, rimau Terengganu, rimau Perak. Dia tak berhubunglah sesama harimau Johor je. Jadi sebab tu ada *Central Forest Spine*. Macam tadi semua usaha-usaha yang berterusan oleh pihak Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Perhilitan dengan kerjasama Perbadanan Taman Negeri yang kita tubuhkan ini akan mengadakan kajian-kajian yang lebih lanjut supaya dapat mewujudkan kawasan-kawasan yang di wartakan sesuai untuk seladang, sesuai untuk gajah sesuai untuk harimau supaya ia dapat di*conserve*kan, dapat dikekalkan dan dikawal secara yang sistematik dan juga holistik lagi. Ini yang kita harapkan daripada Kerajaan Negeri. Banyak lagilah yang saya tak cadang jangka panjanglah. Speaker pun dah lain macam [ketawa]. Speaker kadang kadang kena bagi lebih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya, saya hal kecil kerana rakan-rakan kita nak menunaikan solat Maghrib kemudian. Jadi saya mintaklah. [Ketawa]

(ADUN BEBAR – N.22)
YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Steady Tuan Speaker [Ahli Dewan ketawa]. Bagus makna sekarang dah nampak dia a*ct like every end of the tunnel* makna *concern* tentang apa waktu Maghrib. Jadi saya banyak lagi saya. Tapi apa yang penting-penting telah saya nyatakan. Dan saya nak mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, ADUN Padang Tengku, ADUN Cheka, ADUN Lanchang, ADUN Kuala Semantan, ADUN Beserah, ADUN Kuala Sentul, Chini, Tras, Mentakab, Ketari, Kemayan, Tanah Rata yang telah menyatakan pertanyaan-pertanyaan dan membangkitkan soalan-soalan yang berkaitan dengan portfolio saya Kerajaan Tempatan, Perumahan Alam Sekitar dan Teknologi Hijau.

Mana-mana soalan yang tidak dapat saya jawab sepenuhnya atau tidak secara langsung dan langsung akan dijawab secara bertulis. Minta maaflah kalau jawab saya jawab... kalau saya jawab semua ni besok siap. Dan setinggi-tinggi penghargaan juga, terima kasih juga saya ucapkan kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang, Bahagian Kerajaan Tempatan, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang, Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang. Pegawai-pegawai Negeri mahu... Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan dan pihak-pihak yang berkaitan atas kerjasama yang erat dan komitmen yang padu diberikan kepada saya sepanjang saya memegang portfolio ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjujung kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-mustafa Billah Shah dan Ke Bawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah serta Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah di atas segala sokongan dan dorongan yang tanpa berbelah bagi… bagi buat Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Bak kata pepatah, raja dan rakyat berpisah tiada.

Dan saya sekali lagilah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang setelah berjaya mengemudi Kerajaan Negeri ini dengan sebaik-baik yang mungkin dan menjadi antara negeri yang terbaik dalam negara kita ini. Dengan segala yang dilaksanakan ini telah meletakkan negeri Pahang kita sebagai negeri yang kedua paling bahagia 2023 dan 2024.

Dan banyak sebab itulah saya rasa banyak yang telah dilaksanakan daripada inisiatif Makmur Pahang dengan segala bantuan bantuan seperti perumahan dan segala perancangan-perancangan yang proaktif dan dapat memberikan kebahagiaan kepada seluruh rakyat dalam negeri Pahang. Jadi dengan segala perancangan-perancangan yang telah disediakan dan akan dilaksanakan nanti sudah tentu akan lebih memaju dan mensejahterakan dan memakmurkan lagi negeri Pahang kita Negeri Pahang Darul Makmur kita, insya-Allah.

Kapal belayar menuju ke seberang,
Dilambung ombak menongkah tujuan,
Budi dan jasa akan tetap dikenang,
Demi negeri, teruslah kita perjuangkan.

Mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas segala jasa dan usaha dalam menerajui kepemimpinan pentadbiran negeri Pahang ke arah transformasi yang lebih hebat, dinamik, progresif di samping sentiasa memberikan keutamaan kepada kebajikan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tak perlulah gilir-gilirlah kerajaan. Kalau boleh kerajaan yang ada ni kita kekalkan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun kita kekalkan untuk terus menerajui Kerajaan Negeri Pahang ini. [Ahli Dewan tepuk meja]. Dengan ini, saya menyokong wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang. Baiklah, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan terima kasih kepada 6 Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada pihak kerajaan yang telah memberikan jawapan-jawapan dan penjelasan-penjelasan atas permasalahan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Seterusnya, saya akan menempohkan persidangan pada hari ini dan persidangan kita akan disambung semula pada hari Khamis, 24 April 2025 bersamaan 25 Syawal 1446H bermula pukul 9.30 pagi. Terima kasih. Persidangan ditempohkan, insya-Allah.

[Persidangan ditempohkan]

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15

HARI KELIMA
24 APRIL 2025 (KHAMIS)

KANDUNGAN

HARI KELIMA: 24 APRIL 2025 (KHAMIS)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1 - 25
4	SAMBUNGAN MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG	25 - 80
5	RANG UNDANG-UNDANG:	
	RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2025) 2025 - DN 1/2025.	80
	- BACAAN KALI PERTAMA	80
	- BACAAN KALI KEDUA	81
	- DALAM JAWATANKUASA	83
	- BACAAN KALI KETIGA	85
	RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH SYARIAH PAHANG 2025 - DN 2/2025.	85
	- BACAAN KALI PERTAMA	85
	- BACAAN KALI KEDUA	86
	- DALAM JAWATANKUASA	93
	- BACAAN KALI KETIGA	94

6	**USUL:** **USUL TAMBAHAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR TAHUN 2025** **USUL PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA**	**95** **96**
7	**URUSAN-URUSAN AM**	**97**
8	**PENANGGUHAN**	**99 - 104**

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-4
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

TARIKH : 24 APRIL 2025 (KHAMIS)

MASA : 9.30 PAGI

HADIR:

YB Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP. **Speaker Dewan Negeri Pahang.**		
YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP. **1. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air Negeri Pahang; dan** **2. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang**	-	Jelai
YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang**	-	Benta
YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang**	-	Kerdau
YB Dato' Ir. Razali bin Kassim, DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang**	-	Muadzam Shah
YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. **Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang**	-	Peramu Jaya
YB Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang**	-	Guai
YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang**	-	Dong
YB Tuan Sim Chon Siang **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang**	-	Teruntum

YB Puan Leong Yu Man **Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang**	-	Triang
YB Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang**	-	Pelangai
YB Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	Inderapura
YB Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	Tioman
YB Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	Batu Talam
YB Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	Padang Tengku
YB Tuan Mohd Sharim bin Haji Md Zain	-	Chini
YB Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	Jenderak
YB Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	Kemayan
YB Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai	-	Sabai
YB Tuan Lee Chin Chen Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang	-	Bilut
YB Tuan Woo Chee Wan	-	Mentakab
YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	Tras
YB Tuan Ho Chi Yang	-	Tanah Rata
YB Tuan Su Keong Siong	-	Ketari
YB Tuan Chan Chun Kuang	-	Semambu

YB Dato' Sri Haji Tuan Ibharim bin Tuan Man, SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	Cheka
YB Dato' Haji Rosli bin Abdul Jabar, DIMP.	-	Tanjung Lumpur
YB Dato' Haji Andansura bin Rabu, DIMP.	-	Beserah
YB Dato' Mohd Sofian bin Abd Jalil, DIMP.	-	Luit
YB Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	Damak
YB Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	Jengka
YB Tuan Haji Mujibur Rahman bin Ishak	-	Chenor
YB Tuan Haji Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	Panching
YB Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	Tahan
YB Tuan Yohanis bin Ahmad	-	Pulau Tawar
YB Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	Sungai Lembing
YB Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	Pulau Manis
YB Tuan Hasan bin Omar	-	Lanchang
YB Tuan Hassanuddin bin Salim	-	Kuala Semantan
YB Tuan Nazri bin Ahmad	-	Bukit Ibam
YB Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	Lepar
YB Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	Kuala Sentul

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT PERKARA 11 BAHAGIAN II UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar, SIMP,. DSAP., DIMP., SMP.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.
Tuan Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi, ACM.

YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang
Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh, DSAP., DIMP., SMP., AAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. - Bebar
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang

SETIAUSAHA DEWAN

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Khamis, 24 April 2025
bersamaan 25 Syawal 1446 Hijrah

DOA

Perkara Pertama: Doa.

SETIAUSAHA

[Bacaan dalam Bahasa Arab]. [Ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah Yang Maha Mengasihi kepadaNya terpulang segala puji pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah limpah keadilan yang mengandungkan kewajipan ke atas raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan. Mudah-mudahan sentosa aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah berkat-Mu ke atas kami berhimpun dipohon anugerahkan Taufik-Mu dipohonkan menyuluh, memandu ketika kami berunding menimbang bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenan. Amin Ya Rabbal Alamin.

Perkara kedua. Pertanyaan pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Salam Sejahtera dan Selamat pagi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli- ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan , Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Marilah kita Bersama-sama memanjatkan syukur kerana dapat meneruskan persidangan pada pagi ini. Saya ingin memaklumkan bahawa urus setia Dewan Negeri adalah ada mengedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan cenderahati daripada Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang yang merupakan yang pertama. ada beberapa cenderahati hari ini. Nanas ditanam di Ladang Gambang, keluasannya Ladang 3 13….130…130 ekar dan jenisnya MD2. Yang kedua Rock Mainland ditanam di Kuala Medang dan Marang, Terengganu. Menggunakan sistem fertigasi 10 Greenhouse di Kuala Medang dan 2 Greenhouse di Marang. Kapasiti buah 4000 pokok, per Greenhouse Marang dan 450 pokok per Greenhouse di Kuala Medang. Yang ketiga, dihasilkan di kilang Resort Jerantut. Ada 3 pilihan utama iaitu nasi minyak ayam merah, nasi putih daging kerutub dan nasi putih daging Opor. Yang keempat ada bawang. Jumlah keluasannya penanaman bawang di Pahang adalah 4.93 hektar dan tahun 2024. Produktiviti pengeluaran-pengeluaran tanaman bawang sebanyak 20.2 tan bernilai RM80,800. Lokasi projek di Pahang telah terdapat dua lokasi iaitu pertama Daerah Kuantan dilaksanakan oleh LYC Sdn Bhd seluas dua hektar. Dan kedua daerah Jerantut oleh usahawan Encik Azhar bin Haji Arshad seluas 2.93 hektar. Jenis benihnya menggunakan benih bawang *variety* BAW2 BW 2 yang dikeluarkan oleh MARDI. Nikmatilah cenderahati dan terima kasih kepada Yang Berhormat…

Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana usaha beliau telah pun begitu besar dan juga tidak lupa jugalah Yang Berhormat Ahli Majlis dari Benta juga.

Seterusnya, saya juga ingin memaklumkan bahawa pihak Dewan Negeri telah mengedarkan borang kajian keputusan pelanggan untuk dinilai oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Mohon kerjasama ahli-ahli untuk melengkapkan borang tersebut bagi tujuan penambahbaikan Persidangan Dewan Negeri Pahang. Saya ingin memberi peringatan kepada Ahli- ahli Dewan. Oleh kerana lepas soalan dan jawapan, kita ada empat lagi ahli EXCO untuk penggulungan. Jadi, saya harap rakan-rakan boleh memendekkan ataupun Jika boleh kita bagi soalan yang ringkas. Baiklah, untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada kali ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari ahli yang dilantik 4 untuk mengemukakan pertanyaan, sila Yang Berhormat.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Behormat Dato' Sri Menteri Besar, Ahli EXCO dan sidang dewan yang dikasihi yang dikasihi sekalian. Soalan saya pada pagi ni nombor 1.

[Pembangunan Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) banyak tertangguh disebabkan kerajaan negerimengenakan jumlah premium (Borang 5A) kepada Kerajaan Persekutuan.

Adakah kerajaan negeribercadang untuk mengurangkan kadar premium yang sangat tinggi sehingga ratusan juta kepada jumlah kadar yang nominal bagi membolehkan pembangunan HTAA dapat disegerakan memandangkan pembanguna HTAA merupakan satu keperluan utama rakyat Pahang dan tidak bersifat keuntungan?]

(ADUN JELAI N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT Selamat Pagi Salam Sejahtera. Salam Pahang 1st. Saya juga mengucapkan sebelum saya jawab soalan saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO kanan ADUN Benta kerana telah memberi kita cenderahati pada pagi ini dan saya sempat berbisik kepada beliau. Sekarang ni di Perlis musim Harum Manis dan beliau telah mengambil tindakan proaktif dan bagitahu kepada saya 60…60… 60, akan dapat diedarkan. Setakat itu je yang kita dapat. Maknanya Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat 42 + 7 + 5, 47 ikut *seniority* lah. Jadi mana-mana yang tak dapat tu kena jumpa kemudianlah sebab kita dapat 60. Setakat ni saya tak.

(ADUN KERDAU N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dapat pun mungkin bawa ke Perlis lah.

(ADUN JELAI N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh. Boleh. Yang tak dapat tu kita kita bincang dalam kamar. Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Daerah Rompin, ADUN Lantikan kerana bertanyakan kenaan dengan Hospital Tengku

Ampuan Afzan yang tertangguh. Sukacita saya maklumkan beberapa siri perbincangan telah diadakan dan proses berkaitan dengan tanah ini adalah satu perkara biasa di mana apabila ada permohonan untuk tujuan projek pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan negeriakan mengenakan kadar premium yang sewajarnya dan selepas itu kerajaan p[ersekutuan boleh mengemukakan rayuan dan saya nak bagitahu kepada Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa kerajaan negeritidak pernah tidak mempertimbangkan rayuan daripada Kerajaan Persekutuan, lebih-lebih lagi projek yang melibatkan orang ramai seperti mana pembinaan hospital dan sebagainya [Ahli Dewan menepuk meja] ataupun pembinaan sekolah dan sebagainya. Itu adalah proses biasa dan kalau sekiranya lambat dikemukakan rayuan, maka lambat lah Kerajaan negeribertindak. Jadi untuk tujuan ini baru-baru ini kita telah adakan mesyuarat sama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ke-10 di mana dibangkitkan isu ini untuk makluman Yang Berhormat. Dan er... di mana Kerajaan negeritelah meminta supaya mereka mengemukakan rayuan kepada Kerajaan negeridengan secepat mungkin dan bila sampai rayuan tersebut, saya tak tahu dah sampai ke belum rayuan. PTG, ha... dah dapat rayuan? maknanya dah dapat rayuan kita akan pertimbangkan. PTG akan buat kertas bawa ke EXCO dan saya bagi jaminan di sini kita Kerajaan negeriakan bagi pengurangan kadar premium yang sewajarnya bagi tujuan pembinaan pembangunan Hospital Tengku Ampuan. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

(ADUN YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Er... soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Terima kasih er... Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan er... Kerajaan negeri. Jadi, saya melihat bahawa ini adalah er... satu usaha yang sangat serius di peringkat Kerajaan negeriuntuk memastikan rakyat di negeri Pahang ini diberikan satu kemudahan yang er... lebih baik daripada apa yang ada sekarang. Er... soalan tambahan saya, kita dapat lihat bahawa isu di Hospital Kuantan ini saya rasa dalam sidang lepas pun ada dibangkitkan oleh Inderapura yang berhubung dengan kesesakan-kesesakan yang berlaku di hospital ini. Dan kita dapat lihat bahawa Hospital Kuantan ini seolah-olah dah... dah tepu dah... dah terlalu padat. Soalan saya apakah er... yang boleh dilakukan dan ataupun yang sedang dilakukan oleh Kerajaan negeridan juga Kerajaan Persekutuan untuk er... memastikan bahawa kesesakan ini dapat sedikit sebanyak ditangani sama ada kita ada membina fasiliti-fasiliti baru ataupun kemudahan-kemudahan tambahan kepada hospital yang sedia ada. Terima kasih Tuan Speaker.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Sukacita saya menyatakan bahawa er... pembinaan pembangunan Hospital Tengku Ampuan Afzan ini adalah dalam senarai ke-4 keutamaan, *wishlist.* Dan ini dibincangkan semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana Kerajaan Persekutuan er... memperuntukkan

RM500,000.00 untuk membina 446 katil. Jadi sekarang ini Kerajaan Persekutuan hanya tunggu... kita tunggu surat rayuan, pasal premium kita dah dapat dan kita akan jawab. Dan saya difahamkan oleh… apabila mendapat jawapan daripada kerajaan negeri, mereka akan er... mengambil tindakan yang segera, insya-Allah er... 446 katil yang akan dibuat di Hospital Tengku Ampuan Afzan. Dan er... kita minta supaya ianya dapat dipercepatkanlah ya. Dan maknanya projek ini dah dipersetujui oleh kerajaan persekutuan cuma sekarang ni dari segi teknikal, proses dan sebagainya. Terima kasih saya ingat saya terkejut tadi bila yang pertama bacaan doa, saya ingat Speaker nak baca doa. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sila er... Tioman.

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat er... Speaker. Saya ada satu soalan tambahan. Terima kasih kepada ADUN Lantikan membangkitkan isu nominal bayaran kadar premium. Jadi atas jawapan Yang Amat Berhormat tadi, saya rasa agak melegakanlah kepada pihak KBS dan juga JPS yang mana soalan saya er... adakah Kerajaan negeriakan menimbangkan juga er... pembinaan stadium mini di Kuala Rompin er... di mana *charge* telah dikenakan oleh pihak PTG kepada pihak majlis er... hampir RM40,000. Jadi saya telah mengatakan kepada ataupun memberitahu kepada pihak JPS untuk kemukakan surat kepada pihak PTG dan juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang agar dapat *wave* ataupun nominal bayaran tersebut ataupun *G2G* punya isu. Jadi adakah er... Yang Amat Berhormat ataupun Kerajaan negeridapat mempertimbangkan perkara tersebut. Terima kasih kerana ini adalah satu projek yang telah di bawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kita semasa PRK yang lalu. Terima kasih.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Tioman. Seperti mana yang saya katakan tadi, er... apa jua kalau daripada *G2G* lah kerajaan ke kerajaan, Kerajaan negeri akan mempertimbangkan dan setakat hari ini kita tidak pernah tidak memberi pertimbangan permohonan daripada mana-mana pihak daripada agensi kerajaan untuk er... dipertimbangkan bayaran premium. Malahan kadang-kadang mereka yang mendapat tanah pun bila ada permohonan rayuan pun kita akan pertimbangkan tetapi tidaklah banyak tetapi kita akan pertimbangkan. Kita lihat latar belakang, kita lihat pendapatan dia berapa dan sebagainya dan kerajaan negeri akan bagi sedikit pengurangan. Terima kasih. Dato' Sri di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Sila Cheka.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI TUAN HAJI IBHARIM BIN TUAN MAN

Er... satu soalan saya dapat... pertama sekali ucap tahniah lah kepada kerajaan yang telah bercadang untuk pengurangan tersebut. Cuma saya ingin dapat penjelasan berapakah kadar premium asal yang Kerajaan negeriletakkan sebab ikut soalan ini

ratus juta dan saya ingin dapatkan penjelasan berapa jumlah asal dan berapa pengurangan yang dicadangkan sekurang-kurangnya Dewan kita mengetahui berapa jumlah tersebut, terima kasih.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Juta juga lah juta... ha... RM123 juta yang dikena itu... itu perkiraan biasa dan er... pengurangannya sebab ini projek kerajaan untuk masyarakat kemudian yang dapat faedahnya rakyat. Kerajaan negeri saya dah bagitahu kepada PTG, kita akan pertimbangkan sehabis minima sebab kita akan mendapat pelaburan RM500,000 dan dengan pemberian er... pengurangan premium tersebut kerajaan negeri masih tidak rugi sebab kita boleh kenakan cukai tanah. Cukai tanah tak boleh nak elaklah sebab er... seperti mana yang dibangkitkan semalam cukai tanah kita dah rampas apa semua tetapi ada *fake account* pula keluar mengatakan Kerajaan negeriyang di Raub tak rampas dan ini jelas menunjukkan mereka ini tidak faham yang di Raub itu tanah kerajaan, kita tidak boleh rampas bukan di bawah Kanun Tanah Negara.

Jadi kita keluarkan mereka daripada tanah kerajaan tersebut, bila dalam mahkamah buat keputusan. Yang semalam yang dibangkitkan oleh ADUN Lantikan semalam adalah bersabit dengan tanah kita sendiri yang kita tidak membayar cukai tanah dan ini selaras dengan Kanun Tanah Negara, beza dua benda itu tapi keluar dalam Facebook kata ha... yang ini tak rampas tapi tanah hak milik ini rampas, padahal benda itu adalah dua benda yang berbeza.

Ha... yang tu kita kena faham. Tapi bila kita jawab dan dalam itu ada, saya pun tidak kenal jawab saya tak jawab sebab saya tahu benda itu fakta tidak betul. Bila kata nak saman dan nak buat report polis semua dia pun senyap terus. Semua itu *fake account*, tak ada pun yang... yang *gentleman* lah guna nama samaran dan sebagainya. Cuma saya nak menyeru kepada rakan-rakan Ahli-ahli yang Berhormat bagitau lah kepada kawasan masing-masing supaya jangan terpengaruh dan terpedaya dengan apa yang di *upload* kan di dalam media sosial kerana kebanyakannya itu untuk menimbulkan persepsi dan benih kebencian sesama kita dan ini menimbulkan keadaan yang tidak harmoni. Terima kasih Dato' Sri di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Seterusnya saya menjemput ADUN Kawasan Ketari.

(ADUN KETARI – N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya nombor 2. Sila nyatakan perkembangan terkini berkenaan isu kekurangan kelapa tua di Negeri Pahang. Apakah perancangan dan/atau usaha Kerajaan negeriuntuk pembangunan industri penanaman ladang pokok kelapa di Negeri Pahang?

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Assalamualaikum WBT., salam sejahtera, selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kepada sahabat saya daripada Ketari yang menanyakan

tentang er... isu bekalan kelapa yang er... mana atas permintaan yang meningkat kerana permintaan yang meningkat maka ada wujud er... masalah dari segi bekalan... bekalan. Dan er... apakah perancangan kerajaan untuk menangani masalah ini?

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam tahun 2024 keluasan tanaman kelapa di negeri Pahang sebenarnya merekodkan seluas 3,672 hektar dengan jumlah pengeluaran sebanyak 27,287 metrik tan setahun. Walau bagaimanapun, jumlah pengeluaran ini masih belum mencukupi bagi menampung permintaan semasa terutama bagi bekalan kelapa tua yang diperlukan sebanyak 350,000 biji atau 350 metrik tan sebulan. Faktor kekurangan bekalan kelapa adalah peningkatan permintaan tinggi melebihi bekalan. Permintaan tinggi terhadap kelapa disebabkan oleh penggunaan dalam pelbagai sektor seperti industri makanan dan minuman, produk hiliran seperti santan, minyak kelapa dara dan air kelapa merupakan pilihan pengguna dan juga peningkatan sektor agropelancongan dan penghasilan makanan tempatan juga antara faktor utama kekurangan bekalan kelapa. Ketidakseimbangan antara pengeluaran domestik permintaan menyebabkan Malaysia bergantung kepada import kelapa tua dari negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan ada juga yang datang daripada Sri Lanka.

Malahan dalam tahun 2024 sebanyak 640 metrik tan kelapa tua diimport ke Malaysia termasuk 30 metrik tan bagi keperluan negeri Pahang. Kebergantungan terhadap import ini menyebabkan harga kelapa tidak stabil dan memberi kesan kepada kos pengeluaran industri hiliran. Inisiatif Kerajaan negeriPahang bagi memperkukuhkan bekalan kelapa domestik, Kerajaan negeriPahang telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk merancakkan lagi pembangunan industri penanaman kelapa.

Antaranya ialah program tanaman semula dan tanaman baru iaitu menggalakkan penanaman *variety* kelapa produktif seperti Kelapa Mataq dan keduanya permohonan daripada pengusaha usahawan-usahawan atau syarikat-syarikat tempatan untuk memajak tanah PSK dan dalam tahun 2024 sahaja terdapat 5,978 hektar tanah PSK sebenarnya yang sedang di beri pertimbangan untuk diberikan kelulusan bagi projek tanaman kelapa.

Inisiatif disediakan kepada pengusaha bagi penanaman baru dan pemulihan dusun kelapa. Bantuan merangkumi penyediaan input pertanian seperti benih berkualiti, baja, mesin dan pembangunan infrastruktur ladang. Dalam tahun 2024, sebanyak RM207,240 telah diperuntukkan kepada 34 orang pengusaha kelapa di bawah bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Pahang.

Dan Kerajaan negerimemang komited untuk menggalakkan petani dan usahawan bagi menceburkan diri dalam projek penanaman kelapa ini sendiri. Malahan FAMA Negeri Pahang telah melaksanakan pelan intervensi dengan membekalkan kelapa tua ke pasaran. Bermula Januari hingga Februari tahun 2025, sebanyak 63 metrik tan kelapa tua telah dibawa masuk untuk pasaran di negeri Pahang melalui 4 pusat operasi FAMA iaitu di Pusat Operasi FAMA Kuantan, Pusat Operasi FAMA Jerantut, Pusat Operasi FAMA Lanchang dan Pusat Operasi er... FAMA Cameron Highland.

Pembekalan kelapa adalah daripada maknanya er... yang untuk ini ialah daripada Sabah, Sarawak dan Indonesia yang dibawa masuk oleh ibu pejabat FAMA Malaysia dan diagihkan kepada seluruh negara. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, Ketari.

(ADUN KETARI – N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Memang daripada jawapan wakil kerajaan er... kita nampak terdapat inisiatif dan perancangan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini dan yang pentingnya seperti mana yang telah dinyatakan, terdapat inisiatif pajakan kecil daripada PSK.

Soalan tambahan saya, apakah kriteria yang digunakan untuk permohonan tanah pajakan PSK ini? Siapa yang layak siapa yang tak layak. Dan yang kedua apakah langkah-langkah pemantauan untuk memastikan tanah yang dipajak ini betul-betul menghasilkan apa tu *result* keputusan yang diingini oleh pihak Kerajaan negeri.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Tuan Speaker, antara kriteria yang diguna oleh pihak kerajaan termasuk penerimaan dan pertimbangan daripada pihak PSK lah, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Pertama sekali apabila syarikat atau usahawan itu mohon untuk menjayakan atau melaksanakan projek, kita menelitilah syarikat tu er... kemampuan mereka dari segi kewangan er... kewangan dan juga melihat faktor lain iaitu kawasan tanah yang dipohon tu sesuai untuk tanaman kelapa dan ianya mesti memenuhi *zoning* Rancangan Tempatan Daerah. Dia ada *zoning* kan, *local plan* dengan izin pertanian ataupun zon-zon, kita lihat.

Dan kawasan tu mesti bersesuaian sebab dia mesti ada juga komen daripada Jabatan Teknikal. Jabatan Teknikal akan memberi komen semua sekalilah. Pertanian beri komen kesesuaian tanah tu sendiri bukan semua tempat sesuai untuk tanam kelapa. Kemudian input-input daripada Jabatan Teknikal termasuk Jabatan Perhutanan, Alam Sekitar, PLAN Malaysia dan lain-lain lah. Dan juga melihat kepada perancangan tempatan.

Sebab kita kena bawak ke jawatankuasa pembangunan er... Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah. Sebab daerah kadang ada dia punya perancangan untuk kawasan tersebut. Dan juga kita juga bertanyakan tentang kemampuan membekalkan benih itu, mendapatkan benih.

Sebab menjadi masalahnya apabila benih dia memang perancangan atas kertas tu hebat. Tapi bila tanya benih dapat dari mana? Ini masalah. Pergantungan kepada benih yang dibekalkan daripada Jabatan Pertanian di Bagan Datuk misal contohnya. Dia punya jumlah tu agak terhad sebab permintaan banyak bukan sahaja daripada Pahang, daripada seluruh negara.

Sebab tu bila kita lihat kita pastikan ianya ada *possibility* dengan izin ada kemungkinan kejayaan. Maka dipertimbangkan untuk ditawarkan kepada syarikat atau pun pihak yang ingin mengusahakan. Jadi maknanya ada proses dia lah dia akan bawa ke Jawatankuasa Teknikal Pertanian dan setelah diteliti dan diamati maka urusetia pihak PSK akan membuat kertas EXCO dan diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Jadi ada proses-proses yang perlu dipatuhi dan antaranya ialah memang kita lihat kesungguhan. Ada setengah tu dia just *shopping around* dia buat semua tu tentang

presentation semua dengan izin dia buat persembahan memang dia hebat. Tapi bila diberikan kelulusan, dia tidak mampu untuk melaksanakan.

Jadi kita ada tempoh masa lah. Sebab tu dalam konteks seumpama ni, bila diberi kelulusan, kita akan mintak dia bagi *earnest money* iaitu wang taruhan. *Earnest money*, wang taruhan? *Earnest money* maknanya 10%. Er... wang cagaran. Jadi 10% daripada nilai ataupun keluasan nilai kawasan yang dipohon sebagai menunjukkan komitmen. Jadi selepas tempoh yang diberikan, dia tidak melaksanakan, maka pihak kerajaan melalui PSK akan mengambil tindakan untuk mengambil balik semulalah tanah itu. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Berhormat.

(ADUN TERUNTUM – N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Boleh, boleh tambah sikit tak?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN TERUNTUM – N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Tuan Speaker. Untuk isu ini, yang untuk apa tu ADUN Benta dia jaga kelapa tua, tapi saya jaga harga kelapa tua. Saya nak bangkit sikit. Kementerian KPDN telah mengawal harga santan pekat pada harga pada hari raya ini dengan harga RM17.50 sekilo dan sebelum hari raya ini, harga dalam pasaran adalah RM20 dan sekarang harga santan pekat ini adalah RM24 dan santan biasa dah ada RM14 per kilo.

Kenapa boleh jadi macam tu? Okey, pembekal dari Indonesia sebelum bulan Ramadan dia cuti satu minggu dulu pekerja. Itu lagi meningkatkan kekurangan kelapa tua di Malaysia. Lepas tu hari raya cuti lagi satu minggu. Itu lagi mengurangkan hasil kelapa apa tu import ke Malaysia ni kekurangan stok. Inilah masalah dia yang utama. Sekian, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil kerajaan . Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Dilantik Ke-4. Sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

[Ayat al-Quran] Soalan saya nombor 3.

[Adakah Kerajaan negeribercadang untuk memudahkan penerimaan masuk pelajar yang telah menamatkan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Syariah, Diploma Kehakiman Syariah, Diploma Amalan Guaman Syariah atau kelulusan yang diiktiraf

dari mana-mana univeristi sebagai Peguam Syarie Negeri Pahang tanpa perlu melalui Proses temuduga seperti peguam sivil?]

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan. Sahabat saya, ADUN Lantikan bertanya tentang tidakkah Kerajaan negeriberhasrat untuk memberi ruang kepada pelajar-pelajar yang lepasan ijazah guaman ataupun undang-undang syarie di universiti-universiti untuk diterima sebagai peguam syarie secara tanpa temuduga, diterima langsung.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, sebenarnya Mahkamah Syariah di negeri Pahang ini telah melalui satu perkembangan yang sangat pesat dan baik. Dulunya dia hanya adalah satu unit di bawah Jabatan Agama Islam Pahang dan dia berjalan secara terikat kepada Jabatan Agama. Tetapi di atas kesungguhan kerajaan setelah terbinanya satu Enakmen Pentadbiran Islam, maka kita berjaya menubuhkan Jabatan Mahkamah Syariah secara bersendiri dan ini adalah satu perkembangan yang sangat baik dan membanggakan kepada Kerajaan negeriPahang. Jadi, maknanya kita telah berusaha mengembangkan mahkamah syariah ini dari semasa ke semasa. Walaupun demikian, merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh rakan saya, ADUN untuk melantik peguam syarie secara terus tanpa temuduga adalah mustahil. Kerana apa? Kerana kita perlu meneliti dulu keupayaan Peguam-peguam Syarie walaupun mereka telah mendapat pendidikan, mendapat ijazah daripada universiti-universiti yang kerajaan sendiri mengiktiraf kerana kita nak pastikan *lawyer* syarie yang kita lantik itu lawyer yang benar-benar berwibawa dan berupaya untuk membantu Mahkamah Syariah merungkaikan perbicaraan dan membantu anak guam dia di dalam isu yang mereka minta bantuan. Apatah lagi di dalam pelantikan Peguam Syarie ini, kita adakan temuduga dia duduk di bawah peraturan yang telah ditetapkan di bawah Enakmen Pentadbiran Guaman Syarie itu sendiri di bawah Peraturan 7(1)(a) Peraturan-Peraturan Peguam Syarie 1995. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Sikit sahaja. Saya bukan soalan la. Cuma saya nak ucapkan tahniah kepada kerajaan negeriyang telahpun berjaya melantik dan juga Ketua Pendakwa Syariah Negeri yang baru. Jadi itu, satu kejayaan besar kepada kerajaan negeriuntuk menyelesaikan is-isu berkaitan dengan kes-kes syariah, jenayah syariah yang tertunggak. Terima kasih. Itu sahaja.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih ADUN yang dilantik. Seterusnya saya menjemput ADUN kawasan Mentakab. Sila.

(ADUN MENTAKAB - N.30)
YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Speaker, soalan saya No. 4. Adakah Kerajaan akan bina sebuah jambatan baru di Kampung Tanjong Kerayong yang dimana telah rosak semasa banjir Tahun 2022?

(ADUN MUADZAM SHAH - N.41)
YB IR. RAZALI BIN KASSIM

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera. Terima kasih, Yang Berhormat Yang di-Pertua. Terima Kasih juga kepada Mentakab yang bertanyakan tentang berkenaan dengan pembinaan jambatan baru di Kampung Tanjung Kerayong yang telah rosak akibat banjir tahun 2022. Yang Berhormat Yang di-Pertua, jambatan ini telah mengalami kerosakan yang teruk apabila dua batang pier telah patah akibat dari hentaman oleh kayu yang besar semasa kenaikan paras air sungai pada 18 Mac 2022 dan kejadian ini menyebabkan sebahagian daripada *deck slats* tu dia punya laluan telah turun dari paras asal dan penduduk tidak dibenarkan melalui atas faktor keselamatan. Ini menyebabkan penduduk sekitar telah terputus hubungan dan laluan ni sangat penting kerana ia merupakan pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi di kawasan-kawasan tersebut dan mengeluarkan hasil-hasil pertanian dan sebagainya. Jadi akibat daripada itu, penduduk terpaksa menggunakan jalan alternatif sejauh lebih kurang enam kilometer melalui jalan Kampung Gantok iaitu jalan negeri dan juga Jalan Gantok Hulu jalan kampung dan penduduk terpaksa melalui jalan lebih jauh sikitlah.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, projek pembangunan telah… sebenarnya telah diluluskan melalui RP4 RMK12 dan tender telah dikeluarkan pada bulan November tahun lepas dan kontraktor pembinaan telah dilantik, telah lantik dan tarikh milik tapak pada 10 April dah berpalang lebih kurang dua minggu lepas dan tarikh siap tempoh siap kerja ni mengikut kontrak adalah 10 Februari 2027 dengan harga kos kontraknya RM12 juta... RM12.932 juta dan Agensi Pelaksananya ialah Jabatan Kerja Raya. Sekian terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Wakil Kerajaan. Seterusnya saya menjemput ADUN kawasan Semambu. Sila.

(ADUN SEMAMBU - N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ingin kemukakan pertanyaan ke 5. Terima kasih. [Pahang dan Sabah disenaraikan sebagai cadangan tapak pelancaran roket. Apakah status terkini untuk projek tersebut?]

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan ADUN saya daripada Semambu. Baiklah, jawapan maaf soalan yang ditanyakan adalah Pahang dan Sabah disenaraikan sebagai cadangan tapak pelancaran roket. Apakah status terkini untuk projek tersebut dan jawapannya kerajaan negeritelah memberikan kelulusan dasar bagi kajian kebolehlaksanaan

Projek Pembangunan Pahang International Space Port. Kalau jadi ni singkatannya PINTAS selama setahun kepada pemaju projek di atas tapak cadangan tanah milik Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang PKNP di Pekan.

Cadangan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan di bawah Jawatankuasa Angkasa Negara MOSTI dan juga Majlis Pembangunan Fizikal Negara. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang PKNP telah menandatangani satu *Letter of Intent* dengan izin bersama dengan China Great Wall Industry Corporation dan juga pihak pemaju iaitu Lestari Angkasa Sendirian Berhad bagi menjalin kerjasama strategik dalam pembangunan sektor teknologi angkasa di Malaysia pada 15 April 2025 yang disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail yang juga merangkap Pengerusi PKNP. PKNP dan juga Lestari Angkasa Sendirian Berhad juga akan mengadakan lawatan kerja ke Wenchang Space City, Hainan, China pada bulan Mei 2025 sebagai sebahagian daripada kajian kebolehlaksanaan dan juga kerja-kerja merancang pembangunan projek Pahang International Space Port yang dimaksudkan.

Dan YB, cadangan ini adalah *proposal* ini adalah satu dalam sejuta, *one in a million* dengan izin. Biasanya Invest Pahang terima proposal untuk buat kilang, nak buat ladang sawit dan sebagainya. Jarang-jarang dapat cadangan untuk buat Pahang International Spaceport. Sekiranya jadi dan diluluskan, Pahang dan Malaysia akan menjadi satu-satunya International Space Port yang boleh melancar roket untuk penggunaan satelit dan *payload* yang pelbagai yang pertama di rantau Asia Tenggara. YB kalau nak naik roket boleh PM tepi la ya. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila. Semambu.

(ADUN SEMAMBU - N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih jawapan daripada wakil kerajaan negeri. Dan saya rasa rakyat Pahang memang menantikan untuk tengok roket dapat dilancarkan di tanah Pahang ni. Cuma persoalan saya ialah, apakah jangkaan masa untuk kita merealisasikan pelaburan ini untuk kita lihat kita ada tapak pelancaran projek *spaceship* ataupun roket di Pahang? Soalan kedua ialah berapakah peluang pekerjaan yang bakal dijanakan dengan adanya tapak pelancaran roket di Pahang? Dan soalan ketiga ialah saya ingin tujukan sebenarnya berkenaan dengan Aerospace City yang pernah dikemukakan oleh Kerajaan negeriPahang dan saya ingin tahu... ingin tahu berkenaan dengan status Project Aerospace ini yang saya nampak juga merupakan satu peluang yang baik untuk pelabur-pelabur kerana saya lihat ia melibatkan pelancaran seperti... dan juga Lapangan Antarabangsa. Terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA - N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih rakan ADUN saya di atas soalan tersebut. Berkenaan dengan Space City, kita ada dua cadangan tapak satu mungkin di Gebeng di atas tapak lapangan terbang yang dicadangkan baru-baru ini dan kedua adalah satu tapak yang masih dalam kajian, kemungkinan dalam daerah Pekan. Sekiranya sesuai dan juga tidak jauh daripada... daripada tapak tanah PKNP yang ingin dijadikan untuk tapak roket tersebut. Dari segi peluang pekerjaan, syarikat dan pemaju menganggarkan sebanyak

2,350 peluang pekerjaan bakal bakal diwujudkan daripada pekerja di *site* roket. Apa ni, Ini belum masuk limpahan ekonomi dari segi pelancongan. Ya, dengan apa ni pemaju hotel, homestay dan sebagainya dan juga peluang untuk penyelidikan. Soalan pertama yang tak pulak banyak sangat soalan. Eh eh

(ADUN SEMAMBU – N.13)
YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Saya tanya berkaitan dengan jangkamasa...

(ADUN PERAMU JAYA – N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Jangkamasa dalam masa jangkaannyalah paling awal pun 3 tahun paling awal 3 hingga 5 tahun lah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(ADUN KETARI – N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Soalan tambahan boleh?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya, sila... Ketari

(ADUN KETARI – N.34)
YB TUAN SU KEONG SIONG

Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Speaker, roket kita dah ada. Kita sudah ada roket. Yang Berhormat, memandangkan terdapat persaingan dari negeri Sabah untuk menjadi tapak pelancaran roket, Apakah kelebihan negeri Pahang kita boleh tawarkan kepada pengusaha-pengusaha ini dan apakah peluang untuk menjadikan ia satu realisasi

(ADUN PERAMU JAYA – N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih sahabat saya daripada Ketari setahu saya rakyat apa ni kerajaan negeriSabah belum memulakan kerja-kerja untuk membangunkan Space Sport Sabah secara serius berbanding dengan pemaju yang kita ada di Pahang ni. Sebab pemaju ni dia dah apa ni dia dah menganjurkan banyak bengkel teknikal di Malaysia dan juga di China. Dah berjumpa dengan pelbagai agensi kerajaan di Pahang mahupun di Persekutuan. Malah, hari ini pihak pemaju akan bertemu dan akan membentangkan cadangan ini di Majlis Perancangan Fizikal Negara MPFN. Maka yang cadangan lain tu dia. Setahu kami belum buat apa-apa lagi. Kami jauh lebih ke hadapan dalam hal ini. Dari segi insentif. Yang tu kita perlu runding dengan MOSTI lah ataupun apa-apa insentif dalam kemampuan kerajaan negeriyang kita boleh apa ni kita boleh tawarkan pada pihak syarikat. Buat masa ni, kajian kerajaan negerimemberi sokongan penuh kepada cadangan ni dan kami menunggu kelulusan daripada pihak Federal. Sokongan daripada pihak Federal untuk realisasikan cadangan Project ni.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Jemput...

ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSIN

YB. Speaker, Soalan tambahan. Seingat saya masa saya di EXCO dulu pernah juga dengar tentang roket ni, tapi bukan roket yang macam Ketari sebut tu. Gurau Ketari ya. Ok soalan saya boleh tak spesifik daerah cadangan yang terlibat ya daerah mana. Kedua. Adakah kelebihan-kelebihan tertentu selain Sabah, Pahang menjadi satu lokasi yang strategik untuk cadangan pusat pelancaran roket tersebut. Sebab saya takdelah pengalaman besar pernah pergi ke Baikonur, Kazakhstan. Masa pelancaran Dr Sheikh Muzaffar. Radius tempat saya baca doa untuk sempena pelancaran roket tersebut 8 km daripada dia punya base roket dilancarkan tu, tempat kami menunggu dan bacaan doa ketika itu di sisi dia baca doa oleh Dato' Dr… Dato' Firdaus. Jadi soalan saya tadi tu pertama spesifik cadangan daerah yang terlibat sebab saya dengar macam Pekan ke Rompin macam mana yang kedua tadi. Kelebihan memilih Pahang tu terima kasih.

(ADUN PERAMU JAYA – N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih sahabat saya dari Tioman, untuk… untuk jawapan tapak spesifik dia memang di Pekan, bukan di Rompin ya. Dalam DUN Bebar, DUN Bebar Kawasan Nenasi, tanah PKNP, sempadanlah mungkin. Apa tu mungkin apa ni space city tu bolehlah. Boleh tempah sikit tanah ni Rompin, Dari segi kelebihan, saya dimaklumkan untuk pelancaran roket. Antara kawasan yang paling optimal dan efisien adalah di garisan khatulistiwa. Maksudnya tapak yang paling optimal adalah sekitar pantai timur di Pahang dan juga di Sabah. Yang itu itu paling paling efisien. Dan sekarang ni dengan kemajuan elektronik dengan kemajuan sistem komputer. Kos untuk membina roket tu semakin lama semakin murah. Ya, semua orang teruja dengan kejayaan SpaceX pada 2008. Sebelum 2008, hanya negara-negara besar je yang mampu buat roket besar ini seperti China, USSR, Rusia dan USA. Kini selepas kejayaan syarikat swasta seperti SpaceX. Kos untuk membuat roket tu semakin lama semakin rendah dan kos untuk melancar roket tu makin lama pun semakin rendah. Kalau dulu nak buat pelancaran roket kosnya adalah US60 juta US300 juta. Tapi kini kosnya boleh serendah USD7 juta dan mungkin kalau buat di Pahang boleh rendah lagi. InsyaAllah. Itu kelebihannya. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih. Wakil kerajaan seterusnya. Saya menjemput ADUN Kawasan Kemayan.

(ADUN KEMAYAN – N.39)
YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih Rabbi. Speaker Soalan saya soalan Nombor 6.

(ADUN GUAI-N.37)
YB DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh. Terima kasih YB. Speaker dan juga sahabat yang bertanya. Nampaknya program Anggun Suri mendapat perhatian

daripada semua pihak ya. ADUN Kemayan. Tapi walau macam mana pun ada kematian dah tak ada peluanglah. Mengenai apakah impak yang telah dicapai oleh program Anggun Suri terhadap masyarakat sesungguhnya program Anggun Suri ni memanglah memberikan impak yang positif kepada masyarakat. Ini adalah merupakan salah satu inisiatif kerajaan negeriPahang dan khususnya golongan yang mendapat impak ini adalah golongan B40 di mana program ini menawarkan pakej perkahwinan beramai-ramai dan bukan sahaja saya rasa bukan mengenakan kos rendah tapi sebenarnya tak ada kos yang dikeluarkan oleh pihak peserta di mana cuma kita mengenakan sedikit yuran komitmen. Contohnya, di Bera pada tahun 2024, 9 pasangan telah menyertai program ini dan yuran komitmen yang dikenakan adalah sebanyak RM 500. kemudian dapat lagi inisiatif perkahwinan kali pertama. RM 300, jadi yuran komitmen RM 200 je lah ni memanglah sesuatu yang sangat membantu. Ya, golongan golongan yang ingin mendirikan rumahtangga tetapi mempunyai kekangan kewangan. Jadinya, selain daripada itu juga, program ini turut memperkukuhkan semangat masyarakat madani dalam kehidupan seharian dengan menekankan nilai nilai kemasyarakatan berkerjasama. Secara keseluruhannya, program Anggun Suri telah membantu meringankan beban kewangan pasangan B40 yang ingin mendirikan rumahtangga sambil memperkukuhkan nilai-nilai kemasyarakatan dalam rakyat negeri Pahang. Dan untuk tahun ini, penyertaan telah dibuka dan kepada yang berminat untuk menyertai program ini boleh terus berhubung dengan Unit Wanita Negeri Pahang di talian 09-5124039. InsyaAllah pada tahun ini kita membuka program kepada 8 daerah. Daerah tersebut adalah Pekan, Rompin, Maran, Temerloh, Bentong, Lipis, Raub dan Jerantut. Kami amat mengalu-alukan penyertaan. Jadi siapa cepat kita akan proses dulu. Sekian terima kasih.

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima Kasih wakil. Sila Kemayan.

ADUN KEMAYAN – N.39)
YB. TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Soalan Tambahan. Berapa ramai jemputan yang dibenarkan bagi setiap pasangan yang terlibat dalam program tersebut.

(ADUN GUAI-N.37)
YB. DATO' HAJAH SABARIAH BINTI SAIDAN

Okey terima kasih kepada soalan tambahan mengikut yang lepas-lepas yang tahun lepas, setiap pasangan dihadkan kepada 150 orang. Ramai tu ya sebab 75 lelaki dan 75 perempuan. InsyaAllah pada tahun ini kita akan teruskan lagilah dengan cara sedemikian.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil kerajaan. Seterusnya err…soalan yang seterusnya, saya menjemput ADUN Chini. Sila.

(ADUN CHINI – N.23)
YB TUAN MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Yang Berhormat Speaker. Saya kemukakan soalan yang ke 7.

[Apakah program-program khusus yang dilaksanakan di negeri Pahang untuk memastikan belia dan anak muda di negeri ini mampu mendepani pelbagai cabaran yang menghantui mereka, misalnya yang terbaru iaitu pelaksanaan program fizikal seperti Cabaran Mara Lasak Pahang 2025?]

(ADUN DONG – N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih sahabat saya dari Chini yang bertanya soalan berkenaan dengan program-program khusus dilaksanakan untuk memastikan belia dan anak muda di negeri ini mampu mendepani pelbagai cabaran yang getir pada masa depan. Yang Berhormat Speaker, sesungguhnya terdapat pelbagai program dilaksanakan oleh Kerajaan negeriPahang dan agensi-agensinya bagi memastikan anak belia, anak muda dan belia di negeri ini mempunyai ketahanan diri yang kuat untuk mendepani pelbagai cabaran getir dalam kehidupan hari ini.

Pertamanya adalah pelaksanaan Program Cabaran MARA Lasak Pahang 2025 yang dilaksanakan secara bersama oleh Majlis Rekreasi Pahang, Majlis Sukan Pahang dan juga PDRM bertujuan menguji ketahanan fizikal serta mental para peserta yang terlibat. Program seperti ini bukan sahaja menekankan pentingnya aspek kecergasan tubuh badan tetapi juga bagi membentuk karektor, ketahanan dan semangat juang tinggi dalam kalangan anak muda. Program Cabaran MARA Lasak Pahang ini telah dianjurkan pada Februari lalu di Ulu Dong, Raub yang turut diserikan dengan penyertaan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang yang sudi berkenan mencemar duli berlari sejauh lebih 10 km sambil menempuhi pelbagai cabaran termasuk menyeberangi sungai berjeram dan berbatu, mendaki bukit melalui denai hutan dan macam-macam lagi rintangan.

Insya-Allah, Cabaran MARA Lasak Pahang ini akan dianjurkan di setiap daerah di negeri ini seperti mana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Program ini merupakan program pertama anjuran Majlis Rekreasi Pahang yang ditubuhkan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti rekreasi dan sukan lasak di negeri ini. Antara program yang dirancang di bawah Majlis Rekreasi Pahang ini adalah pendakian ke Gunung Kinabalu pada 24 dan 20… hingga 29 April ini. Eksplorasi Gunung Tahan pada bulan Jun. Misi menawan Gunung Kilimanjaro, Tanzania pada bulan September. Program CSR di Gunung Semukut dan macam-macam lagi program. Majlis Rekreasi Pahang ini dinaungi oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang manakala Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan negeriPahang adalah penasihat kepada majlis ini.

Selain daripada Cabaran MARA Lasak yang dianjurkan iaitu program-program berbentuk fizikal. Banyak lagi program lain yang dilaksanakan di Pahang untuk pembangunan belia dan anak muda. Antaranya adalah Program Jati Diri Atlet Pahang, melalui program ini Majlis Sukan Pahang akan bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia 4 Briged Mekanize Kuantan bagi membentuk ketahanan karekter dan jati diri di kalangan atlet-atlet Pahang.

Program ini menyasarkan penyertaan sekurang-kurangnya 600 orang atlet Pahang daripada pelbagai lapisan umur yang majoritinya akan bertanding dalam temasya SUKMA di Selangor pada tahun hadapan. Keduanya adalah Program Retreat Belia Pahang 2025. Retreat ini merupakan sebuah inisiatif strategik yang dirangka bukan sekadar sebagai latihan kepimpinan tetapi sebagai pemangkin bagi melahirkan

pemimpin belia yang berdaya tahan dan berkarisma. Program ini akan memberi fokus kepada pengukuhan fizikal, pemikiran strategik, semangat patriotisme dan kecintaan kepada negeri serta nilai kerjasama dan kerja berpasukan dalam kalangan pemimpin belia. Retreat ini bakal berlangsung selama tiga hari dan akan mengumpulkan lebih 100 anak muda dan belia di seluruh negeri Pahang.

Selain daripada program-program yang saya sebutkan ini, banyak lagi program yang direncana bagi membentuk ketahanan dan jati diri anak muda dan belia. Antaranya adalah Program Pemerkasaan Persatuan Belia Negeri Pahang atau lebih dikenali sebagai *Youth Empowerment Society* atau YES Pahang. Ini pun telah dilaksanakan bermula tahun lalu dan akan diteruskan pada tahun ini. Program lain adalah Hari Belia Negeri Pahang yang di dalamnya kita sertakan banyak program-program yang berbentuk ketahanan dan sukan lasak antaranya sukan *paintball*, *gelblaster*, sukan ekstrem seperti basikal BMX, papan selaju dan macam-macam lagi program. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil kerajaan. Seterusnya, sila Tioman.

(ADUN TIOMAN - N.42)
YB DATO' SRI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Speaker saya ingin mengucapkan syabas dan tahniahlah kepada Wakil Kerajaan negerierr… terutama Kembara Pahang, satu produk yang baru err… yang diperkenalkan dan juga err… RXZ Fighter juga satu program yang sangat membanggakan jugalah penglibatan anak muda yang ramai. Soalan saya nak tanya, apa tu adakah pihak Kerajaan negerimasih bercadang untuk mewujudkan ataupun mengadakan kerjasama ataupun program antara belia Malaysia dengan belia luar negara. Terima kasih.

(ADUN DONG – N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

[Berdehem] Terima kasih Yang Berhormat Tioman berkenaan dengan RXZ Fighter. InsyaAllah akan berlangsung pada 2 dan 3 Mei ini di Teluk Cempedak. Alhamdulillah, kita sudah dapat kebenaran. Ini adalah program kedua bermula pada tahun lepas yang dapat penyertaan yang cukup ramai daripada anak-anak muda dan belia dari seluruh negara. Tahun lepas kita rekodkan penyertaan lebih 50 ribu orang. Dan diharapkan tahun ini lebih ramai yang hadir. Berkenaan dengan kerjasama belia Pahang dengan belia luar. Mengikut perancangannya, ketika ini kita sedang memuktamadkan satu kerjasama antara belia Pahang dan juga belia Sarawak yang sebenarnya telah dirintis tahun lalu ketika saya hadir di Sarawak untuk temasya SUKMA di Sarawak. Telah ada perbincangan dengan Menteri Belia dan Sukan Sarawak dan kita tengah muktamadkan kerjasama ini dan merancang untuk permulaannya, kita ke Sarawak membawa pemimpin-pemimpin belia terpilih untuk kita mempelajari amalan terbaik persatuan belia di Sarawak yang kita lihat agak terkehadapan dari segi pengurusan belia, penjanaan ekonomi dan usahawan belia. Sebab sana persatuan belia di Sarawak ni ada ladang misalnya, ada lot kedai. Ada pendapatan bulanan… bulanan yang…tahunan yang cukup besar yang mungkin kita belia dari Pahang ini boleh mempelajari amalan terbaik daripada persatuan belia di sana dan selain daripada belia Sarawak.

Insya-Allah belia Pahang akan aturkan satu lagi kerjasama dengan Persatuan Belia Selangor yang kini dalam perancangan. Gerak kerja yang… tengah disusun dan saya akan juga bertemu dengan Menteri EXCO Belia dan Sukan Selangor dalam masa terdekat untuk merealisasikan hasrat ini. InsyaAllah. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil kerajaan. Seterusnya saya menjemput ADUN Inderapura.

(ADUN INDERAPURA - N.16)
YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Speaker, saya mohon kemukan soalan nombor 8.

[Berapakah jumlah kes tuntutan pengguna melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia yang telah diselesaikan di Negeri Pahang untuk tahun 2024 dan apakah kategori kes tuntutan yang tinggi?]

(ADUN TERUNTUM – N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Salam sejahtera semua. Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk menjawab soalan nombor 8. Berapakah jumlah kes tuntutan pengguna melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia di Pahang. Untuk maklumat semua, jumlah kes untuk… tuntutan adalah 203…232 dan kes berjaya diselesaikan adalah 227 dan tinggal 5 kes sedang dalam pendengaran. Untuk kes yang paling tinggi untuk 2024 adalah pakej umrah 43 kes dan untuk lain-lain perkhidmatan maknanya seperti masalah fon, talian apa kes adalah 28 pengubahsuaian rumah adalah 26 kes, bengkel kereta ada 15 kes. Ini yang 4 tertinggi. Untuk maklumat semua, setiap tuntutan akan dicaj hanya RM5.00 sahaja. *So,* kalau sesiapa rakyat ada masalah dengan tidak… harga tidak melebihi RM50,000.00 bolehlah pergi. Kalau tidak, nanti semua *lawyer* takut tak ada kerja ni… kalua cari *lawyer*, mahal sangatkan? *So*, kita *charge* RM5 sahaja. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil kerajaan.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Soalan tambahan, boleh?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya. Dalam… dalam kes-kes di Tribunal Tuntutan Pengguna ni, ada kes yang mana keputusan dia telah dibuat dan keingkaran berlaku. Maksudnya pihak yang mahkamah arahkan untuk bayar tu tak bayar. Jadi menyebabkan mereka ni terpaksa pergi… pergi ke Mahkamah Tinggi untuk

membuat semakan kehakiman semula keputusan tersebut. Jadi, soalan saya, Yang Berhormat ada tak statistik berapa banyak kes yang terpaksa dirujuk ke Mahkamah Tinggi dan dalam keadaan Yang Berhormat sebut tadi RM5 sahaja untuk satu-satu kes untuk didaftarkan. Jadi kalau terpaksa pergi ke Mahkamah Tinggi, di mana mereka terpaksa boleh *engage lawyer* untuk buat kes-kes sebegini, ada tak mekanisme yang… yang boleh diambil oleh oleh… oleh… oleh kerajaan untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan? Itu sahaja Speaker.

(ADUN TERUNTUM - N.14)
YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih soalan tambahan tadi ADUN Lantikan. Er… Saya tak ada data yang berapa kes telah dibawa ke Mahkamah Sivil atau Mahkamah Tinggi. Dan jikalau mereka tidak puas untuk apa keputusan hari tribunal tuntutan, mereka boleh fail juga di Mahkamah Tinggi. Itu dia nak ambik *lawyer* itu dia bincang dengan *lawyer*lah. Kita tak campur pun. Okay. Kerajaan takkan tolong sebab itu bukan bawah hak kerajaan. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tima kasih Wakil Kerajaan. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Dilantik ketiga. Sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan No. 9

[Apakah langkah kerajaan negeriuntuk mengatasi kemerosotan pelancong asing di Jerantut terutama akibat ketiadaan pengangkutan awam ke Taman Negara Kuala Tahan?]

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat ADUN Lantikan. Jika rujuk statistik ketibaan pelancong ke Jerantut, dalam… sebenarnya ia dalam pemulihan secara berperingkat dari tahun 2022 hingga 2024. Jadi, setiap tahun merekodkan pertumbuhan yang konsisten. Manakala untuk jumlah pelawat ke Taman Negara untuk 3 tahun ini pada tahun 2022, kita merekodkan 68,840 orang dan tahun seterusnya 2023 ianya melonjak kepada 128,592 orang dan merekodkan penambahan sebanyak 86%. Dan tahun lepas 2024, jumlah ini naik lagi kepada 135,435 orang. Jadi ia menunjukkan bahawa Taman Negara memang satu destinasi yang kaya dengan alam sekitar yang dapat menarik pelancong-pelancong antarabangsa dan domestik dan data ini disokong dengan kutipan fi lestari di mana untuk daerah Jerantut, ia meningkat… menunjukkan *trend* meningkat untuk ketiga-tiga tahun ini.

Buat masa ini, terdapat 2 mod pengangkutan untuk masuk Taman Negara iaitu laluan darat dan air. Bagi pelancong asing, kebanyakan mereka telah *engage* dengan *travel agent* yang mempunyai pengangkutan sendiri ataupun sesiapa yang sampai ke Jerantut boleh menaiki van persiaran yang dikendali… yang dikendalikan oleh pihak swasta atau menaiki teksi. Bagi pelancong yang ingin masuk Taman Negara melalui laluan air, terdapat perkhidmatan bot dari Jeti Kuala Tembeling ke Taman Negara.

Walau bagaimanapun, isu pengangkutan awam masuk ke Taman Negara yang dibangkitkan Yang Berhormat, kita akan meneliti semula perkara ini sebab kita faham bahawa ianya bukan sahaja untuk pelancong tetapi untuk kebaikan penduduk kampung. Terima kasih.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

Soalan tambahan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

Kita sedar, pergerakan pelancong daripada KLIA hingga ke Taman Negara dimonopoli oleh syarikat swasta tertentu di mana mereka ambil daripada KLIA mereka, apa… mereka bawa transit di hotel ataupun penginapan milik syarikat swasta berkenaan dan juga oleh yang demikian, pelancong-pelancong ini terhad pergerakannya hanya transit sekejap di bandar Jerantut dan terus ke Taman Negara tanpa pelancong pergi ke tempat-tempat menarik lain di Jerantut.

Jadi apakah perancangan Kerajaan negeribagi menyekat ataupun apa melihat sendiri tindakan monopoli daripada syarikat-syarikat swasta ini?

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Boleh saya minta Yang Berhormat sebutkan syarikat yang monopoli.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN HARIS SALLEH BIN HAMZAH

Antara syarikatnya Vans Travel dan ada satu lagi saya tak ingat apa nama syarikat ini.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Kalau mengikut pemerhatian saya sendiri dalam 2 3 tahun ini, saya masuk Taman Negara sendiri dan saya bertemu dengan pelancong-pelancong asing yang tidak pakai pakej-pakej daripada *travel agent*. Sebenarnya mereka ada banyak pilihan. Saya nampak ada yang *free and easy*. Apabila mereka sampai *airport,* mereka sewa kereta sendiri dan masuk Taman Negara sendiri. Tapi perkhidmatan daripada pihak swasta, memang kita sama menghargai dan usaha sebenarnya kita meneruskan usaha untuk memperkenalkan supaya *travel agent-travel agent* dia bukan sahaja membawa pelancong sampai Taman Negara tetapi memasukkan bandar Jerantut dalam pakej-pakej mereka untuk menunjukkan bahawa tentang ada aktiviti makanan yang juga menarik yang terdapat di bandar-bandar Jerantut. Jadi dengan ini usaha ini kita akan teruskan untuk mempromosikan secara keseluruhan. Tapi isu pengangkutan ini kita juga akan terus ambil perhatian. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya… Cheka.

(ADUN CHEKA - N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Er… Saya ada dua perkara. Pertama sekali, saya setuju apa dibangkitkan oleh ADUN Lantikan. Er… saya orang Jerantut dan saya dapati memang sebahagian pelancong datang menginap di hotel, daripada hotel terus ke Taman Negara. Balik Taman Negara terus ke hotel, hotel terus ke Kuala Lumpur. Mereka jarang sangat dilihat berada di kawasan-kawasan destinasi lain. Er… kita Jerantut ni banyak kawasan pelancongan termasuk Gua Kota Gelangi… Gua Kota Gelangi kawasan yang sangat menarik, makam Mat Kilau dan sebagainya. Saya ada dua soalan.

Jadi kalau boleh di… dilebarkan supaya pakej ini juga termasuk kawasan-kawasan menarik lain. Yang keduanya, data statistik yang kita lihat kebanyakan pelancong yang datang ke Taman Negara datang daripada negara Eropah, Perancis, Jerman, Itali, Denmark dan selain daripada China, seolah macam tak ada promosi di Asia Barat, Asia Tengah, Jepun, Korea. Mereka ni ramai pelancong termasuk Singapore. Pelancong Singapore datang ke Pahang, dia pergi ke genting kemudian balik semula dan kedatangan pelancong ke Tioman juga saya fikir perlu dilebarkan kepada negara-negara lain. Mungkin faktor promosi negara tersebut yang kurang atau ejen pelancongan yang tidak beri fokus kepada negara-negara tersebut. Terima kasih.

(ADUN TRIANG - N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Cheka. Dengan ini saya ingin menafikan bahawa sebenarnya promosi untuk Taman Negara sentiasa dilakukan bukan sahaja untuk pasaran Eropah, tapi kita tidak menafikan bahawa untuk pelancong yang gemar ke tempat-tempat pelancongan yang berasaskan alam sekitar, memang pasaran Eropah dia memang sangat minat dengan Taman Negara. Tapi tidak dinafikan Taman Negara dimasukkan setiap kali promosi dijalankan bukan sahaja di Eropah tetapi di Asia Tenggara, di Asia Barat sebagai contoh untuk minggu depan, kita ada Arabian Travel Mart yang berlangsung di Dubai dan Tourism Pahang kita akan mengambil bahagian dalam ATM ini dan produk-produk yang akan diperkenalkan dalam eksposisi pelancong ini merangkumi semua kategori di negeri Pahang termasuk Bukit Tinggi, termasuk Taman Negara termasuk pantai dan laut. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tahan. Sila.

(ADUN TAHAN - N.09)
YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Soalan tambahan. Terima kasih Yang di-Pertua. Daripada jawapan YB EXCO tadi berkenaan dengan kemasukan pelancong daripada tahun 2022 hingga 2024 dilihat berlakunya peningkatan yang yang banyaklah. Cumanya sebagaimana yang ditanya oleh sahabat saya daripada ADUN Lantikan berkenaan dengan monopoli, adakah daripada angka kemasukan ini di pihak Tourism boleh… ada tak pecahan berapa

ramai yang datang melalui *pakej Agent Travel* ataupun yang melalui persendirian. Terima kasih.

(ADUN TRIANG – N.38)
YB PUAN LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Tahan sebab angka-angka ini kita kutip melalui dua kaedah. Yang pertama melalui hotel-hotel, *resort-resort* yang berdaftar dengan kerajaan iaitu pelancong yang er... bermalam. Yang keduanya, kita juga faham bahawa untuk masuk Taman Negara kita perlu bayar kepada PERHILITAN. Jadi PERHILITAN juga merupakan salah satu sumber. Cumanya, kita tiada er... data bahawa adakah pelancongan ini... pelancong ini dia sampai melalui pakej ataupun *free and easy.*

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Wakil Kerajaan. Soalan yang terakhir soalan yang kesepuluh. Saya jem… saya menjemput ADUN Kawasan Kuala Sentul, sila.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Terima kasih YB Tuan Speaker. Pertanyaan saya pertanyaan nombor sepuluh. Terima kasih.

[Apakah status terkini kesemua 10 Project Rumah Pahang@PGBF. Sila nyatakan status mengikut setiap kawasan yang sedang dibangunkan?]

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

[Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT juga salam sejahtera, salam madani. Terima kasih banyak kepada sahabat saya Kuala Sentul, terpinga-pinga lak mencari jawapan. Insya-Allah mewakili EXCO ada program hari ini, insya-Allah.

Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Sentul bertanyakan mengenai projek er... soalannya, apakah status terkini kesemua sepuluh Projek Rumah Pahang, PGBF dan saya nyatakan status mengikut setiap kawasan yang sedang dibangunkan. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan juga Ahli Mesyuarat, Projek Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang kini dikenali sebagai Rumah Pahang merupakan inisiatif dalam menyediakan perumahan mampu milik kepada generasi baharu FELDA dan untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, saya nak maklumkan sekali lagi bahawasanya Pahang, negeri Pahang merupakan satu-satunya negeri yang tampil mengambil alih projek-projek PGBF yang terbengkalai dan er... Warga FELDA mengucapkan banyak terima kasih, jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Negeri Pahang kerana mengambil inisiatif yang sangat membantu kepada generasi-generasi FELDA masa ini. Dan dia... sebelum ini kita jenamakan iaitu Rumah Pahang dan sedang menyambung pelaksanaannya.

Tindakan ini diambil biarpun projek asal bukanlah inisiatif kerajaan negeri namun atas keprihatinan terhadap nasib-nasib generasi baharu FELDA yang telah menanti sekian lama, Kerajaan Negeri Pahang tampil mengambil tanggungjawab tersebut dan sebanyak sepuluh projek PGBF telah pun diserahkan Kerajaan negeri… kepada

kerajaan negeri melalui syarikat yang telah pun dilantik dan kini semua pelaporan rasmi diserahkan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang (LPHP). FELDA dan juga LPHP bekerjasama rapat bagi memastikan kemajuan projek dipantau secara berkala di semua tapak. Mulai hari ni kita dah setiap bulan dah ada *progress-progress* dialah ya.

Berikut adalah status terkini projek mengikut lokasi, projek yang sedang dalam pembinaan dan menunjukkan kemajuan positif. Pertamanya adalah FELDA Sungai Retang, Jerantut, kemajuannya 69% dan jangka siap pada tahun 2025 ini dan bagi FELDA Jengka 11, Maran, kemajuannya sudah mencapai 72% dan kini berada di fasa terakhir untuk pembinaan dan juga FELDA Jengka 1, kemajuannya lebih kurang 53%. Usaha sedang dipergiatkan bagi mempercepatkan penyudahan projek ini.

Dan projek dalam semakan atau tindakan awal. Projek di lokasi berikut masih berada di peringkat, pelbagai peringkat sama ada dalam semakan agensi teknikal dan proses dokumentasi ataupun belum mengumpulkan beberapa pemohonan-permohonan lengkap, di antaranya ialah FELDA Keratong 7, Kampung Awah, FELDA Bukit Sagu, Kota Gelanggi 2 dan juga FELDA Jengka 12, FELDA Jengka 6 dan juga FELDA Bukit Tajau. Namun, kerajaan negeri melalui LPHP akan terus memantau kemajuan kesemua projek ini secara berkala dan akan memastikan setiap tapak yang terlibat mendapat perhatian sewajarnya agar pelaksanaan berjalan mengikut jadual dan juga piawaian yang telah ditetapkan.

Sebagai bukti komitmen, pada 29 Ogos 2024, LPHP telah pun menganjurkan Majlis Penyerahan Surat Tawaran dan Cabutan Undi Lot Rumah bagi dua projek iaitu di FELDA Sungai Retang dan juga FELDA Jengka 11. Ini membuktikan usaha serius Kerajaan negeridalam memastikan rakyat khususnya generasi baru FELDA dan juga memiliki rumah yang berkualiti dan juga mampu milik.

Yang Berhormat Speaker,

Kerajaan negeri akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek ini secara berperingkat dan komited untuk memastikan kesemua sepuluh projek ini berjaya disi... disiapkan sepenuhnya dalam tempoh yang munasabah demi kebajikan rakyat dan demi... demi kebaikan generasi baru peneroka. Sekian Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay terima kasih. Sila Kuala Sentul.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Soalan tambahan. Er... projek ni sebenarnya dari tahun lepas lagi telah berada dalam tindakan undang-undang. Er... kontraktor menyaman pemaju, pemaju menyaman kontraktor, kontraktor pun menyaman kerajaan. Ada hantar saman kepada kerajaan dan pemaju sendiri buat *report* polis untuk menyaman saya. Jadi saya nak tahu apakah status terkini dan tindakan pihak kerajaan er… apabila perkara ni berlaku? Dan yang terbaru, kontraktor sendiri telah mengambil *injunc… injunction*, dengan izin, injunksi ke atas tapak-tapak tertentu projek tersebut.

Jadi saya mintak jawapan yang er... *definite* sikit la sebab dah dua, tiga tahun duk bercakap pasal ni, supaya saya balik ke kawasan kali ni ada jawapan yang er... er... *definite*. Terima kasih.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak soalan tambahan Kuala Sentul. Terima kasih banyak Yang Berhormat Speaker. Bahawasanya apabila kes-kes yang telah pun dimasukkan ke mahkamah, sepatutnya kita tidaklah nak boleh huraikan di kawasan ataupun di dalam Sidang Dewan ini dan ini… perkara ini perlulah dibawa ke muka pengadilan dan beberapa perkara-perkara tambahan pun telah pihak kerajaan negeri utarakan dan insya-Allah tindakan kepada sesuatu perkara itu kami juga memandang serius untuk menegakkan keadilan kepada bakal-bakal pembeli ataupun generasi-generasi FELDA ini untuk mendapatkan rumah tersebut. Ini komitmen kami.

Sebab itu, bagi mereka yang melanggar undang-undang tetap kami akan, tetap mengambil tindakan. Insya-Allah Yang Berhormat Kuala Sentul, perkara yang baik ini kita akan usahakan bersama. Apabila ada kes er... mahkah... kes mahkamah kita tidak perlulah utarakan di dalam Sidang Dewan ini. Insya-Allah, berjumpalah dengan saya dengan Yang Berhormat er... Bebar untuk berbincang, apabila kes mahkamah ini di luar Dewan. Insya-Allah Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih wakil kerajaan. Ya sila.

(ADUN CHINI – N.23)
YB TUAN MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Soalan tambahan, er... saya ada sedikit er… soalan tambahan tapi bukan berkaitan rumah PGBF tetapi rumah er… peneroka FELDA kerana ini pun saya nak sikit er... penjelasan. Berkaitan tentang rumah peneroka yang terlibat dengan kebakaran kerana kawasan saya ada sebuah rumah er... pada bulan Februari yang lalu, seorang ibu tunggal di Felda Chini 5 terlibat dengan kebakaran. Saya nak tanya, adakah er… melalui FELDA ada bantuan-bantuan yang dapat dibantu untuk er... untuk kurang-kurang boleh membina balik er… rumah yang terbakar ni. Terima kasih.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih kepada sahabat saya daripada Chini dan terima kasih kerana mengambil berat terutama sekali ibu-ibu tunggal di FELDA-FELDA ini. Insya-Allah saya nak beritahu bahawasanya kita, kewajipan kita untuk membantu golongan-golongan tertentu ini. Dan juga terima kasih atas soalan yang diberikan. Dan untuk makluman Sidang Dewan bahawasanya pihak FELDA telah pun menyediakan satu... dipanggil satu formula Tabung Kecemasan.

Tabung Kecemasan ni terutama sekali untuk fokuskan kepada kebakaran rumah dan maksimum, maksimumnya ialah RM40,000.00. Namun, ada beberapa perkara-perkara yang perlu.... kadang-kadang kita sebut maksimum RM40,000.00 ni, maklumlah, kadang-kadang bab terbakarnya tangga, dia nak *claim* jugak RM40,000.00. Sebab itu dalam kita pergi maksimum RM40,000.00 itu ada kajian dia mengikut pengurus ataupun jawatankuasa teknikal yang akan melawat rumah tu. Kalau rumah tu sebiji habis semua, maksimum RM40,000.00. Tapi kalau sekadar suku ataupun separuh itu mengikut kelulusan teknikal yang diberikan.

Namun beberapa kajian sedang dilaksanakan semula untuk mengemaskinikan balik semula fail-fail berlaku Tabung Kecemasan ini. Insya-Allah perkara ini akan diangkat dengan lebih baik untuk memberikan keselesaan dan juga kesempurnaan kepada peneroka-peneroka FELDA di luar sana, insya-Allah. Terima kasih banyak Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang Berhormat Speaker, sikit je.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya, yang terakhir ya soalan tambahan.

(ADUN KUALA SENTUL – N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya nak tanya kalau boleh Yang Berhormat, berapa lama jangka masa untuk penyelesaian kes-kes mahkamah ni supaya perumahan ni dapat disiapkan? Jadi saya dapatlah jawapan untuk balik bagitahu penduduk.

(ADUN PELANGAI – N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Terima kasih banyak Yang Berhormat Speaker. Dia asyik tanya pasal mahkamah ni, saya ni bukan *lawyer.* Kalau kes mahkamah ni, kalau saya boleh menentukan, saya nak selesaikan semalam, tapi sebab bukan bidang kuasa kita. Bidang kuasa mahkamah kita serah kepada pihak yang berwajib, pihak mahkamah, pihak hakim dan juga *lawyer* ataupun peguam yang berkaitan. Kalau saya nak bagitahu tu, saya bagitahu dengan Kuala Sentul lah, kalau boleh nak semalam. Tapi ini hakikat bahawa apabila mahkamah kita serahkan pada pihak yang berwajib insya-Allah Yang Berhormat.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Itu maksud saya er... hal mahkamah kita serah pada mahkamah. Tapi tindakan kerajaan kepada pemaju ni, untuk meneruskan projek ni. Supaya projek ni boleh diteruskanlah tanpa gangguan daripada kes mahkamah ni

(ADUN PELANGAI - N.36)
YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Dah. Baik terima kasih banyak Kuala Sentul. Kita dah bagitau bahawasanya *progress-progress* sedang dijalankan. Pemantauan pun sedang dijalankan insya-Allah akan ada *progress-progress* tertentu, dan saya dah bentangkan tadi 3 yang sedang dijalankan dan mungkin 2025 ni, akan dapat disiapkan dan akan ikut turutan-turutan mengikut fasa-fasa yang telah ditentukan, dan Lembaga Perumahan Negeri Pahang ni (HPHP) akan memantau secara rapat. Memantau secara rapat dan *progres-progress* tersebut

insya-Allah kita doakan bersama. Doa bersama agar perkara ini dapat diselesaikan bukan sahaja untuk kita, malah sahaja untuk anak-anak generasi peneroka FELDA insya-Allah terima kasih banyak Yang Berhormat Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih ahli wakil kerajaan. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita selesai membincangkan 10 pertanyaan dan jawapan. Saya tidak bercadang untuk menempohkan persidangan ini. Pihak Dewan Negeri ada menyediakan jamuan pagi di bilik jamuan ADUN bagi Ahli-ahli Dewan Negeri akan dan di kanopi bagi Ketua-ketua jabatan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dijemput untuk menikmati jamuan yang disediakan secara bergilir-gilir dan kembali semula ke dalam dewan. Baiklah, kita akan meneruskan dengan aturcara mesyuarat seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan Menimbang Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan majlis ialah satu Usul yang berbunyi bahawa Dewan Negeri Pahang yang sidang yang bersidang pada hari ini, bersetuju Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada 18 April 2025 dan telahpun disokong dan dibahas pada 21, 22 dan 23 April 2025.

Seramai 34 orang ahli telah mengambil bahagian membahaskan usul tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada hari ini, pihak kerajaan akan menyambung menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan yang lepas. Saya ingin mengemukakan. Saya ingin memaklumkan bahawa tempoh masa penggulungan adalah selama 30 minit dan saya juga ingin menasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, agar tidak kerap mencelah ketika sesi penggulungan bagi memberi ruang dan masa yang mencukupi kepada pihak kerajaan . Untuk itu, dengan sukacitanya, saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan negeriPahang untuk memberikan jawapan. Sila Yang Berhormat.

(ADUN DONG - N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Bismillahirrahmanirrahim [Bacaan dalam bahasa Arab] Assalamualaikum WBT dan selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah izin dan kurnia-Nya, kita memperoleh kesempatan untuk sama-sama berhimpun di dewan yang mulia ini bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang dipikulkan di atas bahu kita semua demi kepentingan rakyat dan negeri tercinta ini.

Selanjutnya, patik merafak sembah dan menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah atas perkenan mencemar duli berangkat menyempurnakan Majlis Perasmian Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 18 April yang lalu.

Patik menjunjung tinggi titah Diraja yang dilafazkan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku, merangkumi pelbagai perkara bermula dari peningkatan prestasi ekonomi negeri, usaha menoktahkan kemiskinan tegar, komitmen membanteras pencerobohan tanah hinggalah kepada usaha gigih menambah baik kebajikan rakyat di negeri ini. Segala titah dan nasihat Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku ini, patik ambil sebagai pedoman dan iktibar untuk terus berjuang serta melaksanakan amanah dengan penuh iltizam demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negeri Pahang yang tercinta ini.

Yang Berhormat Speaker, Kerajaan Negeri Pahang yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail, sentiasa komited dan bersungguh-sungguh dalam meningkatkan prestasi kerajaan negeri dalam pelbagai bidang, sebagaimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku. Malah, komitmen ini telah pun dibuktikan dengan pencapaian *hatrick* iaitu 3 tahun berturut-turut dalam perolehan hasil dan pendapatan negeri melebihi RM1 bilion setahun.

Selain itu, data daripada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau ECRDC melaporkan bahawa setingga sehingga September tahun lalu, Pahang telah menjadi penyumbang tertinggi bagi negeri di pantai timur dengan nilai pelaburan masuk berjumlah RM10.1 billion berbanding Terengganu, sekitar RM3.1 billion dan Kelantan sekitar RM100,000,000.00 juta sahaja. Ini adalah pencapaian hebat dan luar biasa daripada usaha gigih dan bersungguh-sungguh yang telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. [Ahli Dewan tepuk meja].

Manakala berhubung isu pencerobohan tanah haram di negeri ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang sekali lagi membuktikan komitmen dan kesungguhan tidak berbelah bahagi dalam menguatkuasakan undang-undang dengan penuh keberanian dan ketegasan. Bermula dengan inisiatif strategik menubuh menubuhkan pasukan elit Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang pada 10 Oktober 2019. Yang Amat Berhormat Menteri Besar terus mengorak langkah dengan tindakan penguatkuasaan ke atas kebun-kebun haram di Cameron Highlands pada 2019. Penguasaan ke atas lombong haram di Lipis pada 2021. Penguatsaan keatas cubaan penerokaan tanah haram di Raub pada 2023. Penguatkuasaan terhadap kebun haram di Bentong pada 2023 dan sekali lagi penguatkuasaan ke atas penerokaan tanah haram di Raub, baru-baru ini. Malah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah mengambil tindakan lebih drastik di mana bermula pada tahun 2023, kerajaan negeritidak lagi sekadar mengeluarkan kompaun seperti sebelumnya, sebaliknya terus mendakwa penceroboh ke mahkamah.

Ini adalah langkah berani yang perlu disokong dan didokong oleh semua pihak. Walaupun beliau dicemuh tindakannya diperlekeh, kenyataannya diputar belit, kesungguhannya dipertikai, namun, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang terus tegak berdiri melangkah dengan penuh yakin dan berani melakukan perkara yang betul dan tepat demi kepentingan rakyat dan negeri Pahang tercinta ini. [Ahli Dewan tepuk meja]. Syabas dan tahniah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja. Insya-Allah majoriti rakyat di luar sana bijak menilai, segala usaha dan komitmen yang telah dilakukan oleh kerajaan negeridi bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja.

Yang Berhormat Speaker,
Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Dato' Indra Nazri bin Abu Bakar atas pelantikan sebagai Setiausaha Kerajaan negeriPahang, yang baharu. Begitu juga kepada Dato' Haji Fadzilah Haji Salleh,

sebagai Pegawai Kewangan Negeri dan Tuan Muhammad Saifuddin Hashim Hussaini selaku Penasihat Undang-undang kerajaan negeri.

Yang Berhormat Speaker,
Selanjutnya saya ingin menarik perhatian dewan dalam sesi penggulungan ini dengan menyentuh beberapa perkara, berkaitan portfolio yang diamanahkan kepada saya iaitu Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan negeriPahang. Saya mulakan dengan menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat ADUN Tahan dan juga ADUN Lantikan. Tuan Haris Salleh, berkenaan isu capaian *internet* serta liputan rangkaian telefon di kawasan luar bandar khususnya di Jerantut dan Dewan Negeri Tahan.

Di bawah pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara atau Jendela yang sedang digerakkan oleh Kementerian Komunikasi bersama dengan kerajaan negeridan juga Malaysian Communication and Multimedia Commission (MCMC). Pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan bagi meningkatkan infrastruktur komunikasi di kawasan Parlimen Jerantut dan Dewan Negeri Tahan. Pertama pembinaan 36 menara komunikasi baharu dengan liputan 4G. Bagi Parlimen Jerantut 34 menara komunikasi telah siap dan beroperasi sepenuhnya manakala baki 2 menara lagi iaitu di jeti Sungai Tabong dan Kampung Temin masih dalam pelaksanaan dan dijangka siap secara berperingkat sehingga Disember tahun ini. Bagi DUN Tahan 9 menara baharu telah siap dan beroperasi iaitu di Kampung Pulau Mansok, Kampung Pasir Durian, Kampung Orang Asli Sungai Tekal, Kampung Orang Asli Batu 10 Sungai Retang, Stesen MPOB Kuala Tahan, Kampung Orang Asli Sungai Kucing, Kampung Beriut, Kampung Semena dan Kampung Berembang. Manakala satu menara komunikasi baharu di jeti Sungai Tabong telah siap, namun masih belum beroperasi kerana kerja membaiki jalan yang rosak ke menara ini sedang di jalankan. Menara ini disasarkan untuk beroperasi sepenuhnya pada bulan Jun ini. Kedua menaik taraf 105 stesen pemancar 3G sedia ada dari liputan 3G kepada 4G.

Kesemua stesen pemancar ini telah siap dibina pada pertengahan 2022 bagi Parlimen Jerantut, di mana 62 stesen pemancar sedia ada itu adalah di bawah kawasan DUN Tahan iaitu kawasan di luar bandar. Ketiga memperluaskan rangkaian gentian optik di 14,328 premis dalam Parlimen Jerantut. Melalui inisiatif ini, sebanyak 11,678 telah siap manakala baki 2,560 premis akan disiapkan sepenuhnya menjelang penghujung tahun ini. Bagi perkhidmatan internet, talian tetap sebanyak 1,317, premis daripada 2,545 premis di Dewan Negeri Tahan telah pun mempunyai akses kepada rangkaian gentian optik di bawah inisiatif *fibre to the premise* manakala baki 1,228 premis akan disiapkan menjelang penghujung tahun ini. Justeru, kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk dalam Parlimen Jerantut telah meningkat daripada 79.8% pada suku keempat tahun 2022 naik kepada 90.58% pada suku keempat 2023 dan kepada 99.69% pada suku keempat 2024. Namun begitu, kerajaan negeriPahang menyedari bahawa masih banyak lagi isu kualiti liputan di kawasan penempatan luar bandar di Jerantut seperti di mukim Hulu Tembeling, Mukim Tembeling Tengah, Mukim Ulu Cheka dan sekitar gagasan serta sekitar gugusan Felda Lepar Utara, Kampung Jerantut Feri dan Kampung Air Itam.

Oleh yang demikian, saya telah meminta pihak MCMC bersama dengan pihak penyedia perkhidmatan untuk turun ke lapangan bagi mengadakan pengujian ukuran kualiti perkhidmatan di samping bertemu dengan pengadu di lokasi aduan. Hasil keputusan ujian akan menentukan tindakan susulan yang perlu diambil oleh pihak penyedia perkhidmatan seperti melaksanakan optimalisasi di stesen pemancar sedia ada bagi penambahan kapasiti liputan atau keperluan pembinaan menara baru di lokasi-lokasi aduan. Manakala bagi isu di mukim Hulu Tembeling khususnya Kampung

Gusai dan Kampung Bantal. Punca utama sering berlakunya gangguan perkhidmatan adalah disebabkan oleh kerosakan pada rangkaian kabel gentian optik yang berpunca dari gangguan haiwan liar, kabel yang putus dan tiang kabel yang tumbang akibat ditimpa dahan pokok hutan. Saya akan turun sendiri ke mukim Hulu Tembeling bagi meninjau status kerja pembaikan dan menaik taraf infrastruktur komunikasi ini. Justeru, sebagai langkah penyelesaian jangka panjang, pihak Telco sedang giat menjalankan kerja kerja penggantian kabel gentian optik yang rosak dengan penggantian kepada kabel *fibre reinforced plastic* yang lebih berkualiti. Kerja-kerja penggantian kabel di lokasi yang berlakunya kerosakan sudah pun bermula dan dijangka siap menjelang suku ketiga tahun ini. Di sepanjang jarak laluan kabel sejauh hampir 60 km.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa pada 20 Mac tahun ini baru-baru ini saya telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Komunikasi Yang Berhormat Datuk Fahmi Fadzil di Putrajaya bagi membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan keperluan pembangunan infrastruktur komunikasi di negeri ini. Antara intipati perbincangan yang telah dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri adalah. Pertama penambahan pembinaan stesen pemancar 5G di fasa pelaksanaan akan datang khususnya di 6 daerah iaitu Lipis, Jerantut, Raub, Bera dan juga Rompin. Kedua penambahan pembinaan menara komunikasi baharu dengan liputan 4G. Di bawah inisiatif Jendela di kawasan penempatan penduduk luar bandar dan pedalaman. Termasuklah keperluan menara baharu, menara telekomunikasi baharu di Jerantut. Ketiga penambahan Pusat Sebaran Maklumat Nasional atau kini dikenali sebagai NADI. Di penempatan luar bandar khususnya di kawasan yang mempunyai akses internet yang terhad dan kurang berkemampuan untuk melanggan pakej internet komersial. Keempat kerjasama strategik kerajaan negeridan Kementerian Komunikasi untuk meningkatkan program advokasi dan kesedaran pengguna melalui kempen Internet Selamat bagi membendung isu penyalahgunaan internet dan media sosial. Kes penipuan dan jenayah dalam talian, Program Anti *Scam* dan lain-lain lagi. Dalam pada itu, saya mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat untuk turut sama membantu dengan berkongsi dengan saya serta MCMC.

Senarai lokasi kawasan penempatan penduduk yang masih mempunyai isu capaian liputan yang tidak menyeluruh berkaitan dengan capaian internet di kawasan pedalaman. Saya juga ingin memaklumkan bahawa pada masa ini pihak penyedia perkhidmatan turut menggunakan teknologi satelit bagi penyediaan liputan selular 4G di menara-menara baharu sebagai alternatif penyediaan rangkaian komunikasi sementara menunggu kerja-kerja penyambungan kabel gentian optik dapat disiapkan. Berkenaan dengan cadangan penubuhan Unit Pemantauan Gangguan Internet Negeri Pahang seperti mana yang dibangkitkan oleh YB Lantikan YB Haris. Kerajaan negeriPahang berpendapat kaedah dan saluran untuk rakyat mengemukakan aduan sudah pun ada dan telah terlaksana dengan baik. Di samping itu, pihak MCMC juga menyediakan saluran yang boleh digunakan iaitu melalui Emel aduanskmm@mcmc.gov.my.portal aduan rasmi Aduan MCMC, talian bebas tol atau datang sendiri ke pejabat MCMC negeri Pahang di Bandar Indera Mahkota. Berhubung dengan kemudahan *internet satellite*. Kerajaan negeriPahang telah melaksanakan inisiatif langganan Jalur Lebar Satellite di kawasan yang mempunyai masalah pencapaian internet yang dinamakan sebagai *Pahang Rural Internet Services & Multimedia Access* (PRISMA). Pada tahun lalu, sebanyak 46 kampung telah disediakan perkhidmatan Prisma dan pada tahun ini pelaksanaan PRISMA akan diteruskan.

Cuma bilangannya akan ditentukan pada bulan depan. Insya-Allah. Yang Berhormat Speaker berkaitan isu yang dibangkitkan oleh ADUN lantikan Dato' Wong Tat Chee

berkenaan iklan penipuan atas talian dan jenayah siber. Kerajaan negeriakan terus bekerjasama erat dengan MCMC dan kerajaan negeriserta menggesa penguatkuasaan lebih tegas dalam iklan scam di platform digital. Berdasarkan rekod MCMC dari tahun 2018 hingga 1 Oktober tahun lalu, penyedia perkhidmatan internet telah melakukan sekatan terhadap 25,120 laman sesawang melibatkan pelbagai kesalahan seperti 9,847 bagi kesalahan judi dalam talian 7,846 bagi laman lucah dan jelik. 3,476 bagi pelanggaran hak cipta, 563 bagi pelacuran, 544 bagi penipuan atau pelaburan yang menyalahi undang-undang dan 2,844 bagi lain-lain laman sesawang yang memudaratkan dan didapati berbahaya. Kaedah sedia ada yang digunakan adalah melalui sekatan *Domain Name System (DNS)* atau *DNS Blocking* di peringkat penyedia perkhidmatan internet didalam negara. Kaedah ini akan berfungsi sekiranya pengguna menggunakan konfigurasi automatik yang diberikan oleh penyedia perkhidmatan internet.

Selain itu, keperluan pelesain… pelesenan ke atas penyedia perkhidmatan internet dan penyedia perkhidmatan media sosial yang telah diwartakan pada 1 Ogos tahun lalu dan telah berkuat kuasa mulai 1 Januari tahun ini. Akan memastikan penyedia perkhidmatan bertanggungjawab dan memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan ekosistem dalam talian yang lebih selamat didalam negara ini. Yang Berhormat Speaker, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada rakan saya dari Lepar berhubung hal-hal yang dibangkitkan berkait dengan sukan di negeri. Saya setuju bahawa sokongan ibu bapa dan anggota masyarakat amat penting dalam melahirkan generasi atlet yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang sukan, malah seimbang dari segi akademik, sahsiah dan juga fizikal. Penglibatan dalam sukan tidak harus dilihat sebagai penghalang kepada kecemerlangan pelajaran, bahkan merupakan pelengkap dalam pembentukan diri yang lebih holistik.

Sehubungan itu, pelbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan pe... dan pihak Kerajaan negeridan Persekutuan bagi membuka ruang lebih luas kepada anak-anak kita untuk menceburi bidang sukan secara serius. Berhubung isu kekurangan fasiliti sukan di Sekolah Menengah Seberang Temerloh. Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat bahawa sekolah tersebut tidak diwartakan secara rasmi sebagai sekolah sukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Justeru, agihan peruntukan yang diberikan kepada sekolah ini adalah sama saja dengan sekolah-sekolah yang lain di negeri Pahang ini. Saya sendiri telah bangkitkan berkali-kali kepada pengarah pendidikan sebelum ini dan beliau telah mengesyorkan dan membawa isu ini ke pengetahuan Kementerian Pendidikan itu sendiri. Pada masa ini, seramai 287 orang atlet di tempatkan di Sekolah Menengah Seberang Temerloh melibatkan lima jenis sukan iaitu olahraga, hoki, sepak takraw, bola jaring dan bola... bola sepak. Di Pahang ini yang Berhormat, hanya terdapat sebuah sekolah sukan iaitu Sekolah Sukan Malaysia di Gambang yang ditadbir urus sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kita akui bahawa prosedur kemasukan ke sekolah ini amat ketat dan bilangan sukan yang terhad menyebabkan tidak ramai anak-anak Pahang boleh er... di tempatkan di sekolah ini. Walau bagaimanapun, kita sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan juga Kementerian Pendidikan untuk mencadangkan nama-nama pelajar atlet kita yang kita kenal pasti berpotensi untuk ditempatkan di sekolah ini.

Malah apabila Lepar sendiri ada mencadangkan beberapa nama kepada saya cuma untuk kemasukan ke sekolah ini, ia tertakluk kepada syarat-syarat yang perlu kita patuhi. Namun, saya sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak sekolah dan telah memaklumkan kepada Kementerian Pendidikan ada agar diberi sedikit kelonggaran kepada pelajar-pelajar dari negeri Pahang itu sendiri untuk di tempatkan di sekolah ini dan mereka sedang memperhalusi secara serius cadangan dan permintaan saya ini.

Dan menyedari kekangan ini, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dan Majlis Sukan Pahang mengambil inisiatif menempatkan pelajar-pelajar yang berpotensi dalam sukan di Sekolah Seberang Temerloh. Status sekolah ini sebagai sekolah harian dan bukannya sekolah negeri. Sedikit sebanyak saya setuju jejaskan jumlah peruntukan yang diterima sekaligus memberi kesan kepada kemudahan asas dan kemudahan pengurusan atlet di sana. Walau bagaimanapun, Majlis Sukan Pahang terus memberikan sokongan berterusan dari segi pelantikan jurulatih, penyediaan peralatan dan bantuan penyertaan kejohanan kepada atlet-atlet di sekolah ini. Bagi tahun lalu sahaja misalnya, sejumlah lebih RM116 ribu diperuntukkan bagi kerja baik pulih padang hoki, pembelian tiang gol hoki, peralatan latihan gim, pembelian gimnasium, pembelian peralatan latihan sukan, sepak takraw dan bola jaring telah disalurkan oleh Majlis Sukan Pahang.

Sementara itu, saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri kerana bekerjasama dengan Majlis Sukan Pahang dalam melantik jurulatih sambilan di kalangan guru. Setakat ini, seramai 14 orang jurulatih sambilan di kalangan guru telah dilantik yang menerima *allowance* daripada Majlis Sukan Pahang. A*llowance* secara bulanan untuk melahirkan atlet-atlet er... pelajar di kalangan pelajar di peringkat sekolah dan juga daerah. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Lepar supaya Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah menawarkan kursus-kursus berkaitan sains sukan. Perkara ini tidak dapat dilaksanakan memandangkan UMPSA lebih memfokuskan kepada bidang teknikal dan tidak menawarkan kursus sukan seperti institusi lain.

Namun begitu, hasil kerjasama dengan UMPSA mereka menawarkan yang pertamanya kemasukan melalui saluran sukan bagi calon lepasan pra universiti ke program sarjana muda mengikut kelayakan yang ditetapkan. Kedua kemasukan melalui saluran sukan bagi calon pelajar lepasan SPM dari Sekolah Sukan Malaysia Pahang yang tidak berpeluang ke program pra universiti, program asasi atau diploma. Ketiga penawaran Program-Program Eksekutif… Eksekutif...Eksekutif dan Program Separuh Masa yang dijalankan oleh UMP *Advanced* kepada staf atau atlet. Selain itu, jalinan kerjasama strategik dengan pihak yang UMPSA turut melibatkan aspek penggunaan fasiliti sukan di universiti tersebut.

Pelaksanaan ujian biomekanik dan pelantikan jurulatih sambilan dari kalangan pegawai UMPSA. Di samping itu, usaha memperkukuh ekosistem sukan turut dilaksanakan bersama institusi lain seperti UITM Jengka, Politeknik Muadzam Shah dan KPTM Kuantan bagi memastikan pembangunan sukan ini terus bergerak maju dan mampan. Majlis Sukan Pahang sedang mempersiapkan atlet-atlet yang berkualiti untuk membawa cabaran negeri ini ke pentas SUKMA Selangor pada tahun hadapan. Kerjasama strategik seumpama ini bersama dengan pemegang taruh adalah harapan dan batu loncatan menyemarakkan lagi semangat serta kecemerlangan kontinjen Pahang.

Kesemua perkara yang dinyatakan adalah selari dengan hala tuju Majlis Sukan Pahang agar sukan di negeri ini dapat dipertingkatkan menjadi antara yang terunggul di Malaysia. Banyak program yang telah dirangka Majlis Sukan Pahang, antaranya memperkasakan kua... kualiti kejurulatihan dan kepegawaian melalui penganjuran Kem Bina Insan dan Jati Diri Pegawai yang akan berlangsung pada Julai ini bertempat di *Campsite Survival Village, Batalion Ke-12, RMD Mezzanine,* Kuantan. Usaha ini bagi memastikan selain atlet yang akan menyertai kem motivasi secara berkala pihak pengurusan terutama pentadbir, penyelaras sukan dan semua jurulatih juga akan turut diberikan penekanan bagi meningkatkan kualiti pengurusan Majlis Sukan Pahang.

Pada masa ini seramai 54 orang atlet di negeri ini sedang mengikuti program sepenuh masa kebangsaan di bawah kendalian Majlis Sukan Negara mahupun Persatuan Sukan Kebangsaan sebagai persediaan menyertai temasa...temasya Sukan SEA Thailand pada tahun ini yang akan berlangsung pada 7 Disember ini. ini membuktikan dan memperlihatkan bahawa Pahang tidak ketandusan atlet yang berkualiti untuk mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa. Usaha sokongan dan dokongan semua pihak yang terlibat amat diharapkan agar pembangunan sukan yang diharapkan ini tidak hanya menjadi agenda kerajaan negeri, malah ianya menjadi tanggungjawab bersama. Bagi menjawab cadangan Yang Berhormat Mentakab berkenaan dengan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negeri Pahang, Kerajaan negerimelalui Majlis Sukan Pahang telah bekerjasama dengan Majlis Sukan Negara Malaysia melalui Program Pembangunan Bola Sepak Negara atau lebih dikenali sebagai NFDP sejak tahun 2016. NFDP Pahang diketuai oleh Juzaili Samion yang merupakan bekas pemain kebangsaan dari negeri Pahang.

Beliau merupakan ketua jurulatih negeri Pahang yang bertanggungjawab memantau perkembangan program di setiap pusat latihan seperti berikut. Yang pertama, Akademi Tunas yang melibatkan kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun. Program ini dilaksanakan di Padang SK Teruntum, Kuantan, Padang SK Tanjung Lalang Temerloh, SK Kampung Kolam Rompin dan Kompleks Rakan Muda Dong di Raub. Kedua, Pusat Latihan Daerah yang disertai pelajar berumur 13 hingga 17 tahun. Program ini dilaksanakan di SMK Pelindung atau Padang Taman Gelora Kuantan, Padang SMK Abu Bakar di Temerloh, SMK Seri Rompin atau Padang JKR Rompin dan di SMK Clifford, Lipis. Ketiga, Akademi Tunas Wanita yang disertai oleh kanak-kanak perempuan berusia 10 hingga 12 tahun di SK Kampung Kolam, Rompin.

Pemain-pemain terbaik daripada Pusat Latihan Akademi Tunas atau Pusat Latihan Daerah ini yang telah melepasi ujian pemilihan yang ketat kemudiannya berpeluang meneruskan latihan secara sepenuh masa di 3 pusat latihan iaitu Akademi Mokhtar Dahari, Sekolah Sukan Malaysia Pahang di Gambang, Sekolah Sukan Negeri Pahang di Seberang, Temerloh. Ketiga- tiga pusat latihan ini membolehkan pemain kita mengembangkan potensi ke peringkat yang lebih tinggi. Pada masa ini terdapat seramai 650 orang pelajar sedang giat berlatih di Akademi Tunas seramai 480 orang, Pusat Latihan Daerah seramai 70 orang, Akademi Tunas Wanita seramai 30 orang, Akademi Mokhtar Dahari 18 orang, Sekolah Sukan Negeri Pahang, Seberang Temerloh 42 orang dan Sekolah Sukan Malaysia Pahang 10 orang.

Namun, setiap program ini perlu ada kesinambungan di peringkat lebih tinggi bagi memastikan pemain-pemain yang berumur melepasi 17 tahun akan dapat meneruskan karier sebagai pemain profesional setelah tamat sesi persekolahan atau akademi yang disertai. Pemain perlu didedahkan dengan saingan yang lebih kompetitif untuk mewakili negeri mahupun negara. Persatuan Sukan Negeri perlu memainkan peranan dengan menyediakan platform terbaik agar mereka dapat mencurah bakti buat negeri tercinta menerusi pasukan Liga Piala Belia, Liga Piala Presiden SUKMA mahu pun Liga Super.

Selain itu, Kerajaan negeriturut…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, panjang lagi?

(ADUN DONG -N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL
Sikit lagi.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Okay, baik.

(ADUN DONG -N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Sikit lagi. Ada berapa minit lagi ya Yang Berhormat Speaker?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sebenarnya masa dah tamat. Tapi tak apa, sila minta gulung Yang Berhormat.

(ADUN DONG -N.08)
YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Saya jawab sikit daripada… Okey, saya jawab sikit daripada Yang Berhormat Dato' berkenaan dengan cadangan Pembukaan Cawangan Pejabat Jabatan Pertubuhan Negeri atau (ROS) di Temerloh. Saya ingin jelaskan bahawa pihak Kerajaan negerimenyambut baik cadangan tersebut dan Kerajaan negerimelalui pihak ROS akan mengajukan cadangan ini kepada kepimpinan atasan di peringkat kementerian Dalam Negeri. insya-Allah.

Semoga cadangan ini mendapat perhatian sewajarnya dan dapat direalisasikan demi kemudahan serta kebajikan pertubuhan yang berdaftar di kawasan Pahang Tengah. Sebagai kesimpulannya, Yang Berhormat Speaker, patik menjunjung tinggi segala titah nasihat yang telah disampaikan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Assalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan badan badan Bukan Kerajaan negeriPahang. Seterusnya, saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang. Sila Yang Berhormat.

(ADUN PERAMU JAYA -N.21)
YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih YB Speaker. [Ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Alhamdulillah, [Ayat al-Quran]. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merafakkan setinggi- tinggi kesyukuran kepada ilahi kerana dengan keizinan-Nya, kita Ahli- ahli Dewan diberikan kekuatan dan kesihatan yang baik dalam menyampaikan mandat yang diamanahkan serta dapat berkumpul bersama sama dalam menyempurnakan persidangan kita pada kali ini di Dewan yang mulia ini. Pada kesempatan ini juga, saya ucapkan terima kasih kepada YB Speaker kerana telah memberi peluang pada saya dalam sesi penggulungan kita pada hari ini.

Begitu juga kepada rakan-rakan Ahli Dewan Negeri yang telah mengemukakan soalan tambahan mahu pun ketika perbahasan usul ucapan menjunjung kasih Kebawah Duli

Paduka Baginda Sultan Pahang yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Datuk Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail pada hari Pembukaan Sidang Dewan yang lalu. Terima kasih kepada Yang Berhormat Semambu, Beserah, Tanah Rata, Ahli Yang Lantik nombor 4, Ahli Yang Dilantik nombor 5. Insya-Allah, saya akan menjawab secara bertulis kepada semua pertanyaan yang dibangkitkan.

YB Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah atas teguran, nasihat, pandangan dan idea bagi kita semua mentadbir Kerajaan negeriPahang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Diraja Menteri Besar Pahang, seorang pemimpin yang kita amat sayangi. Keprihatinan baginda amat kita sanjungi dan memartabatkan usaha kerajaan Baginda untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh rakyat jelata di negeri ini.

YB Speaker, Pemerkasaan STEM ataupun Sains, Teknologi, Kejuruteraan mahupun matematik amat penting dalam membekalkan bakat ke pasaran kerja yang boleh meningkatkan daya saing di negeri Pahang dalam menghadapi ledakan teknologi dengan izin *Artificial Intelligence Internet of Things* dan Ekonomi Digital. Pembangunan bakat di peringkat sekolah perlu diberikan perhatian. Kerajaan negerisentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan pelajar dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik atau STEM. Berdasarkan sumber statistik semasa daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, sebanyak 41% pelajar Tingkatan Empat dan lima mengikuti aliran STEM yang merangkumi 8,888 orang.

Saya difahamkan yang mengikuti mata pelajaran sains tulen jauh lebih rendah mungkin dalam belasan peratusannya. Oleh itu, antara inisiatif yang telah kita jalankan adalah dengan mewujudkan kumpulan pemikir atau *think tank* dengan izin bagi menjalin menjalankan bagi menjalankan inisiatif inisiatif oleh Kerajaan Pahang mendapat tiga kumpulan pemikir yang telah ditubuhkan iaitu Kumpulan Robotik, Matematik dan Pusat Kecemerlangan STEM ataupun dengan erti kata *Center of Excellence* dengan izin.

Kumpulan pemikir ini merupakan kerjasama strategik kerajaan negeri, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Persatuan Universiti dan pemain industri di bidang STEM. Kumpulan pemikir robotik merupakan mereka yang terdiri daripada mentor mentor Universiti Malaysia Pahang, Al-Sultan Abdullah dan guru- guru yang aktif dalam bidang robotik. Antaranya guru SK Permatang Keledang dan SMK Pandan yang telah secara sukarela meluangkan masa bagi memperkasa bidang robotik. Syabas dan tahniah kepada guru-guru berjiwa besar ini yang mengorbankan masa dan tenaga dalam mencurahkan bakti tanpa mengharapkan balasan. Sehubungan dengan itu, dasarkan rekod kejayaan cemerlang yang telah dicapai oleh beberapa sekolah negeri Pahang di peringkat antarabangsa.

Kerajaan Negeri Pahang merancang untuk mengadakan pertandingan robotik peringkat antarabangsa. Diharap agar program ini dapat direalisasikan bagi membolehkan anak-anak Pahang dapat menyertai pertandingan sebegini yang pastinya merupakan satu pendedahan baik buat mereka semua.

UMPSA sangat aktif dalam memupuk budaya reka cipta melalui penganjuran program dan karnival STEM yang melibatkan pertandingan reka cipta dan inovasi bagi pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negeri Pahang. Aktiviti ini bertujuan untuk menggalakkan minat dan bakat dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan

matematik serta memperkasakan daya saing pelajar melalui program interaktif dan kreatif.

Kerajaan negeri juga bercadang untuk mewujudkan sekurang-kurangnya satu pusat kecemerlangan STEM (Centre of Excellence) di setiap daerah. Sehingga kini terdapat dua Pusat Kecemerlangan STEM yang telah diwujudkan dalam negeri Pahang iaitu di Temerloh dan di Bera hasil kerjasama dengan pihak Yayasan Inovasi Malaysia. Pusat Kecemerlangan STEM ini merupakan inisiatif yang strategik dan mempunyai impak besar dengan mentransformasikan pusat kegiatan guru kepada Pusat Kecemerlangan STEM. Pusat ini berfungsi sebagai tempat berkumpul bagi perbincangan idea inovasi dan tempat membuat eksperimen *trial and error*, dengan izin. Ia juga dilengkapi dengan alat-alat pencetak tiga dimensi 3D *printing* dengan izin, set robot, dron, komputer yang mengandungi perisian pengaturcaraan ataupun *programming.*

Selain itu, kerajaan negeri melalui Yayasan Pahang telah melaksanakan program yang dikenali sebagai Pahang Innovative Talent Accelerator (PITA). Program ini merupakan kerjasama strategik bersama dengan syarikat swasta Beyond4 yang berbentuk latihan penajaan penuh kepada graduan-graduan baru berkonsepkan *train and place* dengan jaminan pendapatan minima sebanyak RM3,000.00.

Bermula dari tahun 2021, seramai 118 graduan yang telah dilatih dan berjaya ditempatkan ke dalam syarikat multinasional syarikat berkaitan kerajaan atau pun GLC dan juga syarikat global yang lain. Terkini, Yayasan Pahang telah menandatangani perjanjian usaha sama bersama dengan TalentCorp Malaysia, agensi kerajaan persekutuan untuk melatih graduan dalam bidang analitik AI dan juga data pengkomputeran awam, pengurusan projek dan Pembangunan Tumpukan Penuh ataupun Full Stack Development.

YB Speaker, syarikat pemula atau dikenali sebagai *startup* merupakan aktiviti ekonomi baru penting yang menyumbang dalam banyak cara. Antaranya ialah penciptaan pekerjaan baru, berkemahiran tinggi, memacu inovasi dan kemajuan teknologi yang boleh membawa kepada pertumbuhan KDNK yang lebih baik. Syarikat pemula juga boleh menjadi ejen dalam mempercepatkan pembangunan ekonomi dengan memperkenalkan produk perkhidmatan dan model perniagaan baru.

Exploria merupakan salah satu syarikat pemula yang menyertai program The Pahang Innovative Startup Accelerator ataupun PISA dan telah menunjukkan kejayaan syarikat ini semakin berkembang dan telah diberi kepercayaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalankan program Jelajah Sains dan Digital di negeri Pahang.

Program ini akan dijalankan di 11 daerah negeri Pahang bermula di daerah Kuantan dan Pekan bertujuan untuk menarik minat pelajar ke aliran STEM. Diharapkan di akhir pelaksanaan program ini, objektif meningkatkan pelajar ke bidang STEM dapat dicapai. Melihat kepada potensi yang ada, Kerajaan negeriPahang sedang di peringkat akhir bagi penyediaan Pelan Hala Tuju Ekosistem Syarikat Pemula (Startup) 2026 - 2030 Negeri Pahang.

Melalui pelan ini, negeri Pahang berhasrat untuk melahirkan lebih banyak syarikat pemula *startup* yang berdaya saing dan bernilai tinggi serta menjadi pelopor bagi pembangunan ekosistem *startup* di Malaysia khususnya di luar Lembah Klang dan menyokong pertumbuhan ekonomi negeri melalui inovasi penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi dan pembangunan bakat tempatan.

Program Pahang Innovative Startup Accelerator (PISA) kini memasuki kohort atau kumpulan ke-5 di negeri Pahang dan terus berperanan membina ekosistem untuk mengenal pasti serta membimbing syarikat pemula berpotensi tinggi melalui latihan pementoran bantuan dana dan sokongan. Seramai 20 syarikat peserta kini dalam fasa latihan kohort ini dengan sasaran melahirkan 79 syarikat pemula menjelang pertengahan 2025.

Kerajaan negeriPahang akan melaksanakan program-program bagi memperkasa rakyat Pahang dalam bidang STEM dengan matlamat menjadikan negeri ini sebagai pembekal bakat bernilai tinggi dan mencapai status negeri berpendapatan tinggi dalam tempoh lima tahun akan datang.

AI untuk rakyat adalah sebuah pembelajaran kendiri secara dalam talian yang dibangunkan bagi memberi pendedahan dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai teknologi Artificial Intelligence di Malaysia. Program ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan persekutuan dengan kerjasama Intel Malaysia telah dilancarkan secara rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 16 Januari 2024.

Sebagai usaha untuk memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif ini, penyertaan dalam program tersebut telah diwajibkan kepada semua penjawat awam termasuk di negeri Pahang. Langkah ini diambil bagi memastikan tiada yang terkecuali dalam memperkukuh pemahaman terhadap teknologi digital semasa khususnya berkaitan dengan perkembangan pesat dalam bidang AI.

Pejabat Setiausaha Kerajaan negeriPahang melalui Bahagian Teknologi Maklumat sedang melaksanakan pelbagai inisiatif berteraskan teknologi Artificial Intelligence dalam usaha memperkukuh kecekapan perkhidmatan awam negeri. Antara tumpuan utama adalah pelaksanaan-pelaksanaan projek Big Data yang menyokong pengurusan bencana secara lebih efektif. Pemerkasaan institusi kekeluargaan Islam melalui analisis data yang lebih holistik serta pembangunan aplikasi *chatbot* bagi meningkatkan kecekapan penyampaian maklumat dan interaksi digital dengan rakyat.

YB Speaker, buat portfolio pelaburan dan perindustrian, jumlah pencapaian pelaburan komited keseluruhan pada 2024 adalah sebanyak 7.54 bilion melalui 56 projek. Antara pelaburan yang telah dimuktamadkan pada tahun 2024 adalah Petroluxe Refinery (M) Sdn. Bhd., iaitu projek loji penapisan minyak di Kawasan Perindustrian Harbour Park dengan nilai pelaburan sebanyak RM3 bilion.

Syarikat Wilhelmina Energy Malaysia iaitu projek-projek kilang pembuatan palet di Kawasan Perindustrian Gebeng dengan nilai pelaburan sebanyak RM200 juta, pelaburan petrol kimia oleh Petronas Chemical MTBE Sdn. Bhd. dengan jumlah RM667 juta dan kilang Taiyo Koko daripada Jepun yang akan mengitarkan, mengitarkan semula bahan kimia berjumlah RM329 juta.

Kerajaan negeriPahang komited meningkatkan prestasi pelaburan melalui pelbagai inisiatif bagi menghadapi cabaran ekonomi dan memastikan pertumbuhan ekonomi negeri Pahang setanding dengan negeri maju. Usaha dipergiat dengan perancangan garis panduan pelaburan untuk memudahkan pelabur. Seiring itu, bengkel Pelaburan Pahang Ease of Doing Business Workshop 2025 telah dianjurkan pada 28, maaf 27 dan 28 Februari 2025 dengan penyertaan daripada 80 wakil syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pihak berkuasa tempatan, jabatan-jabatan kerajaan serta agensi yang berkaitan dengan pelaburan di negeri Pahang.

Antara hasil pelaksanaan daripada bengkel tersebut ialah Pemerkasaan Invest Pahang sebagai One Stop Agency yang berperanan menguruskan hal-hal berkaitan pelaburan negeri Pahang. Bermula dari fasa pra pelaburan, fasa kelulusan dan pelesenan dan seterusnya fasa pasca pelaburan. Mewujudkan garis panduan untuk memudahkan urusan pelabur bagi mewujudkan proses pelaburan yang seragam, cepat, mudah, telus dan cekap dalam pengurusan pelaburan.

Ketiga, mempercepatkan kelulusan pajakan atau hak milik tanah untuk pelabur. Keempat, menyelaras saluran maklumat pelaburan bagi menyeragamkan garis panduan antara pihak berkuasa tempatan (PBT), agensi dan syarikat berkaitan kerajaan untuk mengurangkan pertindihan fungsi dalam menguruskan pelaburan. Kelima, meningkatkan koordinasi antara sektor awam, swasta dan pelabur untuk mewujudkan platform komunikasi tetap yang akan menyelesaikan isu-isu dengan lebih pantas dan akhir sekali, keenam, penambahbaikan infrastruktur, fasiliti dan utiliti dan mengutamakan penyediaan prasarana yang kondusif dan berkualiti tinggi untuk menarik lebih ramai pelabur ke Pahang. Negeri Pahang masih merupakan destinasi pelaburan tumpuan kepada para pelabur antarabangsa di mana terdapat beberapa cadangan menarik untuk penilaian Invest Pahang. Antaranya adalah pembinaan kilang bateri litium dan sodium ion di Taman Perindustrian Gebeng oleh Konsortium Hunan Battery Association dari China melalui rakan niaga mereka di Malaysia. Pelaburan ini adalah sangat penting bagi ekosistem rantaian pembekalan bateri EV yang semakin berkembang selaras dengan hasrat Kerajaan Pusat untuk mencapai karbon sifar ataupun *zero carbon*, dengan izin menjelang 2050.

Pelancar roket antarabangsa di Pekan, Pahang. Projek ini ialah, adalah selaras dengan matlamat Pelaksanaan Dasar Angkasa Negara 2030. Sekiranya pelaburan ini dapat direalisasikan, maka ia merupakan tapak pelancar pertama negara dan di Asia Tenggara. Dengan adanya kemudahan tapak pelancaran di negeri, di negara ini, ia mampu menyumbang impak besar kepada pembangunan negara, berupaya memperkasa industri serta membina kepakaran tempatan dalam aspek berkaitan operasi teknologi angkasa lepas dan juga satelit. Selain itu, pembinaan pelancar roket ini merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri Pahang dengan membuka 2,350 peluang pekerjaan. Cadangan pelaburan industri Nano Tech Fertilizer oleh San Yi Green Tech (Malaysia) SIRIM Berhad di Taman Perindustrian Gebeng yang akan mengeluarkan baja karbon nano organik yang berkualiti tinggi untuk memenuhi keperluan nutrien tanaman dan dapat menjamin sekuriti makanan.

Selain dari itu, syarikat ini akan menggunakan sumber tempatan dari negeri Pahang sekaligus akan meningkatkan impak ekonomi dari aspek pelaburan, penawaran pekerjaan dan juga aktiviti perdagangan melalui Pelabuhan Kuantan. Sekali lagi, saya ingin menekankan kepada semua jabatan dan agensi untuk menjadikan agenda *Ease of Doing Business* sebagai keutamaan dalam menguruskan permohonan-permohonan yang melibatkan pelaburan. Saya berharap semua pihak yang terlibat dapat bekerja sebagai satu pasukan. Sekiranya agenda ini tidak dapat dilaksanakan, maka usaha-usaha untuk menarik para pelabur ke Pahang akan menjadi sia-sia, ibarat melempar pancing tiada berumpan.

Pahang juga tidak mahu melepaskan peluang menadi sebahagian daripada pasaran halal dunia dengan menawarkan pelbagai inisiatif dan lokasi strategik untuk pembangunan industri halal negeri. Mengambil peluang pasaran halal global yang melibatkan 2 bilion pengguna Islam kini bernilai USD3.0 trilion ataupun RM13.5 trilion untuk sektor makanan dan industri berkaitan. Ini adalah sumber daripada Halal Development Corporation dan angka ini dijangka meningkat kepada USD5.0 trilion ataupun RM22.5 trilion menjelang 2030.

Selari dengan hasrat Kerajaan Pusat untuk memperkasakan industri halal negara dan mengambil peluang kemudahan infrastruktur pengangkutan seperti ECRL yang menghubungkan Pantai Timur dan Pantai Barat, Lebuh Raya Pantai Timur, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuantan dan juga Pelabuhan Kuantan, Kerajaan negeritelah menawarkan beberapa kawasan industri yang sedia untuk dibangunkan oleh pelabur-pelabur yang berminat iaitu Gebeng Halal Hub seluas 730 ekar, Gambang Halal Hub seluas 199 ekar, Bentong Halal Hub seluas 36.2 ekar dan juga MCKIP Halal Hub seluas 25 ekar.

Untuk meningkatkan rangsangan ekonomi negeri Pahang, Perkhidmatan Konsortium Perkapalan Timur perlu diwujudkan. Selain daripada jaringan kemudahan perhubungan yang sedia ada seperti KTMB, ECRL, Lebuhraya LPT, perkhidmatan konsortium ini akan menggunakan Pelabuhan Kuantan untuk penghantaran barang dari Pantai Timur khususnya dari Pahang ke Sabah, Sarawak dan negara luar. Pada ketika ini tiada perkhidmatan khusus untuk membuat penghantaran barangan kontena ke sana. Malah, pemain industri menggunakan Pelabuhan Klang dan pelabuhan lain untuk memasarkan barangan mereka.

Seterusnya bagi merangsang pelaburan dalam dengan pembangunan kilang-kilang di Pahang, perkhidmatan kapal yang kerap sangat diperlukan bagi memastikan penghantaran lebih efisien, kos penghantaran yang lebih rendah dan menarik minat para pemain industri untuk menggunakan Pelabuhan Kuantan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kedudukan Pelabuhan Kuantan adalah jauh lebih strategik iaitu jarak antara Pelabuhan Kuantan dengan Sabah, Sarawak dan Malaysia Timur seperti China, Taiwan dan Jepun adalah lebih dekat berbanding dengan Pelabuhan Klang. Kesannya, masa penghantaran lebih pantas dan kos logistik lebih rendah. Masa pelayaran ke Sabah, Sarawak hanya 2 hari daripada Pelabuhan Kuantan manakala dari Port Klang 4 hari.

Tambahan lagi, ia dapat memanfaatkan pemain industri termasuk industri kecil dan sederhana untuk meningkatkan pemasaran produk mereka pada masa akan datang. Malah mampu membantu meningkatkan ekonomi negeri Pahang dengan menyokong pembangunan *Economic Acceleration Project* (EAP) dan pembangunan berorientasikan transit di sekitar ECRL dan zon industri di setiap daerah. Oleh itu, bagi menghubungkan kegiatan ekonomi kawasan tersebut, perkhidmatan konsortium perkapalan ini menerusi Pelabuhan Kuantan amat diperlukan. YB Speaker, negeri Pahang mempunyai tapak perindustrian yang telah menarik perhatian pelabur untuk melabur, namun terdapat beberapa tapak perindustrian yang memerlukan kerja-kerja menaik taraf infrastruktur asas. Kerajaan negeribersama agensi seperti MIDA, JKR dan JPS telah melakukan pra audit projek naik taraf kemudahan asas tapak perindustrian di 14 tapak perindustrian. Tujuan pra audit ini dilaksanakan untuk meneliti keperluan asas setiap, setiap tapak perindustrian di Pahang. Hasil daripada pra audit mendapati terdapat keperluan untuk menaik taraf jalan raya, saliran dan lampu jalan di tapak perindustrian tersebut. Kerajaan negeritelah memohon peruntukan bagi tujuan menaik taraf infrastruktur asas tapak industri negeri Pahang dan saya berharap agar agensi Persekutuan seperti MIDA dan MITI dapat memberi keutamaan kepada tapak perindustrian di negeri Pahang yang menjadi sumber ekonomi kepada rakyat tempatan.

Data memainkan peranan penting dalam membantu membuat keputusan yang tepat terutama dalam pembangunan industri. Salah satu sistem data yang penting ialah Sistem Maklumat Geografi (GIS). Kerajaan negeritelah bekerjasama dengan agensi-agensi di bawah Kerajaan negeribagi pelaksanaan Projek Perintis Data Perindustrian Negeri Pahang. Projek ini akan diperluaskan lagi ke seluruh negeri Pahang. Data ini

dapat digunakan untuk menarik minat pelabur dengan memberikan data special yang tepat, visualisasi interaktif dan analisis komprehensif bagi membantu pelabur membuat keputusan. GIS juga menyediakan peta interaktif yang menunjukkan potensi industri keperluan asas infrastruktur seperti elektrik, air dan gas, rangkaian pengangkutan dan maklumat syarikat yang telah bertapak di negeri Pahang.

Dengan menggunakan GIS, Kerajaan negeriboleh merancang pembangunan industri dengan lebih efisien, mengurangkan risiko alam sekitar dan menarik pelaburan yang bertambah. GIS juga membantu dalam mengoptimum, mengoptimumkan rantai bekalan, pengurusan tanah dan pembangunan mampan, menjadikannya alat penting untuk transformasi ekonomi negeri Pahang. Sebagai contoh sistem, dengan izin *System On Track* oleh MIDA telah berjaya membantu para pelabur untuk memudahkan urusan permohonan dan melihat kemajuan projek mereka. Dengan ada satu sistem yang bersepadu maka dapat kita memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi negeri terutama negeri Pahang yang kaya dengan pelbagai sumber.

Saya berharap GIS dapat diperkasakan dan diperluaskan kepada semua sektor bagi membantu meningkatkan ekonomi negeri Pahang. YB Speaker, aakhir sekali, saya menyeru kepada semua rakan-rakan Ahli Dewan yang ada di Dewan Yang Mulia ini agar dapat memberikan sepenuh komitmen dalam menjadikan negeri Pahang sebagai salah satu destinasi pelaburan utama di negara ini. Negeri Pahang perlu kekal kondusif, kompetitif, mesra pelabur dalam meningkatkan keyakinan para pelabur asing mahupun domestik. Kejayaan yang bakal kita kecapi hasil daripada usaha yang digerakkan oleh YB Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang, insya-Allah akan memberikan manfaat yang besar khususnya kepada rakyat negeri Pahang dalam usaha menjadikan negeri Pahang yang tercinta ini terus memahatkan sejarah gemilang dalam mencapai tahap pelaburan yang tinggi yang juga tidak akan melupakan kecaknaan terhadap kelestarian alam sekitar dan biodiversiti yang kekal kukuh untuk generasi yang akan datang. Semoga aspirasi Kerajaan negeriuntuk melonjakkan nilai KDNK Negeri Pahang dari RM65 bilion pada tahun 2023 ke RM100 bilion menjelang tahun 2030 menjadi kenyataan.

Bagi portfolio Sains, Teknologi dan Inovasi, Kerajaan negeriakan terus komited dalam usaha meningkatkan bilangan pelajar dalam bidang STEM. Perkara ini dapat memastikan negeri Pahang berdaya saing dalam industri berteknologi tinggi mahupun ekonomi digital. Pembangunan syarikat-syarikat pemula ataupun *startups* akan membolehkan Kerajaan negerimeneroka industri baharu yang akan mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi negeri.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada jabatan-jabatan, agensi-agensi Kerajaan negeridan Persekutuan, syarikat berkaitan kerajaan serta penggiat- penggiat dalam bidang STEM yang selama ini dapat membantu sepanjang saya memegang portfolio ini. Dengan adanya budaya kerja berpasukan yang jitu saya dapat melaksanakan pelbagai perancangan projek dan aktiviti yang akhirnya akan memberi manfaat kepada rakyat negeri Pahang insya-Allah. Sekian, saya sudahi dengan salam serta doa. Semoga kita sentiasa diberi petunjuk yang benar dalam apa jua pun yang kita laksanakan demi kemakmuran negeri Pahang. Saya mohon menyokong, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang. Seterusnya, saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. Sila Dato' Sri.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

[Ayat al-Quran] Assalammualaikum WBT dan salam sejahtera, Alhamdulillah [Ayat al-Quran] Terima kasih er… Tuan Yang di-Pertua di atas ruang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama berkongsi dengan rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeribagi membahaskan usul Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ketika Tuanku berkenan berangkat bagi merasmikan Persidangan Dewan pada kali ini. Saya juga mengambil kesempatan di Dewan Yang Mulia ini untuk menyembah setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku di atas kesudian berangkat seterusnya bertitah dan merasmikan Persidangan Dewan Negeri Pahang. Dengan keberangkatan Kebawah Duli Tuanku sudah tentu bukan sahaja memberi komitmen keyakinan kepada Kerajaan negeridan Ahli-ahli Dewan negeri bagaimana untuk berbakti dan terus memastikan negeri Pahang Darul Makmur sentiasa dijaga dan dilaksanakan kemakmurannya dengan sebaik mungkin, menjunjung kasih Tuanku.

Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail yang telah berjaya mengemudi Kerajaan negerisesuai dengan landas yang telah diterakan oleh firman Allah SWT [Ayat al-Quran] mengemudi dengan cara menyeru ummah dengan nilai-nilai ilmu, akademik, pengetahuan, akhlak, berhemah, berhikmah dan seandainya ada berlaku pertikaian dirungkaikan dengan cara yang terbaik kerana itu adalah tarbiah dan didikan daripada ajaran agama kita Islam, Alhamdulillah.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya dikemukakan hampir 15 soalan tetapi 6 daripada soalan tambahan itu telah saya jawabkan di dalam sesi perbahasan sebelum ini. Saya cuba untuk menjawab beberapa persoalan yang masih lagi tertunggak di dalam Dewan Yang Mulia ini. Seumpama kata rakan saya daripada Pulau Manis yang bersoal er… mempersoalkan tentang pembinaan surau yang tertangguh akibat permohonan yang dibuatkan dan dikemukakan belum lagi mendapat kelulusan. Saya telah menyemak perkara ini sememangnya untuk pengurusan membina masjid dan surau menjadi agensi utama Kerajaan negerisebab itu di negeri Pahang ini kita memiliki masjid dan surau lebih daripada 1,000 buah masjid dan surau. Ini adalah bukti kesungguhan Kerajaan negeridi dalam membina masjid dan surau di negeri Pahang Darul Makmur.

Semalam er… kelmarin saya Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyebutkan kita telah berjaya membina 37 buah masjid di negeri Pahang dengan kos sebanyak RM117 juta [Ahli Dewan menepuk meja] namun setiap masjid dan surau hendak dibina di negeri Pahang ini mestilah mempunyai syarat-syarat dan juga peraturan supaya apabila selesai dibina masjid dan tidak tertimbul sebarang pertikaian sama ada dalam masalah pelan atau pun juga tanah , pemilikan tanah dan pewakafannya serta juga pengurusan masjid itu sendiri ataupun surau itu sendiri begitu juga dalam sudut arah kiblat yang telah ditentukan oleh pihak Jabatan Mufti dengan kombinasi pejabat

agama, pejabat tanah, Pejabat Mufti, Majlis Agama Islam Pahang. Seandainya kita sudah mempunyai kelengkapan yang sesempurna itu insya-Allah tidak ada masalah kerana kita telah buktikan kejayaan kita membina masjid dan surau di negeri Pahang Darul Makmur.

Saya juga dikemukakan soalan oleh rakan daripada Tras yang bertanya tentang cadangan supaya pembinaan pagar dan surau di negeri Pahang ini supaya masjid itu tidak berlaku pencerobohan. Saya faham maksud soalan daripada rakan Tras ini. Kita nak menjaga keselamatan masjid itu sama ada dari segi er… namanya tidak ada berlaku perkara-perkara yang tidak diingini dan sebagainya. Alhamdulillah, di negeri Pahang ini kita telah berjaya walaupun memiliki masjid dan surau sebanyak yang saya sebutkan tadi kita telah berjaya mendaftarkan masjid-masjid ini di bawah merizabkan tanah-tanah masjid ini di bawah er… pengurusan Penguasa Tanah Daerah dan Negeri sebanyak 600 er… 2026 hektar tanah di negeri Pahang ini termasuklah tanah kuburnya, tanah suraunya dan tanah masjidnya ini saya yakin walau er…

(ADUN PADANG TENGKU – N.03)
YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Minta laluan boleh? Sedikit berkaitan dengan pembinaan surau masjid. Saya er… baru saya terima er… daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU) yang telah menolak secara *total* lah tak ada apa-apa cuma disebut kat situ permohonan Masjid Felcra Sungai Temau yang dimohon oleh pihak Padang Tengku la… pihak masjid ditolak… dia sebut kat situ tidak dapat dipertimbangkan itu saja ayat dia. Jadi saya nak minta bantu pertama, bantu macam mana… kedua, dan saya nak tahu juga apa kriteria yang boleh kita dapat masjid-masjid yang baru itu dua perkara yang begitu er… syarat itu sebab tak jawab dalam Sidang yang lepas. Saya ada kemukakan syarat yang dikemukakan bahawa nak buat masjid baru ini dia ada pembahagian-pembahagian er… 30 kariah kena cari 5 er… 5% daripada yang ini Kerajaan negeri30% kalau tak silap saya dan yang selebih itu daripada Persekutuan. Jadi saya nak juga dapat penjelasan tentang perkara itu. Terima kasih.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih rakan daripada Padang Tengku… betul kita sentiasa memohon masjid-masjid baru di beberapa buah kariah dan juga tempat termasuklah persoalan yang dikemukakan oleh rakan daripada Tioman masjid er… di Tioman. Kita juga memohon masjid di Batu 8 Lepar kerana terbakar. Kita juga memohon Masjid Kampung Serambi kerana dia dah rosak akibat daripada seringnya berlaku banjir. Kita juga memohon Masjid Seberang Temerloh kerana masjid itu dah tak relevan ahli kariahnya semakin bertambah ramai dan juga apa namanya dia dah lepas bawah jambatan kerana jambatan baru dibina di masjid itu. Kita juga memohon Masjid Kampung Bukit Lada, Kuala Krau dan banyak lagi masjid-masjid berbelas-belas yang kita sedang memohon. Saya yakin termasuklah juga masjid er… yang dimaksudkan oleh rakan saya di Padang Tengku. Namun apa namanya, kita sering juga mendapat jawapan yang hampir sama daripada Padang Tengku kerana mungkin pihak Kerajaan Persekutuan ada pertimbangan-pertimbangan yang wajar kita perlu bertanya dan usaha secara berterusan. Semua masjid yang saya sebut tadi 37…er 7 buah kita bukan juga dapat dengan apa, serta-merta. Kita perlu berusaha dan bertungkus-lumus dan memohon dari semasa ke semasa. Betul, sahabat saya daripada Padang Tengku, yang terbaru ini, pihak Kerajaan Persekutuan hendak juga komitmen daripada ahli kariah sebanyak 10%, daripada Kerajaan negerisebanyak 30% dan selebihnya akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan, peruntukan itu, insya-Allah Kerajaan negeripada bulan lepas

telah er... menyatakan persetujuan ketetapan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan untuk agihan-agihan yang seumpama itu supaya kita dapat membina lagi di kariah-kariah yang benar-benar memerlukan pembinaan masjid sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya daripada er... Padang Tengku. Insya-Allah kita usaha, kita faham ada kampung yang memang, memang perlu, memang sangat wajar kita dapatkan peruntukan.

Walau bagaimanapun, kita juga tertakluk kepada keupayaan peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan persekutuan melalui SDO, Pembangunan Luar Bandar. Kita boleh nanti minta dengan SDO berapa banyak masjid yang kita sedang mohon, banyak betul, bukan belas, bahkan puluhan masjid yang sedang dalam proses permohonan untuk mendapatkan kelulusan. Saya yakin dengan suara-suara yang dikemukakan oleh Tioman, Padang Tengku, oleh Tras dan rakan-rakan Ahli Dewan di dalam Dewan ini menjadi keupayaan kepada Kerajaan negeriuntuk mendapat sokongan daripada kerajaan persekutuan insya-Allah. Terima kasih er... Padang Tengku.

Soalan daripada ADUN Tahan. Tidak adakah usaha Kerajaan negeriuntuk memperkasakan Pendidikan Islam?

Membina kerjasama di antara JAIP dan MUIP, bagi pendidikan pintar kepada masyarakat Orang-orang Asli di luar bandar sana. Orang Asli memang tinggal di luar bandar. Alhamdulillah, kita er... telah mengadakan secara *consistent* dengan izin ataupun istiqamah bagi memastikan pendidikan Orang Asli, Pendidikan Islam Orang Asli di luar bandar ini dapat dibina. Sebab itulah kita telah berjaya membuat penempatan Guru Agama kepada masyarakat Orang Asli bagi Pendidikan KAFA iaitu kelas al-Quran dan Fardu Ain seramai 23 orang dan juga untuk kanak-kanak, 21 orang Guru Takmir untuk orang-orang tua, 55 orang penggerak masyarakat. Ini membolehkan dan mengupayakan kita menggerakkan kelas-kelas KAFA di Cameron Highlands, di Kuala Lipis, di Muadzam dan di seluruh daerah termasuklah Kuantan Barat, Temerloh, Pekan dan sebagainya.

Dengan ini, kita mempunyai murid daripada kalangan Orang Asli yang belajar kelas al-Quran dan Fardu Ain ini seramai 536 orang, dengan keupayaan guru seramai er... 23 orang itu tadi. Program-program Pemantapan Akidah, ziarah dari semasa ke semasa terus kita perkasakan.

Hasil daripada itu, kita telah berjaya menggerakkan 160 orang Briged Dakwah dan 80 orang pendakwah-pendakwah daripada kalangan Orang Asli sendiri, untuk membantu bagi memastikan pendidikan yang diperlukan oleh masyarakat Orang Asli itu dapat diperkasakan.

Dalam waktu yang sama, kita menaja 106 orang anak-anak Orang Asli, untuk melanjutkan pelajaran ke tingkatan satu, tingkatan 4 dan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri, yang er... pada masa kini termasuklah di Sekolah Agama dekat Benta. Sekolah Agama dekat Benta, er... Tanjung Besar, dan juga Sekolah Agama di Batu Talam, Raub sehingga ada beberapa pelajar Asli sekarang telah berjaya menghafal berjuzuk-juzuk. Ada yang 5 juzuk, ada yang 6 juzuk daripada ayat-ayat suci al-Quran, yang telah kita didik kepada anak-anak kita.

Hasil daripada itu, dengan sekian lama tempoh masa kita buat kerja bukan baru hari ini, sekian tahun bermula daripada dahulu lagi, kita telah berjaya membina 127 buah surau, di seluruh kampung Orang Asli, dan 40 buah surau dibina er… dan 13 buah

surau telah kita iktirafkan sebagai surau yang boleh sembahyang Jumaat yang diimamkan sendiri oleh Orang Asli di kampung Orang Asli itu sendiri.

Ini adalah bukti salah satu usaha yang berterusan oleh kerajaan negeri bagi memastikan pendidikan masyarakat, pendidikan agama masyarakat Orang Asli itu dapat kita perkasakan dari satu masa ke satu masa. Saya tidak er... nafikan sudah tentu ada perkara-perkara yang masih lagi perlu diperkasakan.

Insya-Allah, berkat kerjasama semua pihak, kombinasi di antara jabatan-jabatan termasuklah Yayasan Pahang, yang juga membantu pengajian-pengajian daripada Permatanya dan sebagainya akan memberikan keupayaan kepada pendidikan agama di Negeri Pahang kepada masyarakat Orang Asli.

Merujuk kepada ADUN Luit, yang mohon perhatian tentang proses Masjid Serkam yang terletak di kawasan sekolah. Status tanahnya. Sebenarnya, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan telah bersetuju untuk menyerahkan tanah itu dan memohon kepada pihak Pengarah er… JKPTG supaya tanah itu dikeluarkan dan diwakafkan kepada pihak Majlis Agama Islam bagi er… membolehkan masjid itu berdikari di bawah tanah wakaf yang sebagaimana dipersetujui.

Dan alhamdulillah, hasil daripada persetujuan pengarah JKPTG itu, permohonan untuk diwakafkan juga telah dimasukkan ke Pejabat Agam, er... Pejabat Tanah Daerah Maran pada er..Disember 2024, kita yakin dengan kesungguhan apa, Pegawai Daerah, Pejabat Tanah Maran, perkara ini akan diangkat kepada pihak PTG dan MMK untuk mendapat kelulusan dalam masa yang terdekat.

Walau bagaimanapun, masjid berkenaan bolehlah beroperasi dan dibina dengan baik dan diimarahkan dengan sebaiknya. ADUN Luit juga meminta supaya Kerajaan negerimengimarahkan negeri Pahang ini dengan apa program-program keagamaan.

Sebenarnya, benda ini umum sangat. Kita di negeri Pahang ini sebagaimana saya sebutkan daripada firman Allah SWT di awal tadi, konsep yang dibawakan [ayat al-Quran]. Kita tak nak bawa agama ini hanya dengan slogan dan gambar rupa paras, sebab dikatakan oleh ulama [ayat al-Quran]. Neraca keilmuan itu bukan duduk pada lebatnya janggut, itu adalah sunnah yang mulia, juga bukan duduk pada besarnya serban dan labuhnya jubah. Bahkan Saidina Ali ibni Abi Talib menyatakan di dalam pepatah beliau. [ayat al-Quran]. Bukan orang yang tandus, keperibadian dan ilmu itu kerana matinya mak bapa dia, tidak dianggapkan dia sebagai anak yatim, tapi apabila hilangnya sopan dan santunnya, dan tandusnya ilmu di dalam dada serta benak pemikirannya.

Jadi sebab itu, di dalam memperkasakan dakwah Islamiah di negeri Pahang ini, kita membawa konsep yang telah difirmankan oleh Allah. [ayat al-Quran]. Serulah manusia ini, siapa sahaja kepada jalan Allah SWT. [ayat al-Quran]. Dengan hikmah iaitu bijaksana. [ayat al-Quran]. Suri tauladan. Kita toksah tunjuk akhlak, tingkah laku yang tak senonoh, yang menyebabkan orang rasa tidak sopan dan tidak *respect* kepada ajaran agama Islam kita kerana tingkah laku kita. Dan inilah cara junjungan besar Nabi kita Muhammad SAW di dalam membawa agama Islam.

Sehubungan itu, kerajaan negeri telah menggerakkan segala agensinya bagi memastikan dakwah Islam ini dapat diselaraskan serta pendidikan agama ini dibuatkan dengan sebaik-baiknya. Hasil daripada itu, sebab itulah kita tengok Jabatan Agama Islam Pahang. Bagaimana. Kita mengadakan berpuluh-puluh program keagamaan melalui Unit Dakwah, melalui Bahagian Pendidikan, melalui Bahagian

Penguatkuasa, melalui bahagian apa namanya Undang-undang Syariah dan sebagainya untuk memastikan benda ini diselaraskan dengan sebaik-baiknya.

Saya yakin, apa yang saya nyatakan ini sudah dapat memberi kenyataan kepada rakan saya daripada Luit dan Luit sendiri sebenarnya nampak dengan mata cerna nilai keimanan, apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan negeriPahang di dalam merealisasikan dakwah. Apa yang lebih menarik, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua? Usaha yang dibawa di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di Dalam Dakwah Islamiah di negeri Pahang ini telah mendapat perhatian daripada Timur Tengah. Apa buktinya? Seorang demi seorang setiap bulan, akan datang kunjungan daripada Universiti Al-Azhar, untuk menengok apa Kerajaan negeriPahang buat melalui Maahad Tahfiz ini. Apa Kerajaan negeriPahang buat daripada UNIPSAS? Apa kerajaan buat? Kerajaan Negeri Pahang buat daripada apa namanya, Jabatan Agama Islam Pahang. Datangnya daripada Jordan, bulan lepas sahaja 2 bulan lepas, datang daripada Emirate dan Jordan serentak sehingga kita tidak menang tangan untuk melayan University Jordan dan juga University daripada Sheikh Muhammad bin Zayed daripada Abu Dhabi. Ini maknanya apa? Apabila intaian demi intaian daripada Timur Tengah, tempat turunnya al-Quran firmannya Allah SWT. Tak lain tak bukan untuk membuktikan usaha Kerajaan negeridi dalam memperkasakan dakwah Islam dan syiar Islam di negeri Pahang mendapat perhatian daripada dunia luar.

Insya-Allah, Insya-Allah Universiti Yarmouk sebagaimana disebutkan oleh rakan saya, ADUN Lantikan semalam, Universiti Yarmouk telah memberi pengiktirafan kepada UCYP, universiti er... UCYP, Kolej Yayasan Pahang. Apa bila... apabila usaha demi usaha Kerajaan negerimengantarkan anak-anak kita di dalam pendidikan er... Perbankan Islam dah bertahun kita buat ni. Ramai dah anak kita keluar. Dia tengok begitu teratur dan tersusun sehingga dia nak tengok dia intai apa ketua Kerajaan negerini buat iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Dari segi ekonominya, segi pendidikannya dari segi sosialnya, dia berpuas hati sehingga dia menghantar surat undangan melalui Yayasan Pahang kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang untuk menganugerahkan Doktor Kehormat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Ini bukan perkara boleh dilakon-lakon di main-main dan disorak-sorak, tetapi ini adalah satu fakta yang membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri Pahang. ADUN saya dari rakan saya...

(ADUN LUIT – N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Ingin mencelah sikit.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Sila.

(ADUN LUIT – N.24)
YB DATO' MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih er... Wakil kerajaan . Saya ucap terima kasih tahniah kepada pihak kerajaan dan kita tak nafikan lah usaha yang dijalankan ni. Cuma mesej saya dan dalam perbahasan saya, saya merujuk pada Mei 1924 dan kejatuhan Kerajaan

Uthmaniyah kalau tak silap saya. Dan sekarang tahun lepas Mei 2024 dah cukup 100 tahun. Saya difahamkan dalam 100 tahun putaran masa tu ada kebangkitan Islam akan berlaku. Jadi, saya bayangkan Pahang bersedialah untuk menjadi pusat kebangkitan Islam di belah sini yang usaha dijalankan kita. Kita memang kita puji dan tahniah lah dan dengan apa pelantikan Yang Amat Berhormat ya. Tu sebab sebut kalau pihak sana boleh bina Pahang sebuah negeri Islam kita sokong aja. Jadi kalau macam UMNO nak buat tu kita kena berdoa sikit lah tak panjang umur.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Luit atas apa... apa satu lagi tambahan dan sokongan yang diberikan. Kejatuhan umat Islam bila sebut pasal kejatuhan Uthmaniyah, kejatuhan Kerajaan Bani [tak jelas], kejatuhan Kerajaan Bani Abbasiyah, kejatuhan Kerajaan Uthmaniyah, kejatuhan Khalifah Islam, Khulafa Ar-Rasyidin. Apa sebab sebenarnya? Sebab kalau kita ungkit sebab sebenarnya kerana ada duri dalam daging. Jatuhnya Saiyidina Ali bin Abi Talib kerana adanya khawarij yang mengapir korang ni, yang mengapirkan Saidina Ali yang mengapit orang ini. Akhirnya Saiyidina Ali bin Abi Talib jatuh sedangkan Saidina Ali sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk menegakkan kerajaan yang telah dibina oleh junjungan besar Nabi kita Muhammad. Bagaimana Kerajaan Madinah yang sanggup menerima perbezaan kaum Ta'adud perbezaan agama yang telah dibina oleh junjungan besar Nabi kita Muhammad SAW akhirnya dinodai oleh beberapa tokoh Khawarij sehingga jatuhnya Saiyidina... Saidina Osman Ibni Affan dan tumbangnya Saiyidina Ali Ibni Abi Talib kerana adanya duri-duri dalam daging yang mempertikaikan pentadbiran Sayidina Ali Ibni Abi Talib, begitu juga Umayyah, begitu juga Abasiah. Jangan diungkit. Jadi kalau kita nak memastikan Pahang Darul Makmur terus dapat memakmurkan syiar agama di negeri Pahang. Mari kita sama-sama di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dengan naungan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang yang sangat bersungguh-sungguh untuk memperkasakan agama Islam Pahang ini di negeri Pahang ni kita sama-sama berganding bahu supaya benda ni dapat kita perkasakan tanpa ada soalan yang negatif yang boleh menyebabkan kita gagal untuk memperkasakan. Sebaliknya, apa yang diratapi oleh datuk nenek kita dan pejuang-pejuang salafus soleh kita dulu dapat kita tumpang ratapi sama sebagaimana yang mereka rasai.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, saya juga dikemukakan oleh rakan saya daripada Damak yang mencadangkan aktiviti ulama ugama kerohanian khusus kepada penjawat-penjawat awam. Sebenarnya benda ini kita buat, tapi jabatan kerajaan kita, kalau di daerah kita bukan ada pejabat daerah aje, kita ada hampir 70 jabatan di daerah sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan negeri. Jabatan-jabatan tu sendiri pun ada. Kadang-kadang hari Jumaat kuliah-kuliah di jemput ustaz-ustaz atau tokoh-tokoh motivasi. Bahkan di peringkat negeri pun kita ada.

Bila datang tokoh-tokoh ulama daripada luar negara tu kita kadang-kadang ambil kesempatan. Yang Amat Berhormat tak berlengah lalu Yang Amat Berhormat Dato' Sri ada Rektor Al-Azhar nak datang ni Dato' Sri, saya nak duit sikit nak buat program dekat UnipSAS. Tak bermalam, Dato' Sri terus berikan peruntukan. Kita adakan fikrah intelektual, kita adakan fikrah dakwah,bicara ilmu bersama dengan pegawai Kumpulan A, pegawai Kumpulan B, pegawai Kumpulan C dari semasa ke semasa. Tapi benda ini dia apa... ilmu ni dia makan tak pernah kenyang. Kita memang sentiasa bagi dan orang mesti akan tidak pernah puas. Sebab kita... benda ini kena sentiasa berterusan. Insya-Allah. Walau bagaimana pun, saya menghargai dan menghormati cadangan

daripada rakan saya daripada Damak. Insya-Allah, kita akan usahakan sebaik mungkin.

Rakan saya daripada Semambu. Berapakah bilangan Orang Asli yang menerima bantuan bulanan daripada Projek Tanaman Semula Komersial Orang Asli. Benda ni saya dah jawab sebenarnya. Tapi kita sebut lagi. Terdapat 10 projek telah selesai diambil alih sepenuhnya oleh pihak ORACO melibatkan jumlah Keluasan 4278.764 hektar melibatkan seramai 750 orang peserta.

Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya rasa itu persoalan yang telah dikemukakan. Kalau diizinkan sedikit lagi saya nak menceritakan tentang hal... Hal-hal Luar Bandar, Agama dan Orang Asli yang mungkin perlu dan wajar saya sebut. Saya nak mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekali lagi kerana di dalam bajet yang lalu, agensi agama termasuklah Jabatan Agama, Pendakwa Syarie, Mahkamah Syariah, Pejabat Mufti telah diumumkan peruntukannya 196.06 juta Ringgit Malaysia. Ini menjadikan antara peruntukan jabatan kerajaan yang terbesar di negeri Pahang yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Apa maknanya ni? Apa maknanya ni? Maknanya nak memberikan keupayaan dan kesungguhan agensi-agensi berkenaan supaya bergerak dengan lebih agresif untuk memastikan syiar Islam di negeri Pahang ini dapat dimakmurkan. Itu tidak termasuk lagi dengan Inisiatif Makmur Pahang, kluster agama yang diberikan kepada masjid-masjid. Setiap masjid yang saya sebutkan tadi akan menerima 10 ribu ringgit. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri. Setiap Maahad Tahfiz akan menerima RM2000 yang memperuntukkan sebanyak 400 ribu Ringgit Malaysia. Setiap apa namanya... pelajar-pelajar tahfiz seramai 8 ribu orang akan menerima 100 ringgit seorang. Dan ini memperuntukkan sebanyak 8 ribu ringgit. Begitu juga kepada kluster agama ini kepada saudara-saudara baharu kita apa yang kita sebutkan [sebutkan quran] mereka ini menerima 200 ringgit setiap seorang. Baru-baru ini juga Kerajaan negeritelah memperuntukkan sebanyak 1.66 juta ringgit kepada bakal-bakal haji. Senyum belaka dekat Masjid Pekan kemarin. Akaknya, makciknya, toknya bila tengok MB sampai, sebab setiap orang menerima 750 ringgit dengan makanan dan diiringkan dengan buku doa Arafah.

Semua Ahli-ahli Dewan kelmarin diagih oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Buku doa itu, dengan berkat doa itulah maka bakul ini sampai daripada Dato' Sri Soffi, alhamdulillah.

Tuan Yang di-Pertua... Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan kita telah berjaya membantu Imam-imam, guru-guru KAFA dan juga er... bilal Siak di seluruh Pahang seramai 6,569 orang pada Hari Raya Aidil Fitri baru ni. Dekat nak raya. Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun umum semua 6,500 orang ni dapat inisiatif bantuan Aidilfitri. Ini nak memastikan benda ni dapat dilaksanakan kerajaan negeri... Yang Amat Berhormat Menteri Besar terpaksa mengumumkan sebanyak RM1.761 juta untuk diagihkan kepada mereka.

Selain daripada itu, ada anak-anak kita yang bahasa kampungnya, jaras. Jaras tu yang kecik lagi sekolah tadika darjah 1 sampailah dah darjah 6, merengek dengan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar nak berkhatan. Orang dulu-dulu panggil nak bersunat, maka Yang Amat Berhormat buat kali ketiganya telah mengumumkan sebanyak satu RM1.6 juta bagi memastikan anak-anak yang berkhatan. (Ali Dewan tepuk meja). Saya tengok Yang Amat Berhormat Dato' Sri yang berkhatan tu bukan

orang Melayu je India pun ada, Orang Asli pun ada Cina pun bersunat. Rupanya dia tahu kaedah bersunat ni sangat besar kepada orang jantan. Yang Berhormat

Yang di-Pertua saya ingin juga menyentuh perkara berkaitan dengan dakwah. Pelbagai program dilaksanakan Majlis Tilawah al-Quran. Hari ni sahaja saya hajat nak bawa jumpa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kontinjen. Kontinjen Quran iaitu qari, qariah, huffaz yang akan pergi ke Perlis. Tetapi saya tengok Yang Amat Berhormat Menteri Besar malam tadi mesyuarat sampai pukul 12.00 malam, habis Dewan dia *chair* lagi *meeting.* Lepas tu dia nak menggulung, kemudian tu ada RUU, saya kata tak apalah tu Dato' Zaki... Dato' Zaliza... kita ye lah lepaskan budak-budak ni. Alhamdulillah, kita berjaya menghantar seramai 8 orang wakil negeri Pahang bagi peringkat Kebangsaan, berkat Dewan ini... (Ahli Dewan tepuk meja). Dia orang akan mewakili di peringkat antarabangsa insya-Allah di majlis hafazan al-Quran.

Selain daripada itu, kita juga mengadakan program sambutan Israk Mikraj di peringkat negeri dan daerah. Kita mengadakan fikrah dakwah. Kita mengadakan program sambutan Maulidur Rasul. Pendek kata Alhamdulillah, bukan sekadar itu orang kata ala sudahlah Kerajaan negeriPahang itu amal maaruf nahi mungkarnya sebab Allah SWT kata, (Ayat al-Quran). Mana nahi mungkar amal maaruf, kami orang *salute*... nahi mungkar tak ada langsung. Alhamdulillah.

Sebenarnya kita malas nak menceritakan yang kita ni buat sangat tentang nahi mungkar ni. Tetapi kita telah berjaya merealisasikan Enakmen Jenayah Syariah ini apabila pada tahun ini sahaja 2025 kita telah berjaya menguatkuasakan sebanyak 603 kes jenayah syariah yang pelbagai termasuklah orang tak puasa, orang berjudi, orang minum arak bagi orang Islam di negeri Pahang Darul Makmur. Kita harap bantuan dan kerjasama daripada Ahli Dewan supaya usaha Kerajaan negeridapat kita perkasakan dari satu masa ke satu masa.

Pendidikan. Yang Amat Berhormat dalam dalam apa namanya, bajet yang lalu mengumumkan sebanyak RM44 juta kepada Jabatan Agama Islam Pahang termasuk peruntukkan yang tadi. Tujuannya apa untuk pembinaan asrama Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan. Alhamdulillah sekarang asrama tu tengah dibina bagi memastikan keselesaan anak-anak kita yang belajar di Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan. Begitu juga asrama sekolah menengah agama... asrama lelaki, Sekolah Menengah Agama Chenor ini selalu rakan saya daripada Chenor, tanya bila lagi... Bila lagi. Sebenarnya kerajaan telah meluluskan sebanyak RM11 juta dan asrama tu sedang dibina insya-Allah akan memberi keselesaan kepada anak-anak kita di Sekolah Menengah Agama Chenor.

Begitu juga Sekolah Menengah Agama Al-Ittifaqiyyah Guai, kita membina dewan makan sebanyak RM3.0 juta. Begitu juga kelas SMKA Al-Maidah Addiniah Padang Tengku, Yang Dipertua PIBG nya rakan kita daripada… daripada Padang Tengku Yang Berhormat, Dato' Mustapa bin Long yang sentiasa mengecek Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang sehingga berjayalah dibina kelas dengan kos RM6.0 juta (Ahli Dewan tepuk meja).

Begitu juga pembinaan Dewan SMKA Al-Maidah Addiniah Padang Tengku juga Sekolah Dato' Mus dengan RM3.0 juta dan pembinaan asrama Pulau Tawar insya-Allah akan dibina dengan kos RM8.0 juta. Semua ini kalau saya nak bacakan, banyak lagi nak membuktikan apa kesungguhan Kerajaan negeribagi memastikan pendidikan dan hal ehwal agama Islam diperkasakan di negeri Pahang dengan sebaik-baik...

(ADUN KUALA SEMANTAN - N. 32)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Pencelahan Speaker...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila.

(ADUN KUALA SEMANTAN - N. 32)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Ye alhamdulillah. Terima kasih apa namanya gulungan yang bersemangat daripada Datuk Sri EXCO Pendidikan. Cuma saya di sini saya dapat... saya mendapat suatu maklumat dengan pertanyaan berkaitan dengan pendidikan di Sekolah Menengah Agama Negeri di SMATAF, Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Fatimah. Sekolah Agama Pendidikan dan Orang Aslilah. Pertanyaannya adalah penutupan kelas aliran sains di SMATAF yang beberapa ibu bapa menghubungi saya minta di tanyakanlah. Mohon penjelasan... sebab katanya penutupan itu berlaku secara yang agak mengejut dalam keadaan ada beberapa orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian dalam aliran sains di sekolah tersebut. Itulah. Mohon penjelasan. Terima Kasih Speaker.

Terima kasih rakan saya di Semantan yang juga merangkap Yang Dipertua PIBG, Sekolah Menengah Agama Al Khairiah. Jadi dia banyak dapat laporan ni hal-hal Sekolah Agama sebab dia YDP. Tambah pulak orang rumah, dia jugak mengajar di Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, betul apa yang dikemukakan oleh rakan saya daripada Semantan ni, bahagian Sains di Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Fatimah itu diberitakan pada awal tahun ni telah dihentikan. Ini faktornya hanya ada 2…3 orang je pelajar, jadi cikgu tu... Pengetua tu cuba untuk membawa pelajar tu ke Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan supaya penempatan itu dapat disatukan. Walau bagaimana saya telah meminta pihak Jabatan Agama Islam meneliti semula bagaimana caranya kalau dapat benda ini dipertimbangkan balik. Sebab Jabatan Agama dia mempunyai komitmen yang banyak. Kalau dia hanya nak menguruskan dua tiga orang pelajar di kelas sains itu tadi, sedangkan ada lagi *subjectsubject* yang lain dan pelajar yang lebih ramai yang perlu diberi tumpuan, maka itu...

(ADUN KUALA SEMANTAN - N. 32)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Sikit... sikit penjelasan boleh. Saya dimaklumkan juga bahawa ada sekitar 15 orang pelajar. Daripada maklumat yang dimaklumkan kepada saya...

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

15...

(ADUN KUALA SEMANTAN - N. 32)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Ibu bapa sendirilah.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Betul 15 itu bukan pada satu kelas. Kelas-kelas yang berbeza. Sebab itu Jabatan Agama dia dengan jumlah yang sedikit, dia mikir gitu. Tapi saya dah mintak diorang teliti semula. Tengok bagaimana caranya boleh dipertimbangkan tidak. Sebabnya diorang tutup tu. Tu yang saya cerita tu. Saya bukan nak mempertahankan diorang tutup tu. Saya cerita sebab-sebab tu yang kita kena *respect* Jabatan Agama Islam Pahang supaya beri ruang kepada dia. Seandainya kita mempunyai keupayaan boleh kita bantu. Kita mintak dia beri laporan kepada kerajaan supaya kerajaan usaha bantu. Seandainya benda itu boleh kita rundingkan supaya kita satukan di Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan.

Apa salahnya kita rundingkan. Tengok keupayaan apa nama sekolah. Sebenarnya yang meminta tutup tu bukanJabatan Agama sangat, PIBG. PIBG yang meminta… mendesak tutup. Saya pun tak faham apa pasal PIBG yang meminta... minta benda tu ditutup. Jadi insya-Allah kita sedang meneliti. Terima kasih rakan saya daripada Semantan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang berhormat.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tuan...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat mintak gulung ye.

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kalau mintak gulung lagi baik. Yang Berhormat Yang di-Pertua banyak lagi hal luar bandar saya tak cerita, hal Orang Asli tapi banyak. Banyak usaha kerajaan begitu banyak. Luar bandar ni kerajaan persekutuan. Dia menghantarkan pelbagai peruntukan baik pulih rumah, membina rumah untuk rakyat negeri Pahang dan juga membina jalan luar bandar, pemasangan air di luar bandar dan juga peruntukan api untuk masyarakat luar bandar. Begitu juga masyarakat Orang Asli.

Walau bagaimanapun, kita dah apa nama sampai penghujung, saya dah makan masa Yang Berhormat rakan saya daripada Benta... tak patut. Saya ucapkan terima kasih kepada ruang yang diberikan kepada saya. Saya mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan setinggi -tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang telah mengemudikan negeri ini dengan begitu baik dan kejayaan demi kejayaan (Ahli Dewan tepuk meja) dan juga saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi tinggi menjunjung kasih kepada kebawah Duli Tuanku. Terima kasih kepada rakan-rakan pentadbiran Kerajaan negeriyang diketuai oleh sama ada Setiausaha Kerajaan yang baru ataupun Setiausaha Kerajaan yang lalu dan juga ketua-ketua jabatan yang telah memberi komitmen bagi melaksanakan dasar-dasar kerajaan dengan sebaik mungkin dan sedaya mungkin sesuai dengan firman Allah

[Ayat al-Quran]. Jadi dengan kata-kata itu saya bagi pihak Dewan Negeri Kerdau mohon menyokong di atas usul Kebawah Duli titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku. Sekian wassalamualaikum WBT.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. Seterusnya, saya ingin menjemput Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang dan saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat bahawa 30 minit yang diperuntukkan untuk Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

(ADUN BENTA N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, Selamat Tengah Hari. [Ayat al-Quran]. [Ayat al-Quran]. Yang Berhormat Yang di-Pertua, Pertama sekali saya. Ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi izin kepada saya untuk terlibat sama dalam usul menjunjung kasih titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang dalam pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri ke 15 pada 18 April, Isnin yang lalu. Dan saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana mengingatkan saya supaya membuat penggulungan bagi pihak kerajaan dalam tempoh masa yang diberikan. Jadi, ekoran daripada itu, saya minta pertama sekali mohon maaf di atas kalau sekiranya saya tidak dapat menjawab semua-semua soalan tu. Sebab ini kita kena patuh kepada arahan daripada Yang Berhormat Speaker. Jikalau ikut tu memang banyak ni saya buat ni saya buat ni berapa jilid ini, boleh buat buku [Ahli Dewan ketawa].

Jadi masing-masing Ketari dah menggeleng melambai tangan, maknanya point taken Bahasa Inggeris. Jadi saya akan sentuh perkara yang pokok yang mana boleh saya sentuh yang lain tu macam biasalah saya akan buat secara bertulis. Tapi pertama sekali saya nak mengambil kesempatan ini untuk juga merakamkan setinggi-tinggi junjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah. Juga Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj serta Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-mustafa Billah Shah atas segala titah nasihat yang diberikan kepada seluruh jentera tadbir urus Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato Sri Diraja Haji Wan Rosdi bin Wan Ismail dan Titah Nasihat dan juga bimbingan dan tunjuk ajar diberikan bukan sahaja dititahkan bukan sahaja dalam majlis pembukaan Sidang Dewan, tapi seperti mana yang untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sebelum Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri pada tiap-tiap minggu. Lazimnya sehari sebelum Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang akan menitahkan Yang Amat Berhormat Dato' Sri diRaja Menteri Besar untuk mengadap dan di situ, Kebawah Tuanku akan bertitah dari masa ke semasa, Insya-Allah.

Jadi, jesteru itu sebenarnya titah nasihat, bimbingan, tunjuk ajar dan juga titah arahan dan perintah ini sebenarnya di titahkan, boleh kata sepanjang masa. Dan Alhamdulillah inilah keistimewaan yang ada kepada Tuanku Sultan yang dikasihi semua rakyat jelata, Insya-Allah. Sesungguhnya seluruh parcal rakyat di negeri Pahang amat bertuah dan beruntung sekali kerana dikurniakan seorang raja

pemerintah yang berjiwa rakyat. Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku serta Keluarga Diraja sentiasa cakna dan prihatin terhadap kebajikan serta keperluan parcal-parcal rakyat jelata di negeri ini tanpa mengira latar belakang, baik agama, bangsa mahupun kebudayaan, keprihatinan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku yang sentiasa berkenan mencemar duli berangkat bagi menyantuni serta menghulurkan bantuan kepada rakyat jelata yang dilanda musibah. Meskipun dalam keadaan yang tidak dirancang seperti banjir, kebakaran, kemalangan jalan raya dan termasuklah terlibat secara langsung dalam operasi mencari dan menyelamat ACAR Search and Rescue dengan izin mangsa lemas adalah satu perkara mangsa lemas, mangsa hilang adalah satu perkara yang amat mengkagumkan dan membanggakan seluruh pacar-pacar Rakyat di negeri Pahang Darul Makmur ini. Benarlah ungkapan raja dan rakyat berpisah tiada. Dirgahayu Tuanku.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang atas kejayaan demi kejayaan yang cemerlang dalam memimpin pentadbiran Kerajaan negeriPahang dan yang merangkumi termasuk pencapaian khas hatrik hasil kutipan negeri melebihi RM1 bilion iaitu tiga tahun berturut turut.[Ahli Dewan menepuk meja] Tahniah juga diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar yang sentiasa memperkenalkan idea-idea dan pendekatan- pendekatan baru dalam mempastikan bahawa sernya kesejahteraan rakyat jelata di negeri Pahang terus terbela. Dan sebenarnya seperti mana yang titah Kebawah Duli Tuanku. Dua aspek penting yang diutamakan dalam pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang iaitu pertama jaga negeri dan juga jaga dan mensejahterakan rakyat jelata Insya-Allah. Inilah sebenarnya pendekatan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Dikesempatan ini juga seperti rakan-rakan yang lain mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar yang telah dilantik sebagai Penasihat Khas kepada Yang Berhormat Perdana Menteri dalam Majlis Pembangunan Usahawan dan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana PMKS Kebangsaan, tahniah. Ini adalah kepercayaan dan amanah yang diberikan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri kepada Yang Berhormat Dato Sri Menteri Besar Pahang.

Juga tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar di atas penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah daripada Universiti Yarmouk, Jordan yang Insya-Allahnya akan di sempurnakan pada 28 April 2025 di Irbid, Jordan nanti. Insya-Allah. Tahniah Yang Berhormat Dato' Sri. Kita rakan-rakan dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli Dewan Yang Mulia. Ini termasuk daripada barisan kerajaan mahupun pembangkang sudah tentunya rasa bangga kerana Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah diberikan pengiktirafan dan ini sebenarnya juga melambangkan pengiktirafan kepada er...bukan sahaja kepemimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar tetapi juga kepada negeri Pahang Darul Makmur yang bertuah ini, tahniah sekali lagi kepada Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang. Saya juga nak merakamkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar atas pelantikan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru dan er... juga merakamkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada mantan er... Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri yang lalu iaitu Dato' Sri Zulkifli Yaacob atas jasa baik ataupun jasa dan sumbangan yang telah diberikan dalam membangun... membantu membangun dan memajukan Negeri Pahang Darul Makmur dan memberikan pandangan, nasihat dan juga er... input kepada Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan juga er... Ahli-ahli er... barisan EXCO Kerajaan negeri.

Sekalung tahniah juga turut saya zahirkan kepada Tuan Muhammad Saifuddin bin Hashim Musaimi yang telah dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang yang baru jadi tahniah er... YB. *LA* dan juga mengambil kesempatan di sini untuk merakam setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat bekas LA iaitu Dato' Sri Saiful er... Edris er... yang telah berpindah, naik pangkat ke Pejabat Peguam Negara er... di Putrajaya. Juga tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh atas pelantikan sebagai Pegawai Kewangan Negeri yang baru. Dan juga penghargaan saya nak sebutkan ini kepada er... semua Ketua-ketua Jabatan yang telah...

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, mencelah sikit. Saya ingat kita terlupa seorang lagi lah dalam kita mengucapkan tahniah iaitu bekas PTG, Dato' Hamdan Husin yang telah dinaikkan pangkat kepada [Ahli Dewan menepuk meja] Pengarah Pembangunan *SDO*. Kita terlupa sebab dia... dia macam terkeluar sikit dari *state* lah tapi sebenarnya kita masih memerlukan er... Pengarah Pembangunan Negeri, terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar di atas er... ingatan itu dan juga penghormatan. Saya... itu sebab Yang Amat Berhormat Dato' Sri sentiasa sahaja, bila kita kadang-kadang itu terlepas pandang Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja er... akan sentiasa mengingati bahawasanya jasa seseorang itu tidak mudah dilupa, jauh di mata tapi dekat di hati. Satu... saya ingat kita beri satu tepukanlah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja dan juga Dato'... er... bekas Dato' PTG yang baru yang sekarang ini jadi er... Pengarah Pembangunan atau Pegawai Pembangunan *SDO*, tahniah.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Jadi ini... Yang Berhormat Speaker, masa dah habis? [Ahli Dewan ketawa]

YB. SPEAKER DEWAN NEGERI

Masih ada lagi. Sila sila.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Saya... saya memang saja leretkan tu. Jadi nanti senang saya er... maknanya saya bagi jawapan bertulis ini... tapi saya nak ambil kesempatan di sini. Pertama sekali nak merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan er... Yang Berhormat Timbalan Speaker yang telah mengendalikan er... persidangan kita dengan begitu baik sekali, satu tepukan [Ahli Dewan menepuk tangan]. Walaupun Sidang Dewan kita ada masa panas tetapi semangat dan kebijaksanaan ni... Tuan Speaker, Dato' Sri Speaker dan Timbalan Speaker keadaan terus jadi reda.

Dan saya ucap tahniah juga pada rakan-rakan er... daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Sri Diraja Wan Rosdy Wan Ismail atas tunjuk, panduan, nasihat

dan juga rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeriyang er... turut serta dalam keterlibatan dalam er... persidangan ini dan juga er... barisan ADUN sama ada daripada kerajaan mahupun pihak pembangkang yang bila berbincang itu sebenarnya menekankan aspek kepentingan rakyat yang saya lihat. Sebab itu di sini saya nak merakam setinggi penghargaan pada rakan-rakan ADUN yang ada menyentuh tentang portfolio saya. Boleh kata semualah tapi saya sebutkan juga Padang Tengku yang mana... sahabat daripada Padang Tengku, Kemayan, Sabai, Batu Talam, Tanah Rata, Semambu. Cheka, Beserah, Lanchang, Kuala Semantan, Bukit Ibam, ADUN Dilantik daripada Rompin, ADUN Dilantik daripada Temerloh, Sungai Lembing, Ketari, Jenderak, Tanjung Lumpur, Lepar dan lain-lain saya ingat, Pulau Tawar bagi saya.
Yang... dan mungkin ada yang saya tak sebut tapi semuanya lah saya ucap terima kasih. Yang bangkit tentang yang ada kaitan dengan portfolio saya. Jadi justeru itu, saya nak mula jawab sikitlah. Ada masa lagi?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila tapi dah 15 minit baru nak jawab. Okay, sila sila.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Jadi saya ada 15 minit lagi jadi kalau yang sempat itu er... saya cuba. Tapi yang lain itu saya minta maaf lah ya. Saya nak maklumkan iaitu er... ADUN er... Batu Talam dengan ADUN Lanchang ada bangkit tentang TVET, iaitu cadangan menubuhkan Pusat Pembelajaran TVET berasaskan pertanian dan ternakan. Ini cadangan daripada ADUN Batu Talam. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, Program TVET dalam bidang pertanian sememangnya telah dilaksanakan di negeri Pahang melalui Institut Pertanian Kuala Lipis. Ini YB... di Lipis itu dah ada dah Institut Pertanian yang er... dibawah seliaan Kementerian Pertanian, Keterjaminan Makanan dan institut ini menawarkan latihan kemahiran Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 melalui 9 Modul Kompetensi Unit. Dengan izin dan 14 modul *core abilities* dalam pelbagai aspek pertanian termasuk amalan pertanian lestari dan usahawan. Walau bagaimanapun, modul berkaitan teknologi moden seperti penggunaan *drone*, automasi dan konsep pertanian pintar masih belum lagi dilaksanakan tetapi sebenarnya bukan secara er... bentuk modul tetapi pendedahan kepada pelajar-pelajar ini telahpun dibuat dan insya-Allah ianya akan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Saya juga nak ni... er... maklumkan iaitu... er... di bawah judul Kolej Vokasional Pertanian di Chenor ya. Kita dah ada program saya ingat ianya telah bermula sejak dari tahun er... awal sebelum er... tahun 90-an lagi sebenarnya kolej vokasional ini telah pun ada di Chenor yang memberi latihan kepada anak-anak pelajar dalam sektor atau bidang pertanian. Dan er... di Kolej er... Vokasional Pertanian di Chenor ini diwujudkan er..pengajian di peringkat Diploma Agroindustri Ternakan Ruminan dan Diploma Agroindustri Ternakan Poultri yang telah mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan kolej ini turut menawarkan kursus latihan kemahiran berkaitan ternakan di peringkat Sijil Vokasional Malaysia dan Sijil Kemahiran Malaysia.

Bukit Ibam ada membangkitkan berkaitan dengan er... ternakan yang berkeliaran. Nak maklumkan bahawasanya Kerajaan negerisentiasa mengambil berat berkenaan isu ternakan berkeliaran yang menyebabkan kacau ganggu kepada orang awam di bawah Enakmen Kawalan Kerbau-Lembu 2001 Seksyen 9 (1), mana-mana orang yang bertanggungjawab ke atas kerbau lembu yang didapati berada dalam kawasan larangan adalah melakukan satu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan

hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali sekiranya membiarkan ternakan berkeliaran di kawasan larangan. Kawasan larangan yang dinyatakan di bawah Enakmen Kawalan Kerbau Lembu adalah permukaan jalan kawasan dalam lingkungan 20meter dari bahu jalan dan semua tempat awam. Manakala kawasan persendirian tidak termasuk dalam takrifan kawasan larangan di dalam enakmen ini.

Bagi tahun 2024, sebanyak 22 operasi penguatkuasaan Enakmen Kawalan Kerbau Lembu 2001 telah dilaksanakan melibatkan tangkapan sebanyak 52 ekor ternakan seperti lembu, kerbau dan kambing. Untuk tahun 2025, pihak JP Jabatan Veterinar akan meneruskan operasi ini bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan, PBT, PDRM polis dan Unit er... Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPMP) bagi mengawal masalah ini dan memberi kesedaran kepada pemilik ternakan yang bermasalah.

Khusus di daerah Rompin, sebanyak 2 operasi ini telah dilaksanakan tetapi tiada tangkapan dapat dibuat pada tahun 2024 manakala untuk tahun 2025, sebanyak 8 rondaan dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Rompin dimana rondaan terakhir dibuat pada 17 April 2025 yang lalu.

Bagi cadangan untuk pelaksanaan program kempen kesedaran berkaitan isu kacau ganggu ini, pihak jabatan telah menjalankan penerangan melalui sesi sidang penternak yang diadakan secara berkala sepanjang tahun di beberapa daerah tumpuan. Pada tahun 2024 sebanyak 7 sesi sidang penternak telah diadakan oleh JPV.

Pada masa yang sama, pihak jabatan amat mengalu-alukan kempen penerangan dan peringatan berkaitan perkara ini diselitkan dalam teks-teks khutbah Jumaat di seluruh negeri Pahang bagi meningkatkan jumlah capaian sebaran maklumat kepada orang awam berkaitan isu kacau ganggu ternakan ini. Jadi ini usaha yang telah kita buat.

Manakala ADUN Tanah Rata ada membangkitkan tentang peningkatan tahap daya tahan sektor pertanian di negeri Pahang iaitu antara usaha kerajaan untuk meningkatkan daya tahan sektor pertanian negeri Pahang khususnya Cameron Highland adalah menekankan konsep amalan pertanian baik melalui pensijilan MyangAP. Pensijilan ini merangkumi aspek keselamatan pengguna, kebajikan petani dan pekerja serta pemuliharaan alam sekitar secara menyeluruh.

Selain itu, kerajaan juga memberi penekanan kepada latihan dan bimbingan teknikal kepada petani mengenai teknik pengurusan tanah bercerun yang betul. Latihan ini penting bagi membantu petani menguruskan ladang secara lebih mampan seterusnya mengurangkan risiko hakisan tanah dan bencana alam seperti tanah runtuh.

Bagi memperkukuhkan lagi usaha ini, kerajaan digalakkan untuk memperhebatkan kerjasama strategik dengan agensi pengurusan bencana bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan serta mempercepatkan proses pemulihan dan penyediaan bantuan selepas bencana. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan produktiviti sektor pertanian, malah mempastikan aktiviti pertanian dijalankan secara lestari dan mesra alam demi keseimbangan ekosistem jangka panjang.

Menjawab soalan daripada ADUN Tanah Rata mengenai bantuan kepada mangsa yang terlibat dengan bencana alam iaitu daripada 12 permohonan yang diterima pada September tahun 2024, sebanyak 3 permohonan telah diluluskan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 12,500 dan sedang dalam proses penyaluran bantuan. Selebihnya masih dalam proses pertimbangan oleh Jawatankuasa Teknikal Bencana

di peringkat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Perkara ini sebenarnya dalam perhatian pihak jabatan dan diteruskan.

Semambu ada bercerita pasal geran-geran yang dipohon oleh usahawan sama ada dalam sektor pertanian, perniagaan dan teknologi baru. Dan perkara ini saya ingat telah disentuh oleh rakan saya daripada Pelangai. Jadi, ianya memberi penekanan kepada aspek untuk memperkasakan usahawan muda berumur antara 18 hingga 43 tahun yang telah menjalankan projek dalam khususnya dalam sektor pertanian.

Kita ada agropreneur muda setaraf, permohonan baru dengan kadar maksimum RM30,000.00 dalam bentuk *input* pertanian, Agropreneur Muda *Skill Up*. Permohonan bagi usahawan sedia ada dengan kadar maksimum sehingga RM50,000.00 dalam bentuk input pertanian. Geran Pemadanan *Change Upgrade Product* terbuka kepada usahawan industri makanan dan asas tani dalam kategori mikro yang mempunyai nilai jualan kasar tahunan di bawah RM300,000.00.

Nilai maksimum geran adalah 60 ribu di mana kerajaan menanggung 70% kos manakala usahawan menanggung 30%. Geran pemadanan high impact product, permohonan bagi usahawan industri makanan dan asas tani dengan nilai jualan kasar tahunan antara RM300,000.00 hingga RM5 juta. Nilai maksimum geran adalah RM200,000.00 dengan pembahagian kos 50% oleh kerajaan dan 50% oleh usahawan.

Insentif pembangunan tanaman, Jabatan Pertanian turut menyediakan insentif bagi pembangunan tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan, cendawan, kelulut, tanaman makanan ternakan, industri asas tani dan sebagainya. Geran dan insentif ini bertujuan membantu usahawan meningkatkan pengeluaran, produktiviti, kualiti produk serta memperkasa sektor pertanian negara.

ADUN Sungai Lembing ada menyentuh tentang berapakah jumlah peserta dan peratus peserta terlibat dalam program latihan yang dianjur oleh Kerajaan negeriatau agensi di bawah Kerajaan negerimemperolehi pekerjaan dan usahawan dengan pendapatan sara hidup yang mencukupi dalam tempoh 2023 hingga... hingga kini.

Sebenarnya Program Latihan Pertanian Jabatan Pertanian Pahang telah diadakan pada 2024. Sepanjang tahun 2024, Jabatan Pertanian Negeri Pahang telah menganjurkan pelbagai program latihan intensif bagi melahirkan usahawan tani muda yang berdaya saing dan berpengetahuan.

Antara program yang ditawarkan ialah latihan *Farmers Field School* dengan izin Program Agropreneur Muda. Kursus Teknologi Pertanian berasaskan *Internet of Things* dengan izin serta pakej Kursus Teknologi Pertanian Dan Pengurusan Ladang. Seramai 8,637 orang peserta telah menyertai latihan dan kursus yang dianjurkan sepanjang tahun.

Jabatan juga melalui agen-agen pengembangan tanaman di setiap daerah sentiasa memberikan khidmat nasihat secara berterusan kepada para petani. Aspek amalan pertanian baik MyangAP dan pengurusan ladang yang sistematik ditekankan bagi mempastikan petani mematuhi standard kualiti serta meningkatkan produktiviti.

ADUN dilantik 4 ada bangkitkan tentang kejadian ikan sangkar yang musnah pada bulan April tahun 2025 disebabkan oleh kayu hanyut di Sungai Pahang di Sungai Semantan, Temerloh. Pejabat Perikanan Pahang melalui Pejabat Perikanan Daerah Temerloh telah menjalankan siasatan berkenaan penternak yang terjejas.

Didapati hanya 4 orang sahaja yang terlibat semasa kejadian sangkar hanyut. Dua laporan polis telah dibuat pada 10 April tahun 2025. Sehubungan dengan itu, baki pengusaha yang belum membuat laporan boleh ke Pejabat Perikanan Daerah Temerloh untuk menyelesaikan urusan laporan dengan segera.

Kejadian ini berlaku di lokasi Kampung Lompat melibatkan Mohd Rosadi bin Abdullah, Kampung Lompat mengalami kerugian akibat dirempuh oleh sebatang pokok hanyut sebesar pemeluk dan kerugian dianggarkan 77,008 unit sangkar hanyut.

Keduanya, Encik Mohd Razuan bin Jaafar, Kampung Lompat juga mengalami kerugian akibat dirempuh oleh sebatang oleh kayu hanyut tersebut. Kerugian dianggarkan 100,008 unit sangkar hanyut. 6 unit sangkar masih berisi ikan berumur 3 hingga 6 bulan.

Dua lagi penternak yang terjejas telah dikenal pasti dan Pejabat Perikanan Daerah Temerloh telah meminta mereka membuat laporan polis. Dari segi bantuan insentif yang boleh dipohon oleh penternak tersebut melalui Tabung Bencana Pertanian, Kementerian Pertanian dan Jaminan Makanan, kadar bantuan yang layak diberikan tidak melebihi 50% dari nilai kerugian.

Ianya juga tertakluk kepada pengiraan kadar bantuan pengusaha akuakultur yang telah digariskan oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Bantuan yang layak diterima adalah berbentuk makanan, ternakan, peralatan dan benih. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, sila.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Nampak gaya macam boring ye. Saya tak boleh la. Saya taknak er... bertindak di luar daripada apa yang telah digariskan oleh er... Tuan Speaker. Saya nak juga maklumkan di sini iaitu yang jawapan-jawapan lain yang berkaitan dengan saya, saya terpaksa juga bagi secara bertulis. Boleh, Cheka?

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Bolehlah, terima kasih banyak dan saya rasa hari ini Benta sangat-sangat tenang, harmoni sangat tenang. Mungkin makan ubat sikit hari ini.

(ADUN BENTA – N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Cheka nak saya bergelora ke? Boleh, saya boleh taruk sini je. Er… dengan izin. Tak saya sebenarnya dengan Cheka tu dia... kita ni orang kata dia bukan tahap dia tahap sahabat dia tahap sahabat ni bila dia bergurau tu orang lain semua tak tengok, takut. Tapi sebenarnya tak ada benda dia kata bak kata orang tua-tua bila tegang tu dia berlepa-lepa. Tapi bila dia kendur tu berdenting-denting ha kaedahnya tu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Lambat lagi ke? Lama lagi?

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Allahuakbar. (Ahli Dewan ketawa). Masa bila pulak. Saya terkejut tu. Tak tau di mana entah ilmu Dato' Sri Speaker tetiba dia muncul gitu je, macam halimunan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dia main bola je yang dia kena... kena apa? kena ada dimaklumkan. Speaker nak tukar dalam waktu dalam persidangan tak perlu dimaklumkan.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Itulah kelebihan Speaker. Ikut suka dia je. (Ahli Dewan ketawa).

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu yang saya tanya, lama lagi ke?

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak, sebenarnya saya baru mula.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Teruskan Yang Berhormat.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Speaker, saya ucap banyak terima kasih. Sebenarnya kita nak maklumkan baru-baru ini Kebawah Duli Tuanku... Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku ada bertitah dalam keberangkatan Kebawah Duli Tuanku ke daerah Temerloh berkenaan dengan Patin. Tuanku menzahirkan, mentitah kebimbangan tentang adanya patin-patin klon yang menggunakan nama Patin Temerloh dijual oleh pengusaha-pengusaha, penjual-penjual semua. Jadi perkara ini diambil serius oleh pihak kerajaan negeri.

Dalam usaha yang telah di sarankan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, target kita dengan izin sasaran kita ialah untuk mewujudkan produk-produk sektor pertanian berkualiti yang boleh dijenamakan sebagai Product Pahang Best. Ini yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kepada saya dan kita sedang mengusahakan ke arah itu. Contohnya kalau patin Temerloh kita tak nak patin daripada luar datang kemudian dia bin ke Temerloh. Bila orang beli datang ke Temerloh, dia kata ini patin yang ori ni dia kata atau daripada Temerloh. Tapi ada segelintir pengusaha yang tidak bertanggung jawab kerana permintaan patin ini tinggi. Jadi bila tak cukup bekalan dia ambil patin daripada luar. Tapi sebenarnya

kadang kala tu patin dia ambil tu di luar daripada daerah Temerloh. Ambik daripada Maran, Bera, Jerantut kadang dia tengok sebab pengusaha tu terpaksa juga memenuhi permintaan daripada pembeli. Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat, saya maklum sebab banyak juga patin-patin ni dia ada beza daging patin Temerloh dengan daging patin ini ikanlah daging ikan tu Temerloh dan tempat-tempat yang lain.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Dan patin Temerloh ni menjadi satu produk eco-tourism yang hebat. Lantaran itu, sebenarnya pihak Jabatan Perikanan melalui Jabatan Perikanan Temerloh telah mematernkan macam mana mempaternkan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Paten.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Mempatenkan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Hak-hak cipta.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ha... Hak cipta. Mendaftar dengan MyIPO. Ikan Patin Temerloh dah ada dah jenama tu dan pihak Jabatan Perikanan berhak untuk membuat penguatkuasaan bersama dengan PBT lah dan unit penguatkuasaan yang lain. Di bawah kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan sepatutnya pengusaha patin di Temerloh ni dia mesti mengamalkan kod etika yang tinggi iaitu dia ambil benih dan diternakan patin Temerloh dan kalau boleh tu dia jangan ambik patin dari sumber yang lain dan menamakan sebagai patin Temerloh. Dia kena beritahu, yang ni minta maaf ini patin daripada ha dia kena sebut begitu sebab pembeli tu dia ingat Patin Temerloh. So yang ini yang sedang kita laksanakan supaya pengusaha yang ada di pemain-pemain industri ternakan Patin Sangkar ini sendiri akan membuatkan pendeklarasian ini bukan patin ni, ni patin luar. Tengok begitu insya-Allah dan pada masa yang sama Yang Berhormat Dato' Sri Speaker Jabatan Perikanan akan memperkasakan kerajaan negeridi bawah dengan melalui Jabatan Perikanan akan memperkasakan sebenarnya industri ternakan ikan ni tadi dengan kita akan wujudkan benih-benih patin yang asli. Di Pahang ni nanti melalui Pusat Pembangunan Perikanan khususnya di Perluk di Jerantut dan juga di Bukit Tinggi yang benihnya tadi kita akan bekalkan. Insya-Allah, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja telah maklumkan.

Di antara langkah yang kita buat, misal contohnya kita tahu ikan Patin Muncung ya patin ni banyak Patin Muncung, Patin Buah, Patin Juara waima Patin Ikan Lawang. Lawang ni jenis patin juga. So kalau sekiranya ada Patin Muncung, mintak mereka

yang dapat menangkap ikan ni tadi jual ke Jabatan Perikanan. Insya-Allah insentif yang akan diberi kita akan meningkatkan kalau dalam pasaran contohnya patin ni harga dia katalah RM500 insya-Allah kita akan beli dengan harga yang lebih tinggi daripada harga pasaran supaya kita dapat ambil ini jadikan benih. Ini usaha kita, minta jasa baik pada semua Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ni maklumkan pada anak buah dapat tu bawa ke Jabatan Perikanan sebab kita nak ambil benih ni tadi kita akan lebarkan.

Dalam satu lawatan di Australia baru ni, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Dato' Sri Diraja Menteri Besar mengetuai lawatan kerja ke Australia. Kita lihat bagaimana Ikan Siakap Barramundi dibuatkan pusat pembangunan dia tu. Dia boleh keluarkan telur-telur ikan, benih-benih ikan yang teknologi tu boleh dia aplikasikan insya-Allah mudah-mudahan kita akan perkasakan. Orang kata ini industri ternakan ikan ni tadi.

Dan ini sebagai contohlah ya, yang bahawasanya usaha sedang dibuat. Insya-Allah yang terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kerana telah meluluskan peruntukan dalam Belanjawan 2025 sejumlah RM2 juta untuk melaksanakan apa yang dipanggil sebagai Mini Maha. Insya-Allah lokasinya akan diputuskan oleh pihak kerajaan negeridan dalam konsep yang akan dilaksanakan nanti, kita akan wujudkan kluster-kluster, Kluster Perikanan, Ternakan Pertanian Industri Asas Tani dan di situ nanti insya-Allah kita akan keluarkan juga produk-produk Pahang Best. Maknanya Pahang Best yang berkualiti dan ianya akan menjadi jenama yang dibanggakan seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan yang lain misal contohnya di Tanjung Lumpur kita lihat misal contohnya ada *seafood* ataupun ikan bakar, banyak tu. Tapi sebahagian besarnya semua menghadap ke... Ke... ke darat. Ada juga yang menghadap ke sungai atau botol body. Kalau ada lukis suasana santai, Mail Ikan Bakar, Ana Ikan Bakar semua mengadap ke... Ke darat tapi dia *seafood* kecuali ada setengah tempat mungkin Tanjung, Tanjung tidak tapi hujung-hujung ni. Tapi insya-Allah kita akan jadikan dia keropok misal contohnya Kopok Gonde kita er... Kopok Lekor lah Kopok Gonde pulak. Ada setengah sebut keropok lekor ada setengah Gonde. Ha?

(ADUN TANJUNG LUMPUR - N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Kopok Gete.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kopok Gete. Ha ada juga, Kopok Gete ya. Tapi maknanya kita nak supaya kualiti dia boleh makan tu oh sedap. Dan ini yang kita sedang usahakan, kita ada misal contoh makanan-makanan Pahang yang hebat yang akan insya-Allah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar nanti akan umumkan dan kita akan bagi pengiktirafan pada produk-produk Pahang ni kalau boleh. Macam contoh yang kita lihat ikan, kalau ikut ikan belah-belah Tembeling ni ikan dia tapi yang menjadi masalahnya Yang Berhormat Dato' Sri, sungai-sungai kita ni telah dicemari dengan spesies baung ekor merah yang menular hingga sampai ke belah Hulu di Tembeling, Kampung Bantal dan sebagainya. Bukan kata belah hulu dia belah Lepeh, belah hilir pun belah Kuala-kuala Sungai Pahang ni sedang diancam dengan spesies Ikan Predator ni pemangsa ni iaitu Baung Ekor Merah. Jadi, kita minta usaha dibuat supaya ditangani dengan sebaik mungkin. Sebab tu kita nak benih ni di simpan mungkin terpaksa diternak dalam satu kawasan yang dikawal. Kemudian akhirnya esok baru kita lepas ke sungai. InsyaAllah ini yang

saya nak nyatakan jadi tu memandai setakat ini dalam sektor pertanian yang aku nak work lagi saya boleh work sampai ke petang. Tapi saya kena bagi hormat bagi laluan kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Diraja, Menteri Besar untuk membuat penggulungan dan saya hanya nak sentuh sikit pasal soal pendidikan. Saya nak mengambil kesempatan ini bagi pihak Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang. Ucapan tahniah kepada warga pendidik kerana pada hari ini pengumuman keputusan SPM telah dibuat dan Pahang masih kekal di tangga ke 3 di seluruh Malaysia. Alhamdulillah dan InsyaAllah walaupun tahapnya kedudukan kedudukan tangga ketiga, tetapi peningkatan dari segi pencapaian dalam serba aspek telah meningkat. Perlu diingat bahawasanya kita di Pahang ni kita mempunyai ramai anak-anak pelajar. Ada golongan saudara kita, saudara saudara masyarakat orang orang asal, jadi. Namun begitu, kita mampu juga untuk pertahan untuk dikedudukan nombor 3. Dan InsyaAllah usahanya sedang dibuat digiat dan bantuan demi bantuan. Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Sri Menteri besar makna saya sebenarnya bila bawak lah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tunjuk je untuk bantuan untuk perkasakan sektor ataupun agenda pendidikan. Tak pernah yang Amat Berhormat Dato' Sri menolak bila tengok ni kerana kita tahu kita di sini berdiri di sini kerana Pendidikan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri bagi pihak warga pendidik yang hadir, Timbalan Pengarah yang turut ada dalam dewan yang mulia ni. Terima kasih semua. *Thank You Teacher* dengan izin dan sebelum saya duduk. Saya nak sentuh sikit pasal SJ.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI
Ada lagi dah tak ada. Ada sikit je lagi sikit boleh. Sila sila tutup.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya nak sentuh pasal Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Jeram ni. Saya nak membetulkan ni sahabat saya daripada Sabai dah bangkit banyak kali dalam sesi dewan yang dia buat. Makna maksudnya commitment. Ni sahabat saya dari Sabai ni membela pendidikan ni di SJKT ni memang daripada very consistent dengan izin dan baru-baru ni pun ada dua soalan dibangkitkan. Namun dalam perbahasan ADUN Beserah ada bangkitkan tentang SJKT ni sebab duduk dalam kawasan Beserah ye. Tapi sebenarnya ini perkara SJKT Jeram ni telah lama dan dibangkitkan oleh rakan saya daripada sahabat bukan sahaja dalam dewan di luar dewan mengata pergi tengok ya. Tolong tolong tolong sampai saya pergi dia. Kata rimas tapi macam terpanggil untuk memberi penjelasan dalam dewan yang mulia ini. Saya nak maklumkan bahawasanya SJKT Jeram ni telahpun diwujudkan dalam tahun 1952 lagi dah masa itu dipanggil Jeram Estate. Ladang jeram diwujudkan sekolah ni. Inilah kerajaan. Walaupun kerajaan yang ada dia benarkan wujudnya sekolah jenis kebangsaan ni masuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil tetapi di atas tanah estet…atas tanah estet. Apabila pihak syarikat lain, PASDEC mengambil alih estet ni. Jadi Sebenarnya pendudukan sekolah tu bukan di tanah milik sendiri tanah milik pihak lain tetapi PASDEC memberi izin atas ehsan teruskan. Sebab itu kerajaan tidak boleh bina binaan kekal di situ. Saya nak maklumkan komitmen kerajaan, waima sorang pun pelajar yang belajar di sekolah Jenis Kebangsaan. Kerajaan tidak akan menutup sekolah. Ini terbukti di Fraser's Hill di Fraser's Hill, murid hanya sorang je. YB Teras boleh peraku kan tapi guru ada 4 orang. Mengajar tu tak boleh tutup.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Berhormat. Kalau semua cikgu nak cuti senang lah. Dia cakap murid tu awak jangan datang semua cuti.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Boleh mencelah

YB SPEAKER DEWAN NEGERI
Alang alang kita dah telajak. Terlajak lah terus.

(ADUN TRAS – N.07)
YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Sekejap. Sikit je. Jadi murid ni dia best Student. Kadang kedatangan terbaik dan semua dia sebab dia sorang je.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya difahamkan 100% kehadiran. Jadi jeram yang jadi PASDEC membenarkan mengizinkan. Dan masalahnya ialah dasar kerajaan, Sekolah Jenis Kebangsaan. Pihak kerajaan tidak boleh menyalurkan sepenuhnya dana untuk infrastruktur.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dan tak boleh menutup.

Apa apa jadi ada LPS, Lembaga Pengelola Sekolah dan Lembaga Pengelola Sekolah bertanggungjawab untuk mengenalpasti tapak untuk sekolah ni. Apabila dah ada tapak tu, dia kena cari jalan untuk pendanaan. Haa ni yang kita nak. Saya nak jalan ni supaya jangan ada pihak keliru seolah-olah macam pihak kerajaan membiarkan sebab tu usaha telah dibuat. Usaha telah dibuat untuk membolehkan LPS ni tadi mencari tapak dan pihak kementerian sebenarnya mengenal pasti tapak sebab pihak PASDEC nak bangunkan kawasan tu. Sebab itu pihak kementerian dia bina kontainer kontainer tu sebab apa dia mudah alih. Kalau kerja kita buat bangunan kekal dia pelanggaran. Sediakan kontena. Tapi kontena ni dia ada aircornd adalah acorn Dia duk dalam nama kontena kan sebab kita anak anak-anak muda. Sekarang ni dia makan dia tak ni pendekatan baru banyak yang duduk makan dalam kontena. Kontena tu ada situ dan pihak kerajaan bagi bantuan penyaluran untuk penyelenggaraan binaan tu 70 ribu dan tahun 2024 dan juga disalurkan 66 ribu kepada sekolah tu untuk baiki tandas ada bagi kemudahan seumpama tu. Akhir sekali, mana pihak kementerian mengenal pasti ada satu tapak dekat Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Kalsom kan tapak lebih kurang dalam hampir empat lima ekar dicadangkan di situ, tetapi pihak LPS ni mesti mengusahakannya. Lembaga pengelola Sekolah dan Lembaga Pengelola sekolah baru. Dia dapat pendaftaran daripada ROS ini ada minta maaf, lah internal dia. ni Dato' Sri selalu sebut kalau internal problem ni kita tak boleh bantu. *So* maknanya dia ada masalah di situ dia baru dapat pendaftaran daripada Pendaftar Pertubuhan. Dan peringkat keduanya nak pastikan supaya tanah itu dapat diperolehilah. Jadi bila dah diperolehi, barulah pihak kerajaan usahakan sebahagianlah. So yang ini yang saya nak perjelaskan bahawasanya bagi pihak kerajaan bukan kerajaan tidak usahakan tapi ini atas ehsan. Kecuali misal contohnya, dah ada tapak dan pihak pengelola sekolah ni tadi bersedia untuk menjalankan usaha mendapatkan dana dan sebagainyalah. So InsyaAllah maknanya perkara ni sebenarnya dalam pengetahuan pihak kementerian dan akan mengikhtiarkan dari masa ke semasa. Jadi pihak mintak YB sahabat saya daripada Sabai juga membantu supaya dapat lembaga pengelola sekolah ni tadi

berpakat cari macammana pendekatan yang sebaik dan sudah tentunya kementerian akan memberikan pertimbangan. Jadi akhir kata saya tadi Dato' Sri Speaker. Saya kena bagi laluan hormat kepada Yang Berhormat Dato Sri Diraja, Menteri Besar untuk membuat penggulungan bagi pihak kerajaan dan saya sekali lagi menyatakan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam perbahasan yang menyentuh tentang portfolio saya dan InsyaAllah kalau ada mana-mana yang soalan yang isu yang berbangkit yang belum saya jawab tu.

Insya-Allah, saya akan bagi jawapan bertulis. Dan tahniah sekali lagi dan InsyaAllah mudahan kita akan bertemu lagi dalam sidang Dewan. Dengan itu saya mohon menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Sri Raja Menteri Besar iaitu junjung kasih kepada titah ucapan Kebawah Duli Tuanku pada persidangan pada 18hb yang lalu. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mengucapkan terima kasih kepada 10 ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak kerajaan yang telah memberikan jawapan-jawapan dan memperjelaskan ke atas permasalahan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Seterusnya saya tidak bercadang untuk menempohkan persidangan. Sekarang saya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Sri DiRaja untuk menjawab pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan tersebut. Silakan.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamu'alaikum Warahmatullah Wabarakatuh. Selamat Tengah Hari. Salam Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Ini *first time* dak kita tak berhenti ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita tak berhenti, tak berhenti lunch.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terus je ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terus.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Pertama sekali syukur kepada Allah, Yang Berhormat Dato' Speaker kerana dengan limpah rahmat serta keizinannya, saya diberi kesempatan lagi sekali di Dewan yang mulia ini untuk menggulung Usul Perbahasan Titah Diraja pada hari terakhir persidangan kita. Terlebih dahulu, patik merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah serta Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj atas perkenan

berangkat mencemar duli menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Pahang Ke 15 pada Jumaat yang lalu.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, cepat betul masa berlalu ya, Penggal Keempat ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dah Penggal Keempat dah.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Keempat ni. Maknanya kita mula bersidang dari 2022.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

23, 24 dan 25, tahun keempatlah penggal ni macam tahun...

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tahun Keempat ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tahun Keempat.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

15 tu pilihan raya yang ke 15.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pilihan raya yang ke 15. Pertama tu sidang pertama untuk tahun ini.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Hah sebab ramai tak tahu ni. Ada yang tanya saya pasal apa empat. Kita ni baru 2 tahun lebih, ni maknanya yang tak tahu tu, taulah ya. Dato' Sri Speaker, sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya melafazkan Titah Diraja mencerminkan kecaknaan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku terhadap pembangunan negeri serta kesejahteraan rakyat jelata. Titah Diraja yang dizahirkan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku merupakan satu amanat yang menyentuh pelbagai aspek pembangunan negeri, perpaduan rakyat, kelestarian alam serta nilai-nilai keadilan dan kesejahteraan.

Sesungguhnya Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku akan menjadi panduan dan rujukan utama kepada pentadbiran Kerajaan negeridalam merancang dan melaksanakan dasar-dasar yang mendatang. Semoga Kebawah Duli Paduka…Paduka Baginda Tuanku dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala dengan

rahmat dan keberkatan, diberikan kesihatan dan kebijaksanaan dalam memerintah negeri Pahang Darul Makmur. Amiin.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Lagi sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar, Tuan Mohd Saifuddin bin Hashim Muzaimi, Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh serta Dato' Hamdan bin Hussin diatas pelantikan sebagai Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang dan Pengarah Pembangunan Negeri Pahang yang baru. Saya sangat percaya pelantikan empat individu ini akan meneruskan kecekapan pentadbiran negeri Pahang. Insya Allah. [Ahli dewan menepuk meja]

Selanjutnya saya bagi pihak Kerajaan negeriPahang serta seluruh rakyat negeri Pahang merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri kelima yang telah meninggal dunia pada 14 April yang lalu di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur. Untuk makluman, Ahli-ahli Yang Berhormat Allahyarham ni seminggu tiga kali akan berulang ke IJN untuk buat fisio. Jadi saya banyak kali juga berkesempatan jumpa dengan Allahyarham tetapi tidak dapat berbual dengan beliau kerana Allahyarham ni sekadar bila saya jumpa saya tegur, sekadar dia menengok je memerhatikan kita. Tidak ada respons dengan kerusi dan sebagainya.

Kita tahu sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai Perdana Menteri, Allahyarham telah banyak menyumbangkan jasa terhadap pembangunan negara dengan membawa pendekatan yang menekankan integriti pembangunan modal insan, pemerkasaan ekonomi wilayah termasuk Wilayah Ekonomi Pantai Timur serta penerapan nilai Islam dalam pentadbiran melalui Gagasan Islam Hadhari. Alhamdulillah, syukur pada Allah. Saya bersama dengan beberapa orang rakan sempat menziarahi Allahyarham di kediaman beliau di Kuala Lumpur. Turut hadir bersama saya ketika itu, Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker sendiri ada. Hadir. Yang Berhormat rakan saya daripada Benta, Yang Berhormat daripada Pelangai dan beberapa orang lagi menziarahi Allahyarham di rumahnya.

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham diampunkan segala dosanya serta ditempatkan bersama orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Kepada yang beragama Islam. Eloklah kita hadiahkan Al-Fatihah kepada Allahyarham Tun Abdullah Badawi dan bagi rakan-rakan yang bukan beragama Islam bolehlah bertafakur. Al-Fatihah. [Bacaan Doa].
Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker.

Terima kasih kerana mengizinkan saya untuk turut serta menggulung perbahasan bagi pihak Kerajaan negeriserta jawatankuasa-jawatankuasa di bawah portfolio saya. Pada hari Isnin hingga semalam, kita telah menyaksikan seramai 35 Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan kali ini. Terima kasih dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas serta berhemah untuk menyatakan pandangan serta berusaha mendapatkan maklum balas daripada kerajaan negeri.

Saya dapati perbahasan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, ada dua atau tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang nampaknya berubah daripada biasa penyampaian ucapannya, yang pertama sekali rakan saya daripada Tanjung Lumpur. Saya bersama dengan EXCO Kanan, Luit, kita rasa nampak ada keajaiban semasa beliau menyampaikan ucapannya dengan kelakarnya, dengan seronoknya dan berhasrat

untuk bergilir gilir. Kita minta Tanjung Lumpur bagi laluan dulu, baru kita fikir kepada yang lain dan juga….

(ADUN LUIT - N.24)
YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Mohon mencelah Yang Berhormat.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sila.
(ADUN LUIT - N.24)
YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Dia biasa main ragbi, dia tak nak main ragbi dah, dia main dam je. Dam haji.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dan saya terfikir sebab apa dan sebab apa bila *style* tu berubah daripada biasa, dan begitu juga rakan di sebelah saya ni. Saya ni dah penggal yang kelima. Saya ingat Hari Ini Dalam Sejarah, paling ringkas. [Ahli dewan menepuk meja dan ketawa] Apa pun, saya ucapkan syabas dan tahniah dan ini semua jelas menunjukkan kematangan kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Pada 11 April yang lalu telah berlangsung Mesyuarat Khas Pembangunan Negeri Pahang di antara Kerajaan negeriPahang dan kerajaan persekutuan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dalam mesyuarat tersebut, kerajaan negeri telah mengemukakan 11 cadangan projek berimpak tinggi atau pun *wishlist* untuk dipertimbangkan dalam *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Ke 13 Tahun 2026. Lazimnya, kita kemukakan sepuluh sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker, tapi kita *request* kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pahang ni negeri besar, luas dan keperluannya sebelas projek yang wajib dan harus dipertimbangkan oleh kerajaan persekutuan.

Yang pertama sekali ialah yang ini saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya boleh cerita di kawasan masing-masing bahawa Kerajaan negeriyang ada pada hari ini telah meminta dengan kerajaan persekutuan. Sebelas projek pertama yang sewajarnya harus dipertimbangkan oleh kerajaan persekutuan sebab ada kadang-kadang, ada yang antara kita ni kadang-kadang ada yang jadi pembaca TV ataupun jadi wartawan, pergi berjalan… jalan… jalan… bila ada projek siap, dia pun katalah tuan-tuan dan puan-puan, inilah projek yang… yang dibawa di kawasan saya. Jadi tuan-tuan semua boleh guna dan tidak menyebut pula projek tu Kerajaan negeriyang mintak. Jadi hari ni saya nak bagitahu 11 projek ni. Ini adalah usaha Kerajaan negeridan dalam perbincangan tersebut dihadiri oleh beberapa rakan Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan. Kita mengemukakan pandangan kita dan kita desak kerajaan persekutuan supaya memberi pertimbangan yang serius. Jadi hasil daripada mesyuarat tersebut dan saya mendapat mengambil minit mesyuarat tersebut dan saya nak bagitau dalam Dewan Yang Mulia ini.

Yang pertama sekali ialah Cadangan Pembinaan Persimpangan Bertingkat Bukit Rangin Jalan Kuantan ke Chukai, Kuantan bernilai RM181 juta. Apa keputusan

mesyuarat tersebut? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju agar kerja-kerja awalan dilaksanakan terlebih dahulu dan projek ini dilaksanakan dengan segera seawal Januari 2026 [Ahli Dewan menepuk].

Yang ke-2, Cadangan Menaik Taraf Jalan FT 012, Jalan Kuantan - Segamat, Rompin Fasa 2, RM1.331 bilion. Apa keputusan mesyuarat tersebut? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju dengan pelaksanaan projek ini dibuat secara berfasa dan fasa pertama projek bermula pada tahun 2026. [Ahli Dewan menepuk]. Ini keputusan mesyuarat ni Ahli-Ahli Yang Berhormat. Keputusan mesyuarat dalam mesyuarat tersebut. Kuala Sentul tolong catit sikit, saya bimbang nanti Kuala Sentul terlupa asyik tanya pasal rumah je, rumah terbengkalai tak siap. Maran saya tak tahu ada ke tak ada ni.

Yang ke-3, Pembinaan Ban Banjir di Kampung Tanjung Gahai, Lipis menilai RM14.6 juta. Keputusan mesyuarat, Kementerian Ekonomi bersetuju untuk menyediakan peruntukan kerja-kerja awalan kepada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) berdasarkan kepada baki semasa peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 Kementerian (PETRA).

Yang ke-4, ha… ni YB daripada Rompin. YB Lantikan tanya ni. Membina Baru Blok Tambahan 446 katil Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang bernilai RM500 juta. Senarai keempat terpenting Yang Berhormat. Jadi apa keputusan kerajaan? Kementerian Kesihatan Malaysia bersetuju untuk meletakkan keutamaan projek di bawah *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Ke-13 sekiranya Kerajaan negerimengekalkan kadar bayaran premium tanah nominal. Satu surat akan dikeluarkan kepada Kerajaan negeriPahang berkenaan perkara ini. Surat pun dah… dah terima dan Kerajaan negeriinsya-Allah saya akan bincang dengan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang, PTG dan SFINO. Kita akan pertimbangkan kerana kita akan mendapat projek RM500 juta. Maknanya sebelum Yang Berhormat bawa ke Dewan ni, kerajaan negeri dah fikir dah pasal perkara ni. Haa… tepuklah sikit Yang Berhormat. [Ahli Dewan menepuk].

Yang ke-5, Cadangan Membina Jambatan Konkrit di Laluan C108 Jalan Serengkam ke Laluan C21, Jalan Kuala Wau di daerah Maran. Ada ni YB Kuala Sentul… Maran. Sebab YB je ni kita bawak ni. Sebab… sebab rakyat ya.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Terima kasihlah…

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sama.

(ADUN KUALA SENTUL - N.25)
YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sama-sama Yang Berhormat. Bernilai RM80 juta. Apa keputusan kerajaan Yang Berhormat Kuala Sentul? Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah menyokong penuh permohonan ini manakala Kementerian Ekonomi akan menyemak keperluan peruntukan Kementerian mengikut keutamaan kerajaan negeri.

Yang ke-6, *Central Spine Road* Pakej 6 dari Karak Simpang Pelangai, Bentong, Pahang bernilai RM750 juta. Apa keputusan mesyuarat? Kementerian Kerja Raya sedang membuat… dalam mesyuarat tersebut, saya bagitahu Yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri ada KSU… ada KSU Kementerian Ekonomi yang terus menjawab bila PM tanya, Kementerian tanya KE, Kementerian Ekonomi tanya kerajaan negeri. Kita berbincang pada masa itu dan pada masa itu juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat keputusan setelah mendengar pandangan dan nasihat daripada pelbagai pihak. Jadi yang *Central Spine… Central Spine Road* Pakej 6 ni dari Karak Simpang Pelangai, keputusan kerajaan ialah Kementerian Kerja Raya sedang membuat kajian berkenaan keperluan pelaksanaan jajaran ini dan dijangka selesai pada bulan Ogos 2025. Sekiranya dipersetujui, Kementerian Kerja Raya akan mendapatkan peruntukan daripada Kementerian Ekonomi untuk kerja-kerja awalan. Kementerian Ekonomi tiada halangan untuk meluluskan permohonan ini sekiranya hasil kajian tersebut menunjukkan alternatif kepada Terowong Bentong dapat mengurangkan kesesakan terutamanya pada waktu puncak.

Yang ke-7, Pembinaan Lingkaran Tengah Utara, Raub *Slim River* RM3.936 bilion berdasarkan *Highway Network Development Plan* (HNDP). Projek ini dicadangkan untuk dilaksanakan selepas tahun 2030. Yang ni lambat sikitlah. Yang ke-8, Penyediaan Infrastruktur Asas Cadangan Tapak Taman Industri Halal Seksyen 3, Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan bernilai RM100 juta. Kementerian Ekonomi akan meneliti bersama MITI berhubung Pembangunan Taman Industri ini termasuk penentuan NICHE yang sesuai bagi taman industri tersebut. NICHE ni maksudnya lebih fokus dan ada keperluan untuk dibuat.

Yang ke-9, Projek Pemajuan Kawasan Kampung Bongsu Mukim Semantan 2, Lanchang Daerah Temerloh RM35.114 juta. Apa keputusan Kementerian? Kerajaan … Kementerian Ekonomi akan membuat semakan bersama pihak KKDW berhubung perincian projek dan kos yang terlibat. Yang ni kalau tak silap saya, Speaker minta ni kan?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Betul… Dato' Speaker?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini… projek apa ya Yang Amat Berhormat? [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Projek Pemajuan Kawasan Kampung Bongsu Mukim Semantan 2, Lanchang Daerah Temerloh. Masa Yang Berhormat jadi…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak dan juga kita dah bina 350 biji rumah mampu milik di situ.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Masa Yang Berhormat jadi ADUN.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ha… Masa tu. Masa tu saya jadi ADUN dan…

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi EXCO…

YB SPEAKER DEWAN NEGERI
Yang Berhormat ketika itu, Yang Amat Berhormat adalah merupakan EXCO Perumahan. Terima kasihlah Yang Amat Berhormat tolong mintak juga.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya pun terima kasih kepada Speaker kerana menjadi ADUN Lanchang dan meninggalkan satu benda yang bagus untuk ADUN Lanchang. Yang ni… Yang Berhormat kena bagitahu ni rakyat di Lanchang.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Insya-Allah. Kita minta Yang Berhormat Lanchang bagitahulah. Jangan cakap ini…kalau takde saya…

(ADUN LANCHANG – N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih banyak. Insya-Allah kita akan bagitahulah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Macam itulah bagus.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Nanti dulu. Yang Berhormat ADUN Lanchang nak bagitahu macam mana tu? [Ahli Dewan ketawa]

(ADUN LANCHANG – N.31)
YB TUAN HASAN BIN OMAR

Seperti mana yang diumumkan ni, Insya-Allah saya akan umum.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kalau boleh Yang Berhormat bagitahu, ni diusahakan oleh Speaker masa dia jadi ADUN dulu. Boleh ya. Lepas tu hantar la dalam *Facebook* ke apa… kita nak tengok. Yang seterusnya yang ke-10, Cadangan Menaik Taraf Jalan Dari Kampung Padang ke Persimpangan Lampu Isyarat LPT1 Fasa 2, Jalan Sungai Lembing, Kuantan bernilai RM185 juta. Kementerian Kerja Raya telah meneliti pembangunan projek ini dan akan meletakkannya dalam Senarai Keutamaan Kementerian untuk dilaksanakan di bawah Rancangan… di bawah *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ke-13.

Yang ke-11. Yang ini kita mintak juga dalam perbincangan tersebut dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setuju iaitu Membina Baharu Klinik Kesihatan Jenis 7 di Kawasan Pedalaman Orang Asli dengan komponen pergigian berserta 10 unit kuarters kelas F, Pos Lenjang Lipis bernilai RM23.8 juta. Keputusan mesyuarat, Kementerian Kesihatan Malaysia akan memasukkan projek ini sebagai Senarai Keutamaan bagi pelaksanaan projek pada *Rolling Plan* Pertama tahun 2026, Rancangan Malaysia Ke-13 untuk diangkat bagi pertimbangan lanjut Kementerian Ekonomi.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker.

Saya berharap supaya pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi ini bukan sahaja akan memperkukuhkan infrastruktur asas di negeri Pahang, malah mampu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat, peningkatan kesihatan dan kesejahteraan rakyat serta mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar. Kerajaan negeriamat menghargai sokongan padu kerajaan persekutuan dalam merealisasikan agenda pembangunan yang inklusif dan mampan untuk seluruh rakyat Pahang.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Sepertimana biasa yang telah saya ucapkan sebelum ini, bahawa Kerajaan negeriterus komited menyelesaikan 90% isu bekalan air menjelang akhir tahun 2026 dengan fokus utama menangani kawasan *black spot* yang selama ini sering terjejas. Beberapa kawasan yang dahulunya menjadi lokasi panas gangguan bekalan air seperti di Keratong, Chanis, Selancar di Rompin, sekitar kawasan Temerloh termasuk Mentakab dan Lanchang serta kawasan Tanjung Lumpur, Pak Mahat dan Sungai Soi di daerah Kuantan serta di Kampung Cendera, Kampung Rokam, Sungai Calit dan Ulu Atok di daerah Raub kini telah menunjukkan peningkatan positif yang amat ketara hasil projek yang telah disiapkan.

Sepanjang musim perayaan Aidilfitri tahun ini, prestasi bekalan air menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Berdasarkan tinjauan saya sendiri serta maklum balas daripada pemimpin-pemimpin tempatan, prestasi perkhidmatan bekalan air sepanjang Aidilfitri ini adalah antara yang terbaik setakat ini [Ahli Dewan menepuk meja]. Gangguan berjaya diminimumkan dan bekalan dapat dikekalkan sepanjang tempoh kritikal itu.

Namun begitu, kejayaan ini bukan datang dengan mudah. Ia adalah hasil daripada perancangan rapi dan pelaksanaan konsisten. Pelbagai inisiatif yang telah dirancang, baik secara jangka pendek mahupun jangka panjang. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Pengurusan Air Pahang Berhad atas komitmen dan kesiapsiagaan tinggi mereka yang dipimpin oleh CEO Dato' Saiful [Ahli Dewan menepuk meja], ada situ tu. Teruskan ya, dengan izin, *keep it up*. Sebab er... selagi belum berakhir tahun 2026 tu yang... yang kita harapkan supaya 90% dapat diselesaikan.

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Speaker. Mohon mencelah.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh, boleh.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Berhormat.

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Speaker, saya er... rasalah sepanjang saya bertugas, berkhidmat ni, saya ingat raya kali inilah agak tidur lena sikit. Terima kasih kerana tak ada lagi er... ketika ini atau masa raya lepas, aduan tentang masalah air. Terima kasih dan tahniah kepada kerajaan negeri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Makna semua berair la ya?

(ADUN TIOMAN – N.42)
YB DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Oh alhamdulillah setakat ni berair belaka.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Alhamdulillah.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Lain macam ayat Speaker ni. Speaker makan ubat dua kali dok? [ketawa].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat saya cakap yang betul. Berair tu makna ada air la semua bekalan air cukup [ketawa] Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Betullah tu. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, sebenarnya dalam kita semua bergembira menyambut kemeriahan Aidilfitri, kakitangan daripada PAIP, Pengurusan Air Pahang Berhad ini terpaksa berkorban masa, tenaga serta waktu bersama keluarga bagi memastikan kita mendapat bekalan air yang secukupnya. Syabas, tahniah lagi sekali. Saya secara peribadi amat tersentuh dan sangat berterima kasih dengan pengorbanan warga PAIP ini [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Dalam pada itu suka saya nyatakan bahawa sehingga suku kedua 2025, sebanyak sepuluh projek penting telah siap dilaksanakan. Antaranya ialah yang pertama sekali, Kerja-kerja Penukaran Pam Air Mentah dan Pam Air Bersih di Loji Lubuk Kawah, Daerah Temerloh iaitu loji kedua terbesar di Pahang, dengan peningkatan kapasiti sebanyak 500 meter padu sejam.

Yang kedua, Merekabentuk, Membina, Menyiap... dan Mentauliah Pemasangan Paip Air dengan Kaedah *Horizontal Directional Drilling* dari Kampung Tanjung Api ke kawasan hujung Tanjung, Tanjung Lumpur, daerah Kuantan. Di kawasan Yang Berhormat. Oh... tak apalah Yang Berhormat senyum tu kira okaylah. Nanti Yang Berhormat belanjalah CEO belakang tu. CEO PAIP ada kat belakang tu.

(ADUN TANJUNG LUMPUR – N.15)
YB DATO' HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

insya-Allah... insya-Allah. Kalau tak ada istilah sebagai rasuah, insya-Allah [Ahli Dewan ketawa].

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang ketiga, Pemasangan Paip Bersaiz 300mm di FELDA Selancar 3 dan Tangki Chanis, Daerah Rompin. Yang keempat, Kerja-kerja Pemasangan Paip dari Tanjung Agas ke Kampung Sekukuh serta Kerja-kerja Berkaitan Daerah Pekan. Kelima, Mereka bentuk, Membina, Menyiap dan Mentauliah Sebuah Tangki Sedutan dan Rumah Pam Penggalak Lengkap dengan Sistem Pengepaman di Tangki Kampung Temai, Daerah Pekan. Yang Berhormat ADUN Bebar tak ada hari ni sebab beliau mewakili saya, mesyuarat bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Secara keseluruhannya bagi fasa satu pembangunan bekalan air negeri Pahang, daripada 217 projek yang telah diumumkan sebelum ini membabitkan peruntukan RM2.6 bilion, status pelaksanaan projek pada masa kini ialah 114 projek telah siap dilaksanakan, 32 projek sedang dalam pembinaan manakala 71 projek sedang di peringkat pra-pembinaan. Semua projek ini dipantau rapi dan ada masa saya sendiri turun padang ke setiap daerah untuk melihat kemajuan dan perubahan yang berlaku khususnya di kawasan yang pernah mengalami masalah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Sebaik isu bekalan di peringkat sumber diatasi, tumpuan kini beralih kepada satu lagi cabaran besar iaitu dengan izin, *Non-Revenue Water* ataupun NRW. Kita tahu bahawa paip-paip lama...

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dato' Sri… Dato' Sri Menteri Besar, mohon satu sebelum beralih kepada NRW. Er... ini bu... ini masalah yang dialami bukan peringkat PAIP. Saya ucap tahniah pada PAIP yang telah banyak selesai masalah sepanjang tempoh tersebut. Di luar daripada bidang kuasa PAIP ialah isu kadar kekeruhan yang sangat tinggi… *turbidity* yang sangat tinggi yang menyebabkan sebahagian loji kita tak boleh proses. Ini termasuklah yang berlaku di... bangkitkan di Loji Air Sungai Tras er... di Raub, sebahagian besar kawasan bandar sering kali terganggu, bila hujan lebat je loji tak leh proses. Kadar *turbidity* dia sampai 3,000 NTU.

Jadi apakah mekanisme yang kita boleh bantulah untuk mengurangkan kadar kekeruhan? Peliknya, waktu hujan turun, loji tak boleh fungsi. Setiap kali hujan lebat, loji tak boleh fungsi. Puncanya kerana kadar kekeruhan yang tinggi. Mungkin Dato' Sri Yang Berhormat Menteri Besar boleh maklum sikit.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Cheka. Antara tindakan yang telah, sedang dan akan diambil, yang pertama sekali kita menyediakan *pre-sed tank* ha itu, takungan dan er... yang lain-lain kita akan tengok *case by case* lah. Tumpuan yang kedua sekarang ini ialah untuk melihat NRW ni, yang kita kira agak tinggi. Jadi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, walaupun PAIP telah menerima peruntukan RM75 juta daripada kerajaan persekutuan, pakej ini tidak melibatkan penggantian paip usang. Justeru, impaknya kepada pengurangan NRW masih terhad. Untuk makluman rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita di Pahang ini mempunyai 7,238 kilometer paip air yang berusia lebih 35 tahun, 7,238 kilometer... lebih kurang Kuala Lumpur ke London dak? Speaker dak?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Berapa ribu Yang Amat Berhormat?

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

7,238 kilometer.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ke Dubai.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ke Dubai.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Pada ke London, 14,000.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

14,000? Ha ke Dubai.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya dah kira dah.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Oh...

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat kan kita dulu pergi, kita buat apa namanya, ini. Ekspedisi Kuantan - London kan? Pada Tahun Melawat Pahang, tahun 2016.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya betul.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Jadi semuanya 14... 14,000.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ke Dubai ya? Kalau daripada Kuala Lumpur, tempat yang Speaker belajar di Amerika tu berapa?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Itu bergantung Yang Amat… Yang Amat Berhormat, itu 29 jam naik kapal terbang.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dak kilometer, kilometer.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Mungkin tambah lagi empat... mungkin tambah lagi dalam 14,000, 10,000 lagi. 24,000 kilometer.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kira jauh betul Speaker belajar ya?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Jauh, jauh. Di Indianaz, Indiana.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tahniahlah anak Lanchang sampai ke Indiana.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Indiana State University.

(ADUN JELAI – N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, kos untuk menggantikan keseluruhan jaringan ni hampir mencecah RM3 bilion tapi ini bukan alasan untuk kita berhenti berusaha. 35 tahun ni kira teruk sangat la paip ni. Setakat ini dengan peruntukan yang ada, kita menggunakan peruntukan dalaman setakat 154 kilometer paip usang telah berjaya digantikan.

Mulai tahun ini, PAIP akan melaksanakan kerja-kerja penggantian paip sepanjang 713.2 kilometer melalui peruntukan sebanyak RM205 juta menerusi peruntukan kerajaan persekutuan dan RM134.6 juta menerusi pinjaman Pengurusan Aset Air Berhad. Berhubung dengan penjelasan saya mengenai NRW, diharap saya juga telah menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kuala Semantan, Cheka, Bukit Ibam dan juga Ketari.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya sedar bahawa setiap kali Sidang berlangsung, pasti ada soalan atau cadangan berkenaan isu bekalan air, dan saya juga tahu rakyat masih menaruh harapan yang besar kepada kerajaan negeriuntuk menangani isu air ini. Masalahnya masih ada dan tetap ada. Tetapi jangan kita nafikan bahawa keadaannya semakin baik. Berilah peluang kepada PAIP, kepada Kerajaan negeridan kepada kami semua di barisan kerajaan, masa agar usaha yang sedang giat dilaksanakan ini terus membawa hasil. Sama ada di pihak kerajaan mahupun pembangkang, saya menyeru, agar kita bersama bersatu hati dan mendoakan setiap perancangan ini dipermudahkan dan membuahkan hasil. Insya-Allah dengan kerjasama dan komitmen berterusan hasrat kerajaan untuk menyelesaikan 90% isu bekalan air negeri Pahang menjelang akhir tahun 2026 akan menjadi kenyataan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Isu pencerobohan tanah secara haram bukanlah satu perkara baru. Ia merupakan cabaran berterusan yang memberi kesan langsung terhadap sumber hasil negeri, kelestarian alam sekitar serta keadilan sosial. Justeru, Kerajaan Negeri Pahang memandang serius perkara ini. Dan mengakam dan terus mengambil tindakan tegas serta bersepadu dalam menangani isu tersebut dari pelbagai sudut. Antara langkah tegas yang diambil oleh kerajaan negeri adalah dengan menubuhkan Unit Penguatkuasa Negeri Pahang, pada 15 Oktober 2019 iaitu lebih kurang setahun, takdir

Allahnya saya menjadi Menteri Besar, bagi memastikan penguatkuasaan ini dilaksanakan secara berterusan dan terancang. Sejak penubuhannya, sebanyak 23 operasi pemusnahan telah dijalankan melibatkan seluas 3,366 ekar dan 5 lagi operasi tambahan telah dirancang untuk dilaksanakan dalam tahun ini. [Ahli Dewan menepuk meja]. Kawasan yang telah dikuatkuasakan ini senarai ada dengan saya. Di Raub ada, Cameron Highlands ada, Rompin ada, Bentong ada, mana lagi di Bera ada, Temerloh, di Pekan. Banyak, yang telah kita kuat kuasakan dan 5 lagi kita akan kuat kuasakan pada tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Kerajaan negeritidak berhenti setakat itu sahaja, malah akan mempertingkatkan usaha membenteras pencerobohan dengan pendekatan lebih tegas. Pada mula pada tahun 2023 tindakan telah diambil untuk mendakwa penceroboh ke muka pengadilan tidak lagi hanya mengenakan kompaun seperti sebelumnya. Ketika mesyuarat EXCO apabila kita dapati bahawa, saya tanya er... PTG ketika itu, kompaun ni berapa je yang kena. sekiranya didapati bersalah. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, RM20,000.00, RM30,000.00. Dia buat hari Isnin, hari Rabu dia buat balik, ari Jumaat dia buat balik. Jadi bila kita nak selesaikan masalah ini. Saya tanya Penasihat Undang-undang ketika itu, boleh atau tidak kita bawa terus ke mahkamah. Penasihat Undang-undang kata boleh. Dan akhirnya Kerajaan negeribuat keputusan, bahawasanya tidak ada lagi tindakan kompaun dan kita akan bawa terus ke muka pengadilan. Bukan niat untuk mengaibkan tetapi sebenarnya untuk mengajar mereka supaya dan juga kepada orang ramai supaya tidak membuat tindakan pencerobohan haram ke atas tanah-tanah kerajaan negeri.

Sebagaimana yang disebut oleh ADUN Lantikan Yang Berhormat Tuan Fadhli, pada hari Selasa lalu, terdapat kes pencerobohan. Di mana masing-masing individu telah di denda sebanyak RM100,000.00. Kalau kompaun tak sampai RM100,000.00 Dato' Speaker, paling-paling kuat RM20,000.00 atau RM30,000.00. Jadi kalau bawak ke mahkamah untuk tujuan menakut-nakutkan supaya ianya tidak berulang lagilah ye.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI
Menjadi pengajaran kepada semua.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO’ SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya... betul Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Dalam masa yang sama, kita juga akan terus menangani isu pencerobohan secara *holistik*. Kerajaan negeriturut menubuhkan beberapa state GLC khusus bagi pengurusan dan pemantauan tanah seperti Perbadanan Setiausaha Kerajaan, Pahang Corporation, Pahang Mining Corporation, Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan yang terbaru ialah Pahang Gold.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Er… Dato’ Sri mohon soalan mencelah sikit. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Er... jadi [batuk] saya dapat satu kepastian pada hari ini bahawa kerajaan negeri memang sangat *serious* terhadap penceroboh-ceroboh tanah kerajaan di Pahang ini. Dan soalan saya,

[Adakah er... kerajaan negeri selepas daripada ini, akan lebih menguatkuasakan er… tindakan terhadap pencerobohi ini terutama selepas kes Mahkamah Tinggi nanti dapat diselesaikan? Itu yang pertama. Yang kedua hari ni kita dapat er… makluman melalui media-media bahawa SPRM juga telah membuka kertas siasatan terhadap pencerobohan di di Raub ini. Jadi apa pandangan Yang Amat Berhormat?].

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan saya baik sangatlah SPRM buka kertas siasatan dan tindakan er... pencerobohan ni bagi saya, kita dah sampai ke maksimum dah sebenarnya. Dah dah habis pikir dah. Dan er...kita dapati keberkesanan dia ialah semakin hari semakin berkuranganlah kes ni dan kita harap kita dapat minimakan ataupun kita sifarkan pencerobohan tanah haram.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Selain daripada kita menubuhkan State GLC tadi, kerajaan negeriPahang juga menubuhkan Akademi Menara Pahang dan Skim Pelombong Kecil adalah untuk membantu pemilik tanah mendapatkan lesen melombong secara sah. Ini adalah antara usaha berterusan dan menyeluruh yang dilaksanakan oleh kerajaan negeridalam memastikan pembendaharaan tanah, pemerkasaan undang-undang dan kelastrian negeri sentiasa terpelihara. Saya ingin tegaskan di sini, kerajaan negeriPahang tidak akan sesekali berkompromi terhadap mana-mana pihak yang cuba menceroboh tanah milikan kerajaan secara haram. Tindakan sedemikian bukan sahaja melanggar undang-undang, malah mencabuli kedaulatan dan maruah pentadbiran negeri ini. Pencerobohan tanah kerajaan adalah satu jenayah dan kerajaan negeriakan menggunakan segala peruntukan undang-undang yang ada, bagi memastikan setiap inci tanah yang diceroboh secara haram akan diambil kembali dan dipulihkan semula. Kita tidak akan tunduk kepada mana-mana tekanan, ugutan atau helah daripada pihak yang tidak bertanggungjawab sama ada individu mahupun kumpulan.

Saya ingin memberi amaran keras. Jangan cabar ketegasan kerajaan negeri. Kerajaan negeribersama agensi-agensi penguat kuasa akan terus memperhebat operasi pemantauan penguat kuasaan dan tindakan undang-undang. Kita akan pastikan bahawa tanah kerajaan di manafaatkan untuk pembangunan negeri demi kesejahteraan rakyat secara menyeluruh, bukan untuk kepentingan segelintir yang tamak dan tidak bertanggung jawab.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Menjawab soalan tambahan dikemukakan oleh Yang Berhormat Tahan. Mengenai mengenai berapa keluasan tanah Skim Rakyat Kawasan DUN Tahan dan beberapa dan berapa peserta yang menerima manafaat serta apakah status STR Ladang Tembeling Jaya 2 dan STR Kampung Paya Sia. Untuk makluman Yang Berhormat Tahan, jumlah keluasan Skim Tanah Rakyat yang telah diagihkan dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Tahan daerah Jerantut, setelah mendapat kelulusan daripada kerajaan negeridan selesai penamaan peserta adalah seperti berikut. STR Teluk Manis 120 ekar, peserta 30 orang. STR Kampung Pagi Murni melibatkan keluasan 18.407 ekar. Peserta seramai 69 orang. STR Kampung Pagi Murni 2 Keluasan 22 ekar melibatkan 79 peserta. STR Kampung Labu ataupun Jong berlabuh melibatkan keluasan 11.2 ekar dengan 67 orang peserta. STR Pulau Mansok. Nama pelik-pelik juga ye Tahan ni. Pulau Mansok, Jong berlabuh.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Pulau mansok 37 ekar 31 serta. Kampung Pagi Bakti 406 ekar 103 130 orang peserta. Secara keseluruhannya untuk makluman Yang Berhormat dari Tahan keluasan Skim Tanah Rakyat yang telah diagihkan di DUN Tahan adalah seluas 615 ekar melibatkan seramai 409 orang peserta. Bagi status STR Ladang Tembeling Jaya 2, berkeluasan 1,036 ekar melibatkan 497 peserta adalah untuk mendapatkan keputusan kerajaan negeribagi cadangan senarai nama peserta gantian serta memuktamadkan pelantikan pemaju bagi projek ini. Minta maaf Yang Berhormat Speaker [batuk]. Makan pedas sikit hari ni sebab itu batuk.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Tak apa. Yang Amat Berhormat boleh minum air sikit, dia mungkin boleh mengurangkan sedikit batuk.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya benarkan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Mohon izin Yang Berhormat.

YB SPEAKAR DEWAN NEGERI
Saya benarkan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Speaker tak minum ke?

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya masih tak dahaga lagi.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Puasa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Saya masih tak dahaga lagi.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bukan puasa ye.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dah tak puasa. dah raya.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Raya dah.
Yang Berhormat Dato' Speaker, manakala bagi STR Kampung Pasir Sia, Mukim Tembeling Jerantut adalah selesai penyediaan pelan racikan serta untuk tujuan pertanian dengan keluasan keseluruhan 332 ekar dan tindakan seterusnya adalah untuk mendapatkan senarai nama cadangan peserta yang layak untuk mendapatkan keputusan kerajaan negeri. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker menjawab kerana Yang Berhormat Kuala Semantan. Agar kerajaan negerimeneroka sumber hasil baru kerajaan negerimelalui Invest Pahang. Kerajaan negerimelalui Invest Pahang akan terus meneroka bentuk pelaburan baru selaras dengan pelan pembangunan Nasional seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara. Antara sektor berpotensi yang sedang diterokai termasuk tenaga boleh baru, teknologi tenaga daripada sisa ataupun *ways to energy*, teknologi angkasa dan aeroangkasa. Yang selalu disebut oleh Yang Berhormat daripada Pekan. Bebar. Eh, eh, bukan Bebar, Peramu, Peramu Jaya. Speaker Kata Peramu Jaya Ini roket roket. Ya.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya dua pihak yang beruntung. Yang roket ni satu DAP satu lagi roket nak naik ke bulan. Satu lagi pihak PAS kita kurang untung sikit Yang Berhormat. Yang Berhormat kita kurang untung sikit.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ingat kita kena ubahlah Dato' Speaker, cari jalan. [Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketawa]. Kebetulan Speaker ye.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ini secara kebetulan. DAP dengan PAS nampak gayanya mereka gembira Yang Amat Berhormat sebab untung sebab itu je.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi, Yang Berhormat daripada Peramu Jaya kurang sikit sebut roket dengan [Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketawa]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI
dengan bulan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

[Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketawa]. Dan seterusnya ialah Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan negerikomited dalam membangunkan ekosistem teknologi dan inovasi melalui pelaburan berimpak tinggi. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, sebagai pemimpin saya dan kita semua yang diberi amanah, kita harus tenang menghadapi ujian cabaran dan debaran kerana akhirnya rakyat akan menilai dan mencari yang tulen serta memiliki jati diri. Kita telah diasuh untuk bersuara dalam adab dan sopan, tegas, menyanggah musuh dan telus dalam menambah kawan pengalaman sebagai kerajaan yang telah lama mentadbir negeri ini mengajar kita untuk mengenal siapa rakan perjuangan yang benar-benar ikhlas berjalan di atas landasan agama, bangsa dan negeri tercinta. Rakyat tidak memerlukan teraju baharu kerana teraju yang sedia ada telah membuktikan keupayaannya teguh di landasan yang betul. Cekal mendepani cabaran dan konsisten membawa negeri ini terbang tinggi di angkasa. Seiring dengan cita-cita yang menggunung dan usaha yang tidak pernah kendur. Kerajaan negeribukan sahaja giat memacu kemajuan fizikal dan ekonomi bahkan terus memperteguhkan syiar Islam di bumi Pahang ini. Tohmahan yang melabelkan negeri ini sebagai negeri sekular sama sekali tidak berasas.

Sebaliknya pelbagai inisiatif telah digerakkan termasuk pemerkasaan institusi masjid dan surau, pembangunan pendidikan Islam pelaksanaan dasar berteraskan Maqasid Syariah serta menguatkan peranan agensi agama yang jelas membuktikan komitmen kerajaan negeridalam menjulang Islam sebagai teras pentadbiran dan cara hidup. Tidak salah untuk kita bercita-cita menjadi salah sebuah negeri maju seperti yang disebut oleh pujangga gantungkan cita-cita setinggi langit, Bermimpilah setinggi langit, Jika engkau jatuh, engkau akan jatuh di antara bintang-bintang. Bukan Kampung Bintang di Temerloh tu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Maknanya jatuh. Jatuh tu ke bintang je. Dia tak jatuh ke bulan tak jatuh ke roket.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

[Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketawa] Yang Berhormat Dato Speaker Kerajaan negeriakan terus berpegang teguh kepada prinsip keluhuran perlembagaan dan mempertahankan kedaulatan undang-undang. Kemakmuran yang kita kecapi hari ini bukan datang bergolek tetapi hasil kerja keras semua pihak. Bukan hasil menunggu bulan jatuh ke riba. Rakyat perlu teguh. Rakyat perlu terus teguh dalam saf perjuangan. Seia sekata sehati sejiwa. Serumpun bak serai seikat bak sirih. Bersama mengharungi cabaran mendatang.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon mencelah sikit.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh. boleh.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya tengok pada perbahasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar macam dah nak landing. Semalam saya ada bangkitkan beberapa persoalan. Saya menunggu tidak ada penuh jawapan yang di beri secara lisan daripada Yang Amat Berhormat. Jadi tak apa kalau Yang Amat Berhormat tak dapat nak memberi jawapan lisan. Saya mohon dapatlah jawapan secara bertulis pun takpe.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, sepatutnya Ahli-ahli Yang Berhormat faham. Bila tak dijawab secara lisan tu akan menyusul tulis lah. Dia automatik macam tu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Yang Amat Berhormat. Yang Berhormat ini Sungai Lembing ini dia baru.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Oh! Ya saya lupa.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ya dia baru lagi.

(ADUN SUNGAI LEMBING - N.17)
YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Yang Amat Berhormat sebab persoalan tu saya dah mintak pada sidang DUN yang lepas.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Takpe Yang Berhormat Sungai Lembing jangan bimbang. Tadi pun ada projek Sungai Lembing tu. Jadi lepas ni kuranglah sikit soalan ye. [Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketawa]. Takpe, Insya-Allah Yang Berhormat Dato' Sri Speaker saya akan bagi perhatian supaya dapat diberi jawapan secara bertulis. Insya-Allah. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, perbezaan ideologi dan sudut pandangan politik adalah perkara yang tidak akan berpenghujung. Namun, berpada-padalah jangan sampai bertingkah. Tidak kira masa. Jangan hanya kerana kuasa sesama kita bermusuh kerana dalam siasah, ianya perlu dilihat sebagai saingan politik bukan musuh politik. Hidup yang berguna adalah hidup yang sentiasa bersiap siaga menyediakan pelita di waktu petang dan bukan hanya berharap cahaya bulan yang tak kunjung tiba. Bila malam menjelma lantas meraba-raba. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa setakat ini sahaja penggulungan saya pada kali ini. Semoga saya telah menjawab sebahagian besar persoalan yang ditujukan kepada saya sebagai Menteri Besar yang turut mengetui Jawatankuasa-jawatankuasa yang bertanggung jawab ke atas saya. Jika ada soalan-soalan yang tidak berjawab, Insya-Allah jawapan secara bertulis akan saya berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kelak. Semoga Allah SWT mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada kita semua dalam melaksanakan tanggungjawab yang

diamanahkan demi kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negeri Pahang Darul Makmur.

Sekian, terima kasih. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima Kasih, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah dicadang dan disokong. Soalannya sekarang ialah usul ini hendaklah dikemukakan ke dewan ini untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang yang bersetuju. Sila nyatakan Ya. Yang Ahli- ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Usul tersebut diluluskan.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keempat (1) - Rang Undang-undang. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2025) 2025 DN 1/2025. Memorandum Perbendaharaan Tambahan Bagi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2025 DN 5/2024. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2025) 2025.

(ADUN MENTAKAB - N.30)
YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker saya mohon menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

(ADUN MENTAKAB - N.30)
YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon izin menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2025) 2025 dibaca bagi kali yang kedua.

[BACAAN KALI KEDUA]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Saya mohon mencadangkan

" Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2025 dagi... dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu."

Yang Berhormat Dato Speaker,

Perkara 44 Bahagian Dua Undang undang Tubuh Negeri Pahang menyatakan bahawa jika wang diperuntukkan oleh undang-undang perbekalan tidak mencukupi atau terdapat lebihan perbelanjaan bagi apa-apa maksud di mana-mana tahun kewangan, ianya hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Negeri dan kepala-kepala perbelanjaan tersebut hendaklah dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan.

Di samping itu, Seksyen 11(3) Akta Prosedur Kewangan membolehkan Menteri Besar membuat pendahuluan dari Kumpulan Wang Disatukan untuk menampung keperluan tersebut.

Jumlah perbelanjaan tambahan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2025 adalah melibatkan objek sebagai 4200...RM42 ribu (Pembelian Dalam Negeri) dibawah Objek Am 400000 iaitu (Pemberian dan Bekalan Tetap) berjumlah RM20 juta bagi tujuan menampung keperluan peruntukan tambahan VOT B.32 (Kumpulan Wang Terkanun) yang akan dicarumkan ke... ke Kumpulan Wang Pembangunan untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Perincian maklumat bagi tujuan tambahan ini ada dinyatakan didalam Memorandum Perbendaharaan Tambahan Bagi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2025 Negeri Pahang yang dibentangkan di dalam Persidangan Dewan Negeri ini sebagai kertas DN 3/2025.

Yang Berhormat Dato Speaker. Sekian sahaja penerangan ringkas saya berhubung Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2025) 2025 ini dan berharap Rang Undang-undang yang saya bentangkan ini mendapat sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan seterusnya diluluskan.

Saya mohon mencadang. Terima kasih.

(ADUN MENTAKAB - N.30)
YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Speaker. Saya mohon izin menyokong usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis ialah “Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu”, dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas.

(ADUN BESERAH- N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sekejap Yang Berhormat Speaker, boleh saya Cuma.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI
boleh, boleh.

(ADUN BESERAH- N.12)
YB DATO' HAJI ANDANSURA BIN RABU

Minta penjelasan sedikit dan kefahaman sama ada betul atau tidak. Kefahaman saya Rang Undang- undang ini adalah untuk tujuan kita keluarkan jumlah RM20 juta daripada Akaun Yang Disatukan dan dimasukkan ke dalam Akaun Pembangunan RM20 juta tersebut. Kefahaman saya macam itu betul ya. Terima kasih.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO’ SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, untuk penjelasan lebih lanjut. Bajet yang kita buat ialah sebanyak RM14 juta, bajet yang dibuat pada tahun 2025 tetapi kita ada projek sambungan, projek sambungan yang mana projek yang tidak siap sebelum itu iaitu sebanyak RM10 juta dan er... bakinya ada tinggal RM3 juta. Maknanya RM14 juta yang kita buat bajet itu tetapi ada projek sambungan yang RM10 juta jadi ada baki RM3 juta. Jadi untuk projek yang diluluskan pada tahun ini, ada lebih kurang RM2 juta. Jadi itu yang kita keluarkan RM2 juta untuk kita teruskan projek yang kita nak buat pada tahun ni. Ya. Dato' Sri Speaker yang dimasukkan dalam pembangunan betulah. Masuk dalam pembangunan kemudian itu kita keluarkan.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Maksudnya Yang Amat Berhormat, keluar poket kanan masuk poket kirilah, makna poket itu poket yang satu sama jugalah. Cuma dia ianya mesti dibuat mengikut tatakelola yang telah ditetapkan. Terima kasih Yang Amat Berhormat.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO’ SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker, untuk *detail*nya boleh ada dengan saya. Sekiranya Yang Berhormat daripada apa ini Beserah berminat untuk mendapat *detail* boleh dapat dekat saya. Terima kasih Dato' Sri Speaker.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “setuju”,

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

dan yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[DALAM JAWATANKUASA]

[Cokmar diturunkan]

SETIAUSAHA DEWAN

JADUAL B.32 Kumpulan Wang Terkanun

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,Maksud Bekalan B.32 – Kumpulan Wang Terkanun dibuka untuk dibahas.[Apabila tamat perbahasan dan setelah YAB Menteri Besar / Ahli MMK yang berkenaan menjawab]- Tiada Perbahasan

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM20 jutaUntuk Maksud Bekalan B.32 – Kumpulan Wang Terkanun jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan ”setuju.”Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan ”tidak”. Tiada.

Maksud Bekalan B.32 – Kumpulan Wang Terkanun menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1 dan Fasal 2.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Fasal 1 dan Fasal 2; menjadi sebahagian daripada Undang-undang. Dengan ini saya mohon Ahli Yang Berhormat untuk membuat cadangan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

(ADUN MENTAKAB - N.30)
YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Pengerusi, saya mohon izin menyokong usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Masalahnya ialah bahawa wang... Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2025) 2025 dimaksudkan... dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli–ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak."Tiada.

Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2025) 2025, dibaca bagi kali yang ketiga.

[BACAAN KALI KETIGA]

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Speaker,Saya mohon memaklumkan bahawa

"Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu",

telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

(ADUN MENTAKAB - N.30)
YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Saya mohon izin menyokong usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2025) 2025 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

"Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak."Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2025) 2025, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

Perkara Keempat (2) - Rang Undang-undang Mahkamah Syariah Pahang 2025.DN 2/2025

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa Dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang akan membawa cadangan.,

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila Yang Berhormat, Yang Berhormat

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato‘ Sri Yang di-Pertua,
Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Mahkamah Syariah Pahang 2025.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Yang Berhormat Dato‘ Sri Speaker,
Saya mohon izin menyokong usul tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Mahkamah Syariah Pahang 2025, dibaca bagi kali yang kedua.

[BACAAN KALI KEDUA]

(ADUN KERDAU - N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato‘ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan:

“Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran kehakiman syariah dan perkara-perkara berkaitan dengannya.”

Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah Pahang 2025 digubal bagi menjunjung titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang (ketika itu merangkap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong) dalam persidangan Majlis Munaqasyah Pengurusan Hal Ehwal Islam Negeri-negeri Kali ke-4 dibawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertempat di Istana Negara pada 9 November 2021 yang telah menitahkan supaya kedudukan Mahkamah Syariah diperkasakan dengan menubuhkan Mahkamah Syariah empat (4) peringkat.

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mewujudkan satu Enakmen khusus sebagai enakmen induk yang mengandungi semua perkara mengenai dengan pentadbiran kehakiman syariah dan perkara-perkara berkaitan dengannya meliputi penubuhan Mahkamah Syariah, Pelantikan Hakim Syarie, Bidang Kuasa dan Penjalanan Mahkamah Syariah.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

Pada masa ini hanya terdapat tiga peringkat mahkamah dalam struktur bidang kuasa Mahkamah Syariah di seluruh negeri Pahang iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Demi kepentingan keadilan ummah dan bersesuaian dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah terhadap perundangan Islam, undang-undang baharu yang bakal diperkenalkan telah

diperkemaskan dengan menambah satu lagi peringkat mahkamah yang lebih tinggi untuk memberi ruang dan peluang yang lebih luas kepada pihak-pihak untuk menyemak dan merayu iaitu Mahkamah Utama Syariah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Pada masa ini hanya Perak, Kedah, Terengganu, Sabah dan Negeri Sembilan sahaja yang mempunyai undang-undang khusus berkaitan dengan Mahkamah Syariah. Justeru, dengan penggubalan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah Pahang 2025 ini ia:

i. selari dengan Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kuasa dan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terletak di bawah bidang kuasa eksklusif negeri sepertimana yang disenaraikan dalam Butiran 1, Senarai 2, Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan;

ii. Dalam melaksanakan doktrin pengasingan kuasa antara hal ehwal pentadbiran agama Islam dengan pentadbiran keadilan dan semua peruntukan Bahagian III Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [Enakmen No.3 tahun 1991] iaitu berkaitan dengan Mahkamah Syariah akan dimansuhkan;

iii. Dalam meningkatkan martabat, kredibiliti, kedudukan dan imej Mahkamah Syariah dan menjadikannya tidak jauh berbeza berbanding dengan kedudukan Mahkamah Sivil yang mempunyai lima (5) peringkat mahkamah dan struktur baharu Mahkamah Syariah yang dicadangkan adalah Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah;

iv. Pewujudan Mahkamah Utama Syariah akan dapat memberi keadilan dan satu lagi peluang kepada pihak-pihak yang terkilan (aggrieved parties) untuk membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Pahang; dan

v. Menyediakan hakim-hakim syarie yang berpengalaman, berkemahiran dan berpengetahuan tinggi pada masa hadapan serta menambah baik dan memperluas skim perjawatan Pegawai Syariah sedia ada menerusi pewujudan Mahkamah Utama Syariah.

Sekian penjelasan saya berkenaan rang undang-undang yang dibentangkan. Saya mohon mencadang. Terima kasih.

(AHLI YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN MOHD RAMLY

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Saya mohon izin menyokong usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Masalah di hadapan Majlis ialah "Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran kehakiman syariah dan perkara-perkara berkaitan dengannya", dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahaskan. Sila.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Dato' Sri Speaker. Saya mengambil bahagian pertama sekali saya nak menyokong penuh rang undang-undang ini bagi meningkatkan peranan Mahkamah Syariah di negeri Pahang Daripada Mahkamah Rendah Syariah, kita ada Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan, sekarang kita naik ke mahkamah Utama Syariah. Kewujudan Mahkamah Utama Syariah atau Mahkamah Rayuan Tinggi Syariah merupakan kedudukan yang dalam sistem perundangan yang selaras dengan sivil sebagaiman dibentang tadi.

Cuma bila saya tengok balik kepada bidang kuasa pada muka surat 13, Mahkamah Utama Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa keputusan Mahkamah Rayuan Syariah dan bidang kuasa rayuannya. Bererti dia spesifik mahkamah ini spesifik kepada rayuan kalau yang tak puas hati di peringkat Mahkamah Rayuan. Bermakna bila saya teliti tentang berapa banyak kes rayuan mahkamah syariah selama ini saya tengok kalau pada tahun 2000. rekod pada saya tahun 2018, kita ada 34 kes sahaja direkodkan dan daripada 38 kes itu 16 kes yang daftar, 8 kes diselesaikan dan 8 kes lagi ditangguh. Dan semua kes-kes itu melibatkan kes yang bersifat mal (harta). Ya, tidak ada kes-kes jenayah dan sebagainya.

Tahun 2019, ada 12 kes didaftarkan. 12 kes diselesaikan, 10 kes ditangguh. 2020 ada 6 kes didaftarkan dan semua kes itu ditangguh. Dan saya tiada data yang terkini sampai tahun 2025. Jadi, saya lihat bahawa perlunya kalau boleh supaya bidang kuasa mahkamah utama tu dia ada, dia ada peruntukan khas ataupun bidang kuasa yang dia sendiri untuk diselesaikan. Tidak hanya mendengar rayuan sebab kes rayuan sikit sangat takut mahkamah tu tidak banyak fungsi. Dalam setahun, kalau kita lihat mungkin hanya dalam 10 ke 20 kes sahaja. Dan sebahagian diselesaikan.

Saya lihat kalau boleh sebagaimana Mahkamah Tinggi, dia ada beberapa bidang kuasa khusus yang dia boleh menjadi…menjadi bidang kuasa dia. Saya ini sekadar cadangan untuk dipertimbang oleh pihak kerajaan . Kalau boleh kita lihat ada beberapa kes yang sepatutnya boleh diputuskan di peringkat majlis Mahkamah Utama Syariah ini. Sebagai contoh ialah pertembungan ataupun masalah yang melibatkan perbezaan-perbezaan mazhab dalam masalah fekah yang mungkin boleh kita angkat kepada bidang kuasa termasuk juga tentang perkara yang membuatkan undang-undang tubuh negeri dan dalam khusus dan bidang.. bidang-bidang agama.

Penetapan sesuatu ajaran sesak atau tak sesak masalah tarikat sebagai contoh ini, kalau boleh kita letakkan ada bidang kuasa khusus dia tidak hanya kepada rayuan kes sahaja. Sebab rayuan tu sikit sangat. Ya, takut nanti dia tidak banyak bersidang. Kalau ada bidang kuasa khas mungkin boleh dipertimbangkan supaya perkara-perkara yang lebih spesifik ini diangkat terus kepada mahkamah utama. Contohnya, pertembungan mazhab. Kadang-kadang kita tak boleh nak menyalahkan mazhab itu Mazhab Zahiri sebagai contoh.

Walaupun tidak mazhab popular, tapi dari segi syarak, syarat minima dia sebagai mazhab. Takut ada nanti di kalangan rakyat kita yang berpegang akhirnya bergaduh kerana masalah khilafiah dalam masalah mazhab yang tidak utama tapi dia diterima dalam sistem syarak. Juga termasuklah isu Syiah, Sunni. Sebagai contoh yang perlu diangkat ke majlis ini. Ini pandangan sayalah. Yang keduanya, saya tengok negara kita mengamalkan sistem pengasingan kuasa-kuasa di antara legislatif iaitu Pembuat undang- undang, Eksekutif, Pelaksaaan Dasar dan undang undang dan jadi seri

mahkamah. Pada pandangan saya, ada beberapa buah negeri yang masuk ke rang undang ni di bawah Undang Tubuh Negeri. Kalau boleh dia masukkan di bawah Undang Tubuh Negeri, saya fikir kita telah menghantar satu isyarat yang cukup jelas bahawa wujudnya pengasingan yang, yang *clear*. Contoh macam Kedah, Kedah dimasukkan Undang-Undang Tubuh di bawah Undang Tubuh Negeri. Dia tidak hanya sekadar satu rang undang-undang yang berasingan. Bermakna kita *clear* tentang wujudnya pengasingan kuasa tersebut. Ini pandangan saya, dua perkara yang saya kemukakan untuk dilihat oleh pihak kerajaan, terima kasih.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua, dan terima kasih juga rakan daripada Cheka yang memberi sokongan kepada usul yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah Utama yang ingin kita bawa kepada Dewan Yang Mulia ini dan kita juga mengucapkan terima kasih di atas beberapa pandangan. Kita tidak sebenarnya kita tidak mengatakan kes-kes jenayah itu terlalu sedikit dan bahkan memang ada juga kes-kes jenayah yang apa di peringkat Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah di negeri Pahang ni yang telah kita bawa. Tidak, tidak, tidak kurang memang tapi kes yang nak bawa kepada peringkat rayuan, setakat ini tidaklah terlalu apa banyak. Cuma takkanlah kita nak menunggu benda tu banyak baru kita buat.

Saya yakin dengan sokongan daripada sahabat daripada Cheka ini ada langkah ini adalah langkah pertama Kerajaan negerimemperkasakan Mahkamah Syariah. Saya yakin kita dah buat berkala bagi memperkasakan Mahkamah Syariah daripada dia ini satu unit saja di bawah Jabatan Agama, kita dah asingkan jadi dia Jabatan Mahkamah Syariah dan hari ini kita nak perkasakan lagi, tak mustahil kita di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di bawah naungan Kebawah Duli Tuanku di dalam dewan ini menjadi saksi dan mencatatkan satu sejarah lembaran yang indah kepada agama Islam di negeri Pahang Darul Makmur. Kita menaik taraf dan esok mungkin kita dapat buat lagi satu pemerkasaan yang lebih baik sebagaimana yang disebutkan sebentar tadi. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Terima kasih, sila.

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Saya nak berbahas sikit Dato' Sri.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Boleh, boleh.

(ADUN YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Speaker, pegawai-pegawai kerajaan, Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. Saya nak mulakan sikit perbahasan ini dengan ringkas sahaja. Memetik Titah Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah dalam Majlis Mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang pada 12 hari bulan 11 2024 yang lalu di mana Kebawah Duli

Paduka Baginda Tuanku telah memohon supaya Kerajaan negerimemperkasakan sistem perundangan syariah di Pahang.

Jadi, bila kita rujuk kepada Rang Undang-undang yang telah pun dibentangkan pada hari ini, suka saya untuk memberikan sedikit penjelasan kepada Ahli Dewan sekalian bahawa Rang Undang-undang ini adalah bukan satu perkara yang baru. Ia hanyalah satu undang-undang yang telah dibuat untuk dan bagi memansuhkan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Tahun 1991 dengan memasukkan tiga perkara penting yang saya kira akan melicinkan perjalanan Mahkamah Syariah di Pahang.

Jadi, sebelum saya pergi kepada perbahasan saya, saya nak jawab Yang Berhormat Cheka tadi berhubung dengan yang dibangkitkan tentang adakah Mahkamah-mahkamah Syariah Utama ini perlu ada bidang kuasa khas mereka. Jadi, saya pohon untuk menyebutkan di sini bahawa bagi Mahkamah Syariah ini di peringkat Mahkamah Tinggi adalah biasanya merujuk kepada mahkamah perbicaraan, mahkamah yang akan membicarakan soal pertikaian yang berlaku.

Jadi, kalau saya boleh rujuk kepada Seksyen 33 dan 32 dalam Rang Undang-undang ini adalah jelas menyebutkan bahawa Mahkamah Tinggi akan mempunyai bidang kuasa membicarakan persoalan sehingga apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Cheka tadi kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan negeridan juga bidang kuasa jenayahnya juga boleh sehingga kita membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan perbezaan mazhab dan juga ajaran sesat.

Jadi, sekiranya perbicaraan tersebut diselesaikan di Mahkamah Tinggi, maka akan pergi ke Mahkamah Rayuan dan sekiranya tidak berpuas hati, barulah Mahkamah Tinggi Syariah akan membuat keputusan dalam kes-kes sebegitu. Jadi, bagi saya tidak perlu di peringkat ini untuk kita mengadakan satu bidang kuasa khas kecuali cadangan untuk kita menimbangkan perlunya kewujudan bidang kuasa berkaitan dengan semakan kehakiman.

Yang kedua, menjawab juga Yang Berhormat Cheka tadi, kenapa kes-kes syariah ini kes-kes rayuan tak banyak? Saya nak sebut sebagai Peguam Syarie di Pahang ini dan saya juga nak mengalukan rakan-rakan saya. Apa nama Persatuan Peguam Syariah Negeri Pahang yang hadir pada hari ini yang mewakili seluruh peserta.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita bagi satu penghormatan kepada mereka yang ada. [Ahli Dewan menepuk meja] Yang Berhormat lantikan ni bawa bawa *supporter* rupanya.

(ADUN YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Saya tak ada kawasan. Jadi gitulah gayanya. Dah tak ingat dah mana tadi.

Dato' Sri Speaker, er… apa yang saya nak sebutkan tadi adalah berhubung dengan apa nama ni syariah ini. Kenapa tak banyak kes-kes dirujuk ke Mahkamah Rayuan. Kerana satunya kita memang tidak ada mahkamah tertinggi dalam di negeri Pahang ini iaitu Mahkamah Syariah Utama menyebabkan kes-kes rayuan tu kadang-kadang kami peguam ni tak semangat nak... kita dah tahu dah bila kita kalah di Mahkamah Rayuan er… di Mahkamah Tinggi dan mungkin kita menang ataupun menang di Mahkamah Tinggi, kita akan pergi kepada Mahkamah Rayuan dan selepas tu biasanya kita dah dah tak ada *mood* la ataupun kurang berminat untuk merayu atau

kita mungkin tidak menggunakan Mahkamah Rayuan. Sebaliknya, kita akan pergi ke Mahkamah Sivil untuk membuat semakan kehakiman dan itulah yang berlaku kepada kes-kes mencabar… bukan mencabar… membawa, menyemak kes-kes di Mahkamah Syariah yang dibawa ke Mahkamah Tinggi sehingga ke Mahkamah Persekutuan di peringkat Mahkamah Sivil untuk melihat sama ada undang-undang di Mahkamah Syariah itu terpakai ataupun tidak untuk dilaksanakan seperti kes ada permohonan untuk menyemak sama ada Seksyen 66 dalam Enakmen Syariah di negeri Selangor mengikut Perlembagaan ataupun tidak ataupun kes yang tuan-tuan semua tahu ni di Kelantan dan juga mencabar tentang undang-undang liwat di negeri Selangor.

Jadi, saya kira dengan tertubuhnya Mahkamah Syariah Utama ini akan memberikan ruang yang sangat kuat kepada kami sebagai peguam syarie untuk memfailkan rayuan ke Mahkamah Syariah Utama, itu yang pertama. Yang kedua, saya nak sebut kepada Sidang Dewan yang dikasihi sekalian. Terdapat kalau kita lihat dalam dalam rang undang-undang ini, ada tiga perkara penting.

Pertama, adalah berhubung dengan penubuhan Mahkamah Syariah. Sidang Dewan yang lalu, saya telah membangkitkan dalam perbahasan belanjawan bahawa di Malaysia hari ini hanya Perak, Sabah, Kedah, Negeri Sembilan sahaja yang mempunyai Mahkamah Utama Syariah ini. Kelantan dan Terengganu pun belum ada peringkat Mahkamah Syariah ini. Jadi, antara empat negeri yang telah melaksana ataupun menubuhkan Mahkamah Syariah ini hanya Perak sahaja yang telah melaksanakan Mahkamah Syariah Utama ini dan saya difahamkan oleh Ketua Hakim Syarie sekiranya rang undang-undang ini diluluskan, Pahang akan menjadi negeri yang kedua melaksanakan Mahkamah Syariah Utama ini di Malaysia. [Ahli Dewan menepuk meja]

Sidang Dewan yang saya hormati, Mahkamah Syariah Utama ini akan berfungsi seperti Mahkamah Persekutuan dalam perundangan sivil yang mana mempunyai bidang kuasa mendengar rayuan dari Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Syariah.

Ertinya jika kes di Mahkamah Rendah boleh merayu dua kali ke Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan dan kalau kes di Mahkamah Tinggi, kita boleh merayu ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah Utama dan sudah tentulah saya yakin dengan adanya Mahkamah Syariah Utama ini akan menghasilkan satu penghakiman yang lebih apa yang disebut dengan izin, rajih ataupun mengambil pandangan ulama dan dalil yang pelbagai sama ada yang menyokong ataupun yang menentangnya dan dalam masa yang sama juga Dato' Sri Speaker, saya yakin bahawa kualiti peguam syarie juga akan lebih meningkat dan akan meyakinkan dua peringkat mahkamah dengan setiap peringkat itu ada dua ke tiga orang hakim berdasarkan mungkin kepada kitab-kitab yang yang, yang muktabar sama ada kitab dulu ataupun sekarang seperti yang, yang kitab ulama terkini seperti Mughni, Muhtaj dan sebagainya dan kitab ulama terdahulu seperti Fiqh al-Manhaji, Imam Syafie dan sebagainya.

Situasi hari ini Mahkamah Syariah akan berakhir di Mahkamah Rayuan. Malah, ada kes yang difailkan ke Mahkamah Sivil untuk menyemak keputusan hakim di Mahkamah Syariah. Maka dengan adanya Mahkamah Syariah Utama ini, keputusan hakim di Mahkamah Rayuan Syariah boleh dirayu sehingga ke Mahkamah Syariah Utama dengan panel hakim lain. Saya yakin sekiranya rang undang-undang ini diluluskan akan dapat dilaksanakan segera.

Ahli-ahli Yang Berhormat dikasihi sekalian. Yang kedua, rang undang-undang ini juga akan membentuk satu Jawatankuasa Kehakiman Syariah. Sebelum ini, pelantikan

hakim terpaksa melalui beberapa proses iaitu bagi Hakim Mahkamah Rendah Syariah, cadangan akan dikemukakan oleh Ketua Hakim Syarie, akan dibawa ke Majlis Ugama Islam Pahang. Seterusnya, barulah memohon perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku untuk pelantikan Hakim Mahkamah Rendah.

Manakala Calon Ketua Hakim Syarie dan Hakim Mahkamah Tinggi. Nama yang dicalonkan adalah dari Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang seterusnya ke Majlis Agama Islam Pahang, barulah diangkat untuk perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan. Tetapi dengan adanya Rang Undang-undang Majlis Mahkamah Syariah 2025 ini, satu jawatankuasa baru akan diwujudkan yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Kehakiman Syarie akan menjadi korum mencadangkan terus nama-nama hakim untuk menghakimi kes kes di Mahkamah Syariah di Pahang. Pelantikan hakim akan menjadi lebih cepat untuk membicarakan kes-kes di mana hari ini ada beberapa hakim yang terpaksa menangguh kes secara litar di beberapa daerah berkongsi hakim atau hakim-hakim yang sama akan mendengar kes-kes Mal dan juga kes Jenayah. Dengan adanya jawatankuasa ini, diharapkan lebih ramai hakim akan dapat dilantik.

Yang ketiga dalam RUU ini adalah penggunaan teknologi terkini dalam prosiding mahkamah. Dalam Sidang dewan pada kali ini, Kebawah Duli Paduka Baginda telah mencadangkan supaya mahkamah syariah ini kita dapat lengkapkan dengan penggunaan teknologi yang terkini. Kalau dulu penyediaan wakalah, wakalah ni adalah akad di antara peguam dengan anak guam ataupun penyediaan afidavit merekodkan perbicaraan, nak serah saman daripada isteri nak berpisah kepada suami terpaksa hantar *by hand* ataupun kita kena tampal di alamat terakhir ataupun mungkin hakim akan memberi pandangan supaya tampal di masjid yang berhampiran.

Tetapi dengan RUU ini akan membenarkan perbicaraan dikendalikan melalui jarak jauh termasuklah melalui komunikasi siber. Manakala Seksyen 43 pula membenarkan pemfailan penyampaian dokumen aku terima, mengemukakan dokumen pembayaran, nak simpan dokumen dilakukan di atas talian dengan penggunaan perkhidmatan elektronik. Antaranya saman juga boleh diserahkan melalui WhatsApp, TikTok, WeChat dan sebagainya. Ini telah menyahut titah Kebawah Duli Paduka Baginda.

Baginda Sultan Pahang baru-baru ini untuk mencanggihkan pelaksanaan undang syariah di Pahang dengan teknologi semasa. Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, saya yakin kita telah bergerak selangkah di hadapan dalam perjalanan undang-undang syariah di Pahang. Peruntukan sebanyak RM196.06 juta dalam Belanjawan 2025 untuk memperkasakan syariah Islam khususnya undang-undang syariah di negeri ini akan mencapai matlamatnya. Inilah apabila sumber negeri dibelanjakan ke jalan Allah demi meningkatkan syariah Allah, saya yakin tanpa slogan-slogan yang hebat, Kerajaan negerisaya doakan akan berupaya melaksanakan syariah Allah sebaiknya. Saya yakin negeri ini di landasan yang betul dan insya-Allah dipimpin oleh pemimpin yang takutkan Allah untuk memakmurkan bumi Pahang ini. Benarlah firman Allah [Ayat al-Quran] dan sabda Nabi SAW [Ayat al-Quran].

Ketahuilah setiap kalian adalah pemimpin. Dan semuanya bertanggung jawab terhadap apa yang dipimpinnya. Imam adalah pemimpin ke atas orang ramai. Dan dia bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya. Ahli Dewan sekalian, akhirnya saya pohon marilah kita pahatkan nama kita sebagai penyokong RUU ini. Semoga nama kita juga dipahatkan di hadapan Allah sebagai pejuang agamanya yang menjadi saksi bahawa sebagai ADUN-ADUN di negeri Pahang termasuk daripada pembangkang sidang kali ini, kita sebulat suara meluluskan Rang Undang-undang

Mahkamah Syariah Tahun 2025 ini. Sekian Assalamualaikum WBT [Ahli Dewan menepuk meja].

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang dibaca untuk kali kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada.

Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN
Suatu enakmen untuk mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran kehakiman syariah dan perkara-perkara berkaitan dengannya.

[DALAM JAWATANKUASA]

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Dewan Negeri bersidang dalam Jawatankuasa.

[*Cokmar diturunkan*]

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1 hingga Fasal 54.

YB PENGERUSI

FasaL 1 hingga Fasal 54 dibuka untuk perbahasan sekarang. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa Fasal 1 hingga Fasal 54 menjadi sebahagian daripada Undang-undang hendaklah dipersetujukan. Ahli ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Fasal 1 dan hingga Fasal 54 menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

(ADUN YANG DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon menyokong Usul itu.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Mahkamah Syariah Pahang 2025 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Majlis bersidang semula dalam Majlis Jawatankuasa, Majlis Mesyuarat. Minta maaf.

[*Cokmar dinaikkan*]

[BACAAN KALI KETIGA]

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Mahkamah Syariah Pahang 2025 dibaca bagi kali ketiga.

(ADUN KERDAU – N.28)
YB DATO' SRI HAJI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran kehakiman syariah dan perkara-perkara berkaitan dengannya telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

(ADUN DILANTIK)
YB TUAN MOHD FADZLI BIN RAMLY

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon menyokong usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Mahkamah Syariah Pahang 2025 dibaca kali ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca untuk kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Mahkamah Syariah Pahang 2025. Bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

Perkara Kelima (1): Usul
Usul Tambahan Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2025.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini mengikut syarat-syarat ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air. Dengan ini bersetuju meluluskan Perbelanjaan Tambahan 2025 daripada Kumpulan Wang tersebut itu sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perbelanjaan Tambahan 2025 yang dibentangkan di persidangan ini sebagai Kertas Mesyuarat DN 4/2025".

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, peruntukan tambahan ini diperlukan bagi menampung perbelanjaan bagi tujuan melaksanakan projek dan program EFT di negeri Pahang untuk tahun 2025. Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, sekian sahaja penerangan ringkas saya berhubung Usul Tambahan Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2005. Saya berharap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan Yang Mulia ini. Saya mohon mencadang. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ada ahli yang menyokong?

(ADUN SABAI – N.35)
YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon menyokong Usul itu.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Usul ini dibuka untuk perbahasan. Tiada. Yang Amat Berhormat sila, kerana tiada perbahasan. Yang Amat Berhormat nak bagi pandangan? Tiada. Tiada perbahasan. Masalahnya ialah Usul ini telah dicadangkan dan disokong. Sekiranya sekarang ini Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyatakan tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Usul tersebut diluluskan.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelima (2): Usul Pelantikan Ahli Dewan Negara.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon izin untuk membawa satu Usul di Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi bahawa negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju melantik Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani dan Encik Shahrol Wizan bin Sulong menjadi Ahli Dewan Negara menurut kehendak Perkara 45(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Speaker,
Izinkan saya menyentuh serba sedikit latar belakang 2 Ahli Dewan Negara yang dicadangkan. Yang pertama, Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani berasal dari Jerantut, Pahang. Latar belakang akademik Ijazah Undang-Undang (Syariah) dari UIA dan Ijazah Undang-Undang (LLB) dari UIA. Dari segi pengalaman kerja beliau merupakan Pensyarah Undang-Undang di UiTM Pahang daripada tahun 2001 hingga 2008, Pegawai Seranta FELDA Jabatan Perdana Menteri 2008 hingga 2018, Penolong Pengarah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada tahun 2019, Ketua Unit Wanita dan Sosial, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang memegang pelbagai jabatan er… jawatan di dalam NGO dan sekarang beliau menjalankan perniagaan sendiri.

Manakala yang kedua Encik Shahrol Wizan bin Sulong berasal dari Temerloh, Pahang merupakan Ketua Umum Penyelaras Pembangunan Masyarakat Asli Pahang. Latar belakang akademik memiliki Sijil Tinggi Pengajian Sains Dakwah Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi pada tahun 2009, Sijil Pengajian Islam dan Dakwah Institut Dakwah Islam (PERKIM), Sijil Asas Pengajian Islam Persediaan dan Lanjutan PP Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA), Pahang 1999 hingga 2000, Sijil Perkhidmatan Masyarakat Orang Asli di Tamadun Masyarakat Orang Asli (PETAMA). Dari segi pengalaman kerja, beliau sekarang sedang berkhidmat sebagai Penyelaras Pembangunan Insaniah Masyarakat Asli Pahang di bawah Majlis Ugama Islam Pahang dan Yayasan Pahang, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli Penderas, Temerloh, Pengerusi Persatuan Pendakwah Orang Asli Islam Malaysia, Pengerusi Persatuan Qiadah PETAMA Pahang (batuk) beberapa lagi jawatan di dalam agensi negeri Pahang berkaitan masyarakat Orang Asli.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Pemilihan Ahli-ahli Dewan Negara telah mengambil kira latar belakang keluarga, pendidikan, pengalaman, pencapaian kerjaya dan komitmen dalam khidmat bakti

kepada masyarakat. Aspek *interpersonal* juga memainkan peranan yang penting dalam pemilihan bagi memastikan hubungan dalam masyarakat. Saya percaya dengan cadangan pelantikan ini, Ahli-ahli Dewan Negara akan dapat membantu dalam mencapai visi dan misi Kerajaan negeridalam memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada rakyat negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Sekian sahaja perhubungan er… sekian sahaja pandangan saya berhubung Usul ini. Saya berharap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan Yang Mulia ini. Saya mohon mencadang. Terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membawa Usul Ahli Dewan Negara yang merujuk kepada Perkara 45(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, saya mohon sokongan daripada Yang Berhormat Ahli Dewan.

(ADUN BATU TALAM – N.06)
YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan telah pun mendapat sokongan. Sekarang Usul ini dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya ialah Usul ini telah dicadangkan dan disokong. Soalannya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada. Usul tersebut diluluskan.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keenam: Urusan-Urusan Am
Kertas-kertas Mesyuarat.

Penyata Kewangan Yayasan Pahang Berakhir 31 Disember 2023
DN 5/2025

Penyata Kewangan Yayasan Pahang Berakhir 31 Disember 2023
DN 5/2025

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang Berakhir 31 Disember 2023
DN 6/2025

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands Berakhir 31 Disember 2023
DN 7/2025

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF) Berakhir 31 Disember 2023
DN 8/2025

Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang Berakhir 31 Disember 2023
DN 9/2025

Penyata Kewangan Perbadanan Muzium Negeri Pahang Berakhir 31 Disember 2023
DN 10/2025

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Kuantan Berakhir 31 Disember 2023
DN 11/2025

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Temerloh Berakhir 31 Disember 2023
DN 12/2025

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Bentong Berakhir 31 Disember 2023
DN 13/2025

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pekan Berakhir 31 Disember 2023
DN 14/2025

Penyata Kewangan Majlis Daerah Lipis Berakhir 31 Disember 2023
DN 15/2025

Penyata Kewangan Majlis Daerah Jerantut Berakhir 31 Disember 2023
DN 16/2025

Penyata Kewangan Majlis Daerah Cameron Highlands Berakhir 31 Disember 2023
DN 17/2025

Penyata Kewangan Majlis Daerah Maran Berakhir 31 Disember 2023
DN 18/2025

Penyata Kewangan Majlis Daerah Rompin Berakhir 31 Disember 2023
DN 19/2025

Penyata Kewangan Majlis Daerah Bera Berakhir 31 Disember 2023
DN 20/2025

Penyata Kewangan Majlis Daerah Raub Berakhir 31 Disember 2023
DN 21/2025

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dato' Sri Speaker,
Saya musykil ini teknikal sahaja ia melibatkan cuma di belakang undang-undang sebab ia Kertas Dewan. Kertas semua er… kertas yang dibekalkan ini *embargo* sampai hari esok kerana jadual awallah. Tapi ikut kata kita jadual kita sepatut hari ini. Oleh kerana dibentang hari ini, saya mohon pengisytiharan supaya *embargo* ini berakhir pada hari ini bukan pada tarikh Jumaat 25 sebab kalau tidak nanti segi perundangan kita ada masalah.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Teknikal.

(ADUN CHEKA – N.04)
YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Betul.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Kita er… kita setuju bahawa kertas tersebut di *embargo* nya dibuka di er… apa nak mohon… mohon apa namanya er… ianya di er… berakhir pada hari ini. Setuju?

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Sila, sebab kita ada… kita percepatkan Mesyuarat Dewan itu soalnya. Minta maaf itu kesilapan teknikal. Terima kasih Yang Berhormat Cheka.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketujuh: Penangguhan

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Saya mohon membawa cadangan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Alhamdulillah syukur pada Allah SWT kita telah pun sampai ke penghujung Mesyuarat Dewan Negeri Pahang bagi penggal ini. Di kesempatan ini lagi sekali, patik merafak

sembah menjunjung serta tinggi kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj atas perkenan berangkat mencemar duli bagi menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada Jumaat lalu. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku berdua ke Dewan Negeri ini mencerminkan kecaknaan serta keprihatinan terhadap kemakmuran serta kesejahteraan rakyat dan negeri Pahang Darul Makmur ini.

Selanjutnya saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana perjalanan persidangan ini telah berlangsung dengan lancar, teratur serta penuh disiplin dan rasa tanggungjawab. Terima kasih kepada semua rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sehubungan dengan itu, pujian dan penghargaan setulusnya saya tujukan kepada Yang Berhormat Dato Sri Speaker [Ahli Dewan menepuk meja] dan Yang Berhormat Timbalan Speaker [Ahli Dewan menepuk meja] atas kecekapan dan ketegasan dalam mengendalikan aturan serta persidangan Dewan Yang Mulia ini dengan begitu baik sekali. Tidak dilupakan kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ucapkan lagi sekali syabas dan setinggi-tinggi terima kasih atas penglibatan aktif, komitmen yang tinggi serta sumbangan pandangan yang bernas sepanjang tempoh persidangan ini berlangsung. Sepanjang persidangan kali ini, kita telah berjaya membincangkan serta menyelesaikan pelbagai perkara penting yang menyentuh kepentingan rakyat dan pembangunan negeri. Perkara-perkara yang dibangkitkan telah diperhalusi secara bersama mencerminkan semangat demokrasi dengan tanggungjawab kolektif yang amat kita hargai. Dalam hal ini amat penting untuk rakyat terus memberikan kepercayaan kepada Kerajaan negeriyang dipilih secara sah dan demokratik. Kepercayaan inilah yang menjadi asas kestabilan pentadbiran dan kelangsungan dasar-dasar pembangunan negeri yang menyeluruh dan berterusan. Amanah rakyat adalah satu tanggungjawab besar yang harus kita pikul dengan penuh keinsafan dan insya Allah akan terus ditunaikan sebaik-baiknya demi kesejahteraan bersama.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Pada hari ini, anak-anak kita di seluruh negara termasuk di negeri Pahang telah menerima keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun 2024. Alhamdulillah, tadi EXCO Kanan EXCO Pendidikan telah pun memaklumkan bahawa negeri Pahang menduduki tempat ke-3 negeri terbaik seluruh Malaysia dengan pencapaian Gred Purata Negeri 4.23 berbanding 4.36 pada tahun 2023. Seramai 16,942 calon telah menduduki peperiksaan SPM tahun 2024 dan seramai 595 calon telah memperolehi keputusan semua A dengan jumlah peratusan layak sijil 95.99%.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada daerah Bentong, Pekan, Jerantut, Lipis dan Kuantan kerana menduduki 5 tangga teratas terbaik SPM 2024 negeri Pahang.

Temerloh Tak ada. [ketawa]. Bandar Bahagia ada kan? Temerloh ada Bandar Bahagia tak? [ketawa]. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua calon khususnya anak-anak Pahang atas segala usaha ketekunan dan pengorbanan sepanjang tempoh pembelajaran mereka. Kejayaan hari ini adalah hasil titik peluh, doa ibu bapa, bimbingan guru-guru serta kesungguhan diri sendiri.

Bagi yang berjaya, teruskan langkah dengan penuh iltizam dan jangan leka dengan pencapaian itu sahaja. Gunakan keputusan ini sebagai batu loncatan untuk melakar masa depan yang lebih cemerlang.

Kepada yang mungkin tidak mencapai keputusan seperti yang diharapkan, jangan berputus asa. Setiap perjalanan hidup ada hikmahnya. Teruskan berusaha dan yakinlah bahawa kejayaan datang dalam pelbagai bentuk dan peluang sentiasa terbuka bagi mereka yang tidak mudah mengalah. Kerajaan negeriPahang akan terus komited dalam menyediakan ekosistem pendidikan yang inklusif dan menyeluruh demi masa depan generasi muda negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Pada hari Ahad yang lalu, saya telah merasmikan Kursus Perdana Haji [batuk] dan Penyampaian Inisiatif Makmur Pahang Program Barakah Haji Pahang tahun 1446 Hijrah bersamaan dengan 2025 Masihi serta melancarkan buku Himpunan Doa Arafah di Masjid Sultan Ahmad Shah Al-Haj, Pekan.

Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada EXCO Agama Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibra kerana telah berjaya membuat ataupun melaksanakan buku Himpunan Doa Arafah ini bersama-sama dengan pengarah JAIP dan yang lain-lain.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,
Pada tahun ini, seramai 1,725 jemaah haji Pahang akan turut serta bersamaan, bersama 31,600 jemaah haji Malaysia menunaikan rukun Islam yang kelima. Bagi meraikan jemaah haji ini, Kerajaan negerimenerusi program Barakah Haji Pahang telah menyalurkan wang saku berjumlah RM750.00 setiap seorang dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.66 juta sebagai tambahan perbelanjaan ketika berada di Tanah Suci.

Selain dari itu, Kerajaan negerijuga turut membekalkan pek makanan retort 'Juadah Makmur' untuk mereka melepaskan rindu dengan masakan Malaysia serta buku Himpunan Doa Arafah yang saya nyatakan tadi. Semua ini merupakan usaha Kerajaan negeridalam meraikan jemaah-jemaah haji yang akan ke Tanah Suci nanti.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua bakal-bakal jemaah haji dari negeri Pahang yang telah terpilih untuk menjadi tetamu Allah SWT pada tahun ini. Perjalanan suci ini adalah satu anugerah besar kepada Allah SWT, daripada Allah SWT dan saya mendoakan agar segala urusan para jemaah dipermudahkan dan ibadah haji diterima sebagai haji yang mabrur.

Insya-Allah, Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua, saya bersama keluarga akan turut serta suci bagi mengerjakan ibadah haji pada kali ini.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Alhamdulillah.

(ADUN JELAI - N.02)
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Di kesempatan ini, saya menyusun sepuluh jari mohon ampun dan maaf kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya terdapat keterlanjuran dalam tutur bicara atau terkhilaf dalam perbuatan yang menyinggung perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut sama ke Tanah Suci, saya berharap kita akan dapat bertemu disana nanti, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Setakat ini sajalah ucapan penangguhan saya pada persidangan kali ini. Saya lagi sekali merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker serta Yang Berhormat Timbalan Speaker atas kepemimpinan cemerlang sepanjang perjalanan mesyuarat kita pada kali ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas keterlibatan aktif dan perbahasan yang konstruktif yang telah memberikan nilai tambah kepada setiap perbincangan dalam dewan ini. Penghargaan saya turut tujukan kepada Setiausaha Dewan Negeri serta seluruh kakitangan di bawah pentadbiran beliau. Begitu juga kepada pegawai dan kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang yang telah berusaha memastikan kelancaran perjalanan persidangan ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ketua-ketua Jabatan Kerajaan negeridan Persekutuan serta Agensi-agensi Kerajaan yang telah menyediakan segala butiran dan data yang diperlukan bagi membantu Kerajaan negerimenjawab segala pertanyaan-pertanyan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ucapan terima kasih juga saya panjangkan, panjangkan kepada anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Petugas Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Kerja Raya, Majlis Bandaraya Kuantan serta semua pihak yang telah menyumbang kepada kelancaran dan keselamatan sepanjang persidangan ini berlangsung.

Tidak. Tidak dilupakan juga penghargaan kepada petugas media yang telah memberikan liputan menyeluruh dan berterusan sepanjang persidangan ini yang menjadi jambatan komunikasi antara Dewan dengan rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,
Insya-Allah kita akan bertemu kembali dalam persidangan yang akan datang dengan semangat yang sama dan iltizam yang lebih teguh untuk terus membela kepentingan diri, kepentingan rakyat dan memacu kemajuan negeri tercinta ini. Saya mendoakan agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat selamat kembali ke kawasan masing-masing dan meneruskan amanah serta tanggungjawab yang telah diberikan oleh rakyat dengan penuh keikhlasan, integriti dan dedikasi.

Memandangkan kita masih lagi dalam bulan Syawal, saya mengambil kesempatan lagi sekali mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin. Semoga Allah SWT sentiasa merahmati, mempermudah dan memberkati segala usaha kita dalam memberikan khidmat bakti terbaik kepada rakyat dan negeri Pahang yang tercinta ini.

Pucuk pauh delima batu,
Anak sembilang di tapak tangan,
Sidang ditangguh penuh restu,
Amanah rakyat terus dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

(ADUN BENTA - N.05)
YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya mohon menyokong cadangan yang di anjurkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Sri, terima kasih.

YB SPEAKER DEWAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Alhamdulillah, kita dah sampai ke penghujung persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-4 Dewan Negeri Ke-15. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan kerjasama, sokongan, komitmen yang amat tinggi kepada saya dan Timbalan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Adat perbahasan dalam Dewan, adakalanya naik, adakalanya turun. Terutamanya apabila isu-isu hangat dan sensitif dibangkitkan. Tetapi, ada juga suasana yang lebih tenang, teratur, fokus pada sesuatu persoalan yang dibawa. Ianya tidak bukan melainkan demi rakyat, kepentingan rakyat dan negeri Pahang. Apa yang lebih penting dan lebih mustahak ialah sikap saling hormat menghormati, menghargai, memahami dan meletakkan Dewan Yang Mulia ini di landasan yang betul dan penuh integriti. Syabas saya ucapkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Dua hari lagi, Pilihan Raya Kecil Ayer Kuning akan berlangsung. Saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan turut sama-sama berkempen kepada calon-calon untuk menja, untuk menjaga tatasusila dan bertindak lebih tenang. Marilah kita sama-sama menjaga, membawa imej negeri Pahang yang baik kerana banyak mata-mata yang memandang dari segi pelbagai sudut. Marilah kita sama-sama mengangkat martabat demokrasi dan meraikan dengan mengamalkan kempen yang sihat, beretika dan berasaskan fakta.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya juga ingin memaklumkan kepada semua bahawa pada tahun ini, Malaysia telah dipilih menjadi tuan rumah kepada kemuncak Persidangan Asian dan negeri Pahang telah terpilih dan akan menjadi penganjur bersama Parlimen sempena *The Meeting of Asian Inter Parliamentary Assembly* (AIPA) pada 9 hingga 12 Jun 2025 bertempat di The Zenith Hotel, Kuantan. Pelaksanaan program selaras dengan ke pengerusian Asian oleh Malaysia dan penggiliran Parlimen Malaysia sebagai Presiden AIPA pada tahun 2025. Selain negeri Pahang, dua negeri yang telah terpilih ialah Sarawak, 21 hingga 24 April 2025, Meeting of Women Parliamentarians (WAIPA) dan Selangor, 26, hingga 29 Mei 2025 Meeting of Young Parliamentarians (WPA). Bagi negeri Pahang persidangan berfokuskan kepada Majlis Penasihat Bahaya Dadah, Advisory Council on Drugs Dangerous Drugs (AIPACODD). Persidangan ini akan disertai delegasi daripada 10 negara anggota ASEAN iaitu Brunei, Cambodia, Indonesia, Loas Demokratik People Republik, Malaysia, Myanmar, Philippines, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Selain daripada penganjuran persidangan tersebut, ianya juga akan memberi ruang dan peluang untuk mempromosikan keunikan serta kelebihan negeri Pahang melalui program-program yang telah dianjurkan sepanjang tempoh persidangan berlangsung seperti majlis makan malam melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Promosi menu masakan kuih tradisional Pahang dan persembahan kebudayaan. Lawatan ke Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan dan

Perkampungan Kraf Diraja, Tunku Azizah Pulau Keladi, Pekan. InsyaAllah saya akan memanjangkan jemputan kepada yang Ahli-ahli Yang Berhormat semua untuk turut serta dalam persidangan tersebut terutama semasa majlis makan malam.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat kembali ke kawasan masing-masing dengan selamat dan dapat melaksanakan amanah yang telah ditetapkan dan dipertanggungjawabkan sepenuh hati. Kita sebagai Ahli Yang Berhormat sewajarnya menjunjung titah dan mencontohi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang sentiasa turun ke padang bersama-sama dengan rakyat di kala susah dan senang. Sebagai pemimpin yang diamanahkan, tugas kita bukan sekadar mendengar tetapi memahami, bahkan bukan sekadar berkata tetapi melaksanakan. Bukan sekadar memimpin tetapi bersama-sama merasai denyut nadi rakyat. Hanya dengan keikhlasan, kesungguhan dan usaha kita mampu menjayakan impian rakyat menjadi satu kenyataan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ketua-ketua jabatan Negeri dan Persekutuan dan semua pihak yang terlibat yang memberikan kerjasama yang tinggi di dalam menjayakan persidangan kali ini. Akhir Kalam, selamat berkhidmat saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bukan sekadar Yang Berhormat tetapi yang berkhidmat untuk negeri dan rakyat. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya, maaf, zahir dan batin. Persidangan Dewan Negeri ditangguhkan pada jam 3.21 petang. Assalamualaikum WBT. Persidangan negeri ditangguhkan.

[Persidangan ditangguhkan]

DEWAN NEGERI PAHANG
TINGKAT 1, BLOK A,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG,
WISMA SRI PAHANG,
25503 KUANTAN, PAHANG.
TEL: 09-5126623
FAKS: 09-5161443
E-MEL: dun@pahang.gov.my